Penyata Rasmi

PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

Pada

9 OGOS HINGGA 19 OGOS 2018

Disediakan oleh

PEJABAT DEWAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI PERTAMA, KHAMIS, 9 OGOS 2018	
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor	6
4.	Penangguhan.	8
	HARI KEDUA, AHAD, 12 OGOS 2018	
1.	Kehadiran.	9
2.	Doa.	14
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	14
4.	Menjalankan Kerja Mengangkat Sumpah Ahli Dewan Negeri	14
5.	Pembentangan Kertas Mesyuarat	15
6.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	15
7.	Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor	31
8.	Penangguhan.	76
	HARI KETIGA, ISNIN, 13 OGOS 2018	
1.	Kehadiran.	77
2.	Doa.	82
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	82
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor	96
6.	Penangguhan.	141
	HARI KEEMPAT, SELASA, 14 OGOS 2018	
1.	Kehadiran.	142
2.	Doa.	147
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	147
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	147
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor	168
6.	Penangguhan.	206
	HARI KELIMA, RABU, 15 OGOS 2018	
1.	Kehadiran.	207
2.	Doa.	212
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	212
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	212
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor	230
6.	Penangguhan.	248
	HARI KEENAM, KHAMIS, 16 OGOS 2018	
1.	Kehadiran.	249
2.	Doa.	254
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	254
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	254
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor	272

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
6.	Penangguhan.	320

HARI KETUJUH, AHAD, 19 OGOS 2018

1.	Kehadiran.	321
2.	Doa.	326
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	326
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	326
5.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	344
6.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor	344
7.	Penubuhan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor	364
8.	Penubuhan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri Johor	365
9.	Penubuhan Jawatankuasa Kira-Kira Raya	365
10.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2018	366
11.	Penangguhan	369
12.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	370

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI PERTAMA	KHAMIS, 09 OGOS 2018	BIL. 2 TAHUN 14

HADIR
YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor
Dato' Haji Osman bin Sapian
(Kempas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi
Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian
Tuan Dr. Sahruddin bin Jamal
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif

Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin
(Gambir)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10.30 pagi.

Persidangan di tangguhkan pada jam 9.30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10.30 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sukacita saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

DYMM Tuanku Sultan Johor : Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh. Bismillahhirrahmaannirrahim.

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam, kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia Rasul, serta keluarga, dan para sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas pada pagi yang berbahagia ini.

Saudara saudari sekalian,

Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas ini melakar satu sejarah kerana buat pertama kalinya telah berlaku perubahan yang menyeluruh kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri apabila majoriti Ahli Dewan di sini mewakili parti gabungan Pakatan Harapan.

Suka saya tegaskan bahawa perubahan ini bukan bermakna wujudnya satu kerajaan yang baharu tetapi hanyalah barisan kepimpinan yang baharu atau 'ruling government' yang mentadbir kerajaan Johor dengan asas tujuan yang kekal sama iaitu menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat Johor. Oleh yang demikian, mana-mana program yang baik yang telah dibuat oleh pentadbiran dahulu perlulah dikekalkan atau ditambah baik, bukannya terus dihentikan.

Saudara saudari sekalian,

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Johor. Suka saya ingatkan bahawa jawatan yang diberikan itu mempunyai tanggungjawab yang besar dan mesti dipikul dengan jujur dan amanah. Setiap program yang hendak dibuat haruslah di bincang dulu dengan semua pihak yang terlibat bagi menghasilkan satu pelan tindakan yang dipersetujui bersama. Fikirkan tentang kesan jangka panjang dan implikasi kewangan yang terlibat bukan hanya untuk meraih sokongan politik.

Setiap Ahli Dewan juga hendaklah bersikap terbuka dan mendengar pendapat orang lain, bukannya terus menolak segala cadangan yang tidak selari dengan kehendak politik atau kepentingan diri sendiri. Suka juga saya ingatkan kepada semua Ahli Dewan supaya menjaga adab dan tatatertib ketika berada dan berbahas di dalam Dewan ini. Saya tidak mahu Dewan ini dijadikan seperti 'sarkas'. Saya harap Speaker Dewan Negeri akan menjalankan tugasnya dengan cekap dan tegas bagi memastikan perbahasan dibuat dengan berhemah dan teratur. Sekiranya ada Ahli-Ahli yang bertindak melampaui batas dan melanggar Peraturan yang telah ditetapkan, maka arahkan mereka supaya keluar daripada Dewan ini.

Saudara saudari sekalian,

Sebagai Raja yang memerintah, saya juga memegang amanah dan bertanggungjawab terhadap kepentingan negeri Johor dan rakyatnya, Bangsa Johor. Saya akan sentiasa memantau kerajaan saya dan memberikan nasihat serta pandangan kepada Menteri Besar dan kerajaan pimpinannya. Perkara utama yang suka saya tekankan adalah tentang pengurusan kewangan kerajaan yang cekap dan berhemah. Suka saya ingatkan supaya kerajaan mengawal perbelanjaan agar tidak melebihi hasil pendapatan yang diterima.

Kerajaan mestilah berusaha untuk mencapai lebihan hasil atau 'surplus' supaya mempunyai rizab simpanan untuk masa hadapan. Kerajaan negeri juga perlu berusaha untuk mendapatkan peruntukan kewangan daripada kerajaan persekutuan bagi mengurangkan beban kewangan negeri. Kerajaan juga hendaklah mengekalkan prestasi kemajuan ekonomi negeri yang tinggi dengan menggalakkan pelaburan yang berterusan dari dalam dan luar negara bagi menggalakkan lebih banyak pelabur untuk datang ke negeri Johor, kerajaan perlu menyediakan infrastruktur awam yang baik, dasar yang konsisten, dan insentif yang menarik.

Saya menyeru kepada kerajaan supaya mengukuhkan sistem pentadbiran tanah dan kerajaan tempatan supaya selari dengan pembangunan ekonomi di negeri Johor. Pengurusan alam sekitar, sumber air dan hutan, perlu juga diberi perhatian yang serius bagi menjamin kesejahteraan hidup yang berkekalan untuk generasi anak cucu kita pada masa hadapan.

Suka saya ingatkan kepada semua kakitangan dan jentera pentadbiran kerajaan supaya sentiasa menjaga imej yang baik dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang dengan penuh dedikasi dan integriti. Saya juga ingin mengingatkan kerajaan supaya berhati-hati apabila membuat keputusan dan tidak terpengaruh dengan kata-kata atau desakan orang luar yang tidak tahu tentang sejarah dan cara pentadbiran negeri Johor.

Baca dan fahami setiap perkara yang terkandung di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, yang telah menjadi asas kepada pembentukan dan kemajuan negeri Johor sehingga ke hari ini.

Saudara saudari sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan dan pemimpin yang lepas yang telah mencurahkan bakti kepada negeri Johor. Untuk Ahli-Ahli Dewan di sini dan barisan pemimpin kerajaan yang baharu, suka saya ingin mengucapkan selamat maju jaya dan berkhidmatlah dengan ikhlas demi untuk kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat Johor.

Saya berdoa ke hadrat Allah SWT, semoga negeri Johor akan terus maju membangun, kekal aman dan makmur, dan rakyat dapat hidup dengan sempurna dan sejahtera.

Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Penggal Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA.
(Mufti Negeri Johor membaca doa).

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan Majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari Ahad, 12 Ogos 2018 jam 9.30 pagi. Insya-Allah.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KEDUA	AHAD, 12 OGOS 2018	BIL. 2 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor
Dato' Haji Osman bin Haji Sapian
(Kempas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi
Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan
Tuan Dr. S. Ramakrishnan
(Bekok)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian
Tuan Dr. Sahruddin bin Jamal
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif
Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Tuan Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan S. Gopalakrishnan
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin
(Gambir)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tuan Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER

YB Speaker : (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya sempurnalah sudah Majlis Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari Khamis, 9 Ogos 2018.

Dengan ini, Ahli-Ahli Dewan Negeri merafak sembah ucapan setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Dewan yang mulia ini, bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Simpang Jeram merangkap Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah dianugerahkan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk oleh Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang pada 14 Julai 2018 sempena Ulang Tahun Yang Ke-80 Yang DiPertua Negeri. Tahniah, Yang Berhormat Datuk Salahuddin bin Ayub.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Datuk Hajah Sabariah binti Ahmad, yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Jorak mulai 22 April 1982 hingga 21 Julai 1986 dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mulai 3 Ogos 1986 hingga 9 Disember 1999 telah kembali ke rahmatullah pada 19 April 2018.

Dukacita juga dimaklumkan bahawa, Yang Berhormat Tuan Haji Muntaha bin Kailan, ini cikgu sayalah ini, yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Parit Raja mulai 21 Oktober 1990 hingga 10 November 1999 telah kembali ke rahmatullah pada 17 Mei 2018.

Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarhamah Datuk Hajah Sabariah binti Ahmad dan Allahyarham Tuan Haji Muntaha bin Kailan dan marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh Allahyarhamah dan Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan bagi yang Islam marilah kita sama-sama menyedekahkan Al-Fatihah dan bukan Islam kita bertafakur sebentar. Al-Fatihah. (Berdiri).

Jurutulis : MENJALANKAN KERJA MENGANGKAT SUMPAH AHLI DEWAN NEGERI

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan menjalankan kerja mengangkat sumpah Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Kukup.

Jurutulis : Dijemput Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Yusof.

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Bismillahirahmaanirrahim. Wallahi Wabillahi Watallahi. Bahawa adalah saya, Md. Othman bin Haji Yusof yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* bagi negeri Johor dengan sesungguhnya berikrar dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Ahli Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* yang tersebut itu. Dan, saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Barang ditolongi Allah akan saya. Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 12 hingga 14 Bagi Tahun 2018.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bagi pihak YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2018.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2018 dan bagi pihak YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 17 dan 18 Tahun 2018.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

YB Speaker : Sebelum masuk ke soalan lisan ni, saya jemput jurugambar yang ada permintaan untuk masuk ke Dewan ini lebih kurang 5 minit untuk ambil gambar kita semua. Dipersilakan, tapi majlis kita terus berjalan ya.

Saya teruskan Yang Berhormat Tangkak dijemput untuk soalan lisan.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Tuan Speaker, selamat pagi. Soalan saya nombor 1.

Sejauh manakah janji-janji dalam Manifesto Kerajaan Negeri yang telah ditunaikan dan bagi yang belum ditunai, apakah kekangan atau halangan yang dihadapi sekarang.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta kerajaan PH Johor mengemukakan 10 inisiatif baru yang telah dilaksanakan sama ada yang dinyatakan dalam Manifesto PH dalam PRU-14 atau langkah-langkah affirmatif membantu rakyat Johor.

YB Speaker : Yang Berhormat Panti, jemput.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta dinyatakan komitmen kerajaan serta mekanisme pelaksanaan bagi setiap janji manifesto 100 hari dan 5 tahun kerajaan Pakatan Harapan dalam PRU-14 yang lalu.

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera semua. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya untuk menjawab soalan ADUN Rengit, ADUN Panti dan ADUN Tangkak secara bersekali.

Alhamdulillah di dalam Dewan yang mulia ini, saya serta barisan saf kepimpinan kerajaan baru merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya, Pakatan Harapan telah berjaya mencipta sejarah membentuk kerajaan negeri yang baru buat kali pertama sejak kita mencapai kemerdekaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, Manifesto 10 Janji 100 Hari yang ditawarkan telah dikaji dengan teliti sebelum diwar-warkan bagi memenuhi kehendak rakyat.

Pada peringkat 100 hari, kerajaan negeri telah melaksanakan insentif-insentif untuk rakyat Johor. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

1. Menghadkan tempoh jawatan Menteri Besar Johor kepada 2 penggal sahaja.
   Ini sudah pun dilaksanakan. Tempoh kedua penggal adalah satu jangka masa yang matang bagi sebuah kerajaan dalam merancang dasar-dasar baharu negeri serta melaksanakan segala perancangan berdasarkan keperluan rakyat. Inisiatif ini adalah cara terbaik untuk mempastikan ketelusan pentadbiran di negeri ini sentiasa terjamin serta idea baru dalam memenuhi harapan rakyat dapat ditunaikan.

   Selepas kepimpinan itu, kesinambungan kepimpinan yang telus dan cekap dapat direncanakan oleh pemimpin Pakatan Harapan dalam mentadbir negeri, seterusnya membangun Johor sebagai negeri yang dinamik dan maju.

2. Sistem tender terbuka.
   Ini dapat membuka peluang sama rata kepada semua pihak dalam mendapatkan projek ataupun kerja-kerja kerajaan. Inisiatif ini akan dapat menjimatkan kos kerja kerana tender terbuka akan mewujudkan persaingan sihat di kalangan kontraktor-kontraktor dengan masing-masing akan menawarkan harga yang paling munasabah, logik dan bersesuaian dengan kerja yang ditawarkan. Pemilihan kontraktor tempatan yang berkaliber dapat menjana ekonomi Johor dengan memberi peluang kerjaya dengan anak muda Johor. Inisiatif ini telah bermula pada bulan Julai, melibatkan semua jabatan kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta badan berkanun negeri.

3. Penghapusan kuota menegakkan kerajaan dalam pengagihan rumah mampu milik.
   Sudah menjadi harapan semua rakyat Johor untuk memiliki rumah mampu milik. Namun demikian, di bawah pentadbiran terdahulu kita mendapati pengagihannya dilakukan secara kurang adil melalui sistem kuota menegakkan kerajaan atau KMK. Sistem ini memberikan hampir 30% daripada jumlah rumah mampu milik di sesebuah kawasan kepada ketua-ketua parti kerajaan terdahulu. Ia kemudiannya diagihkan kepada penyokong-penyokong mereka melalui sistem ini. Ini adalah suatu yang tidak adil memandangkan setiap bangsa Johor yang berkelayakan perlu diberi peluang sama rata untuk memiliki kediaman sendiri.

   Justeru itu Kerajaan Negeri yang baharu memutuskan untuk menghapuskan Sistem KMK ini. Pengagihan rumah mampu milik akan dilakukan dengan secara telus dan saksama kepada semua yang berkelayakan tanpa mengira latar belakang ideo politik mereka.

4. Diskaun 50% tunggakan sewa PPR, Projek Perumahan Rakyat.
   Kerajaan Negeri peka dengan memahami masalah rakyat Johor yang kurang berkemampuan untuk membayar tunggakan sewa rumah projek perumahan rakyat yang mereka diami. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kita telah bersetuju untuk memberikan pengecualian 50% bagi bayaran keseluruhan tunggakan sewa PPR itu. Kerajaan Negeri akan membayar secara *one-off* kepada sebanyak RM651,000.00 hanya untuk 2018 sahaja. Membabitkan sebahagian penduduk PPR yang terdiri daripada golongan miskin, miskin tegar, asnaf dan fakir serta pesakit kronik. Dianggarkan seramai 2,500 orang penyewa iaitu 30% daripada keseluruhan jumlah penyewa PPR di negeri ini akan menerima faedah daripada inisiatif ini. Diskaun 50% tunggakan sewa PPR hanya melibatkan tunggakan hingga Jun 2018. Permohonan diskaun ini dibuka sehingga bulan Ogos 2018. Pemohon bolehlah melayari portal www.erumah.gov.my untuk mendapatkan borang permohonan.

5. Pemberian air percuma 10 meter padu kepada golongan sasar.
   Melalui inisiatif ini, kerajaan negeri telah mengenal pasti seramai 229,307 golongan sasar dari kategori B40 layak menerima inisiatif ini yang akan mula dilaksanakan pada

1 September 2018. Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM22.02 juta dalam melaksanakan inisiatif ini. Insentif air percuma ini diberikan secara automatik kepada pemegang akaun SAJ Ranhill yang menerima BRIM. Penerima insentif yang menyewa boleh mendapatkan borang permohonan di Pejabat SAJ Ranhill yang berhampiran.

6. Insentif Harapan Siswa.
Ini adalah insentif bantuan kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) anak Johor sebanyak RM1,000.00 kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda, manakala bantuan RM500.00 kepada pelajar Diploma. Saya sedia maklum, inisiatif ini turut dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu, namun seperti yang saya jelaskan sebelum ini, Kerajaan Pakatan Harapan bukan sahaja akan meneruskan perkara ini, tetapi turut menambahbaikan.

Jika sebelum ini bantuan kemasukan IPT bagi Ijazah Sarjana Muda adalah RM750.00, tetapi kini Kerajaan Pakatan Harapan telah bermurah hati untuk menaikkan kepada RM1,000.00. Kerajaan juga tidak menghadkan kepada permohonan pelajar IPTA seperti kerajaan yang lepas. Pelajar Daripada IPTS terpilih juga layak memohon. Kita juga telah melonggarkan syarat permohonan dengan mengambil kira jumlah tanggungan anak-anak pemohon yang masih bersekolah ataupun belajar. Permohonan insentif ini dibuka bermula 3 Julai yang lepas iaitu 3 Julai 2018, dan pemohon boleh melayari portal www.ypj.gov.my untuk mendapatkan borang permohonan.

7. Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor.
Sebagai kerajaan yang prihatin dengan kebajikan rakyat, kerajaan negeri akan menyumbang RM1,000.00 kepada waris warga emas yang meninggal dunia dan telah berdaftar. Inisiatif ini memfokuskan bantuan kepada keluarga yang mempunyai warga emas berumur 60 tahun ke atas, dikategorikan dalam golongan D40 serta lahir atau bermastautin lebih 5 tahun di negeri Johor. Melalui inisiatif ini kerajaan negeri memperuntukkan RM560,000.00 pada tahun ini membabitkan 11,200 penerima. Majlis Pelancaran Kad ini sudah pun dilaksanakan pada 5 Ogos yang lalu di Parit Yaani, Batu Pahat. Saya sendiri yang melancarkannya. Pemohon bolehlah mendapatkan borang permohonan di Pusat Khidmat Wakil Rakyat di DUN masing-masing.

8. Pengecualian bayaran lesen penjaja Pihak Berkuasa Tempatan.
Inisiatif ini baru sahaja saya lancarkan pada malam tadi di Bazar Karat Johor Bahru. Saya mendapat *respond* amat positif daripada para peniaga di Johor Bahru malam tadi. Dalam membantu meringankan beban penjaja di negeri ini, sejumlah 21,127 penjaja daripada 16 Pihak Berkuasa Tempatan akan menerima kemudahan ini. Mengambil kira kehilangan keuntungan kepada PBT, Kerajaan negeri akan memperuntukkan sejumlah RM2.11 juta dalam bentuk Geran Kesinambungan kepada PBT bagi menampung pengurangan hasil kerajaan setelah inisiatif ini dilaksanakan.

Usaha ini bagi menggalakkan rakyat Johor untuk berniaga secara kecil-kecilan dan menampung kos sara hidup yang tinggi. Pengecualian bayaran lesen penjaja ini melibatkan aktiviti perniagaan di pasar malam, pasar pagi, penjaja bergerak serta penjaja statik. Bagaimanapun bayaran-bayaran ini tetap dikenakan seperti bayaran sewa tapak, bayaran proses permohonan lesen, caj pelupusan sampah dan sebagainya adalah dikekalkan tertakluk kepada PBT masing-masing. Tarikh perlaksanaan inisiatif ini akan bermula pada 1 September 2018.

9. Kad Sihat Johor Bagi Golongan B40.
Di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang baru ini kita juga mengambil tanggungjawab untuk mempastikan semua golongan terbela. Melalui inisiatif Kad Sihat Johor, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM1.2 juta bagi perlaksanaan skim ini. Buat permulaan kerajaan negeri menyasarkan pemberian kad sihat ini

kepada 4,000 orang penerima di bawah e-kasih. Pemberian kemudahan ini diberi secara purata bagi tempoh bermula Ogos sehingga Disember 2018 iaitu sebanyak RM250.00 bagi setiap keluarga dan caj pengurusan sebanyak RM50.00 bagi setiap kad yang dikeluarkan. Permohonan program Kad Sihat akan dibuka pada 1 September 2018 juga.

10. Insentif Kursus Perkahwinan Percuma.
Insentif ini akan diberi kepada pasangan yang akan berkahwin untuk kali pertama. Jadi, jika ada kalangan Yang Berhormat sekalian berhasrat untuk tambah cawangan lagi, tidak layak untuk mendapat insentif ini. Bantuan ini secara tidak langsung akan meringankan beban bakal pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan. Kerajaan negeri memperuntukkan RM1.44 juta bagi memanfaatkan 12,000 orang pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga dalam masa setahun. Pemohon boleh hadir ke Pejabat Kadi Daerah mula 1 September 2018 bagi memohon bantuan insentif kursus perkahwinan ini. Boleh disimpulkan di sini kerajaan negeri amat komited di dalam mempastikan setiap aku janji yang telah dinyatakan menerusi manifesto 100 hari dan 5 tahun dapat diterjemahkan dalam bentuk perlaksanaan dan dinikmati oleh Bangsa Johor. Setakat ini bagi manifesto 100 hari sebanyak 7 daripada 10 inisiatif manifesto kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan telah pun dilaksanakan.

Hanya 3 inisiatif yang telah diputuskan mekanisme perlaksanaannya oleh kerajaan negeri akan dilaksanakan pada 1 September 2018. Ini di atas kesesuaian proses perlaksanaannya. Inisiatif-inisiatif ini adalah iaitu pengecualian lesen penjaja, pemberian air percuma 10 meter padu pada kategori D40 dan bayaran kursus perkahwinan percuma berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Janji-janji yang ditunaikan ini membuktikan bahawa ia bukan cakap-cakap, omong-omong kosong sahaja. Semata-mata untuk meraih sokongan memenangi pilihan raya tetapi kami benar-benar berkhidmat untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan Bangsa Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita mempunyai satu misi dan visi yang jelas untuk mempastikan setiap keputusan yang diambil akan memberi manfaat kepada rakyat. Kami juga komited dalam menunaikan manifesto 5 tahun yang telah ditetapkan di mana kaedah perlaksanaannya sedang dirangka untuk mempastikan kesan limpahan manfaat yang berkesan.

YB Speaker : Minta maaf, minta maaf. Daripada Rengit dulu. Minta maaf, *sorry*. Dia kena dahulukan yang bertanya. Minta maaf.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya Yang Berhormat Tuan Speaker. Tapi sebelum saya mulakan soalan tambahan ini elok atau manis saya utamanya nak ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker di atas pelantikan Tuan Speaker, yang keduanya kepada Yang Amat Berhormat Kempas di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Kempas sebagai Menteri Besar dan yang ketiga kepada barisan EXCO yang baru serta kepada semua Ahli Dewan Negeri yang baru dipilih bagi penggal ke-14 ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi tapi saya tak nak bertanya soalan yang berkaitan dengan 10 peringkat janji 100 hari, yang disebut tadi 10 meter air padu percuma, Kad Sihat Johor Inisiatif, harapan untuk IPTA, kursus kahwin percuma, hapuskan kuota KMK ya. MB 2 penggal, pemberian lesen percuma, sistem tender terbuka, lesen penjaja tempatan, skim takaful dan sebagainya. Saya lebih tertarik kepada soalan yang berkaitan dengan peringkat 5 tahun yang tadi hanya disebut secara sikit sahaja oleh Yang Amat Berhormat. Saya nak ulas balik dalam peringkat 5 tahun manifesto yang diumumkan atau diwar-warkan oleh Pakatan Harapan dia ada sebut mengembalikan Biasiswa Johor, mengujudkan Universiti Johor. sediakan 200,000 peluang pekerjaan, bina 100 unit Rumah Mampu Milik Johor, Skim Sewa Beli RMJ, menyediakan tapak untuk SJKC Cina dan SKJC Tamil walaupun tak

disebutkan tapak untuk sekolah Tahfiz. Hak milik 99 tahun Kampung Melayu dan Kampung Tradisi dan Kampung Bahru memperbaiki kualiti dan rangkaian perkhidmatan dan Wilayah Koridor Baru.

Saya cuma nak soal ni yang 100 hari nampak berjalan dan kita ucap tahniah. Yang saya nak sebutkan 5 tahun punya perancangan yang dijanjikan. Antara yang saya nak sebut ialah bina 100 unit Rumah Mampu Milik Johor. 100,000, 100,000 Rumah Mampu Milik Johor. Kerajaan BN dalam pembentangan Bajet November 2017 bagi Bajet 2018 kita umumkan 100,000 unit. Pakatan Harapan dalam manifesto pada April 2018 umumkan juga 100,000 tak ada kurang satu pun BN dalam Bajet 100,000 unit, Pakatan Harapan dalam manifesto 100,000. Tak apalah benda yang baik seperti titah Tuanku jalankan, laksanakan kita akan sokong, tak ada masalah. Cuma persoalannya saya, ingat saya nak tanya kepada Yang Amat Berhormat, *figure* ini. Adakah menggunakan asas perancangan yang telah dibuat oleh BN Barisan Nasional atau ada angka baru 100,000. Kalau 100,000 campur 100,000, 200,000, ini satu kebaikan untuk rakyat Johor atau kerajaan Pakatan Harapan ini akan selaraskan, sebab kita dah siapkan lebih kurang 19,000 unit rumah pada tahun, pada Mei 2018. Itu belum masuk komitmen yang lain yang dah dipersetujui oleh GLC, yang dah dipersetujui oleh pemaju swasta kalau campur semua sekali lebih daripada 30,000. Jadi, saya nak dapatkan soalan tambahan saya ialah adakah Yang Amat Berhormat menggunakan perancangan yang dah ada atau ada *figure* baru yang dijanjikan, diuar-uarkan dalam manifesto barisan sebab kita dah siapkan lebih kurang 20,000...

YB Speaker : Saya kira jelaslah tu soalan tu.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Soalan saya itulah. Menggunakan *figure* yang dirancang oleh kerajaan Barisan Nasional atau *figure* 100,000 yang baru? Soalan saya.

YB Speaker : Walaupun panjang itu aje soalannya....

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Itu sahaja Tuan Speaker.

YB Speaker : Ok, Yang Amat Berhormat, silakan. Saya tak tahu tadi ke mana soalan. Hujung aje baru soalan. Ok, silakan.

YAB Menteri Besar : Terima kasih ADUN Rengit, sahabat lama saya. Sangat lebih kurang sama juga kedudukan, 4 penggal, 4 penggal. Cuma dia duduk sana saya duduk sini.

YB Speaker : Kuat sikit Yang Berhormat tak berapa jelas. Kuat sikit tak berapa jelas. Kuat sikit.

YAB Menteri Besar : Saya, pada awalnya sudah berkata di mana-mana sekalipun, mana yang baik kita akan teruskan. Mana yang kurang baik kita akan teruskan juga tetapi kita akan tambah baik. Serupa juga dalam soal sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, pada bulan Mei kerajaan yang lepas telah pun apa menyediakan 19,000 unit Rumah Mampu Milik. Itu tahun 2018, kita pun ambil kerajaan ini pada 2018. Bermakna dalam tempoh 5 tahun sehinggalah 2023 ya, 2023 bermakna 5 tahunlah. Pada saya tidak menjadi masalah. Yang mustahaknya, dalam tempoh 5 tahun bermula 2018, kiranya alhamdulillah mudah-mudahan kita dapat merealisasikan agar Manifesto kita 5 tahun itu untuk mendirikan rumah 100,000 rumah mampu milik saya rasa sudah menjadi satu perkara yang amat baik. Jadi, kalau ditolak 19,000, bermakna 91,000 kita akan bina pun tak apa. Jawapan saya, bermakna kesinambungan yang baik bermakna tak adalah tambahan sebagaimana yang dinyatakan tadi 100,000 campur 100,000 sedangkan Yang Berhormat tadi kata baru 19,000. Bermakna, sedangkan dalam tempoh hari ini pun selain daripada rumah mampu milik, kita juga ada menyediakan rumah-rumah PPR dan juga rumah-rumah yang agak mahal. Jadi, kalau dalam keadaan 2, 3 tahun yang akan datang ini mereka yang pada awalnya ingin membeli rumah mampu milik, alih-alih dia mempunyai keupayaan untuk membeli rumah yang lebih daripada mampu milik, kita juga akan memberikan tawaran. Tetapi *target* kita

ialah untuk kita membina sekurang-kurangnya 100,000 rumah. Ini akan kita realisasikan dan insya-Allah.

Selain daripada itu, untuk tempoh jangka masa yang 100 hari, yang pendek ini saya rasa kita sudah berkemampuan sebagaimana yang saya nyatakan tadi tentang tawaran 10 bagi 100 hari. Tidak menjadi masalah kalau tempoh 5 tahun yang akan datang ini yang masanya begitu panjang banyak perkara-perkara lain juga saya yakin dan mempunyai penuh harapan, keyakinan, kerajaan Pakatan Harapan juga akan memenuhi segala tawaran-tawaran yang telah pun tertulis di dalam Manifesto untuk kita kotakan segala janji itu. Insya-Allah. Tapi dengan satu jangan banyak sangat komen, tapi bagilah sokongan secara moral pada kita. Kadang-kadang benda belum sampai 100 hari dah banyak cakap itu, cakap ini. Kalau kita tanam pokok ubi pun nak tunggu 3 bulan baru dapat ubi dia, itu yang paling cepat. Apa entah lagi nak tanam pokok kelapa sawit tunggu juga berapa tahun, betul tak? Jadi, sabar, sabar. Terima kasih.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Kempas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, di atas jawapan yang telah dinyatakan sebentar tadi. Pertama, saya nyatakan bahawa ini adalah penggal pertama saya sebagai Wakil Rakyat dan saya, saya rasa, saya berbesar hati, pada hari pertama bersidang, soalan saya naik untuk dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang telah dinyatakan tadi ada 4 penggal, berpengalaman luas dan daripada pandangan saya, soalan yang saya akan nyatakan selepas ini saya rasa tidak ada masalah untuk beliau jawab.

Soalan tambahan saya, saya nak minta untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyatakan dalam Manifesto Pakatan Harapan untuk 5 tahun ada disebut untuk memperuntukkan 200,000 pekerjaan kepada rakyat Johor dan saya minta supaya Yang Amat Berhormat nyatakan bagaimana perkara itu dapat dilaksanakan kerana setelah mengambil alih pentadbiran, ada beberapa projek besar yang banyak menyumbang kepada peluang pekerjaan tersebut yang telah, sama ada ditangguhkan ataupun dibatalkan antaranya HSRL dan yang paling terkesan adalah satu Projek Johor Eco Park yang berada di dalam Parlimen yang sama dengan DUN saya iaitu Parlimen Tenggara di Kulai. So, saya minta untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bagaimana perkara ini dapat direalisasikan supaya ia dapat memberi kebaikan khususnya kepada penduduk-penduduk di negeri Johor dan umumnya pada semua untuk kita sama-sama membantu membangunkan Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Yang Berhormat Panti baru sepenggal ye. Tahniahlah saya ucapkan kerana dapat menjadi YB.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sebenarnya bukan sahaja merancang untuk mengadakan pekerjaan sebanyak 200,000. Itu *target* kita, mungkin lebih, mungkin lebih, kalau lebih itu bonus. Tapi kita berusaha sedaya upaya.

Kita lihat pada hari ini, banyak projek-projek mega yang sedang berjalan dengan lancar, saya mengambil contoh seperti di RAPID Pengerang. Pada peringkat fasa pertama dan akan disambung fasa kedua dan fasa ketiga, baru-baru ini saya melawat ke sana. Tempat ini sahaja memerlukan pekerjaan tidak kurang daripada 70,000. Ini tidak termasuk juga pembangunan di persekitaran Bandaraya Johor Bahru di mana pembangunan hotel 5 bintang dan juga tempat-tempat riadah seperti padang-padang golf dan juga perniagaan-perniagaan skala besar dan kecil seperti di *Forest City* dan sebagainya ini memerlukan peluang pekerjaan yang cukup banyak. Saya rasa peluang pekerjaan untuk kita mencapai

200,000 ini pun satu angka yang kecil, kita boleh lebih daripada ini, insya-Allah. Apatah lagi dalam kita merancang dan juga akan melaksanakan beberapa pendekatan yang baru untuk membangunkan negeri Johor ini contohnya dalam bidang sektor pertanian, perikanan dan sebagainya dengan cara yang moden juga akan memberikan peluang pekerjaan yang banyak kepada anak-anak bangsa Johor ini akan datang.

Selain daripada itu, sebagaimana Yang Berhormat daripada Panti nyatakan tadi projek-projek yang dihentikan seperti HSRL dan juga *Eco Park* dan sebagainya. Sebenarnya, projek ini tidak dihentikan, kita masih lagi meneliti tentang beberapa perkara seperti harga yang dahulunya diletakkan oleh kerajaan yang lalu itu terlampau tinggi. Kita memerlukan sedikit masa untuk memperhalusi dan juga membuat kajian yang terperinci. Sebagaimana yang saya katakan tadi, kalau projek yang memberikan manfaat dan impak ekonomi yang baik kepada kerajaan negeri dan juga negara, kita tidak ada masalah untuk meneruskannya tetapi perlu membuat kajian. Begitu juga projek-projek yang ada pada hari ini bukan sahaja 2 projek ini juga perlu dibuat kajian. Kadang-kadang kita tengok projek-projek yang lepas ini banyak sangat *direct nego,* semua kroni dibagi jadi yang bukan kroni duduk di luar, gigit jari sahaja. Ini tak adil. Kerajaan Pakatan Harapan adalah kerajaan yang kita menitikberatkan soal keadilan, sama rata. Jadi kita tidak berhasrat dan berniat untuk membatalkan projek tetapi kita hanya menangguhkan, berilah peluang dan masa untuk kita membuat kajian terperinci bagi kalau benda yang bagus kita akan laksanakan dengan sebaik mungkin untuk manfaat rakyat dan juga negeri. Terima kasih.

YB Speaker : Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pimpinan EXCO Pakatan Harapan yang baru ini, yang menerajui kerajaan negeri Johor.

Soalan saya, adalah berkenaan dengan Menteri Besar, jawatan Menteri Besar untuk 2 penggal, yang dihadkan untuk 2 penggal. Jementah ingin mengetahui sama adakah kerajaan dan pimpinan EXCO akan mengadakan satu pemindaan terhadap Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor untuk masukkan satu *clause* atau...

YB Speaker : Yang Berhormat, pandang saya, bukan pandang sana.
YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Maaf. Untuk memasukkan satu *clause* dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor untuk mengehadkan jawatan Menteri Besar tidak lebih daripada 2 penggal seperti yang dinyatakan dalam Manifesto Pakatan Harapan pada pilihan raya yang baru diadakan ini. Saya mohon satu penjelasan. Terima kasih.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Sebenarnya, dalam soal selama mana seseorang Menteri Besar itu atau calon Menteri Besar yang akan datang ini untuk dihadkan tidak ada tertulis di dalam Perlembagaan. Boleh jadi 4 penggal, 5 penggal ataupun lebih daripada itu selagi bukan sahaja yang mempunyai diri itu mampu untuk memikul segala tanggungjawab yang agak berat tetapi juga parti memberikan kesediaan kepada seseorang calon itu sama ada layak atau tidak. Itu sebab kita tidak mahu melihat kalau seseorang itu memegang lebih daripada 2 penggal mungkin banyak perkara-perkara seperti bukan sahaja dari segi kemampuan fizikal dia, kerana kerja sebagai seorang Menteri Besar ini 24 jam 1 hari, 7 hari 1 minggu, 30 hari 1 bulan, memikirkan berbagai-bagai bukan sahaja dalam soal nak merealisasikan 100,000 rumah RMMJ, nak menjaga kewangan, nak menjaga macam-macam. Jadi, mungkin kalau lebih daripada 2 penggal secara fizikalnya juga pemikiran kurang mampu...

YB Speaker : Kalau sihat, Yang Amat Berhormat?

YAB Menteri Besar : Kalau sihat, saya rasa itu sebablah kerajaan Pakatan Harapan memikirkan daripada berbagai-bagai penjuru dalam soal kita ni sebagai seorang manusia, kemampuan diri kita.

Yang keduanya, bukan sahaja itu, mungkin kalau terlampau lama sangat banyak elemen-elemen yang boleh memudaratkan negara, rasuahlah, itulah, ini, macam-macam, sebab dah tepu duduk kat situ barangkali. Jadi, itu sebab kerajaan Pakatan Harapan ini sebelum membuat manifesto seperti ini memikirkan, saya rasa Yang Berbahagia Tuan Speaker pun sama-sama dulu membuat manifesto ini, dalam *committee*. Jadi, berbagai-bagai pemikiran yang realistik kita tumpukan dalam soal-soal untuk membentuk manifesto ini.

Saya rasa, kalau umpamanya untuk diubah, kurang daripada 2 penggal dan sebagainya itu terpulanglah kepada Dewan. Kalau betul nak diubahkan menjadikan satu Undang-Undang, itu kena bawa dalam Dewan nak dihadkan 2 penggal ke atau tak melebihi 5 penggal ke ataupun lebih daripada itu terpulang kepada Dewan. Jadi, itu jawapan saya. Terima kasih.

YB Speaker : Bukit Permai.

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Terima kasih YB Tuan Speaker. Yang pertama, saya ingin nak mengucapkan tahniah kerana kerajaan telah mengadakan sistem tender terbuka untuk semua tender-tender. Saya cuma nak menarik perhatian kepada Dewan.

YB Speaker : *Mic* tu...

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Terima kasih Tuan Speaker.

YB Speaker : *Mic* yang depan tu tak boleh pakai Yang Berhormat?

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Ini Senai punya, saya tak mahu kacau orang punya. Pertama-tama, saya nak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengadakan satu sistem tender terbuka. Apa yang lebih penting di sini ialah yang pertama, saya nak mengatakan bahawa sistem tender terbuka ini juga akan gagal mencapai matlamatnya.
Saya nak mengusulkan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Speaker, supaya mana-mana tender sama ada tender itu dibuat oleh kerajaan negeri, pada jabatan-jabatan seperti JKR ataupun semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, supaya jangan ada satu sistem konsesi dia bagi.

YB Speaker : Soalannya apa Yang Berhormat?

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Kalau boleh, sistem tender terbuka ini dipastikan, supaya semua sistem tender terbuka ini jangan ada kerja-kerja tender ini dia bagi kepada konsesi-konsesi yang berkenaan dalam semua jabatan kerajaan ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Ini cadangan saya kepada Dewan Negeri.

YB Speaker : Soalannya?

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Soalannya, supaya jangan ada sistem konsesi dia bagi...

YB Speaker : Itu pernyataan, soalan dia apa?

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Soalan dia, adakah sekarang ini sistem konsesi ini diadakan...

YB Speaker : Haa itu dia soalan.

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Dalam mana-mana kita punya tender terbuka kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih Tuan Speaker.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Permai. Orang lama pernah duduk dalam Dewan, 20 tahun dulu, hari ini balik semula ke dalam Dewan. Tahniah Yang Berhormat Bukit Permai.

Saya ingin menjelaskan di sini sistem tender terbuka ini bukan hanya dilaksanakan di negeri Johor dan juga kepada PBT serta GLC-GLC, *Government Link Company* di Johor ini, tetapi juga akan dilaksanakan dan juga sudah pun dilaksanakan di peringkat Persekutuan juga. Bermakna ini juga manifesto yang tercatit untuk 5 tahun kerajaan Pakatan Harapan di peringkat negeri dan juga persekutuan.

Berkenaan dengan tender yang dinyatakan oleh YB Bukit Permai tadi tidak diberikan kepada konsesi. Sebenarnya dalam perjanjian-perjanjian konsesi yang lepas yang dibuat oleh kerajaan lalu, memang di sini juga walaupun dipegang oleh satu-satu syarikat tetapi di bawah konsesi, syarikat konsesi ini juga dia mengadakan juga tender-tender di bawahannya untuk kerja-kerja kecil dan sebagainya. Tetapi sebagaimana yang diinginkan oleh Yang Berhormat Bukit Permai tadi, kerajaan sedia menimbang dan juga mengkaji supaya kerja-kerja tidak hanya diberikan kepada sesebuah syarikat yang besar untuk monopoli sesuatu kerja. Mungkin sama ada besar dan kecil juga, kita akan membuka secara tender kerja-kerja itu dan kita lihat balik untuk buat kajian, kalau ada perjanjian kepada syarikat konsesi ini yang masih lagi, masih lagi *valid*, dia akan teruskan, tetapi kalau sudah sampai masanya untuk tamat, maka selepas tamat nanti. Kita kerajaan negeri akan membuat kajian dan melihat sejauh manakah keberkesanan dan juga impak sama ada lebih yang baik atau lebih yang buruk, maka yang baiklah kita akan menggunakan cara itu untuk di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Bukit Permai mengucapkan terima kasih Tuan Speaker. Janji kerajaan.

YB Speaker : Saya kira selesai soalan ini, saya teruskan kepada soalan yang seterusnya Yang Berhormat Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4, terima kasih.

Sejauh manakah janji-janji dalam Manifesto Kerajaan Negeri yang telah ditunaikan dan bagi yang belum ditunai, apakah kekangan atau halangan yang dihadapi sekarang.

YB Speaker : Yang Berhormat Serom, jemput.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Apakah status terkini tawaran skim sewa & milik untuk perumahan mampu milik untuk rakyat negeri Johor?

YB Speaker : Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon untuk menjawab soalan YB Stulang dan YB Serom secara bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat pada ucapan bajet tahun 2017, kerajaan negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk membeli projek-projek perumahan bagi

tujuan ditawarkan kepada mereka yang layak melalui skim sewabeli. Program tersebut diteruskan menerusi ucapan bajet tahun 2018 oleh Yang Amat Berhormat Mantan Menteri Besar Johor, dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM30 juta dan ditawarkan kepada kumpulan sasaran melalui Skim Sewabeli Jauhar Prihatin.

Majlis Mesyuarat Johor melalui di mesyuaratnya pada 30 Ogos 2017 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bilangan Perkara-Perkara Lain iaitu kertas bilangan 2 dalam fail SUKJ.SSJ.202/1/28 dan telah mengambil keputusan iaitu di bawah perkara 59.4.3, "Majlis seterusnya bersetuju supaya senarai hartanah seperti di Lampiran 2 dimasukkan ke dalam Program Jauhar Prihatin yang akan dilancarkan semasa Ekspo Johor Berkemajuan. Senarai hartanah sebagaimana di Lampiran 2 yang saya sebutkan tadi adalah meliputi 20 lokasi dengan jumlah hartanah kediaman sebanyak 3,207 unit.

Program skim sewabeli di bawah Jauhar Prihatin ini seterusnya dilancarkan oleh Mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 13 Oktober 2017 di Program Ekspo Johor Berkemajuan 2017 bertempat di Kota Iskandar Johor. Syarikat Generasi Takzim Sdn. Bhd. ialah anak syarikat kerajaan negeri di bawah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor yang telah diberikan mandat oleh Yang Amat Berhormat Mantan Menteri Besar Johor untuk menjadi pelaksana bagi mengendalikan Program Jauhar Prihatin ini.

Melalui skim ini, setiap peserta yang layak memiliki rumah dengan kaedah-kaedah sewabeli bagi tempoh maksimum 5 tahun. Bayaran sewa bulanan pula dibahagikan kepada 3 kategori dan sebahagian bayaran tersebut adalah bagi tujuan simpanan yang akan diperoleh kembali apabila tamat tempoh penyewaan di antara 2 hingga 5 tahun. Simpanan tersebut boleh digunakan oleh peserta sebagai bayaran pendahuluan harga rumah untuk tujuan pembelian rumah tersebut selepas tamat tempoh penyewaan. Selepas tamat tempoh penyewaan antara 2 hingga 5 tahun, peserta akan ditawarkan perjanjian jual beli bagi membeli hartanah tersebut dan perlu mendapatkan sumber kewangan lain bagi menjelaskan baki harga rumah tersebut.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dikehendaki untuk memperincikan semula jumlah rumah yang akan dimasukkan ke dalam program ini dan ianya boleh ditambah dan dari semasa ke semasa tertakluk kepada pertimbangan selaras dengan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini sejumlah 13,882 unit rumah telah dijadikan projek di bawah skim sewabeli. Walau bagaimanapun terdapat 8,459 unit projek sewabeli adalah di bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan dan 5,423 unit adalah di bawah seliaan Generasi Takzim Sdn. Bhd. Senarai projek di bawah seliaan SUK Perumahan terletak di 56 lokasi yang meliputi jumlah 8,459 unit hartanah kediaman dengan 7,746 unit telah diisi dan masih berbaki 713 unit. Senarai projek di bawah seliaan Generasi Takzim Sdn. Bhd. pula adalah meliputi 19 lokasi yang meliputi jumlah keseluruhan 5,423 unit hartanah kediaman dan bilangan pemohon setakat ini 1,788 orang kerana sebahagian daripada projek perumahan tersebut masih belum dibuka untuk skim sewabeli. Itu sahaja Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ok, Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, tahniah kepada pihak kerajaan kerana masih meneruskan skim rumah sewabeli ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, sekiranya apakah cara, cara atau kaedah yang akan diambil oleh kerajaan sekiranya rumah-rumah sewabeli ini sebagai satu skim keistimewaan kepada rakyat Johor, rumah-rumah tersebut disewakan? Dan sekira, bagaimana cara nak mengenal pasti supaya perkara tersebut dapat dielakkan dan sekiranya terdapat juga rumah-rumah tersebut disewakan, apakah tindakan yang kerajaan ambil terhadap mereka-mereka yang mendapat skim sewabeli ini kepada rumah mereka disewa? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Benut. Untuk skim sewabeli di bawah Jauhar Prihatin di bawah KPRJ, sepanjang tempoh 2 ke 5 tahun itu adalah dalam bentuk perjanjian sewaan. Dan, di dalam syarat-syarat sewaan tersebut akan nyatakan bahawa rumah tersebut tidak boleh disewakan kepada mana-mana penyewa lain sama ada penduduk tempatan, lagi-lagi daripada penduduk luar negara. Dan sekiranya ini berlaku, amaran akan diberikan kepada mereka, sehinggalah tahap kita boleh mengeluarkan mereka daripada skim sewabeli ini sebagai penyewa untuk tempoh 5 tahun pertama daripada meneruskan skim sewabeli untuk ditukar kepada perjanjian jual beli selepas daripada tempoh 5 tahun sewaan tersebut.

YB Speaker : Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Ya. Terima kasih Yang Berhormat dengan jawapan yang diberikan. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menolong rakyat yang memerlukan. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, untuk rumah sewabeli ini, skim sewabeli ini kebanyakan rumah adalah rumah yang lebih murah untuk golongan yang kurang berkemampuan. Adakah kerajaan berhasrat untuk memperluaskan skim sewabeli ini dengan kerjasama dengan syarikat-syarikat perumahan persendirian untuk rumah yang...

YB Speaker : Yang Berhormat, tanya tu saya. Tanya saya, tanya Speaker, bukan tanya EXCO tu. Hala kepada saya soalan tu.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : ... untuk. Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk memperluaskan skim rumah sewabeli ini dengan bekerjasama dengan pihak swasta untuk rumah-rumah yang mungkin memberi harga mungkin RM100,000.00 ke, RM100,000.00 ke RM150,000.00 ataupun kurang daripada RM200,000.00, supaya mereka yang golongan pertengahan juga boleh, golongan pertengahan yang tidak boleh memiliki rumah mampu milik ataupun rumah sewa, tidak layak untuk sewabeli, boleh mendapatkan skim sewabeli ini dengan pihak swasta. Terima kasih.

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih kepada YB Stulang di atas soalan tambahan. Memang menjadi hasrat kepada kerajaan negeri untuk memperluaskan skim sewabeli tetapi sekarang ini dia ada peringkat dengan izin, *infant stage*. Kita hanya memberikan penumpuan kepada senarai hartanah yang disenaraikan di bawah Jauhar Prihatin sahaja yang diperakukan di bawah skim sewabeli. Adalah menjadi harapan kita suatu hari nanti insya-Allah, mana-mana hartanah yang dipilih oleh rakyat negeri Johor boleh dimasukkan di bawah skim Jauhar Prihatin ini.

Yang kedua tentang penglibatan sektor swasta. Memang menjadi harapan kepada kerajaan, untuk memperluaskan skim sewabeli ini, melibatkan kerjasama dengan pihak pemaju. Tetapi kebiasaannya kekangan kepada pihak pemaju adalah dari segi kekuatan ekonomi kewangan mereka. Sebab skim ini tempoh dalam 2 ke 5 tahun, pulangan yang mereka akan dapat adalah dalam bentuk sewaan, berbanding kalau proses biasa mereka terus mendapat harga rumah tersebut dan ini akan dapat memperbaiki aliran tunai kepada syarikat pemaju perumahan tersebut. Mana-mana syarikat pemaju yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, kita pihak kerajaan sangat mengalu-alukan untuk turut serta dalam skim sewabeli ini bagi kita membantu rakyat khususnya yang menghadapi masalah kekuatan kewangan untuk memperolehi pinjaman daripada institusi kewangan. Kerana salah satu daripada tujuan skim sewabeli ini diwujudkan adalah untuk memberikan jalan alternatif kepada mereka yang gagal untuk mendapatkan kewangan ataupun pinjaman daripada syarikat kewangan komersil dan juga dalam masa yang sama, satu kaedah simpanan bagaimana 10% deposit itu boleh diadakan. Kerana kadangkala menyediakan 10% deposit ini juga merupakan satu cabaran kepada pembeli-pembeli rumah khususnya di kalangan mereka yang baru masuk dalam kerjaya pekerjaan. Dan, skim ini sebenarnya juga

boleh mencapai matlamat untuk menyediakan simpanan untuk menyediakan 10% deposit yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ok, soalan seterusnya saya cuma ingin maklumkan bahawa setiap soalan lisan ini diikuti oleh soalan tambahan, saya akan beri peluang kepada yang menyoal itu dulu, yang soalannya yang naik itu yang akan diberi ruang untuk mengemukakan soalan tambahan, *priority* kepada mereka. Selepas itu kita bagi kepada yang lainlah. Itu satu peringatan saja ya. Seterusnya Yang Berhormat Semarang, jemput.

YB Datuk Haji Samsolbari Bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 6.

Mohon nyatakan apakah rancangan kerajaan negeri dan bilakah akan dijalankan usaha membanteras aktiviti judi haram di semua premis di negeri Johor yang menjadi salah satu masalah sosial di negeri ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Perling.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan 7.

Mesin Kuda masih lagi satu isu yang serius, setakat ini, apakah status untuk tindakan yang telah dijalankan untuk membanteras aktiviti ini.

YB Speaker : Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Soalan saya nombor 8.

Mohon nyatakan apakah rancangan kerajaan negeri dan bilakah akan dijalankan usaha membanteras aktiviti judi haram di semua premis di negeri Johor yang menjadi salah satu masalah sosial di negeri ini.

YB Speaker : Sila Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam sejahtera, salam harapan saya ucapkan. Saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Semarang, Yang Berhormat Perling dan Yang Berhormat Pekan Nenas secara bersekali. Ini merupakan kali pertama saya memberi jawapan di sini. Sebelum ni dah biasa bertanya di sebelah sana. Jadi kalau ada apa-apa...

YB Speaker : Jangan kekok pulak. Sekarang sudah jadi kerajaan. (Dewan ketawa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Kalau ada apa-apa yang kurang, mungkin harap Yang Berhormat Tuan speaker boleh memberi tunjuk ajar dan nasihat. (Dewan Ketawa).

Yang Berhormat Tuan Speaker, perjudian yang kian menular dan membimbangkan di negeri ini malah sebenarnya di peringkat nasional dapat dirujuk sebagai masalah disiplin sosial dalam kalangan masyarakat sehingga menjadi ranting jaringan jenayah dengan turut merangkumkan anasir seperti gengsterisme, dadah, pelacuran dan nombor ekor pasaran gelap. Jenayah yang bertapak sejak hampir dua dekad yang lalu telah berubah bentuk pendekatannya. Daripada sekadar mesin kuda, kini telah berselindung di sebalik capaian teknologi maklumat ataupun ICT. Melalui sindiket perjudian atas talian, ataupun dengan izin, *online gaming, a*tau *online gambling,* minta maaf, dan berselindung di sebalik penjualan point nilai tambah atau dengan izin, *top up point* telefon bimbit. Konsisten dan komited dengan penentangan terhadap gejala yang kian membara ini, kerajaan negeri di bawah tampuk kepimpinan Pakatan Harapan akan menggandakan langkah yang telah dan bakal

diambil dalam menterjemah usaha melumpuhkan kegiatan perjudian haram di negeri Johor seperti yang berikut :-

1. Pemerdayaan atau dengan izin, *empower* jawatankuasa keselamatan daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dengan korum keanggotaannya oleh Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Polis Diraja Malaysia. Untuk menyelaras, mengatur strategi dan mempersiap anggota yang terlibat dalam sebarang langkah dan tindakan penguatkuasaan berlandaskan bidang kuasa masing-masing. Penambahbaikan jawatankuasa ini akan dilaksanakan bagi memastikan langkah yang diambil berkesan dan bersifat tuntas selain meletakkan faktor keselamatan anggota terlibat sentiasa terjamin.

2. Menerusi jawatankuasa berkenaan, kerajaan turut mengalu-alukan penglibatan dan kerjasama strategi rentas agensi perkhidmatan atau utilliti seperti SAJ Ranhill Sdn. Bhd. dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui langkah-langkah sekatan bagi setiap punca perkhidmatan iaitu bekalan air dan elektrik di premis yang terlibat dengan kegiatan perjudian. Usaha ini dilihat dapat membantutkan operasi kegiatan ini dari berulang dan berterusan. Berbalik kepada perjudian atas talian pula, kerajaan turut melihat perlunya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bersama-sama mengekang dan menemukan langkah penyelesaian tuntas bagi kegiatan tersebut. Sebagaimana agensi perkhidmatan, penglibatan SKMM amat dialu-alukan bagi menjayakan usaha membanteras perjudian secara bersepadu dan menyeluruh.

3. Dan pada itu kerajaan negeri turut menyambut baik tindakan pihak PDRM menerusi pengumuman oleh Ketua Polis Negara yang menekankan tentang langkah-langkah penguat kuasa proaktif dan tegas dalam kalangan anggotanya bagi menjayakan usaha membanteras ini. Seiring dengan pengumuman tersebut, operasi secara bersepadu atau bersendirian oleh agensi berkaitan akan diaktifkan setiap hari dengan berteraskan moto 'Tiada Hari Tanpa Ops'. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai pencerahan bidang kuasa di peringkat kerajaan tempatan hanyalah terhad dalam ruang lingkup perlesenan yang secara langsung berkaitan dengan operasi pusat-pusat perjudian sahaja. Pihak Berkuasa Tempatan di serata negeri Johor melalui peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) telah turut sama menggerakkan operasi membanteras aktiviti tersebut walaupun, pada persepsi masyarakat umum gejala ataupun anasir negatif ini melibatkan kebanyakan dan sebahagian besar daripada bidang kuasa pihak Polis.

YB Speaker : Perling

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Kegiatan judi haram ini sebenarnya ada kalanya memang serius terutamanya telah mempengaruhi sosial kita dan saya beranggapan sebenarnya penguatkuasaan ataupun tangkapan terhadap pengusaha-pengusaha mesin kuda ni amatlah penting. Jadi saya ingin tahu Yang Berhormat Speaker, berapakah kes yang telah dituduh atau pun diambil tindakan oleh pihak penguat kuasa dalam selama beberapa bulan ni, tahun ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Perling. Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang telah saya sebut tadi, bidang kuasa untuk membanteras gejala mesin judi ataupun perjudian *online* ini, dia lebih kepada agensi-agensi persekutuan terutamanya pihak Polis Diraja Malaysia. Bagaimanapun Pihak Berkuasa Tempatan sebagai kerajaan pada peringkat akar umbi yang paling dekat dengan rakyat juga telah mengambil inisiatif atas kapasiti sendiri untuk membanteras gejala ini sebagai salah satu sumbangan yang boleh sama-sama kita memupuk kemurnian dan keharmonian di kalangan masyarakat. Antaranya, Pihak Berkuasa Tempatan ataupun Kerajaan Tempatan telah mengambil inisiatif proaktif menjalankan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang disyaki menjalankan operasi ataupun urusan perjudian *online* ini dengan menggunakan Undang-Undang Kecil

Perlesenan*Trade* Perniagaan dan Industri. Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Kluang (MPK) merupakan antara PBT yang secara proaktif menguatkuasa Undang-Undang Kecil ini. Melalui satu operasi yang dinamakan Ops *Casino Royale,* telah membanteras aktiviti perjudian atas talian di kawasan pentadbirannya dengan sebanyak 2,665 tawaran kompaun telah dikeluarkan yang bernilai RM2.27 juta. Sebanyak 232 operasi yang melibatkan 240 premis telah dijalankan sejak November 2015. Untuk tahun ini sahaja sebanyak 26 premis telah dijalankan operasi, 22 kompaun dijalankan dengan jumlah RM20,500.00. Hasil daripada operasi tersebut telah menyaksikan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil ini terhadap premis-premis berkenaan dengan nilai sitaan sebanyak RM700,000.00 bersama dengan berbagai peralatan, seperti komputer riba *(laptop),* CPU, mesin *stimulator* dan peranti tab. Susulan daripada operasi tersebut turut menyaksikan sebanyak 12 kertas siasatan telah dibuka untuk proses pendakwaan mahkamah ke atas pemilik dan pengusaha premis terbabit.

Sementara itu Yang Berhormat Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) telah melalui anggota penguat kuasanya menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Perlesenan Trade Perniagaan dan Perindustrian MPPG tahun 2017 bagi melumpuhkan aktiviti perjudian haram di kawasan pentadbirannya. Sebanyak 7 operasi telah diadakan dengan tindakan dikenakan terhadap pemilik premis yang menjalankan aktiviti perjudian haram sehingga Jun 2018. Menerusi operasi tersebut sebanyak 28 unit peranti tab, 112 unit monitor, 12 unit komputer riba, 3 unit televisyen, 17 unit papan panel, 39 unit kerusi dan 16 unit meja telah disita. Lanjutan daripada itu, 7 kertas siasatan telah dibuka terhadap pemilik premis pada tahun ini yang berdepan proses pendakwaan di bawah UUK tersebut kerana menjalankan perniagaan berunsur perjudian tanpa lesen daripada pihak MPPG. Maka usaha membersihkan kegiatan perjudian haram ini turut diperhebatkan oleh Majlis Daerah Pontian menerusi Undang-Undang Kecil Perlesenan Trade Perniagaan dan Profesional FDP tahun 2018 yang memperuntukkan kuasa menutup premis mulai Julai 2018. Oleh yang demikian, MDP sedang aktif mempergiat operasi pembersihan aktiviti perjudian bagi kedai telekomunikasi mendapat syarat lesen yang telah dipinda bagi tindakan lanjut tentang pelanggaran syarat lesen bagi premis telekomunikasi seperti lesen dimiliki sebelum ini. Rujukan terakhir adalah Majlis Perbandaran Kulai, Yang Berhormat Tuan Speaker yang telah mengenakan kompaun terhadap pemilik yang didapati bersalah di dalam UUK *Licencing of Trade Business Industry* and Profession Majlis Daerah Kulai tahun 1982 Para 3 iaitu menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Yang Berhormat Tuan Speaker, begitulah usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri Johor atas inisiatif dan kapasiti sendiri tanpa mengira di mana, pada masa menjalankan operasi-operasi ini sebenarnya anggota-anggota penguat kuasa kita yang kekurangan kelengkapannya kalau berbanding dengan Polis Diraja Malaysia tetapi mereka sanggup mengambil risiko tersebut demi menjamin kesejahteraan masyarakat. Antara kes-kes ataupun kejadian yang saya ingin tonjolkan di sini adalah di mana Ketua Penguatkuasa untuk Majlis Perbandaran Kluang telah beberapa kali menerima ugutan nyawa dan yang terbaru rumah beliau telah disimbah dengan cat merah pada hujung Julai yang lalu. Bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak kerajaan negeri tidak akan kompromi dan tidak akan undur dalam usaha membanteras perjudian haram ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Semarang, Semarang.

YB Dato' Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Terima kasih tuan Speaker*, tagline* 'Tiada Hari Tanpa Operasi' sungguh memberangsangkan. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak bertanya, meletakkan tanggungjawab ini lebih kepada agensi persekutuan adalah tidak adil. Berapa banyak kes yang berulang yang berlaku daripada operasi-operasi ini? Dan sebenarnya di negeri Johor ini berapa ramai pakar judi-pakar judi yang kita ada di kalangan pasukan keselamatan? Terima kasih.

YB Speaker : Saya ingat pakar judi tu. Pakar dalam kuatkuasaan. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan soalan ni dia lebih kepada bidang kuasa Polis Diraja Malaysia, maka adalah eloknya soalan ini ditujukan kepada pihak berkenaan.

Bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pasukan Penguatkuasaannya telah mencuba seberapa yang boleh untuk, apa tu kita kata, untuk memberi fokus dalam menangani isu-isu perjudian haram ini atas bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Antaranya, penguat kuasa, Persatuan Penguatkuasa-Penguatkuasa PBT Negeri Johor telah cuba berhubung dengan JMF untuk supaya satu latihan yang komprehensif diberikan kepada anggota-anggota penguatkuasaan di seluruh PBT di Negeri Johor supaya mereka dilengkapi dengan daya pertahanan diri yang lebih bermutu supaya keselamatan anggota-anggota terjamin apabila menjalankan operasi.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, di antara pengalaman operasi-operasi ini, penguat kuasa kita…

YB Speaker : Soalan tadi tu, bilangan tadi tu?.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Dah, dah. Itu, itu, kita hanya boleh menjawab soalan atas kapasiti kita, kita tak boleh luar dari bidang kuasa kita. Itu aje, makna kita dari semasa ke semasa akan menambah baik dan melengkapkan anggota kita dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan.

YB Speaker : Ok, Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya nak memohon Kerajaan Negeri Johor adakah kerajaan Negeri Johor bersedia untuk mengkaji atau menguatkuasakan Akta Rumah Judi Terbuka, kerana dalam Akta ini Seksyen 4(1) dia adalah seksyen yang menyediakan satu ruang kepada Pihak Berkuasa mengambil tindakan kepada pemilik premis yang menjalankan premis mereka sebagai Rumah Judi Terbuka. Tapi pada Dewan yang lepas, saya pernah tanya kepada rakan-rakan di sebelah sana, saya tanya pada tahun 2011, 2012, 2013 sampai 2016, berapa premis, pemilik premis yang didakwa di bawah Seksyen 4(1) bukan 4(A), bukan 4(B), 4(1) telah menyediakan satu undang-undang yang memberikan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap pemilik premis. Sebab itu saya nak tanya…

YB Speaker : Soalannya apa Yang Berhormat?

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Adakah kerajaan akan menguatkuasakan undang-undang Seksyen 4(1) dalam Akta Rumah Judi Terbuka. Yang kedua, setakat ini kita tengok banyak kedai...

YB Speaker : Satu aje Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Tambahan sikit.

YB Speaker : Satu.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Mereka beroperasi sampai tengah hari. Dan, banyak…

YB Speaker : Yang Berhormat sekarang jadi kerajaan, satu soalan sahaja.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Sikit sahaja, mereka berniaga dan benda yang agak aneh, adakah kerajaan akan mengambil tindakan seperti mengehadkan masa operasi mereka supaya takkan mereka nak berniaga sampai tengah hari sampai pukul 2.

YB Speaker : Yang Berhormat satu soalan sahaja.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Terima kasih.

YB Speaker : Ok, ok. Baru masuk Dewan. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Speaker, biasalah dah duduk sana.

YB Speaker : Dia *excited*.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Dah duduk lama sangat kat sana dia dah lupa, dia dah tukar tempat. (Dewan ketawa.) Bagaimanapun, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan cuba menjawab soalan tersebut di mana sebenarnya kerajaan baru tiada kompromi dengan segala unsur-unsur ataupun aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perjudian khasnya perjudian yang haram ni. Sebenarnya tiada perjudian yang halal, melainkan ada pendekatan untuk menghalalkannya. Sebenarnya perjudian ini semua haram. Makna sebenarnya tiada kompromi, kita nak tegaskan di sini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan berkompromi dengan segala aktiviti perjudian. Maka, Pihak Berkuasa Tempatan hanya akan bertindak di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Maka, kami akan mengkaji dan meneliti cadangan daripada Yang Berhormat Pekan Nanas tadi, yang mana undang-undang yang telah disebut tadi.

Pada masa yang sama, pihak kerajaan juga memohon Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, supaya memberikan maklumat dan info sekiranya dapat, ada apa-apa aktiviti perjudian yang dijalankan di kawasan masing-masing sebab kita tidak boleh bergantung kepada semata-mata pihak penguat kuasa sahaja. Info-info, maklumat-maklumat daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat juga adalah sangat penting. Jangan Ahli-Ahli Yang Berhormat simpan info-info itu, maklumat-maklumat itu kononnya akan digunakan sebagai senjata dalam Dewan yang mulia ini. Bagilah maklumat supaya sama-sama kita membanteras gejala negatif ini untuk kesejahteraan masyarakat secara umumnya.

YB Speaker : Layang-Layang, *last*. Layang-Layang.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak tanya dalam keseriusan kerajaan negeri nak membanteras gejala judi haram ini, adakah pihak kerajaan negeri bersetuju kalau kita adakan *hotline* untuk rakyat dan juga masyarakat yang akan memberi maklumat kepada kerajaan negeri tentang gejala-gejala yang tidak sihat ini dapat dilaporkan terus kepada kerajaan negeri melalui satu jawatankuasa yang ada *hotline* telefon. Insya-Allah.

YB Speaker : Pendek aje Yang Berhormat ye, sebab kita nak rehat selepas ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, cadangan daripada Yang Berhormat Layang-Layang akan dipertimbangkan. Bagaimanapun, buat sementara waktu ini, orang awam masih boleh membuat laporan jika mendapati ada aktiviti-aktiviti perjudian yang berlaku di kejiranan mereka kepada pihak polis ataupun melaporkan terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

YB Speaker : Ok, *so*, saya kira selesai untuk soalan lisan ni.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon *ruling*. Selalunya kita, soalan jawapan ni sampai 10.30. Jadi, bila Yang Berhormat benarkan sampai hampir pukul 11.00 ni, adakah perkara ini adalah satu *ruling* Yang Berhormat akan, Yang Berhormat Tuan Speaker akan galakkan dari masa ke semasa ataupun kerana, kerana ia berlaku 2 pihak, Yang Berhormat. Yang bertanya pun kadang-kadang perlu hadkan soalan supaya tepat, yang menjawab pun begitu juga, tak perlu huraian soalan itu sendiri dijawab. Jadi, sekarang ini kita dah pukul 11.00 Yang Berhormat,

Tuan Speaker, saya minta maaf, saya mohon *ruling* tentang sama ada kita hanya sampai 10.30 ataupun kita tidak ada masa yang terhad.

YB Speaker : Sebenarnya, tadi kita ada beberapa pemasyhuran dan juga ada angkat sumpah tadi, jadi kita pun bermula tadi agak lewat sikit semasa soalan lisan tadi. Lepas itu, agak lewat sikit dan saya kira memang terlajak sikit. *So*, esok pagi insya-Allah, kita akan bagi masa satu jam ajelah. *So*, insya-Allah benda ini tidak akan berterusan beginilah. Selepas ini kita akan berehat selama 20 minit dan dalam masa berehat itu nanti kita akan menyerahkan kunci bilik Ketua Pembangkang sebagai suatu usaha pembaharuan kita dalam Dewan ini (Dewan bertepuk). Dari belah kiri ni tak tepuk, kita bagi kunci ni tepuklah sikit. Ok, *so* kita berehat 20 minit, insya-Allah, sehingga pukul 11:20 kita kembali ke Dewan ini.

Persidangan di tangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan diteruskan jam 11:20 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan terhadap Rundingan Menjunjung Kasih akan dijalankan selama 4 hari mulai hari ini 12 Ogos hingga 15 Ogos 2018. Suka saya mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya menjaga adab dan tatatertib ketika berada dan berbahas di dalam Dewan ini selaras dengan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bilangan 45.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyeru nama kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan senarai giliran yang saya perolehi. Untuk pencadang rundingan, masa yang diberikan selama 45 minit hingga 1 jam. Penyokong diberi masa 30 minit. Ketua pembangkang diberi masa 30 minit manakala Ahli-Ahli Dewan yang lain akan diberi masa 15 hingga 20 minit bagi membolehkan semua Ahli Yang Berhormat dapat berucap. Saya memohon kerjasama semua agar mematuhi masa yang diberikan dan pada waktu ini insya-Allah ada *live* daripada Radio RTM Permata Selatan. Insya-Allah. Dijemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa Rundingan bahawa satu ucapan Menjunjung Kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut:-
Ampun Tuanku. Adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke 14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, yang telah dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri pada kali ini dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan juga Yang Berhormat EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Johor dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat pada PRU Ke-14 yang lepas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan membahagikan ucapan saya menjurus kepada isu-isu yang berkaitan merujuk kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di perenggan ke 20 mengenai pengurusan alam sekitar, sumber air dan hutan perlu juga diberi perhatian yang serius bagi menjamin kesejahteraan hidup yang berkekalan untuk generasi anak cucu kita pada masa hadapan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ucapan saya terbahagi kepada pertama menaikkan pendapatan hasil kerajaan negeri, kedua meningkatkan sumber air bersih, ketiga pemeliharaan alam sekitar, keempat menggalakkan keluaran hasil pertanian, kelima menghidupkan kembali dasar pandang ke timur dan keenam kesejahteraan rakyat Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, antara sumber utama kerajaan negeri untuk mendapat hasil pendapatan adalah daripada sumber tanah dan galian. Perkara yang berkaitan dengan pungutan cukai-cukai tanah nampaknya pada masa ini kerajaan telah mempunyai satu sistem yang baik, yang sangat baik. Tetapi ramai di kalangan rakyat yang tidak berpuas hati terhadap kerajaan dalam mengurus sumber asli seperti soal pembalakan dan perlombongan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pembalakan adalah di antara sumber hasil kerajaan negeri. Banyak aduan yang saya terima di mana banyak berlaku ketirisan dalam proses pengeluaran balak. Kutipan hasil tidak dibuat dengan sempurna sehingga kerajaan mengalami kerugian ratusan juta ringgit setiap tahun. Saya memberi contoh, dalam sebuah lesen kawasan pembalakan dengan penebangan kayu yang terpilih dengan izin *tax trees.* Penyeliaan dan pengawasan hanya dilakukan oleh Pegawai Renjer Hutan dan Pegawai Mata Kayu. Mereka biasanya bekerja dalam tempoh lama di satu-satu tempat tak berpindah-pindah dan mereka mempunyai hubungan yang baik dengan pihak kontraktor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, banyak maklumat yang saya terima di mana kontraktor pembalakan ini menebang pokok-pokok kayu yang tidak bertanda dan mengeluarkan dengan secara gelap. Begitu juga pokok-pokok yang bertanda di tebang tetapi sebagainya tidak dimasukkan dalam Daftar Pengeluaran Kayu. Kayu-kayu ini juga dikeluarkan dengan secara gelap tanpa membayar cukai. Akibatnya jumlah pengeluaran kayu yang didaftarkan lebih kecil daripada jumlah kayu yang ditenderkan. Dengan itu kontraktor akan layak mendapat kawasan tambahan tanpa membayar cukai premium. Ada kes di mana kontraktor mencadangkan sempadan kompartmen diubah bagi memasukkan kawasan yang banyak kayu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak kerajaan negeri telah mengalami kerugian berganda-ganda dan akan mengalami kerugian berganda-ganda dalam pengurusan pembalakan sekiranya perkara ini tidak diatasi. Kerugian-kerugian tersebut disenaraikan seperti berikut :

1. Pokok kayu yang tidak bertanda yang sepatutnya dibiarkan membesar untuk generasi akan datang telah ditebang secara tidak sah dan dikeluarkan dengan tidak membayar cukai.

2. Rekod pengeluaran kayu dikecilkan jumlahnya kurang dari jumlah tan kayu yang ditenderkan. Oleh itu kontraktor berkenaan berhak mendapat kawasan tambahan tanpa membayar premium.

3. Semasa membayar cukai, saiz kayu dikecilkan supaya pihak kontraktor boleh membayar cukai dengan kadar yang lebih rendah.

4. Penanaman semula anak-anak pokok tidak dibuat dengan sempurna menyebabkan kerajaan akan kehilangan hasil kayu di masa hadapan.

Fakta-fakta aduan yang saya terima, Yang Berhormat Tuan Speaker, perlu di siasat dan diselidiki dan satu mekanisme penyeliaan perlu digubal supaya salah laku berkenaan tidak berterusan berlaku, supaya pokok-pokok kayu dapat di pelihara untuk generasi yang akan datang. Kerajaan akan terus kerugian ratusan juta ringgit sekiranya perkara ini tidak diambil tindakan. Sekiranya perlu, Jabatan Hutan perlu diperkasakan dengan menambah pegawai-pegawai penguatkuasa secara tetap mahupun sambilan untuk memastikan golongan ini tidak mencuri harta-harta kerajaan. Dahlah kita bagi dia hutan, lepas tu dia curi pula hutan tambahan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di negeri Johor ada banyak perlombongan galian seperti tanah hitam, tanah putih, pasir laut, *hauline*, pasir sungai, batu-batan, bauksit dan seumpamanya adalah galian yang akan mendatangkan hasil kepada kerajaan negeri sekiranya diurus dengan baik. Begitu banyak lori yang membawa hasil galian tanpa permit dan *over mining* telah menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri. Lori-lori *over load* bawa hasil galian yang *over load* di atas jalan raya yang mengakibatkan kerosakan jalan dari masa ke semasa. Buat masa ini aktiviti perlombongan pasir sungai menggunakan palong dan korekan, akibatnya Yang Berhormat Tuan Speaker, apabila perlombongan pasir menggunakan korekan, tasik buatan terhasil dengan banyaknya di merata negeri Johor. Tasik-tasik buatan ini bercantum antara satu sama lain sehingga ke sungai. Ini menyebabkan lembangan sungai rosak dan aliran sungai sudah terjajar. Kerajaan memberi konsesi kawasan perlombongan pasir kepada individu dan juga syarikat. Mereka meninggalkan tasik buatan dan menyebabkan bahan galian yang merbahaya terdedah kepada asid dan lain-lain. Tak percaya Yang Berhormat Tuan Speaker boleh *google,* di negeri Johor banyak tasik buatan akibat daripada galian perlombongan di tepi tebing sungai di seluruh negeri Johor. Bahan-bahan merbahaya ini akan mengalir dan menyebabkan pencemaran air sungai. Selain lembangan sungai rosak, tasik buatan ini juga mengakibatkan :

1. Kerajaan telah kehilangan tanah beribu-ribu ekar, beribu-ribu hektar sepanjang sungai yang tidak boleh ditebus guna.

2. Kehidupan akuatik akan terjejas mati dan pupus.

3. Sungai jadi sungai yang mati.

4. Sumber air bersih akan juga terjejas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berhubung dengan aktiviti perlombongan pasir, saya dapat aduan daripada rakyat di Tenggaroh 13, Mersing di mana terdapat aktiviti perlombongan dan pemindahan pasir dilakukan tanpa mempunyai lesen daripada Pejabat Tanah Daerah dan PTG. Tanah ini adalah kepunyaan FELDA Plantation, saya maklum. Operasi pemindahan pasir dilakukan di waktu malam adalah suatu yang tidak betul. Jadi, saya minta satu siasatan sama ada oleh pihak PTG atau SPRM, maklumat dalaman memaklumkan bahawa pengusaha tersebut bukan sahaja mengeluarkan pasir tetapi terdapat juga galian emas di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara ini juga berlaku di lokasi-lokasi lain di seluruh negeri Johor. Akibatnya kerajaan kehilangan ratusan juta ringgit disebabkan golongan-golongan tersebut. PTG perlu diperkasakan dengan menambah pegawai penguatkuasa secara tetap atau sambilan, jika perlu dilakukan rombakan adalah disarankan kerajaan menubuhkan anak syarikat kerajaan bagi menguruskan pengeluaran pasir di negeri Johor pada masa ini dan akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, banyak sungai-sungai di negeri telah tercemar dalam keadaan maksima. Akibat pencemaran ini juga menyebabkan sungai-sungai tersebut tidak boleh dijadikan punca air yang boleh dirawat kerana kos rawatan terlalu tinggi. Di Johor Selatan umpamanya ada dua batang sungai utama, Sungai Johor dan Sungai Sedili. Di sepanjang Sungai Johor ada 4 loji rawatan air yang besar iaitu Loji Sungai Sayong, Loji Sungai Semangar dan Loji Sungai Johor dan Loji PUB. Loji PUB membekal air kepada Singapura manakala Loji Sungai Johor dan Loji Sungai Semangar membekalkan air ke Johor Selatan. Air di Sungai Sedili pula di pam ke Empangan Seluyut dan Empangan Iskandar. Kedua-dua empangan ini membekalkan air kepada Pengerang dan juga Pasir Gudang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cuba bayangkan jikalau sungai ini tercemar teruk disebabkan perlombongan pasir dan lain-lain aktiviti yang mencemarkan alam, di mana lagi sumber air bersih untuk kita dapatkan bagi penduduk Johor Selatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pencemaran Sungai Skudai dan Sungai Tebrau adalah dalam keadaan yang sangat tenat. Terdapat beberapa loji rawatan air yang sudah tidak beroperasi di sepanjang sungai. Adalah menjadi kewajipan kepada kerajaan Johor pada hari ini untuk membaik pulih kedua-dua sungai ini iaitu Sungai Skudai dan juga Sungai Tebrau. Pihak Berkuasa Tempatan, BAKAJ dan JPS perlu berbincang untuk mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan lembangan sungai dan empangan tidak dicerobohi. Lembangan sungai dan empangan ini perlu diwartakan. Jangan ada kilang-kilang di lembangan sungai. Jangan ada tanam-tanaman di lembangan sungai. Apabila lembangan sungai dicerobohi dengan aktiviti-aktiviti pengilangan dan tanaman dan juga rumah-rumah haram, mengakibatkan sungai atau kawasan empangan menjadi rapuh dan cetek. Ini menjejaskan sumber air bersih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, air sebenarnya, air tidak ada gantiannya. Air tidak boleh digantikan dengan benda-benda. Air itu adalah air. Jangan sampai kita putus air sehingga rakyat tidak dapat mengambil wudhu dan bersembahyang. Pembangunan ekonomi akan terbantut tanpa air. Masalah sungai mati akibat pencemaran. Air laut masuk ke sungai disebabkan perubahan iklim. Perjanjian Air dengan negara jiran adalah cabaran kerajaan Johor masa kini. Kerajaan Pakatan Harapan yang baru ini digesa agar lebih proaktif dan profesional dalam memenangi isu air ini sebagaimana dikehendaki oleh rakyat. Mereka mahu kuantiti dan kualiti air yang terjamin.

Buat masa ini Yang Berhormat Tuan Speaker, sumber air permukaan yang terhad dan tercemar memerlukan kos rawatan yang sangat tinggi. Akibatnya rakyat Johor membayar bil air dengan kadar termahal di Malaysia, mungkin juga di dunia, saya tak pasti ya. Pihak kerajaan perlu mencari sumber air alternatif, salah satu pilihan yang masih ada adalah sumber air bawah tanah. Air bawah tanah merujuk kepada air yang tersimpan dalam lapisan tanah dan batuan yang terletak di bawah permukaan bumi. Ramai yang tidak mengetahui bahawa sumber bekalan air bersih dunia datang dari *glasier* sebanyak 69%, air bawah tanah 31% dan air permukaan seperti tasik, sungai dan kolam tadahan hanya 0.3% sahaja. Namun begitu, hampir keseluruhan rakyat Malaysia bergantung sepenuhnya kepada air permukaan sebagai sumber air bersih utama untuk kegunaan seharian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya percaya ada teknologi yang telah terbukti mampu untuk mencari sumber air bawah tanah. Kerajaan Pakatan Harapan yang berfokus “Dasar Pandang Ke Timur” boleh mempelajari teknologi berkaitan air bawah tanah dari negara Jepun. Dikhabarkan air di Jepun sangat bersih dan berkualiti. Untuk menangani masalah ini, saya cadangkan agar kerajaan menubuhkan syarikat khas untuk penerokaan air bawah tanah. Apa pun, kerajaan perlu menggubal dasar yang jelas sebelum kita membuat kerja-kerja eksplorasi sumber air bawah tanah ini. Dan, ada dua daerah yang saya kira boleh dicadangkan iaitu daerah Mersing dan Kota Tinggi boleh dijadikan *pilot* projek untuk sumber air bawah tanah, kedua-dua daerah ini kerap mengalami kekurangan air bersih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pantai Minyak Beku adalah tempat yang berpotensi menjadi kawasan tumpuan pelancongan dan pembangunan ekonomi masyarakat setempat di kawasan sekitar Batu Pahat. Tetapi malangnya, baru-baru ini timbul isu pencemaran bauksit di sekitar Kampung Minyak Beku. Pencemaran bauksit ini perlu ditangani dan dipandang serius oleh semua pihak berwajib. Banyak kesan buruk boleh berlaku sekiranya pencemaran bauksit ini tidak diambil tindakan susulan. Persatuan Sains dan Teknologi Vietnam-Amerika sebelum ini ada mengeluarkan amaran bahaya pencemaran bauksit di Vietnam dengan alasan debu merah bauksit akan menyebabkan hujan menjadi berasid sehingga menjejas kesuburan tanaman komoditi dan hasil pertanian. Terdapat dakwaan juga di Kuantan, Pahang bahawa akibat daripada perlombongan bauksit yang tidak terkawal menyebabkan pencemaran udara dan air serta boleh menimbulkan masalah kesihatan di kalangan masyarakat sekitar. Ada juga laporan yang memetik kenyataan pengkaji dari Australia bahawa lumpur merah bauksit boleh menyebabkan kanser paru-paru. Antara kandungan dalam debu merah bauksit yang bahaya adalah aluminium hidroksida yang boleh menyebabkan pedih hidung, batuk-batuk serta kulit mengalami kemerahan

menggelupas dan gatal mata. Terdapat kajian mengaitkan aluminium hidroksida dengan penyakit seperti *alzheimer* dan juga *parkinson*. Manakala kandungan ferum oksida dalam debu merah berkenaan pula didakwa akan menjejaskan fungsi sistem hati. Selain daripada itu bahan natrium hidroksida yang terkandung dalam lumpur merah bauksit juga dikatakan merbahaya kepada manusia kerana jika terkena tubuh secara langsung boleh mengakibatkan kerengsaan kulit dan radang pernafasan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, adakah sekarang Pantai Minyak Beku selamat dijadikan tempat beriadah pada ketika ini? Jawapan saya, ianya tidak selamat. Cadangan dan langkah-langkah pengawalan Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker, yang telah diutarakan oleh Datuk Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia menyarankan bahawa pencemaran bauksit di Kampung Minyak Beku boleh dikawal dengan melaksanakan beberapa langkah di kawasan pengumpulan dan pengagihan bauksit di jeti persendirian Kampung Minyak Beku. Antaranya :

1. Memasang *wheel washer* atau *vehicle tracking pad* di pintu keluar supaya tayar lori yang keluar dari kawasan itu ada melalui jalan raya bebas dari kotoran bauksit.

2. Memasang perimeter *drain* di sekeliling kawasan pengumpulan dan pengagihan bauksit dan juga *sediment containment pond* untuk mengawal *sediment* dari *stock pile* bauksit mencemar kawasan sekitarnya.

3. Membina kawasan pengumpulan dan pengagihan berbumbung dan bertutup untuk mengelak masalah habuk dan terdedah kepada air hujan.

4. Membina kawasan pengumpulan dan pengagihan yang lebih luas dan boleh menampung isi padu *stock pile* yang banyak agar pergerakan lori yang membawa masuk bauksit di kawasan ini boleh dikawal.

6. Menjalankan penyelenggaraan jeti supaya tidak berlaku tumpahan *bauxite* ke dalam laut semasa pemindahan dari kawasan pengumpulan ke dalam kapal.

7. Memastikan lori membawa *bauxite* menutup dengan plastik kawasan belakang lori. Kalau boleh *bauxite* itu diangkut daripada tempat *mining ground* ke Minyak Beku dengan menggunakan *jumbo bag* yang besar.

8. Memastikan muatan *bauxite* yang dibawa mengikut spesifikasi lori supaya tidak merosakkan jalan raya.

9. Menubuhkan sebuah jawatankuasa bersepadu yang terdiri daripada pelbagai agensi untuk menangani isu ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekiranya saranan langkah-langkah di atas tidak dilaksanakan dan dipatuhi, saya menyarankan agar aktiviti *bauxite* di Minyak Beku dihentikan serta merta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sebagai penasihat kepada jawatankuasa bertindak menyampaikan bantahan penduduk terhadap cadangan pembinaan pusat pelupusan sampah *sanitary* Bukit Payung yang akan dimajukan oleh Imej Warisan Sdn. Bhd. dan telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas di kawasan penempatan kami yang melibatkan 18 buah kampung dan taman di sekitar Bukit Payung, Parit Sulong. Pada hemat kami, pembinaan tapak pelupusan sampah di perkampungan kami ini akan mengundang pelbagai risiko dan kesan-kesan negatif sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan tersebut dilaksanakan. Bukit Payung yang terdiri daripada 4 puncak semula jadi kini semakin mendapat perhatian pendaki-pendaki dari seluruh negara terutamanya dari Singapura sebagai tempat yang amat menarik untuk kegiatan mendaki trans Bukit Payung serta aktiviti *mountain bike*. Bukit Payung juga terdapat kawasan air terjun semula jadi yang boleh dikomersialkan oleh pihak PBT selain faktor-faktor sejarah seperti kubur-kubur lama

zaman Kesultanan Melaka dan terdapatnya fosil-fosil dari zaman pra sejarah yang tidak ternilai. Hasil dari kajian sarjana dari universiti-universiti di Malaysia, kami sebulat suara bersetuju agar Bukit Payung ini diwartakan sebagai hutan rekreasi yang dapat dimanfaatkan oleh seluruh generasi yang akan datang dan dapat dipastikan agar kelestarian alam semula jadinya akan terus dikekalkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kegiatan penerokaan hutan secara haram, pengambilan tanah dan penebangan kayu-kayu hutan yang bernilai tinggi secara haram juga perlu dihentikan segera kerana Bukit Payung ini menjadi tempat tinggal kehidupan liar dan terletak tidak jauh dari perkampungan Melayu dan tindakan lebih keras perlu diambil kepada mereka yang melakukannya. Wujud keraguan yang munasabah di dalam laporan *DEIA* dengan izin *Detail Environmental Impact Assessment* berhubung dengan tapak cadangan pusat pelupusan sampah Bukit Payung sepertimana berikut:

1. Tapak cadangan pusat sampah Bukit Payung ini akan dibina tepat atas saliran air. Aliran air Parit Purun sebuah tali air yang menjadi tempat masyarakat kampung mengambil air pada musim kemarau. Kewujudan tali air ini tidak dinyatakan langsung dalam laporan *DEIA*. Jarak minima dari sesebuah pusat sampah dengan aliran air mestilah lebih dari 500 meter.

2. Laporan *DEIA* tidak disebutkan tentang kewujudan cerun di mana ianya tidak akan mampu menampung aliran air dari 3 banjaran bukit yang mengelilingi cadangan pusat sampah ini iaini Bukit Payung, Bukit Botak dan Bukit Berdiri.

3. Laporan *DEIA* tidak menyatakan sekolah-sekolah yang berdekatan dan sekitar pusat sampah ini. Terdapat 9 buah sekolah kerajaan, sekolah agama Johor dan sekolah jenis kebangsaan di keliling pusat sampah Bukit Payung ini.
   i. Sekolah Agama Kampung Jawa, 1.3 kilometer;
   ii. Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa 1.5 kilometer;
   iii. Sekolah Seri Tanjung, Kampung Selatan;
   iv. Sekolah Bukit Rahmat;
   v. Sekolah Kebangsaan Sri Comel;
   vi. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Lee Choon Parit Kasim;
   vii. Sekolah Agama Kangkar Merlimau;
   viii. Tadika Kemas Kangkar Merlimau; dan akhir sekali
   ix. Sekolah Kebangsaan Parit Ju.

Laporan *DEIA* hanya menyatakan ada 3 kampung yang akan terlibat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sedangkan jumlah kampung dan penempatan yang akan terlibat akibat daripada pembangunan pusat pelupusan Bukit Payung ini adalah sebanyak 18 buah, bukan 3 buah kampung. 8 buah kampung itu adalah Kampung Baru, Kampung Kangkar Merlimau, Kampung Mohamad Noor, Kampung Parit Abdul Hadi, Kampung Parit Abdul Rahman, Kampung Parit Belemang, Kampung Parit Betong, Kampung Parit Jagung, Kampung Parit Jalil, Kampung Parit Jawa...

YB Speaker : Banyaknya Yang Berhormat.

YB Tuan Ir. Haji Khairuddin bin A. Rahman (Senggarang) : Kampung Parit Jorak, Kampung Parit Ju, Kampung Parit Kasim...

YB Speaker : Banyak sangat kampungnya...

YB Tuan Ir. Haji Khairuddin bin A. Rahman (Senggarang) : Kampung Parit Lahak, Kampung Parit Selulun, Kampung Parit Yusuf, Taman Melati dan Taman Putra Indah. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya beritahu supaya orang semua tahu.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

5. Terdapat lebih 26,000 penduduk di sekeliling Bukit Payung. Namun tinjauan pendapat yang diambil di dalam *DEIA Report* hanyalah sekitar 179 orang. Diambil laporan daripada 179 orang mewakili 26,000 penduduk. Ini bersamaan dengan 0.68% adalah sesuatu yang amat tidak wajar.

6. Laporan DEIA menyatakan lebih 60% responden tinjauan pendapat telah menolak kewujudan pusat pelupusan sampah Bukit Payung namun projek sampah ini tetap diteruskan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengusulkan supaya kerja-kerja di pusat pelupusan sampah Bukit Payung yang pada masa ini sedang berjalan dihentikan serta merta dan dipindahkan ke tempat lain yang lebih bersesuaian dengan menggunakan teknologi *waste for energy* yang digunakan di negara-negara lain pada masa ini. Saya juga mengusulkan setiap daerah mempunyai pusat pelupusan sampah mereka sendiri yang menggunakan teknologi *waste for energy* tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hampir keseluruhan kawasan pertanian di negeri ini ditanam dengan kelapa sawit. Tidak banyak keluaran hasil pertanian dikeluarkan oleh petani kita. Akibatnya, kebanyakan keperluan pemakanan kita diimport dari luar negara, bukan setakat bawang putih, bawang merah, lobak merah, kubis yang kita import tetapi kacang panjang, sawi pun kita import juga. Buah-buahan tropika yang lain yang jelas boleh hidup subur di negara ini seperti jambu batu, jambu air, mangga dan sebagainya pun kita import juga, ada yang kita import. Apakah bentuk dasar pertanian negara ini sehingga perkara di atas berlaku secara berleluasa. Di manakah saintis pertanian kita sehingga tiada satu produk asal negara ini yang dapat kita banggakan. Wajarkah ianya terus berlaku? Ramai kalangan warga dunia yang sedang membuat persiapan untuk menghadapi krisis pemakanan yang akan berlaku pada tahun 2045. Ketika itu mungkin tiada negara yang sanggup mengeksport makanan mereka ke negara kita kerana mereka juga dilanda krisis makanan. Ini satu hal yang serius. Kerajaan negeri perlu bertindak tanpa menunggu pihak kerajaan pusat membuat dasar mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyarankan agar kerajaan menggalakkan rakyat bertani dengan memberi bantuan input serta membantu mereka untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Buang mentaliti untuk hidup mudah, jadikan pertanian satu bidang industri yang besar kerana banyak negara terutama timur tengah dan Asia tengah meminati produk tani ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, nelayan sekitar tertekan dengan kehadiran pukat tunda yang ada di sekitar perairan Sungai Ayam dan Sungai Suluh. Kehadiran kapal pukat tunda menyebabkan nelayan sukar mendapatkan tangkapan ikan. Sering kali nelayan pulang dengan tangan kosong. Untuk maklumat Yang Berhormat Tuan Speaker, para nelayan di kawasan ini merasa tekanan kerana tangkapan kurang dan kos sara hidup semakin meningkat. Isu pukat tunda bukan isu sekarang. Isu yang telah berlarutan di perairan Selat Melaka khususnya di perairan Batu Pahat adalah berpunca daripada perkara berikut.

1. Kawasan perairan telah mengecil sebabkan Selat Melaka telah menjadi sibuk sebagai laluan kapal dagang.

2. Penangkapan ikan pukat tunda sepatutnya dilakukan jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang tetapi telah diingkari dengan melakukan di waktu malam.

3. Memukat kawasan larangan 7 batu nautika dari pantai Batu Pahat.

4. Penggunaan mata pukat kurang 38 milimeter di bahagian keroncong.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengusulkan :

1. Unit Penguatkuasaan Jabatan Perikanan diperkasakan;

2. Penguatkuasaan APMM dipertingkatkan dan

3. Pengharaman pukat tunda di selat melaka menjelang 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker, salah satu masalah yang membantutkan usaha pertanian di kalangan rakyat adalah gangguan daripada haiwan perosak monyet dan juga babi hutan. Hampir di semua daerah termasuk di kampung saya menghadapi gangguan serangan monyet dan babi hutan dan sehingga ini tidak ada satu mekanisme untuk mengatasi masalah ini. Ada 2 pilihan sahaja yang kita ada, yang ada di hadapan kita.

1. Kita lindungi haiwan tersebut dengan kita menafikan hak rakyat untuk bercucuk tanam secara bebas, bagi dia hidup, kita mati. Rakyat terpaksa berkorban dengan kemusnahan bertan-tan hasil pertanian, mematikan minat bertani ataupun;

2. Pilihan kedua adalah pilihan yang tidak popular di kalangan pencinta alam semula jadi tetapi amat melegakan rakyat iaitu kita musnahkan haiwan perosak ini bagi menghadapi zaman susah yang hampir pasti kedatangannya. Ini saya serahkan kepada yang pakar dalam masalah ini iaitu Jabatan PERHILITAN.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed, telah memfokuskan Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkannya pada tahun 1980-an. Apabila berucap dalam Persidangan Antarabangsa Masa Depan Asia Ke-24 Di Jepun pada 11 dan 12 Jun 2018 yang lepas. Saya menyarankan kerajaan Johor untuk terus membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan tauladan yang terbaik daripada negara Jepun dengan mengubahsuaikannya dengan keadaan-keadaan di negeri ini. Negara Jepun adalah merupakan negara yang begitu pesat membangun. Beberapa bidang mereka adalah lebih maju dari beberapa negara barat sendiri. Kejayaan kedua-dua negara ini boleh dijadikan contoh dan tauladan kepada kita dan seterusnya dipraktikkan bagi mencapai matlamat pembangunan negeri Johor. Dengan cara meninggikan prestasi pengurusan dan juga pembangunan sektor awam dan swasta.

Apa dia objektif utama dasar pandang ke timur? Iaitu meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini dan kedua mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang berprestij untuk meninggikan kemajuan negara. Fokus dasar yang perlu diambil berat oleh kerajaan negeri Johor yang perlu dicontohi daripada Jepun iaitu kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, tekanan daya pengeluaran yang tinggi kualiti, peningkatan kecekapan, pengurusan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja am, sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita.

Selaras dengan dasar ini, kerajaan Johor perlu menyusun strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan, kekesanan dan penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan pegawai dan kakitangan. Dasar Pandang Ke Timur merupakan satu usaha baik dan positif dari pihak kerajaan Malaysia untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan pembangunan negara ini. Di samping itu ianya boleh menjadi asas pewujudan sebuah masyarakat yang dinamik dan progresif.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri disarankan mengambil perhatian perkara-perkara berhubung etika kerja, pelaburan dan teknologi Jepun ke Johor. Difahamkan bahawa produk halal berasaskan bahan makanan dan minuman hasil minyak sawit serta kosmetik mendapat permintaan tinggi di negara Jepun. Oleh itu, kerajaan negeri disarankan mengadakan pendekatan untuk membangunkan usahawan Johor terutama yang berkait kegiatan halal.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ada satu lagi masalah besar yang membelenggu masyarakat yang menduduki atau yang mempunyai lot-lot tanah bertaraf pajakan. Sesetengah tanah hamper luput tempoh pajakan mereka. Satu hakikat yang perlu diakui bahawa mereka ini adalah di kalangan rakyat negeri yang bertuah kerana diberi rezeki untuk tinggal di atas tanah tersebut. Mereka memiliki tanah tersebut bukan curi, mereka memiliki tanah tersebut di antaranya dengan membeli dengan pemilik asal dan sesetengah pula adalah harta yang diwariskan oleh orang tua mereka. Berbanding dengan sesetengah pihak lain seperti syarikat-syarikat korporat, individu berpengaruh yang mendapat kurniaan tanah sehingga ribuan ekar berbanding lot tanah perumahan rakyat …..…. yang sekadar keluasan 4,000 hingga 8,000 kaki persegi dan lot tanah pertanian ada 2 hingga 6 ekar. Banyak tanah-tanah lot perumahan di kampung-kampung tradisi seperti Kampung Melayu Majidee, Kampung Bendahara Johor Bahru, kampung-kampung baharu dan lain-lain di seluruh negeri Johor yang mempunyai pegangan pajakan yang hampir luput tarikhnya. Sudah sampai masanya kita mengakui bahawa tanah berkenaan ada hak sebenar kepada pemilik tanah sedia ada. Jadi, dengan lapang dada dan ringan hati pihak kerajaan Pakatan Harapan hendaklah mengurniakan semula tanah-tanah pegangan pajakan ini kepada pemilik sedia ada dengan tanah pegangan kekal. Itu cadangan saya.

Jika tanah tersebut berstatus bumiputera maka teruskan status bumiputera dengan pegangan kekal atau pajakan kekal. Saya mencadangkan semua tanah-tanah lot perumahan dan pertanian yang berstatus pajakan dikurniakan semula sebagai tanah pegangan kekal dengan mengekalkan status rizab bumiputera bagi tanah-tanah yang berkaitan. Berilah hak kepada mereka yang berhak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor adalah sebuah negeri yang berketandusan tempat pelancongan dan riadah. Kita ada Legoland tetapi untuk masa kena bayar yang mahal. Rakyat kampung nak pergi Legoland tak mampu nak pergi. Oleh itu, perlu kerajaan untuk menyediakan tempat pelancongan murah bagi membolehkan rakyat melepaskan rasa penat lelah selepas berhari-hari bekerja. Hutan Lipur Gunung Pulai, Minyak Beku merupakan tempat perkelahan yang tidak jauh untuk dilawati bagi warga Johor dan kawasan sekitarnya.

Di sana terdapat air terjun yang terletak dalam hutan yang nyaman udaranya, di Hutan Lipur Gunung Pulai tetapi malang ianya tidak diurus dengan sebaiknya. Ada pengunjung mendakwa terdapat pokok tumbang di dalam kolam air terjun sejak beberapa lama tetapi tidak dibersihkan. Mereka mencadangkan supaya pihak kerajaan membina empangan setinggi 2 kaki di air terjun pertama dan kedua bagi membentuk kolam mandian yang lebih besar bagi memberi lebih keselesaan kepada pengunjung, kerajaan perlu berbelanja sedikit untuk menyediakan kemudahan berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mendapat aduan berhubung dengan elaun pegawai masjid qariah dan surau di negeri Johor berbanding dengan elaun imam masjid qariah yang mendapat elaun mereka secara tetap pada setiap 25 hari bulan pada setiap bulan. Pembayar elaun mereka ini di bayar oleh JAKIM, bagi Biro Angkasa sebagaimana kakitangan kerajaan persekutuan. Tetapi elaun untuk bilal masjid qariah, noja masjid qariah, imam surau dan bilal surau adalah dibayar oleh kerajaan negeri pada setiap selepas penggal 3 bulan. Mereka dikehendaki mengisi dan menghantar borang tuntutan yang lengkap kepada Pegawai Bahagian Masjid Surau Pejabat Kadi Daerah.

Borang tuntutan yang hendaklah lengkap dan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum geran pembayaran dikeluarkan pejabat negeri. Sekiranya lengkap elaun mereka akan diterima pada penggal ketiga atau keempat. Masalah yang timbul ialah Yang Berhormat Tuan Speaker, sering mereka tidak menerima elaun disebabkan oleh maklumat dalam borang yang tidak lengkap dan tuntutan dibuat lambat maklumlah kebanyakan imam-imam masjid dan surau orang kampung, tak boleh taip komputer. Saya mencadangkan Yang Berhormat Tuan Speaker, prosedur pembayaran elaun pegawai masjid dan surau di bawah kerajaan negeri diperbaiki, dipermudahkan. Jika boleh ia dibayar setiap bulan secara tetap

sebagaimana imam masjid qariah. Saya juga mendapat aduan bahawa kadar elaun yang diterima mereka adalah sangat rendah dan memohon agar ia dapat dikaji semula sesuai dengan zaman masa kini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir sekali untuk menjadikan rakyat Johor lebih sihat, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengarahkan rakyat Johor termasuk saya dan tuan-tuan yang ada di Dewan ini untuk mempunyai berat badan kurang 80 kilogram. Mereka perlu mengawal makan, kat sini Dewan Negeri pun jarang makan banyak kali, dan kurangkan tidur, ini bersesuaian dengan maksud hadis Rasulullah SAW bahawa penyakit berpunca daripada banyak makan dan banyak tidur. Ramai Wakil Rakyat sudah meninggal. Kita kena jaga kesihatan kita. Kalau rakyat kurangkan makan, kuranglah kuantiti mengimport beras dan bahan makanan lain, maka kuranglah aliran wang keluar yang boleh digunakan untuk aktiviti perniagaan di dalam negara. Kurangkan tidur boleh memberikan masa yang lebih luas untuk membaca atau membuat kerja-kerja amal yang lain. Dengan ini, insya-Allah, rakyat Johor khasnya akan kelihatan lebih sihat dan lebih segak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekadar itu ucapan daripada saya, sekian wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tuan Speaker : Ucapan Panjang lebar, bernas ada *point* yang baik tetapi saya tak berapa jelas daripada sini sebab mungkin mikrofon tidak begitu *clear*, daripada tempat saya ni tak berapa jelas dan tak berapa *clear* butiran setiap satu ini, mungkin kita kena baiki sistem mikrofon. Saya tak pasti pegawai kerajaan dengar kat belakang? Di sebelah sana dengar? Saya tak *clear* kat sini, tak berapa jelas apa benda yang dibutirkan. Ok, apa pun seterusnya daripada Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rundingan menjunjung kasih, titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Patik juga ingin merafak sembah sujud menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama Dewan Negeri Yang Ke-14. Keprihatinan Tuanku dalam aspek berkaitan dengan rakyat dan pentadbiran negeri ini patut dititik beratkan oleh setiap Ahli Dewan yang mulia ini.

Stulang juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh rakyat Johor kerana telah membuat satu keputusan yang cukup bijak dalam pilihan raya umum yang lalu, iaitu telah memberi mandat atau pun amanat yang cukup besar kepada Pakatan Harapan untuk menjadi barisan kepimpinan yang baharu yang akan mentadbir kerajaan Johor untuk tempoh lima tahun yang akan datang. Oleh kerana kehendak rakyatlah kita berada di sini. Terimalah hakikatnya bahawa rakyat telah pun menolak kepimpinan kerajaan Barisan Nasional yang dulu.

Rakyat sudah tidak tahan lagi dengan politik yang di bawa oleh kerajaan sebelum ini. Biarlah kita mengambil penolakan rakyat terhadap kerajaan sebelum ini sebagai satu iktibar di mana rakyat yang paling berkuasa. Terlalu yakin, angkuh, tidak amanah, memandang remeh suara rakyat dan kehendak rakyatlah yang akan akhirnya membawa kepada kecundangnya sesebuah kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan Pakatan Harapan pasti tidak akan menghampakan rakyat yang menaburkan harapan dan keyakinan yang penuh kepada kerajaan baharu. Bahkan kerajaan pasti akan bertungkus lumus dalam melunaskan segala janji-janji serta melakarkan polisi-polisi yang baik demi menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat Johor.

Dan saya cukup yakin, kerajaan sekarang yang dipimpin oleh Menteri Besar serta barisan EXCO dari masa ke semasa akan mengumumkan program-program yang baik dan bermanfaat dan tidak ketinggalan juga janji-janji Pakatan Harapan yang dikotakan juga telah

menyusul satu persatu. Antara yang telah diumumkan adalah seperti air percuma, Skim Takaful Warga Emas, Kad Sihat Johor, penghapusan Kuota Menegak Kerajaan, pengecualian lesen penjaja, tender terbuka, hadkan tempoh MB, diskaun 50% PPR, Harapan Siswa, insentif kahwin.

Jadi, buat kali pertamanya dalam sejarah Malaysia, negara kita mengalami peralihan kuasa pentadbiran daripada Barisan Nasional ke Pakatan Harapan baik di peringkat negeri mahupun di peringkat Persekutuan. Rakyat Malaysia dan Bangsa Johor telah mempamerkan kepada seluruh dunia bahawa peralihan kuasa telah terlaksana dengan aman dan teratur. Tahniah diucapkan. Rakyat rata-rata juga berasa bangga dengan kematangan yang dipamerkan dalam menghayati sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Patik sekali lagi, juga merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih kerana Baginda sebagai ketua negeri Johor telah melantik Menteri Besar Johor dan barisan EXCO yang baharu untuk mentadbir negeri Johor. Terima kasih juga diucapkan kepada para pegawai kaki tangan dan jentera pentadbiran kerajaan kerana telah mempamerkan etika kerja yang cukup profesional dalam proses peralihan kuasa ini. Peranan mereka dalam memberikan taklimat pentadbiran bimbingan nasihat kemas kini semasa dalam pentadbiran serta kerjasama yang ditonjolkan telah menyumbang kepada kelancaran peralihan kuasa. Kerjasama erat dengan kerajaan sekarang *Government Of The Day* yang telah disemai sejak 9 Mei perlulah diteruskan bahkan diperkukuhkan demi kemakmuran negeri Johor. Ini kerana tanpa perkhidmatan yang cemerlang, penuh dedikasi dan integriti kaki tangan kerajaan adalah amat sukar untuk kerajaan melaksanakan dasar-dasar untuk kepentingan rakyat. Biarlah kita sama-sama berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Sekali lagi ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua JCS. Terima kasih.

Selain itu, Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan Pakatan Harapan sekarang memang merupakan sebuah kerajaan yang mengambil sikap yang sangat terbuka. Ini terbukti dengan mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang dengan memberikan elaun dan juga pejabat dan juga seperti yang dikatakan oleh Menteri Besar tadi, kita juga menambah baik apa-apa program yang telah dilaksanakan. Ini menunjukkan kita merupakan satu kerajaan yang mengamalkan sikap yang terbuka. Segala cadangan atau idea yang bernas, pasti akan diterima dan dikaji. Kerajaan pasti tidak akan menolak sesuatu rundingan atau cadangan yang baik atas sebab datang daripada pihak pembangkang, jangan risau. Asalkan dengan niat baik dan ikhlas. Kritikan tersebut bukan berunsur tuduhan yang tidak berasas dan berniat jahat. Justeru itu, kita haruslah menjadikan Dewan yang mulia ini, sebagai satu pentas yang pertama memeras otak dalam membincangkan segala masalah berkenaan isu rakyat dengan bernas. Menggubal undang-undang untuk rakyat, memberikan cadangan-cadangan yang kreatif, biarlah perbahasan kita sebagai saluran percambahan minda dan pencetusan idea. Sebagaimana yang dimaksudkan dalam titah Tuanku yang mengingatkan semua Ahli Dewan Negeri supaya menjaga adab dan tata tertib ketika berbahas dan tidak mahu Dewan dijadikan seperti *sarkas*.

Yang Amat Berhormat Tuan Speaker, di sini izinkan saya juga membentangkan serba sedikit keadaan di CIQ BSI dan saya juga akan membentangkan isu ini secara lebih terperinci. Sebagaimana yang kita sedia maklum, masalah kesesakan lalu lintas di CIQ BSI merupakan satu masalah yang memang membelenggui rakyat Malaysia yang kerap ulang alik Malaysia-Singapura. Para pelancong rakyat asing yang memasuki Malaysia juga mengalami masalah yang sama. Kerajaan pusat dan kerajaan negeri, memang memandang serius perkara ini, dan saya juga ditugaskan oleh Jawatankuasa Infrastruktur Kerja Raya dan Pengangkutan untuk mengetuai Jawatankuasa Petugas Khas *(Special Taskforce)* untuk memantau isu ini.

Jadi, untuk makluman penggunaan BSI dan KSAB kian meningkat. Di sini saya membentangkan sedikit *figure* iaitu jumlah orang yang keluar masuk 2017 di BSI dan KSAB adalah sekitar 102 juta dengan purata harian 280,000. Maksudnya, satu hari 280,000 orang pakai BSI dan KSAB ini. Jumlah kereta persendirian yang masuk pada tahun lepas di

kedua-dua pintu masuk sempadan adalah sekitar 9 juta buah kereta, *9 milions*, 9 juta dengan purata harian adalah 25,000 buah kereta satu hari. Walaupun banyak urus tadbir di bangunan BSI ini melibatkan jabatan di peringkat Persekutuan tetapi adalah penting juga untuk saya membawa isu di sini bagi menunjukkan keprihatinan dan peranan kerajaan Johor dalam membawa, mengangkat isu ini ke peringkat Persekutuan dan Mesyuarat Kabinet yang melibatkan ramai rakyat Johor.

Masalah pokok dengan pentadbiran sempadan adalah bangunan CIQ seperti BSI dan KSAB di sempadan bukan ditadbir oleh sebuah agensi tunggal ya. Saya ulangi, bukan ditadbir oleh sebuah agensi tunggal. Dengan kata lain, setiap agensi kerajaan yang berkaitan yang berada di CIQ akan menjalankan tugas masing-masing dengan melaporkan kepada kementerian masing-masing, di BSI ada 23 agensi manakala di KSAB ada 13 agensi serta beberapa syarikat swasta yang diberikan kontrak penyelenggaraan.

Kementerian yang terlibat adalah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Pertanian dan Industri Asas Tani, menteri pun ada sini, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Kementerian Pelancongan. Ketiadaan sebuah agensi tunggal di bangunan CIQ sekarang bermakna, bermakna apa? Setiap pegawai akan melaksanakan tugas masing-masing dengan arahan daripada Ketua Jabatan masing-masing daripada kementerian masing-masing sahaja. Tiada seorang Komander ataupun Jeneral yang mampu atau berkuasa untuk memberi arahan kerja yang menyeluruh di dalam bangunan CIQ. Koordinasi kerja menjadi kurang berkesan. Koordinasi antara kementerian hanya melalui mesyuarat dan kerjasama yang ada selama ini lebih berbentuk *goodwill,* dengan izin. Ini adalah kerana para pegawai di kementerian yang berlainan tidak mempunyai obligasi untuk menuruti arahan daripada pegawai yang berlainan kementerian. Ya, ini adalah keadaannya.

Yang keempat, keadaan ini telah mengakibatkan polisi-polisi yang baik lebih sukar dilaksanakan kerana wujudnya kekangan di antara kementerian. Yang akhirnya, tindak balas akan menjadi lambat apabila kita menangani kes-kes kecemasan terutamanya di sempadan negara Malaysia. Contohnya ya, sini saya nak berikan satu contoh, kami telah mengkaji dan mendapati terdapat beberapa kelemahan reka bentuk dan prosedur-prosedur yang berlaku di BSI di sini bukan saya nak menyalahkan sesiapa, hanya keadaan yang memang begitu. Antara yang mengakibatkan kesesakan adalah bagi laluan kereta semasa masuk Malaysia, kaunter Imigresen dan kaunter *roadcharge tollplus* adalah di dua tempat yang berlainan. Hanya dipisahkan sekitar 4 meter. Ini telah mengakibatkan para pengguna perlu berhenti dua kali untuk menyelesaikan ketiga-tiga urusan tersebut. Kalau mereka yang biasa keluar balik, keluar masuk Singapura akan biasa memerhati keadaan seperti ini. Jadi keadaan seperti ini, masa kita 10 saat dibazirkan untuk setiap kereta. Masa akan melebihi 10 saat untuk kereta yang lebih besar dan panjang. Ini belum lagi mengira masa yang akan dilengahkan sekiranya kad kredit *touch 'n' go* tidak mencukupi dan adanya urusan *top up*. Jadi, untuk menyelesaikan masalah ini ya, panel sentuhan *roadcharge* dan *tollplus* perlu dialihkan ke tempat yang sama dengan kaunter Imigresen. Tetapi untuk menyelesaikan perubahan ini, koordinasi dan persetujuan daripada empat kementerian adalah diperlukan iaitu KDN, MOT, JPM dan Kementerian Kerja Raya. Jadi, keberkesanan akan bertambah baik jika adanya satu agensi tunggal yang memantau isu. Antara kebaikan pembentukan agensi tunggal, *one stop centre* ataupun *single agency* adalah; yang pertama, mengurangkan birokrasi dan pentadbiran sempadan di mana respons yang cepat adalah satu keperluan. Agensi tunggal ini bukan sahaja mempunyai bidang kuasa dalam aspek Imigresen sahaja tetapi kuasa untuk menahan seperti Polis, pengeluaran saman trafik, pengurusan bangunan dan sebagainya.

Walaupun isu ini pernah dibincangkan dahulu oleh kerajaan sebelum ini, tetapi memang ada keperluan cemas agar perkara ini dibawa sekali lagi agar pembentukan agensi tunggal di CIQ boleh dilaksanakan dalam masa terdekat ini. Contoh agensi tunggal di seluruh dunia, di Singapura, agensi tunggalnya adalah ICA 2003, *Imigresen and Checkpoint Authority*, di mana agensi ini, *authority* ini mempunyai kuasa yang lebih dan lebih menyeluruh. Yang kedua, di Kanada, 2003 *Canada Border Service Agency*. Ini juga merupakan satu agensi

tunggal untuk memantau pentadbiran di sempadan. Yang ketiga, di Australia, *Australia Border Force (ABF 2015*) telah pun ditubuhkan untuk memantau pentadbiran di sempadan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEN) telah pun digubal pada tahun 2017 oleh kerajaan sebelum ini. Akta ini telah membawa kepada penubuhan agensi kawalan sempadan Malaysia yang bertanggungjawab mengawal kegiatan penyeludupan atau kegiatan tidak sah di sempadan dalam Malaysia. Akta ini lebih kepada usaha mengekang risiko jenayah penyeludupan. Pada pendapat saya, penggubalan akta dan penubuhan agensi tersebut oleh kerajaan sebelum ini masih belum cukup menyeluruh dari segi pentadbiran dan kawal selia sempadan ya, belum cukup menyeluruh. Justeru itu, penyusunan semula, penambahbaikan atau menggubal Akta khusus dalam pentadbiran sempadan Malaysia-Singapura yang membawa kepada pembentukan agensi tunggal perlu dikaji serta-merta.

Pada pendapat saya, memantapkan pentadbiran sempadan di BSI dan KSAB ini bukan semata-mata hanya untuk menangani isu kesesakan sahaja, ia juga adalah satu keperluan dalam menampung permintaan penggunaan yang semakin tinggi seperti angka yang telah saya utarakan tadi dijangkakan pada tahun depan dan seterusnya angka akan melebihi angka sekarang. Pembentukan agensi tunggal yang membawa kepada pentadbiran yang lebih berkesan mantap dari segi koordinasi pentadbiran akan memastikan keselamatan negara kita dikawal dengan baik kerana BSI dan KSAB merupakan dua pintu masuk utama di bahagian selatan Johor. Lebih-lebih lagi kita juga terpaksa mengharungi cabaran yang kian sukar dalam menangani ancaman *terrorist*, cabaran globalisasi, cabaran keselamatan, cabaran melawan penjenayah global berkumpulan, cabaran penyeludupan barangan atau manusia, cabaran melawan *terrorist*, cabaran bersaing dengan pasaran antarabangsa dan negara jiran dan sebagainya cukup besar, cukup besar Yang Berhormat Tuan Speaker.

Jadi, selain itu penggunaan aplikasi Big Data dan *Artificial Intelligent* (AI) dalam sistem kawalan dan rancangan masa depan merupakan satu *trend* atau keperluan yang tidak boleh dielakkan lagi. Justeru itu, untuk memenuhi keperluan ini pembentukan agensi tunggal di sempadan merupakan rangka asas, rangka asas yang akan menampung kepada segala kolaborasi, integrasi dan akomodasi perlaksanaan yang lebih cekap kerana tanpa agensi tunggal ini ya, dengan cara koordinasi sekarang ini banyak benda kita tidak boleh laksanakan. Ini akan melambatkan kemajuan negeri Johor. Jadi, ekonomi Johor dan pendapatan Johor pasti akan meningkat ataupun mendapat pacuan yang amat positif jika pintu masuk ke Johor, Malaysia dapat ditadbir dengan berkesan.

Jadi, sekali lagi ingin saya tegaskan lagi adalah keprihatinan dan kesungguhan kerajaan Johor dalam menangani isu ini. Dan, kami memang berharap dan akan membawa isu ini ke peringkat Persekutuan dalam masa yang secepat ini supaya isu ini dapat dipantau dan kerajaan Johor memang mengalu-alukan segala pandangan membina daripada setiap pihak untuk menyelesaikan masalah ini. Kerana ini adalah masalah yang runcing, masalah untuk, masalah Johor, masalah Malaysia yang cukup merisaukan semua.

Jadi, kesimpulannya sekali lagi tahniah kepada rakyat Johor yang mempunyai barisan kepimpinan yang baru kita yakin dengan kerajaan Pakatan Harapan yang baru. Patik juga merafak sembah junjung kasih atas keprihatinan baginda Tuanku. Terima kasih juga kepada pegawai tadbir kerajaan yang mendorong kepada kelancaran peralihan kuasa dan kami serta menjanjikan kerjasama yang erat. Jadikanlah Dewan ini sebagai pentas yang positif dan akhirnya adalah berkenaan dengan isu kawalan sempadan Malaysia-Singapura dengan pembentukan agensi tunggal di sempadan. Dan, di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong rundingan yang dibawa oleh Senggarang.

YB Speaker : Terima kasih.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih kepada Stulang. Seterusnya daripada Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas Titah DiRaja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bagi Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri untuk Penggal Ke-14 ini. Sesungguhnya Dewan yang mulia ini selayaknya menjadi saksi bahawa saya dan seluruh pasukan pembangkang negeri Johor dengan penuh kesungguhan akan mentaati titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Kami semua dari Barisan Nasional akan memberikan yang terbaik untuk memastikan segala hasrat dan aspirasi yang dititahkan oleh Tuanku dapat diterjemahkan dengan sebaik-baiknya, Insya-Allah. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan secara rasmi ucapan tahniah Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan selaku kerajaan negeri yang baru. Malah, secara peribadi saya juga berterima kasih atas kesediaan kerajaan negeri untuk mengiktiraf secara rasmi jawatan, kedudukan serta peranan Ketua Pembangkang Johor pada hari ini Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana telah menyerahkan kunci bagi bilik Pejabat Ketua Pembangkang pada pagi ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, secara ringkasnya saya boleh merumuskan titah Tuanku Sultan Johor kepada 3 perkara asas.

1. Tuanku Sultan mahukan kita semua selaku Wakil Rakyat memberikan yang terbaik untuk Johor dan masyarakatnya.

2. Kita mesti menghormati dan menjadikan Dewan ini sebagai forum terbaik membincangkan isu rakyat dan;

3. Menjadi tugas kita semua untuk membawa Johor ke tahap yang jauh lebih baik dari sekarang dan tidak membiarkan ideologi politik mengaburi keputusan kita.

Justeru, atas semangat untuk tidak menjadikan Dewan Negeri Johor sebagai sarkas dan dengan peranan vokal yang tidak matang dan kebudak-budakan, saya ingin menegaskan yang Barisan Nasional akan memastikan kami menjadi pembangkang yang terbaik. Kami akan bekerjasama dengan semua pihak termasuklah ADUN-ADUN dari pihak kerajaan negeri selagi mana kami percaya perkara tersebut akan membuahkan kebaikan kepada rakyat Johor. Kami akan menjadikan amalan politik yang progresif dan profesional sebagai tunjang pembangkang malah saya sendiri akan terus komited membuka jalan ke arah amalan politik yang sempurna dan baik. Ini kerana kerajaan negeri malah semua kami di pihak pembangkang telah dipilih oleh rakyat, jadi sudah menjadi tanggungjawab kita semua untuk tidak menghampakan rakyat Johor yang telah memberikan mandat yang besar. Dan memandangkan mandat kita semua sangat besar, maka pembangkang di Johor berikrar akan memberikan khidmat terbaik. Khidmat dalam bentuk, skala dan kematangan yang tidak pernah dipamerkan oleh pembangkang Johor yang sebelum ini. Dalam erti kata lain, selaku pembangkang baru Barisan Nasional tidak akan mengikut dan mencontohi pendekatan dan sikap Wakil Rakyat Pakatan Harapan semasa kalian menjadi pembangkang sebelum ini.

Sejujurnya, tidak banyak yang dapat kami belajar dari sikap dan pendekatan yang hanya pandai mempertikai dan mempersoalkan semua perkara tanpa memberi alternatif dan jawapan terbaik yang dipamerkan oleh pembangkang sebelum ini. Oleh itu Tuan Speaker, saya ingin menegaskan bahawa demi menyantuni Titah Tuanku Sultan Johor dan demi menyuburkan demokrasi yang sihat di Johor pembangkang Barisan Nasional akan menggunakan pendekatan 3 serangkai dalam isu-isu yang kami bangkitkan.

1. Memastikan segala janji kerajaan ditunaikan dengan cara yang sepatutnya. Kita tidak mahu janji-janji yang ditabur sebelum ini yang telah menjadi alasan dan sandaran rakyat dalam membuang undi mereka dimungkiri sesedap rasa oleh kerajaan negeri.

2. Memberi nilai tambah serta idea yang lebih konstruktif kepada segala polisi dan inisiatif baik yang dilakukan. Pembangkang tidak akan membuta tuli dalam membantah, perkara yang baik akan kami sokong dan bantu untuk dijayakan.

3. Mengemukakan alternatif, saranan serta pemikiran baru kepada segala polisi dan inisiatif yang lemah, tidak berkesan serta gagal oleh pihak kerajaan. Pembangkang Johor tidak akan menjadi tin kosong, bak kata pepatah, datang tidak bertambah, pergi tidak berkurang. Walau bagaimanapun, komitmen yang saya janjikan ini hanya terpakai kepada pembangkang daripada Barisan Nasional. Saya tidak berkaitan dengan apa-apa yang dilakukan oleh ADUN-ADUN Bebas yang lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sewaktu pemasyhuran...

YB Speaker : Kita ada satu pembangkang lagi daripada PAS.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Maaf saya tidak berapa dengar.

YB Speaker : Kita ada seorang lagi pembangkang daripada PAS.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Tapi dia tak datang hari ini kan? Yang Berhormat Tuan Speaker, sewaktu pemasyhuran Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat telah menekankan perkara utama dalam melaksanakan amanah adalah keadilan. Keadilan Yang Berhormat Tuan Speaker, saya amat menyanjung tinggi ucapan ataupun pemasyhuran Yang Berhormat Tuan Speaker. Maka Yang Berhormat Tuan Speaker meletakkan ADUN-ADUN Bebas secara sangat terpencil, itu saya kira bukanlah satu keadilan. Cubalah Yang Berhormat Tuan Speaker fikir-fikirkan kedudukan yang lebih sesuai untuk ADUN-ADUN Bebas supaya mereka menjadi sebahagian daripada kita Yang Berhormat Tuan Speaker.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin memulakan perbahasan ini dengan menghuraikan Titah Tuanku Sultan betapa negeri Johor mesti diuruskan dengan baik dari segala segi. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan 2 perkara penting.

1. Kerajaan negeri Pakatan Harapan mewarisi sebuah negeri yang berada dalam kedudukan yang sangat baik. Di bawah pentadbiran Barisan Nasional 5 tahun lepas, buat pertama kali dalam sejarah negara, Johor telah berjaya memintas negeri-negeri yang ditadbir oleh DAP dan PKR seperti Selangor dan Pulau Pinang dalam aspek pelaburan langsung asing FDI. Malah Johor sebagai negeri bukan pengeluar minyak telah menerima FDI tertinggi di negara kita selama 5 tahun berturut-turut dengan jumlah melebihi 3 hingga 6 kali ganda yang dicatatkan oleh Pulau Pinang dan Selangor. Kerajaan Barisan Nasional juga telah berjaya memastikan unjuran fiskal, belanjawan negeri dan hutang negeri berada dalam keadaan terkawal dan positif. Kadar kemiskinan Johor Yang Berhormat Tuan Speaker adalah sifar. Malah rizab Johor berada pada jumlah tertinggi dan meningkat saban tahun. Ringkasnya, kerajaan negeri hari ini mewarisi sebuah negeri yang sihat dan makmur ekonominya. Negeri yang mempunyai kedudukan kewangan yang sangat kukuh dan mempunyai potensi terbaik untuk menjadi kuasa ekonomi selatan negara.

2. Kerajaan negeri sebelum ini telah pun mengenal pasti perkara-perkara kritikal yang mesti diberikan perhatian dalam usaha untuk membangunkan Johor. Antaranya, keperluan untuk beralih kepada kerajaan digital, membangunkan ekonomi kreatif yang berasaskan teknologi dan revolusi industri 4.0, kepentingan menjayakan pelaksanaan pelan pertumbuhan strategik Johor secara berfokus, keperluan membangunkan infrastruktur yang moden dan bertaraf global serta keperluan menyusun strategi yang

khusus dalam agenda mengejar Singapura. Jelaslah bahawa Pakatan Harapan mewarisi Johor yang maju dan diuruskan dengan cemerlang bukannya negeri yang miskin, yang bermasalah dan tidak mempunyai hala tuju. Maka atas dasar itu Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah wajar untuk pembangkang menuntut sekurang-kurangnya 6 perkara berikut:

i. Kesemua pencapaian negeri Johor sebelum ini mestilah digandakan dan ditambah baik oleh Pakatan Harapan. Kerajaan negeri mesti memberi nilai tambah dan sumbangan tersendiri dalam perkara ini. Sekadar mewarisi negeri yang baik, tetapi tidak menjadikan ianya lebih baik, pastinya memalukan. Malah, jika kedudukan serta pencapaian ini tidak dapat di tambah baik atau digandakan nilainya, ia sudah pasti akan menjadikan satu bukti kegagalan besar yang amat mengaibkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh jentera kerajaan negeri. Jadi, sejujurnya kami semua teruja dan amat menantikan pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang pelan pembangunan ekonomi jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk Johor. Pembangkang berharap, pelan yang akan dibentangkan nanti adalah pelan yang akan menyentuh hala tuju pembangunan Johor secara mendasar dan lengkap. Bukan sekadar menukar nama atau mengitar dan mempakejkan semula pelan pertumbuhan strategik Johor atau mana-mana pelan lain yang dibentangkan oleh Barisan Nasional sebelum ini. Harap-harapnya tidaklah pelan pertumbuhan strategik Johor di bentang pula sebagai pelan pertumbuhan strategik Harapan Johor.

   Malah kerajaan negeri mesti tampil membentangkan pelan serta strategi kerajaan negeri untuk berhadapan dengan Singapura khususnya komitmen untuk mencari peluang baru dan membawa balik semula kira-kira 300,000 warga Malaysia yang kini mencari rezeki di sana. Di manakah peluang pekerjaan baru yang akan dibuka? Apakah sektor-sektor terlibat yang akan diberikan perhatian untuk berhadapan dengan perkara ini? Perkara ini penting dan kritikal kerana pihak kerajaan Pakatan Harapan sendiri yang selama ini menggambarkan kepada masyarakat bahawa fenomena ekonomi rentas sempadan adalah sesuatu yang begitu buruk dan memudaratkan rakyat Johor.

   Seterusnya saya mohon agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor membentangkan juga apakah perancangan kerajaan negeri dalam memastikan Wilayah Pembangunan Ekonomi seperti Iskandar Malaysia di bawah IRDA akan terus diperkasa dan diperkukuhkan. Jangan beritahu kami bahawa di sebalik kejayaan wilayah ekonomi serta IRDA, ia akan ditutup dan menerima nasib seperti program-program lain dalam kerajaan. Dan kalau boleh, sila jelaskan juga apakah perancangan terdekat yang baru oleh kerajaan negeri untuk menjayakan Wilayah Pembangunan Ekonomi Utara Johor seperti yang dijanjikan.

   Saya sekadar ingin memperingatkan bahawa di bawah pentadbiran yang lepas, Barisan Nasional telah menjadikan Muar sebagai Kota Perabot Malaysia yang berkepentingan global dengan kedudukan 9 teratas dunia. Malah kita telah berjaya memasukkan Segamat dalam ECER. Jadi, adalah kritikal untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan pula tindakan lain dan strategi baru kerajaan Pakatan Harapan dalam perkara ini.

ii. Saya mohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri membentangkan apakah pelan dan strategi Pakatan Harapan untuk orang Melayu di Johor. Adakah akan wujud strategi khusus kepada orang Melayu? Adakah kerajaan Johor kini akan mengguna pakai pendekatan sama rata seperti yang diperjuangkan sebelum ini? Perlu diingatkan bahawa kerajaan negeri sebelum ini telah memperkenalkan dasar bahawa orang Melayu mesti tinggal di bandar, pelan peningkatan peratusan tanah rizab Melayu, inisiatif bagi menyokong penyertaan bumiputera dalam projek-projek mega serta program kelangsungan dan pemodenan sekolah-sekolah agama. Kesemua ini telah Barisan Nasional Johor

bentang dan kongsikan dengan jelas di dalam Dewan ini tanpa bersembunyi dan tanpa bersikap apologetik. Jadi, sebagai perbandingan yang adil, adakah menjadi tugas Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari ini untuk membentangkan pula apakah dasar-dasar dan program-program khusus untuk orang Melayu di Johor, terutamanya dasar dan program bagi menjaga kepentingan pendidikan orang Melayu serta pelan pembangunan aset-aset strategik orang Melayu di Johor.

iii. Yang Berhormat Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan Tuanku Sultan Johor dalam Titah Baginda turut menekankan kepentingan memberikan perhatian kepada pengurusan sumber alam, tanah, air dan hasil hutan. Justeru selari dengan Titah tersebut perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan ialah betapa kerajaan negeri mesti membentangkan pelan khusus berkaitan dengan air di Johor. Lebih-lebih lagi isu air merupakan antara perkara yang sering dibangkitkan oleh Pakatan Harapan sendiri sebelum ini. Dengan mendakwa kerajaan Barisan Nasional telah gagal untuk memberi perhatian dan menguruskan air Johor dengan berkesan. Justeru kami menuntut kerajaan negeri untuk membentangkan penyelesaian alternatif berhubung perkara ini khususnya bagi mengurangkan harga atau tarif air Johor dan memastikan tiadanya gangguan bekalan air di seluruh negeri Johor.

iv. Kerajaan negeri Pakatan Harapan mesti membentangkan akan laporan penuh status dan pencapaian selepas 100 hari pentadbiran dengan tepat dan jelas. Rasionalnya tuntutan kami ini mudah Pakatan Harapan dalam PRU-14 yang lepas sendiri yang berjanji untuk menyempurnakan beberapa perkara dalam tempoh 100 hari. Jadi, kerajaan negeri mesti mengambil tanggungjawab untuk kongsikan kaedah-kaedah, cara-cara yang digunakan dalam memenuhi janji 100 hari tersebut. Pada masa yang sama saya ingin memaklumkan yang kami di barisan pembangkang akan turut mengeluarkan laporan bagi tujuan memantau, menyemak dan menilai pencapaian 100 hari tersebut berdasarkan Manifesto Pakatan Harapan sendiri. Berdasarkan jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi tadi. Masih terdapat janji-janji 100 hari yang tidak tetap kerana janji perlukan tetap dan tepat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tunku ada menyentuh bahawa kerajaan negeri harus berusaha untuk mendapatkan peruntukkan kewangan kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan bebanan kewangan negeri serta memastikan pembangunan infrastruktur Johor dijalankan dengan baik. Selari dengan Titah itu perkara kelima ialah berhubung dengan status perkembangan serta pendirian kerajaan negeri Johor berhubungan dengan isu-isu yang melibatkan kerjasama dan keputusan oleh kerajaan persekutuan. Banyak sekali isu dan janji yang melibatkan komitmen dan tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan yang harus dipantau oleh kita semua. Antaranya pertama projek kereta api laju Kuala Lumpur-Johor-Singapura (HSR) dan RAPID Transit Sistem antara Kuala Lumpur-Johor Bahru. Kami berharap kerajaan negeri dapat membentangkan secara lengkap dan jelas apakah status dan perkembangan projek-projek mega ini dan kedudukan kerajaan negeri dalam perkara tersebut. Dalam projek RTS khususnya saya meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar bentangkan secara lengkap perkembangan terkini, atau milestone update dengan izin. Pihak-pihak kontraktor yang terlibat dan kos semasa yang telah diluluskan bagi projek RTS ini. Kita nak tahu hala tuju dan masa depan projek ini. Kalau tidak dibentangkan dengan baik rakyat akan tertanya-tanya. Pada masa yang sama saya juga meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk mengambil pendirian yang tegas dan berprinsip dalam perkara ini. Tidak sekadar mengangguk dan menggeleng mengikut rentak kerajaan Persekutuan. Benar dan

kami akui ia adalah keputusan yang sebahagian besarnya diputuskan oleh Putrajaya tetapi Nusajaya juga mestilah berani dan tegas dalam mengangkat suara Johor lebih serius dan bermakna. Lebih-lebih lagi projek HSR dan RTS melibatkan Johor secara signifikan. Ia bakal memberi banyak manfaat dan kepentingan kepada Johor seperti penghasilan, peluang pekerjaan, jaringan perhubungan pengangkutan darat moden yang lebih baik sekaligus mengangkat Johor sebagai Gerabang Selatan Negara. Malah laluan serta jaringannya banyak melibatkan kawasan-kawasan strategik yang dapat dibangunkan dengan lebih rancak dan berfokus. Semua ini akan menjadi katalis pembangunan Johor yang penting dan tidak boleh dibiarkan untuk diputuskan oleh kerajaan Persekutuan semata-mata.

Kedua, keputusan kerajaan pusat yang gagal dan tidak mahu meneruskan tuntutan Preda Branca dari Singapura. Isu ini tidak memerlukan ulasan dan justifikasi yang panjang. Cukup sekadar saya katakan bahawa keputusan tersebut amat tidak wajar dan sangat memberi kesan buruk terhadap kedaulatan negara dan Johor terutamanya dalam aspek pengiraan persempadanan kedaulatan Maritim antara Malaysia, Singapura dan Indonesia serta penentuan zon ekonomi eksklusif ini melibatkan kawasan perikanan, persempadanan serta peluang-peluang ekonomi lain yang berkait rapat dengan Johor. Adalah amat mendukacitakan jika kita di Johor hanya berdiam diri dan menerima sahaja bulat-bulat keputusan kerajaan Persekutuan tanpa sedikit pun bersuara dan memberikan pandangan kita sedangkan yang terlibat yang akan terkesan yang akan menerima natijahnya secara langsung adalah kita di Johor. Jadi saya berharap kerajaan negeri akan membuat sesuatu berhubung perkara ini. Sekiranya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor buntu, keliru dan tidak tahu mengendalikan isu ini kami di pihak pembangkang bersedia untuk memperjuangkannya.

Ketiga, janji penghapusan hutang yang dipaksakan ke atas peneroka FELDA. Salah satu naratif utama atau modal kempen PRU yang menjadi Manifesto Pakatan Harapan adalah untuk menghapuskan hutang-hutang peneroka FELDA. Perkara ini dijual sebagai satu tawaran utama dalam Manifesto 100 Hari Pakatan Harapan. Asas kepada janji ini kononnya peneroka dan masyarakat FELDA semasa di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional digambarkan sebagai tertekan, tertipu dan tidak dipedulikan. Malah wujud dakwaan kononnya kebanyakan hutang peneroka FELDA adalah hutang-hutang yang dipaksakan ke atas mereka. Justeru memandangkan Johor adalah negeri yang mempunyai kawasan rancangan FELDA kedua tertinggi di Malaysia adalah amat wajar kerajaan negeri membuat tuntutan dan susulan segera berhubung perkara ini.

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Baik, terima kasih Tuan Speaker. 5 minit saya siapkan. Kami ingin tahu adakah janji ini sudah diusahakan, apakah statusnya? Bilakah agaknya para peneroka akan dapat menjadi mereka yang bebas hutang seperti yang dijanjikan. Ini belum lagi kita bercakap tentang kebajikan FELDA, isu keselamatan dan masalah sosial seperti penagihan dadah pelan pembangunan belia FELDA. Kesemua ini memerlukan intervensi segera dan komitmen yang serius daripada kerajaan negeri. Ia tidak seharusnya dibiarkan menjadi tanggungjawab mutlak kerajaan persekutuan sahaja seperti titah Tuanku Sultan kita lebih mengetahui tentang Johor ini berbanding dengan orang luar sebab itulah Barisan Nasional Johor telah mengambil langkah proaktif dan tidak menunggu kerajaan Persekutuan sahaja. Kita telah usahakan banyak perkara untuk FELDA antaranya peruntukkan kira-kira RM30 juta bagi menyelenggara jalan-jalan di FELDA. Peruntukkan RM1.03 juta bagi menyelenggara 65 buah sekolah agama di seluruh FELDA Johor. Rundingan dana RM3 juta untuk pembangunan belia FELDA. Peruntukkan tahunan RM1.5

juta setahun di bawah Tabung Latihan Kemahiran Johor bagi tujuan latihan kemahiran belia FELDA Johor. Inisiatif bagi untuk menjadikan FELDA sebagai wilayah pertumbuhan luar bandar yang dinamik dan bedaya saing serta cadangan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyelesaikan masalah pewarisan FELDA dalam tempoh 5 tahun. Saya ingin menegaskan bahawa semua ini yang saya bangkitkan kerajaan negeri mempunyai tanggungjawab dan liabiliti bersama. Kerajaan negeri tidak boleh lepas tangan dan hanya memberikan jawapan menggunakan skema kitar semula yang dikongsikan oleh semua Wakil Rakyat Pakatan Harapan bahawa ia adalah bidang kuasa kerajaan Persekutuan. Ingatlah Yang Berhormat Pakatan Harapan dan kerajaan negeri bukankah ia merupakan titah Tunku Sultan sendiri bahawa kita seharusnya berhati-hati apabila membuat keputusan dan tidak terpengaruh dengan kata-kata atau desakan orang luar yang tidak tahu tantang sejarah dan cara pentadbiran negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum membangkitkan isu kelima dan terakhir saya ingin tegaskan di sini bahawa kadar jenayah dan aspek keselamatan negeri Johor telah bertambah baik dengan drastik sepanjang 5 tahun yang lepas antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian yang positif ini adalah kerjasama yang erat kerajaan negeri dengan pihak berkuasa. Masyarakat tempatan serta pengenalan strategi-strategi khusus yang berfokus paling penting kesemua strategik ini disusun dan dipantau oleh EXCO yang memegang portfolio keselamatan. Malangnya portfolio keselamatan ini sudah digugurkan dan tidak lagi wujud di bawah kerajaan negeri yang baru. Sekali pun saya amat saya sangat tidak bersetuju saya menganggap keputusan ini sebagai keputusan yang lemah dan tidak baik saya bersedia mendengar penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, persoalan kelima dan terakhir saya apakah justifikasi dan rasional kerajaan negeri tidak menjadikan keselamatan sebagai salah satu portfolio kerajaan negeri. Apakah tindakan dan pelan yang akan diambil berhubung dengan isu-isu keselamatan memandang ia sudah tidak dipantau dan diletakkan di bawah satu portfolio khas.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya minta betulkan sebab EXCO Kesihatan kita ada, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan kita tak gugurkan.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Keselamatan, minta maaf kalau saya salah sebut. Portfolio Keselamatan.

YAB Menteri Besar : Saya dengar Kesihatan.

YB Speaker : Teruskan.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak Pembangkang Barisan Nasional yang segala isu dan persoalan yang kami bangkitkan ini akan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan negeri. Saya harap isu-isu ini tidak akan dipolitikkan dan diketepikan begitu sahaja. Memandangkan kesemuanya adalah isu-isu besar yang mesti memberi kesan langsung kepada rakyat Johor. Sebelum akhir sekali lagi saya berterima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan titah DiRaja bagi Persidangan kali ini. Harap harapan kami janganlah dihancurkan kepercayaan dan dirompak keyakinan rakyat yang telah memberikan mandat dan harapan kepada kerajaan negeri. Kalau kekayaan dan rompakan wang negara kita namakan sebagai kleptrokrasi saya yakin rompakan keyakinan dan harapan ini bolehlah digelarkan sebagai kelentongkrasi. Saya yakin kerajaan negeri tidak mahu menjadi kerajaan klentongkrasi. Sekian, terima kasih Tuan Speaker. Saya mohon menyokong

YB Speaker : Ok, terima kasih kepada Benut. Dan, terima kasih atas saranan kedudukan Bebas yang berada di belakang. Saya akan bincang dengan Jurutulis tentang kedudukan Bebas di belakang. Tetapi sayang juga ya Benut kepada Bebas ya, sayang juga. Insya-Allah masa pun dah agak lewat cuma ada sedikit makluman ini daripada RTM dia suruh sebut kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat rangkuman Perbahasan setiap hari akan disiarkan di Johor FM Permata Selatan 101.9FM dan melalui e-myklik Johor FM pada 10.05 malam dan ulangnya 8.15 pagi keesokan harinya. Selain itu isu-isu menarik yang dibahaskan juga akan diulas oleh ADUN atau EXCO berkenaan secara live pada 12.30 tengah hari di Johor FM. Jadi, itu sahaja untuk tengah hari ini. Insya-Allah kita, Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Persidangan disambung pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput, Simpang Jeram.

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Puan Speaker, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Doa. Firman Allah yang bermaksud, "yang demikianlah mereka yang apabila kami berikan kedudukan, kekuasaan di atas muka bumi, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengajak manusia kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran. Kepada Allahlah kembalinya segala urusan".

Puan Speaker. Ampun Tuanku, adalah patik yang bersidang pada hari ini mengambil kesempatan dan ketetapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Johor Yang Keempat Belas.

Puan Speaker, pertamanya saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan dan mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Speaker dan Timbalan Speaker dan mengharapkan...

YB Timbalan Speaker : Terima kasih.

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : ... Pelantikan ini akan memartabatkan kedudukan Dewan yang mulia ini dan sudah barang pasti rakyat mahu melihat suatu anjakan ke arah pemeliharaan dan bagaimana demokrasi akan dapat diterjemahkan dalam bentuk yang sebenarnya. Puan Speaker, saya juga merakamkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat rakan saya sebagai Menteri Besar Negeri Johor dan pasukan EXCO yang telah dibentuk dan kita yakin dan percaya bahawa mandat ini bukan suatu barang dagangan, bukan suatu yang harus kita terima dengan tempik sorai dan gelak ketawa, tetapi suatu anugerah, amanah yang mesti dipertanggungjawabkan untuk memelihara kembali nama baik negeri Johor dan juga segala apa yang diamanahkan kepada kita.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada rakan saya, Benut yang menjadi Ketua Pembangkang pada kali ini. Mungkin konotasi ataupun naratif perkataan Pembangkang itu sering kali membawa nilai yang negatif dalam masyarakat. Ini masanya bagi saya, kita semua memurnikan kembali perkataan itu dan kalau sekiranya kita menyemak kedudukan pembangkang dalam negara-negara maju, seperti dalam *The House of Common* di United Kingdom, ketua pembangkang itu dipanggil *Her Majesty's, most loyal position*. Begitu juga negara-negara maju mengangkat dan mamertabatkan kedudukan

ketua pembangkang, dan kami harap peranan *check and balance* ini akan dapat dimainkan secara jujur, tanggungjawab dan bukan lagi dalam naratif lama, kami kerajaan, kamu pembangkang, maka berlakulah perkelahian dan persengketaan yang tidak kunjung padam.

Timbalan Speaker, saya juga menjunjung kasih di atas hasrat Tuanku untuk melihat bagaimana segala kemuliaan yang termaktub dalam Undang-Undang Tubuh negara ini dan negeri ini dipelihara. Dan saya memberikan jaminan bahawa kedudukan dan hubungan antara raja dan rakyat mesti diperkukuhkan. Kita punya Perlembagaan yang utuh, yang tidak tersentuh dan kita punya Perlembagaan Negeri yang pastinya dihormati. Satu naratif yang dikisahkan kembali dan diungkapkan dengan perkataan sastera Melayu yang paling purba dan anotasi yang paling klasik ialah sebagai yang tercatat dalam kitab sejarah Melayu yang ditulis, dikaji dan ada di antaranya membuat tesis penting dalam perakuan PhD mereka yang menelaahnya.

Saya ungkap kembali pada petang ini untuk kita kembali menghayati bagaimana orang Melayu ini ada perjanjian, ada suatu konvensyen yang murni walaupun ia dianggap sastera sejarah yang diabadikan dan dijadikan suatu yang penting dalam kita mengkisahkan kembali tentang taat raja, rakyat kepada raja dan bagaimana pula tindak balas raja terhadap rakyat. Saya ungkap kembali dalam suatu buku yang ditulis oleh Profesor Datuk Sidek Fadil dalam mengungkap kembali tentang sejarah Demang Lebar Daun dan Titah Sangsa Purba ini. Dengan kata-kata, 'Ada pun Tuanku segala anak cucu patik sedia akan menjadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan. Hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu Duli Tuanku dan jika ia berdosa sebesar-besar dosa pun, janganlah diaibkan, dinistakan dengan kata-kata jahat, jikalau besar dosanya, dibunuh. Itu pun kalau berlaku tidak melanggari hukum syarak. Maka Sangsa Purba pun bertitah, 'akan minta bapa itu hamba kabulkanlah, tetapi hamba minta satu janji dari bapa hamba'. 'Janji yang mana itu tuanku?' 'Hendaklah di akhir zaman kelak, anak-anak cucu bapa hamba, jangan derhaka kepada anak cucu kita. Jikalau zalim dan jahat pekerti sekalipun'. 'Baiklah tuanku. Tetapi jikalau anak buah tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkannya', titah Sangsa Purba. Maka dalam kisah ini, berlakulah satu naratif, suatu dialog, suatu interaksi bagaimana dua institusi penting rakyat dan raja itu diperakukan. Dan kami daripada Pakatan Harapan memberikan jaminan walau apa pun keadaan sekalipun, *in whatever circumstances*, dengan izin, maka kedudukan raja ini akan kami pelihara kan dan kita pelihara kan. Apa yang termaktub dalam Perlembagaan akan kita pegang utuh. Apa yang tercatat utuh dalam Perlembagaan Negeri Johor akan kita pastikan ia berlangsung dan berjalan dalam tatasusila, adab dan juga perilaku dan budi pekerti sebagai Bangsa Johor yang mahu kita angkat seutuhnya. (Dewan bertepuk).

Puan Timbalan Speaker, dalam naratif itu saya ungkapkan kembali tentang Bangsa Johor di mana ia bermula, ada latar belakang sejarah yang penting, Yang Mulia Maharaja Abu Bakar memerintah negara ini di saat negara lain tidak ada perlembagaan, tidak ada suatu peraturan pada waktu itu. Maka pelabur-pelabur, pekerja-pekerja asing datang untuk memenuhi suatu konsep dan suatu boleh katakan aliran FDI pada waktu itu dengan sistem kangchu diperkenalkan di negeri Johor. Maka, datanglah mereka ke negeri ini bekerja di ladang-ladang getah, lada hitam dan gambir. Dan lama kelamaan mereka ramai dan diperakui oleh Maharaja Abu Bakar bahawa mereka adalah rakyat negeri Johor dan di situ lah bermula naratif apa yang dikatakan Bangsa Johor. Sebab itu kami daripada Pakatan Harapan mendukung konsep Bangsa Johor ini, kerana apa? Ia bukan bertolak daripada asas perkauman, dia bukan bertolak pada asas satu kaum, dia bukan bertolak di atas satu pandangan yang sempit, tetapi atas keluasan seorang pemerintah Johor yang pada waktu itu yang telah membawa suatu gagasan pemikiran yang besar yang saya rasa pada hari ini, insya-Allah Yang Berhormat rakan saya Dato' Menteri Besar Johor akan membawa konsep ini pada suatu dimensi yang lebih luas, insya-Allah. Kerana kita yakin, tanah Johor, kedudukan strategiknya yang ada pada hari ini menjadi begitu penting dan ini masanya untuk kita menjadikan Bangsa Johor ini akan dapat kita ungkap daripada apa yang kita sebut *economy of scale*, permainan ekonomi yang lebih besar, yang lebih pantas memajukan negeri Johor, kita punya segala *facilities*, kita punya segala legenda, sejarah yang boleh kita agungkan, kita ada hubungan yang baik dengan Singapura, rantau Asia

Tenggara dan Johor sendiri boleh berdiri kukuh di samping mungkin kerjasama yang utuh daripada kerajaan pusat untuk melangkah sendiri, insya-Allah ke arah menarik pelabur yang lebih luas dalam negeri Johor ini, insya-Allah.

Puan Speaker, saya juga ingin mengungkapkan di sini tentang bagaimana Pakatan Harapan ini membawa falsafah yang perlu kita kongsi bersama iaitulah tentang *good governance*, dengan izin. Adalah terlalu mudah untuk menyebut perkataan *good governance*, menyelak kamus, mencari definisi paling baik. Tetapi apakah sebenarnya makna *good governance*? Dalamnya ada terkandung nilai integriti, keamanahan yang Allah sebut dalam al Quran (membaca firman Allah) ayat ini menunjangkan tentang amanah itu mesti diberikan kepada mereka yang berhak sehingga ayat yang menyebabkan turun ayat ini ialah bagaimana kunci Kaabah itu mesti diserahkan kepada mereka yang menjaga pintu Kaabah, keluarga yang dihormati dan walaupun mereka pada waktu itu belum lagi menganut agama Islam. Atas nilai keadilan itulah, nilai amanah itulah, maka kita melihat Islam itu tegak dengan bagaimana amanah itu diberikan kepada mereka yang ahlinya. Telah banyak kali saya memberikan ucapan di luar Dewan sebelum daripada ini, tak ada kesempatan masuk Dewan, maklumlah Johor bukan mudah untuk masuk dalam Dewan Undangan Negeri Johor, walaupun saya orang Johor, petang ini saya ingin merakamkan apa definisi sebenarnya integriti dan *good governance*.

Rakan di sebelah sana, rata-rata daripada UMNO, MCA dan MIC. Saya berkesempatan menelaah pemimpin-pemimpin yang baik suatu waktu dulu yang telah pun meninggalkan legasi penting. Ingin saya kongsi satu, dua kisah bagaimana mereka melaksanakan apa yang dikatakan integriti. Allahyarham Tun Razak, pemimpin UMNO yang diingati sampai hari ini. Suatu kisah yang saya dah cerita lama, hari ini saya ingin rakamkan dan akan di rekod dalam Dewan yang mulia ini. Satu bulan sebelum beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Beliau menelefon Tun Razak, Tun Razak menelefon Tun Tan Siew Sin daripada kota raya London. Mungkin dia rasa ajalnya telah sampai, yang meminta Tun Rahah dan anak-anak dibawa terbang dari Kuala Lumpur ke kota raya London. Dalam perbualan telefon itu, yang saya baca tersimpan rapi dalam Arkib Negara, Tun Tan Siew Sin mengatakan, Menteri Kewangan pada waktu itu, "minta maaf Tun, Tun hanya layak untuk dapat Tun Rahah sahaja tiket percuma untuk datang ke London", anak-anak tak boleh, tak masuk dalam… kerajaan, tak masuk dalam keistimewaan Tun sebagai Perdana Menteri. Itu percakapan seorang Menteri Kewangan bukan Melayu, bukan Islam yang bercakap dengan ketuanya, dengan bosnya sebagai Perdana Menteri. Yang dia tahu Tun ini mungkin umurnya tak panjang, moralnya bagaimana orang Cina ini menjaga integriti, menjaga setiap sen duit rakyat yang perlu dipertanggungjawabkan. Maka akhirnya kawan-kawan Tun kutip derma untuk melayakkan anak-anak yang lain ikut serta dan hanya Tun Rahah saja dia bayar tiket kapal terbang daripada pihak kerajaan.

Tidak perlu kita berhempas pulas mencari makna integriti. Tidak perlu ada seminar agung untuk kita mencari apa sebenarnya integriti tetapi kita harus kembali untuk jadi pemimpin-pemimpin seperti ini. Menjaga setiap sen duit rakyat, kalau tadi Yang Berhormat daripada Benut mengatakan bahawa ia perlu kita teruskan sara hidup FELDA, perlu untuk kita sambung perjuangan peneroka FELDA, betul kita mahu meningkatkan hidup mereka. Bagaimana kita mahu teruskan masuk FELDA hari ini duitnya *zero.* Dulu ada RM13 bilion, saya tidak minat untuk membawa naratif lama ini, tapi kerajaan baru ada tanggungjawab, kerajaan baru akan terus mencari dan berikhtiar mencari ganti kerugian yang hampir RM13 bilion ini dan insya-Allah kalau kami segera mendapat kembali kekuatan ini banyak lagi, insya-Allah kebajikan peneroka FELDA yang akan kita abadikan dan kita berikan pada masa yang akan datang.

Tapi ini memerlukan komitmen kita semua, mesti kita kembalikan integriti ini. Kalau Tun Razak boleh, kalau Tan Siew Sin boleh pada waktu itu kenapa kita tidak boleh. Kalau Tun Razak Melayu, kita ini siapa. Kalau Tan Siew Sin itu Cina sekarang ada sapa, ada Guan Eng, hari ini kita ada ramai EXCO kita yang ada pada hari ini, kita ada Tan Hong Pin, kita ada hari ini Liow Cai Tung semua ada, kalau dulu kita ada Tun Sambanthan dulu kita ada Tan Sri Manikavasigam yang dianggap negarawan ulung,hari ini kita ada ramai tokoh-tokoh

India. Mengapa tidak dalam naratif kita bangunkan kembali negara dan negeri ini. Kalau kita berjaya untuk menjaga setiap sen duit rakyat masuk dalam Perbendaharaan kita, maka Johor bangsa Johor ini akan tidak payah bersusah payah untuk berjuang terpekik terlolong bersuara kuat untuk mengangkat darjat kita *our action speak louder*, dengan izin.

Akhlak kita akan bercakap, perangai kita akan menerjah jiwa manusia dan insya-Allah kalau kita baik, kalau kita punyai integriti, kalau kita punya wibawa insya-Allah Pakatan Harapan mungkin tidak boleh dikalahkan. Saya masih berlapik ya, saya guna mungkin *because we are human being, we are not angel*. Kita bukan Malaikat, kita manusia biasa tapi kalau kita kembali untuk mengambil naratif ini saya kena percaya rakyat yang di luar sana yang lebih cerdik pada hari ini akan memberikan sokongan kepada kita, insya-Allah atas nama Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Speaker, sebagai Menteri Pertanian saya akan bergabung tenaga dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk menjadikan Johor insya-Allah sebuah negeri yang penting dalam sektor pertanian. Saya berhasrat untuk menjadikan Johor hab pengeluaran daging, Johor ada lagi tanah-tanah yang luas, ada pemain-pemain tempatan dan pemain-pemain antarabangsa yang mula menunjukkan minat. Kita akan jadikan Johor hab kerang-kerangan, pantai Johor daripada Pantai Batu Pahat sampai ke Tanjung Piai tidak sama dengan Pantai-pantai Melaka, Selangor, Perak, Kedah dan seumpamanya.

Dan kajian yang dibuat baru-baru ini pantai daripada Batu Pahat ke Tanjung Piai adalah tempat yang subur untuk projek kerang-kerangan. Harga kerang hari ini bukan 1 kg RM0.30 sen lagi. Harga kupang hari ini 1 kg bukannya RM1.00 lagi, paling-paling murah di pasar pun RM8.00, RM9.00, RM10.00, RM12.00 kadang-kadang sampai RM15.00 satu kilo. Insya-Allah dengan kudrat yang ada sepakatan kerajaan pusat dan negeri kita boleh menjadikan satu realiti bahawa pantai dari Batu Pahat sampai Tanjung Piai akan kita bangunkan sebagai hab kerang-kerangan terbesar di Malaysia, insya-Allah. (Dewan bertepuk).

Minggu depan saya akan bersama dengan...

YB TimbalanSpeaker : YB sila gulung.

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Menteri untuk saya pergi ke China ada 2 perkara yang tidak selesai dalam industri penting untuk kita *penetrate* dengan izin pasaran besar China iaitu tentang durian dan juga sarang burung. Insya-Allah dalam kunjungan kali ini, delegasi kali ini sekiranya kita dapat sain tandatangani protokol durian dan sarang burung ini Johor juga destinasi yang terbaik. Tanah kita masih luas untuk ditanamkan dengan *variety* buah-buahan, kita ada nanas MD2, kita ada pelbagai tanaman yang subur, kita ada kelapa status kelapa yang boleh dibangkitkan industri ini dan saya yakin bahawa Johor akan boleh menjadi hab buah-buahan dan tanaman-tanaman, insya-Allah.

Masa tidak mengizinkan saya, terima kasih di atas ucapan pertama di bumi bertuah ini sebagai anak Johor, saya akan bersama dengan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama dengan Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Johor untuk menjadikan Johor negeri termaju insya-Allah dalam Persekutuan Malaysia. Terima kasih, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Seterusnya saya mempersilakan YB Sedili.

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain (Sedili) : Bismillahirahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (Doa). Terima kasih Yang Berhormat Speaker, selamat tengah hari dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Pakatan Harapan kerana berjaya membentuk kerajaan Negeri Johor selepas di pilih rakyat pada PRU14 baru-baru ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan Yang Berhormat daripada Barisan Nasional biarpun tidak lagi memegang tampuk pimpinan kerajaan negeri Johor namun sebahagian besar rakyat ini juga masih memilih BN sekali gus saya berharap rakan-rakan BN dapat kuatkan semangat dan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat seperti sebelum ini.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan menjunjung kasih titah Ucapan Duli Yang Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan yang dipertua bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim Bagi Persidangan Pertama Dewan Negeri bagi kali yang ke - 14. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim JDT kerana berjaya merangkul kejayaan Liga Super buat 5 kali berturut-turut dan kejayaan itu lebih bermakna kerana membolehkan skuad Harimau Selatan melayakkan diri ke Kejohanan Liga Juara-Juara Asia, musim depan buat pertama kalinya.

Sesungguhnya sebagai bangsa Johor kita berbangga dengan pencapaian tersebut hasil usaha Tunku Mahkota Johor yang mahu mengembalikan kegemilangan bola sepak negeri ini. Sebagai bangsa Johor kami percaya akan ada lebih banyak lagi kejayaan yang akan dilakar pasukan JDT di masa-masa akan datang. Tahniah Tuanku.

Yang Berhormat Speaker, seperti titah ucapan Duli Yang Mulia Sultan Johor semasa merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama ke -14 pada 9 Ogos lalu. Persidangan kali ini melakar satu sejarah kerana pertama kali berlaku perubahan yang menyeluruh kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri yang menyaksikan parti gabungan Pakatan Harapan mentadbir negeri ini. Baginda juga menegaskan bahawa perubahan itu bukan bermakna wujudnya satu kerajaan yang baru tetapi hanyalah barisan kepimpinan yang baru atau dengan izin *rolling government* yang mentadbir kerajaan negeri Johor dengan asas tujuan yang kekal sama iaitu menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat Johor.

Dengan itu, saya menyokong serta menjunjung titah Tuanku yang mahukan mana-mana program yang baik dan telah dibuat oleh pentadbiran terdahulu dikekalkan atau ditambah baik dan bukannya terus diberhentikan.

Yang Berhormat Speaker, sebagai Wakil Rakyat yang sudah diberi mandat oleh rakyat maka sudah menjadi tanggungjawab saya menjadi suara rakyat dan menggunakan platform yang saya ada dalam Dewan yang mulia ini untuk membangkit berbagai isu serta permasalahan rakyat saya di Sedili sekali gus memperjuangkan apa yang dimahukan oleh mereka. Bebas bukan sebarang bebas, bebas kerana ada makna. Dan selain daripada isu-isu tempatan perkara yang banyak disuarakan rakyat kebelakangan ini adalah berhubung tawaran Pakatan Harapan iaitu janji yang diberikan semasa PRU 14 baik yang akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari, mahupun dalam tempoh 5 tahun kepada rakyat janji tetap janji maka mereka mahu janji itu ditepati.

Jika mengikut beberapa laporan akhbar prestasi perlaksanaan manifesto yang ditawarkan Pakatan Harapan di negeri ini pada PRU 14 yang lepas sudah mencapai 85% manakala bakinya 15% akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari. Biar pun Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberikan jaminan bahawa kerajaan negeri Pakatan Harapan komited untuk melaksanakan tawaran yang diberikan namun sehingga kini rakyat tidak dimaklumkan dengan terperinci apakah yang sudah dan akan dilaksanakan.

Sebentar tadi Yang Amat Berhormat baru sahaja menjawab soalan daripada Rengit 10 janji Pakatan Harapan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari, ialah:

1. Jawatan Menteri Besar masih maksimum penggal telah dijelaskan, rakyat tak tahu lagi. Tender terbuka semua tender kerajaan telah dilaksanakan.
2. Air percuma 10 meter padu air percuma kediaman kepada golongan D40.
3. Bekalan air berkualiti tanpa gangguan dah diselesaikan

4. Hapuskan kuota menegakkan kerajaan dalam pengagihan Rumah Mampu Milik Johor telah diselesaikan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.
5. Kad sihat Johor RM500 setahun bagi golongan D40 baru dilancarkan pada September , belum dilaksanakan lagi.
6. Skim Takaful Warga Emas manfaat RM1000.00 kepada pewaris telah dilancarkan, tahniah.
7. Insentif IPTD RM1000.00, pelajar yang berjaya memasuki IPTA bagi golongan D40 telah dilaksanakan, tahniah.
8. Insentif perkahwinan kelompok kursus perkahwinan percuma untuk yang pertama kali kahwin bukan yang kali yang kedua kahwin akan dilaksanakan pada September, belum dilaksanakan lagi.
9. Pengecualian lesen penjaja Pihak Berkuasa baru dilancarkan malam tadi.
10. Bayaran tunggakan sewa PPR diskaun 15% telah dilaksanakan,

Alhamdulillah, kini sudah hampir 100 hari kerajaan negeri Pakatan Harapan memerintah namun belum ada lagi kedengaran perancangan spesifik yang akan dilaksanakan bagi memajukan negeri Johor ini. Jika kerajaan negeri kepimpinan BN dahulu mahu melihat Johor muncul sebagai kuasa ekonomi baru, bagaimana pula kerajaan negeri Pakatan Harapan mahu promosikan Johor ini.

Rakyat kini sedang menunggu dengan penuh harapan apakah yang akan dinikmati dan akan ditawarkan kerajaan negeri Pakatan Harapan kepada bangsa Johor dalam berbagai sektor termasuk limpahan ekonomi, pekerjaan, perumahan dan pendidikan dan bangsa Johor tentu sekali tidak mahu melihat perancangan yang terkebelakang.

Takkanlah sehingga hari ini kerajaan negeri Pakatan Harapan hanya mahu merancang untuk menukar label dan jenama bas Muafakat Johor kepada bas Harapan Johor sahaja sehingga mengundang kemarahan segelintir bangsa Johor walaupun ia tidak mewakili keseluruhan suara rakyat Johor, namun mereka tetap rakyat negeri ini yang turut bersama memilih pada PRU 14 yang lepas. Itu hanya sekadar contoh Yang Amat Berhormat. Bagaimanapun, saya sentiasa percaya setiap orang itu mempunyai kelebihan masing-masing. Begitu juga kerajaan negeri Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Osman Sapian maka sudah tiba masa kerajaan negeri yang dibarisi kepimpinan baru ini menunjukkan kelebihan sekali gus membuktikan kepada rakyat kemampuan yang ada. Kerajaan negeri Pakatan Harapan perlu ingat bahawa gabungan itu bukan lagi Pembangkang tetapi parti yang memerintah, justeru adalah wajar mereka memberi tumpuan kepada usaha untuk terus membangunkan negeri Johor yang kita sayang ini. Dan hentikan berpolitik kerana saya percaya rakyat juga sudah muak dengan cakap-cakap politik. Biarpun ada yang berpendapat kerajaan negeri Pakatan Harapan sekarang menang kerana permainan persepsi yang dimainkan mereka. Namun hakikatnya, yang menang tetap menang dan kalah tetap kalah. Maka adalah wajar apabila sudah menang, segala janji yang ditawarkan sebelum ini ditunaikan kerana rakyat sudah pun memilih dan memberi kepercayaan kepada pimpinan kerajaan negeri yang baru ini. Dalam bahasa mudah buatlah kerja dan hentikanlah berpolitik maka besarlah harapan saya agar kerajaan negeri sekarang dapat memenuhi janji yang dibuat kepada rakyat.

Yang Berhormat Speaker, di sini saya juga ingin membangkitkan mengenai isu-isu tempatan di kawasan Sedili. Isu yang saya anggap sebagai isu lama yang sehingga kini tidak dapat diselesaikan seperti masalah air, khasnya di kawasan Gugusan Waha, Bukit Waha dan Bukit Easter. Air di kawasan ini amat kritikal dan ia sudah berlanjutan hampir 20 tahun. Apabila berlaku masalah air, ia akan membabitkan kira-kira 15,000 penduduk di Gugusan FELDA tersebut. Dengan itu, saya meminta kerajaan negeri dan pihak terlibat dapat membina sebuah tangki air yang ada sepertimana di taman-taman perumahan supaya air dapat disalurkan terus kepada penduduk di ketiga-tiga kawasan itu apabila berlaku masalah air. Selain itu juga, masalah pembabitan, membabitkan Jalan Kota Tinggi ke Mersing terutama di kawasan Bukit Samsu yang bukan sahaja kerap berlaku kemalangan malah ia sering dinaiki air terutama apabila waktu hujan.

Semalam sahaja Yang Berhormat Speaker, ada lagi satu kes kematian. Setakat daripada Januari hingga ke hari ini ada 134 kes yang melibatkan 80 lebih orang kematian. Saya juga ingin meminta kerajaan negeri untuk memberi tumpuan kepada sektor pelancongan di kawasan Sedili kerana sememangnya Sedili mampu menjadi salah satu tempat tarikan pelancongan yang lebih tertumpu kepada konsep pelancongan mampu milik. Di Desaru sekarang sedang rancak dibangunkan dengan berbagai tarikan pelancong yang saya percaya hanya mampu dikunjungi golongan berkemampuan. Dan atas sebab itu, Sedili dapat memenuhi keperluan pelancongan mampu milik yang tidak ditawarkan di Desaru. Maka besarlah harapan saya untuk melihat Sedili ini diberikan tumpuan dalam usaha menambah baik kemudahan di Sedili selain membangunkan kawasan di situ sebagai tempat pelancongan.

Baru-baru ini saya bersama-sama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta telah menganjurkan program menghimpunkan kereta klasik *Volkswagen Beatle* dan *Combi* yang melibatkan penyertaan peserta dari negara Asean seperti Singapura, Indonesia, Thailand serta peserta tempatan. Rata-rata mereka yang pertama kali berkunjung di Sedili, terkejut dengan keindahan yang ada di Sedili dan menyatakan hasrat untuk kembali makan angin di situ. Dan saya percaya hasil penganjuran program itu, secara tidak langsung telah berjaya menjual nama Sedili dan tidak mustahil suatu hari nanti Sedili muncul antara tempat tarikan pelancongan-pelancongan utama di negeri ini.

Yang Berhormat Speaker, akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi kesempatan untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa sama, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada seluruh rakyat Sedili, di atas kepercayaan yang telah mereka berikan kepada saya dengan memilih saya sekali lagi untuk mewakili mereka pada penggal ini. Sesungguhnya segala keputusan dan tindakan yang saya buat adalah demi untuk pengundi saya di Sedili. Saya telah diamanahkan oleh mereka untuk menjadi pengantara antara rakyat dan kerajaan, maka saya akan terus berjuang dengan kemampuan dan keringat saya demi rakyat Sedili.

Yang Berhormat Speaker, kalau di sebelah sana pihak pembangkang ada pejabat. Kita di Bebas..

YB Timbalan Speaker : Bebas juga nak pejabat?

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain (Sedili) : Kita pun nak pejabat juga. Kerana inilah pertama kali di negeri Johor berlakunya calon-calon Bebas. Jadi saya minta kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya dengan prinsipnya soal adil. Inilah adil, kalau Pembangkang di sana ada pejabat…

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Lantik Ketua Bebas dulu..

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain (Sedili) : Di sini pun ada pejabat. Kalau di sana ada elaun, di sini pun ada elaun. Inilah baru dikatakan kerajaan Harapan yang adil.

YB Timbalan Speaker : Tapi dapat peruntukan bukan.

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain (Sedili) : Oleh itu sebab itu, sekian terima kasih Sedili menyokong. Sekian, terima kasih.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Peruntukan.

YB Timbalan Speaker : Saya jemput YB Kahang.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Salam Sejahtera, salam perpaduan, salam muafakat Johor, Yang Berhormat Puan Speaker. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Ke Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Yang Berhormat Sedili, minta semua elaun sama macam Ketua Pembangkang tapi dia dapat peruntukan lebih dia tak nak cakap dekat Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Puan Speaker dan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli MMK dan juga kepada semua Ahli-Ahli Dewan kerana dipilih dan juga kepada kerajaan Pakatan Harapan sebagai kerajaan yang baru.

Yang Berhormat Puan Speaker, Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuanku telah bertitah bahawa, "Mana-mana program yang baik yang telah pun dibuat oleh pentadbiran terdahulu, iaitu kerajaan Barisan Nasional perlu dikekalkan atau ditambah baik dan bukannya terus dihentikan". Dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi ketika menjawab soalan lisan juga telah memberikan penekanan yang sama bahawa kerajaan Pakatan Harapan tidak akan terus menghentikan dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional malah akan menyambung ataupun membuat penambahbaikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam Bajet tahun 2018 yang telah pun dibentangkan oleh Mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerusi kerajaan Barisan Nasional pada bulan November 2017 beberapa perkara telah pun diputuskan di mana ianya sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2018. Pertama sekali ialah berkaitan dengan dalam konteks pengambilan kakitangan awam yang pelbagai dan inklusif. Di mana dalam Bajet 2018 telah pun dinyatakan dengan terang sekali pada tahun 2018, setiap PBT di negeri Johor perlu mengambil sekurang-kurangnya 5 orang kaum India dalam pelbagai gred dan pangkat di setiap PBT di negeri Johor. Termasuk PBT yang terbaru iaitu Pengerang, maknanya 16 PBT, dengan 5 orang dalam setiap PBT maknanya 80 orang daripada masyarakat India sepatutnya diambil untuk bekerja di peringkat PBT. Jadi saya ingin tahu di manakah peringkat pelaksanaan perkara tersebut kerana Yang Berhormat Speaker, ini adalah sesuatu yang baik, baik untuk negeri Johor memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk terlibat dalam sektor awam khususnya di peringkat kerajaan negeri Johor.

Di bawah kerajaan Barisan Nasional sebelum ini juga kita sudah ada Pegawai Perhubungan Masyarakat India. Di setiap Pejabat Daerah, kita ada Pegawai India di setiap Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebenarnya pada tahun 2018 sekiranya kerajaan Barisan Nasional masih lagi berkuasa sepatutnya pelaksanaan pengambilan masyarakat India di dalam PBT sepatutnya dilaksanakan. Jadi saya berharap kerajaan Pakatan Harapan akan melihat kepada perkara ini dan saya juga ingin tahu keputusan daripada pihak EXCO sama ada perkara ini akan dilaksanakan ataupun tidak? Sekiranya tidak dilaksanakan apa alasannya dan sekiranya pelaksanaannya akan dibuat, bila ia akan di laksana? Saya telah pun mencadangkan kepada MMK pada penggal lepas, di antara 80 orang yang akan diambil bekerja dalam PBT ini, sekurang-kurangnya 10 jawatan mestilah jawatan di peringkat Pegawai Perhubungan Awam. 10 Pegawai Perhubungan Awam sekurang-kurangnya N41 dan ditempatkan di 10 PBT yang terbesar di negeri Johor. Jadi cadangan tersebut juga telah pun disampaikan kepada Mantan EXCO yang menjaga KPKT, jadi saya harap EXCO yang ada pada hari ini akan meneliti perkara ini dan satu keputusan yang baik akan dilaksanakan kerana dari segi ekonomi, ini juga akan membantu masyarakat India. Pada masa yang sama, masyarakat India juga memang minat terlibat dalam sektor awam di negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada hari ini negeri Johor berada dalam landasan yang betul di mana dengan izin, Johor akan menjadi *The New Economic Power House of Malaysia*. Jadi dalam konteks menjadi *Economic Power House of Malaysia*, jangan hanya melihat dalam konteks berapa banyak pelaburan yang dibawa masuk ke negeri Johor. Jangan hanya lihat dalam konteks *surplus* bajet ataupun dari segi ekonominya, tetapi untuk menjadi sebuah *Economic Power House*, di mana apabila pelabur-pelabur ingin, kita menarik pelabur masuk ke negeri Johor, perkara pertama yang akan diambil kira oleh pelabur-pelabur tersebut, adakah Johor mempunyai tenaga kerja yang mahir?Kerana perkara ini cukup penting. Pelabur yang masuk ke negeri ini yang melabur berjuta ringgit, berbilion ringgit, mereka memerlukan tenaga kerja mahir untuk menjalankan operasi mereka. Sekiranya negeri Johor tidak dapat menawarkan tenaga kerja tersebut, maka pelabur-pelabur tersebut terpaksalah ke negeri lain seperti di Sabah, di Terengganu, Sarawak dan sebagainya, membawa mereka masuk ke negeri Johor. Sekiranya ini juga tidak berlaku, maka pelabur-pelabur tersebut, terpaksa membawa pekerja asing untuk terlibat dalam sektor ataupun operasi mereka di negeri Johor ini.

Jadi sebab itulah kalau kita lihat di negeri Johor ini kita ada Unit Swadaya Insan Negeri Johor yang telah pun ditubuhkan pada penggal lepas dan negeri Johorlah negeri yang pertama di Malaysia, kita melihat kepada hala tuju yang jauh, kita telah tubuhkan Unit Swadaya ini ataupun Johor HR, *Johor Human Development Capital* nak panggil apalah, tetapi tujuan dan fungsinya ialah utnuk memastikan Johor bersedia untuk menerima cabaran dalam konteks pekerja mahir dan apakah kursus-kursus yang harus kita lihat, kita teliti untuk memastikan semua kursus yang ditawarkan di negeri Johor selaras dengan kehendak pasaran dan sebagainya. Jadi kalau kita lihat dalam Bajet 2018, sekali lagi kita ada satu Dana Tabung Latihan Kemahiran sebanyak RM5 juta untuk kursus ataupun latihan-latihan kemahiran, RM2 juta untuk masyarakat umum, RM1.5 juta untuk belia FELDA, RM1.5 juta untuk belia masyarakat India. Jadi saya ingin tahu sama ada dana ini ataupun tabung ini telah pun dilaksanakan, di peringkat mana tabung ini sekarang berada, apakah usaha-usaha kerajaan negeri untuk memastikan kita melatih ataupun membuat persediaan untuk melatih belia-belia kita khususnya belia-belia FELDA dan kaum India dan apakah kursus-kursus yang diberi penekanan oleh kerajaan negeri Johor pada hari ini?Kerana kita kena ingat satu benda kita juga kena pastikan bahawa pusat-pusat latihan yang bertauliah yang ada di negeri Johor,kita kena pastikan kursus yang mereka tawarkan selaras dengan kehendak pasaran di negeri Johor. Kita tidak boleh benarkan mereka menawarkan apa sahaja kursus kerana mana-mana belia ataupun sesiapa yang mendapat latihan kemahiran apabila mereka menamatkan latihan tersebut, keluar sahaja, mesti ada peluang pekerjaan, mesti ada majikan yang mengambil mereka. Sekiranya kemahiran yang mereka ada tidak ada di negeri Johor maka belia terpaksa berhijrah dan itulah antara sebab ramai anak-anak Johor terpaksa berhijrah ke Singapura kerana mereka ada latihan kemahiran, ada kemahiran, ada *certificate* dan sebagainya. Tetapi mungkin peluang pekerjaan di Johor, mungkin tidak mencukupi.

Yang Berhormat Puan Speaker, pagi tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah bersetuju apa yang berlaku di Pengerang. *Oil and Gas Industry* merupakan satu industri baru untuk negeri Johor. Apabila industri ini dimulakan di negeri Johor, Johor tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.Kita jauh ke belakang kalau dibandingkan dengan Terengganu dan Sabah.*Oil and Gas Industry* merupakan industri yang baru, jadi kerajaan terpaksa mengambil inisiatif untuk mempastikan kita membuat sesuatu secara drastik, untuk mempastikan anak-anak muda mempunyai kepakaran dan juga kemahiran dalam bidang *Oil and Gas* ini supaya apabila projek Pengerang mula beroperasi maka peluang pekerjaan akan dapat diberikan kepada anak-anak Johor. Kalau tidak anak-anak

Johor sekadar menjadi *spectator,* melihat kepada limpahan ekonomi yang berlaku di negeri Johor.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bersetuju ada 70,000 peluang pekerjaan. Sekiranya warga Johor tidak bersedia dengan kelayakan-kelayakan kerana kebanyakan pekerjaan di Pengerang memerlukan kemahiran yang spesifik. Dan sekiranya anak-anak muda tidak ada kemahiran-kemahiran tersebut, maka peluang untuk mendapat pekerjaan di Pengerang terlepas daripada tangan kita. Jadi, Puan Speaker, saya berharap pihak kerajaan negeri menerusi Unit Swadaya Insan akan mengambil tindakan segera untuk mempastikan supaya latihan kemahiran, ia dijadikan sebagai sesuatu yang agresif. Bukan mudah untuk menggalakkan anak-anak muda ini terlibat dalam bidang-bidang kemahiran ni, 3D *sector* adalah sesuatu yang tidak diminati tetapi kita kena turun buat *roadshow* terangkan kepada mereka apakah kebaikan, apakah impak di sebalik dan berapakah jumlah pendapatan yang mereka boleh dapat sekiranya mereka mempunyai kemahiran-kemahiran yang tertentu.

Yang Berhormat Puan Speaker, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai tanah upacara khairat masyarakat India di negeri Johor. Perkara ini sebenarnya tanah upacara akhirat *or the final rights* untuk masyarakat India. Kerajaan negeri yang lepas telah pun mengenal pasti sebidang tanah sebanyak satu ekar di Tanjung Langsat di kawasan Pasir Gudang dan juga sebenarnya tapak itu telah pun diluluskan dalam MMK pada 2016. Tetapi kerana masalah teknikal, berlaku masalah teknikal, maka Majlis Perbandaran Pasir Gudang memohon supaya tapak yang berada di sebelah itu dimohon, maka, tapak tersebut telah pun dipinda ke tapak yang sebelah, di mana dipersetujui oleh kerajaan negeri, dipersetujui oleh MMK, dipersetujui oleh Persatuan Pengurusan Upacara Kematian Orang-Orang Hindu Negeri Johor dan juga oleh masyarakat umum. Dan dana untuk mendirikan kompleks tersebut juga telah pun diluluskan. Semuanya dah ada. Semuanya dah ada. Jikalau Yang Berhormat Puan Speaker, masih lagi ingat, ketika itu menjadi Ketua Pembangkang, pernah Yang Berhormat Puan Speaker dengan penyokong-penyokongnya daripada DAP berjumpa dengan saya menyerahkan memorandum mendesak supaya projek ini diselesaikan dengan segera. Jadi hari ini, Yang Berhormat Puan Speaker tak payah nak mendesak lagi, Puan Speaker tak payah nak membawa memorandum lagi, dah jadi Speaker....

YB Timbalan Speaker : Tapi malang tak berjaya pada sebelum PRU 14.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Senyum dan bisik kepada pegawai berkenaan, saya rasa mungkin perkara ini akan dapat diselesaikan dengan segera kerana Majlis Perbandaran Pasir Gudang menunggu keputusan Hasil Bumi untuk kelulusan tapak tersebut dan selepas diluluskan, projek ini boleh dimulakan. Ini adalah perjuangan bukan sahaja Barisan Nasional tetapi sekiranya Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat sendiri telah membawa memorandum, makna ini adalah perjuangan bangsa Johor, khususnya masyarakat India. Jadi saya harap kerajaan akan mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan isu ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, beberapa isu berkaitan dengan kawasan saya, saya juga ingin tahu apakah status pembinaan *sanctuary* gajah di negeri Johor, di daerah Kota Tinggi kerana di kawasan saya ini masih lagi ada gangguan gajah. Untuk makluman Puan Speaker, di kawasan saya sekarang ada lebih kurang 30 ekor atau 40 ekor gajah, di Kampung Sri Lukut, di Kluang ni ada Kampung Gajah tapi gajah-gajah ini tak nak bertapak di Kampung Gajah, mereka suka di Kampung Sri Lukut, mereka merosakkan tanaman, masuk ke kawasan-kawasan FELDA, FELDA Ulu Dengar, FELDA Kahang Timur, FELDA Kahang Barat, termasuk kawasan rakan kita daripada Paloh pun, FELDA Kahang Barat, semuanya dirosakkan oleh gajah-gajah ini, jadi, saya harap Jabatan PERHILITAN akan terus melaksanakan operasi untuk menangkap gajah ke, menghalang gajah ke, saya tak tahu apa mereka nak buat. Tetapi saya juga nak tahu status *sanctuary* ini kerana tujuan kerajaan lepas menubuhkan *sanctuary* ialah untuk selesaikan isu ini. Supaya gajah-gajah ini

dapat dipindahkan ke *sanctuary* gajah. Jadi, perkara itu perlu diberi perhatian oleh Jabatan PERHILITAN dan juga oleh EXCO yang berkenaan.

Yang Berhormat Puan Speaker, di Kampung Sri Lukut, Kahang juga ada permohonan tanah, kawasan sawah yang ada permohonan tanah menerusi Pejabat Tanah Kluang. Saya rasa sudah lebih daripada 6 hingga 7 bulan sehingga hari ini, belum ada apa-apa status terkini, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan di daerah Kluang akan cuba untuk selesaikan walaupun penduduk telah pun serahkan semua dokumen-dokumen berkaitan dalam konteks permohonan untuk tapak tersebut. Jadi, saya harap pihak jabatan, Pejabat Tanah Kluang akan membantu penduduk Kampung Sri Lukut dalam penyelesaian masalah tanah mereka ini.

Dan juga Puan Speaker, projek bekalan air bersih di Kampung Sedohok, Kampung Orang Asli Sedohok. Ketika kempen pilihan raya yang lepas, turunnya pegawai-pegawai dan konsultan daripada KKLW mengatakan sejurus tamatnya PRU, maka projek bekalan air di Kampung Orang Asli Sedohok akan dimulakan. Kerana isu air di kampung asli ini adalah isu lama yang berpanjangan. Tetapi selepas tamatnya PRU, bertukarnya pucuk pimpinan, terus hilang pegawai-pegawai tersebut. Sehingga hari ini, saya pun tidak pasti apakah status terkini mengenai perkara tersebut. Kerajaan Pakatan Harapan ni nak sambungkan air ke tidak. Kita pun nak tahu. Jangan kerana tukarnya kepimpinan, bekalan air diputuskan, tidak disambung. Jadi, saya harap pihak KKLW akan tampil untuk memberi jawapan untuk apakah status terkini projek bekalan air bersih di Kampung Orang Asli Sedohok? Dan, Puan Speaker, ada masa lagi ke Puan Speaker? Oh ada, ok.

Puan Speaker, dan ini juga adalah satu isu di kawasan Puan Speaker sendiri, kawasan Penggaram, SJK(T) Seri Pelangi, ok. Sekolah SJK(T) Seri Pelangi adalah antara sekolah yang telah menerima dana sebanyak RM150,000.00 untuk projek penyelenggaraan dan penambahbaikan bangunan sekolah pada tahun 2017. Dan keputusan ataupun pekeliling ketika untuk pada tahun 2016-2017 ialah mana-mana sekolah Tamil di Malaysia, di bawah peruntukan kecil RM150,00.00 ini, projeknya akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor daripada kalangan masyarakat India, masyarakat India. Jadi ketika itu kita ada pekeliling daripada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia dan dana telah pun disalurkan kepada pihak sekolah pada 2017 tapi saya tak pasti kenapa projek itu tidak dijalankan, ok, tidak dijalankan. Sekarang dah tamatnya PRU, ok, pejabat PPD Batu Pahat mengatakan mereka akan melaksanakan projek ini tetapi terma sudah pun ditukar bukan lagi untuk kontraktor India tetapi kontraktor Bumiputera.

Jadi, ini telah pun memberi satu keadaan di mana PIBG dan juga LPS merasakan tidak puas hati kerana sepatutnya projek ini diberikan kepada kontraktor India, kenapa sekarang apabila tukarnya kerajaan, sudah ada perubahan dasar, ok, di mana ini berlaku di Batu Pahat sahaja. Daerah-daerah lain ok, ada daerah yang ok lagi, tapi kenapa PPD Batu Pahat membuat keputusan ini. Apabila didesak dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan siapa menukar dasar, ini keputusan kerajaan baru, itulah jawapan mereka secara spontan. Jadi, saya berharap isu ini perlu diselesaikan. Kalau dah janji nak beri kepada kontraktor India, dana dah masuk ke pihak sekolah 2017, projek 2017, baru RM150,000.00 bukan RM150 juta. Jadi serahkan projek ini kepada kontraktor India yang kecil supaya mereka juga dapat menjana pendapatan, membantu pihak sekolah dan sebagainya. Kalau ikut projek yang biasa maknanya prosedur-prosedur yang lain, akhirnya apa yang akan di dapat oleh pihak sekolah hanya sedikit sahaja. Jadi, Yang Berhormat Speaker yang juga ADUN kawasan tersebut, bantulah. Maknanya, dua perkara ya yang saya bangkitkan akan dibantu oleh Yang Berhormat Speaker, Puan Speaker pada kali ini.

Dan juga, isu berkaitan dengan kontraktor-kontraktor kecil negeri Johor. Dan mantan EXCO Kerja Raya ada di sini, dia boleh juga *confirm*. Di mana sebelum ini dalam kerajaan Barisan Nasional, projek-projek jalan di bawah Infra Desa Johor, Infra Desa Johor juga telah pun ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor kecil negeri Johor. Tetapi, baru-baru ini difahamkan tawaran seperti ini tidak lagi diberi kepada mereka. Jadi, ini juga sekali lagi telah membawa kepada suatu keadaan rasa tidak puas hati, rasa tidak puas hati. Orang dah mula buat

perbezaan dan perbandingan, kenapa apabila tukarnya kerajaan, kerajaan baru peluang-peluang yang diberi kepada kontraktor kecil India Johor tidak diberikan lagi. Jadi, saya harap kerajaan dan juga pihak yang berkenaan akan meneliti perkara tersebut. Kalau boleh panggil balik persatuan tersebut bincanglah cara yang terbaik bagaimana *win-win situation* boleh membantu kontraktor-kontraktor kecil India di negeri Johor. Kalau Barisan Nasional boleh melaksanakan, saya percaya Pakatan Harapan juga boleh melaksanakan perkara tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker...

YB Timbalan Speaker : YB, gulung.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Pada hari ini saya ucap terima kasih kepada, kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, beliau telah bercerita mengenai Bangsa Johor dan sebagainya dan Bangsa Johor dalam konteks Muafakat Johor dan sebagainya, dan saya rasa pelik pada hari ini *term* Muafakat Johor tidak lagi digunakan di Johor? Muafakat Johor tidak ada kaitan dengan politik. Ini bukan muafakat Barisan, ataupun muafakat Nasional dan sebagainya. Muafakat Johor ialah semangat kenegerian di negeri Johor supaya rakyat daripada semua kaum dapat menganggap diri mereka sebagai Bangsa Johor, semangat kenegerian mesti menebal dalam jiwa kita supaya kita berasa bangga dengan negeri Johor. Kalau apabila JDT turun ke padang bola sepak, kita dapat lihat apabila JDT menjaringkan gol, Melayu, Cina, India boleh bersorak bersama-sama, makna itulah Muafakat Johor. Jadi Muafakat Johor bukan sahaja dalam konteks sukan bola sepak, tetapi Muafakat Johor mestilah menyeluruh dalam konteks yang berleluasa. Jadi, saya rasa tak perlulah kerajaan Pakatan Rakyat berasa gusar, risau dengan terma Muafakat Johor sehingga tidak lagi digunakan dan sebagainya. Saya berharap, kaji balik terma Muafakat Johor adalah sesuatu yang telah pun, telah pun diperkenalkan ketika mantan Menteri Besar mengambil alih tampuk kepimpinan dan alasan yang diberikan untuk menubuhkan Muafakat Johor ialah kita kena rasa bangga dengan semangat Bangsa Johor, kita Bangsa Johor, kita rakyat Johor, logo Muafakat Johor itu sendiri telah pun diluluskan, mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri. Ini bukan keputusan MMK, bukan keputusan Menteri Besar, bukan keputusan EXCO Perpaduan, ...

YB Timbalan Speaker : Masih banyak?

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Bukan keputusan kerajaan Barisan Nasional.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung, sila gulung.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Puan Speaker, saya faham. Logo Muafakat Johor mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri. Jadi, bila Tuanku sendiri telah pun meng*endorse* logo tersebut, telah pun menggalakkan terma Muafakat Johor dan Bangsa Johor digunakan, saya rasa kerajaan baru tak perlu risau (Dewan bertepuk)

Hanya kerana seseorang menggunakan Muafakat Johor itu tidak bererti Barisan Nasional, itu rakyat Johor. Jadi, kaji balik perkara ini, kaji balik. Ini mendapat perkenan Tuanku sendiri. Jadi, bagaimana suka-suka boleh tukar logo, suka-suka tak nak gunakan terma Muafakat Johor dan sebagainya.

YB Timbalan Speaker : YB, masa sudah tamat.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Speaker, saya akan berhenti di sini. Jadi, sebelum mengundurkan diri, terima kasih kepada masa yang telah pun diberikan dan tolong selesaikan dua perkara yang telah saya bangkitkan hari ini. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada YB Kahang sebab bangkit perkara di Penggaram juga. Seterusnya, saya mempersilakan YB Machap.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirrahamanirrahim. Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Pertamanya, Machap ingin merakamkan terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam Perbahasan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dalam Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas.

Yang kedua, Machap ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pakatan Harapan yang berjaya memenangi PRU Yang Ke-14, di mana kalau dahulu Pakatan menaruh harapan, menaruh harapan nak tawan Nusajaya, menaruh harapan nak tawan Putrajaya, nak jadi kerajaan, sekarang mereka sudah tawan Putrajaya, tawan Nusajaya dan jadi kerajaan. Bermakna, dalam Dewan Undangan Negeri semasa bersidang yang lepas, apa yang mereka kata, mereka kena renungi balik dan kotakan sebagaimana apa yang mereka telah perjuangkan dalam ucapan-ucapan dalam Sidang Dewan yang lalu.

Yang ketiga, Machap merakamkan rasa syukur kepada dan terima kasih kepada pengundi-pengundi di DUN Machap, rakyat Machap yang masih memilih dan memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional yang saya wakili dalam pilihan raya yang lalu hingga membolehkan saya menang di kawasan DUN Machap. Walaupun kita menyedari bahawa tsunami Pakatan Harapan begitu hebat, gelombang kemaraan Pakatan Harapan begitu mencengkam, sehingga menumbangkan tokoh-tokoh hebat, calon-calon hebat Barisan Nasional walaupun calon-calon yang bertanding itu tidak dikenali oleh orang ramai, rakyat tidak mengenali mereka, apatah lagi jasa mereka tetapi mereka boleh kalahkan calon-calon dari Barisan Nasional yang telah pun berkhidmat satu penggal dan ada yang lebih empat penggal, jasa mereka banyak berbanding dengan tokoh ataupun calon daripada Pakatan Harapan yang tidak dikenali oleh rakyat yang langsung tidak berjasa tetapi mereka menang dalam pilihan raya yang lalu, kerana gelombang tsunami Pakatan Harapan yang dikehendaki oleh rakyat pada masa itu.

Dan kita juga harus ingat, kalau dulu wakil rakyat Barisan Nasional menawarkan, menawarkan perkhidmatan dan pembangunan kepada rakyat tetapi tugas itu sekarang telah diambil oleh Pakatan Harapan melalui wakil rakyat yang menang di kawasan-kawasan tersebut. Tentunya tanggungjawab ini perlu dimainkan oleh Pakatan Harapan dengan sebaik mungkin bagi menunaikan janji dan harapan yang diberikan oleh rakyat kepada mereka. Dan saya berharap agar Pakatan Harapan dapat melakukan yang terbaik untuk rakyat dan juga kita harus sedar bahawa sesebuah kerajaan boleh tumbang bukan kerana kekuatan pembangkang tetapi kerana kelemahan pentadbiran, kerosakannya berlaku dalam kerajaan itu sendiri yang boleh dieksploitasi, dijadikan isu bagi menjatuhkan kerajaan tersebut. Dan ini perlu dijadikan panduan oleh Pakatan Harapan sekiranya ingin kekal lama untuk mentadbir di negara kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Machap tertarik tentang titah Tuanku Perkara 4 yang menyentuh tentang seruan supaya mana-mana program yang baik yang telah dibuat oleh pentadbiran terdahulu perlulah dikekalkan atau ditambah baik bukannya terus dihentikan. Machap sangat setuju dengan saranan ini kerana keutamaan harus lebih diberikan kepada rakyat Johor dan negeri Johor dan bukannya kerana rasa malu atau keegoan kita untuk tidak meneruskan dasar-dasar pentadbiran lama yang baik maka kita tidak meneruskan dasar tersebut.

Di Johor ini kita ada *tag line* yang perlu kita kekalkan bagi memantapkan kepimpinan mendaulatkan perlembagaan, memperkasa pembangunan, memajukan pendidikan, mengukuh kesepaduan bangsa, melestari alam sekitar, merekayasa inovasi dan kreativiti demi kemajuan bangsa Johor Kepada Allah Berserah, Muafakat Itu Berkat, Johor Mesti Jadi Johor dan Johor Luaskan Kuasamu.

Antara yang perlu dikekalkan bagi melambangkan identiti Johor iaitu ucapan salam Muafakat Johor sebagaimana tadi yang telah dinyatakan oleh YB dari Kahang, Machap juga bersetuju agar salam Muafakat Johor ini kita teruskan kerana ucapan ini sudah tersebar luas pengucapannya bukan sahaja di negeri Johor malah juga pengucapannya telah tersebar luas melangkaui negeriJohor.Ini menunjukkan bahawa kita menzahirkan ucapan ini dengan berharap ikatan persaudaraan kuat antara kita bangsa Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Machap juga berpendapat gagasan Johor Berkemajuan wajar diteruskan sebagai manifestasi dari pembangunan negeri Johor yang inklusif dan berimpak tinggi. Ini kerana pencetusannya menggambarkan wawasan kepimpinan negeri Johor yang berkehendakkan perubahan minda rakyat ke arah penglibatan rakyat secara menyeluruh bagi membangunkan negeri Johor yang progresif, maju dan moden serta beradapan tinggi. Sayang kalau kerajaan tidak meneruskan gagasan ini dan sebaliknya lakukan penambahbaikan sekiranya ada kelemahan yang dikesan. Saya memetik kata-kata mantan Menteri Besar Johor yang lalu,"Jika Gagasan Berkemajuan ini kurang padu kukuhkan dia, jika kurang sempurna baiki ia, pokok pangkalnya marilah kita melakukan bersama-sama dalam setiap dasar program dan gerak kerja agar ia selari dan terbudaya kerana inilah jalan terbaik untuk Johor dan masyarakatnya".

Seterusnya titah Sultan menyentuh perkara 6, yang menyentuh tentang tanggungjawab yang besar dan mesti dipukul dengan jujur dan amanah oleh setiap wakil rakyat. Dalam hal ini, sepanjang 5 tahun berkhidmat sebagai wakil rakyat di Machap, Machap berpendapat saya telah cuba buat yang terbaik untuk masyarakat pengundi-pengundi di DUN Machap, dengan membawa beberapa pembangunan seperti pembinaan surau, dewan orangramai, pembinaan *traffic light* di Taman Sri Lalang, mengusahakan untuk pengeluaran geran di 4 buah kampung dan pembinaan sebuah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Machap dan Machap mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YB Pagoh pada masa itu yang menjadi Timbalan Perdana Menteri yang meluluskan projek bagi pembinaan sekolah di Machap.

Dan juga Machap ingin menyentuh tentang manifesto Pakatan Harapan di peringkat nasional di mana dalam PRU yang ke-14 menjanjikan pembelaan nasib yang lebih baik untuk rakyat seperti penghapusan tol, penghapusan GST, hutang PTPTN, menurun harga minyak dan sebagainya. Walaupun kita sebagai rakyat, kita menyedari setiap janji itu perlu ditunaikan tapi kita memahami bahawa setiap janji dalam manifesto itu mungkin tidak dapat ditunaikan kesemuanya. Kerajaan PH harus sedar kemenangan PH dalam PRU yang lalu tidak bermakna rakyat setuju 100% dengan dasar-dasar ataupun manifesto Pakatan Harapan.

Begitu juga rakyat tidak semestinya 100% yang tidak mengundi Barisan Nasional tidak menyukai Barisan Nasional kerana rakyat mahu menukar kerajaan. Jadi PH jangan pula mengambil kesempatan mahu mengubah atau merombak semua perkara termasuk pancang-pancang atau perkara teras dalam Perlembagaan. Berikan keutamaan terlebih dahulu kepada kepentingan rakyat seperti kenaikan harga barang, harga petrol dan tol serta masalah perumahan yang sangat diperlukan oleh rakyat.

Perubahan tidak semestinya begitu mudah menukar atau merombak dasar-dasar yang mantap, mungkin yang diperlukan adalah perubahan strategi dan pendekatan kecuali bagi perkara yang baru. Berikan tumpuan kepada memajukan negara dan kebajikan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pengundi Machap telah mengundi untuk Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu sebanyak 9,375 dan rakyat telah mengundi di DUN Machap untuk Pakatan Harapan sebanyak 8,971 undi. Bermakna kemenangan BN di DUN Machap sekitar 404 majoriti undi sahaja. Jadi Machap berharap walaupun Barisan Nasional ataupun PH kalah di Machap, Machap berharap agar pembangunan dan penyelesaian masalah di DUN Machap jangan dianaktirikan oleh kerajaan PH di negeri Johor ini, sebab kalau dianaktirikan pembangunan, kurangnya penyelesaian kepada masalah yang berlaku di DUN

Machap, bermakna kerajaan PH juga turut menzalimi pengundi seramai 8,971 orang yang mengundi Pakatan Harapan di DUN Machap.

Justeru, Machap berharap agar kerajaan Pakatan Harapan Negeri Johor tidak meminggirkan atau menganaktirikan pembangunan dan juga turut sama membantu menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di DUN Machap. Untuk itu masalah yang pertama yang saya nak bawa dalam Dewan ini iaitu masalah pengurniaan hak milik tanah geran di mana dalam tahun 2017 ada ura-ura pengeluaran 4 geran pemberian hak milik tanah itu di Kampung Melayu Bukit Nyamuk, Kampung Paya Jalan Benut, Kampung Haji Hamzah dan Kampung Sri Merjaya di Simpang Renggam sepatutnya kita sudah keluarkan kepada penerima pada tahun 2017. Tetapi mungkin disebabkan perkara-perkara tertentu, ada kekangan, ada kelewatan dan kita berharap agar pihak PTD, pihak PTG dan Pejabat Menteri Besar sendiri dapat mengurniakan pengurniaan 4 geran tanah ini, 4 kampung untuk pemberian geran tanah ini dapat disegerakan untuk 2018.

Seterusnya isu yang kedua, yang sering Machap bercakap dalam sidang Dewan Undangan Negeri ini iaitu isu gangguan bekalan air. Gangguan bekalan air ini di Machap yang dialami oleh sebahagian penduduk Benut, yang dialami oleh sebahagian penduduk di DUN Layang-Layang ada kaitan dengan tapak buang sampah di Ladang CEP Renggam. Kita, untuk jangka panjang kita mahu tutup tapak buang sampah di Ladang CEP Renggam ini,sebab sekarang ini dikatakan menjadi punca utama berlakunya pencemaran air di Loji Rawatan Air Simpang Renggam.

Bila mana hujan lebat berlaku, berlaku limpahan air *leachete* dari tapak buang sampah ini masuk ke Sungai Ulu Benut dan air daripada Sungai Ulu Benut ini masuk ke Loji Rawatan Air Simpang Renggam dan bila kita lihat paras ammonia yang tinggi melebihi 2 ppm maka SAJ atau loji rawatan air itu akan ditutup serta merta. Dan cadangan untuk jangka panjang, kita akan tutup tapak buang sampah di Ladang CEP Renggam dan kita akan buka satu tapak buang sampah yang baru iaitu di Bukit Payung, sebagaimana tadi YB Senggarang telah sebut, tetapi pihak sana menentang pembukaan tapak buang sampah di Bukit Payung.

Dan saya rasa tidak adil, saya difahamkan setiap hari 200 tan sampah dari Batu Pahat dibuang di tapak buang sampah di Ladang CEP Renggam, di kawasan Simpang Renggam, di kawasan saya. 200 tan dari Kluang di buang sampah di Ladang CEP Renggam dan dari Simpang Renggam sahaja baru 100 tan. Maknanya tidak adil bagi Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Kluang buang sampah di Simpang Renggam. Kesan yang paling teruk dialami oleh penduduk Simpang Renggam ialah kerapnya berlaku gangguan bekalan air.

Bila berlaku kerap gangguan bekalan air ini, kadang kala menimbulkan kemarahan rakyat kepada wakil rakyat. Saya pernah baca dalam satu *facebook*, dia begitu marah kepada wakil rakyat, sampai dia kata, “Kalau saya jumpa YB, saya akan baling baldi dengan besen dekat muka dia”. Wakil rakyatnya ialah saya dan juga Parlimennya ialah Gerakan, nasib baik pada masa itu Tuan Speaker bertanding di Simpang Renggam dia kalah, 2013.Kalau tidak Tuan Speaker sendiri pun kena baling dengan penduduk kerana marah ekoran daripada kerapnya gangguan bekalan air.

Jadi, tadi saya tertarik dengan ucapan YB Senggarang yang meminta supaya diwartakan Bukit Payung itu menjadi tapak untuk rekreasi. Saya dalam hal ini kita menyerahkan kepada kebijaksanaan kerajaan negeri tetapi janganlah kerana kita nak mengekalkan tapak untuk rekreasi, untuk kemudahan penduduk di Majlis Perbandaran di kawasan tersebut kita menganiaya pulak penduduk di kawasan yang lain. Dalam usaha memastikan agar gangguan bekalan air di Machap terutamanya di Simpang Renggam, kita telah buat kerja untuk mengatasi pelbagai cara melalui SPAN, BAKAJ, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya untuk memastikan bahawa tidak ada lagi gangguan bekalan air di Simpang Renggam tetapi sehingga kini masih berlaku. Dalam beberapa siri lawatan oleh rakan-rakan sendiri daripada Pakatan Harapan..

YB Timbalan Speaker : 2 minit lagi, 2 minit.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Daripada Pakatan Harapan, sama-sama turun. Kita menyelesaikan cara kita dengan meminta supaya peruntukan diturunkan dan rakan-rakan daripada Pakatan Harapan pada masa, turun menyelinap kebun kelapa sawit untuk mengetahui punca, sebab berlaku pencemaran ini. Mereka bantu dan mereka juga berharap agar tapak buang sampah ini ditutup. Penyelenggaraan yang terbaik bagi memastikan tidak berlaku pencemaran. Dan kita agak sedih, saya agak sedih bilamana, saya ada baca kenyataan daripada EXCO menyatakan pembukaan tapak buang sampah di Bukit Payung akan ditangguh. Maknanya orang di Simpang Renggam akan berterusan menghadapi gangguan bekalan air ini. Dan pada 5 hari bulan Ogos, 9.00 pagi bekalan air di Simpang Renggam dihentikan operasi kerana pencemaran 6.1 ppm. Inilah yang berlaku di Simpang Renggam. Kemudian pada 10, pukul 11.00 pagi hingga 2.00 petang bacaan semasa ammonia antara 4.5 ppm hingga 4.9 ppm dan operasi di Loji Rawatan Air beroperasi 50% sahaja. Dan juga baru-baru ini, Machap mendapat maklumat bahawa pencemaran ammonia di Sungai Benut ada kaitan dengan tapak Loji Rawatan Kumbahan Penjara Simpang Renggam yang mana memerlukan pembaikan 5 buah STP perlu dilakukan bagi mengelakkan pencemaran ammonia tidak berulang. Dan berharap agar pihak SPAN atau pihak JAS membantu mendapatkan peruntukan bagi menyelenggara loji yang tidak beroperasi di Penjara Simpang Renggam supaya tidak berlaku loji yang tidak di selenggara ini, akan menyebabkan air yang ada kandungan ammonia, air berkumbahan masuk ke sungai hingga menyebabkan gangguan bekalan air.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Seterusnya Machap, sekali lagi mengharapkan agar Pakatan Harapan dapat menunaikan janji-janji sebagaimana pilihan raya yang lepas. Sebab bila Machap melihat, janji-janji Pakatan Harapan di peringkat Nasional telah mendorong rakyat untuk mengundi Pakatan Harapan dan mereka tidak tahu sangat tentang Manifesto daripada kerajaan negeri maknanya bila Pakatan Harapan menyentuh tentang Manifesto di peringkat Nasional maka itulah rakyat mengundi Pakatan Harapan. Moga, segala janji-janji yang telah diberi dapat ditunaikan dengan sebaik mungkin kerana janji-janji yang tidak ditepati merupakan janji-janji seorang yang munafik. Jadi, Machap berharap agar Pakatan Harapan dapat berkhidmat dengan sebaik mungkin untuk tempoh 5 tahun, bagi menunaikan janji-janji dan berkhidmat dengan baik untuk rakyat di negeri Johor dan juga memajukan negeri Johor. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini selama 15 minit dan selepas kita berehat YB Maharani akan memulakan ucapan. Ahli-Ahli Yang Berhormat…

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Speaker, sebelum ditangguhkan, mungkin waktu rehat kita boleh dibetulkan. Saya lihat di sebelah kita ini nama kepada Parti yang mewakili yang bercakap itu, diletak UMNO atau MIC, saya minta kalau boleh dikekalkan BN. Sebab kita, sepatutnya Barisan Nasionallah. Kita semua bercakap bagi pihak Barisan Nasional bukan bagi pihak Parti.

YB Timbalan Speaker : Ok.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima Kasih.

YB Timbalan Speaker : Jadi, saya tangguhkan Persidangan, selepas nanti betulkan. Nanti minta betulkan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.40 petang.

Persidangan bersambung semula pada jam 3.55 petang.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. YB Maharani, jemput.

YB Puan Nor Hayati binti Bachok (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Harapan, sayangi Malaysiaku. (Doa). Terima kasih saya ucapkan kepada Puan Timbalan Speaker kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah berkenan merasmikan Ucapan Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Johor Ke-14. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker dan Tuan Speaker yang telah dilantik sebagai Speaker dan juga Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor yang Ke-14.Saya berdoa agar Tuhan mengurniakan kepada Tuan dan Puan berdua, agar dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini dengan adil dan saksama demi mempertingkatkan martabat dan memelihara kewibawaan Dewan yang mulia ini. Terima kasih dan tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama-sama barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu Para EXCO kerana usaha-usaha gigih barisan kepimpinan baru ini dan memastikan kesejahteraan rakyat terus diutamakan dan harapan besar rakyat terus dapat dipenuhi menerusi 10 janji, 100 hari kerajaan Pakatan Harapan Johor yang kesemuanya telah dan akan dilancarkan serta dilaksanakan selewat-lewat 1 September 2018. Kesungguhan ini akan pasti mempertingkatkan keharmonian dan kemakmuran negeri demi memenuhi harapan rakyat, dari rakyat, kepada rakyat dan kembalikannya demi manfaat rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Titah Tuanku antara lain menyentuh banyak persoalan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat dari sudut ekonomi, pelaburan dalam dan luar negara dan pembangunan infrastruktur. Kesemuanya bersekitar kepada peringatan dan nasihat Tuanku bahawa Ahli-Ahli Dewan Negeri tidak terlepas dari tanggungjawab untuk mengangkat agenda rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi bagi menjamin kesejahteraan seluruh rakyat negeri Johor. Saya yakin sesi soal jawab dan Perbahasan yang matang dalam Dewan Negeri yang mulia ini mampu menyerlahkan aspirasi kerajaan negeri menyahut Titah Tuanku ini, sekali gus menjawab segala kesangsian tentang keupayaan kerajaan Pakatan Harapan untuk membawa negeri Johor ke tahap yang lebih baik daripada sebelumnya. Kerajaan Pakatan Harapan sebagai sebuah kerajaan yang menggagaskan agenda pembaharuan dalam pentadbiran yang mengutamakan rakyat, mempunyai tanggungjawab berat memastikan pengurusan ekonomi negeri terus berkembang biarpun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar. Tanggungjawab mengurus khazanah negeri ini merupakan suatu amanah besar kepada barisan kepimpinan negeri yang baru. Ingin saya tegaskan, juga sekali lagi bahawa pentadbiran negeri dan pengurusan ekonomi yang berkesan harus berteraskan, prinsip tata kelola yang baik atau *good governance*, dengan izin. Seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Simpang Jeram pagi tadi.

Selari dengan Titah Tuanku untuk memastikan kemakmuran negeri terus dipertingkatkan kerajaan Johor harus mengamalkan prinsip-prinsip keamanahan, tadbir urus dan tata kelola yang baik, sifar ketirisan dan perbelanjaan berhemah tanpa mengabaikan keperluan pembangunan dan kepentingan rakyat. Selain itu, bagi memastikan tadbir urus negeri berada pada tahap yang terbaik, pentadbiran kerajaan harus memiliki ciri-ciri menggalakkan penyertaan rakyat. Keputusan yang berorientasikan *consensus*, telus, responsif, berkesan dan cekap, saksama dan insklusif serta menurut kedaulatan undang-undang. Karenah birokrasi yang keterlaluan harus diperhalusi semula kerana ia berkemungkinan menjadikan sistem penyampaian kerajaan tidak efisien seterusnya dapat membantutkan produktiviti negeri. Sebaliknya demi memenuhi aspirasi ke arah negeri berprestasi tinggi, sistem penyampaian perlu menjadi keutamaan demi perkhidmatan kepada rakyat. Teknologi tinggi serta keterbukaan teknologi maklumat harus menjadi asas pembaharuan sistem pentadbiran

kerana pentadbiran yang mengguna pakai teknologi dapat menjimatkan kos, masa dan mengurangkan karenah birokrasi yang membebankan rakyat. Ini bukan sahaja menjamin usaha tadbir urus sistem kerajaan yang baik tetapi juga merupakan suatu usaha untuk memastikan pengurusan dan sistem perkhidmatan pentadbiran efisien dan lancar. Saya percaya, pengurusan yang cekap adalah pengurusan yang mengurangkan karenah birokrasi dan meringankan kos yang ditanggung oleh rakyat.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Titah Tuanku agar kerajaan hendaklah menggalakkan pelaburan yang berterusan dari dalam dan luar negara di samping menyediakan infrastruktur awam yang baik. Dasar yang konsisten dan insentif yang menarik untuk menarik lebih ramai pelabur ke negeri Johor. Saya menyambut baik Titah Tuanku ini dan saya berkeyakinan penuh kerajaan negeri akan terus menjadikan perkara ini sebagai agenda utama dalam pentadbiran. Selain penekanan kepada aspek-aspek fizikal untuk menggalakkan pelaburan, sumber modal insan yang profesional, berkemahiran tinggi, berdaya saing dan memiliki keterampilan juga merupakan suatu tarikan utama kepada pelabur asing dalam dan luar negara. Tanpa penyediaan modal insan yang berkualiti, negeri ini tidak berupaya bersaing dengan negara jiran dan natijahnya para pekerja asing mahir dan separa mahir juga bakal dibawa dari negara luar.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, pembangunan modal insan yang berkualiti dan berketerampilan bermula daripada pembangunan keluarga dalam kita mengejar kemakmuran negeri, kesejahteraan institusi keluarga merupakan komponen terpenting untuk pembangunan negeri yang lebih holistik dan insklusif. Keluarga adalah sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang. Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 dan Dasar-Dasar Kebangsaan seperti Dasar Keluarga Negara turut menegaskan bahawa institusi keluarga adalah unit terpenting dalam masyarakat. Sehubungan itu, adalah wajar institusi keluarga diberi pelindungan oleh masyarakat dan kerajaan negeri khususnya. Justeru, institusi keluarga perlu diperkukuh, diperkaya dan diperkasakan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terkini. Malah keluarga sebagai unit yang paling asas menyediakan landasan untuk pembangunan modal insan bagi menggerakkan pembangunan negeri Johor ini.

Justeru, segala dasar, program, perkhidmatan, perlindungan dan infrastruktur sokongan untuk mendaya upayakan keluarga melalui kekuatan yang sedia ada dalam diri mereka perlu di bangun dan disebarluaskan bagi melahirkan modal insan yang bermaruah, berkualiti tinggi dan berperibadi mulia. Usaha-usaha harus diperhebatkan untuk mengarusperdanakan implikasi kesejahteraan keluarga dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian, program pembangunan ekonomi, kesihatan, sosial, kerohanian, persekitaran, sains dan teknologi serta perundangan di negeri Johor ini. Komitmen kerajaan negeri boleh dipertingkatkan untuk menyemak dan menyusun semula dasar, objektif, strategi dan program pembangunan dan pemantauan supaya lebih mesra keluarga. Bagi mencapai matlamat ini, salah satu langkah yang wajar dilaksanakan di peringkat negeri ialah perwujudan Taska Asuhan Kanak-Kanak di semua pejabat kerajaan, badan berkanun, GLC malah sekiranya dilaksanakan, polisi ini wajar diperluaskan ke sektor swasta. Keperluan khidmat penjagaan kanak-kanak kini telah menjadi suatu keperluan mendesak ekoran beberapa insiden berkaitan Pusat Asuhan Kanak-Kanak baru-baru ini. Kerajaan negeri dicadangkan memperhalusi aspek ini, kerana pengurusan anak-anak dan keluarga yang baik mampu meningkatkan produktiviti ibu bapa. Usaha-usaha lain yang mungkin dapat dikaji kewajarannya termasuk pengenalan insentif kepada sektor swasta di negeri ini untuk memperkenalkan cuti kuarantin kepada ibu bapa yang anaknya dijangkiti wabak penyakit berjangkit seperti HFMD yang sedang berleluasa kini. Kita mengetahui cuti kuarantin ini memberi kelegaan kepada ibu bapa memberi perhatian kepada anak-anak yang sakit berjangkit. Oleh itu amat wajar kelebihan ini juga ditawarkan kepada ibu bapa di sektor swasta. Peningkatan pelaksanaan program kesejahteraan keluarga turut harus difokuskan kepada keluarga yang berbeza struktur dan mudah terancam seperti keluarga yang diketuai ibu atau bapa tunggal. Keluarga yang harus membesarkan anak-anak OKU, bermasalah pembelajaran atau terjebak dengan masalah sosial.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, dalam menuju ke arah negeri yang berprestasi tinggi, keterlibatan wanita terutamanya wanita muda tidak dapat dinafikan signifikannya. Menurut perangkaan 2016, yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2016, terdapat sejumlah 1,721.8 juta penduduk wanita di negeri Johor ini. Jumlah ini bukan angka yang kecil dan jika setiap wanita ini diperdayakan untuk melakukan pembaharuan kepada diri, keluarga dan masyarakat mereka, Johor tentunya mampu muncul sebagai negeri pertama yang mencapai sasaran 30% wanita dalam posisi pembuat dasar di seluruh peringkat pentadbiran kerajaan negeri malah dapat dilaksanakan di sektor swasta. Sebagai sebuah kerajaan yang inklusif, saya percaya kerajaan Pakatan Harapan Johor mempunyai iltizam tinggi untuk meningkatkan pelantikan wanita dalam jawatan-jawatan kanan di dalam sektor perkhidmatan awam negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan negeri, GLC dan GLIC termasuk sektor-sektor agama seiring dengan peningkatan daya kepimpinan wanita negeri Johor sudah tiba masanya, para wanita yang berkemampuan, berkelayakan dan berkemahiran tinggi dilantik memegang jawatan tinggi dalam Lembaga Pengarah, Pengurus Besar dan Perancangan Strategik badan-badan berkanun dan GLC.

Pelantikan Timbalan Perdana Menteri Wanita pertama negara telah direalisasikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan peringkat nasional, malah perkara ini langsung tidak pernah difikirkan atau disasarkan oleh kerajaan yang terdahulu. Di peringkat negeri pula, kita mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker dari kalangan wanita. Perkembangan ini merupakan langkah permulaan atau *milestone* yang baik dan amat penting untuk menggiatkan lagi signifikannya peranan wanita dalam pentadbiran negeri. Tahniah saya ucapkan.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, salah satu usaha yang mungkin dapat dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk memperdayakan wanita dan masyarakat ialah melalui penubuhan sebuah badan memberdayakan wanita di peringkat negeri. Saya mencadangkan agar badan khusus ini ditubuhkan untuk membangunkan dasar-dasar kerajaan negeri yang responsif kepada prihatin wanita di samping mempromosikan kesedaran, kefahaman tentang gender dan keadilan sosial.

Inisiatif ini sekiranya dilaksanakan dapat memberdayakan kaum wanita khususnya untuk menggalakkan prestasi partisipasi wanita dalam kepimpinan dan mekanisme dalam membuat keputusan dalam segala bidang. Ini sekali gus menggalakkan persekitaran yang inklusif dalam sebuah masyarakat yang pelbagai kaum dan budaya dan agama. Walaupun saya menyedari bahawa kerajaan negeri termasuk di bawah kerajaan terdahulu telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memberdayakan wanita negara, negeri ini, namun pembentukan sebuah badan khusus untuk memberdayakan wanita akan berperanan dengan lebih efektif dengan struktur yang jelas serta dipimpin oleh golongan wanita profesional. Saya yakin dan percaya, pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mempunyai iltizam yang kuat untuk melakukan pembaharuan dalam masyarakat dengan memberdayakan kaum wanita dan meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya menjunjung kasih dan menyambut baik titah Tuanku untuk memastikan pembangunan negeri tidak mengabaikan aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar, sumber air dan hutan negeri. Sesungguhnya kelestarian alam semula jadi juga merupakan aspek yang amat-amat dititik beratkan dalam Islam Rahmatan Lil-Alamin. Pengurusan alam sekitar dan sumber hutan negeri yang mampan atau *sustainable,* dengan izin dapat memastikan kelestarian kawasan tadahan hujan dan aliran air bersih ke sungai-sungai demi memastikan sumber air negeri tidak terjejas. Allah s.w.t berfirman (bacaan ayat Al-Quran) yang bermaksud "Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya menyuburkan tumbuh-tumbuhan yang pada tempat tumbuhnya kamu mengembalakan ternakan mu".

Air sebagai komponen penting kesejahteraan rakyat dan pembangunan negeri perlu terus di urus dengan standard dan sistem pengurusan terbaik seiring dengan kemajuan negeri. Namun demikian masalah bekalan air masih menjadi antara isu utama terutamanya di kawasan Maharani. Saya sering menerima pelbagai aduan para penduduk tentang mutu kebersihan bekalan air, tekanan air rendah dan kekerapan gangguan bekalan air di kalangan penduduk. Hal ini mungkin berlaku, *margin reserve* air yang terlalu rendah iaitu jumlah air yang boleh dibekalkan adalah kurang sama dengan jumlah permintaan air dan tiada lebihan bekalan untuk menampung permintaan tinggi. Oleh itu, apabila permintaan air meningkat pada *peak hour,* contohnya waktu pagi sebelum pergi kerja. Ada kalanya, ada penduduk yang mengalami masalah tekanan air ataupun gangguan bekalan air terganggu sehingga tiada bekalan air. Saya maklum bahawa pihak kerja-kerja memasang dan menaik taraf pam-pam air di sekitar Muar sedang dilaksanakan, malah untuk jangka panjang ada projek loji rawatan air bakal disiapkan pada hujung tahun 2019. Saya berharap usaha – usaha menambah baikkan perkhidmatan bekalan air bersih tidak terhenti di situ. Justeru, saya berharap kerajaan negeri akan meneliti masalah ini dan merangka strategi menyeluruh bagi menampung peningkatan permintaan bekalan air bersih hasil pertambahan penduduk dan pembangunan bandar Maharani sebagai Bandar Diraja.

Sedikit sebanyak masalah bekalan air bersih ini berpunca daripada isu pencemaran Sungai Muar yang menjadi sumber utama bekalan air bersih penduduk daerah ini dan sebahagiannya Melaka. Isu ini merupakan isu yang berlarutan yang tidak ditangani secara tuntas oleh kerajaan terdahulu. Malah *saltwater intrusion* ataupun penerobosan air laut, kesan hakisan akibat pencerobohan tanah rizab sungai dikhuatiri menjejaskan bekalan air bersih kepada lebih 300,000 penduduk daerah ini. Mendapan dasar sungai yang cetek menyebabkan air masin dari kawasan laut mudah menembusi kawasan delta sungai yang cetek menjadikan kualiti air berubah. Hakisan rizab sungai berfungsi sebagai penapis pencemaran dan zon penampan tadahan air mentah juga memusnahkan habitat hidupan laut dan pesisir pantai. Hal ini juga memberi impak negatif kepada hasil pendapatan para nelayan di sepanjang pesisiran Sungai Muar termasuk di dalam kawasan Maharani sebagaimana sebahagian aduan yang saya terima daripada komuniti nelayan ini. Pencerobohan air masin ini juga secara tidak langsung menyebabkan kos pengeluaran bekalan air bersih dan terawat kepada penduduk menjadi lebih tinggi dan mahal untuk memastikan punca air minum mencapai Kelas 3 ke atas mengikut Klasifikasi Standard Kualiti Air Kebangsaan.

Masalah penerobosan air laut ini juga diketahui bukan sahaja menjejaskan bekalan air bersih kepada manusia dan hidupan lain, malah menyebabkan kerugian ekonomi mencecah berbilion ringgit. Oleh itu, saya menyeru kerajaan negeri menggiatkan lagi penguatkuasaan, mengekang aktiviti-aktiviti pencerobohan yang memusnahkan zon penampan di sepanjang pesisir Sungai Muar dan seluruh negeri amnya di samping menggalakkan inisiatif-inisiatif pemuliharaan atau *conservation,* dengan izin serta meningkatkan kesedaran sektor korporat dan anggota masyarakat untuk memelihara sumber air bersih. Sama-sama kita menghindari dari menjadi makhluk yang gagal melaksanakan amanah Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi untuk memelihara alam semula jadi miliknya sehingga merosakkan alam sebagaimana firmannya dalam ayat yang ke-41, Surah Ar-Rum yang bermaksud “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan. Supaya mereka kembali insaf dan bertaubat”.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, sempena genapnya 100 hari Kerajaan Pakatan Harapan memimpin Johor, kerajaan negeri akan melancarkan Pelan Dasar *Blueprint* Johor, Negeri Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari. Saya menyokong iltizam kerajaan menerusi inisiatif ini demi kesejahteraan rakyat Johor tanpa mengira agama, bangsa, latar belakang, saya berharap *blueprint* ini akan turut memberi penekanan kepada aspek-aspek memberdayakan wanita, keluarga, masyarakat, kelestarian alam semula jadi dan kemampanan pembangunan seimbang. Insya-Allah, saya yakin kejayaan awal sepanjang

100 hari ini, mampu dilestarikan dengan iltizam pembaharuan oleh barisan kepimpinan negeri diiringi kejituan sokongan rakyat Bangsa Johor.

Marilah bersama-sama kita berdamai dengan masa lalu kita, benar-benar menggunakan saat dan detik ini yang diberikan kemenangan oleh rakyat dan sama-sama kita bina semula negara kita. Dengan izin, *heal our past, being present, create our future.* Insya-Allah, Malaysia akan berada di tahap yang kita banggakan. Sekian, saya akhiri dengan serangkap pantun, Bangsa Johor bangsa bestari, ketuanan rakyat terus dimartabatkan, membangun negeri berprestasi tinggi, membina negara memenuhi harapan. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Bacaan doa). Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Yang saya hormati Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Anggota Majlis Mesyuarat Negeri, teman-teman Ahli Dewan Negeri Johor sekalian. Selamat petang, salam sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT di kesempatan ini Bukit Naning mengucapkan tahniah atas ucapan dan saranan ke bawah Duli Tuanku Sultan Johor dalam titah baginda pada sesi pembukaan Dewan yang mulia ini pada 9 Ogos 2018 yang lalu. Saya bersyukur diberikan kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Menjunjung Kasih Keatas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pembukaan Penggal Persidangan Pertama Negeri Johor yang ke-14.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan selamat menyambut bulan kemerdekaan. Kita bakal menyambut 31 Ogos dan adalah tarikh istimewa bagi orang-orang yang memahami makna dan menghargai kemerdekaan. Harga kemerdekaan memang mahal, tidak ternilai dan kerana itu harus dihargai secara benar-benar bermakna. Bagi umat beragama, kemerdekaan adalah nikmat kurniaan tuhan yang wajib disyukuri dengan cara yang diredhai dan disenangi penganugerahannya. Dalam konteks nikmat kemerdekaan, ia harus disyukuri dengan membina kehidupan yang menepati erti kemerdekaan semurni dan setulennya. Dengan semangat syukur nikmat sempena kemerdekaan ini kita muhasabah menilai diri, sudah sejauh mana kehidupan kita sebagai bangsa yang telah menepati makna merdeka.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, pembangunan pentadbiran yang berintegriti tinggi merupakan cabaran bagi kerajaan negeri Johor dalam mendepani masalah sebelum tahun 2020. Ianya satu slogan yang jelas memastikan pentadbiran negeri Johor diurus dengan baik, dengan izin, *good governance* yang telah dibicarakan oleh Menteri Pertanian.

YB Timbalan Speaker : Sila berhenti.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Dengan segala mengambil kira

YB Timbalan Speaker : Sila duduk, sila duduk.

(Dewan berhenti seketika bagi menghormati laungan azan.)

YB Timbalan Speaker : Sila sambung Bukit Naning

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Dengan segala mengambil kira semua prosedur dan mekanisme urus tadbir yang cekap dan telus, ianya bagi menghasilkan perkembangan ekonomi yang baik bagi masyarakat setempat. Apabila kerajaan negeri telah memberikan kemudahan pengecualian bayaran lesen penjaja, ianya dapat meringankan bebanan penjaja seluruh negeri Johor. Dan, seharusnya ia dapat merancakkan lagi urusan jual beli di kalangan rakyat setelah dilancarkan secara besar besaran pada malam semalam, di Jalan Segget, Bazar Karat Johor Bahru. Pentadbiran yang merakyatkan ekonomi ini jelas dinantikan oleh rakyat sekian

lama di semua kawasan. Terutamanya di kawasan Bukit Naning sebahagian dari pentadbiran daerah Muar. Kebanyakan penjaja ini perlu diberi pengkhususan bagi menaik taraf kehidupan mereka.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, pendidikan merupakan aset penting bagi sebuah keluarga dalam meneruskan kelangsungan hidup. Ia dapat mengubah sosial ekonomi sebuah keluarga. Oleh itu atas inisiatif yang telah dibuat dengan memperkenalkan biasiswa untuk rakyat Johor bagi program lanjutan pelajaran diploma pertama dan ijazah. Secara jelas, ia dapat meringankan dan menghargai proses penyambungan pembelajaran ke peringkat yang tertinggi bagi seorang pelajar. Masih dalam kawasan daerah Muar, terdapat Hab Pendidikan Tinggi Pagoh yang berkeluasan 400 ekar, ini bagi menempatkan pelajar-pelajar menimba ilmu dan meningkatkan kemahiran berpusat. Dalam pendidikan, garis kemiskinan dapat dikeluarkan daripada miskin tegar kepada miskin. Seterusnya dapat berdikari setelah melahirkan modal insan yang baik bagi sebuah keluarga.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi mengatasi permasalahan perumahan dalam negeri Johor. Gabungan kerajaan Pakatan Harapan yang baru dilantik menjadi parti pemerintah dalam kerajaan negeri Johor telah memansuhkan kuota menegak kerajaan dalam pelaksanaan Program Perumahan Mampu Milik Negeri Johor. Ianya bagi memudahkan cara rakyat Johor menikmati kemudahan rumah secara mampu milik. Istilah mampu milik yang dikaitkan dengan kualiti rumah yang rendah, kemudahan yang tidak dilengkapi dan penyelenggaraan yang baik, pembinaan yang tidak berkualiti perlu dikikis dalam persepsi awam. Melalui pembangunan rumah mampu milik dan kewujudan komuniti pintar perlu bertekad untuk meninggalkan gejala rumah kos rendah yang menjadi kawasan setinggan, kotor, tidak terurus dan menjadi kawasan lubuk jenayah bagi titik hitam dalam sejarah sosial kita. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga memainkan peranan proaktif terutama dalam mengadakan program temu-tembung dengan persatuan-persatuan penduduk demi mewujudkan kembali semangat kekitaan, kejiranan, jaminan keselamatan selain terus menjaga kejiranan hijau dan alam sekitar. Seperti program gotong-royong, membasmi, cegah denggi yang pada akhir Julai yang lepas di pekan Bukit Bakri melibatkan pelbagai agensi-agensi serta masyarakat setempat bagi melahirkan kesedaran bahaya wabak denggi.

Yang Berhormat Puan speaker, dalam menghargai warga emas dalam negeri Johor, telah diwujudkan Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor. Pemohon yang layak ini berdaftar dalam sistem e-Kasih di pejabat daerah. Skim ini membantu pewaris dalam pengurusan khairat kematian. Ianya telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor bersama EXCO Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan. Konsep peduli rakyat ini terguna pakai di negeri Johor bagi meringankan beban kehidupan rakyat. Usaha murni ini harus ditingkatkan dan ditambah nilai bagi keselesaan rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, permasalahan rakyat yang telah lama berlarutan di kawasan Bukit Naning, permohonan geran tanah pemilikan untuk rizab Melayu di kawasan pendalaman yang telah diusahakan oleh masyarakat setempat bagi meningkatkan ekonomi menemui jalan buntu apabila banyak pertindihan nama pemilikan seperti yang berlaku di Kampung Parit Nombor Sepuluh, di Seri Bulatan Setia kawasan Bukit Naning. Yang semakin kritikal apabila geran yang telah dikeluarkan bertukar penama lain daripada pemohon. Penama geran ini kemudiannya menjual kepada pihak lain, pihak ketiga dan ini menyebabkan pertelingkahan masyarakat yang boleh merosakkan keharmonian masyarakat. Masalah ini juga telah berlaku di kawasan lain iaitu di kawasan Mukim Tanjung Sembrong. Sebidang tanah diberikan notis bayaran pendudukan sementara dengan izin

tapping right, kelapa sawit sebanyak RM20,000.00. Begitu juga tanah di Bukit Bentaling yang sehingga kini permohonan geran tanah oleh penduduk masih tergantung, masih belum selesai sehingga kini.

Puan Speaker, infrastruktur jalan raya perlu diberikan perhatian oleh kerajaan negeri Johor apabila banyak jalan raya yang sering rosak dan sering dijadikan uji kaji. Kadang kala sehingga setahun, 3 kali rosak dan diperbetulkan. Geografi tanah di Semenanjung Malaysia menunjukkan kebanyakan kawasan yang berhampiran pantai seperti Batu Pahat, Muar merangkumi tanah-tanah lembut, gambut, mempunyai risiko tanah mendap. Kawasan gambut yang mendap bergantung kepada *surchart* ataupun aras air bawah tanah. Jika perkara ini tidak diselesaikan, ia akan mengganggu kestabilan ekonomi orang-orang kampung untuk pergi dan pulang kerja.

Puan Speaker, untuk membolehkan infrastruktur jalan dilaksanakan untuk kepentingan rakyat, perlu dirawat semasa pembinaannya dengan kaedah menanam *vertical drain* atau saliran yang baik dan menggantikan tanah dengan yang tidak sesuai kepada tanah yang lebih sesuai. Puan speaker, saya mohon supaya jalan-jalan di kawasan tanah lembut dan gambut ini mendapat perhatian seperti di Jalan Yong Peng ke Bakri yang berkali-kali telah dibuat uji kaji, namun keadaan ini tetap berlaku dan seterusnya menjadi tanggapan buruk masyarakat setempat bahawasanya kerajaan negeri Johor perlu melaksanakan satu ketetapan supaya jalan-jalan persekutuan dan jalan negeri ini dapat diperbetulkan dan seterusnya menjadi tempat kemudahan rakyat setempat.

Selaras dengan Perjanjian Air Johor-Melaka, Tuan Speaker pada 24 Julai 2018 yang lepas, Johor akan membekalkan air mentah kepada negeri Melaka sebanyak 35 juta gelen sehari. Tapi dalam masa yang sama, kawasan DUN Bukit Naning masih lagi mengalami masalah bekalan air, bagi kegunaan harian masyarakat setempat. Krisis air ini berlarutan sejak sekian lama terutama di waktu kemuncak seperti waktu perayaan, sebagai contoh ramai anak-anak pulang daripada perantauan untuk balik berhari raya di kampung. Tekanan air di kawasan Bukit Naning dan kawasan sekitarnya mengalami tekanan air yang terlalu rendah. Di samping itu juga, faktor saluran paip yang begitu lama tidak diganti menyebabkan masalah tekanan air rendah di kawasan Bukit Naning semakin kritikal. Mencari jalan penyelesaian kepada masalah air ini, seperti di DUN Sedili, Bukit Naning juga memerlukan sebuah tangki air dan perlu didirikan di kawasan Bukit Naning di Bukit Antarabangsa yang tapaknya telah sedia ada. Untuk pengetahuan Ahli Dewan Negeri yang mulia, rancangan pembinaan tangki air di Bukit Naning telah melalui proses pecah tanah dari kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Namun begitu, ia hanya dilakukan apabila menjelang pilihan raya. Tapi selepas mereka menang pilihan raya mereka tak teruskan lagi projek pembinaan tangki air ini. Dan hari ini, melalui kerajaan Pakatan Harapan, rakyat Bukit Naning berbesar hati supaya sebuah tangki ini didirikan di kawasan Bukit Naning dan seterusnya memberikan Bukit Naning satu nafas baru supaya bekalan air dapat diteruskan dan menjadi satu kelegaan kepada masyarakat Bukit Naning. Sebagai menyambut Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan bahawa Duli Tuanku menyeru kepada semua Ahli Dewan Negeri memberi penekanan terhadap permasalahan rakyat. Dan suka saya mohon Dewan yang mulia ini mengangkat masalah rakyat ini menjadi satu beban yang perlu dipikul oleh pemimpin-pemimpin dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi saya rasa cukup setakat ini Puan Speaker, saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada YB Bukit Naning. Seterusnya saya menjemput Sungai Balang, YB Sungai balang.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor, salam Sungai Balang gemilang. Pertamanya Sungai Balang merakamkan penghargaan setulus budi kerana diberi peluang untuk berucap pada hari ini. Dengan rasa hormat dan penuh takzim, marilah kita semua merafak sembah dan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada 9 Ogos yang lalu. Inti pati titah Tuanku jelas menggambarkan betapa Tuanku mengharapkan pimpinan kerajaan yang baru ini akan berjaya memenuhi aspirasi rakyat supaya negeri Johor akan terus maju membangun, kekal aman dan makmur serta rakyat dapat hidup dengan sempurna dan sejahtera serta membawa Johor ke persada dunia, sekali gus memancarkan iltizam untuk mengangkat kehidupan rakyat Johor menjadi sebahagian komuniti dunia yang terhebat.

Yang Berhormat Puan Speaker, Sungai Balang memulakan ucapan perbahasan ini dengan memetik sebaris kata di dalam surat seorang pahlawan perang dari pemerintah yang amat masyhur pada zaman Khalifah Al-Makmun iaitu Tahir bin Husin kepada anaknya Abdullah iaitu; 'Allah telah membuat ihsan kepadamu dengan memberikan jawatan ini iaitu wali atau wakil kepada rakyat. Atas sebab itu pertahankanlah hak milik mereka, bela kepentingan mereka, tenteramkan kehidupan mereka sehari-hari dan masukkanlah rasa senang kepada mereka. Kau bertanggungjawab di hadapan Allah, engkau akan ditanya kebaikan diganjari kejahatanmu sedemikian pula. Apa sahaja yang engkau kerjakan dahulu dan mana pula engkau kemudiankan'.

Yang Berhormat Puan Speaker, atas kerana amanah yang telah diberikan rakyat kepada Sungai Balang, maka hari ini Sungai Balang bangun di Dewan yang mulia ini membawa suara rakyat walaupun berada dipihak pembangkang. Sungai Balang mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi izin, ruang dan peluang untuk berucap pada sidang kali ini oleh Yang Berhormat Puan Speaker. Sungai Balang ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Speaker, dan juga Timbalan Speaker yang telah dilantik sebagai Speaker dan Timbalan Speaker di Dewan Negeri Johor pada penggal ini. Sungai Balang juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor serta barisan Yang Berhormat EXCO yang telah diberikan kepercayaan oleh rakyat untuk mentadbir negeri Johor. Sungai Balang ingin memetik kata-kata Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa jawatan yang diberikan itu mempunyai tanggungjawab yang besar dan mesti dipikul dengan jujur dan amanah. Dan Sungai Balang mendoakan agar kepimpinan di bawah kerajaan Pakatan Harapan akan lebih baik dan terbaik dalam memimpin Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, Sungai Balang ingin membawa beberapa perkara. Yang pertama KWSP 2% untuk suri rumah. Yang Berhormat Puan Speaker, Sungai Balang menyambut baik cadangan kerajaan Pakatan Harapan yang mahu suri rumah di seluruh Malaysia ini mempunyai KWSP dengan nilai 2% yang dipotong dari KWSP suami dan RM50 caruman daripada pihak kerajaan. Sungai Balang melihat ini cadangan yang baik pada bunyinya, namun begitu Yang Berhormat Puan Speaker, sehingga ke hari ini belum lagi ada apa-apa maklumat atau penerangan secara jelas oleh pihak kerajaan berkaitan mekanisme atau kaedah pelaksanaannya. Kecuali ada dipaparkan di media sosial iaitu di *Instagram* Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat pada 31 Julai 2018 bahawa untuk fasa pertama ini KWSP 2% ini akan diberikan kepada 102,693 orang isteri kepada 12,693 orang isteri kepada ketua isi rumah yang

berdaftar dengan e-kasih. Namun begitu kita tetap jadi tertanya-tanya, apakah kaedah khusus yang akan digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengklasifikasikan golongan suri rumah?. Adakah ia hanya tertakluk kepada suri rumah yang suaminya merupakan penjawat awam?. Atau adakah untuk golongan suri rumah yang suaminya bekerja bermajikan sahaja, tidak kira kerajaan mahupun swasta?. Jika ia, apa pula nasib suri rumah yang suaminya bekerja sendiri, kerja kampung, nelayan dan sebagainya yang tidak mempunyai KWSP atau mungkin kerajaan meletakkan untuk kadar had gaji tertentu seorang suami untuk potongan 2% dan diberikan caruman KWSP RM50 tersebut. Adakah ia akan menjadi mandatori untuk suami?. Adakah ia menjadi pilihan kepada suami?. Adakah ia akan dilaksanakan berdasarkan permohonan pemotongan oleh suami?. Pelbagai persoalan diajukan kepada Sungai Balang termasuk isu jika si suami berkahwin lebih dari satu dan semua isterinya adalah suri rumah. Bagaimana pula pembahagiannya. Adakah 2% darab dua atau 2% darab 3 atau 2% darab 3 atau 2% darab 4 atau dibahagi-bahagi 2%. Adakah kerajaan akan memberi caruman RM50.00 kepada semua isteri atau tertakluk kepada isteri pertama sahaja? Macam-macam persoalan diajukan berkenaan dengan KWSP ini. Selain itu, ada juga golongan ibu tunggal tetapi mereka suri rumah yang bergantung sara hidup dengan duit pemberian anak. Adakah mereka ini dikira layak sebagai golongan suri rumah yang diklasifikasikan oleh kerajaan untuk menerima caruman KWSP RM50.00 daripada pihak kerajaan? Jika ia, potongan 2% itu dipotong dari mana.

Yang Berhormat Puan Speaker, memang pelbagai persoalan tentang KWSP ini. Walaupun ini bukan janji parti yang Sungai Balang wakili tetapi sebagai seorang yang telah diamanahkan membawa suara rakyat, suara mereka Sungai Balang angkat di Dewan yang mulia untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Tidak sesekali Sungai Balang lepas tangan memberi jawapan kepada mereka ini bukan janji parti Barisan Nasional. Sungai Balang tetap angkat suara mereka, maka Sungai Balang amat berharap respons yang diberikan oleh pihak kerajaan adalah logik, rasional dan kukuh bukan semata-mata yang hanya mahu menyelamatkan diri, jawapan sekadar sedap di halwa telinga kita. Biarlah jawapan itu realistik untuk Sungai Balang berikan jawapan kepada persoalan mereka.

Perkara kedua, Yang Berhormat Puan Speaker, berkenaan dengan pembubaran Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga, seperti yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan, MPWK yang telah ditubuhkan sejak sekian lama bermatlamat membantu golongan wanita pelbagai bidang di peringkat Parlimen seluruh Malaysia telah pun dibubarkan. Sungai Balang secara jujurnya berdukacita dengan keputusan pembubaran ini kerana selama ini MPWK yang ditubuhkan telah membuktikan mampu membantu golongan wanita dalam pelbagai bidang. Malah di kawasan Sungai Balang sendiri, melalui MPWK inilah lahir usahawan-usahawan wanita kecil-kecilan yang dahulunya suri rumah tangga yang tidak mempunyai apa-apa kemahiran tetapi berhasrat mahu membantu suami menambah pendapatan. Melalui kursus jahitan dan usahawan anjuran MPWK secara percuma, golongan suri rumah ini belajar menjahit dan mampu menjana pendapatan lumayan tanpa perlu keluar dari rumah untuk bekerja. Pendapatan dapat dijana, anak dan keluarga juga terjaga. Melalui kursus andaman dan solekan anjuran MPWK pula kita mampu melahirkan golongan wanita muda yang boleh bekerja sendiri tanpa perlu makan gaji. Melalui kursus masakan, pembuatan kek dan pastri telah dilahirkan golongan wanita yang menjadi pengusaha bakeri yang mampu membuka peluang pekerjaan kepada wanita lain di luar bandar. MPWK telah banyak sangat membantu golongan wanita. Sungai Balang kurang faham atas sebab apa, MPWK ini dibubarkan setelah Pakatan Harapan memerintah.

Walaupun MPWK begitu banyak memberi manfaat kepada rakyat terutama golongan wanita, namun Sungai Balang angkat isu di Dewan ini kerana mahu bertanya kepada pihak kerajaan negeri adakah kerajaan negeri, bercadang untuk menggantikan MPWK dengan yang lain tetapi fungsi seumpamanya seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Pahang dengan menubuhkan Majlis Perundingan Wanita Negeri. Mungkin kerajaan negeri mahu menubuhkan Majlis Harapan Wanita Johor atau lain-lain nama khusus untuk

membantu golongan wanita pelbagai aspek, terutamanya aspek ekonomi bagi golongan suri rumah tidak kiralah di bandar mahu pun di luar bandar. Sungai Balang sangat mengharapkan kerajaan negeri mahupun pusat mengambil kira akan perkara ini, tidak kisahlah apa nama yang nak diletakkan tetapi bantulah golongan wanita ini. Sungai Balang juga ingin merujuk titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di para empat mengingatkan bahawa mana-mana program yang baik yang telah dibuat oleh pentadbiran dahulu perlulah dikekalkan atau di tambah baik bukannya terus diberhentikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, seterusnya perkara ketiga, kedudukan wanita dalam pentadbiran. Yang Berhormat Puan Speaker, Sungai Balang juga mahu membawa perhatian dan tumpuan Dewan yang mulia terhadap isu kedudukan wanita dalam pentadbiran dan menjawat jawatan tinggi. Semasa perbahasan Belanjawan 2018 tahun lalu, Yang Berhormat Yong Peng pernah mengutarakan mengenai pelantikan wanita sebagai Datuk Bandar dan Setiausaha Majlis dengan membawa contoh Datuk Bandar di Pulai Pinang dan Setiausaha Majlis di Seberang Prai adalah wanita. Maka setelah Pakatan Harapan beroleh kuasa ini, adakah kerajaan negeri akan melantik wanita menjawat jawatan tinggi dalam Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain jawatan di dalam mana-mana jabatan kerajaan atau GLC? Hal ini kerana jika Sungai Balang teliti, senarai Ahli Majlis yang dilantik oleh pihak kerajaan adalah sangat sedikit jumlah wanita. Di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri misalnya, hanya dua orang sahaja wanita jika sebelum ini terdapat enam orang wanita dilantik sebagai Ahli Majlis. Lebih sedih lagi di Majlis Daerah Tangkak, yang tidak ada seorang pun wanita yang dilantik sebagai Ahli Majlis. Majlis Daerah Muar, ialah kawasan saya sendiri hanya dua orang wanita dilantik sebagai Ahli Majlis. Sungai Balang kurang pasti apakah tidak ada wanita yang layak untuk dipilih oleh kerajaan Pakatan Harapan atau mungkin golongan wanita ini tidak dipandang oleh kerajaan negeri Pakatan Harapan walaupun di peringkat persekutuan terdapat ramai golongan wanita dilantik membarisi kabinet. Malah telah mencipta secara Timbalan Perdana Menteri adalah wanita. Atau mungkin kerajaan negeri sedang mempertimbangkan jawatan Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis, Setiausaha Majlis, Pengerusi GLC atau mana-mana ketua jabatan kanan yang boleh dilantik dalam kalangan wanita. Sungai Balang menantikan berita ini di dalam jawapan yang akan datang.

Yang Berhormat Puan Speaker, Sungai Balang amat berharap pihak kerajaan negeri Pakatan Harapan tidak memandang remeh atau dikesampingkan soal kedudukan dan pembangunan wanita merangkumi pelbagai aspek. Kerajaan negeri Johor harus ingat negeri Johor ini mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2017, jumlah penduduk wanita adalah seramai 1.8 juta. Walaupun jika diteliti dalam manifesto Pakatan Harapan, tidak ada muka surat yang fokus ke arah memperkasakan wanita kecuali KWSP 2% untuk suri rumah yang masih tidak jelas pelaksanaannya.

Yang Berhormat Puan Speaker, pusat asuhan iaitu taska di tempat kerja atau isu pengasuh di rumah. Yang Berhormat Puan Speaker, Sungai Balang juga mengambil ruang dan kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan Pakatan Harapan di peringkat persekutuan kerana telah mengambil langkah mewujudkan taman asuhan kanak-kanak iaitu taska di semua jabatan dan agensi kerajaan menjelang Januari tahun depan. Perkara ini diumumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Sidang Dewan Rakyat pada 24 Julai yang lalu. Sungai Balang kira, langkah ini amatlah baik dan harus diberikan pujian kerana Sungai Balang yakin dan pasti, ia akan disambut baik oleh kakitangan awam terutamanya kaum ibu. Oleh itu Sungai Balang ingin bertanyakan kepada kerajaan negeri, adakah langkah ini akan diikuti dan disokong oleh kerajaan negeri?. Sungai Balang amat berharap pihak kerajaan negeri turut sama akan meneliti perkara ini untuk mewujudkan taska di bangunan kerajaan dan memberi galakkan kepada syarikat swasta untuk mewujudkan taska atau pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja di negeri Johor ini. Hal ini kerana adanya taska di tempat kerja, ia akan mengurangkan kebimbangan golongan ibu terhadap anak-anak yang ditinggalkan kepada pengasuh. Setidak-tidaknya, di waktu rehat, makan tengah-hari, ibu-ibu boleh pergi menjenguk anak-anak mereka. Sekiranya ibu-ibu perlu bekerja lebih masa, anak-anak tetap berada berdekatan dengan

mereka. Maka golongan ibu-ibu ini boleh bekerja secara optimum kerana tidak begitu risau akan keadaan anak-anak mereka yang belum ditinggalkan kepada pengasuh jauh dari tempat kerja. Apatah sejak akhir-akhir ini seperti bermusim pula, kes bayi meninggal dan cedera di tangan pengasuh. Perkara ini benar-benar mendatangkan kerisauan kepada ibu bapa. Maka Sungai Balang kira, pihak kerajaan negeri perlu memberi perhatian serius berkenaan perkara ini agar golongan ibu bapa dapat pergi bekerja tanpa rasa teramat risau dengan keselamatan mereka bersama pengasuh.

Yang Berhormat Puan Speaker, penamatan jawatan ketua kampung. Di ruang dan kesempatan ini juga, Sungai Balang mahu bertanya kepada pihak kerajaan negeri yang telah menamatkan serta merta perkhidmatan ketua kampung dalam tempoh notis perkhidmatan 2 hari sahaja iaitu surat bertarikh 28 Mei dan tarikh penamatan ialah pada 31 Mei 2018. Sungai Balang percaya penamatan ini bukan kerana sebab kekangan kos pembayaran gaji kepada ketua kampung. Kerana kerajaan negeri sebelum ini sudah pun menyediakan peruntukan gaji ketua kampung dan kerajaan negeri Johor sebelum ini tidak langsung ada masalah kewangan. Antara alasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada media adalah kerana mahu menstrukturkan semula pentadbiran ketua kampung ke arah yang lebih telus dan berintegriti. Sungai Balang sebenarnya menjadi tertanya-tanya takrifan telus dan integriti yang, Yang Amat Berhormat maksudkan. Hal ini kerana, selama ini semua ketua kampung yang berkhidmat dalam kawasan khasnya di Sungai Balang misalnya, sangat telus dan berintegriti malah mereka sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat tanpa mengira latar belakang apatah lagi fahaman politik. Sungai Balang juga mahu melahirkan kekecewaan terhadap pelantikan bakal ketua kampung yang baru ini. Walaupun dinyatakan bahawa pemilihan ini adalah ditemu duga oleh pejabat daerah dan ditentukan oleh Pegawai Daerah tetapi Sungai Balang melihat, calon-calonnya ditangkap muat asalkan ada ketua kampung sahaja.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang panjang lagi? Sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan Ahli Yang Berhormat Sungai Balang boleh berucap dalam dua hari, jadi saya dengan ini menangguhkan Persidangan sehingga jam 9.30 pagi, 13 Ogos 2018.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KETIGA	ISNIN, 13 OGOS 2018	BIL. 2 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor
Dato' Haji Osman bin Haji Sapian
(Kempas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi
Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan
Tuan Dr. S. Ramakrishnan
(Bekok)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian
Tuan Dr. Sahruddin bin Jamal
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif
Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan S. Gopalakrishnan
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman
(Tanjung Surat)
YB Puan Zaiton binti Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin
(Gambir)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER

YB Speaker : Bismillahirahmaannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah kita dapat menyambung tugas kita pada pagi ini setelah selesai semalam, sehingga jam 5.00 petang dan kita menyambung pada pagi ini. Saya mengingatkan diri saya dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa kita sebenarnya telah diberi amanah oleh Allah SWT berada di sini melalui pilihan raya yang lepas. Amanah ini adalah terlalu besar sama ada dari pihak kerajaan dari pihak pembangkang kita mempunyai kuasa untuk melaksanakan tugas dan amanah. Kita ada kekuatan menguruskan kewangan rakyat dan kewangan rakyat ini satu amanah yang sangat besar dan adalah di antara kita sehingga menggunakan ataupun menyalahgunakan kepentingan rakyat dan duit rakyat ini. Pernah diceritakan dalam sirah Rasulullah SAW ketika selepas peperangan sahabat menyatakan ini syahid, telah dikumpulkan mereka yang terkorban. Sahabat menyebut ini syahid, ini syahid, ini syahid. Tapi Rasulullah kata yang ini tidak syahid. Bila ditanya kenapa tidak syahid? Dia kata baginda menyatakan bahawa yang ini tidak syahid kerana dalam peperangan yang lepas dia telah mengambil satu selendang daripada ghanimah, satu selendang milik rakyat, tapi dia gunakan untuk kepentingan peribadi dia. menyebabkan dia tidak diterima amalannya. Bayangkan kalau kita menggunakan hak rakyat yang bukan hak kita, tentulah ianya sesuatu yang sangat tidak baik. Maka saya pada pagi mengambil kesempatan untuk sambil kita, sebelum memulakan majlis ini marilah kita sama-sama ingat mengingat di mana firman Allah SWT dalam surah Al-'Asr, (membaca surah Al-'Asr) 'Demi masa sesungguhnya manusia dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal dan berpesan dengan yang hak dan yang berpesan dengan kesabaran'. Inilah ruang sama-sama kita berpesan-pesan, sesama kita berkenaan dengan hak, berkenaan dengan kesabaran ini. Seterusnya pagi ini kita sambung 1 jam ini insya-Allah untuk soalan lisan. Yang Berhormat Rengit dijemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 1.

Minta penjelasan kerajaan status kewangan Negeri Johor berakhir pada 30.06.2018. Nyatakan jumlah simpanan (reserve) dan kutipan hasil Negeri Johor. Apakah perancangan kerajaan mengukuhkan kewangan dan usaha menambah hasil kerajaan negeri.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Bismillahirahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi dan salam harapan. Yang Berbahagia Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada ADUN Rengit mengenai jumlah simpanan atau rizab dan kutipan hasil negeri Johor serta usaha bagi menambahkan hasil kerajaan negeri. Yang Berbahagia Tuan Speaker, serta semua Ahli Dewan sekalian yang saya hormati ini. Persoalan mengenai kedudukan kewangan negeri amat penting dalam memastikan kelancaran urusan pembangunan dan pentadbiran negeri Johor yang bertuah ini. Ketika ini prestasi kewangan negeri Johor adalah pada kedudukan yang amat baik. Di mana hasil, di mana jumlah hasil yang diterima adalah sebanyak RM707.45 juta. Manakala jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM639.24 juta. Ini menunjukkan lebihan *surplus* berjumlah RM68.21 juta berakhir pada 30 Jun 2018. Manakala jumlah simpanan rizab kerajaan Johor berakhir 30 Jun 2018 adalah berjumlah RM2.585 bilion. Mengenai rancangan untuk mengukuh dan menambahkan hasil negeri, pentadbiran negeri Johor yang diterajui kerajaan Pakatan Harapan sentiasa komited dalam mengukuhkan kedudukan kewangan bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Di dalam menjamin

kesinambungan pembangunan negeri Johor, kestabilan fiskal adalah signifikan dan perlu menjadi matlamat utama. Antara agenda utama yang mencapai kestabilan fiskal adalah :-

1. Bajet telus dan pengurusan kewangan berintegriti.
2. Bajet berpandukan keutamaan negeri.
3. Bajet berimbang secara struktur.

Tiga fokus utama bagi agenda bajet telus dan pengurusan kewangan berintegriti adalah :-

1. Meningkatkan kefahaman dan akauntabiliti. Pegawai-pegawai mengawal pusat-pusat tanggungjawab kewangan.
2. Mengujudkan budaya kecemerlangan dan pengurusan kewangan jabatan-jabatan melalui bina upaya modal insan.
3. Membudayakan integriti dalam pengurusan perolehan dan aset.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan sekalian, apalah ertinya mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh jika dibelanjakan di tempat yang salah? Atau untuk kepentingan pihak-pihak yang tertentu dan bukan kepada rakyat. Justeru itu 2 fokus utama bagi agenda berpandukan keutamaan negeri adalah :-

1. Mengurangkan konsep siling dalam peruntukan untuk memberi lebih penekanan kepada keperluan sebenar jabatan, projek dan program.

2. Menekankan kepentingan penghasilan *outcome* melalui kajian semula terutama kepada projek, program yang telah dijalankan secara tradisi.

Seterusnya bagi 3 fokus utama bagi agenda bajet berimbang secara struktur pula adalah :-

1. Mencapai kestabilan fiskal untuk jangka masa panjang bagi memastikan kemapanan kewangan kerajaan negeri.

2. Menstrukturkan semula hasil kerajaan bagi memastikan peningkatan jenis dan amaun hasil berulang seperti hasil cukai tanah, cukai air mentah, *road charge*, faedah daripada simpanan tetap. Kerajaan juga akan mengurangkan kebergantungan kepada hasil tidak berulang seperti premium tanah, bayaran proses kepada pejabat tanah, lesen-lesen dan pulangan daripada agensi-agensi.

3. Mengurus dan mengawal peningkatan perbelanjaan berulang supaya tidak melebihi hasil berulang. Ini termasuklah gaji, mengawal pengujudan jawatan, unit baru, elaun sewaan, pembayaran tertangguh dan lain-lain komitmen.

   Saya juga ambil maklum tentang kekhuatiran setengah-setengah pihak yang mendakwa kerajaan negeri akan mengalami kerugian sekiranya janji-janji yang tertulis dalam manifesto dilaksanakan. Ini saya ingin tegas di sini, dengan pelan yang telah saya nyatakan sebentar tadi dia diyakini mampu untuk mengukuh dan menambah hasil kerajaan negeri. Pendek kata Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini sekalian tidak usah khuatir dengan kedudukan kewangan negeri kerana kami di pihak kerajaan Pakatan Harapan Johor mempunyai perancangan yang holistik untuk kebaikan semua pihak terutamanya rakyat yang memberikan mandat kepada kami. Terima kasih.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas penjelasan yang penuh yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Nampaknya kali ni Yang Amat Berhormat lebih tenang, tertib berbanding masa beliau sebagai Setiausaha BNBBC dulu, di kerusi nilah kalau tak silap saya dia agresif. Sekarang...

YB Speaker : Masa tu macam pembangkang. Sekarang jadi kerajaan.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia selalu berbahas dengan Dr. Boo, saya tak boleh sebut Skudai sebab Skudai sekarang dah bertukar orang. Dulu duduk situ, Yang Berhormat Tuan Speaker. Tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat yang lebih dan kita doakan mudah-mudahan kesihatan Yang Amat Berhormat ni terus baik dan boleh terus sambung lagi Yang Berhormat 5 Penggal lagi.

YB Speaker : Soalannya, soalan. Panjang sangat mukadimah dia.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia tidak boleh terus soalan Yang Berhormat Tuan Speaker, pagi-pagi nikan. Jadi, berdasarkan jawapan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat tadi, maknanya kedudukan kewangan negeri Johor ni kukuh, mantap. Hasil, ini tidak boleh dinafikan hasil daripada urus tadbir yang baik kerajaan lama. Ini kena akuilah ya. (Dewan bertepuk) kita berbelanja hemah, kita cari duit ya dan usaha-usaha ini hari ini terbukti dengan penjelasan Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berhormat berjanji akan kukuhkan lagi kewangan negeri dan urus tadbir yang lebih baik. Tahniah Yang Amat Berhormat. Cuma saya nak jelaskan sikit, seperti kalau boleh...

YB Speaker : Bukan jelaskan Yang Berhormat, soalan.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Nak soalan Yang Berhormat...

YB Speaker : Kita ni sebenarnya sesi soalan tambahan, bukan berbahas.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Soalan tambahan Yang Berhormat, hasil kita biasanya RM1.5 bilion setahun berdasarkan 3, 4 tahun yang lepas RM1.5 hasil kita tradisinya daripada cukai tanah. Jadi, saya dalam soalan saya ni ada saya nak sebutkan tadi bagaimana nak tambahkan lagi hasil? Sebab tak boleh, kalau dulu kerajaan BN dapat RM1.5, kali ni kalau boleh kerajaan PH dapat RM2.0 bilion betul tak? Baru ada nilai tambahannya kat situ. Jadi saya, boleh tak kerajaan negeri kali ini kita ambil kepentingan strategik Johor untuk tambah hasil. Kalau berdasarkan hasil tradisi tanah ni, kita tidak boleh dalam lingkungan RM1.5 bilion sahaja, tak boleh lebih selain daripada cukai tanah dan lain-lain. Milik negerikan syarikat Air Johor ni. Dia boleh memberikan sumbangan besar kepada hasil negeri dan ini kepentingan strategik negeri Johor kan? Malah dalam Perjanjian 1946 dulu antara Johor dengan kerajaan Persekutuan, salah satu perkara utama yang tidak boleh dilepaskan yang tak boleh di lepaskan oleh kerajaan negeri ialah air.

YB Speaker : Jadi soalannya adakah...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Soalannya ialah...

YB Speaker : Adakah boleh dimilik negerikan Syarikat Air Johor.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Soalannya adalah boleh dimilik negerikan Syarikat Air Johor sebab dulu kita rancang, kita rancang dulu, kita nak ambil balik Syarikat Air Johor supaya nak jaga kepentingan strategik kita supaya nak tambah hasil? Boleh tak atau adakah dalam perancangan Yang Amat Berhormat...

YB Speaker : Ok, *point taken.*

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : ... Milik negerikan Syarikat Air Johor dan akhirnya kerajaan negeri boleh tambah hasil? Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ok Terima kasih. Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat daripada Rengit. Saya memang selalu tenang. Tapi saya bukan ADUN Tenang tapi saya ADUN Kempas. Itu pertama. Dulu sebenarnya saya tak agresif.

YB Speaker : Kalau tak tenang tak boleh lebih daripada seorang YB, Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

YAB Menteri Besar : Ya...

YB Speaker : Kalau tak tenang, tak boleh lebih daripada seorang. (Dewan ketawa).

YAB Menteri Besar : Itu perkara biasa sebagai seorang lelaki. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dulu kira macam guru besar juga, kalau saya tak agresif semua EXCO-EXCO pada ketika itu, dia tidur. Oleh kerana saya ada dalam Dewan, dia orang semua kena buat *homework.* (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Jadi masa itu, kerajaan BN ini tidur ke?

YAB Menteri Besar : Lebih kurang macam itu, sebab ada sebahagian besar EXCO mengakui, dia kata Yang Berhormat Kempas lah buat saya berjaga selalu, dia kata. Itu sebab saya katakan saya sebagai guru besar. Salah satu daripada itulah, kerajaan negeri Johor dapat mengumpulkan banyak hasil.

Satu ketika dahulu kerajaan negeri Johor juga defisit, selama dekat 10 tahun sehingga ratusan bilion ringgit. Pertama, oleh kerana saya agresif menekankan sesuatu projek jangan membazir, mencari wang, maka itu sebablah kerajaan berdikit-dikit dapat mengumpulkan wang. Sebahagian daripada tanggungjawab saya pada ketika itu, bukan 100% kerajaan Barisan Nasional sahaja.

Yang keduanya, pada tempoh yang lepas, dia umpama orang tanam pokok durian dah musim gugur. Pada ketika saya dahulu berada tiga penggal, itu jam pokok itu baru nak naik. Jadi lima tahun yang lepas, durian pun gugur, pungutlah. Itu sebab kita tengok ada *surplus*, kalau tidak kerana pembaziran yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional pada ketika dahulu, bukan setakat hari ini kerajaan negeri Johor ada RM2.5 bilion, bahkan saya rasa RM8 bilion pun ada Tapi alhamdulillah, walau macam mana pun kita masih lagi dalam keadaan *surplus* dan saya. melihatkan dan juga mendengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Rengit tadi agak silap sedikit. Tidak ada, saya lihat, dalam tempoh 15 tahun yang lepas, hitung panjang pendapatan kerajaan negeri boleh mencecah RM1.5 bilion melainkan ada sesuatu premium yang di luar jangka sahaja.

Kalau kita lihat pada hari ini, tidak begitu banyak projek-projek mega yang dihasilkan, yang dirancangkan oleh kerajaan 5 tahun dahulu iaitu kerajaan Barisan Nasional. Jadi, saya tak dapatlah nak pungut durian kali ini, terpaksa saya juga akan berhempas pulas mencari pelabur dan juga mengadakan pembangunan-pembangunan berskala besar untuk mendapatkan segala bentuk kewangan bagi kita dapat meningkatkan lagi kutipan hasil di dalam negeri.

Jadi, saya rasa anggaran pada setiap tahun RM1.5 bilion itu, itu bukan satu anggaran yang tepat sebenarnya. Pada saya, pada ketika dahulu hanya lebih kurang RM1 bilion sahaja dan apatah lagi pada hari ini yang saya lihat tidak begitu banyak projek-projek besar, mungkin tidak akan dapat mencapai sebesar itu tapi saya akan dan juga ahli-ahli EXCO saya, akan mencari jalan bukan sahaja setakat RM1.5 bilion, mungkin saya akan usahakan lebih daripada itu, Insya-Allah.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Soalan tadi Yang Amat Berhormat, berkenaan SAJ.

YAB Menteri Besar : Berkenaan dengan pemilikan saham di Syarikat Air Johor. Sebenarnya pada ketika ini, kerajaan negeri Johor melalui anak syarikat, kita mempunyai saham 20%. 20% ini pun kita tidak ada pulangan, tidak ada keuntungan yang kita terima. Saya pun hairan. Bermakna menunjukkan tidak ada keuntungan yang dibuat oleh syarikat SAJ Ranhill ini. Dan hari ini saya dapati bahawa saham SAJ Ranhill ini sudah jatuh. Jadi,

kalau kita lihat sebuah syarikat yang tidak mendapatkan keuntungan, siapa yang nak beli? Tak tahulah kalau YB Rengit banyak duit, dia boleh belilah.

Yang keduanya, syarikat ini dipunyai oleh sebuah syarikat lain yang besar yang mempunyai pelbagai perniagaan di luar negara, saya difahamkan begitulah dia. Ini adalah satu hasil yang dibuat oleh syarikat ini untuk sebuah syarikat di bursa saham Kuala Lumpur. Jadi, kalau kita nak beli saham dia, orang yang punya syarikat ini tak *offer* pada kita, macam mana kita nak beli? Kalau kita nak beli, di dalam pasaran terbuka, berapa banyak peratusan saham yang kita dapat beli? Dan saya rasa, untuk kita melihat supaya bekalan air ini, pertamanya tentang harga yang pada hari ini yang dibuat perjanjian ini oleh kerajaan barisan yang lama, tarif air di Johor ini adalah yang tertinggi di kalangan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Itu sebab saya pun amat dukacita dan simpati kepada pengguna-pengguna.

Jadi, untuk mencari jalan keluar bagi membantu rakyat negeri Johor ini, saya sedang memikirkan untuk, mungkin kalau dapat kelulusan daripada kerajaan negeri untuk menubuhkan satu syarikat air Johor yang baru. Kalau kita boleh lihat negara kita ini ada empat, lima syarikat untuk membekalkan tenaga, kenapa pula tidak di Johor ini kita menubuhkan satu syarikat bekalan air di negeri Johor? Kita juga mempunyai kepakaran, kemahiran dan insya-Allah kita mempunyai kemampuan. Kita nak beli syarikat yang keadaannya sebegitu rupa buat apa? Baik kita tubuhkan satu syarikat air yang baru, itu pemikiran saya. Jadi, saya rasa dengan apa yang saya katakan itu tadi tak mungkin dan tak timbullah persoalan bagaimana yang ditanyakan oleh YB daripada Rengit tadi untuk kerajaan membeli akan syarikat SAJ Ranhill ini, terima kasih.

YB Speaker : Larkin.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Terima kasih Tuan Speaker memberi saya ruang untuk buat soalan. Dalam isu pendapatan yang konsisten, saya rasa Pakatan Harapan tidak begitu khuatir, yang membimbangkan kita iaitu soalan saya, berapakah jumlah hutang kerajaan lepas yang ditinggalkan kepada kerajaan Pakatan Harapan setelah diambil kira segala bentuk instrumen jaminan bon ataupun bank *guarantee, state guarantee* dan bagaimana kerajaan baru ini di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar untuk merancangkan, menyelesaikan hutang-hutang berkenaan, terima kasih.

YB Speaker : Sila.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat kawasan Larkin dulu dipanggil Tanjung Puteri. Untuk menjawab soalan yang dibawa itu, saya ingin menyatakan di sini bahawa baki hutang kerajaan negeri yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional yang lepas sehingga 30 Jun 2018, saya ingin nyatakan satu persatu di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertamanya, hutang untuk membina projek perumahan awam kos rendah sebanyak RM16,575,517.67. Bekalan air masih lagi terhutang dan saya masih lagi berbincang dengan kerajaan persekutuan sama ada kerajaan persekutuan boleh membantu untuk kerajaan negeri menyelesaikan dengan secara diberikan *out write* geran ataupun potongan 50% supaya tanggungan yang besar ini kita tidak memikulnya dengan membayar berbagai-bagai kos iaitu sebanyak RM334,514,923.90.

Hutang yang ditanggung oleh kerajaan negeri kerana menjadi *guarantor*, penjamin, Perbadanan Johor sebanyak RM50,270,943.55. Lain-lain pinjaman projek pembersihan sungai melibatkan penempatan semula penduduk di Sungai Tebrau, Johor Bahru, RM59,363,582.73. Projek membaik pulih Istana Johor RM64 juta. Kerajaan negeri Johor dalam proses memuktamadkan perjanjian penyelesaian pinjaman kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri Johor yang berjumlah RM100 juta dalam usaha mengurangkan baki hutang.

Kerajaan negeri Johor turut menyelesaikan baki pinjaman bagi projek perumahan awam kos rendah berjumlah RM16,575,517.67. Projek pembersihan sungai melibatkan penempatan

semula projek penduduk di Sungai Tebrau, Johor Bahru jumlah RM59 juta. Dan juga baki pinjaman Perbadanan Johor RM24 juta melalui perjanjian penyelesaian pinjaman kerajaan persekutuan, kerajaan negeri Johor juga bakal memuktamadkan ini.

Jangkaan baki hutang kerajaan negeri kepada kerajaan persekutuan setelah perjanjian *set off* RM100 juta dimuktamadkan. Jadi, jumlah keseluruhannya ialah RM442,724,967.85. Kerajaan negeri Johor sedang menguruskan permohonan bagi menjadikan baki hutang projek bekalan air sebanyak RM334,514,923.90 sebagai geran daripada Kementerian Kewangan. Ini telah pun saya bincangkan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa beliau datang kunjung hormat kepada saya di Nusajaya ini, baru-baru ini. Dan oleh kerana kita di dalam satu kerajaan yang sama, mungkin walaupun hutang ini dibuat oleh kerajaan yang lain, kerajaan Barisan Nasional mungkin, kerajaan persekutuan akan membantu untuk menghapus ataupun mengurangkan hutang lapuk yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional, terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, ialah walaupun terima kasih Yang Amat Berhormat di atas jawapan yang diberikan dan huraian yang agak meluas, walau bagaimanapun, dengan hutang yang berjumlah lebih RM400 juta dan juga hutang air sahaja adalah RM334 juta, ini bererti bahawa kerajaan negeri hanya lebih sikit sahaja daripada RM100 juta pinjaman hutang dengan kerajaan persekutuan, saya kira itu adalah satu jumlah yang kecil berbanding dengan negeri-negeri lain tapi tak apalah, itu bukan soal, saya rasa, saya cari *platform* lain untuk bertanya tentang perkara itu.

Untuk soalan pagi ini secara khususnya Yang Berhormat, saya tidak dapat mendengar huraian Yang Berhormat tentang apakah visi Yang Berhormat untuk nak menambah hasil ini. Untuk hendak mengukuhkan kewangan kita, apakah rancangan Yang Berhormat untuk memastikan bahawa RM1.5 juta hasil yang kita perolehi atau yang kita sasarkan pada tahun 2018 itu dapat kita capai. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat tentang rancangan Yang Berhormat, Kerajaan Pakatan Harapan. Khususnya dari segi visi Yang Berhormat untuk nak mencapai hasil tersebut. Apakah yang dah Yang Berhormat fikirkan? Terima kasih.

YB Speaker : Sila Yang Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat bagi kawasan Benut. Sebagaimana yang saya awal nyatakan tadi iaitu beberapa langkah yang telah pun saya sebutkan itu. Itu salah satu daripada cara untuk mempertingkatkan hasil wang negeri.

Selain daripada itu, saya juga dalam proses untuk menarik para pelabur luar datang ke negeri Johor untuk menanam modal dan daripada penanaman modal itu kita akan mendapat cukai dan berbagai-bagai lagi premium yang akan dibayar oleh pelabur-pelabur asing ini. Kita dalam keadaan yang menguntungkan kerana ada perbalahan dalam soal perdagangan di antara kerajaan Amerika dan juga kerajaan China. Kerana ramai di kalangan peniaga-peniaga dan penanam modal di negeri China sendiri sudah mula lari tidak mahu membuat perniagaan di negeri mereka. Salah satu negeri yang mereka menjadikan tumpuan adalah negeri Johor. Kerana baru-baru ini saya juga didatangi oleh beberapa syarikat-syarikat besar daripada negeri China, di samping saya juga mempunyai perhubungan yang baik dengan beberapa pedagang-pedagang daripada negeri China datang dan berjumpa saya. Contohnya, sebuah kilang benang akan didirikan dengan belanja USD200 juta di Senai dan juga mendirikan sebuah kilang tayar dengan nilai juga USD200 juta di Segamat dan juga saya didatangi oleh beberapa syarikat daripada Perancis, di mana ada sepuluh syarikat yang sekarang berpangkalan di Singapura oleh kerana ada beberapa perkara yang mungkin tidak memberikan keselesaan kepada syarikat ini. Syarikat besar gergasi ini akan berpindah ke negeri Johor. Sebelum ini, syarikat ini juga telah pun menanam modal di negeri Johor, sebanyak USD250 juta dan insya-Allah dalam tempoh yang terdekat ini syarikat-syarikat ini

sedang mengenal pasti di manakah lokasi untuk dibangunkan kilang-kilang dan juga perniagaan yang lain di negeri Johor ini akan dimulakan nanti.

Jadi, inilah salah satu kaedah yang ingin kita realisasikan langkah-langkah yang mana untuk kita menambahkan lagi salah satu daripada cara untuk kita mengumpul segala wang bagi kita masukan di dalam kewangan negeri Johor ini.

Selain daripada itu juga, saya melihat pada hari ini banyak sangat wang negeri Johor ini khususnya yang mengalir keluar. Kita mengimport daging, kita mengimport sayur-sayuran bahkan buah-buahan pun kita import. Jadi, untuk tidak mengalir sebegitu banyak kewangan negeri kita ke Johor, di Johor ini ke negara-negara lain, sedangkan negeri kita ini mempunyai tanah yang subur. Mempunyai infrastruktur yang cukup. Segala kemudahan-kemudahan asasnya pun cukup. Kenapa kita tidak pertingkatkan mutu dan juga hasil pertanian dan juga penternakan ini sendiri. Jadi, saya sekarang ini mempunyai satu perancangan untuk, dalam soal pertanian saya akan, sudah pun berbincang dengan beberapa pakar daripada Ukraine baru-baru ini, kalau kita tengok negara Ukraine walaupun kecil tetapi dengan kepadatan penduduk 40 juta pertanian mereka amat berjaya sekali. Saya terperanjat, duta besar Ukraine datang berjumpa saya, halia yang kita makan hari-hari itu, yang kita beli dekat *hypermarket* itu, kita import daripada Ukraine. Saya terperanjat. Jadi kalaulah halia yang boleh tumbuh subur di dalam negeri kita ini, sehingga kita import daripada Ukraine, apa maksudnya?. Bermakna pertanian kita ini tidak selaras dengan kemodenan perjalanan pada hari ini. Jadi, saya berbincang untuk saya mempertingkatkan pertanian ini dengan secara mode,n supaya hasil itu bukan sahaja kita dapat gunakan tanpa kita mengimport barang makanan ini, bahkan kita eksport. Jadi, di situ salah satu daripada punca hasil yang kita boleh dapat di dalam, untuk negeri Johor ini.

Dan juga berbagai pendekatan di dalam perancangan saya, yang saya akan isi di dalam *blueprint* saya yang saya akan lancarkan pada 18.08.2018 ini nanti. Insya-Allah, terima kasih.

YB Speaker : Ok. Saya kira selesai untuk soalan lisan yang pertama ini. Cuma saya ingin mengingatkan ataupun memberitahu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat terutama yang baru, apabila ingin mengemukakan soalan tambahan, tolong tekan *mic* dekat depan itu, *button* itu, jadi saya nampak dekat speaker, dekat monitor ini. Kalau tidak saya tidak nampak. Walaupun bangun, tapi saya tidak nampak siapa yang bangun. Tetapi kalau tekan *button* itu insya-Allah saya akan nampak di sini, dan saya boleh bagi peluang Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan tambahan.

Ok seterusnya, Yang Berhormat Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Mohon nyatakan pendirian dan perancangan Kerajaan Johor jika ada, ke atas pelaksanaan semua kerja penyelenggaraan Jalan dalam negeri ini yang diserahkan kepada syarikat-syarikat konsesi yang sedia ada.

YB Speaker : Ok. Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, bismillahhirahmaanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kerajaan negeri sedang mengkaji semula pelaksanaan kerja penyelenggaraan jalan di negeri Johor oleh syarikat-syarikat konsesi yang sedia ada. Ini termasuk semakan semula kadar harga bagi kerja-kerja yang dijalankan, skop kerja yang telah diberikan kepada setiap syarikat konsesi, tempoh bagi setiap kontrak konsesi dan implikasi perundangan dan kerugian akibat pampasan yang dijangka terhadap kerajaan negeri sekiranya kontrak tidak dipatuhi dan ditamatkan awal. Terima kasih.

YB Speaker : Sila, Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya, terima kasih kepada Puteri Wangsa. Pertama, saya ingin mengetahui berapakah kos yang terlibat, yang dibayar saban tahun oleh kerajaan negeri kepada syarikat-syarikat konsesi ini? Dan, apakah kos yang akan dikenakan atau perlu ditanggung oleh kerajaan jika konsesi ini ditambah? Dan, bagaimanakah untuk kita memastikan pembahagian yang lebih menyeluruh untuk nikmat para kontraktor-kontraktor dalam negeri ini, dalam urusan penyelenggaraan jalan di negeri Johor di masa yang akan datang? Terima kasih.

YB Speaker : Sila, Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Semarang. Ini saya menghormati YB Semarang, saya anggap macam *sifu* lah, orang lama, sahabat, abang saya sendiri. Jadi, sudah tentu soalan ini, soalan ini sebenarnya kalau saya hendak jawab *detail* terlalu banyak. Sebab apa, kita sebenarnya ada 3 jalan yang kita bagi konsesi.

1. Jalan-jalan luar bandar di bawah Infra Desa.
2. Jalan-jalan persekutuan di bawah Selia Senggara.
3. Jalan-jalan negeri di bawah AMONA dan TETO.

Jadi, kalau saya hendak baca angka, tetapi saya bagi yang boleh saya bagi *detail* angka yang lebih kurang paling hampir sekali saya bagi.

1. Selia Selanggara, Selia Selenggara ini kontrak dia, baru disambung sebelum kita kerajaan baru, iaitu 15 April 2018 dan berakhir 16 Februari 2026. Harga kontrak lebih kurang RM3,960.00 sebulan.

2. AMONA dan TETO yang berakhir pada 31 Ogos. AMONA ni, kontrak dia lebih kurang RM272,359,267.00 dan seterusnya TETO RM188,398,249.76.

3. Infra Desa. Infra Desa ini tarikh perolehan tapak iaitu ada dua skop kerja. Skop kerja yang pertama bermula 1 Julai 2015 dan berakhir 30 Jun 2022. Nilai kontrak RM555 juta iaitu pelaksanaan penjagaan jalan-jalan kampung di negeri Johor Darul Takzim. Yang skop kedua, cadangan projek menaik taraf dan melebarkan jalan-jalan kampung sedia ada termasuk pembinaan jalan kampung bagi seluruh negeri Johor. Iaitu tempoh projek tiga tahun tarikh penyelenggaraan tapak 3 Oktober 2016 dan tarikh siap 2 Oktober 2019.

Ok, bagi yang masa terdekat adalah TETO dan Amunah iaitu berakhir 31 Ogos ini. Kita dalam proses kajian yang kita cakap tadi. Dan pendekatan kita, kita tengah mengkaji tentang undang-undang. Seperti yang sedia maklum, isu TETO dan AMONA ini menjadi isu yang diviralkan semasa sebelum pilihan raya dan sampai sekarang diviralkan di media-media dan sebagainya. Dan saya menjawab juga soalan di akhbar yang bahawa kita dalam proses kajian dan dalam masa yang terdekat ini, dalam minggu depan kita ada proses *negotation* dengan izin, antara kita dengan dua-dua syarikat dan kita mengambil pendekatan *win win situation,* walaupun ada masyarakat yang di viral dekat luar, syarikat-syarikat ini syarikat kroni yang harganya agak mahal sikit tetapi kita mempunyai pendekatan yang baik sebagai kerajaan yang baru, kita hendakkan supaya akhirnya dua-dua pihak, kerajaan dan juga syarikat ini berada dalam keadaan menang-menang, *win win situation*. Itu pendekatan kita.

Dan, bagi memastikan kontraktor-kontraktor kecil untuk diberi pembelaan atau peluang untuk meraih kontrak yang ada ini. Saya pun baca ada dua kontrak, yang ada kebanyakan lebih kurang syarikat-syarikat ini 50, 60 syarikat. Tetapi apabila kita tengok, perhatikan

kebayakan syarikat ini, syarikat yang sama tahun ke tahun tidak banyak. Adalah sedikit perubahan, dari segi syarikat-syarikat tetapi tidak banyak yang berbeza. Biasanya yang berulang. Inilah masalah yang diviralkan oleh tidak puas hati setengah-setengah syarikat termasuk persatuan kontraktor-kontraktor kecil. Dan kita, pendekatan kita kalau boleh akan datang kita hendak libatkan lebih kuasa kepada kerajaan negeri sama ada kita akan balik semula kepada JKR atau kita akan dudukkan dia di bawah syarikat milik yang ada kepentingan kerajaan supaya kita lebih mudah untuk kita kawal dan sebagainya. Dan juga, kita ada satu lagi badan JCCD untuk memantau tentang perjalanan tersebut. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang berhormat Speaker, tahniah kepada Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan yang diberikan. Soalan tambahan saya ialah apabila kerajaan dulu mengambil pendekatan secara konsesi ini, antara perkara yang diharapkan ialah supaya kontraktor-kontraktor yang dilantik ini akan memberi tumpuan kepada kualiti kerja, supaya kerajaan mendapat faedah dari segi *value for money*, dengan izin. Setiap kontrak yang ditawarkan itu hasil yang diberikan oleh kontraktor itu adalah hasil kerja yang baik, mempunyai teknologi, mempunyai mutu kerja yang baik. Jadi, apabila kerajaan menyemak semula, saya rasa tentunya kerajaan mengambil langkah itu adalah untuk menambah baik. Maka, kalau dulu kita kenakan KPI-KPI kepada syarikat-syarikat konsesi supaya harga yang dikenakan, yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor kecil munasabah. Jadi, soalan saya Yang Berhormat Speaker ialah apakah usaha kerajaan hari ini untuk menambah baik, selain daripada usaha-usaha KPI yang telah ditetapkan oleh syarikat konsesi, selain daripada usaha untuk memastikan mutu-mutu kerja yang diberi oleh kontraktor itu adalah setimpal dengan harga yang ditetapkan, sebab itu kita adakan secara konsesi. Jadi, apakah usaha-usaha kerajaan yang difikirkan oleh Yang Berhormat supaya kita masih dapat mempertingkatkan lagi mutu kerja dan juga melalui penglibatan kontraktor-kontraktor kelas F?

YB Speaker : Sila Yang Berhormat, EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih Yang Berhormat Benut, bekas EXCO Kerja raya sebab tu soalan dia tahu pasal semuanya. Jadi sepatutnya kita ni kerajaan baru, baru 3 bulan ya, walaupun baru kita beriltizam untuk kita buat. Jadi, bagilah juga peluang kepada kita untuk kita merangka dan juga kita menjalankan dan hasilnya tidak akan dapat secara segera. Jadi bagi tujuan itu, sebab itulah kita akan memperkasakan JCCD di bawah UPEN, bahawa kita nak wujudkan :-

1. *One stop centre* iaitu database. *Database* ni tujuannya kita untuk mengumpulkan semua maklumat tentang kontraktor-kontraktor di negeri Johor dan kita lepas ni kita akan wajibkan kontraktor-kontraktor yang hendak libatkan diri dalam kerja-kerja dalam negeri Johor kita akan arahkan mereka untuk mendaftar dan pengujudan JCCD sebenarnya bukan zaman saya. Dibuat zaman apa kerajaan dulu, tapi kita seperti yang sedia maklum dalam ucapan titah Yang Amat Mulia Tuanku pun dasar yang baik tu kerajaan yang baru kita akan teruskan dan kita buat penambahbaikan dan *database* ini bukan setakat merekodkan kontraktor dia juga bertujuan untuk memastikan tak ada sistem monopoli. Yang lepas-lepas banyak juga diviralkan bahawa setengah kontraktor yang ada satu kontraktor boleh pegang lesen berpuluh, daripada G1 sampai G7. Habis dia borong projek-projek kat negeri Johor dan bila ada sistem *database* ini kita ambil contoh dalam perangkaan saya, contoh kelas G1, G1 ni dalam daerah dia tidak boleh melebihi daripada 3. Jadi dalam sistem *database* yang kita akan bangunkan, kalau kita *key in* lebih daripada 3, tak kira apa juga agensi yang terlibat dalam kerajaan negeri Johor, tidak akan boleh *key in*. Dan JCCD ini akan pantau semua projek-projek tak kira apa juga termasuk kerajaan tempatan, JKR dan sebagainya. Jadi itu dari segi.

2. Bila, bila kita juga merancang bahawa di samping KPI-KPI yang ada pada zaman pentadbiran kerajaan baru, kita pun mengambil langkah proaktif contohnya seperti sistem perolehan tender. Sistem perolehan tender kalau dulu sampai 3, 4 hari barulah keluar senarai *shortlised.* Kali ini kita dalam penambahbaikan, di dalam perancangan supaya masa tu dipendekkan, supaya kalau boleh pada hari yang tutup pukul 12.00, hari yang sama juga *shortlisted* kita akan dapat supaya kita mengurangkan kebarangkalian bukan saya tidak menuduh, kebarangkalian berlaku proses manipulasi dokumen- dokumen tender. Kita tak ada kontraktor yang merungut kata hantar dokumen tiba-tiba dokumen tak cukup, *disqualified* jadi itu salah satu pendekatan yang kita buat kerajaan baru, kita juga menambahkan penambah baik sistem perolehan dan juga kita dalam proses untuk membuat rombakan di dalam jawatankuasa-jawatankuasa di dalam JKR untuk penambahbaikan dan bertujuan untuk penambahbaikan bertujuan lebih baik kepada hasil daripada keputusan tender tersebut itu. Terima kasih.

YB Speaker : Ok. Kita terus ke soalan yang seterusnya. Dijemput Yang Berhormat Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Mohon pencerahan usaha-usaha yang dilakukan bagi menarik pelaburan ke negeri Johor.

YB Datuk Ir. Haji Hasni Bin Haji Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Minta dinyatakan jumlah pelaburan luar dan dalam negeri dan pecahan sektornya setakat ini dan apakah sasaran Negeri Johor bagi pertumbuhan ekonomi Negeri Johor bagi tahun 2019 dan bagaimana ianya mampu dicapai.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Selamat sejahtera, salam harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan daripada Yang Berhormat Machap dan juga Yang Berhormat Benut secara bersekali. Terutamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machap dan juga Yang Berhormat Benut kerana sentiasa prihatin dan mengambil berat berkenaan dengan isu pelaburan ke dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pelaburan langsung asing atau FDI menjadi sebahagian pelaburan penting dan tidak ketinggalan pelabur-pelabur tempatan atau DDI dalam memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga negeri Johor. Kemasukan modal asing atau pelaburan membolehkan pelbagai sektor ekonomi seperti pembinaan kilang, hartanah, insurans, dan sewa beli dan juga menjana peluang pekerjaan kepada rakyat Johor. Pelbagai usaha telah dijalankan dalam menarik pelaburan ke negeri Johor.. Kerajaan negeri telah menubuhkan pusat Pelaburan Negeri Johor atau dikenali sebagai JSIC di mana ianya sebuah agensi kerajaan di bawah Unit Perancang Ekonomi Johor dan telah ditubuhkan sejak tahun 2004. Sebagai sebuah agensi pusat sehenti *one stop centre,* JSIC berperanan membantu pelabur yang ingin melabur dan membawa masuk pelaburan luar dan dalam negara ke negeri Johor dan ianya memastikan segala keperluan yang diperlukan oleh bakal pelabur dapat dipenuhi dengan kerjasama agensi kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan.

Antara fokus industri yang menjadi tumpuan selama ini untuk kerajaan negeri Johor adalah industri petrokimia, industri elektrik dan elektronik, industri kimia, industri makanan dan industri perkhidmatan seperti produk halal, bioteknologi dan teknologi maklumat. Selain itu, kerajaan negeri menyertai misi galakan keluar negara melalui Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) di mana kerajaan negeri akan menghantar delegasi perdagangan bagi menarik

pelaburan dari luar negara sama dengan cara bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ataupun melalui agensinya seperti MIDA iaitu Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia mahupun misi galakan pelaburan kerajaan negeri sendiri. Delegasi ini bertujuan untuk menyalur serta menyampaikan maklumat kepada pelabur asing mengenai potensi pelaburan di negeri Johor sama ada melalui seminar pelaburan, mesyuarat dan juga kita juga katakan *business matching.*

Tuan Speaker. JSIC juga memainkan peranan untuk membina jaringan hubungan *networking* menerusi pejabat MIDA di luar negara. Untuk tahun 2018, beberapa misi galakan pelaburan kerajaan negeri akan dianjurkan di bawah pentadbiran ini dan negara-negara yang akan dilawati bagi tahun ini adalah termasuk Singapura, Jepun, Korea dan juga negara China. Sememangnya pada 27 Ogos 2018, iaitu beberapa hari lagi, satu misi perdagangan dan pelaburan negeri Johor akan ke Singapura yang akan diketuai oleh saya sendiri, di mana ianya melibatkan peserta daripada pihak Singapura seramai hampir 100 orang bakal pelabur. Manakala pada bulan September 2018, delegasi kerajaan negeri Johor akan buat julung kalinya menyertai *The 20th China International Fair For Investment Trade* atau dipanggil CHIFIT di Xiamen, China.

Tuan Speaker, salah satu faktor yang telah menjadi penarikan untuk para pelabur ke Malaysia dan khususnya Johor, ialah komitmen kerajaan untuk mengekal persekitaran perniagaan yang menyediakan peluang-peluang untuk syarikat-syarikat berkembang dan meraih keuntungan. Komitmen ini terlihat daripada usaha-usaha tetap kerajaan untuk mendapatkan maklum balas sentiasa dan setiap masa daripada komuniti perniagaan melalui saluran-saluran perundingan seperti dialog-dialog dan mesyuarat, yang sering diadakan di antara kerajaan dan sektor swasta. Ini membolehkan pelbagai komuniti perniagaan menyuarakan pandangan-pandangan mereka dan menyumbang kepada pembentukan dasar-dasar kerajaan yang melibatkan mereka sendiri. Bagi memastikan usaha tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih lancar, penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Johor atau dikenali JIC yang di pengerusi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. JIC ditubuhkan bagi menyelaras segala aktiviti pelaburan dan memastikan kesinambungan pelaburan sedia ada serta menambah baik segala polisi pelaburan yang sedia ada. Manakala pada bulan Julai tahun ini juga satu *task force* yang dikenali sebagai *task force* pelaburan tanah dan utiliti (PTU) yang di pengerusi oleh saya sendiri telah ditubuhkan buat kali pertama di negeri Johor dan bertindak sebagai satu unit khas dalam mengenal pasti dan menyelaras sebarang isu-isu atau permasalahan yang bakal dibangkitkan atau telah dibangkitkan oleh pelabur atau pemain industri terutamanya yang melibatkan isu-isu tanah, PDD dan juga utiliti di negeri Johor.

Tuan Speaker, kerajaan negeri Johor juga menyokong penuh semua skim galakan kepada para pemodal yang diwujudkan oleh pihak persekutuan. Skim galakan atau insentif ini merupakan antaralah daya tarikan yang mustahak untuk menggalakkan pelaburan asing dalam usaha ini kerajaan persekutuan telah memberi beberapa kelebihan kepada pemodal yang bertaraf perintis seperti pengecualian cukai untuk satu tempoh yang tertentu. Malaysia juga mengamalkan satu dasar pertukaran wang asing yang liberal. Pelabur-pelabur asing dibenarkan membawa keluar keuntungan dan pulangan modal mereka. Ini adalah salah satu insentif negara yang dihargai oleh pelabur asing. Oleh yang demikian, kerajaan negeri Johor sentiasa menyokong apa juga langkah yang telah dilaksanakan di peringkat persekutuan dan terus komited menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaburan dari sektor perkilangan secara keseluruhan pada tahun 2013 sehingga tahun 2017 adalah berjumlah RM115.06 bilion yang telah diterima oleh negeri Johor. Dari jumlah tersebut, pelaburan asing mencatatkan RM38.84 bilion iaitu sebanyak 33.76% daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Manakala pelaburan tempatan atau DDI bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM76.22 bilion atau bersamaan dengan 66.24%. Bagi tahun dari 2013 hingga 2017, industri petroleum telah mendominasi jumlah pelaburan yang masuk ke negeri Johor iaitu sebanyak RM72.68 bilion, diikuti dengan industri elektrik dan elektronik (E&E) iaitu sebanyak RM9.33 bilion diikuti juga dengan industri produk mineral bukan logam berjumlah RM6.19 bilion diteruskan dengan

produk kimia dan bahan kimia berjumlah RM5.27 bilion dan akhirnya industri perkilangan makanan RM5.06 bilion. Di bawah pentadbiran baru ini, Tuan Speaker, kami faham adalah tidak wajar untuk hanya bergantung kepada sektor pelaburan tradisional di atas dan ada keperluan untuk kerajaan ini untuk terus meneroka sektor-sektor industri yang baru untuk menjana lebih banyak pelaburan seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi.

Justeru, pada masa depan, selain daripada sektor industri tradisional di atas, kerajaan Johor juga akan memberi tumpuan kepada sektor 3H. Apa itu 3H? 3H adalah *high tech, high value* dan halal, 3H. Sektor-sektor tumpuan ini bakal memacu Johor kepada satu tahap pertumbuhan ekonomi yang lebih fokus dan cemerlang dalam matlamat kerajaan Johor ini untuk menjadikan negeri Johor sebagai sebuah negeri ekonomi maju atau dalam bahasa Inggeris, *advance economic state* (AES). Ini bukan saman punya AES, Tuan Speaker, ini *advance economic state.* Sektor tumpuan ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan Johor untuk membangun ekonomi negeri berlandaskan dengan doktrit industri 4.0, di mana banyak industri baru seperti *robotic centre* dan *data centre* yang berteknologi tinggi akan bertapak di Johor. Malah, industri halal yang selama ini mungkin hanya berkait dengan industri makanan juga akan dikembangkan ke lapangan farmacitcal dan kosmetik dengan penggunaan teknologi terkini secara digital yang dapat *track* sumber asal bahan mentah sampai ke produk akhir untuk menjaminkan kehalalan itu.

Maka, sasaran kerajaan negeri Johor bagi tahun 2019 bukan sekadar angka sahaja, malah adalah matlamat pentadbiran ini untuk memastikan pembangunan ekonomi dan pelaburan yang bakal masuk ke negeri Johor adalah bermesra alam sekitar, dapat menaik taraf cara kehidupan serta yang paling pentingnya memberi manfaat kepada rakyat Johor.

Kerajaan negeri akan menitikberatkan usaha meningkatkan pelaburan langsung asing dan juga pelaburan langsung domestik. Sehingga tahun ini bulan Mac 2018, jumlah pelaburan yang diperolehi oleh negeri Johor adalah sebanyak daripada 31 projek di mana jumlah pelaburan asing atau FDI adalah sebanyak RM399,384,499.00 atau hampir RM400 juta manakala untuk pelaburan langsung domestik, jumlah pelaburan yang diperolehi hingga Mac 2018 adalah hampir RM468 juta. Jumlah pelaburan keseluruhan adalah berjumlah RM868,085,396.00 Kerajaan negeri yakin, tren peningkatan jumlah pelaburan FDI dan DDI ini akan terus berkembang dalam tahun 2019 sejajar sejajar dengan polisi kerajaan negeri yang cukup mesra pelabur, terima kasih.

YB Speaker : Machap.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih di atas penjelasan yang panjang lebar berkaitan dengan usaha-usaha yang dilakukan bagi menarik pelabur-pelabur ke negeri Johor.

Kita sedia maklum, semasa pentadbiran Barisan Nasional, Johor merupakan destinasi pelaburan utama di Malaysia dan telah dijelaskan tadi telah menarik hampir RM114.9 bilion pelaburan dalam sektor pembuatan, sekitar 2013 sehingga 2017. Jadi, sekarang ini bila ada pertukaran kerajaan daripada BN kepada PH, adakah keyakinan pelabur-pelabur ini terjejas untuk terus melabur di Johor atau bagaimana? Dan adakah pelabur-pelabur yang dulunya telah melabur di Johor, pelaburan mereka disemak semula ataupun diteruskan oleh kerajaan PH? Terima kasih.

YB Speaker : Sila, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat dari Machap. Untuk pelaburan yang telah melabur di Johor, yang kami rasa tidak ada apa halangan atau dengan polisi-polisi kerajaan Pakatan Harapan, kami tiada halangan untuk dia terus melabur di negeri Johor. Malah, seperti contoh yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, ada sebuah kilang benang di kawasan industri Sedenak yang kini selepas pengambilan kerajaan baru, telah masuk fasa

kedua dan telah melabur USD200 juta dan tahun depan akan masuk ke fasa ketiga dengan pelaburan USD300 juta. Ini menunjukkan, Tuan Speaker, bahawa pelaburnya, sebenarnya tidak ada masalah langsung dengan pertukaran kerajaan di Johor, malah daripada *feedback* yang saya dapat lebih ramai pelabur ada keyakinan kepada kerajaan ini, kerana kerajaan ini ada *reform* institusi dan lebih telus dan kita juga mengamalkan sistem seperti *open tender* dan sistem *open tender* ini memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur bahawa pelaburan di sini adalah *secure*, dengan izin, menjamin dan adil. Maka, saya rasa tidak ada apa-apa masalah untuk pelabur untuk terus ke negeri Johor dan daripada apa yang kita sudah dapat dari maklum balas, keyakinan itu bukan sahaja ada malah dia terus meningkat, terima kasih.

YB Speaker : Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Kalau kerajaan Pakatan Harapan merasakan bahawa apa yang akan berlaku ini akan lebih baik oleh kerana adanya *open tender* dan sebagainya, saya harap itulah hakikatnya, *open tender* ya bukan tender, sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjawab, bahawa manifesto kerajaan ialah tender, tender itu ada 3 jenis. Jadi, hari ini Yang Berhormat nak mengesahkan bahawa tender yang hanya diamalkan oleh Pakatan Harapan ialah *open tender*. Jadi, saya harap *walk the talk,* terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, unjuran kerajaan yang lepas bahawa pada tahun 2018 ini, kita anggarkan kadar pertumbuhan ekonomi Johor adalah 5.5% hingga 6%. Kita letakkan anggaran itu atau unjuran itu kerana kita yakin dengan program-program sama ada tambahan pelaburan, sama ada melalui jawatankuasa ekonomi baru, Johor di bawah PDT ataupun kajian pelan pembangunan termasuk institut inovasi strategik Johor dan juga program-program seperti Johor Eco Entertainment Park pembangunan pelancongan dan juga program-program veterinari pertanian dan perikanan yang melibatkan RM17.4 juta dalam pemerkasaan industri itu, maka kita unjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 5.5% hingga 6%. Jadi, apakah langkah kerajaan hari ini untuk menambah baik unjuran tersebut untuk mempertahankan unjuran tersebut? Adakah Yang Berhormat telah mempunyai sekurang-kurangnya satu kaedah untuk memantau apa yang telah di rancangkan sama ada Yang Berhormat akan meneruskan semua usaha-usaha tersebut ataupun Yang Berhormat ada program-program baru supaya unjuran 5.5% hingga 6% itu tercapai ataupun lebih baik daripada unjuran tersebut?

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Benut. Saya hanya boleh berhujah di bawah portfolio saya sahaja. Untuk dari segi pelaburan, seperti yang saya katakan tadi, pepatah Melayu ada kata, buang yang keruh ambil yang jernih. Kalau adalah polisi yang baik, kita ambil. Kalau polisi yang tak begitu baik, kita perbaikkan. Kalau ada polisi yang langsung tak baik, kita buangkan sajalah. Senang kata, polisi-polisi yang sedia ada ini, yang diwarisi daripada kerajaan BN kalau ada yang baik, kita akan teruskan tetapi pada masa yang sama seperti yang saya katakan tadi Tuan Speaker, kita tidak boleh bergantung sahaja kepada pelaburan tradisional. Kita juga kena meneroka juga aspek-aspek atau pelapangan yang baru untuk memastikan Johor tetap menjadi negeri pelaburan yang pertama, mesra asing. Yang kedua, menjadi tempat atau negeri pelaburan yang diutamakan oleh pelabur asing. Pelbagai program atau inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan ini, dan saya yakin di bawah portfolio saya, pelaburan kita dapat menyumbang dan juga dapat menarik lagi banyak pelabur daripada negara asing melalui program-program seperti *trade mission*, dengan izin, dan juga dialog sesama dengan persatuan-persatuan perniagaan yang sedia ada, terima kasih.

YB Speaker : Ok. Seterusnya kita last soalan yang terakhir ini ya. Kita ada lebih kurang lima, sepuluh minit lagi untuk soalan yang terakhir. Soalan lisan, jemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Tuan Muhammad Taqiuddinbin Cheman (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bertanya sekali lagi, minta maaf, saya sempat tanya *ruling* Yang Berhormat semalam tentang masa kita berbahas ini, makna Yang Berhormat bagi kita jam sampai 11.00 pagi ke?

YB Speaker : Pukul 10.50.

YB Tuan Muhammad Taqiuddinbin Cheman (Pulai Sebatang) : Ada lagi 10 minit lagi jadi maknanya hampir pukul 11.00 Yang Berhormat.

YB Speaker : Sekarang baru 10.42 kan? Tadi kita ada 5 minit lewat sikit. *So*, saya anggap kita tambah 5 minit, jadi sampai 10.50 lah, ok. Silakan YB EXCO. Ini banyak persoalan, ini banyak jadi saya kena bagi ruang, silakan.

YB Pengerusi Jawaankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pulai Sebatang atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi mengatasi isu ibu depresi dan juga kes-kes keselamatan di taska khususnya yang melibatkan kematian dan kecederaan. Kaunselor JKM akan ke rumah kes bagi memberi sokongan psikologi awal kepada ibu, bapa, adik beradik dan keluarga mangsa.

Seterusnya, kaunselor akan menawarkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada klien sekiranya memerlukan intervensi lanjut. Klien juga boleh hadir ke pejabat untuk menjalani sesi kaunseling dan pegawai kaunselor akan membuat penilaian awal terhadap depresi klien. Pihak kaunselor akan membantu melalui sesi kaunseling sehingga klien stabil. Sekiranya serius, klien akan dirujuk kepada jabatan psikiatri hospital berhampiran klien untuk rawatan selanjutnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di taska, setiap taska yang beroperasi perlu mendapatkan perakuan pendaftaran merujuk kepada Seksyen 7 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak Tahun 1984. Taska tersebut perlu mematuhi semua kehendak yang berhubungan dengan struktur premis, pencegahan kebakaran, kesihatan, kebersihan dan keselamatan kanak-kanak dan taman asuhan kanak-kanak itu dilengkapkan dan diselenggarakan dengan secukupnya dan sesuai.

Tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk menghantar anak di taska yang berdaftar, ibu bapa perlu memastikan taska tersebut mempunyai perakuan pendaftaran bagi memastikan taska tersebut mematuhi syarat-syarat pengoperasian sesebuah taska itu dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di dalam peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Taska yang berdaftar memerlukan pengusaha dan pengasuh taska yang berkelayakan dan berkemahiran serta lulus kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak PERMATA. Ini dapat mengurangkan risiko berlaku kecuaian akibat daripada pengasuh yang tidak berkemahiran dan tiada kelayakan yang diiktiraf dalam penjagaan kanak-kanak.

Pegawai diberi kuasa, taska juga akan menjalankan pemantauan berkala dan lawatan mengejut untuk memastikan pihak pengendali taska mematuhi isu-isu keselamatan anak-anak di taska. Aduan yang diterima juga diambil tindakan segera. Pengendali taska yang cuai dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan juga akan diberi kompaun dan bagi kes yang lebih serius, taska boleh ditutup.

YB Speaker : Pulai Sebatang.

YB Tuan Muhamad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Terima kasih.

YB Speaker: Pulai Sebatang, tekan dan berdiri sekali ya. Ok. Sila.

YB Tuan Muhamad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Terima kasih diucapkan kepada YB Speaker. Saya merujuk kepada satu kajian kesihatan dan morbiditi kebangsaan 2017 yang mana menunjukkan 29% rakyat Malaysia ini mengalami masalah kemurungan. Dan peratus ini terus meningkat sehingga, daripada tahun 2011, 11% dan terus meningkat kepada 29% sehingga data tahun 2017. Dan, kadar kemurungan ini dua kali ganda, wanita lebih dua kali ganda berbanding dengan lelaki. Jadi, saya ingin bertanyakan kepada YB EXCO, adakah YB EXCO mempunyai data berkenaan dengan ibu-ibu yang mengalami depresi ini di negeri Johor itu sendiri? Terima kasih.

YB Speaker : Sila YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih YB Pulai Sebatang. Di negeri Johor ini bilangan sesi, saya mempunyai statistik di mana ibu depresi yang mereka datang ke JKM untuk mendapatkan kaunselor di JKM Negeri Johor. *So,* bagi statistik ini, daerah Kulai mencatatkan bilangan kes ibu depresi yang paling tinggi iaitu 20 kes dan diikuti oleh daerah Johor Bahru, Kluang dan Batu Pahat iaitu sebanyak 15, 12 dan 10 kes masing-masing. Bagi Mersing mencatatkan 8 kes. Sementara Pontian sebanyak 5 kes dan Kota Tinggi sebanyak 3 kes. Muar dan Iskandar Puteri mencatatkan 2 kes masing-masing, Segamat dan Tangkak pula merupakan daerah terendah bilangan kes iaitu sebanyak 1 kes. Ini membawa kepada jumlah kes ibu depresi yang pernah dikendalikan kaunselor JKM di seluruh negeri Johor adalah sebanyak 69 kes. Terima kasih.

YB Speaker : Saya kira tamat setakat ini soalan lisan dan juga soalan tambahan. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis di dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Kita berehat 20 minit dululah. Ya, kita berehat. Lepas ini kita sambung. Sebab lepas ini ada perbahasan-perbahasan ya. Jadi kita berehat dululah. Ok, *so* kita berehat 20 minit dulu.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10.50 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.15 pagi.

YB Speaker mengetuai persidangan.

YB Speaker : Bismillahhirahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Jemput Yang Berhormat Sungai Balang, kita ada baki 5 minit Yang Berhormat ya. Ok, silakan.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Bismillahhirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor, salam Sungai Balang Gemilang. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, memberi peluang dua hari berucap, tetapi minta panjangkan sikit sahaja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sungai Balang ingin membawa kembali masalah Ketua Kampung. Walaupun dinyatakan bahawa pemilihan ini, pemilihan Ketua Kampung ini adalah ditemu duga oleh Pejabat Daerah dan ditentukan oleh Pegawai Daerah. Tetapi Sungai Balang melihat calon-calonnya ditangkap muat. Asal ada Ketua Kampung sahaja. Malah ada dalam kalangan mereka tidak pun dikenali atau terlibat dengan aktiviti

kemasyarakatan di kampung yang bakal ditadbirnya dan ada pula di antaranya tidak langsung punya masa untuk menghadiri majlis-majlis keagamaan di kampung-kampung.

Jadi, bagaimana mereka mahu memberikan perkhidmatan kepada masyarakat kampung tersebut?. Kita mesti ingat, jawatan Ketua Kampung ini bukanlah jawatan yang dicipta untuk diberikan kepada kawan baik, saudara mara atau sekadar membalas jasa. Tetapi ia adalah jawatan pemimpin yang menjadi tempat mengadu masyarakat di peringkat akar umbi sebelum segala aduan tersebut disalurkan kepada Ahli Majlis, ADUN ataupun Parlimen.

Ketua Kampung inilah individu yang menyampaikan segala aduan bumbung tercabut, rumah terbakar dan sebagai macam perihal rakyat kepada ADUN atau Parlimen. Ketua Kampung inilah yang menjadi pemudah cara kita sebagai ADUN dalam memastikan segala masalah dan kebajikan rakyat dapat diselesaikan dengan segara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon demi kepentingan rakyat dan paling utama untuk mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, boleh meneliti dan melihat kembali senarai Ketua Kampung yang telah dipilih atau akan dilantik di seluruh negeri Johor. Tidak sesekali Sungai Balang angkat isu ini demi kepentingan peribadi apatah lagi mempolitikkan isu ini. Ia adalah semata-mata kerana Sungai Balang mahu segala aspek yang melibatkan rakyat tidak dipandang enteng. Sungai Balang amat-amat berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi respons rasional terhadap perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sungai Balang juga mahu mengangkat isu yang sangat penting buat kami kaum wanita untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan adalah soal kebenaran makhluk *trans-gender* memasuki tandas awam wanita yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Agama dalam kenyataan kepada media pada 10 Ogos lalu di Kompleks Islam Putrajaya. Selepas dengan pertemuan dengan aktivis *trans-gender* yang semua orang tahu namanya, Sungai Balang dapat respons penuh emosi dan marah yang tidak terhingga malah penyokong tegar Pakatan Harapan juga turut menzahirkan rasa marah mereka. Kebenaran kepada golongan ini berkongsi tandas dengan wanita bukan perkara main-main.

Yang Berhormat Tuan Speaker, soal keselamatan dan lebih utama soal aurat buat wanita Islam perlu dititik beratkan. Kaum wanita akan rasa tidak selamat walaupun dikhabarkan golongan ini tidak sama seperti kaum lelaki biasa. Jika kaum ini mahu menuntut hak, Sungai Balang kira wanita juga ada hak untuk berasa selamat dan selesa. Sungai Balang amat berharap kerajaan negeri menyatakan pendirian dan tindakan terhadap perkara ini. Rakyat pasti mahu dengar pendirian kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ketika keputusan PRU 14 diumumkan, rakyat telah memilih untuk memberi mandat, kepercayaan dan amanah kepada Pakatan Harapan untuk mentadbir negeri. Kami di sebelah sini menerima dengan hati yang terbuka waima begitu, seperti titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, apa sahaja tindakan atau keputusan yang dibuat oleh Pentadbir Kerajaan Negeri harus mengambil kira buruk baik terhadap rakyat. Harus memberi impak terbaik dan meringankan beban hidup rakyat. Sungai Balang juga berharap segala apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu, yang membawa manfaat terhadap rakyat, maka mohon untuk kerajaan hari ini teruskan segala usaha tersebut mengikut kemampuan kerajaan negeri. Seperti contoh, bas Muafakat Johor. Telitilah untuk ditambah baik serta menyebar luas perlaksanaannya kepada bas ekspres atau tambahan capaian laluan yang lebih baik ke kawasan pinggir atau luar bandar.

Sungai Balang yakin...

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 2 minit lagi ya.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Sungai Balang yakin terhadap kebijaksanaan ini dan bukanlah slogan daripada bas Muafakat Johor kepada Bas Harapan Johor.

Yang akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, Sungai Balang juga ingin membawa perkara berkaitan tentang Sungai Balang iaitu mohon supaya didirikan sebuah balai bomba di kawasan DUN Sungai Balang, kerana terdapat sebuah sahaja balai bomba di daerah Muar dan balai bomba yang sedia ada meliputi Pagoh, Bakri dan Muar. Dan, saya dimaklumkan juga bahawa tanah, tapak tanah telah pun dikenal pasti iaitu di Parit Tunggul, Mukim Seri Menanti. Mudah-mudahan perkara ini dapat direalisasikan dan diberikan sokongan terhadap permohonan ini.

Akhir kata, Sungai Balang amat berharap isu yang Sungai Balang angkat di Dewan ini dipandang, didengar dan diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Sungai Balang amat berharap pertukaran parti yang mentadbir kerajaan tidak mengekang segala usaha yang beri manfaat terbaik kepada rakyat. Akhir kata, di kesempatan ini juga Sungai Balang ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan terdahulu, barisan ketua-ketua jabatan yang telah memberikan kerjasama yang terbaik kepada DUN Sungai Balang. Sungai Balang juga amat berharap Johor akan ditadbir dengan cara Johor, tidak terikut dengan gaya pentadbiran yang lain. Kerana kita mahu Johor tetap jadi Johor, Johor tetap nombor 1.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sungai Balang DUN Gemilang terletak di dalam tanah bertuah. Biar kini di kerusi pembangkang, tetap berkhidmat tidak beralah. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi laluan dan saya sudahi dengan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sungai Balang Gemilang.

YB Speaker : Terima kasih Sungai Balang. Diberi masa dua hari ya. Ok, seterusnya daripada YB Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Bismillahhirahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Bangsa Johor. Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri Johor. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk bahas, membawa suara rakyat terutamanya DUN Penawar.

Penawar memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya maka kita dapat bersama-sama di Dewan yang mulia ini untuk membincang dan mencari permuafakatan dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat Johor. Terlebih dahulu Penawar ingin merafak sembah, merakamkan setinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor atas Titah DiRaja sempena majlis pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-14 tahun 2018. Sesungguhnya rakyat Johor amat bertuah mempunyai raja yang berdaulat serta amat prihatin terhadap rakyat pembangunan negeri.

Yang Berhormat Speaker, dimulai dengan ingatan Allah SWT yang bermaksud, sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia, supaya kamu menetapkan dengan adil.

Penawar merakamkan ucapan tahniah kepada kepimpinan baru negeri Johor. Benarlah titah Sultan, titah Tuanku Sultan yang menyeru semua supaya niat, mauduk dan tujuan wajib adalah sama iaitu memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat. Menjadi kerajaan bukannya satu perkara yang mudah, yang dituturkan. Ianya bukannya berkisar kepada aku yang paling betul, ataupun engkau yang paling salah, ataupun hanya bermodalkan fitnah, tetapi ianya merentasi segalanya ianya berpaksikan niat yang luhur, konsep yang jelas, tujuan yang berobjektif dengan amanah yang dipikul mesti dilunaskan dan janji itu adalah amanah. Janji bukannya barang kosmetik yang jika pakai 100 hari gerenti berubah 360 darjah. Wajah akan berubah dari tua ke muda, daripada yang penyek hidung yang penyek kepada yang mancung. Dalam barang kosmetik belum tentu ia menjadi, menjanjikan perubahan yang diimpikan. Sebab itulah, bila janji dilihat seperti

barang kosmetik, penjualnya petah berkata-kata, menjanjikan bulan dan bintang, sudah tentu ramai tertarik. Ramai ingin mencuba yang hasilnya belum tentu baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada rakan-rakan dalam kerajaan sebelum ini, yang di kepalai oleh mantan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamad Khaled bin Nordin atas usaha gigih dan kerja keras yang telah melaksanakan amanah yang dipikul dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Pewarisan yang cukup baik dari penyusunan tadbirnya, mahupun kewangan yang kukuh bagi memudahkan penerusan pentadbiran negeri sepanjang lima tahun yang akan datang. Tetapi, nasib tidak bersama dengan Datuk Seri Khaled Nordin, apa nak kata, malang tidak berbau. Bukan mudah memuaskan hati semua rakyat jelata.

Yang Berhormat Speaker, menyoroti Gagasan Murni Johor Berkemajuan, yang diilhamkan oleh kerajaan yang terdahulu adalah manifestasi yang menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat Johor. Saya suka untuk menarik tumpuan Dewan kepada beberapa perkara yang saya kira mustahak untuk dipertimbangkan oleh kerajaan baru, untuk diteruskan usahanya.

1. Johor sebagai kuasa ekonomi selatan mesti dipacu dan dipertahankan. Ingat kerajaan terdahulu meninggalkan pertubuhan ekonomi Johor di kedudukan nombor 1 dan melepasi pencapaian peringkat nasional.

2. Usaha menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat berpendapatan rendah, di bawah inisiatif perumahan Johor perlu diteruskan, dan mesti diperbanyakkan bukan hanya dengan angka 100,000 yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan baru mesti ada penambahan, bukan sekadar *copy and paste*.

3. Inisiatif Johor Prihatin dan Johor Berkemahiran diberikan keutamaan.

4. Johor *Islamic* sebagai asas pembinaan modal insan.

5. Johor sebagai negeri yang selamat dan bebas jenayah.

Agenda Johor Berkemajuan ini adalah gagasan dari sebuah pasukan yang mempunyai niat luhur, jelas dan tujuan yang berobjektif untuk Bangsa Johor. Bukan satu kesalahan malah bukan satu dosa, untuk meneruskan kesinambungan sebuah gagasan yang terarah ini. Tetapi adalah satu yang tidak bertanggungjawab jika menindakkan malah memberhentikan usaha murni Johor Berkemajuan ini.

Penawar menyokong titah Tuanku yang mengingatkan kepada barisan kepimpinan baru, supaya program yang baik yang telah dibuat oleh pentadbiran dulu perlulah dikekalkan atau ditambah baik, bukannya terus dihentikan. Bukannya hanya menukar nama dan *sticker*, bukan, bukan begitu. Tetapi haruslah ditambah baik tapi bukan tambah duit. Perubahan pentadbiran kerajaan yang diharapkan oleh rakyat bukannya perubahan kepada pasukannya, malah rakyat mengharapkan sebuah gagasan yang menjangkau harapan yang menggunung. Mengapa perlu kerajaan Pakatan Harapan menukar muafakat kepada harapan? Mengapa perlu takut kepada bayang-bayang sendiri? Muafakat kepada harapan seperti tukar nama angkasawan yang pergi bulan kepada punggok yang merindukan bulan. Di Dewan yang mulia ini, Penawar ingin bertanyakan kepada saf kepimpinan pentadbiran negeri yang baru, adakah anda mengiktiraf Gagasan Johor Berkemajuan sebagai sebuah program yang baik untuk negeri dan Bangsa Johor yang wajar diteruskan usahanya oleh pasukan anda? Pasukan pentadbir Johor yang baru telah menyediakan *blueprint* harapan untuk Bangsa Johor, jika ada, bila ianya akan di bentang di Dewan ini supaya ianya menjadi dasar yang direkodkan.

Yang Berhormat Speaker, sebagai makluman kerajaan Barisan Nasional telah mengiktirafkan sumbangan wanita dan telah meletakkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan penglibatan 30% wanita menjawat jawatan tertinggi dalam membuat keputusan dalam sektor kerajaan mahu pun swasta. Tetapi, setelah diselidiki dan cuba memahami gagasan manifesto Pakatan Harapan Johor, tidak terjumpa satu pelan khusus pun untuk wanita di dalam negeri Johor. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini, Penawar ingin bertanyakan apakah pelan ataupun dasar kerajaan negeri bagi memperkemas dan mengangkat kedudukan wanita di negeri Johor? Penawar amat yakin wanita Johor amat berkebolehan dan berkelayakan serta telah memberikan sumbangan dan memainkan peranan penting dalam pembangunan Johor sama seperti kaum lelaki. Penawar menggesa dan sangat mengharapkan kerajaan negeri akan mengadakan agenda khusus pemerkasaan wanita Johor di dalam *blueprint* negeri yang kami nanti-nantikan ini. Sebagai contoh, rancangan negeri memastikan wanita Johor berpeluang mengisi tempat dalam limpahan peluang pekerjaan hasil pembangunan projek-projek mega seperti RAPID di Pengerang. Jadi, Penawar memohon kerajaan negeri mempertimbangkan lima perkara berikut dalam agenda khusus wanita, iaitu:

1. Mewujudkan satu unit khas, *special taskforce*, dengan izin, bagi melakukan proses pengumpulan data dan statistik semasa tentang guna tenaga kerja wanita Johor mengikut sektor dan perkhidmatan.

2. Langkah-langkah intervensi yang spesifik bagi memastikan yang wanita Johor akan diberikan peluang yang lebih banyak dalam projek-projek mega.

3. Inisiatif dan program-program khas yang mesti disediakan oleh kerajaan negeri bagi memastikan wujudnya pembinaan kapasiti wanita Johor akan diberikan peluang, kapasiti wanita Johor akan lebih berdaya saing dan bersedia untuk terlibat dalam industri dan sektor berprofil tinggi, contohnya, latihan 3 ke 6 bulan bersama para pemain industri yang dibantu dan disokong oleh kerajaan negeri.

4. Langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih menjurus dan tegas agar tidak berlaku diskriminasi kepada wanita dalam sektor-sektor berprofil tinggi.
5. Mewujudkan satu platform rundingan dan kerjasama khas dengan para industri dan institusi pendidikan bagi membolehkan kerajaan negeri dan para pengusaha industri bertukar maklumat, pengetahuan, jangkaan dan perkembangan semasa.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri sebelum ini telah memulakan inisiatif yang baik, sebagai permulaan melalui Unit Swadaya Insan. Jadi, Penawar kira kerajaan negeri pada hari ini tidak akan mengenepikan Unit ini hanya kerana adalah hasil usaha kerajaan sebelum ini. Sebaliknya, carilah jalan mengoptimumkan Unit ini demi melakukan dasar dan pelan yang Penawar sebutkan ini.

Yang Berhormat Speaker, sebagai ibu yang sayangkan keutuhan jati diri generasi, sebagai warganegara yang berpegang kepada adatnya, sebagai seorang Muslim yang mempertahankan syariatnya, sebagai insan yang rasional sedar baik dan buruknya, di sini Penawar ingin bangkitkan pendirian dan pandangan kerajaan negeri berhubung dengan isu Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT). Perbuatan ini dianggap seperti melakukan jenayah akidah dan terkeluar dari agama Islam atau murtad. Ianya juga sesuatu yang keji, kotor, jijik serta merendahkan hukum Allah SWT. Ini kerana masalah sosial ini sangat kerap dibangkit dalam pelbagai aktivis LGBT terutama yang berpegang kepada prinsip *humans right*, dengan izin, dan isu ini mendapat perhatian khusus dari menteri Pakatan Harapan di

peringkat persekutuan dan aktivis bebas yang merupakan pejuang golongan LGBT ini. Soalan Penawar, memandangkan Pakatan Harapan mengemudi Johor, apakah pendirian kerajaan negeri berhubung perkara ini?

YB Speaker : Yang Berhormat…

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Adakah kerajaan negeri…

YB Speaker : Yang Berhormat ada empat minit lagi ye.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Adakah kerajaan negeri juga menyokong pandangan, aktivis bebas atau sebaliknya. Jika ya, adakah akan wujud peruntukan dana atau program-program khas oleh kerajaan negeri untuk membantu mempromosikan gaya hidup LGBT ini, atau adakah kerajaan negeri mahu dan bersedia untuk mengambil pendirian tegas, jelas dan berprinsip untuk menyatakan secara terbuka bahawa kerajaan negeri tidak akan menyokong sebarang gaya hidup yang terlalu bebas, tidak beretika, tidak sihat dan tidak bermoral ini? Penawar menuntut dan menggesa kerajaan negeri untuk tampil menjawab dan membuat pendirian yang jelas dalam perkara ini kerana budaya hidup songsang seperti ini pasti akan datang dan menular ke Johor. Jadi, supaya kerajaan negeri amat penting untuk perkara diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Speaker, Penawar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan terdahulu Barisan Nasional yang telah menjadikan Pengerang sebagai hub *oil* dan gas. Dengan usaha bersungguh-sungguh kerajaan terdahulu di peringkat negeri mahupun persekutuan, ianya telah memberikan limpahan nikmat khasnya di DUN Penawar. Untuk makluman Dewan, DUN Penawar mempunyai 6 buah FELDA, 2 bandar KEJORA dan dua kampung-kampung tradisi. Secara keseluruhannya, kerajaan terdahulu telah melunaskan janji kepada rakyat kerana kerajaan terdahulu sedar ianya adalah satu amanah. Tetapi setelah pentadbiran persekutuan dan negeri berubah, beberapa keperluan rakyat yang diluluskan oleh kerajaan terdahulu telah diberhentikan serta-merta oleh Kementerian Kewangan.

Di Dewan yang mulia ini, mewakili rakyat Penawar, saya merayu supaya pembinaan masjid baru di FELDA Semenchu dan FELDA Air Tawar 5 yang telah diluluskan, diteruskan pembinaannya. Ianya adalah satu keperluan yang mendesak untuk rakyat di dua kawasan tersebut. Penawar mohon jasa baik kerajaan negeri untuk mendesak kerajaan Persekutuan, atau gunakanlah peruntukan kerajaan negeri bagi mengembalikan pembinaan tiga buah masjid di Parlimen Pengerang yang melibatkan 2 masjid di DUN Penawar.

Seterusnya, berkaitan perumahan mampu milik. Penawar mengharapkan supaya kerajaan dapat selesaikan permasalahan pembinaan rumah generasi FELDA Papan Timur yang telah siap 70%, menghadapi masalah pentadbiran dan juga masalah tanah. Harapan kami, supaya dengan adanya rumah generasi kedua sebanyak 539 buah ini, akan dapat dan ianya mungkin menjadi projek pertama dalam mencapai hasrat pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan untuk mensasarkan 100 unit rumah murah, rumah mampu milik menjelang lima tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Speaker, selama 60 tahun kami di sini, duduk di sana, mentadbir, mengurus, menjaga kemakmuran negeri yang telah berperlembagaan semenjak tahun 1895, sebuah negeri yang raja sebagai pemerintah negeri tertinggi, mengamalkan demokrasi dengan menekankan konsep musyawarah Melayu dan Islam sebagai agama rasmi negeri. Di sini, Penawar ingin mengingatkan kepada pentadbir kerajaan baru bahawa kerajaan Johor ini adalah kerajaan berperlembagaan terawal di Malaysia, diperintah oleh

Sultan yang memerintah kerajaan segala jajahan dan daerah takluknya, perlembagaan asal Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dicetak dalam tulisan jawi Melayu. Islam agama rasmi kerajaan Johor dan kedudukannya perlu dipelihara selama tetapi agama lain boleh diamalkan dengan bebas di negeri Johor ini. UTKJ hendaklah dilaksanakan dengan adil kepada seluruh rakyat dan orang-orang asing yang berada di negeri Johor. Oleh yang demikian, pentadbiran kerajaan baru melihat semula manifesto tawaran Pakatan Harapan Johor yang tidak meletakkan agenda Islam dalam agenda 10 janji lima tahun Pakatan Harapan Johor. Penawar inginkan penjelasan. Apakah rancangan negeri bagi menangani kos sara hidup yang akan meningkat setelah pelaksanaan SST? Apakah tindakan dan perancangan kerajaan negeri bagi memastikan tidak berlaku sabotaj atau penipuan harga oleh peniaga-peniaga di Johor?

Yang Berhormat Speaker, sebelum berakhir, saya ingin merumuskan dua perkara penting yang saya kira mesti dipertimbangkan dengan adil oleh kerajaan negeri hari ini.

1. Saya sangat berharap agar kerajaan negeri hari ini mengambil pertanggungjawapan untuk menambah baik segala kekurangan yang ada dalam dasar negeri Johor. Janganlah menjadikan amanah dan mandat rakyat ini sebagai peluang untuk menghapuskan segala legasi yang lepas kerana yang rugi nanti bukannya Barisan Nasional tetapi rakyat Johor dan kerajaan sendiri.

2. Penawar sangat berharap yang segala saranan dan cadangan dari kami, wakil-wakil Pembangkang, akan diberikan pertimbangan yang baik kerana semua perkara yang dikemukakan ini sedikit pun tidak berbaur politik, sebaliknya demi kesejahteraan dan kebaikan Bangsa Johor.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada Yang Berhormat Speaker di atas peluang yang diberikan. Saya menjunjung kasih mohon menyokong Titah Tuanku Sultan pemerintah negeri Johor. Sekian.

YB Speaker : Terima kasih kepada Penawar. Seterusnya, daripada Tenang.

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri (Tenang) : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Diucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan dalam perbahasan ke atas rundingan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Yang berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli daripada Kerajaan, pembangkang dan bebas, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Sejak semalam, Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kerajaan, pembangkang dan bebas telah mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih dan perbahasan telah menyentuh pelbagai perkara antaranya pembangunan ekonomi, pendidikan, infrastruktur, alam sekitar, perpaduan kaum dan urus tadbir kerajaan yang baik. Semua ini bertujuan mencapai objektif yang sama iaitu bagi menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat Johor. Tenang yakin dengan gandingan barisan EXCO berwibawa Pakatan Harapan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berpengalaman, dengan kerjasama erat pegawai serta kakitangan kerajaan negeri dan persekutuan akan terus memperkasa pembangunan negeri ini, khususnya dalam aspek keperluan asas termasuk perumahan, pendidikan, pentadbiran, pejabat tanah, pejabat daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam usaha meningkatkan dan menjaga kebajikan rakyat negeri Johor agar mereka merasa secara terus nikmat daripada kemajuan dan tadbir urus negeri yang baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan Johor merupakan salah sebuah negeri yang termaju di Malaysia, kami dalam Pakatan Harapan akan memastikan kerajaan negeri mengekalkan potensi ini dengan melaksanakan pelbagai langkah memacu pertumbuhan ekonomi Johor ke arah yang lebih cemerlang. Selain itu, Tenang yakin bahawa kerajaan negeri melalui pelbagai agensi yang diwujudkan akan berusaha melahirkan lebih ramai tokoh perniagaan dan usahawan tempatan berjaya dalam perniagaan dan perusahaan kecil dan sederhana. Tenang juga melihat masa depan yang lebih cerah jika usahawan-usahawan berbakat dari etnik Melayu, Cina dan India bekerjasama dengan lebih erat bagi membangunkan negeri ini sesuai dengan roh dan semangat Pakatan Harapan. Dengan semangat dan roh Pakatan Harapan juga dalam tempoh lima tahun ini Tenang yakin kerajaan negeri yang disokong oleh kerajaan pusat akan berjaya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya kepada rakyat negeri Johor di kawasan-kawasan pembangunan baru, meningkatkan hasil negara dengan memegang kepentingan *(stake)* atas tiket dalam setiap projek mega di Johor, dan mengkaji semula perjanjian penswastaan yang merugikan kerajaan Johor sebelum ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam keghairahan kita merancang dan membincangkan pembangunan ekonomi, Tenang ingin menarik perhatian kerajaan negeri kepada satu aspek dan persoalan yang juga tidak kurang pentingnya iaitu sekuriti makanan. Sesebuah negara dikatakan mempunyai sekuriti makanan apabila individu, isi rumah atau semua rakyatnya boleh mendapat makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat untuk hidup sihat dan aktif. Ia merangkumi empat dimensi termasuk ketersediaan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan makanan. Melihat daripada skop ini, secara umumnya negeri kita termasuk negeri Johor tiada masalah sekuriti makanan. Walau bagaimanapun, isu yang dibimbangi adalah kestabilan bekalan makanan kerana kadar sara diri yang tidak mencukupi, import bersih yang semakin meningkat dan permintaan yang sentiasa berubah cita rasa. Malaysia termasuk negeri Johor masih lagi mempunyai kadar sara diri yang rendah bagi makanan yang asas seperti beras, iaitu 72%, daging lembu 28%, daging kambing 10%, susu 5%, buah-buahan 66%, dan sayur-sayuran 39%. Kesan-kesannya negara kita menjadi pengimport bersih makanan dengan defisit tambahan perdagangan yang meningkat dari tahun ke setahun. Contohnya pada tahun 1990, defisit imbangan perdagangan makanan adalah RM1.1 bilion. Pada tahun 2006, ia telah meningkat kepada RM8.5 bilion dan RM18.1 bilion pada tahun 2015. Disebabkan oleh peningkatan import yang lebih tinggi sebanyak purata 10.6% setahun dari tahun 1990 hingga 2015. Pada masa yang sama, peningkatan eksport adalah sebanyak purata 7.8% setahun.

Dari segi permintaan pula, kesan daripada kepesatan pertumbuhan ekonomi yang telah menaikkan pendapatan per kapita, bukannya pertambahan dalam penggunaan makanan tetapi juga permintaan terhadap makanan yang mempunyai nilai tinggi seperti daging, susu, sayur-sayuran. Ditambah pula dengan pertambahan penduduk dan perbandaran, tekanan terhadap bekalan makanan adalah semakin tinggi. Melihat kebolehcapaian makanan secara purata isi rumah membelanjakan sebanyak 30.3% pendapatan mereka kepada makanan. Peratus yang tinggi ini memberi implikasi bahawa mereka yang berpendapatan rendah akan terjejas apabila harga makanan naik dengan mendadak dan tidak menentu. Memandang ke hadapan, bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dengan kualiti khasiat dan cita rasa yang dikehendaki serta harga yang mampu beli, sekuriti makanan tidak boleh dilihat daripada segi keuntungan pelaburan semata-mata, tetapi daripada sudut pulangan sosial. Dalam hal ini, pulangan insentif kerajaan serta pelaburan dalam penyelidikan dan pengembangan adalah keamanan dan kestabilan negara. Ini memerlukan ekosistem dan gandingan di antara polisi, penyelidikan dan keusahawanan. Ini bertepatan dengan janji sepuluh dalam Buku Harapan bagi menjamin keperluan makanan asas dan menjaga kebajikan petani.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan kepada isu-isu yang saya nyatakan di atas persoalan yang perlu diutarakan adalah, apakah projek pengeluaran makanan yang telah dilaksanakan di negeri Johor? Apakah prestasi projek-projek tersebut? Perlukah projek-projek yang telah dilaksanakan itu di nilai semula bagi memastikan kestabilan bekalan makanan? Bagi negara-negara yang telah mencapai sekuriti makanan yang mapan umpamanya, mempunyai rekod sokongan yang kuat kepada sektor pertanian. Pertimbangan yang teliti terhadap insentif ekonomi untuk pengeluaran pertanian, pelaburan dalam pendidikan, pengembangan dan latihan, justeru, apakah polisi-polisi program yang perlu di gubal semula bagi menjamin bekalan makanan kita? Terdapat dua universiti awam iaitu Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di negeri Johor, bagaimanakah negeri Johor dapat memanfaatkan dalam meningkatkan sekuriti makanan? Hasil penyelidikan perlu di pakej bagi merangkumi inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, keusahawanan keluaran makanan belum lagi diamalkan seperti tanaman industri. Justeru ia memerlukan usahawan tani yang boleh mengamalkan pengeluaran makanan secara komersial dan berteknologi tinggi. Apakah program-program yang akan dirancang bagi mengeluarkan usahawan tani yang berjaya? Saya difahamkan, Universiti Putra Malaysia mempunyai Program Inkubasi Usahawan Tani yang telah berjaya menghasilkan usahawan tani yang berjaya. Mungkin elok kita berbincang dengan UPM bagi merangka dan menyusun program berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya mengambil peluang ini merakamkan ucapan terima kasih kepada pengundi di DUN Tenang kerana memberi kepercayaan kepada wakil Pakatan Harapan menyuarakan kepentingan mereka di Dewan yang mulia ini. Bukan sahaja DUN Tenang, malah pengundi DUN Bekok serta Parlimen Labis telah mengundi bagi memilih Pakatan Harapan sebagai pejuang mereka. Kemenangan ini adalah manifestasi kehampaan mereka kepada Ahli Parlimen dan wakil DUN mereka sebelum ini kerana gagal membawa sebarang pembangunan di kawasan Labis. Labis tertinggal dan arus pembangunan dan dua Ahli Parlimen mereka sebelum ini berjawatan menteri penuh manakala yang tewas baru-baru ini adalah seorang Timbalan Menteri. Oleh yang demikian, Tenang dan juga pastinya Bekok berharap kerajaan negeri dan persekutuan tidak akan menghampakan harapan pengundi Tenang, Bekok dan Labis yang dinafikan hak menikmati pembangunan oleh wakil mereka sebelum ini dengan menimbang beberapa projek yang akan kami majukan.

YB Speaker : Yang Berhormat, masa ada lima minit lagi.

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri (Tenang) : Insya-Allah. Antara yang Tenang akan memohon ialah projek pelancongan dengan mengambil peluang kewujudan beberapa tarikan pelancongan di kawasan kami iaitu kolam air panas, air terjun, hutan serta gunung serta berhampiran dengan Taman Negara Endau-Rompin. Selain itu, Tenang juga akan memohon jalan-jalan baru dan pelebaran jalan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Tenang juga akan mengemukakan cadangan bagi pembinaan institusi latihan dan pendidikan di kawasan Labis bagi meningkatkan jumlah penduduk serta kuasa beli penduduk. Saya yakin dengan adanya pelaburan luar ke Labis, maka ia akan mencetus dan menjana pembangunan baru ekonomi di kawasan ini. Saya akhiri pembentangan ini dengan ucapan terima kasih dan menjunjung duli. Sekian, Assalamualakum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tenang. Seterusnya Yang Berhormat Senai.

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Penggal Sidang Pertama Dewan Negeri Johor

Yang Ke-14. Yang Berhormat Tuan Speaker, ini adalah pertama kali Senai berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin membangkitkan isu-isu di dalam sekolah. Terutamanya sekolah kebangsaan. Seperti yang kita tahu, sekolah adalah tempat untuk murid menimba ilmu, sebagai kerajaan, kita bertanggungjawab supaya tempat yang mulia ini tidak di salah gunakan. Apabila Senai melawat ke sekolah sekitar kawasan Senai, Senai didapati ada berapa isu perlu kita ambil perhatian.

Pertama, kantin sekolah. Kantin sekolah menjual makanan yang tidak sihat kepada murid-murid. Senai dapati pada awal tahun ini, kerajaan ada menyatakan satu garis panduan menunjukkan 13 jenis makanan di larang atau tidak dibenarkan di dalam sekolah iaitu:

1. Makanan yang telah melepas tarikh luput.
2. Semua jenis makanan yang berupa permainan seperti cincin, gincu dan lain-lain.
3. Makanan yang telah diproses seperti burger, sosej dan nugget juga tidak digalakkan di jual.
4. Makanan ringan mengandungi bahan perisa dan berwarna tiruan.
5. Gula-gula dan coklat.
6. Jenis makanan yang telah dijeruk sama ada masam, masin atau manis, basah atau kering seperti asam masin, jeruk mangga, kulit limau dan jeruk.
7. Makanan yang mengandungi krim dan gula.
8. Makanan segera.
9. Profisi ais dan aiskrim.
10. Makanan ringan bergas dan minuman yang menggunakan bahan pewarna serta minuman perisa.
11. Minuman tenaga.
12. Teh dan kopi.
13. Minuman yang mengandungi alkohol. Makanan tersebut sememangnya sedap.

YB Speaker : Makanan alkohol ada dalam sekolah?

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Itu tidak ada. Itu dilarang. Dilarang. Bukan ada, dilarang. Ok. Makanan tersebut sememangnya sedap dan disukai oleh murid-murid, walaupun dewasa. Tetapi semuanya bukan makanan sihat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan Senai, pihak mana yang bertanggungjawab untuk membantu kantin-kantin di sekolah. Murid-murid diajar dalam kelas, kentang goreng bukanlah makanan sihat, tetapi dalam sekolah pula menjual kentang goreng. Kita perlu ambil perhatian tentang kesihatan murid-murid sangat penting. Senai dimaklumkan bahawa pelaporan penaksiran sekolah rendah, menunjukkan lebih kurang 14% menghadapi masalah lebih berat badan. Dalam darjah 6 sahaja, bukan sahaja, bukan sahaja 14% tetapi 63.4% menghadapi badan berat. Mengutamakan kesihatan murid-murid supaya dapat mengelakkan penyakit seperti sesak nafas, darah tinggi dan kencing manis. Selain itu, kebersihan juga amat penting dalam kalangan murid-murid supaya boleh mengelakkan kes keracunan makanan. Penjaja di luar sekolah telah dikenakan pelbagai syarat, mereka juga dipantau dengan tegas supaya lesen berniaga dapat disambung Oleh kerana pelekat di tampal di dalam kedai, mudah kita mengetahui kebersihan, maka kebersihan kedai-kedai gred A,B,C, seterusnya kita boleh pilih sama ada ke tidak kita nak makan di kedai tersebut, tetapi di sekolah pula, tidak kelihatan pelekat tersebut. Sudah berapa kali kes keracunan makanan sudah berlaku, tetapi adakah kita mengangkat perkara ini sebagai tanggungjawab.

Yang Berhormat Tuan Speaker, jika bukan kita mengambil perhatian tentang perkara ini, siapa lagi ingin bertanggungjawab. Bukan sahaja masalah pemakanan di sekolah, Senai juga dapati beberapa perkara yang tidak patut berlaku di sekolah iaitu koperasi. Seperti kita tahu, koperasi berfungsi menjual alat-alat sekolah, buku latihan supaya dapat meningkatkan beban ibu bapa murid-murid dan guru. Tetapi sesetengah sekolah, koperasi, dalam koperasi dalam sekolah, bukan sahaja menjual barang-barang keperluan murid, tetapi menjual buku diari bercorak kartun, komik, alat tulis warna-warni, pemadam yang mengeluar bau wangi. Selain itu, Senai juga di maklum ada koperasi sekolah yang mengenakan caj

peralatan tulis dengan harga yang lebih mahal berbanding di luar. Seperti yang Senai maklum sebentar tadi, sekolah adalah tempat menimba ilmu, bukan tempat yang berniaga. Oleh kerana sekolah telah terjadi tempat berniaga, ada syarikat yang tidak bertanggungjawab memberikan pelbagai risalah jualan promosi kepada murid-murid dalam sekolah. Perkara ini menjadi bebanan kepada guru-guru di sekolah. Untuk menguruskan sebarang proses jual dan beli, soalan Senai, siapa yang membenarkan syarikat-syarikat ini berniaga di kawasan sekolah?

Yang Berhormat Tuan Speaker, bukan sahaja Senai dimaklumkan bahawa kebanyakan sekolah kebangsaan Cina, terdapat syarikat atau agensi yang menjual insurans kepada murid-murid. Dia orang panggil ia sebagai SPAI, *Student Personal Accident Insurance,* dengan bayaran sebanyak RM20.00 hingga RM30.00 nampaknya macam tidak mahal sangat tetapi kebanyakan macam sekolah Gred A, Sekolah Kebangsaan Cina Foon Yew mempunyai lebih 3,500 pelajar di ganda dengan RM30.00 jumlahnya adalah sebanyak RM105,000.00 setahun. Jika jumlahkan dengan semua sekolah ia boleh mengautkan keuntungan berjuta-juta. Nampaknya pasaran di sekolah ini memang besar dan tetap. Berbagai jenis perniagaan telah berlaku di dalam sekolah. Tidak kira barang keperluan mahupun bukan keperluan selain membangkit isu ini bukan sahaja isu pelajaran pendidikan tetapi realistik sebenarnya berlaku di dalam sekolah. Senang kata, siapa yang mendapat keuntungan dalam perniagaan, adakah pihak ibu bapa, siapa yang dapat komisen-komisen yang macam ini. Saya mohon kerajaan Pakatan Harapan mengambil berat perkara yang Senai bangkitkan walaupun isu-isu seperti ini sudah berlaku berpuluh-puluh tahun. Kerajaan dulu sudah gagal dalam integriti lah. Mohon Pakatan Harapan ambil tindakan dengan segera. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih daripada Senai. Seterusnya, Yang Berhormat Sri Medan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Bismillahirrahmanirrahim, (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Muafakat Johor, lama tak menyebut Salam Muafakat Johor ini. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana memberi ruang kepada Sri Medan untuk melibatkan diri dalam sesi perbahasan pada Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Pertama sekali Sri Medan ingin menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika Majlis Perasmian Dewan Negeri Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Perkara yang ketiga, tahniah juga saya ingin ucapkan mengambil kesempatan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang telah dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri Johor dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Tahniah saya ucapkan dari Sri Medan dan juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga rakan-rakan Barisan EXCO Kerajaan Negeri Johor yang baru. Dan yang kelima, banyak tahniah ni YB ya, pasal...

YB Speaker : Memanglah banyak tahniah tetapi masa tetap 15 minit ya YB.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang kelima, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan JDT kerana setiap tahun ketika saya sebagai EXCO Belia dan Sukan ucapan ini selalu dibuat oleh rakan-rakan tidak kira daripada kerajaan ataupun pembangkang. Dan hari ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan JDT kerana telah berjaya merangkul liga super untuk tahun kelima berturut-turut. Tahniah juga kepada rakan saya EXCO walaupun dua bulan memang rezeki dialah dapat yang kelima. Kita berusaha teruk juga empat kali untuk liga super, ini nama rezeki datang bergolek.

Saya tidak berhajat untuk bercakap panjang pada sidang sesi perbahasan pada pagi ini, saya tak akan menyebut soal 10 manifesto kerajaan negeri, 10 manifesto kerajaan persekutuan kerana kerajaan hari ini dia ada tempoh 5 hari lagi. Nampak pendek tetapi kalau kira jam ada 120 jam. Kalau nak panjang lagi, ada 7,200 minit. Kalau nak panjang lagi ada 432,000 saat. Jadi, saya rasa dalam tempoh 432,000 saat ini Ahli-Ahli Yang

Berhormat barisan EXCO dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya doakanlah yang terbaik. Kalau boleh laksanakan alhamdulillah.

YB Speaker : Doa tu ikhlas tak?

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Saya ikhlas doa. Kalau boleh laksanakan alhamdulillah. Tapi kalau tak boleh laksanakan, innalillahiwainnailaihirojiun. Kerana akhirnya Pakatan Harapan dia akan menjawab, kalau kat akhirat esok dengan Allah SWT, kalau kat dunia pandai-pandailah jawab dengan rakyat. Kita boleh tolong setakat lagi 5 hari tetapi selepas itu kita mungkin akan bersama-sama dengan rakyat untuk menegakkan apa yang telah dijanjikan insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, rakan-rakan semua, saya lebih tertarik untuk menyentuh beberapa perkaralah. Yang pertama, saya cuba melihat perkara-perkara yang ada kepentingan untuk negeri Johor. Dan yang kedua, mungkin saya akan sentuh berapa perkara iaitu berkenaan isu-isu tempatan yang mana saya mewakili rakyat Sri Medan. Kalau kata saya pernah memegang jawatan EXCO, saya ingat hampir 5 tahun bukan saya kata saya pandai tapi saya nak berkongsi sama-sama dengan rakan-rakan apa sebenarnya yang boleh kita bantu dan apa yang boleh kita sama-sama untuk kita laksanakan untuk kebaikan negeri Johor Darul Ta'zim terutamanya dari pada segi belia, sukan, kebudayaan dan juga warisan. Kalau kita lihat hari ini kalau sepanjang 5 tahun saya sebagai EXCO Kerajaan Negeri Johor apa yang saya tekankan iaitu bagaimana kita hendak memberi keutamaan kepada pembangunan fizikal, pembangunan ekonomi dan juga sosial kepada belia.

Kalau kita lihat pada hari ini saya tertarik dengan apa yang kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan iaitu tentang fizikal yang mana saya ingat kita telah cadangkan dan juga pihak IRDA dia telah bersetuju untuk melaksanakan *Youth Hub* di hutan bandar dan program ini pun telah dilaksanakan. Tetapi apa yang saya nampak di sini, iaitu EXCO Belia Sukan daripada DUN Semerah, kawasan saya juga ini, DUN Semerah, dia menyatakan bahawa *Youth Hub* ini dia akan bina di setiap daerah, sedangkan apa yang saya tahu bahawa *Youth Hub* ini adalah di bawah peruntukan khazanah oleh kerajaan persekutuan yang mana *Youth Hub* ini akan dibina di kawasan Wilayah Iskandar, IRDA dan saya tertarik bila disebut oleh EXCO Belia dan Sukan bahawa *Youth Hub* ini dia akan dibuat di setiap daerah sedangkan kawasan pentadbiran IRDA hanya di kawasan beberapa daerah yang ada tapi di mana peruntukan yang akan diperolehi untuk membina *Youth Hub* di setiap daerah, kerana saya setuju, saya tahu, banyak tempat di setiap daerah dan mungkin di zaman saya 5 tahun kita tak mampu untuk laksanakan tetapi bila EXCO Belia dan Sukan mengumumkan perkara yang sama dan akan nyatakan akan buat di semua daerah, alhamdulillah lah.

Saya suka cadangkan di kawasan Parit Sulong, kawasan Parit Sulong, DUN Sri Medan dan Semerah. Buat dekat tengah-tengah lagi mudah. Jadi, Batu Pahat buat di area Parit Sulong kebetulan EXCO Belia dan Sukannya daripada Semerah, walaupun orang luar semerah tapi dia mewakili kawasan DUN Semerah. Itu saya tak ada masalah. Jadi kita boleh bincang sama-sama, kerana yang paling penting sekali untuk kita pastikan belia-belia dalam negeri Johor terutamanya dalam daerah Batu Pahat dan juga di kawasan saya dapat menikmati kemudahan di panggil *Youth Hub*. Biasa orang kampung mana tahu *Youth Hub* ni, hub belia saja, hub belia apa ni kan.

YB Speaker : Kalau dalam Jawa apa *Youth Hub* tu?

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Entah. (bahasa Jawa). Ingat YB Tuan Speaker lagi tahu pasal dia pun pernah bertanding di kawasan Parit Sulong dulu saya ingat. Dia kalau orang pandai cakap Jawa senang, di kawasan Parit Sulong.

YB Speaker : (Cakap Jawa).

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Saya harap apa yang diumumkan Yang Berhormat Tuan Speaker saya harap Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan dapat beri penjelasan kepada kami mana peruntukan yang akan di perolehi untuk membina Youth Hub di setiap daerah, kita ada 10 daerah, mungkin di kawasan IRDA kita dah selamatlah, tak ada masalah. Saya dengan di Hutan Bandar pun kita dah buat dah. Saya ingat dalam proses, saya ingat pun lebih daripada peruntukan RM16 juta saya ingat, itu 3 tahun lepas. Kita telah usaha laksanakan dan mungkin zaman EXCO Belia dan Sukan masa tulah dapat nikmat hasil durian yang telah kita tanam. Itu tak ada masalah. Saya okey saja.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak sentuh tadi saya sebut fizikal, ekonomi. Ekonomi ini, satu yang saya ingin tekankan, saya tak boleh banyak perkara. Satu yang menjadi satu program yang amat baik yang mana telah kita beri kepada belia-belia terutamanya Belia Islam Negeri Johor. Iaitu kita telah mewujudkan satu bantuan iaitu di bawah Perbadanan Islam Johor, kita pun tak tahu di bawah Perbadanan Islam Johor kita ada peruntukan RM1.0 juta setiap tahun untuk kita membantu usahawan-usahawan belia Islam. Kalau saya boleh pecahkan di sini, saya ingat kita ada bantuan penjaja kecil, kita ada bantuan untuk usahawan, bantuan untuk NGO, ini saya tak tahu sama ada EXCO Belia dan Sukan yang baru akan teruskan program ini kerana yang saya tahu dia tak menggunakan peruntukan kerajaan tetapi menggunakan peruntukan Perbadanan Islam Johor. Dan saya lihat banyak program-program di bawah Perbadanan Islam Johor ini sebenarnya telah memberi banyak manfaat yang cukup besar kepada usahawan-usahawan terutamanya usahawan belia Islam negeri Johor.

Dan yang ketiga, bila saya sebut tentang sosial tadi, saya ingin melihat bahawa sepanjang 3 bulan, saya memang suka kadang kalau orang Melayu cakap "skodeng" dia punya FB, kita nak tengok apa yang dia buat, minta maaf ya tanpa izin, walaupun kita bukan rakan FB tapi saya dah tengok dalam sepanjang 3 bulan, saya tak pernah mendengar satu patah perkataan pun yang menyebut Sukarelawan Darul Ta'zim. Sedangkan ketika zaman saya dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini merupakan Menteri Besar Johor yang lepas, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, kita meletakkan bahawa Sukarelawan Darul Ta'zim ini sebagai satu nadi untuk mengaktifkan belia-belia dalam negeri Johor. Kalau ikut daripada sebelum kita kalah, kita mempunyai hampir 20,000 Sukarelawan Darul Ta'zim dalam negeri Johor yang berdaftar, yang buat bantuan sukarela untuk mangsa banjir dan sebagainya tapi hingga hari ini sampai 3 bulan saya belum pernah satu perkataan pun, sama ada malu nak sebut Sukarelawan Darul Ta'zim tu saya tak tahu, kalau Yang Berhormat nak tukar pun, pada Sukarelawan Harapan pun saya tak ada masalah. Tetapi, Sukarelawan Darul Ta'zim ini sebenarnya yang menghidupkan belia-belia dalam negeri Johor. Antara program yang paling nampak berimpak tinggi iaitu Program Johor Future. Selama 3 tahun kita laksanakan saya ingat kita telah membantu hampir 1,000 buah rumah dengan peruntukan kecil untuk kita baik pulih dan sebagainya. Ini belum termasuk kerja-kerja membantu mangsa banjir dan sebagainya. Dan saya harap banyak program-program yang baik seperti ini dapat Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan dan mungkin rakan-rakan yang lain untuk sama-sama ...

YB Speaker : Masa ada 4 minit lagi YB.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : 4 minit?

YB Speaker : Ya.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Oh, saya ingat tadi pembukaan tadi tak dikira. Okey, seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti saya sebut tadi Johor Future dan juga program-program banyak kalau saya nak sebut tentang dana warisan ini banyak. Banyak program yang kita buat sebenarnya tak pernah dibuat di negeri lain. Festival Seni Muafakat Johor, Festival Permainan Tradisional, Anugerah Lagu Johor, ini semua kita dah laksanakan. Saya harap perkara-perkara yang baik, saya pegang kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadikan, dia kata kalau benda yang baik dia akan teruskan, saya okey, tak ada masalah. Benda yang baik kita teruskan nama tu tak

kisahlah, nak tampal *sticker* ke apa itu kita tak ada masalah, yang penting untuk kepentingan belia-belia, kepentingan negeri, saya cadangkanlah agar kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini dapat meneruskan program-program yang baik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Belum ada Tan Sri lagi.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Eh! Minta maaf. (Dewan Ketawa). Mana tahu rezekikan? Dulu Tan Sri. Saya ingat, tapi nampak Speaker kali ini lebih mesra, masa..

YB Speaker : 2 minit lagi.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Saya nak sentuh tentang sukan. Adalah saya tengok YB EXCO Belia dan Sukan ada berjalan pergi tengok persiapan stadium dan sebagainya, rancangan itu telah diusahakan oleh kerajaan negeri Johor bersama Johor Corporation dan juga KPRJ. Kita menyediakan kemudahan sukan, kita tahu benda ini semua penting untuk orang luar melihat imej negeri Johor. Tetapi saya dah selalu katakan ketika saya sebagai EXCO, hebat macam mana pun kemudahan sukan yang kita ada, tetapi kalau kita tidak mencapai sasaran pingat emas yang ditetapkan kita masih dikategorikan gagal. Jadi kalau sebelum saya bersara, saya mensasarkan 40 pingat emas, tapi tak tahulah kan. Untuk Perak ini macam mana, saya harap, dan saya harap EXCO Belia dan Sukan dapat mensasarkan lebih daripada saya, insya-Allah.Ini di SUKMA Perak dan juga untuk di SUKMA 2020 di negeri Johor nanti kita sasarkan 2 tempat yang teratas.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, saya terus ke, minta masa sikit, isu-isu yang dibangkitkan iaitu isu masalah di kawasan saya.

Yang pertama, saya ada mendengar daripada YB Senggarang ya tentang isu Bukit Payung, isu Bukit Payung memang agak letihlah ya. Saya menghadapi,saya ingat lebih daripada lima tahun ya, jadi saya ucap terima kasih kepada rakan saya YB Senggarang yang telah membangkitkan isu Bukit Payung. Bukit Payung ni sebenarnya mendapat bantahan daripada penduduk saya ingat bertahun dah. Kalau dalam *whatsapp group* saya ingat kan, cukuplah saya ingat kalau rambut saya daripada rambut hitam jadi putih, daripada depan tu penuh dah hilang dah dahi dah kerana memikirkan Bukit Payung. Semua macam YB Khairudin juga saya ingat. YB Khairudin ni bukan orang luar juga, orang Parit Sulong ramai jadi wakil rakyat tapi di kawasan luar. YB Shahrudin ada …

YB Speaker : Tapi rambut putih tu bukan sebab perjuangan tudia tetap putih juga rambut.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : … tetap putih. Apa yang berlaku di Bukit Payung sebenarnya mendapat bantahan dan saya tadi data, fakta semua dah diterangkan oleh YB Khairudin, dapat bantahan daripada NGO tempatan dan sebagainya. Saya mengambil contoh, apa yang berlaku di Bukit Payung sebenarnya telah berlaku, kejadian ini telah berlaku pengalamannya melalui beberapa tempat. Yang pertama di Bukit Kelicap, yang kedua di Seri Wangi, yang ketiga di Pekan Nanas, Pekan Nanas dan juga di Simpang Renggam. Dia kawasan-kawasan sebenarnya, akhirnya menimbulkan kesan negatif kepada masyarakat di keliling. Saya amat berharap kepada kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini mendengar rintihan daripada rakyat, mendengar rintihan daripada NGO-NGO ini untuk kita membatalkan dan memindahkan ke kawasan selain daripada Bukit Payung.

YB Speaker : Mohon gulung YB, mohon gulung.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Gulung ya?

YB Speaker : Masa dah habis.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Kerana kita lihat perkara ini akan melibatkan sensitiviti kepada masyarakat tempatan.

Perkara yang kedua, saya ada, projek-projek yang saya nampak macam berhenti, dihentikan atau mungkin tak dapat diteruskan iaitu projek jejantas di Parit Sulong. Saya minta kerjasama daripada EXCO Kerja Raya ya, EXCO Kerja Raya, projek jejantas, projek Sekolah Kebangsaan Parit Jawa dan juga masjid-masjid di kawasan Parit Sulong. Saya ingat sebelum pilihan raya telah bermesyuarat, saya ingat di kalangan jawatankuasa masjid dan juga dengan pihak JKR dan sebagainya, saya difahamkan, ini cuma dengar-dengar, kalau boleh jasa baik daripada Yang Berhormat untuk menyemak sama ada projek masjid di Kampung Parit Betong dan juga Kampung Ayer Putih dihentikan atau diteruskan atau dikaji semula. Itu tak kisahlah, kalau kata ada perubahan harga dan sebagainya kerana masjid-masjid ni semua penting, untuk kepentingan awam untuk kepentingan orang Islam di kawasan-kawasan tersebut.

Jadi, saya harap pihak Pakatan Harapan yang telah dipilih, kerajaan pada hari ini dapat membantulah sama-sama membantu kita kerana saya terus terang saya katakan saya bukan tadi saya sebut dengan YB Ayub, kita bukan jenis kaki nak belasah, kita nak jadi pembangkang yang baik, kita nak jadi pembangkang yang membela rakyat, kita nak jadi pembangkang yang betul-betul memberi kesan yang positif kepada rakyat keseluruhannya. Jadi, saya harap Pakatan Harapan sentiasa membantu kita bagaimana kita nak merealisasikan apa-apa juga kebaikan dan juga projek-projek pembangunan yang baik untuk rakyat, insya-Allah, ya. Saya terima kasih banyak kepada rakan saya, YB Tan Hong Pin, saya selalu bantu dia kalau ada masalah dari segi KPKT dan sebagainya, insya-Allah. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih semua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Seri Medan. Seterusnya, Yang Berhormat Endau.

YB Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Bismillahirrahamanirrahim. (Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera Endau. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Speaker di atas ruang dan kesempatan yang diberikan kepada saya mewakili rakyat Endau untuk turut serta dalam Perbahasan dalam kali ini. Endau mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Kempas kerana telah dipilih menjadi Menteri Besar Johor yang baru sejurus selepas kemenangan Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang lalu dan juga tahniah kepada seluruh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah terpilih untuk memikul tanggungjawab mengikut portfolio masing-masing.

Endau sangat komited untuk bersama dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi memastikan pembangunan kawasan Endau yang telah dirancang serta permohonan yang akan datang dapat dilaksanakan demi kepentingan rakyat yang majoritinya adalah Melayu. Pembangunan yang berterusan ini amat diperlukan oleh rakyat di kawasan Endau memandangkan kawasan ini sebahagian besarnya terdiri dari penduduk yang berpendapatan rendah. Justeru itu, sokongan dari kepimpinan tertinggi negeri Johor ini amatlah diperlukan bagi memastikan masyarakat di kawasan Endau tidak terpinggir. Permulaan perjalanan karier saya ini telah ditakdirkan sedemikian rupa. Walaupun saya dipandang serong oleh pihak-pihak tertentu, namun saya akan terus berusaha sedaya upaya saya untuk berkhidmat membela nasib masyarakat saya di kawasan Endau.

Endau amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana memiliki seorang Menteri Besar yang amat memahami dan prihatin kepada saya dan khususnya masyarakat di kawasan Endau. Semoga Yang Amat Berhormat akan mengambil kira kawasan Endau dalam segala perancangan pembangunan negeri Johor dalam masa lima tahun mendatang.

Yang Berhormat Speaker, di kesempatan ini, Endau menjunjung kasih Titah Ucapan Baginda Sultan Johor dalam Perasmian Sidang DUN pada 9 Ogos yang lalu. Sudah pasti sebagai seorang Ahli Yang Berhormat, kita semua perlu memartabatkan Dewan yang mulia ini dengan berbahas secara beretika dan mengikut undang-undang serta aturan mesyuarat.

Jangan kita jadikan Dewan yang mulia ini sebagai medan kita melepaskan amarah dan serangan politik kepada individu tertentu sehingga menimbulkan kekecohan di dalam Dewan yang mulia ini.

Endau juga berkeyakinan bahawa di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, negeri Johor akan terus membela nasib rakyat dan berusaha sepenuh kudrat bagi mencapai lebihan hasil atau *surplus*, dengan izin, supaya mempunyai rizab simpanan untuk masa hadapan. Yang Berhormat Speaker, ada beberapa perkara yang ingin saya utarakan berkaitan Dewan Undangan Negeri Endau khususnya, dan Mersing umumnya.

Pertama, keperluan pembinaan projek perumahan. Kerajaan masa kini sebagaimana juga kerajaan masa dahulu amat mengambil berat tentang penyediaan rumah kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Melalui ikrar kerajaan Pakatan Harapan Negeri Johor untuk menyediakan lebih banyak perumahan mampu milik, bahkan pendekatan baru yang lebih menarik adalah menyediakan potongan bayaran sehingga 50% serta memperkenalkan skim sewa dan milik. Endau melihat pendekatan baru ini lebih berkesan mengatasi masalah rakyat khususnya mereka yang tidak berkemampuan.

Di dalam Dewan yang mulia ini, Endau ingin mengambil kesempatan menyeru kepimpinan kerajaan negeri agar dapat memberi persetujuan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membina 300 unit rumah di lokasi Jalan Endau-Mersing, Kampung Tenglu Batu 6 di bawah Program Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang mana saya difahamkan tapaknya telah pun tersedia untuk dibangunkan. Selain daripada projek PPR tersebut, Endau juga difahamkan pihak Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) telah melakukan kajian tapak perumahan bagi membangunkan Projek Rumah Mesra Rakyat Johor di lokasi yang bersebelahan dengan projek PPR tadi. Amat besarlah harapan saya serta rakyat di kawasan Endau agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi sudi meluluskan projek di bawah KPRJ ini.

Yang Berhormat Speaker, kedua, saya ingin utarakan, berkaitan Mersing daerah pelancongan dan perikanan. Umum ketahui bahawa Mersing dikelilingi dengan beberapa pulau yang cantik sehingga mampu menarik kemasukan pelancong dalam dan luar negara. Jika kita lihat, terdapat tiga jeti utama yang menghubungkan pelancong ke pulau-pulau tersebut:

1. Jeti di bandar Mersing menghubungkan Pulau Besar, Pulau Tengah, Pulau Hujung, Pulau Rawa, Pulau Pemanggil, Pulau Aur dan Pulau Tioman.

2. Jeti di Tanjung Gemuk menghubungkan ke Pulau Tioman.

3. Jeti di Tanjung Leman menghubungkan Pulau Sibu dan Pulau Tinggi.

Jika kita lihat muara jeti di Tanjung Gemuk dan Tanjung Leman telah diperlebarkan dan diperdalamkan sehingga memudahkan pengoperasian pengusaha bot untuk membawa pelancong ke pulau-pulau. Hanya di muara Mersing masih belum diperlebarkan dan diperdalamkan. Alhamdulillah, dalam lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor tempoh hari ke daerah Mersing, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berkomited untuk mengutamakan projek pelebaran dan pendalaman muara Mersing. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rakyat Mersing kini mendoakan agar projek ini dapat dilaksanakan sesegera mungkin.

Kita juga sedia maklum bahawa pekerjaan utama penduduk di daerah Mersing selain pertanian adalah perikanan iaitu nelayan pantai dan nelayan laut dalam. Nelayan pantai ini dilarang sama sekali untuk menangkap ikan di kawasan Taman Laut memandangkan kebanyakan pulau telah diwartakan sebagai Taman Laut dan ini menyukarkan mereka untuk mencari rezeki. Endau cadangkan agar kerajaan negeri melalui jabatan yang berkaitan membina tukun tiruan dan perbanyakan di luar kawasan Taman Laut. Pembinaan tukun tiruan ini mampu untuk kita jadikan sebagai satu kawasan pembiakan ikan dan akhirnya kita dapat bantu menyelesaikan masalah nelayan pantai. Dan juga Endau mencadangkan agar

kerajaan negeri menyediakan jeti-jeti pendaratan ikan untuk nelayan-nelayan pantai. Hal ini dapat memudahkan mereka untuk menjual tangkapan hasil kepada peraih mengikut kadar harga yang munasabah serta semasa, sekali gus kita mampu mengurangkan masalah jeti haram dan peraih yang tidak mengikut harga semasa.

Yang Berhormat Speaker, ketiga, Endau ingin utarakan berkaitan jalan alternatif yakni *bypass*, dengan izin, di daerah Mersing. Walaupun Mersing tidaklah sesibuk bandar utama yang lain, namun Mersing merupakan laluan penghubung antara selatan dan pantai timur. Ini dibuktikan dengan setiap kali musim perayaan, beribu-ribu kenderaan melalui dan membanjiri kawasan Mersing sebagai laluan mereka ke destinasi masing-masing. Sehingga akhirnya, menyebabkan kesesakan melampau terutamanya di sekitar bandar Mersing. Hal ini kerana Mersing hanya mempunyai satu jambatan sahaja yang menghubungkan dua kawasan dalam bandar Mersing. Tidak dapat dibayangkan jika berlaku sebarang musibah atau runtuhnya jambatan tersebut, nauzubillahiminzalik, maka sudah pasti terputuslah hubungan jalan darat tersebut.

Maka, mengambil kira lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari ke daerah Mersing, Endau ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini akan keperluan untuk kerajaan negeri membina sebuah jalan alternatif yakni, *bypass*, dengan izin bagi perhubungan tersebut. Dan ianya sudah pasti akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di musim perayaan yang berlaku saban tahun di daerah Mersing. Jika projek ini dilaksanakan, maka kerajaan Pakatan Harapan telah membuktikan kebolehupayaan dalam tadbir urus yang cekap, menangani masalah masyarakat setempat.

Yang Berhormat Speaker, yang terakhir adalah berkaitan memenuhi janji Pakatan harapan menjadikan negeri Johor sebagai hab makanan terulung. Kerajaan baru pimpinan Pakatan Harapan negeri Johor telah menggariskan beberapa pembaharuan yang mana pada pendapat saya amatlah wajar dilaksanakan.

Sebagaimana yang kita semua sudah sedia maklum, baru-baru ini kerajaan negeri telah pun mengumumkan 10 meter padu air percuma.Ini dilaksanakan kerana pimpinan baru negeri benar-benar komited di atas segala janji untuk meringankan beban rakyat negeri Johor yang berpendapatan rendah. Endau percaya pimpinan baru negeri ini akan terus berusaha memenuhi segala janji dan ikrar kepada rakyat negeri ini dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Antara lain yang menjadi sasaran pimpinan Pakatan Harapan negeri Johor yang sangat dekat dengan masyarakat di Endau adalah untuk menjadikan negeri Johor ini sebagai hab makanan yang terulung. Endau melihat usaha ini sangat diperlukan di masa ini memandangkan kita masih tidak mampu menyediakan keperluan bahan makan kita sendiri. Usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan bagi menjayakan agenda penting ini memandangkan negeri ini khususnya di kawasan Endau masih banyak kawasan yang boleh diteroka dan dibangunkan dengan projek pengeluaran sumber makanan. Endau difahamkan di kawasan saya sendiri terdapat projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) seluas lebih 2 ribu ekar dan zon pengeluaran makanan, ZPM dengan keluasan hampir 500 ekar. Endau ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Exco Pertanian, Kesihatan dan Alam Sekitar iaitu Yang Berhormat Dr. Shahrudin yang dari awal-awal lagi telah membuat program di Endau dan terima kasih juga YB kerana mengundang saya sama dalam program tersebut.

Yang Berhormat telah sampai ke Endau dan telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa projek pengeluaran makanan seperti kolam ternakan udang, bilik pertubuhan peladang kawasan Mersing dan melawat projek ternakan di TKPM Pengkalan Batu serta projek tanaman betik di TKPM di Sri Jemaluang. Projek-projek seumpama ini masih memerlukan perhatian yang besar dari kerajaan negeri. Tumpuan yang lebih diperlukan bagi merancang pembangunan naik taraf segala kemudahan asas serta perancangan bagaimana meningkatkan pengeluaran hasil dengan menyediakan lebih banyak kemudahan jentera pertanian. Dengan kemudahan seumpama ini, bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pengeluaran, bahkan kita dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.

Sebagaimana sedia maklum, kekurangan tenaga kerja di dalam sektor pertanian ini amat membimbangkan, lebih-lebih lagi penglibatan yang kurang dari anak-anak muda kita.

YB Speaker : Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Menyebut hal yang berkaitan pengeluaran makanan ini, Endau juga ingin menyeru kepada kepimpinan negeri agar dapat menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi menaik taraf sistem pengairan di dalam kawasan sawah pada Semaloi, Endau. Kemudahan tali air yang disediakan oleh pihak JPS dari Empangan Labung perlu ditampung dengan sumber dari air Sungai Endau. Ini kerana keperluan air untuk kegunaan isi rumah semakin meningkat selari dengan pembangunan masa kini. Seperkara lagi, kawasan sawah padi Semaloi ini juga masih memerlukan peruntukan bagi mengatasi masalah kebocoran sistem pengairan di dalam kawasan sawah. Endau difahamkan, sekiranya masalah-masalah ini dapat diatasi, maka para petani akan dapat menjalankan aktiviti tanaman padi sebanyak dua kali setahun berbanding sekarang ini hanya dapat dilaksanakan satu musim bagi satu tahun.

Di kawasan Endau ini juga selain sawah padi Semaloi, terdapat satu lagi kawasan sawah padi iaitu Air Papan. Ia juga memerlukan perhatian yang amat serius dari kerajaan negeri memandangkan masalah kekurangan bekalan air yang sekian lama berlarutan masih menghantui para pesawah. Jadi, adalah wajar agar beberapa inisiatif dapat dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat Speaker, saya kira itu sahaja apa yang ingin saya sampaikan pada kali ini. Sekali lagi Endau mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan ini memberi saya ruang untuk mengutarakan beberapa masalah dan penyelesaian dan saya harap apa yang saya utarakan ini di ambil berat serta akan ada tindakan seterusnya. Sekian terima kasih, Endau menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Endau. Seterusnya Kemelah.

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan doa). Assalamualaikumikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu Kemelah ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sudi menyampaikan titah bagi merasmikan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Kemelah ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Speaker dan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Osman Sapian sebagai Menteri Besar dan barisan Ahli Majlis Kerajaan Negeri Johor serta Ahli-Ahli Yang Berhormat mewakili suara rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Tidak lupa Kemelah ingin mengucapkan tahniah kepada YB Benut yang telah di pilih sebagai Ketua Pembangkang Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Saya kira sebagai satu sejarah di dalam Dewan Negeri Johor. Saya doakan agar kita semua dapat melaksanakan amanah yang di beri dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya memulakan perbahasan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, berkaitan kerajaan tidak berubah, yang berubah hanya kepimpinan. Saya yakin, mana-mana kerajaan yang dipilih rakyat, mewakili suara rakyat akan terus mendaulatkan Undang-Undang Tubuh Johor 1895. Saya juga yakin, kerajaan Pakatan Harapan Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Osman Sapian akan terus memacu pertumbuhan ekonomi dan sosial negeri Johor dan yang lebih penting lagi adalah kemakmuran rakyat, berteraskan ciri kerajaan berintegriti, telus dan urus tadbir serta tatakelola yang baik. Saya berasa syukur kerana kita telah sampai ke tahap ini, di mana kerajaan Pakatan Harapan Johor mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini. Selain itu, peruntukan juga diberikan kepada ADUN-ADUN pembangkang agar mereka juga dapat mengoperasikan pusat khidmat rakyat dengan sebaik mungkin, dan saya yakin, dan saya rasa keadaan ini amat berbeza sebelum ini, di mana kedudukan ADUN pembangkang tidak diraikan langsung dan tidak diberikan tempat

yang sewajarnya. Hasrat murni memastikan semak dan imbang dengan izin, *check and balance*, berlaku dengan baik dalam Dewan kita, kita doakan agar ianya berlaku dengan sempurna demi kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Speaker, di dalam mana-mana negara yang melaksana sistem demokrasi, suara alternatif diraikan secara baik. Kita lihat di Johor sendiri, sebelum-sebelum ini di dalam PRU 13 dan PRU sebelum-sebelumnya, usaha untuk mencapai pembangkang sifar, sering diwar-warkan. Tetapi hakikatnya berlaku sebaliknya, di mana suara pembangkang semakin kuat, sehingga berlaku pertukaran atau perubahan kerajaan yang mewakili rakyat pada PRU Ke-14. Saya yakin bahawa dengan perubahan ini, Pakatan Harapan Johor akan terus berusaha memastikan kemakmuran rakyat, menjadi agenda utama. Bagi kita semua, punca-punca utama kejatuhan sesebuah kerajaan perlu sentiasa menjadi iktibar dan pengajaran kepada parti pemerintah agar terus dapat menjadi pemerintah dalam masa yang lama dan agar tidak mengulangi perkara-perkara yang menyebabkan kejatuhan tersebut. Saya ingin mengambil ingatan daripada ayat Allah S.W.T dalam Surah Ali-Imran ayat 140. Di sebut dalam ayat tersebut, (Firman Allah) “Dan demikian itu, adalah keadaan hari-hari dunia ini dengan peristiwa kemenangan atau kekalahan, kami gilirkan dia antara sesama manusia supaya menjadi pengajaran”

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh titah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkaitan tanggungjawab terhadap kepentingan negeri Johor dan rakyatnya. Saya ingin bangkitkan berkaitan isu warga tua, yang mana kita semua akan melalui fasa tersebut. Menjelang tahun 2030, negara kita bakal menghadapi fenomena menua. Dengan izin, *ageing phenomena.* Fenomena menua di sini bermaksud bilangan penduduk yang berusia 60 tahun ke atas semakin meningkat, sedangkan penduduk yang berusia 15 tahun semakin menurun. Apabila berlaku fenomena ini, tidak boleh tidak kos kerajaan menanggung kebajikan kepada warga tua akan semakin meningkat. Jadi saya menyarankan agar langkah-langkah *pre-emptive* perlu dilaksana dalam menghadapi fenomena yang bakal berlaku ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sabtu lepas saya bersama-sama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sukarelawan telah menziarahi seramai 8 orang warga tua di kawasan Kemelah. Dari 8 orang warga tua yang kami ziarahi, 4 dari mereka tinggal bersendirian di rumah tanpa anak-anak. Sebahagian daripada anak-anak atau keluarga terdekat pula tidak dapat tinggal bersama kerana mereka terpaksa bekerja di luar kawasan. Dan fenomena ini saya rasa tidak hanya berlaku di kawasan Kemelah, tetapi merata-rata di kawasan-kawasan lain. Begitu juga perbincangan saya dengan warga-warga tua yang lain, perkara yang ditimbulkan ialah tidak ada siapa anak-anak yang berhasrat kembali untuk tinggal akan di rumah warisan mereka. Maka apa yang berlaku ialah rumah warisan di tinggalkan begitu terbiar.

Begitu juga lawatan saya ke sekolah-sekolah, khususnya di desa mendapati bahawa bilangan pelajar semakin menguncup. Untuk makluman Ahli Dewan, di Johor peratusan penduduk luar bandar mengecil, atau menguncup dari 35.9% pada tahun 2000 menjadi 24.4% pada tahun 2015 dan seterusnya berkurang kepada 23.7% pada tahun 2016. Dan itu adalah hakikat yang kita harus terima iaitu penduduk desa semakin lama semakin mengecil. Oleh itu, saya menyarankan kepada kerajaan Pakatan Harapan Johor, pembangunan desa perlulah diberikan penekanan agar migrasi penduduk dari desa khususnya anak muda dapat kita hentikan dan sebaik mungkin dapat kita *reverse* ataupun terbalikkan. Usaha yang lebih inovatif perlu di buat agar industri-industri yang berkaitan di desa seperti pertanian, penternakan, dapat digiatkan lagi dengan insentif-insentif yang lebih baik diberikan kepada penduduk tempatan khususnya anak muda. Saya sendiri apabila saya tinggal di kampung, bermastautin di kampung di Labis, daerah Segamat, berusaha untuk menunjukkan contoh bagaimana kita dapat mengusahakan tanaman yang baik. Jadi saya mengusahakan menanam pokok *avocado* di depan rumah saya. Jadi orang-orang kampung bertanya kepada saya ini pokok apa? Saya sebut ini *avocado*, dia pun tak pernah dengar *avocado*.

YB Speaker : Nanti bawa buah itu ke mari la.

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Tetapi apa yang berlaku ialah kita lihat apabila sesuatu pokok-pokok tanaman ini menjadi lumrah biasa, maka ramai akan berusaha menanamnya dan harganya pula akan menjadi murah. Oleh itu industri hiliran yang bersesuaian perlu kita bangunkan di kawasan setempat agar penerusan kepada tanaman yang sedia ada itu dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan. Kita berharap bukan hanya Johor menjadi penyumbang besar kepada KDNK negara, tetapi yang lebih penting lagi Johor juga menjadi penyumbang utama dalam isu sekuriti makanan, *food security* yang telah dibangkitkan oleh beberapa ADUN Yang Berhormat daripada tempat-tempat lain, dan Johor perlu mensasarkan supaya membantu negara mengurangkan kebergantungan import makanan dan daging dari luar negara. Sebenarnya yang disebutkan oleh YB Tenang tadi, antara tempat yang sekarang ini agak terbiar adalah satelit lembu, NFC yang masih lagi tidak diusahakan. Saya cadangkan supaya tempat-tempat ini dibangunkan supaya kita dapat memberi pekerjaan kepada penduduk tempatan. *Synergy* antara kerajaan negeri dan persekutuan perlu ditingkatkan, apatah lagi apabila kita perlu mempunyai seorang Menteri Pertanian dan Asas Tani dari negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di daerah Segamat, rungutan utama yang saya selalu dengar dari penduduk adalah peluang pekerjaan yang amat sedikit misalnya. Segamat adalah satu daerah yang amat berpotensi dengan sumber alam semula jadi dengan apa ni, tanah yang begitu subur dan tempat yang begitu menarik. Telah bertahun daerah Segamat berabai dari segi pembangunan. Pada tahun ini, April 2018, kerajaan lama telah memasukkan daerah Segamat sebagai satu wilayah bawah ECER. Begitu juga kerajaan lama telah berusaha untuk menghidupkan semula Pelabuhan Daerah Segamat ataupun *Segamat Inland Port* dan saya rasa usaha-usaha ini agak terlewat. Kerajaan negeri harus memberi penekanan tentang pembangunan yang seimbang kerana kita lihat setakat ini, saya merasakan bahawa daerah Segamat agak terkebelakang berbanding dengan wilayah-wilayah di sebelah Selatan Johor. Dan pada PRU yang ke-14, ketidakpuasan rakyat daerah Segamat telah dizahirkan dan kita telah melihat hasil keputusan, daerah Segamat mempunyai tiga parlimen, dan tiga parlimen tersebut telah dimenangi oleh Pakatan Harapan. Enam DUN di Segamat, lima darinya telah dimenangi oleh Pakatan Harapan dan satu hampir dimenangi oleh Pakatan Harapan. Rakyat daerah Segamat memang meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan Pakatan Harapan Johor untuk membangun daerah Segamat.

YB Speaker : Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Antara cabaran yang dihadapi dalam pembangunan daerah Segamat adalah infrastruktur yang cukup yang masih lagi belum cukup menjadi satu syarat untuk pelabur luar melabur di Segamat. Antara rungutan ataupun yang saya dengar daripada pihak pembangunan Segamat sendiri adalah meyakinkan pihak utiliti dan pembekal kuasa elektrik untuk melabur di daerah Segamat agar infrastruktur asas sedia ada dapat dibangunkan dengan lebih baik. Kita menghadapi satu keadaan di mana seperti ayam dan telur iaitu pihak pelabur utiliti sendiri tidak mahu melabur kerana tidak yakin bahawa pelabur akan datang dan pelabur pula apabila nak datang ingin melihat bahawa infrastruktur asas telah sedia ada. Akhirnya rakyat setempat yang menjadi mangsa, tidak ada industri yang dapat dibangunkan dengan baik lalu tidak dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang sebaik mungkin. Dalam hal ini, sekali lagi saya menyeru kepada kerajaan negeri supaya betul-betul memberi penumpuan kepada daerah Segamat agar ia dapat dibangunkan seiring dengan wilayah-wilayah lain di dalam negeri Johor.

Memandangkan masa yang agak terhad, saya juga mengharapkan bahawa pendidikan Islam di negeri Johor yang telah diinstitusikan pada tahun 1918 akan dapat diperkasakan lagi. Sehingga kini kita lihat malangnya Johor masih belum mempunyai institusi pendidikan tinggi. Paling tidak berkaitan dengan pendidikan Islam sebagai kesinambungan kepada pendidikan peringkat awal. Dalam zaman sekarang keperluan semasa memerlukan disiplin pelbagai dalam mengurus kehidupan semasa. Jadi, gabungan antara keperluan teknikal

perlu digabung jalin bagi melahirkan insan yang melihat penyelesaian kepada sesuatu masalah secara menyeluruh.
Maka tidak boleh tidak, Johor memerlukan satu universiti yang bakal melahirkan graduan bukan hanya mahir di dalam bidang pendidikan Islam tetapi juga di dalam ilmu-ilmu keduniaan yang lain. Saya ingin mencadangkan agar universiti Johor yang bakal ditubuh kelak sepertimana di dalam manifesto Pakatan Harapan jadi universiti yang unik di rantau ini.

Selain daripada hubungan terus dengan industri membekal tenaga mahir kepada industri tempatan, tenaga mahir yang dilahirkan juga diharap boleh manfaatkan peluang-peluang yang ada malah lebih lagi saya mengharapkan graduan daripada universiti Johor bukan hanya memanfaatkan peluang tetapi juga mencipta peluang-peluang baru. Saya sendiri apabila melawat sekolah-sekolah di kawasan daerah Segamat merasa amat teruja melihatkan begitu banyak aktiviti inovasi yang di buat di peringkat sekolah menengah dan juga begitu di sekolah rendah.

YB Speaker : Mohon gulung Yang Berhormat.

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Saya merasakan apabila melihat pelajar-pelajar daripada sekolah menengah ini memasuki pertandingan peringkat antarabangsa dan setengahnya telah mendapat anugerah pada peringkat antarabangsa, maka sewajarnya dengan penubuhan universiti Johor kita dapat menempatkan pelajar-pelajar ini ke dalam universiti yang bakal kita bangunkan dengan harapan bahawa pada masa hadapan mereka dapat menyumbang balik kepada negeri Johor. Jadi, saya mohon agar kerajaan negeri bersungguh dalam menubuhkan universiti Johor yang bakal diadakan. Jadi, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya. Saya akhiri di sini dengan wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Kemelah. Seterusnya Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Speaker, selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam harapan. Yong Peng mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Speaker, Yong Peng ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi di kawasan Yong Peng yang telah memberi sokongan dan peluang kepada saya sekali lagi mewakili mereka dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, kekalahan Barisan Nasional pada PRU 14 yang telah memerintah negara selama 60 tahun ini berpunca dari kegagalan kerajaan itu sendiri untuk berlaku adil kepada rakyat. Sebagai contoh, kuota KMK, kuota menegak kerajaan untuk perumahan rumah mampu milik. Perkara ini menyumbang kepada gejala rasuah dan menyebabkan rakyat hilang peluang yang adil untuk memiliki rumah. Yong Peng telah bangkitkan isu ini banyak kali di Dewan ini semasa Yong Peng di sebelah sana agar kuota KMK ini dihapuskan. Sekarang, di bawah pimpinan Pakatan Harapan kuota KMK telah dihapuskan dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan YB EXCO Perumahan yang sentiasa mendengar suara rakyat. Janji-janji manifesto Pakatan Harapan juga telah menarik pengundi untuk menukar kerajaan sedia ada. Pemansuhan GST adalah satu contoh pelaksanaan janji manifesto daripada kerajaan Pakatan Harapan yang dinanti-nantikan oleh rakyat.

Yang Berhormat Speaker, sebelum ini Yong Peng telah mengusulkan pengiktirafan status dengan peruntukan dan bilik kepada pihak pembangkang. Setelah pertukaran kerajaan Pakatan Harapan semua ini telah diberi bukan sahaja itu pihak pembangkang juga mendapat peruntukan pejabat ADUN dan bukan hanya diberi kepada ADUN kerajaan sahaja. Ini membuktikan prinsip kerajaan Pakatan Harapan yang adil pihak pembangkang

harus berterima kasih kepada rakyat Johor yang berani menyokong Pakatan Harapan sehingga terbentuk satu kerajaan yang adil.

Yang Berhormat Speaker, dengan bertukarnya kerajaan kepada kerajaan Pakatan Harapan ini, Yong Peng akan memastikan kerjasama dari semua pihak terutamanya Majlis Daerah Yong Peng akan berjalan dengan baik bagi merealisasikan segala projek yang telah dirancangkan. Projek-projek penambahbaikan, naik taraf dan aduan akan diselesaikan secara berkala demi kesejahteraan rakyat di bawah kawasan tadbiran Majlis Daerah Yong Peng. Selepas PRU 14, dalam masa 100 hari saya bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng telah melawat bersama di kawasan Yong Peng dan akan memastikan segala isu atau masalah yang dibangkitkan akan segera diselesaikan. Dengan ini Yong Peng mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak berwajib seperti Majlis Daerah Yong Peng, PDRM, Bomba, Kesihatan, Telekom, TNB, SAJ, JKR, SWM, JPS dan semua JPS untuk sama-sama berganding bahu menyelesaikan masalah prasarana dan infrastruktur kawasan Yong Peng. Yong Peng juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pejabat Jurutulis dalam segala urusan dalam masa 5 tahun yang lepas.

Yang Berhormat Speaker, Yong Peng telah menerima aduan bahawa Sungai Temehel, Sungai Bekok, Sungai Simpang Kiri dan Sungai Sedi yang ada di kawasan Yong Peng lama tidak diselenggara. Yong Peng berharap JPS agar penyelenggaraan dilakukan dengan baik untuk mengelakkan bencana banjir kawasan Yong Peng dan sekitarnya. Pembersihan sungai harus dilakukan secara berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun dan bajetnya dimasukkan ke dalam bajet tahunan agar ia dapat diselenggara secara berterusan.

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Tempatan harus mengadakan dasar, garis panduan dan peraturan sebelum meluluskan satu projek perumahan. Semua sistem saliran seperti perparitan dan longkang di hilir projek harus diambil kira sebelum kelulusan dikeluarkan supaya projek perumahan tidak menjejas sistem pengairan di kawasan tersebut. Sebagai contoh, Taman Damai Jaya Yong Peng yang telah diluluskan dalam zaman BN tetapi telah mengakibatkan kebun-kebun di bahagian hilir tapak projek sering berlaku banjir kilat dan hakisan tanah. Kawasan kebun yang penuh dengan tanah merah telah merosakkan tanaman dan mengakibatkan pendapatan pekebun merosot. Dengan ini, Yong Peng meminta supaya kerajaan negeri dapat memberi peruntukan membina satu longkang konkrit di hilir projek tersebut dan proses pengambilan tanah diperlukan untuk membina longkang konkrit ini.

Yang Berhormat Speaker, jalan tidak rata dan berlubang, struktur jalan dan jambatan yang tidak sempurna, pencahayaan yang tidak mencukupi juga akan mengakibatkan peningkatan kes kemalangan maut di jalan raya. Yong Peng ingin meminta kerajaan membaik pulih keadaan jalan, jambatan dan pencahayaan yang Yong Peng sebutkan di bawah.

1. Jalan Yong Peng ke Labis, beberapa jambatan kembar yang wujud di jalan tersebut amat merbahaya dan bahu jalan yang sentiasa bertakungan air dan berlubang.

2. Jalan Muar dengan jalan raya dan jambatannya yang sempit. Sentiasa bertakungan air semasa hujan.

3. Jambatan Sungai Bekok di Jalan Muar yang sempit di mana ia perlu dilebarkan.

4. Menambah pencahayaan dari Ayer Hitam ke Taman Bahagia, Jalan Kluang.

5. Menambah pencahayaan dan melebarkan jalan Yong Peng ke Kangkar Baru dengan mengalihkan tiang lampu TNB kerana terlalu dekat dengan bahu jalan.

Yang Berhormat Speaker, untuk sampai ke Kampung Haji Mian perlu melalui jalan ke Empangan Bekok. Permintaan penduduk untuk dipasang lampu jalan di persimpangan Empangan Bekok dan Jalan Labis. Harap peruntukan di salur untuk pemasangan lampu seperti yang tersebut di atas. Masa zaman BN tidak dapat pasang. Mari kita kerajaan

Pakatan Harapan menolong penduduk Kampung Haji Mian. Sepatutnya setiap persimpangan perlu dipasang lampu jalan supaya mendapat pencahayaan yang mencukupi sekali gus dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Yang Berhormat Speaker, di kawasan Yong Peng terdapat masalah besar berkaitan dengan sempadan tanah yang mungkin boleh membawa pergaduhan. Ini disebabkan oleh masalah tanah bertindih di Kampung Seri Sepakat, Kampung Haji Kamisan, Kampung Manong dan Kampung Melayu Bertam, tanah ini telah didiami pelbagai generasi dan pendapatan utama penduduk adalah sebagai pekebun. Yong Peng berharap kerajaan negeri dapat mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini.

Yang Berhormat Speaker, Yong Peng juga terima rintihan para pekebun kelapa sawit yang mempunyai kekurangan pekerja untuk mengutip hasil. Hal ini kerana polisi pengambilan pekerja asing yang amat rumit, di harapkan kerajaan dapat mengkaji semula polisi ini supaya dapat memudahkan urusan semua pihak.

Yang Berhormat Speaker...

YB Speaker : Yang Berhormat ada lima minit lagi ya. Lima minit lagi, kita nak berehat.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Boleh sambung, banyak untuk kawasan Yong Peng.

YB Speaker : 15 minit.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Ya, terima kasih. Yang Berhormat Speaker, JKM telah meletakkan syarat bahawa setiap penerima bantuan sara hidup hendaklah memperbaharui permohonan bantuan pada setiap tahun. Ini memberi kesukaran kepada pemohon kerana masalah kewangan dan pengangkutan. Kita sedia maklum majoriti penerima bantuan ini adalah golongan fakir miskin, orang kurang upaya dan warga emas. Urusan dokumentasi juga menyusahkan mereka yang serba kekurangan ini. Yong Peng mencadangkan untuk dilanjutkan tempoh untuk memperbaharui permohonan dari satu tahun ke tiga tahun atau meminta kakitangan JKM sendiri untuk menemui penerima bantuan membantu urusan tersebut. Selain itu proses pembayaran bantuan bulanan yang mengambil masa dua hingga tiga bulan hendaklah dipercepatkan. bantuan bulanan yang mengambil masa dua hingga tiga bulan hendaklah dipercepatkan.

Yang Berhormat Speaker, fasiliti untuk orang kurang upaya tidak mencukupi di semua premis kerajaan terutamanya di tempat parking kenderaan dan lif. Kami mencadangkan wakil OKU di setiap Majlis Kerajaan Tempatan dan Majlis Tindakan Daerah, kerajaan hendaklah mewujudkan dasar yang mesra OKU sekali gus dapat merapatkan jurang antara golongan OKU dan masyarakat.

Yang Berhormat Speaker, Yong Peng mensasarkan kepelbagaian budaya bangsa seperti tiga bahasa di wujud dalam setiap infrastruktur seperti papan tanda jalan dan bangunan-bangunan kerajaan. Penggunaan tiga bahasa seiring dengan perkembangan budaya dan masyarakat di Malaysia. Penggunaan tiga bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil di papan tanda dapat menunjukkan keharmonian antara kaum di negara ini. Yong Peng berharap kerajaan dapat mewujudkan dasar yang lebih terbuka adil dan mesra rakyat. Walaupun sukar kita perlu mengambil langkah pertama dengan berani untuk mencapai matlamat yang lebih besar sekali gus meningkatkan perpaduan dan persefahaman antara rakyat.

Yang Berhormat Speaker, berdasarkan ucapan Sungai Balang semalam, beliau mengatakan seolah-olah kerajaan tidak menunaikan janji manifesto caruman KWSP untuk suri rumah. Untuk pengetahuan Sungai Balang, semua maklumat boleh diperolehi dengan carian website atau merujuk kepada pejabat KWSP berkenaan. Sungai Balang dengan Yong Peng semua sama sebagai Wakil Rakyat, jadi kita perlu haruslah sentiasa mengikuti

perkembangan semasa. Sungai Balang juga mempersoalkan kenyataan Yong Peng untuk memperkasakan golongan wanita dengan melantik wanita sebagai Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Sungai Balang diketahui, di sini duduknya seorang Timbalan Speaker wanita dan selama 60 tahun tidak pernah ada di zaman BN. (Dewan bertepuk). Tahniah Penggaram.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di seluruh negeri Johor dan di Yong Peng sendiri terdapat ramai kanak-kanak yang tidak mempunyai status sebagai warganegara Malaysia. Oleh itu yang tidak mempunyai status sebagai warganegara Malaysia. Oleh itu Yong Peng ingin mengetahui apakah usaha kerajaan untuk menyelesaikan isu kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan Malaysia? Kanak-kanak ini akan mengalami kecicir an dalam pelajaran kerana ibu bapa atau ibu bapa angkat mereka tidak boleh mendaftarkan mereka ke sekolah kebangsaan. Ibu bapa terpaksa berdepan dengan pelbagai syarat untuk membuat permohonan di Johor Bahru. Yong Peng berharap, pihak kerajaan khususnya PPD Daerah dapat mencari jalan penyelesaian supaya golongan ini dapat diterima dan menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain.

YB Speaker : Mohon gulung, mohon gulung.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Baik. Yang Berhormat Speaker, isu yang Yong Peng bangkitkan di Dewan yang mulia ini, adalah suara rakyat. Segala teguran dan cadangan adalah demi keselesaan rakyat jelata. Kejatuhan kerajaan Barisan Nasional yang lepas sebagai satu peringatan kepada kerajaan Pakatan Harapan, bahawa kerajaan perlu sentiasa mengutamakan rakyat. Mari kita bersatu memajukan negeri yang kita cintai ini dan menjadi kerajaan yang prihatin serta adil untuk semua kaum dan agama. Yang Berhormat Speaker, sekian ucapan Yong Peng. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yong Peng. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguh sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya mempersilakan Buloh Kasap, Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip (Buloh Kasap) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kerana diberikan peluang dan kesempatan untuk Buloh Kasap bersama-sama terlibat dalam membahaskan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sewaktu merasmikan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-14. Sebelum itu, bagi pihak pengundi Buloh Kasap, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang diberi mandat menerajui kepimpinan negeri bagi Penggal Ke-14. Buloh Kasap juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah diberi amanah memikul tanggungjawab sebagai Menteri Besar dan tahniah juga kepada Speaker dan Timbalan Speaker atas amanah ini . dan saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di DUN Buloh Kasap yang telah masih lagi memilih Barisan Nasional bagi mewakili mereka untuk kali ini.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, di awal bicara ini juga saya mengajak semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita sama-sama mendoakan agar Yang Berhormat Gambir yang sedang bercuti atas faktor kesihatan agar segera sembuh dan kembali sihat untuk bersama-sama kita. Dan, kita mendoakan kepada Allah Taala semoga dipermudahkan segala urusan yang beliau dan keluarga lalui.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, oleh kerana ini sidang pertama Dewan Negeri Johor yang saya hadiri, maka menjadi tanggungjawab saya untuk menyatakan beberapa perkara yang berkaitan kawasan yang saya wakili untuk makluman dan tindakan kerajaan baru Johor. Justeru saya berharap sebarang pembangunan yang bakal dilakukan di Johor tidak meninggalkan Buloh Kasap dan Segamat keseluruhannya. Dan saya juga percaya, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga mengharapkan agar pembangunan di Johor dapat dinikmati oleh semua daerah dan kawasan di Johor ini.

Untuk itu Yang Berhormat Timbalan Speaker, Buloh Kasap sangat berharap agar cadangan kerajaan Barisan Nasional sebelum yang telah mencadangkan Segamat diletakkan di dalam sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur, ECER akan diteruskan oleh kerajaan Pakatan Harapan. Pelbagai pembangunan insentif dan peluang-peluang pekerjaan bakal dinikmati oleh rakyat Johor di Segamat. Ia dijelaskan sendiri oleh CEO ECER dalam perjumpaan bersama pemimpin masyarakat dan wakil-wakil penduduk di Segamat tempoh hari. Justeru, saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan kerajaan Johor pasti akan meneruskan cadangan ini kerana ia juga akan membantu Pakatan Harapan memenuhi salah satu janji dalam manifesto Pakatan Harapan iaitu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk Johor.

Yang keduanya, Puan Timbalan Speaker, dalam bajet-bajet yang dibentangkan oleh kerajaan sebelum ini, sering disebutkan bahawa Segamat diletakkan sebagai hab pertanian negeri Johor. Maka Buloh Kasap sangat berharap agar kerajaan Pakatan Harapan akan menyambung usaha-usaha memajukan dan meningkatkan Segamat sebagai hab pertanian ini. Kami sangat mengharapkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan Johor bukan sahaja meneruskan peruntukan-peruntukan besar ke arah pengembangan pertanian ini malah menambah dan meningkatkan usaha sedia ada. Buloh Kasap mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan Johor agar apa sahaja pembangunan yang di Johor yang berkaitan dengan pertanian mestilah diletakkan di Segamat. Contohnya jika ada agensi dan pihak-pihak yang ingin melabur atau membuka perusahaan dan sebagainya yang berkaitan dengan pertanian perlulah dijalankan di Segamat. Ini akan menunjukkan keseriusan kerajaan negeri dalam menjadikan Segamat sebagai hab pertanian. Usaha memperkenalkan durian Segamat, limau barli, duku langsat dan sebagainya selama ini sangat membantu petani-petani di Segamat. Malah saya percaya ia akan lebih berjaya lagi dengan mengambil kira Yang Berhormat Simpang Jeram adalah Menteri Pertanian di peringkat kerajaan Nasional.

Untuk itu, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan negeri, apakah langkah-langkah yang bakal dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan pembangunan hab pertanian di Segamat dapat dilipat gandakan bagi tahun-tahun yang mendatang. Menyentuh pula, *tagline* “Peduli Rakyat” yang sering disebut-sebut oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan sebelum ini, maka Buloh Kasap sangat berharap ia diterjemahkan dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapi rakyat. Buloh Kasap seperti juga Wakil-Wakil Rakyat lain ingin membangkitkan isu gangguan air yang sering berlaku terutamanya di Segamat. Rakyat mungkin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri apabila menjanjikan pemberian air percuma 10 meter padu kepada golongan sasar yang melibatkan seramai 229,307 orang mulai 1 September 2018 ini dengan anggaran peruntukan sebanyak RM22.02 juta. Namun usaha memberi air percuma kepada rakyat ini, rasanya tidak dirasai kenikmatannya jika masalah gangguan air ini tidak diselesaikan. Memang di Segamat ini sedang dibina loji rawatan air yang diluluskan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini namun kami di Buloh Kasap merasakan selain pembinaan loji air ini beberapa langkah lain juga perlu dilakukan antaranya, paip-paip sedia ada yang perlu diganti kerana keadaannya yang telah uzur dan usang. Kerajaan juga seharusnya memikirkan untuk membina tangki-tangki air tambahan terutama di kawasan Batu Anam dan Gemas baru yang mempunyai pertambahan penduduk yang begitu pesat. Tangki bekalan air sedia ada dirasakan tidak dapat menampung jumlah penduduk di kawasan tersebut termasuk selepas pembinaan kem tentera, PULAPOL dan Sekolah Menengah Sains Segamat.

Untuk tajuk peduli rakyat juga, saya memohon pihak kerajaan untuk mendengar suara penduduk Segamat khasnya di sekitar pekan Jementah yang sekian lama dibelenggu dengan bau busuk dari kilang sawit yang dibina berdekatan dengan penempatan di sana. Saya percaya Yang Berhormat Jementah juga bersetuju dengan Buloh Kasap, bahawa isu ini menjadi topik utama masyarakat di Segamat, kita harap dan pelbagai alasan oleh banyak pihak berkaitan isu ini namun ia tidak pernah menyelesaikan masalah rakyat Segamat. Maka hari ini kita harap kerajaan Pakatan Harapan menyatakan pendirian kerajaan dalam isu kilang sawit di pinggir pekan Jementah ini. Saya juga ingin menyentuh isu permohonan tanah di Segamat yang telah tertangguh sekian lama. Tanah Jelebak dan Bukit Bujang misalnya antara contoh permohonan tertangguh yang saya maksudkan, kebetulan tanah-tanah ini terletak di kawasan Buloh Kasap. Maka saya harap tanah-tanah yang telah ditemu duga sejak lebih sepuluh tahun lalu diumumkan oleh pihak kerajaan Pakatan Harapan seperti juga dijanjikan oleh kerajaan Barisan Nasional atas tajuk peduli rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya juga ambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada kerajaan Johor yang menunjukkan komitmen yang tinggi dalam Skim Rumah Sewa Beli. Jawapan-jawapan yang diberikan oleh EXCO semalam meyakinkan saya bahawa ia mampu dilaksanakan. Dalam hal ini, saya ingin menyampaikan hasrat dan permohonan Persatuan Penduduk Perumahan Rakyat, PPR Batu Anam Segamat yang memohon agar perumahan yang sedang mereka diami sekarang di jadikan model atau contoh daripada projek Skim Rumah Sewa Beli yang dirancang kerajaan negeri. Mereka faham dan sedar bahawa rumah PPR yang mereka diami sekarang bersyarat sewaan tetapi mereka juga pernah dimaklumkan permohonan asal pembinaan rumah ini adalah atas konsep sewa beli....

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip (Buloh Kasap) : Syarat sewaan tetapi mereka juga pernah dimaklumkan permohonan asal pembinaan rumah ini adalah atas konsep sewa beli. Jadi terpulang kepada kerajaan negeri sama ada untuk menimbangkan permohonan mereka ini atau sebaliknya.

YB Timbalan Speaker, saya bersetuju dengan YB Benut semalam apabila YB Benut menyatakan kerajaan Pakatan Harapan hari ini mewarisi kerajaan negeri yang berada dalam keadaan yang sangat baik daripada segi ekonomi dan kewangan. Malah kerajaan negeri ditunjukkan dengan perancangan dan hala tuju yang cukup jelas, sehinggakan meletakkan saingan kita bukan di kalangan negeri-negeri di dalam negara sahaja, sebaliknya bersiap menyaingi dan mengejar Singapura. Maka cabaran yang seharusnya dihadapi kerajaan hari ini bukan sahaja memenuhi Janji Manifesto sahaja malah kekal menjadikan Johor sebagai negeri nombor satu dalam negara. Justeru bagi saya, Buloh Kasap mencadangkan langkah-langkah segera seharusnya dilakukan oleh kerajaan ke arah itu. Antaranya ialah melaksanakan dan mempercepatkan cadangan pembinaan HSR. Ini akan memungkinkan kehadiran pelabur dan pelancong yang bertambah ke negeri Johor. Selain daripada itu, kerajaan Johor juga perlu mempercepatkan pelaksanaan Projek Penglebaran Lebuh raya Utara Selatan dari Melaka ke Johor Bahru daripada 2 lorong kepada 3 lorong. Dan saya percaya, kita semua mengakui bahawa lebuh raya yang sedia ada ini sudah tidak mampu menampung jumlah kenderaan terutama di hujung minggu dan hari-hari perayaan. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Speaker, ianya telah disebut dalam janji-janji kerajaan Barisan Nasional juga terpulang kepada kerajaan Pakatan Harapan untuk menilai kewajaran atas cadangan Penglebaran Lebuh Raya Utara Selatan ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, akhir sekali Buloh Kasap merakamkan tahniah kepada kerajaan yang menjanjikan perkara-perkara yang baik untuk rakyat. Buloh Kasap juga bersetuju dengan Sri Medan pagi tadi bahawa walaupun kami di sebelah sini namun jauh di sudut hati kami apa yang lebih utama adalah kebajikan dan kepentingan rakyat Johor keseluruhannya. Justeru, kami mendoakan agar kerajaan Pakatan Harapan bukan sahaja mampu memenuhi Janji-Janji Manifesto 100 hari malah kita sama-sama cuba untuk bantu Pakatan Harapan memenuhi janji-janji selama lima tahun ini. Dan insya-Allah, kami sentiasa mendoakan kejayaan negeri Johor yang kita sayangi. Sekian, Buloh Kasap menyokong.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada YB Buloh Kasap. Seterusnya jemput Parit Raja.YB Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : (Doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Timbalan Speaker, syukur ke hadrat SWT kerana dengan izin dan inayatNya, Parit Raja berpeluang mengambil bahagian membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar merasmikan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor yang Ke-14. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar merupakan Ketua Negeri dan Ketua Agama Islam dan sentiasa memastikan negeri ini kekal kuat dan utuh serta payung dan puncak keadilan negeri. Parit Raja menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dalam Perkara 8 bertitah, "Agar Ahli Dewan memikirkan tentang kesan jangka panjang dan implikasi kewangan yang terlibat bukan hanya untuk meraih sokongan politik".

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Parit Raja ingin membawa perhatian menghormati hala tuju dan Dasar Pendidikan Negara. Parit Raja melahirkan kebimbangan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu atau UEC akan membuka ruang kepada pendidikan lain membelakangkan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan seterusnya menyebabkan rakyat tidak menghormati Dasar Pendidikan Negara. Ini adalah demi menjaga kedaulatan serta dasar-dasar Negara, menegakkan keadilan sosial dan memelihara pembinaan negara bangsa. Parit Raja juga melahirkan kebimbangan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama ataupun UEC dengan izin, hanya akan mewujudkan jurang antara kaum yang bertentangan dengan usaha negara yang sentiasa berusaha untuk mewujudkan dan memupuk perpaduan kaum. Kerajaan sepatutnya menumpukan usaha terhadap perpaduan nasional bukannya menjerumuskan rakyat berbilang kaum ke dalam segmentasi pendidikan seperti ini. Perpaduan antara kaum tidak akan berjaya diwujudkan sekiranya Sijil UEC diberikan pengiktirafan kerana sukatan UEC diambil dari negara Taiwan. Tidak mematuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan, mengetepikan akta Bahasa kebangsaan 1963 dan 1967.Tidak mengambil Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar. Menjauhkan lagi penguasaan Bahasa Melayu. Semangat patriotisme Guangzong diragui kerana sukatan subjek Sejarah mengutamakan nilai negara Taiwan berbanding negara Malaysia. Dan persaingan semakin sengit dengan lambakan kemasukan pelajar yang mengambil Sijil UEC ke dalam IPTA. Parit Raja melahirkan kebimbangan sekiranya lambakan graduan UEC pada masa hadapan akan menyebabkan kuota bukan bumiputera di universiti dinaikkan atau ditambah bilangannya, yang mana pelajar Melayu merupakan bangsa majoriti. Parit Raja berharap dalam tempoh kajian ini, pihak berwajib disarankan membuat pertimbangan yang sewajarnya demi perpaduan dan kesejahteraan, keharmonian antara kaum untuk menikmati kehidupan yang aman makmur di tanah air tercinta ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, LGBT bertentangan dengan Dasar Pendidikan Negara. Dalam kepesatan kemajuan pembangunan negara serta pelbagai usaha dalam segala bidang perhatian yang begitu serius perlu diberi tumpuan iaitu isu yang sedang hangat diperjuangkan dan dituntut oleh sebahagian pihak berkaitan memberi pengiktirafan kepada golongan LGBT. Parit Raja melahirkan rasa kecewa dan amat kesal pada masa negara sedang memacu pembangunan yang begitu pesat, isu-isu LGBT dibangkitkan oleh setengah pihak. Walaupun kerusi Parit Raja diwakili oleh Barisan Nasional namun suara rakyat tidak dapat dan tidak boleh dinafikan hak mereka kerana keresahan yang amat mendalam bagi jangka masa yang panjang berkaitan isu ini. Parit Raja ingin menegaskan bahawa Dasar dan Sistem Pendidikan Negara akan terganggu, lemah dan rosak sekiranya LGBT ini diiktiraf walau atas alasan apa jua sekali pun termasuklah alasan hak kebebasan dan hak kemanusiaan.

Parit Raja juga ingin menegaskan bahawa LGBT adalah amat bertentangan dengan agama serta nilai budaya dan amalan murni dalam Sistem Pendidikan Negara. Yang Berhormat Timbalan Speaker, adakah golongan LGBT serta pihak yang memberi perhatian kepada golongan tersebut ini sedar apabila LGBT diiktiraf, rakyat akan terkesan. Antaranya :

1. Murid dan pelajar sekolah sama ada dari peringkat awal persekolahan hingga ke peringkat tertinggi akan timbul kekeliruan dengan nilai budaya dan sistem sosial di sekolah adalah amat berbeza apabila mereka pulang dari sekolah. Mungkin di sekitar tempat tinggal mereka ada yang mengamalkan LGBT, mempamerkan nilai dan budaya yang bertentangan dengan apa yang telah mereka pelajari di sekolah. Sedangkan dalam usia anak-anak ini mereka amat cepat menyerap pelajaran dari sekeliling kehidupan mereka. Anak-anak dan remaja adalah cerminan masa depan negara dan aset negara yang sangat-sangat bernilai.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

2. Golongan yang terkesan ialah golongan pendidik di institusi pendidikan sama ada di peringkat awal persekolahan hingga ke peringkat yang tertinggi akan turut terkesan, jika golongan LGBT ini diiktiraf dan diberikan tempat dalam masyarakat. Guru bukan sahaja bertanggungjawab mengajar subjek yang telah ditetapkan, malah guru adalah sebagai *role model*, dengan izin kepada anak didik. Guru juga umpama ibu ayah yang menjadi tempat rujuk anak-anak di sekolah. Oleh yang demikian, bagaimana mungkin seorang guru dapat menerapkan nilai murni, budaya dan amalan murni di sekolah selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi Dasar Pendidikan Negara yang telah digubal oleh pakar-pakar pendidikan. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara setiap aktiviti pendidikan diadakan bagi mencapai inti pati utama untuk melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan bagi mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Manakala falsafah pendidikan guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara. Menjamin pembangunan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. Tugas guru mungkin dilihat mudah, namun amat berat untuk di laksana. Oleh yang demikian, masyarakat perlu memainkan peranan yang penting bagi membantu memacu kejayaan sistem pendidikan negara.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

3. Tahap kesihatan rakyat juga mungkin akan terjejas dengan pengiktirafan kepada golongan LGBT. Pendidikan kesihatan yang diberikan di sekolah bukan semata-mata menyembuh, mengurang atau mencegah penyakit malah untuk mencapai keadaan fizikal, mental dan sosial yang optimum untuk individu, keluarga dan komuniti. Program pendidikan kesihatan menggalakkan, meningkatkan dan memudahkan penyerapan serta aplikasi pengetahuan kesihatan untuk meningkatkan gaya hidup sihat dalam hidup kita untuk sepanjang hayat. Setiap individu perlu faham dan menghayati pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pendidikan kesihatan agar dapat mengamalkan gaya hidup sihat sebagai budaya masyarakat. Namun, terdapat sebilangan ahli masyarakat memilih mengamalkan seks songsang yang jelas berpotensi menjejaskan kesihatan jangka masa panjang sedangkan mereka boleh memilih untuk hidup dalam keadaan sejahtera dan tidak memudaratkan diri.

4. Sistem sosial akan terganggu dengan pengiktirafan kepada golongan LGBT sedangkan apa yang diperjuangkan oleh pihak LGBT menyalahi fitrah kehidupan kita dan amat bimbang jika tidak dibendung oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, terimalah hakikat bahawa fitrah kehidupan manusia adalah berpasangan lelaki dan perempuan bukanlah sesama jantina. Parit Raja ingin mengajukan soalan, bagaimana

pembangunan sosial, sukarelawan dan sukan sebagaimana yang dibahaskan oleh YB Seri Medan tadi dapat dibangunkan jika kita berhadapan dengan golongan LGBT ini?

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Parit Raja juga ingin melahirkan rasa kekesalan di atas teguran seorang doktor perubatan iaitu Doktor Noriliani Muhammad yang menulis surat terbuka berkaitan bantahan terhadap LGBT yang telah dipadam *posting*, dengan izin, beliau di laman sosial. Parit Raja ingin bertanya adakah benar doktor ini diambil tindakan tata tertib? Jika golongan LGBT diberi perhatian media dan seumpamanya mengapa doktor yang atas rasa tanggungjawab untuk melihat rakyat negara ini hidup dengan gaya hidup sihat tetapi diberi layanan sebegini. Parit Raja menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar iaitu, "hendaklah bersikap terbuka mendengar pendapat orang lain bukannya menolak segala cadangan yang tidak selari dengan kehendak politik atau kepentingan sendiri". Beberapa persoalan yang ingin diajukan oleh rakyat kepada pihak yang memberi pengiktirafan kepada pihak LGBT iaitu :-

1. Adakah *trans-gender* ataupun pengamal LGBT diberikan tandas khas memandangkan golongan wanita tidak mahu berkongsi tandas dengan mereka?

2. Adakah golongan *trans-gender* ini ada bilik rawatan lain sekiranya golongan ini menerima di wad hospital? Sedangkan golongan wanita mahukan hak wad wanita terpelihara daripada anasir lain. Adakah golongan *trans-gender* ini ada bilik rawatan lain?

3. Bagi yang beragama Islam, tentunya golongan wanita mahu hak untuk beribadah di tempat yang lebih selesa dan selamat dari berkongsi dengan golongan ini.

4. Apabila meninggal dunia bagaimana urusan jenazahnya akan diuruskan oleh orang yang masih hidup?

Yang Berhormat Timbalan Speaker, jangan kita menafikan hak yang telah Allah tentukan kepada manusia. Sebaliknya, marilah kita sama-sama kembali berpegang kepada al-Quran dan as Sunah yang mengajak kepada kebaikan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat yang rukun dan harmoni. Parit Raja berharap golongan ini terus diberi sokongan agar dapat menjadi menjalani kehidupan dengan gaya hidup sihat. Oleh yang demikian, Parit Raja mahukan pendirian yang jelas oleh kerajaan negeri dan pusat bahawa LGBT ini adalah bertentangan dengan dasar pendidikan negara.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Parit Raja juga ingin mengajukan soalan berkaitan program Ikhfaa ataupun program Iqra' dan fardu ain yang telah dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu yang kini sudah diteruskan lagi di seluruh negeri Johor. Di peringkat pendidikan awal program Ikhfaa di tadika KEMAS di negeri Johor. Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, program ini telah berjaya mendidik 9,165 kanak-kanak melalui 196 buah tadika, tabika KEMAS. Lanjutan kepada kejayaan ini bagi tahun 2018, sebanyak 44 buah lagi tadika KEMAS telah ditambah menjadikan keseluruhan tadika KEMAS yang mempunyai program Infak adalah 240 buah. Dianggarkan 4,800 kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah akan menerima manfaat program ini. Parit Raja mohon dipertimbangkan semula kerana program ini memberi manfaat kepada tadika KEMAS.

Parit Raja ingin mengemukakan isu tempatan. Klinik Kesihatan Parit Raja, Batu Pahat menampung pesakit luar seramai 254 sehari. Klinik ibu dan anak 80 orang sehari, purata kehadiran klinik mencecah angka 7,000 pesakit setiap bulan dengan kepadatan penduduk yang ramai dijangka semakin meningkat setiap tahun serta wujudnya taman-taman perumahan baru. Adalah dirasakan kemampuan untuk memberikan perkhidmatan terbaik adalah agak terbatas. Berdasarkan senario semasa kemampuan warga klinik dalam memberikan perkhidmatan terbaik adalah terbatas. Adalah diharapkan agar pembinaan klinik baru berserta kuarters dapat disegerakan demi kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, mengikut statistik daerah Batu Pahat, populasi pekan Parit Raja adalah kedua teramai setelah Bandar Batu Pahat dan kehadiran klinik juga adalah berada di tangga kedua setelah klinik kesihatan Batu Pahat. Klinik Kesihatan Parit Raja juga menampung purata 40 kes kecemasan setiap bulan dan kes bukan kecemasan kemalangan sebanyak 200 kes. Maka, Parit Raja berharap Klinik Kesihatan Parit Raja dapat di naik taraf kepada Poliklinik dan dapat memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat.

YB Timbalan Speaker : YB Parit Raja lima minit lagi.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Timbalan Speaker, ada sikit perkara lagi berkaitan dengan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PDK banyak berperanan membantu OKU berdikari melalui pemberian kemahiran yang bersesuaian kepada orang kurang upaya, di samping menjadi platform untuk menyuburkan sifat prihatin masyarakat. Sehubungan dengan itu, pembinaan baru 4 buah PDK yang telah diluluskan dalam Bajet 2018, maka parit Raja memohon agar 4 PDK yang telah diluluskan dalam Bajet 2018 diharap dapat diteruskan oleh kerajaan yang baru iaitu :-

1. Di Pemanis, Segamat.
2. Di Kahang, Kluang.
3. Di Parit Raja, Batu Pahat.
4. Di FELDA Nitar 2, di Mersing.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Parit Raja menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Yang DiPertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim. Sekian, ucapan dari Parit Raja. Sekian, wabbilahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Untuk makluman YB Parit Raja, pelajar yang memegang UEC bukan sahaja diambil oleh universiti negara Taiwan, tapi banyak negara lagi. Misalnya di Singapura, Australia, Amerika pun ambil pelajar UEC dan juga YB Timbalan Menteri Pertahanan negara kita, Liew Chin Tong sebagai pelajar UEC juga. Kalau ada peluang, saya nak menjemput YB Parit Raja untuk melawat ke Sekolah Menengah Cina.

Seterusnya saya menjemput YB Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Selamat sejahtera Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Ahli Dewan sekalian. Pertama sekali Pekan Nanas mengambil ketetapan merafak sembah setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, berangkat ke Dewan yang mulia dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor ke-14. Saya juga mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, pilihan raya yang lepas, merupakan kali pertama dalam sejarah Johor di mana rakyat memberi mandat kepada Pakatan Harapan untuk menjadi parti pemerintah. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat yang memberi sokongan kepada Pakatan Harapan. Seperti yang disarankan oleh Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan Johor, jawatan yang diberikan rakyat mempunyai tanggungjawab yang besar dan perlu dipikul dengan jujur dan amanah. Pekan Nanas berjanji akan mempertahankan hak dan kepentingan rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun Dewan Negeri baru mulakan persidangan pada bulan ini, Pekan Nanas telah menjalankan tugas dan tanggungjawab saya sejak dipilih sebagai Wakil Rakyat pada bulan Mei yang lepas. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan yang memberi kerjasama kepada saya sepanjang masa ini. Tidak kira peristiwa *emergency* seperti memberi bantuan kepada mangsa banjir kilat, ribut, kebakaran bersama saya ataupun menyelesaikan masalah dan aduan harian penduduk tempatan.

Selepas menjadi parti pemerintah, Pekan Nanas mula berpeluang menghadiri mesyuarat-mesyuarat kerajaan seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah, Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Daerah untuk membasmikan kemiskinan, walaupun Pekan Nanas menjadi Wakil Rakyat dalam penggal yang kedua. Pekan Nanas dapati masih baru dalam urusan kerajaan dan memerlukan bantuan, nasihat dan kerjasama daripada ketua-ketua agensi kerajaan dalam urusan membantu rakyat menyelesaikan masalah mereka.

Seperti yang disarankan Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan, setiap Ahli Dewan hendaklah bersikap terbuka dan mendengar pendapat orang lain. Oleh itu, Pekan Nanas dengan hati yang terbuka, bila-bila masa bersedia menerima pandangan, cadangan daripada mana-mana pihak supaya dapat menjadi penyelesai yang lebih sempurna untuk memastikan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat terjamin. Pekan Nanas juga bersedia memberi perkhidmatan kepada semua rakyat tidak kira perbezaan bangsa, agama ataupun fahaman politik. Tidak kira rakyat menyokong atau tidak pernah memberi sokongan pada masa pilihan raya kepada kita, Pekan Nanas faham tugas kerajaan adalah tetap memberi perkhidmatan kepada semua rakyat tanpa pilih kasih. Saya juga yakin dalam kerajaan Pakatan Harapan tidak ada sesiapapun akan terpinggir dalam arus pembangunan sampailah kedudukan pemimpin pembangkang. Kerajaan Pakatan Harapan juga sanggup mengiktirafnya dengan menyediakan *office* dan peruntukan. Setiap ADUN pembangkang juga memberi, yang memerlukan peruntukan untuk operasi pejabat mereka tidak seperti pada zaman pemerintahan Barisan Nasional. Kalau pembangkang hendak mendapat peruntukan, perlu berusaha dan berjuang untuk memastikan Pakatan Harapan masih berada dalam kuasa. Sebab itu rakan di sebelah sana, teruskan usaha dan perjuangan ini. (Dewan bertepuk).

Pekan Nanas juga mengucapkan tahniah kepada Pakatan Harapan kerana dalam masa yang singkat ini telah merealisasikan banyak janji yang tercatat dalam manifesto Pakatan Harapan seperti yang disarankan Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan Johor, kerajaan Pakatan Harapan akan membentuk suatu kerajaan yang mantap dan memastikan program baik yang dibuat pentadbiran dahulu akan dikekalkan dan ditambah baik. Sebagai contoh, program pemberian insentif 10 meter padu air percuma kepada rakyat Johor yang pernah dilaksanakan oleh rakan sebelah sana, dengan peruntukan RM7.34 juta setahun, pada tahun 2018 akan ditambah dan diperluaskan kepada 229,307 orang penerima dengan kos anggaran RM22.02 juta, pada tahun 2019. Ini membuktikan kerajaan Pakatan Harapan berazam mempertahankan kepentingan rakyat tanpa mengambil kira sebarang kehendak politik ataupun kepentingan diri sendiri. Tidak mengambil kira kehendak politik ataupun kepentingan diri sendiri. Ini merupakan suatu unsur yang sangat penting dalam pembentukan kerajaan baru. Unsur dan faktor ini sekali lagi terbukti, dimiliki oleh kerajaan Pakatan Harapan apabila kita membuat keputusan menghapuskan sistem kuota menegakkan kerajaan (KMK) ataupun selalu dikenali sebagai kuota politik dan dipandang sebagai salah satu punca yang mengundang ketirisan dan gejala rasuah. Tahniah kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita berjanji dalam kerajaan Pakatan Harapan tidak ada seorang pun, tidak kira ahli politik ataupun penjawat awam boleh menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk mengaut keuntungan demi diri sendiri. Sepanjang masa ini, rakyat dipenuhi cerita *pink diamond* beratus juta, kapal layar berbilion-bilion, wang tunai dan harta simpan di dalam rumah, berbilion-bilion lebih hebat daripada bank. Perkara-perkara yang telah mengkhianati rakyat ini, tidak akan diulangi dalam sejarah Malaysia kerana kerajaan Pakatan Harapan bukan kerajaan kleptokrasi.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Benut mengatakan keadaan tidak ada EXCO yang memegang portfolio keselamatan dan kerisauan portfolio keselamatan digugurkan dalam kerajaan Pakatan Harapan. Pekan Nanas mengimbas kembali portfolio yang ada pada zaman pemerintahan Barisan Nasional. Yang pertama, EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga, EXCO Pendidikan Pembangunan Usahawan dan Koperasi, EXCO Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan, EXCO Kerja, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, EXCO Perpaduan Sumber Manusia, EXCO Agama, EXCO Perumahan dan Sumber Manusia, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani dan

EXCO Belia Sukan, Kebudayaan dan Warisan termasuk yang dipegang Menteri Besar, Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri di antaranya. Juga tidak ada EXCO khasnya memegang portfolio keselamatan sebab itu masalah keselamatan, portfolio Keselamatan telah digugurkan tidak wujud pada zaman pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan malah pada zaman pemerintahan Barisan Nasional, kita menyaksikan apabila EXCO ditahan dan disiasat SPRM, beratus-ratus *handbag* mewah dirampas, berderet-deret kereta mewah diheret masa itu. Bukan sahaja portfolio sementara sampai EXCO orang pun pernah hilang dalam Kabinet Negeri dan Dewan Negeri. Itu barulah kisah benar. Peristiwa rompakan kekayaan wang negara seterusnya mencetuskan rompakan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dalam sejarah Johor. Itulah sebab kenapa kita hari ini tukar tempat duduk dan saya yakin kerajaan Pakatan Harapan akan belajar pengalaman tersebut dan mengelakkan diri menjadi kerajaan ..... ataupun yang disebut Benut, kerajaan kelentongkrasi. Walaupun nampaknya macam tidak ada EXCO yang memegang portfolio Keselamatan malah strategi-strategi yang berfokus, isu-isu keselamatan juga akan dipantau baik oleh kerajaan Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Pekan Nanas juga tidak bersetuju dengan pandangan Parit Raja yang mengatakan pengiktirafan UEC akan mengganggu perpaduan bangsa. Parit Raja juga mempunyai pandangan yang salah dan membuat tuduhan yang tidak berasas kerana bahan pengajaran UEC bukan berasal daripada Taiwan, semua bahan pengajaran mereka berasal dari Malaysia. Bahasa bukan faktor utama untuk perpaduan bangsa sebagai contoh, Taiwan dan China, Korea Selatan dan Korea Utara. Walaupun menggunakan bahasa yang sama tetapi tetap pecah kepada dua negara yang berlainan. Manakala penduduk Swiss yang menggunakan bahasa Jerman, Itali dan Perancis sebagai bahasa ibunda masing-masing. Terkenal sebagai satu negara yang bersatu padu dan disanjung tinggi di seluruh dunia. Oleh itu, dasar kerajaan yang adil, baru merupakan asas perpaduan bangsa sesuatu negara.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, izinkan saya bentangkan beberapa isu tempatan kawasan Pekan Nanas. Pertama, keadaan jalan daripada Pontian ke Pekan Nanas berada dalam keadaan teruk. Khasnya di kawasan Batu 29, Pengkalan Raja. Keadaan ini akan membawa risiko kepada pengguna jalan raya dan kerajaan perlu mengeluarkan peruntukan segera untuk membaiki jalan di kawasan tersebut. Kedua, kesesakan lalu lintas yang berlaku setiap di kawasan Pekan Nanas perlu diselesaikan dengan sempurna. Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan lebih kurang RM4 juta untuk meluaskan jalan daripada persimpangan Batu 24 ke Taman Mas Merah yang merupakan ..... di kawasan Pekan Nanas dan dijangka siap pada Februari 2019. Malah untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas Pekan Nanas sepanjang tahun beberapa jalan atau notis perlu dilaksanakan. Pekan Nanas berharap projek pembinaan jalan akses Pontian, Johor Bahru daripada kawasan Seri Bunian ke Pulai Interchange dapat direalisasikan. Projek ini telah disenaraikan sejak Rancangan Malaysia Ke-8 dan masih belum diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 atas sebab kekurangan peruntukan kerajaan persekutuan.

Walaupun projek ini melibatkan anggaran peruntukan yang tinggi lebih kurang RM400 juta malah dia akan membawa pembangunan yang signifikan kepada daerah Pontian. Dalam proses menunggu peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk merealisasikan projek pembinaan jalan pintas Johor Bahru-Pontian. Kerajaan negeri juga merancang membina jalan pintas daripada Jalan Sawah ke Ulu Choh. Saya berharap kerajaan Johor dapat menyediakan lebih banyak peruntukan dalam bajet 2019 yang akan datang untuk mempercepatkan proses pelaksanaan pembinaan jalan pintas daripada Jalan Sawah ke Ulu Choh. Ketiga, Daerah Pontian memerlukan pembinaan sebuah hospital baru. Hospital sedia ada di daerah Pontian telah uzur dan bersejarah melebihi 10 tahun. Pada zaman pemerintahan Barisan Nasional, beberapa lot tanah yang terletak di antara Taman Mutiara dan Taman Desa Molek, Batu 34 pernah dirancang untuk digunakan sebagai tapak pembinaan hospital baru di Pontian. Malah, perancangan tersebut telah berubah dan lot-lot tanah berikut telah ditukar kegunaannya daripada pembinaan hospital kepada tapak pembinaan perumahan dan perindustrian dalam draf Rancangan Daerah Pontian 2030. Pekan Nenas menegaskan bahawa pembinaan hospital baru adalah suatu keperluan yang

mendesak. Oleh itu saya berharap tapak yang berada di Batu 34, boleh dikekalkan sebagai tapak pembinaan hospital. Sekiranya mendapati tapak tersebut sudah sesuai lagi untuk pembinaan hospital baru, kerajaan perlu mencari suatu tapak yang baru untuk perancangan jangka masa panjang untuk membina hospital baru pada masa akan datang.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pekan Nanas, empat minit lagi ya.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Boleh rehat, nanti sambung. Menurut draf Rancangan Daerah Pontian 2030, saya mendapati rancangan menaik taraf hospital sedia ada yang melibatkan kos RM100 juta terletak dalam fasa pelaksanaan jangka masa panjang. Di mana pelaksanaan projek akan dijalankan pada tahun 2026 sampai 2030. Sekiranya rancangan pembinaan hospital baru memerlukan masa yang panjang, kerajaan perlu mengeluarkan peruntukan untuk menaiktarafkan hospital sedia ada di Pontian Besar dalam jangka masa yang tersingkat. Bukannya membiarkan pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat mengambil masa yang terlalu lama seperti yang dijalankan pada zaman kerajaan Barisan Nasional. Keempat, di daerah Pontian, kawasan Pontian Kecil dan Rambah ada padang bola sepak. Malah Pekan Nenas yang merupakan suatu kawasan penduduk yang padat masih belum ada tempat riadah yang sesuai untuk golongan muda. Oleh itu Pekan Nanas, memohon pihak kerajaan membina sebuah mini stadium di kawasan Pekan Nanas.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, aktiviti kenduri rakyat dan perasmian Dusun Durian Landak Agro Tourism yang dijalankan di Kampung Air Putih Pekan Nanas semalam mendapat sambutan yang baik. Ini menunjukkan kawasan Pekan Nanas berpotensi menjadi pusat agro pelancongan di negeri Johor. Pada masa yang sama, infrastruktur seperti jalan kampung perlu ditingkatkan untuk mempermudahkan pergerakan pelancong. Di samping itu, dasar Satu Daerah, Satu Industri dan perkembangan industri tani di sesuatu tempat bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan penduduk tempatan dan petani, ia juga memainkan peranan menaik perhatian pelancong untuk membeli produk tempatan sebagai cendera hati. Oleh itu, saya ingin mendapat pencerahan tentang status tapak kilang Time Apple Malaysia Berhad yang telah terbengkalai lebih kurang 10 tahun. Saya juga berharap pihak kerajaan mengkaji kesesuaian dan kemungkinan tapak tersebut digunakan semula sebagai tumpuan industri tani di kawasan Pekan Nanas. Berbanding dengan dibiarkan terbengkalai...

YB Timbalan Speaker : Sila gulung. Sila gulung.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Okey, boleh. Lebih baik tempat itu digunakan sebagai inkubator kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang berhasrat menghasilkan produk industri tani dan juga industri yang berasaskan konsep 3R iaitu *Reduce, Reuse dan Recycle* dengan menggunakan hasil pertanian sebagai bahan mentah. Akhir sekali, daerah Pontian juga merupakan satu tempat yang unit untuk menjalankan eko pelancongan. Malaysia ada enam tapak RAMSAR. Di mana tiga daripada tapak RAMSAR terletak di daerah Pontian iaitu Sungai Pulai, Tanjung Piai dan Pulau Kukup. Ini merupakan kurniaan Allah kepada warga Pontian. Potensi daerah Pontian untuk menjadi tumpuan pelancong adalah tinggi. Saya pernah membuat tinjauan bersama Speaker, Pegawai Daerah, Penghulu di sepanjang Sungai Pulai dan Pulau Kukup dan mendapati kawasan tersebut berpotensi menjadi tumpuan eko pelancongan. Sungai Pulai amat cantik dan menarik bagi pelancong yang cintai alam sekitar. Jika pelancong bertolak dari jeti Jeram Batu mereka boleh sampai ke Kukup untuk menikmati makanan laut dan perjalanan ini merupakan satu pengalaman yang baru jika berbanding perjalanan di atas darat. Pelancong berpeluang menikmati pemandangan yang cantik sepanjang Sungai Pulai dan dalam perjalanan laluan sungai ini, pelancong juga boleh melawat ke Jeti Parit Jerman yang pernah diusahakan oleh orang Jerman pada abad ke-19. Satu tempat yang bersejarah juga boleh singgah di rumah rakit, sangkar ikan ataupun memancing ikan dan berkayak di Sungai Pulai. Oleh itu pembangunan Sungai Pulai menjadi destinasi ekopelancongan adalah amat berpotensi. Untuk menjayakan destinasi pelancongan ini, Pekan Nanas memerlukan bantuan kerajaan sama ada meningkatkan infrastruktur seperti jalan raya dan jeti atau pun mempermudahkan proses permohonan lesen pengusaha yang berminat untuk mengangkat pelancong daripada Jeti

Jeram Batu sampai ke Kukup ataupun aktiviti-aktiviti di atas Sungai Pulai. Yang Berhormat Timbalan Speaker..

YB Timbalan Speaker : Masa sudah nak habis.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Saya mengakhiri ucapan saya dengan satu cadangan supaya masa Persidangan Dewan dipanjangkan kepada dua minggu supaya semua Ahli Dewan mempunyai lebih banyak masa dalam sesi soal jawab dan perbahasan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Salam sejahtera, salam reformasi, salam harapan. Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat MMK, ahli-ahli Yang Berhormat ADUN-ADUN, ketua-ketua jabatan, Datuk Bandar, YDP-YDP dan kesemua yang dihormati yang berada dalam Dewan yang mulai ini. Patik Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulai Tuanku Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri Jajahan Takluk Johor Darul Takzim, perasmian DUN pada penggal Ke-14. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, memberi peluang

YB Timbalan Speaker : Puan Speaker.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Puan Speaker, memberi peluang untuk berbahas dalam Dewan yang mulia ini. Teks tak boleh diubah sedikit. Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Puan Speaker, saya ini ada dua watak, satu sebagai ADUN Tiram dan juga saya sebagai Ketua Biro Masyarakat India Negeri Johor, PKR bagi PKR, jadi saya terpaksa jugalah dan juga wakil rakyat yang tunggal untuk PKR, India di Johor ini. Oleh kerana itu, saya terpaksa bercakap mengenai kaum India juga di sini.

Puan Speaker, seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Vidyananthan Kahang bahawa ada dua perkara iaitu satu, mengenai tapak upacara sembahyang di Tanjung Langsat di kawasan saya dan juga mengenai kontraktor-kontraktor India mengenai kedua-duanya kita telah bincang dan sudah ajukan kepada Dato' Menteri Besar benda ini. Dan juga pada hari ini mengenai kontraktor-kontraktor India, satu pasukan daripada Ahli Parlimen-Ahli Parlimen India sudah berjumpa pada petang tadi dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita juga prihatin terhadap kaum India dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Puan Speaker, kaum India telah dipinggirkan beberapa lama pada pemerintahan Barisan Nasional tidak mencukupi pembangunan mereka, kemajuan mereka. Satu kenyataan yang terang dan bersuluh iaitu kaum India di negara ini amnya, di negeri Johor khasnya telah dibelakangkan oleh kerajaan Barisan Nasional sejak merdeka sehingga PRU 14. Dalam lain perkataan, mungkin rancangan-rancangan oleh kerajaan sebelum ini tidak kesampaian kepada kaum India. Dalam hal ini, kelalaian MIC juga telah menjadi salah satu faktor utama masyarakat India ketinggalan dalam ekonomi, pendidikan, peluang pekerjaan dan lain-lain bidang utama di negara ini. Oleh sebab-sebab kerajaan dahulu tidak peka kepada keperluan kaum India, masyarakat India telah mengetepikan kerajaan tersebut dan mula menyokong Pakatan Harapan dengan kepercayaan bahawa kerajaan Pakatan Harapan dapat menyuluh dalam kehidupan mereka. Mereka sangat harapkan kerajaan Pakatan Harapan akan melakukan sesuatu demi kebaikan mereka. Dalam hal ini, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir, pernah menyatakan bahawa kerajaan Pakatan Harapan akan memperhalusi Pelan Tindakan Masyarakat India, *Malaysian India Blue Print* yang diperkenalkan kerajaan terdahulu bagi memastikan kesejahteraan kaum India khususnya golongan isi rumah berpendapatan rendah. Rancangan itu sudah lambatlah, nasi sudah bubur.

Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat M Kulasegaran berkata, kerajaan akan meneliti semula dan membuat penambahbaikan MIB supaya golongan sasaran iaitu Kumpulan B40 menerima manfaat secara keseluruhannya. MIB dilancarkan oleh Bekas Perdana Menteri

pada April 2017 sebagai satu dokumen rasmi kerajaan untuk pembangunan kaum India bagi tempoh 10 tahun akan datang tetapi tidak menjadi kenyataan sebab mereka telah ditewaskan. Yang Berhormat Kula berkata perincian lanjut berhubung MIB dan isu-isu lain antaranya Amanah Saham 1Malaysia dan Unit Pembangunan Sosial Ekonomi Masyarakat India akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas mengenai masyarakat India yang diadakan yang seperti mana yang dikatakan tadi mereka tengah bincang dengan Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir pada hari ini. Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui pengaduan kaum India masalah-masalah mereka tidak ditangani dengan baik sepanjang 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri. Tetapi banyak sumber peruntukan kepada mereka ketika itu melalui MIC ungkapan dia, apa yang dia kata, "entah macam mana peruntukan itu pergi ke tempat lain". Tetapi saya berharap kali ini mereka akan mendapatkannya terus daripada kerajaan beliau.

Sehubungan itu, beliau berjanji akan melakukan lebih baik dalam pembangunan ekonomi, peluang pekerjaan dalam kerajaan, peluang pendidikan serta peluang perniagaan untuk membantu masyarakat India jika Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya Umum yang ke-14, kini sudah menang. Mereka, ataupun Tun Dr. Mahathir akan berusaha tambahan pula ramai penganalisis melihat kaum India sebagai penentu PRU ke-14 dan Dr. Mahathir nampaknya bersetuju dengan pendapat itu. Mantan Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak juga nampaknya menyedari hal itu, akhirnya beliau mendakwa menerima pujian kerana melakukan lebih banyak usaha membantu pendidikan bahasa Tamil berbanding dengan bekas Perdana Menteri-Perdana Menteri lain. Jadi ertinya, Perdana-Perdana Menteri yang lain dan juga kerajaan Barisan Nasional tidak menumpukan perhatian kepada bahasa Tamil dan juga sekolah Tamil. Maka saya menyeru kerajaan Pakatan Harapan khususnya di negeri Johor supaya dapat memperuntukkan dana khas untuk pembangunan kaum India dalam semua aspek yang mereka ketinggalan ataupun telah ditinggalkan. Dengan adanya dana tersebut, ianya boleh disalurkan dalam satu saluran yang betul supaya ia bermanfaat kaum India di negeri ini.

Untuk makluman pihak Dewan, kaum India masih ramai yang hidup di bawah garisan kemiskinan. Yang berpendidikan tidak mendapat peluang pekerjaan yang diidam-idamkan. Ada pula yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang yang kritikal walaupun mereka layak. Ramai remaja telah memilih jalan songsang. Mereka rasa kecewa, ramai telah menyertai kongsi gelap iaitu *gengsterisme*. Peratus kaum India di negara ini adalah lingkungan 7% tetapi remaja yang menyertai kongsi-kongsi gelap amat menyedihkan. Bagaimanakah kita perlu membendung masalah ini?Bagaimanakah kita boleh mengekalkan sokongan kaum India terhadap PH selama-lamanya? Maka satu rancangan atau program murni atau dana perlu diwujudkan demi kebaikan kaum India khasnya.

Puan Speaker, saya menerima banyak kunjungan daripada pelajar-pelajar India yang belajar di luar negara, ada yang belajar dalam, tidak mencukupi dana. Dalam erti kata atau satu ungkapan dalam bahasa Tamil, pendita berkata (bahasa Tamil), Ertinya, "dalam kebudayaan India mereka merasakan ilmu itu terlalu penting walaupun kita minta sedekah daripada siapa-siapa mesti mahu belajar mendapatkan ilmu".Oleh kerana itu, kita perlukan sesuatu perhatian khas terhadap kaum India yang dipinggirkan selama-lama ini.

Puan Speaker, sekarang saya menyentuh kepada perkara-perkara yang umum dan juga kawasan saya. Pencemaran alam, pembakaran terbuka telah mengakibatkan atau merupakan punca pencemaran udara di negara ini. Isu ini bukan sahaja melibatkan negara ini malah semua negara di Asia Tenggara. Kadangkala krisis ini ditambahkan pula dengan jerebu dari Indonesia yang biasanya membawa kemudaratan kepada Malaysia khasnya dan negeri Johor yang berhampiran dengan kepulauan Indonesia amnya. Di mana penutupan sekolah akibat jerebu telah dilaksanakan di Malaysia. Ia menjejaskan hampir 4 juta pelajar di Malaysia pada dua tahun yang lalu. Antara acara yang terganggu atau dibatalkan kerana jerebu itu ialah *FINA Swimming World Cup* 2015 di Singapura dan Kuala Lumpur di *Marathon* di Malaysia. Jika kita lihat sehingga September tahun lepas lebih 3,000 kes pembakaran terbuka dikesan di seluruh negara.18 kes telah disiasat untuk diambil tindakan di Mahkamah dan 215 lagi dikenakan kompaun. Yang aneh sekali, pembakaran terbuka

yang melibatkan kawasan hutan pertanian, industri, pembinaan, tapak pelupusan sampah, belukar dan pembakaran terbuka kecil masih dilakukan di pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Pembakaran terbuka dianggap sebagai kaedah yang biasa digunakan untuk melupuskan sisa tanaman, mengawal serangga di samping menyediakan ladang pertanian untuk penanaman seterusnya. Penggunaan api untuk menghapuskan sisa tanaman adalah mudah, murah dan lazim dilakukan oleh petani. Peralihan skala kecil serta pekebun kecil. Konsesi perladangan menguntungkan telah menyebabkan berlaku peralihan kepada perladangan kelapa sawit dan perladangan industri kayu yang meningkatkan pembakaran terbuka terutama di kawasan yang mempunyai bio-jisim kering. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kesalahan berkenaan disiasat Seksyen 29 (A) Akta Kualiti Alam Sekeliling1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000.00 juga dikenakan bagi setiap kesalahan. Namun demikian, orang ramai melakukan aktiviti pembakaran terbuka makin hari makin bertambah. Di kawasan saya sendiri Tiram, di Taman Nora, Taman Desa Cemerlang, pembakaran terbuka menjadi isu hangat di kalangan penduduknya. Kubur Cina menjadi sasaran utama. Ada pihak yang tidak bertanggungjawab membeli sampah-sampah di merata tempat, membakar terbuka dan mencari besi buruk untuk membuat perniagaan pendapatan secara haram. Apabila jawatankuasa dan penduduk sekitar tegur, mereka menggunakan kekerasan iaitu pihak yang bertanggungjawab menggunakan kekerasan dan menghalau mereka. Saya memohon PBT perlu mengambil tindakan sewajarnya dalam soal ini. Kita perlu menjaga dunia ini. Dunia ini adalah rumah kita, bersih daripada pencemarannya. Apakah ianya perlu dibiarkan sahaja dengan alasan masyarakat di negara ini tidak boleh dibetulkan ataupun perlu dibendung atau diatasi dengan cara-cara yang lebih profesional selain daripada undang-undang?

Yang Berhormat Puan Speaker, perniagaan warga asing. Ini paling penting sekali di negara ini. Segelintir warga asing di bandar raya di sini dikesan menyalah-gunakan pas lawatan sosial untuk berniaga tanpa kebenaran. Malah ada antara warga asing terbabit monopoli aktiviti perniagaan di beberapa kawasan pusat bandar dan berhampiran dengan bandar sehingga menjejaskan peniaga tempatan. Aduan peniaga tempatan berhubung kegiatan warga asing terbabit sehingga menjejaskan periuk nasi mereka, banyak diterima. Hasil pemantauan mendapati, warga asing terbabit mengambil kesempatan untuk melakukan aktiviti perniagaan di bandar raya Johor Bahru.

Untuk menjaga kebajikan dan periuk nasi peniaga tempatan, kita terpaksa mengambil tindakan tegas terhadap peniaga asing yang bermaharajalela. Mereka juga telah melanggar peraturan Imigresen menyalah-gunakan pas lawatan sosial untuk berniaga di negara ini.Ini perlu dibanteras sebelum menjadi lebih serius sehingga mengancam periuk nasi peniaga tempatan. Kita tidak mahu mereka mengambil peluang ini sehingga menjejaskan ekonomi penduduk tempatan yang menjalankan perniagaan secara sah. Warga asing mendominasi perniagaan terutamanya perniagaan di pasar menjual buah-buahan, karpet, pakaian, minuman dan makanan. Ada di antara mereka sudah menjadi majikan di negara ini sekali gus digelar jutawan di kampung halaman mereka. Ironinya, ramai warga Thailand berniaga di restoran tom yam, warga India bekerja di kedai gunting rambut dan restoran mamak. Warga Indonesia pula mendominasi perniagaan runcit manakala pendatang Myanmar berniaga sayur di pasar borong dan ada yang menjadi kontraktor binaan. Sudah pasti sesiapa yang rajin berusaha boleh berjaya di bumi Malaysia yang sememangnya menawarkan banyak peluang perniagaan. Kehadiran warga asing di negara ini mungkin menjadi kebiasaan kepada pihak berkuasa tetapi tidak kepada rakyat tempatan. Tanpa sedar, rakyat tempatan menjadi penyumbang kepada ekonomi mereka kerana menggunakan perkhidmatan dan barangan yang dijual. Bagaimanapun, mengapa pendatang asing tanpa izin, PATI, memperoleh peluang perniagaan di negara ini sedangkan mereka sepatutnya bekerja dan bukannya menjalankan perniagaan.

Adakah mereka mendaftarkan perniagaan masing-masing sedangkan hanya yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang layak menjadi pelabur dan pedagang di negara ini. Pekerja asing sepatutnya bekerja…

YB Timbalan Speaker :3 minit lagi.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Bekerja dan bukannya menjalankan perniagaan, mereka hanya layak bekerja dalam 5 sektor yang dibenarkan kerajaan Malaysia iaitu perkilangan, perladangan, pertanian, pembinaan dan 15 jenis pekerjaan dalam sektor perkhidmatan. Tak ada pun disebutkan mereka boleh dibenarkan berniaga. Kawasan saya sendiri di Tiram, Taman Desa Cemerlang ada peniaga asing bermaharajalela. Mereka mendirikan khemah di depan kedai-kedai yang sah, yang mempunyai lesen berniaga. Pekedai sah hilang pendapatan sampai tak mampu bayar sewa. Ramai pekedai datang kepada saya mengadu mengenai hal ini. Saya telah lapor kepada pihak tempatan. Kerajaan negeri Johor juga perlu ambil tindakan terhadap penduduk tempatan yang mahu keuntungan cepat tanpa bersusah payah sanggup memberikan sewa kepada pendatang asing berniaga di premis mereka. Ramai PATI Indonesia, peniaga Indonesia menjadi penjaja ubat tradisional dan kain di sekitar Johor Bahru. Tetapi tidak diambil tindakan. Perkara ini harus diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan negeri. Yang Berhormat...

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Puan Speaker, ini *last* sekali tak cukup masa bagi aku banyak. Ancaman *grab car*. Perkhidmatan ini bukan lagi sesuatu yang baharu dalam kalangan masyarakat kita terutamanya di kawasan bandar. Saya tak nak baca tekslah, saya mahu cakap nanti lambat, banyak hal. Puan Speaker, *grab car* sudah ancam kehidupan pemandu teksi. Sila ambil perhatian yang serius. Banyak hal saya tak dapat cakap di sini. Terlalu serius. Sampai dia boleh mogok, sampai datang ke rumah saya, saya datang saya punya pejabat, bermogok depan saya. Mereka tak boleh dapat. Sebab saya di bawa ke tempat dia, saya berdiri dua jam, 2, 3 orang saja datang untuk perkhidmatan teksi. Hancur mereka. Dan *local issue* saya tak mahu cakap banyak ni tak ada cukup masa. Kg. Penderam di kawasan saya, Tiram, Kg. Penderam di Masai, kita sudah merdeka beberapa tahun tetapi sana lebih kurang 60 hingga 70 rumah penghuni semua Melayu tidak ada air. Ini paling serius sekali. Banyak kali mereka sudah mohon, tetapi mereka telah permohonan mereka ditolak, dan juga lagi satu perkara yang paling penting sekali di Kg. Pasir Putih, status tanah untuk surau di sana. Kedua-dua ini memberi cabaran kepada saya di Tiram. Jadi, oleh kerana itu kerajaan negeri perlu mengambil serius, saya telah membuat banyak kerja untuk mereka, perlu membanteras ataupun menyelesaikan masalah mereka.

YB Timbalan Speaker : Masa sudah habis.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Speaker. Sekiranya saya buat ada dalam ucapan saya, silap ataupun salah minta maaf. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih YB Tiram. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan persidangan ini untuk berehat 15 minit. Sukacita dimaklumkan bahawa semua ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan dipersilakan untuk menghadiri majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Johor Tahun 2018 sebelum jam 5.30 petang ini bertempat di Persiaran Puteri Selatan, Kota Iskandar, Iskandar Puteri. Berhadapan Hotel Jen Puteri Harbour. Untuk makluman, dua buah bas telah disediakan pergi dan balik sehingga jam 5.15 petang di aras bawah Pejabat Jurutulis untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan hadir ke majlis pelancaran tersebut. Saya menangguhkan Persidangan ini 15 minit. Lepas ini Pasir Raja.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.42 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 3.57 petang.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat

Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada Pasir Raja untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Terlebih dahulu Pasir Raja ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, Timbalan Speaker Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan yang telah dipilih. Tahniah juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat pembangkang dan juga bebas.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pasir Raja ingin menjuruskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan tentang mana-mana program yang baik, yang telah dibuat oleh pentadbiran dahulu perlulah dikekalkan. Dan ditambah baik dan bukanlah harus dihentikan. Dan jawatan yang diberikan ini mempunyai tanggungjawab yang besar dan mesti dipikul dengan jujur dan amanah. Justeru itu, Pasir Raja berharap kerajaan PH dapat melaksanakan segala janji-janji manifesto yang telah diikrarkan pada pilihan raya yang lalu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Johor mempunyai 73 FELDA, yang meliputi 13 kawasan Parlimen dan 21 DUN dengan jumlah 27,641 orang peneroka dan 146,000 pengundi. Ia sekali gus meletakkan Johor sebagai negeri yang mempunyai jumlah FELDA kedua terbanyak di negara ini. Pasir Raja sangat tertarik tentang beberapa permasalahan yang melanda peneroka-peneroka FELDA. Menurut laporan daripada RAM Rating Services Berhad, harga minyak sawit mentah dijangka rendah antara 2,300 dan 2,500 setan metrik dalam tahun ini berbanding 2,783 setan metrik pada tahun lepas. Cadangan Parlimen Kesatuan Eropah (EU) untuk mengharamkan penggunaan minyak sawit dalam pengeluaran api bio dijangka akan menjejaskan harga minyak sawit mentah pada tempoh terdekat. Memandangkan EU merupakan pasaran eksport kedua terbesar bagi Malaysia. Kuantum kegunaan minyak sawit di dalam pengeluaran bahan api bio diesel di Kesatuan Eropah berjumlah sebanyak 3.5 juta tan setara kepada kira-kira 5% daripada pengeluaran minyak global pada tahun 2017. Kejatuhan harga sawit sangat membebankan kepada peneroka-peneroka FELDA. Justeru itu, Pasir Raja berharap agar kerajaan negeri dapat memikirkan dan mengambil satu inisiatif bagi membantu peneroka –peneroka FELDA.

Yang Berhormat Puan Speaker, permasalahan kedua yang berlaku di FELDA adalah tentang generasi kedua. Generasi kedua juga harus diberikan perhatian. Pasir Raja mencadangkan tanah-tanah terbiar atau belum di usaha di tanah rancangan FELDA, wajar diberikan dan diusahakan oleh generasi kedua bagi menjana ekonomi. Selain meningkatkan pendapatan mereka. Adalah digalakkan agar FELDA memberi ruang dan peluang kepada generasi kedua yang berkemahiran dalam sektor pertanian mengusahakan tanah-tanah terbiar tersebut. Sejajar dengan permodenan negara, satu kerangka dan strategi perancangan pembangunan ekonomi untuk generasi kedua FELDA haruslah dilaksanakan bagi memulih ekonomi serta meningkatkan taraf pendapatan mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, di samping memperkasakan ekonomi generasi kedua, Pasir Raja juga berharap penempatan bagi generasi kedua tidak dipinggirkan. Kerajaan terdahulu telah merangka dan melaksanakan rumah untuk generasi kedua. Pasir Raja berharap agar usaha ini diteruskan dan prasarana juga harus dititikberatkan. Masih terdapat rumah-rumah generasi kedua yang tiada kemudahan jalan berturap dan perparitan.

Yang Berhormat Puan Speaker, permasalahan ketiga yang harus ditangani di FELDA adalah gejala sosial dan penyalahgunaan dadah. Pergaulan bebas dan kurangnya aktiviti yang berfaedah di FELDA dan juga pengaruh luar yang tidak bermoral menambah burukkan lagi permasalahan ini. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Kahang semalam dalam Bajet 2018, kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan sebanyak RM5.0 juta untuk dana Tabung Latihan Kemahiran. Tabung tersebut bertujuan untuk kursus dan latihan kemahiran kepada belia dan daripada jumlah tersebut RM1.5 juta telah diperuntukkan kepada belia FELDA. Pasir Raja berpendapat sekiranya dana tersebut diagih dan diguna pakai dengan betul, maka persatuan belia FELDA dapat mengadakan aktiviti yang lebih bermanfaat kepada para belia dan gejala sosial yang berlaku di FELDA dapat dibendung.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada 4 Februari yang lepas, program Perintis FELDA 2.0 di Lurah Bilut di signifikan dalam usaha mentransformasikan FELDA di seluruh negara secara berperingkat bagi membangunkan warga tanah rancangan berkenaan. Projek perintis bermula di FELDA Lurah Bilut iaitu FELDA pertama negara ini bakal membuka jalan kepada FELDA-FELDA lain yang melibatkan 317 tanah rancangan dengan bilangan 112,635 peneroka dalam Malaysia. Pembangunan transformasi FELDA 2.0 Lurah Bilut amat menarik kerana mempunyai 3 faktor utama iaitu:-

1. Sejarah warisan
2. Kelestarian alam
3. Perhubungan Internet yang baik

Program ini juga memberi nafas baru dalam melancarkan aktiviti ekonomi sekali gus memberi manfaat kepada warga FELDA terutama golongan belia. Antara tujuan FELDA 2.0 adalah langkah untuk mentransformasikan 317 tanah FELDA di seluruh negara. Inisiatif ini telah dimulakan di FELDA Lurah Bilut dengan mengujudkan Bilut Digital Valley. Dengan menaik taraf infrastruktur Internet 4G dan fiber optik serta sumber manusia yang memberi kesan kepada 6,000 peneroka. Masalah pekerjaan orang muda, menurut Ketua Penyelidik Ambank Research kadar pengangguran orang muda adalah 3 kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran. Orang muda di FELDA yakni generasi kedua memerlukan janji atau peluang pekerjaan selain daripada bidang hiliran berasaskan kelapa sawit dan pekerjaan berprestasi tinggi. Kekurangan pekerjaan mungkin akan mewujudkan lebih banyak masalah sosial di kawasan FELDA terutamanya dalam kalangan pemuda Melayu. Pendidikan dan pembangunan modal insan amat perlu untuk pemuda Melayu dalam FELDA jika mahu mereka dilengkapi dengan kemahiran ekonomi berpendapatan tinggi. Perlu ada usaha selari daripada FELDA dan kerajaan negeri untuk membantu dan membangunkan modal insan di dalam FELDA. Terutamanya dalam memberikan *soft skill* pada orang muda. Menurut *Malaysia Institute Of Economic Research*, dengan izin, 81% graduan universiti kurang berkemahiran. FELDA 2.0 dilakukan berdasarkan empat teras iaitu :-

1. Persekitaran lestari
   Persekitaran yang lestari dapat membentuk komuniti yang lebih bertanggungjawab dan sejahtera. Setiap anggota masyarakat wajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti melestarikan alam sekitar. Mutakhir ini banyak aktiviti yang dikelolakan oleh pelbagai pihak dari dalam negara mahupun peringkat global untuk menggalakkan setiap anggota masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti melestarikan alam sekitar. Aktiviti ini amat membina generasi yang sejahtera serta cintakan alam sekitar.

2. Komuniti berdaya tahan.
   Seiring dengan teknologi dan pesat pembangunan pelbagai bentuk cabaran yang dihadapi oleh masyarakat seperti aspek persekitaran dan juga sosioekonomi. Oleh itu pembentukan masyarakat yang lebih berdaya tahan perlu dititik beratkan dalam menuju kaedah persekitaran yang lebih sihat dan sejahtera. Setiap anggota masyarakat harus mempersiapkan diri untuk menjadi lebih cekal dalam menghadapi tekanan daripada dalam mahupun dari luaran. Pembentukan komuniti dan berdaya tahan boleh membentuk peribadi diri setiap ahli masyarakat untuk menjadi lebih berusaha, kental dan tidak berputus asa.

Yang Berhormat Puan Speaker, perkara keempat adalah Komuniti Pintar. Dewasa ini masyarakat semakin maju dan berhubung dan terhubung seiring dengan revolusi digital yang semakin pesat berkembang. Serentak dengan itu, pelbagai pihak daripada pelbagai sektor akan berusaha untuk memberikan kemudahan infrastruktur yang lebih berkesan, perkhidmatan yang cekap, memberi sokongan antara satu sama lain serta menganalisis maklumat yang tepat untuk kebaikan bersama. Komuniti pintar membuka mata masyarakat ke arah kehidupan digital serta penyelesaian masalah yang lebih berinovasi di mana semua pihak dapat mengaplikasikan kemudahan teknologi untuk mengumpul dan menganalisis maklumat bagi menyelesaikan masalah atau isu. Dengan wujudnya komuniti pintar, pelbagai manfaat dapat dicapai seperti perubahan gaya hidup yang lebih moden, ekonomi

yang lebih kukuh, pentadbiran negara yang lebih cekap serta persekitaran yang lebih sihat dan selamat.
Dan yang keempat, komuniti sihat. Hidup yang sihat bermula daripada rumah, sekolah, tempat kerja, kawasan kejiranan dan juga komuniti. Taraf kesihatan seseorang boleh dipengaruhi oleh amalan seperti pemakanan yang seimbang, hidup yang kekal aktif, tidak merokok dan melakukan pemeriksaan kesihatan berskala. Selain daripada itu, pihak kesihatan kita juga boleh dipengaruhi daripada segi hubungan kemasyarakatan dan ekonomi seperti sokongan dan interaksi daripada rumah, sekolah, tempat kerja, kejiranan, komuniti serta kebersihan dari sudut fizikal iaitu air, makanan dan udara. Pasir Raja ingin bertanya, adakah kerajaan PH negeri Johor akan melaksanakan program tersebut di setiap FELDA dalam negeri johor dan juga apakah kerajaan negeri akan menyokong sebarang usaha untuk memajukan FELDA termasuk mengukuhkan ia serta menjadikan FELDA sebuah Konglomerat berprestasi unggul.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada akhir 31 Mei yang lepas, kerajaan negeri telah menamatkan perkhidmatan 1,700 ketua-ketua kampung dengan alasan bagi menstruktur semula pentadbiran ketua kampung yang lebih berintegriti. Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkata, semua ketua kampung yang telah dilantik haruslah berkelayakan dan berkebolehan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Pasir Raja ingin bertanya, apakah kelayakan dan kriteria yang harus ada pada ketua kampung yang akan dipilih bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan? Mengapakah ketua-ketua kampung yang sedia ada, yang ada berkelayakan tidak dikekalkan?

Yang Berhormat Puan Speaker, adalah telah diketahui umum bahawa perkhidmatan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) amat membantu dalam mengawal dan menjaga ketenteraman awam selain daripada Polis. Anggota RELA juga ditugaskan mengawal lalu lintas sekiranya ada apa-apa majlis rasmi. Juga perkhidmatan RELA amat diperlukan dalam membantu mencegah jenayah kecil. Pasir Raja merasakan adalah tidak wajar bagi sebuah agensi itu ditamatkan atau dikecilkan peranannya sebelum ada perbincangan yang terperinci.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pasir Raja telah membuat permohonan membina jalan baru pintasan di antara sekolah menengah ke Sekolah Rendah FELDA Bukit Besar dan juga telah disempurnakan Majlis Pecah Tanah oleh JKR pada 5 Mei 2018. Ini adalah permasalahan di kawasan Pasir Raja. Kami dimaklumkan bahawa projek ini telah, masih dalam perancangan (reka bentuk), dan daripada maklum balas PPNJ, masih menunggu keputusan ICU JPM sama ada projek ini diteruskan atau pun dibatalkan. Pasir Raja berharap agar projek ini diteruskan kerana telah berlaku banyak kemalangan yang melibatkan pelajar sekolah kerana mereka menggunakan jalan utama iaitu satu-satunya jalan bagi laluan ke sekolah. Harap dapat pertimbangan daripada EXCO kerajaan negeri agar jalan ini diluluskan.

Yang Berhormat Puan Speaker, satu projek pembangunan yang dikenali sebagai *Johor Eco Entertainment Park* (JEEP) yang akan dibangunkan di Akademi YPJ Jalan Kulai – Kota Tinggi. Projek ini bernilai RM2.7 juta, hah RM2.7 bilion, maaf. Secara keseluruhannya, yang akan dimulakan dengan fasa satu pada tahun hadapan dengan kos berjumlah RM698.7 juta. Taman tema ini bercirikan eko tropika, pembelajaran alam persekitaran dan hubungan 3E. Projek ini akan membuka peluang kepada kerajaan, kepada anak-anak muda khasnya di kawasan Pasir Raja. Soalannya, apakah projek ini akan diteruskan atau ditangguhkan dan sekiranya ditangguhkan, kenapa?

Yang Berhormat Puan Speaker, akhir kata di kesempatan ini Pasir Raja ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat dan pengundi Pasir Raja yang telah memilih saya sebagai wakil yang menghubungkan kerajaan dan juga rakyat. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketua-ketua jabatan di peringkat daerah kerana memberi kerjasama kepada Pasir Raja dalam menangani masalah rakyat di kawasan. Sekian wabillahitaufik walhidayah wasallamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Layang-Layang, jemput.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Bismillahirahmannirrahim. (Doa) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Timbalan Speaker yang bijaksana, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Speaker, Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Kempas sebagai Menteri Besar yang baru, barisan EXCO, ADUN-ADUN Pakatan Harapan, Barisan Nasional, Pas, Bebas.

Di kesempatan ini kita menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Sultan Johor semasa Perasmian Dewan Negeri Johor pada 9 Ogos 2018. Baginda telah mengingatkan kita bahawa jawatan yang kita pegang mempunyai tanggungjawab yang besar dan mesti dipikul dengan jujur dan amanah. Dan seperti yang disebut oleh Ketua Pembangkang, pihak Barisan Nasional akan juga memikul tanggungjawab ini secara profesional dan *constructive* dengan izin, demi kebaikan negeri dan rakyat Johor. Atas semangat jujur, amanah, profesional dan *constructive* ini, saya ingin menyentuh tiga perkara pada hari ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang Janji 100 Hari Pakatan Harapan dalam manifesto semasa Pilihan Raya Umum Ke-14. Janji-janji dibuat di peringkat nasional dan negeri bagi meraih undi rakyat. Di peringkat nasional antara janji manifesto yang menarik perhatian umum ialah janji penghapusan GST, penghapusan tol, menghapuskan hutang peneroka FELDA dan juga menangguh bayaran PTPTN. Di peringkat negeri pula, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan bahawa tujuh daripada 10 janji sedang dilaksanakan atau sudah dirasmikan. Suka saya ingatkan bahawa janji 100 hari ini tinggal lima hari lagi untuk dilaksanakan dan diselesaikan. Dan pada masa yang sama, saya sangat faham bahawa pihak kerajaan meminta masa yang lebih untuk melaksanakan janji-janji ini bagi membuahkan hasil atas pelbagai alasan dan sebab.

Cadangan saya mungkin pada PRU 15 nanti, manifesto Pakatan Harapan jangan janji 100 hari, mungkin boleh janji 100++ hari. Namun begitu, apa yang lebih penting ialah pelaksanaan dan *implementations,* dengan izin. Janji-janji kerajaan dan apa sahaja perancangan kerajaan negeri demi kepentingan rakyat Johor perlu dilihat secara teliti. Niat yang baik perlu diurus dan ditadbir dengan baik. Sebagai contoh, Yang Berhormat Jementah semalam dalam soalan-soalan tambahan bertanya tentang meminda dan memasukkan satu klausa dalam Undang-Undang Tubuh Johor bagi mengehadkan seseorang menjadi Menteri Besar selama dua penggal.

Layang-Layang bersetuju dengan cadangan Jementah. Janji mengehadkan seorang menjadi Menteri Besar selama dua penggal tidak selesai dengan sekadar pengumuman. Yang Amat Menteri Besar yang tidak hadir sekarang ini, barisan EXCO dan sahabat-sahabat ADUN di dalam Dewan yang mulia ini, boleh melakar sejarah jika kita dapat memasukkan klausa ini dalam Undang-Undang Tubuh Johor. Ia akan menunjukkan keikhlasan dan kejujuran kita terhadap rakyat. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Pegawai-pegawai Undang-Undang Negeri supaya melihat perkara ini untuk merealisasikan demi kebaikan pentadbiran negeri selaras dengan kehendak pelbagai pihak.

Selain itu, janji insentif kemasukan IPT perlu dilihat juga pelaksanaannya. Ramai anak-anak muda Johor termasuklah anak-anak muda di Layang-Layang di dalam golongan B40, yang akan memasuki IPTA dalam masa terdekat masih belum lagi mendapat bantuan daripada kerajaan negeri. Kita perlu lihat kepada mekanisme untuk mewar-warkan inisiatif ini dan cara pelaksanaannya perlu dilihat secara terperinci bagi memastikan nikmat ini dapat dirasai rakyat sehingga ke akar umbi. Ini termasuklah inisiatif-inisiatif lain seperti Kad Sihat Johor, Skim Takaful Warga Emas dan Insentif Perkahwinan Berkelompok.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang Projek Perumahan Rakyat ataupun RMMJ yang diumumkan oleh pihak Pakatan Harapan, ingin membina

100,000 unit rumah mampu milik dalam masa 5 tahun. Saya nak mencadangkan demi kesejahteraan keseluruhan rakyat negeri Johor, bahawa kita buat rumah mampu milik ini di semua DUN-DUN yang berada di Johor, 56. Kerana semua kawasan memerlukan rumah-rumah mampu milik itu, saya minta supaya EXCO untuk mempertimbangkan perkara ini secara serius.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah tentang keutuhan dan kedaulatan negeri dan negara. Ia berkenaan keputusan *International Court Of Justice,* dengan izin ICJ yang telah memutuskan pada tahun 2008, bahawa Batu Putih atau lebih dikenali sebagai *Pedra Branca* menjadi milik Singapura. Batuan Tengah ataupun *Middle Rock* pula menjadi milik negara Malaysia, negeri Johor dan Tubir Selatan atau lebih dikenali sebagai *South Ledge* akan menjadi milik negara yang mana wilayahnya terletak. Saya difahamkan bahawa wilayah laut di bawah *Law Of The Sea Convention* dengan izin, untuk Batu Putih dan Batuan Tengah belum dimuktamadkan. Namun begitu, penguatkuasaan oleh kerajaan negara Singapura sudah dibuat sehinggakan nelayan-nelayan di negeri Johor yang menghampiri Batu Putih telah dihalau ataupun diusir daripada kawasan wilayah laut mengelilingi Batu Putih. Jadi, persoalan saya adakah pihak kerajaan negeri Johor telah melaksanakan perkara yang sama untuk Batuan Tengah? Pada masa yang sama, adalah penting supaya Tubir Selatan menjadi milik Johor, milik Malaysia. Ini adalah penting untuk kita gunakan untuk melukis garis pangkal bagi kita menuntut wilayah laut kita ini. Saya berharap kerajaan negeri melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan keutuhan dan kedaulatan wilayah negeri dan eksploitasi sumber daya alam memihak juga kepada rakyat Johor.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, perkara yang ketiga dan terakhir ialah tentang isu penutupan pusat pelupusan sampah Simpang Renggam yang terletak di CEP, di DUN Layang-Layang. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Machap semalam. Dan pada hari ini, saya ingin memberi penekanan tentang isu ini. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, setiap kali hujan lebat, maka berlakulah pencemaran air. Dan pencemaran air ini menyusahkan rakyat di kawasan Layang-Layang dan juga Parlimen Simpang Renggam termasuklah DUN Machap. Sampah yang dilupuskan di Layang-Layang ini datangnya bukan daripada Parlimen Simpang Renggam sahaja, ia datang daripada PBT Batu Pahat dan juga PBT Kluang. Jadi, sampah-sampah yang datang daripada Kluang dan Batu Pahat semuanya dilupuskan di PBT Simpang Renggam khususnya di DUN Layang-Layang. Keadaan ini telah menyebabkan rakyat di Layang-Layang marah. Dan pada masa yang sama, pihak Pakatan Harapan sebelum pilihan raya umum yang ke 14 telah berpiket di hadapan pusat pelupusan sampah ini meminta supaya pusat pelupusan sampah ini ditutup. Jadi, saya nak tanya pihak Pakatan Harapan yang hari ini menjadi kerajaan, dulu sebelum pilihan raya sebelum menang bermati-matian nak tutupkan pusat pelupusan ini. Adakah pihak Pakatan sudah berubah pandangan apabila sudah menang pilihan raya?

Saya difahamkan juga penyelesaiannya sudah ada, Yang Berhormat Puan Speaker, tapi Yang Berhormat Bukit Payong, Sri Medan, minta maaf ya, orang baru, dimaafkan ya. Saya difahamkan bahawa pusat pelupusan sampah di Bukit Payong telah dikenal pasti untuk dijadikan pusat pelupusan sampah yang baru. Tetapi, mereka mahu menjadikan kawasan ini taman rekreasi. Sampah yang dibawa oleh kawasan-kawasan ini, Batu Pahat dan juga Kluang, tanah yang sudah dikenal pasti, dia nak buat taman rekreasi. Yang merana ialah masyarakat dan rakyat di DUN Layang-Layang. Jadi saya minta tolonglah, saya merayu kepada kerajaan negeri dan juga EXCO-EXCO untuk melihat kembali perkara ini, kerana kita perlu *bipartisan*, berkecuali dalam perkara yang melibatkan kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Puan Speaker yang saya hormati, secara kesimpulannya di dalam perkara-perkara yang melibatkan kesejahteraan rakyat, negeri dan juga negara kerajaan dan pembangkang perlulah berkecuali ataupun *bipartisan* dengan izin, terutamanya dalam perkara-perkara yang saya sentuh tadi iaitu pendidikan, kedaulatan negara dan juga kesejahteraan alam sekitar. Sekian daripada saya, Layang-Layang mohon menyokong. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Layang-Layang. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Permai. Jemput.

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera khasnya kepada Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri, sahabat-sahabat saya, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sama ada yang sebaris dengan saya ataupun yang tidak sebaris dengan saya.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya merasa terpanggil dan terharu pada hari dan saat ketika ini, setelah 34 tahun hanya dengan izin Allah saya kembali semula sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Johor pada hari dan saat ketika ini. (Dewan bertepuk). Saya mohon supaya kehadiran saya setelah 34 tahun ini, Pejabat Jurutulis boleh jadikan ia sebagai satu rekod. (Dewan ketawa). Ini betul. Dan rekod ini mungkin tak ada pun terjadi di mana-mana Dewan Negeri dalam negara kita di Malaysia ini. Dan saya yakin juga, rekod saya ini tak akan dipecahkan oleh rakan-rakan saya yang ada dalam Dewan pada petang ini, Yang Berhormat Puan Speaker, tak ada, tak akan jumpa punya. Insya-Allah. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Puan Speaker, salah satu daripada institusi kependudukan dalam negeri kita ialah rancangan tanah FELDA. Saya bersetuju dengan rakan saya daripada Pasir Raja yang banyak mengutarakan masalah-masalah rancangan tanah FELDA. Salah satu daripada masalah rancangan tanah FELDA sekarang ini Yang Berhormat Puan Speaker, ialah ada FELDA dalam negeri Johor ini...

YB Timbalan Speaker : Sila duduk.

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Sebanyak 70 buah rancangan FELDA.

YB Timbalan Speaker : Sila duduk.

(Dewan berhenti seketika bagi menghormati laungan azan).

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Yang Berhormat Puan Speaker, dalam negeri Johor kita ini kita ada 70 buah rancangan tanah FELDA dan tidak ada keseragaman dalam mengurus tadbir rancangan tanah FELDA ini kerana ada FELDA yang mengamalkan sistem JKKR, Jawatankuasa Kemajuan Rancangan, ada FELDA yang mengamalkan sistem JKKK, Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung. Jadi, saya berharap kepada kerajaan negeri Johor supaya dapat menyelaraskan kesemua rancangan tanah FELDA ini sama ada dalam JKKR ataupun dalam JKKK.

Yang Berhormat Puan Speaker, apa yang menjadi masalah kita ialah apabila penubuhan JKKR ini dikekalkan, Pengurus Rancangan akan menjadi pengerusi kepada JKKR. Kalau JKKK, maka Ketua Kampung akan menjadi pengerusi kepada JKKK. Bezanya JKKK tidak meliputi semua Ketua Blok menjadi jawatankuasanya. Jadi saya suka menyarankan kepada kerajaan negeri di mana-mana rancangan tanah FELDA yang masih kekal dengan JKKK supaya dilantik semua Ketua Blok menjadi jawatankuasa dalam kawasan tersebut sepertimana yang dibuat oleh JKKR iaitu semua Ketua Blok menjadi jawatankuasa dalam JKKR. Ini satu yang perlu dipandang serius oleh kerajaan negeri kerana Johor sajalah Yang Berhormat Puan Speaker, yang mana rancangan tanah FELDA kita ini ada sistem JKKK.

Yang Berhormat Puan Speaker, di samping itu, pembangunan rancangan tanah generasi kedua FELDA juga harus diberikan perhatian. Saya bersetuju dengan rakan kita daripada Pasir Raja dan inilah yang kita harapkan sama ada kita di sini atau di sana. Marilah kita bekerjasama bagai aur dengan tebing. Perkara yang telah lalu biarkanlah berlalu, kita hanya merancang, tuhan yang menentukan. Ku sangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Inilah mungkin nasib yang dialami oleh sahabat-sahabat saya di depan sana Yang Berhormat Puan Speaker.

Yang Berhormat Puan Speaker, salah satu daripada ini ialah sebagai contoh umpamanya rancangan tanah perumahan generasi kedua FELDA yang di bawah SPNB di FELDA Bukit Permai. Rumah dah siap, saya dukacita kerana perancangan SPNB di rancangan tanah FELDA ini dia tahu buat rumah saja. Kerajaan bagi tanah, dia tahu buat rumah tapi tidak ada perancangan untuk sistem jalan dan perparitan. Seperti terjadi di FELDA Bukit Permai sekarang ini, rumah siap, orang nak pindah tak boleh Yang Berhormat Puan Speaker, kerana jalan tak ada, sistem perparitan pun tak ada. Jadi saya berharap dalam masa akan datang SPNB dalam merancang pembentukan pembinaan rumah generasi kedua di FELDA siapkan sekali dengan struktur perparitan ataupun jalan masuk ke tapak-tapak rancangan tanah tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker, di kawasan FELDA juga kita berharap dalam Dewan Negeri saya ada satu FELDA Bukit Permai, dalam Dewan Negeri Bukit Batu, FELDA Bukit Batu. Kedua FELDA ini, dia bermesyuarat, dia berurusan dengan FELDA Utara. Maka kedua rancangan tanah FELDA ini kalau ada apa juga rumusan peringkat rancangan maka dia bermesyuarat di FELDA kawasan utara iaitu di Segamat. Maka saya menyarankan supaya kedua-dua FELDA ini, FELDA Bukit Batu dan FELDA Bukit Permai ditarik masuk ke dalam FELDA Wilayah Johor Bahru supaya perhubungan mereka dalam urusan rancangan dengan wilayah tidak jauh sangat.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam menghadapi masalah FELDA ini, kerajaan mesti bertindak tegas dan saya difahamkan bahawa sekarang ini permasalahan FELDA terletak di bawah jawatankuasa EXCO Pembangunan Luar Bandar. Tapi dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan supaya satu jawatankuasa khusus tentang hal ehwal dan pembangunan FELDA diwujudkan oleh kerajaan negeri dan bertaraf EXCO ataupun pembangunan masalah FELDA ini terus diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat Menteri Besar, itu cadangan saya Yang Berhormat Puan Speaker.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebagai sebuah daerah sedang membangun, Kulai, saya difahamkan sedang dalam perancangan untuk diadakan sebuah pusat pentadbiran kerajaan yang baru. Terima kasih saya pada kerajaan negeri kerana telah membawa perancangan yang baik untuk pusat pentadbiran kerajaan daerah yang baru di Kulai. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan ini, jika boleh, kalau ada tanah yang kosong lagi, dalam perancangan pusat pentadbiran daerah yang baru ini, di tempatkanlah mana-mana jabatan kerajaan Yang Berhormat Puan Speaker, di Kulai yang saya rasa berselerak macam sarang tebuan, jabatan ini di sana, jabatan ini di sini, dapat disatukan bagi memudahkan perkhidmatan rakyat kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan. Atau yang keduanya, jika kekosongan jabatan kerajaan yang ada sekarang ini pindah ke jabatan kerajaan yang baru, pusat pentadbiran yang baru, saya berharap supaya satu pelan induk pengubahsuaian sekarang ini dapat diadakan supaya semua jabatan-jabatan kerajaan yang berselerak di Kulai ini dapat ditempatkan di bangunan pejabat kerajaan yang sedia ada sekarang.

Yang Berhormat Puan Speaker, satu lagi perkara ialah RTC, di Terminal Bas Kulai. Saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini, saya tengok, saya lihat, saya kaji, RTC di Terminal Bas Kulai ini Yang Berhormat Puan Speaker, macam hidup segan mati tak mahu. Jadi saya berharap pihak urus setia kerajaan negeri ataupun yang di bawah di bidang mana-mana jabatan EXCO supaya dapat meneliti semua fungsi-fungsi jabatan-jabatan kerajaan yang ada di RTC Terminal Bas Kulai. Supaya masyarakat lebih peka, masyarakat lebih inovatif untuk mengambil kesempatan tentang kemudahan-kemudahan yang sedia ada di RTC Terminal Bas Kulai.

Yang Berhormat Puan Speaker, salah satu daripada agensi-agensi kerajaan yang lantikannya banyak daripada kalangan-kalangan orang politik ialah KEMAS. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Puan Speaker, supaya mereka-mereka ini yang satu ketika dulu dilantik di kalangan kepimpinan pemimpin UMNO di peringkat bahagian supaya dapat menyedari bahawa sekarang ini kami adalah kerajaan

pakatan yang baru dan diberi mandat yang baru dan saya berharap pegawai-pegawai lantikan politik dalam KEMAS ini mestilah menunjukkan taat setia dia, kesungguhan dia untuk bekerja kepada kerajaan Pakatan Harapan yang baru pada hari ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Puan Speaker, salah satu jalan pintasan antara tempat saya FELDA Taib Andak ke FELDA Inas, saya suka menarik perhatian kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya ada suatu keadaan jalan yang amat merbahaya. Naik bukit, turun mencuram dan setakat ini 3 kemalangan maut telah pun berlaku di kawasan yang sama, di tempat yang sama. Jadi saya mohon pihak Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan pihak JKR dapat menilai semula tahap kecerunan bukit yang tersebut yang setakat ini telah pun mengorbankan 3 nyawa iaitu jalan pintas FELDA Inas ke FELDA Taib Andak.

Yang Berhormat Puan Speaker, salah satu lagi perkara yang saya nak ceritakan ialah pembangunan iaitu kawasan pembangunan khas Kulai-Sedenak 2025. Saya berharap supaya Pengerusi Jawatankuasa yang berkenaan dan juga sahabat saya Yang Berhormat Saudara Jimmy Puah dapat meneliti dan melihat bahawa pembangunan khas kawasan Kulai-Sedenak ini betul-betul menepati perincian bagi memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan penduduk tempatan. Saya tidak mahu rancangan hebat, gah tetapi ibarat kata bidalan Melayu Puan Speaker, kera di rimba disusukan, tapi anak di rumah mati kelaparan. Saya berharap Yang Berhormat Speaker dan juga Yang Berhormat EXCO dapat memahami masalah ini supaya ianya menjadi betul-betul matlamat kerajaan untuk membangun kawasan, memberi manfaat kepada rakyat tempatan kita. Bukan memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja asing dari luar negara kita.

Yang Berhormat Puan Speaker, salah satu dari perancangan kerajaan kita ini ialah, kita hidup ini akan mati. Saya juga akan mati, Yang Berhormat Speaker juga akan mati. Jadi, jalan akhir kita ialah kita akan disemadikan di tanah kubur. Semua bangsa begitu. Saya suka menarik perhatian ini Yang Berhormat Puan Speaker, iaitu berhubung dengan masalah tanah kubur di Indah Pura, Kulai. Kita ada beberapa ekar telah di rizab sebagai tanah kubur, dan saya minta satu peruntukan segera dapat diluluskan bagi kerja-kerja pembersihan dan penjenamaan yang baru tanah kubur di Indah Pura, Kulai kerana tanah perkuburan orang Islam di Batu 23 Kulai sudah pun penuh dan saya rasa ianya kalau tidak diusahakan tanah perkuburan Islam yang baru di Indah Pura, Kulai, saya bimbang satu hari besok, masalah untuk mengebumikan jenazah akan menimbulkan masalah bagi penduduk Islam di daerah Kulai.

Yang Berhormat Puan Speaker, sekali lagi saya ingin tegaskan di sini ialah, soal bagaimana kita nak menentukan masalah kesesakan yang paling teruk di kawasan Majlis Perbandaran Kulai bermula dari Senai sampai ke Saleng sampailah ke Pekan Kulai, sampailah ke Bandar Pura dan Indah Pura. Saya minta jawatankuasa yang terlibat, jabatan-jabatan yang terlibat supaya dapat mengenal pasti bagaimanakah kaedah dan cara kita supaya kesesakan yang paling teruk sekarang ini, bermula dari Senai sampai ke Saleng, masuk ke lapangan terbang, pergi ke Indah Pura, pergi ke Bandar Putra sampai ke Kulai, Nauzubillah yang Berhormat Puan Speaker. Sesekali saya minta Puan Speaker rasalah bagaimana sesaknya jalan ini waktu puncak-puncak ini, ia berlaku.

Yang Berhormat Puan Speaker, salah satu perkara lagi ialah, kepada pihak jawatankuasa iaitu jalan perhubungan iaitu dipanggil Jalan MCA. Saya bukan nak menimbulkan MCA dalam Dewan ini, tidak. Tapi jalan ini memang nama dia Jalan MCA. Iaitu Jalan MCA dari Kampung Sungai Siang, di Murni Jaya, nak pergi ke Bandar Seri Perani pergi ke bandar Tenggara, saya mohon pihak EXCO yang terlibat dan jawatankuasa yang terlibat supaya dapat disegerakan projek Jalan MCA, Kampung Sungai Siam Murni Jaya ke Bandar Tenggara ini kerana ia telah pun berlarutan sebanyak lebih kurang 20 tahun Yang Berhormat Speaker.

Yang Berhormat Speaker, salah satu buah tangan Timbalan Perdana Menteri kita dahulu, Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin sebelum dia dipecat ialah jalan hubungan antara

Sedenak dengan Murni Jaya. Saya ingat lagi Yang Amat Berhormat waktu itu Timbalan Perdana Menteri memberikan peruntukan khas di bawah Pejabat Pembangunan Negeri sebanyak RM3 Juta. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya telah menimbulkan perkara ini supaya kerajaan mengambil alih tanah-tanah jalan di ladang tersebut untuk jalan tersebut dinaikkan taraf sejajar sebagai jalan negeri atau jalan persekutuan. Saya rasa Yang Berhormat Puan Speaker, soal nak mengambil tamah ni tak menjadi masalah sebabnya jalan estet yang kita gunakan sekarang ini adalah estet kepunyaan JCorp iaitu anak syarikat kerajaan negeri Johor. Jadi, saya berharap kepada pihak JCorp, janganlah banyak cerita, janganlah banyak songel bak kata orang Jawa, serahkan saja tanah rizab jalan tu kepada JKR atau kerajaan negeri, selesai masalah.

Yang Berhormat Speaker, saya berharap perkara-perkara ini mendapat perhatian daripada semua pihak kerana saya menganggap bahawa Kulai ini akan menjadi destinasi pelancongan yang hebat. Pelancongan yang hebat ni, kita ada JPO umpamanya, kita ada Lapangan Terbang Antarabangsa. Sehingga sekarang ini tidak kurang dari 13 destinasi luar negara yang boleh beroperasi dari Lapangan Terbang Senai. Saya berharap juga, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dapat melihat secara dekat, sama ada beliau dah pergi ke tidak Hutan Lipur Gunung Pulai, saya pun tak tau lagi, tapi saya berharap supaya EXCO yang berkenaan dapat melihat secara dekat masalah-masalah prasarana yang ada di Hutan Lipur Gunung Pulai.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya berharap supaya kita sama-sama panjang umur dan dapat kita berjumpa lagi. Dan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga rakan-rakan EXCO dan sahabat-sahabat saya yang seberang sana, arak-arak kelapa puan, tidak puan kelapa bali, harap hati saya kepada tuan puan, tidak tuan puan siapalah lagi. Saya ADUN Bukit Permai dengan ini menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada YB Bukit Permai. Disebabkan masih ada satu Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Johor sedang menanti ketibaan Ahli-Ahli Yang Berhormat, juga bagi tidak menyusahkan YB Mengkibol untuk berucap dua hari, saya menangguhkan Persidangan ini sehingga hari esok, Selasa 14 Ogos 2018, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4.50 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KEEMPAT	SELASA, 14 OGOS 2018	BIL. 2 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor
Dato' Haji Osman bin Haji Sapian
(Kempas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi
Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian
Tuan Dr. Sahruddin bin Jamal
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif
Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

YB Tuan Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER

YB Speaker : Bismillahirahmaannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ampun Tuanku, patik dan semua Ahli Dewan Negeri merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor sempena Hari Keputeraan Baginda pada 14 Ogos 2018, bersamaan 2 Zulhijah 1439. Didoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Permaisuri dilanjutkan usia dan sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah SWT.

Jurutulis : SOALAN LISAN

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, telah berjalan dengan lancar dan begitu laju, dan ianya memberikan lebih banyak kelonggaran dari segi masa. Maka, saya harap Yang Berhormat Tuan Speaker, dapat mempertimbangkan supaya masa untuk sesi soal jawab ini boleh dipanjangkan untuk kepentingan rakyat. Sebab saya perhatikan untuk beberapa hari yang lepas ini hanya tiga hingga empat soalan sahaja yang boleh dijawab. Maka, sekiranya ada peruntukan masa yang lebih ianya lebih baik untuk kita panjangkan sesi soal jawab supaya lebih banyak isu rakyat boleh di bawa ke Dewan yang mulia ini. Jadi, saya mohon pertimbangan daripada Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Berapa lama tambah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Kalau boleh, kalau boleh tambah panjang sikit. Kalau tidak, sekurang-kurangnya sampai pukul 11.00.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan perkara ini dibawa oleh Yang Berhormat Skudai, saya lihat ada patutnya untuk kita memberi ruang yang lebih lagi kepada sesi soalan lisan ini. Bila saya lihat, soalan lisan ada 40 tapi kita dapat jawab sekitar, semalam pun sampai soalan 5. Tetapi pun bila kita hendak tambah lagi soalan tambahan itu, tidak dapat tambah.

YB Speaker : Ok.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Jadi, saya mohon juga, saya menyokong supaya sesi soalan lisan ini dapat ditambah masa lagi. Sekian.

YB Speaker : Ok, *point taken. So*, kalau kita lihat baki hari perbahasan ini kita ada dua hari lagi. Selasa dan Rabu, Khamis kita akan memulakan penggulungan. Kalau dua hari ini, kita lihat pada setiap hari kita ada 4 jam 25 minit. Maknanya kalau dua hari kita ada 8 jam 50 minit lagilah. Ok, berbaki pembahas sekarang ini kita ada 18, *so* 18 kalau kita kali purata 20 minit, kita ada lebih kurang 6 jam lagi lah tetapi kita kalau 8 jam, jumlah yang berbaki ini kita ada 8 jam 50 minit, kemudian pembahas memerlukan 6 jam. *So,* kalau 8 jam 50 minit kita tolak dengan 6 jam kita ada baki 2 jam 50 minitlah. Ini kira macam *surplus* lah ya. Lebihan masa itu ada 2 jam 50 minit, jadi saya rasa memang ada ruang untuk ditambah masa. Jadi, saya tambah masa sehingga jam 11.00 pagi lah untuk soalan lisan ini. Ok. Kita terus kepada soalan lisan.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Biasanya perkara-perkara seumpama ini elok kita bincang di peringkat Jawatankuasa, Peraturan-Peraturan ke, atau Jawatankuasa mana-mana yang sesuai. Kerana bukan hanya kita melihat dari segi masa untuk menjawab soalan, tetapi banyak juga aspek-aspek untuk menambah baik perbahasan dalam Dewan ini. Saya pun pernah mendengar Yang Berhormat Tuan Speaker sendiri berhasrat untuk supaya lebih perbahasan dapat memberi lebih banyak impak kepada setiap kali persidangan. Jadi elok perkara ini di bawa, kerana saya juga mencadangkan supaya, mungkin agaknya dalam satu kali, dalam satu masa dalam persidangan itu, mungkin ada Menteri Besar *question time*, khusus kita hendak bertanya Yang Amat Berhormat tentang isu-isu semasa seperti mana Parlimen dan *Minister Question Time*. Itu juga menarik Yang Berhormat, itu juga satu perkara pembaharuan, penambahbaik di dalam Dewan. Jadi, hari ini kalau kita buat keputusan spontan begini, kerana biasanya pengalaman kita dahulu, kalau kita ada lebih masa, kita akan tamatkan persidangan lebih awal. Maknanya pukul 4.00 kita dah selesai kita, kerana banyak urusan-urusan lain juga boleh kita buat. Jadi, ini satu perkara yang besar Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat pinda sahaja tukar masa pukul 11.00 saya mengesyorkan, mencadangkan supaya bincang di peringkat Jawatankuasa yang akan dibentuk. Semua parti ada wakil nanti. Kita boleh tukar-tukar pandangan dan dapat kita buat satu keputusan dan akhirnya kita cadangkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Tidak adil Yang Berhormat kalau kita *just* terus alih-alih Yang Berhormat buat *ruling* hari ini pukul 11.00. Terima kasih.

YB Speaker : Masa lebihan itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya saya rasa perkara ini sebenarnya tidak melibatkan sangat tentang Jawatankuasa Peraturan Tetap, di mana Peraturan 15, berkenaan dengan susunan perkara-perkara mesyuarat ianya hanya menetapkan apakah susunan, tetapi tidak menetapkan peruntukan masa. Maka, cadangan yang saya buat tadi adalah dengan harapan bahawa dengan menggunakan budi bicara Tuan Speaker, untuk panjangkan sesi soal jawab untuk hari ini. Kalau boleh, esok juga. Yang memandangkan bahawa waktu, masa untuk perbahasan masih ada cukup untuk kita panjangkan untuk sesi soal jawab. Dan, mungkin ada cadangan kata, ok mungkin lepas ini kita bagi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat lebih masa untuk berucap, tetapi itu tidak berlaku adil kepada yang telah berucap, di mana mereka dihadkan 15 minit sahaja. Dan, begitu ketat Tuan Speaker mengawal masa itu. Maka, saya harap cadangan saya ini dipertimbangkan atas budi bicara Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya, terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberikan tadi ya. Saya memang tertarik dengan pendekatan memberi ruang Menteri Besar *time* ataupun kita bagi ruang kepada Menteri Besar untuk menjawab isu-isu itu. Tetapi itu, saya kira boleh di bincang nantilah dalam jawatankuasa pilihan untuk melihat kesesuaian di situ ya. Tetapi saya melihat pada waktu ini, lebihan masa itu harus dimanfaatkan untuk kebajikan rakyat melalui jawapan-jawapan daripada para EXCO. Di sana ada ruang-ruang lagi soalan tambahan yang memerlukan lebih lagi penelitian ya. Sebab kita ada 2 jam 50 minit ya. Tapi ini untuk persidangan kali inilah. Akan datang kita lihat dari masa ke semasa lah bagaimana keperluan itu, ruang itu ada. Untuk kali ini kita bagi lagi untuk sampai pukul 11.00. Tetapi akan datang kita lihat lagi keadaan bagaimana. *So,* fleksibiliti ini akan memberikan akhirnya kepada rakyatlah. Dan, saya kurang setujulah untuk kita tamatkan awal kerana kita telah memang diperuntukkan masa sehingga pukul 5.00 petang ya. Ok. Jadi, saya kira beginilah, maknanya kita untuk kali ini, persidangan kali ini, oleh kerana ada lebihan masa 2 jam 50 minit, kita sehingga pukul 11.00 pagi. Ok? Muktamad ya.

Seterusnya soalan lisan. Yang Berhormat Stulang. Jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.
Apakah tindakan atau arahan baru daripada kerajaan berkenaan dengan bangunan/pejabat sama ada kekal atau tidak yang terletak di atas tanah Kerajaan Negeri atau PBT yang masih dijadikan pejabat UMNO/MCA/MIC/BN?

YB Speaker : Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Bismillahirahmaannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam harapan dan selamat pagi. Yang Berbahagia Tuan Speaker, Stulang memajukan soalan mengenai status bangunan pejabat politik yang dibangunkan di atas tanah kerajaan negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri tidak memberikan kelulusan kepada mana-mana parti politik sama ada daripada kerajaan, parti kerajaan atau pun pembangkang untuk membina, menduduki atau menggunakan bangunan kerajaan di atas tanah kerajaan. Ini sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara, KTN 1965, yang menyatakan bahawa balai raya, dewan raya, kawasan lapang, tanah perkuburan dan lain-lain kawasan untuk kegunaan awam adalah diwartakan di dalam Seksyen 62 KTN. Walau bagaimanapun tidak dinafikan terdapat pertubuhan bukan kerajaan atau NGO yang menggunakan manfaat kebenaran kerajaan ini bagi tujuan politik. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan Pejabat Daerah telah menegaskan supaya premis kerajaan tidak disalah guna bagi tujuan politik seperti yang telah lama dipraktikkan sebelum ini.

Kalau ada premis-premis yang masih digunakan untuk tujuan politik, kelulusan asal yang diberikan kepada NGO tersebut wajar ditarik balik. Kerajaan negeri melalui pentadbiran tanah Johor akan membuat semakan terperinci sekiranya terdapat mana-mana aduan berhubung pembinaan bangunan kekal atau sementara di atas mana-mana tanah kerajaan negeri yang tujuan dijadikan pejabat mana-mana parti politik. Dan, sekiranya bangunan-bangunan tersebut di bina atas tanah kerajaan negeri atau tanah rizab tersebut tanpa sebarang kelulusan daripada pihak berkuasa negeri, maka ia adalah satu pencerobohan tanah kerajaan dan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 425 Tanah Negara atau KTN, dari segi penggunaan bangunan awam kerajaan bagi aktiviti berunsurkan politik, ia adalah terbuka untuk kegunaan semua pihak. Dan, ini termasuk kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Ia sejajar dengan hasrat kerajaan supaya setiap kemudahan yang telah disediakan dapat digunakan secara optima untuk faedah rakyat.

Sehubungan itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian boleh memohon kepada PBT yang berkenaan untuk menggunakan kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya kemudahan awam tersebut digunakan bagi tujuan perjumpaan atau pun perhimpunan yang melibatkan aktiviti penyampaian ceramah perlulah mendapatkan kebenaran dan persetujuan pihak Polis DiRaja Malaysia. Terima kasih.

YB Speaker : Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan jawapan yang diberikan. Sebelum soalan saya, tambahan saya, izinkan saya memberikan sedikit gambaran juga tentang apa yang berlaku sekarang. Adalah kita boleh lihat banyak penggunaan tanah kerajaan untuk menjana pendapatan sendiri terutamanya daripada di kalangan-kalangan pemimpin Barisan Nasional, di mana mereka membina kedai di tanah kerajaan tersebut. Buat bilik untuk sewa kepada pekerja asing pun ada. Jadikan sebagai pejabat kemudian sewa kepada orang, ada juga gerai makanan. Kemudian ada juga kontena-kontena yang diletakan di situ dan kebanyakan mereka masih berselindung di belakang nama NGO atau persatuan di mana pengerusi-pengerusi adalah di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Dan, ada juga pengalaman saya adalah dengan sinisnya mereka memberitahu bahawa kepada saya mereka cakap, ini duit untuk pembinaan bangunan tersebut adalah daripada Ahli Parlimen atau pun Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi,

YB Speaker : Soalannya Yang Berhormat.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih, sekejap ya. Jadi, dengan sinisnya mereka mengatakan peruntukan itu daripada Ahli Parlimen mereka, jadi mereka ada hak yang total untuk pakai. Jadi kita tidak boleh mempersoalkan penggunaan tersebut. Jadi, saya hendak tanya, memanglah hasrat kita untuk melihat supaya kita kerajaan mengambil balik semua premis tersebut untuk kepentingan rakyat. Dan soalan saya adalah adakah kerajaan lepas pernah mengurniakan tanah kepada pejabat-pejabat parti Barisan Nasional? Terima kasih.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Berdasarkan rekod Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di pentadbiran tanah, terdapat 15 plot tanah dikurniakan kepada UMNO, MCA dan MIC dengan jenis kegunaan bangunan. Namun demikian terdapat sebahagian daripada bangunan pejabat parti komponen Barisan Nasional yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC yang dibangunkan atas tanah kurniaan kerajaan.

Tanah-tanah tersebut telah dikurniakan mengikut peruntukan Seksyen 76 KTN. Secara umumnya, mana-mana tanah yang telah dikeluarkan dokumen hak milik atau geran adalah tertakluk kepada prinsip *indivisible* atau tidak boleh disangkal. Walau bagaimanapun, tindakan perampasan tanah boleh dilaksanakan sekiranya cukai tanah tidak dibayar ataupun berlaku perlanggaran syarat tanah yang berterusan setelah notis untuk meremedi pelanggaran syarat tersebut tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan.

Saya bagi senarai pemilikan tanah, pemilikan hartanah berdaftar di bawah pertubuhan parti politik untuk makluman Ahli-Ahli Dewan ini:

1. Tanah plot 10056 Mukim Bandar, kategori penggunaan bangunan bagi UMNO Bahagian Batu Pahat, keluasannya 5,029 meter persegi;

2. PTB 299 Mukim Jelutong, keluasannya 760 meter persegi, kategori kegunaan adalah bangunan Bahagian Gelang Patah, UMNO Gelang Patah;

3. Lot 45131 Mukim Tebrau, 2600... 2,063 meter persegi, kegunaan bangunan UMNO Bahagian Tebrau;

4. Lot 62 Mukim Bandar, Kulai, 148.7 meter persegi, kegunaan bangunan UMNO Bahagian Kulai;

5. Mukim Batu 6, PLO 94, 185.806 meter persegi bangunan UMNO Cawangan Batu Anam, Segamat;

6. PTB 86, Mukim Minyak Beku, 122 meter persegi bangunan UMNO Cawangan Senggarang;

7. Lot 1377 Mukim Pengerang, 156 meter persegi, bangunan UMNO Cawangan Sungai Rengit, cawangan dia pun dapat;

8. PTB 16413 Mukim Bandar Tangkak, bangunan UMNO Bahagian Ledang;

9. PTB 16414 Mukim Bandar Tangkak, 143 meter persegi, bangunan UMNO Bahagian Ledang;

10. Lot 1727 Mukim Bandar Maharani 1885 meter persegi, bangunan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO);

11. Lot 780 Mukim Bandar Maharani, bangunan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO);

12. PTB 12642 Mukim Bandar Johor Bahru, 5577.706 meter persegi, bangunan Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor;

13. Lot 12976 Mukim Chaah Baru, 247 meter persegi, bangunan MCA;

14. Lot 1343 Mukim Bandar Batu Anam, 975 meter persegi, bangunan MCA Cawangan Batu Anam;

15. Mukim Pengerang, PTD 1012 344 meter persegi, MCA Cawangan Pasir Gogok, Pengerang, Kota Tinggi;

Terima kasih Tuan Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat MIC tak ada?

YAB Menteri Besar : Dalam proses barangkali. Saya belum nampak fail tu lagi. Kalau ada mungkin... yalah kita ni kadang-kadang fikir baik aje kan.

YB Speaker : Tenggaroh.

YAB Menteri Besar : Mungkin saya boleh apa, fikir-fikirkan...

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan. Saya hanya nak tau, tahun bila benda-benda ini dikurniakan, tanah-tanah ini dikurniakan, tahun yang dikurniakan?

YAB Menteri Besar : Ada sebahagian daripadanya dah melebihi 10 tahun, ada sebahagian daripadanya dah melebihi 20 tahun. Saya tidak ada dapat rekod tetap. Kadang-kadang dia dah duduk lama, tetapi dia buat bangunan selepas 10 tahun. Jadi sebelum itu dia *illegal* lah. Macam setinggan lah. Maklum sajalah pada ketika itu kerajaan, siapa yang nak ambil tindakan? Duduk tu lebih lama daripada mohon.

YB Speaker : Kerajaan pun duduk jadi setinggan juga Yang Berhormat? (Dewan ketawa).

YAB Menteri Besar : Lebih daripada itu dulu pun ada. Ya terima kasih.

YB Speaker : Ya, Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Speaker. Terima kasih soalan yang *detail* dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di kawasan Yong Peng, di Pekan Yong Peng, nampaknya Jalan Templer, ada satu bangunan MCA yang begitu lama berdiri sama dan satu bangunan MIC di depan Majlis Daerah Yong Peng. Jadi mintak Kerajaan Negeri telitikan *detail-detail* dia. Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Ya saya akan ambil perhatian dan saya akan menghubungi pihak Pejabat Tanah dan Daerah Batu Pahat untuk mendapatkan *detail* dan saya akan berikan segala *detail*nya kepada Yang Berhormat Yong Peng nanti. Terima kasih.

YB Speaker : *Last* Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah adakah permohonan-permohonan yang dibuat oleh parti-parti politik ini tidak mengikut peraturan, melanggar peraturan atau pun syarat-syarat permohonan atau pemilikan bagi tanah-tanah

yang dimiliki? Dan, adakah juga ini bererti bahawa Yang Amat Berhormat bermula daripada hari ini tidak akan, kerajaan tidak akan melayani sebarang permohonan daripada parti-parti politik untuk memiliki tanah?

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Ya. Saya akui segala permohonan yang lepas itu mengikut peraturan sebagaimana sedia maklum, mohon melalui Pejabat Tanah dan Daerah yang dibawa perakuan itu kepada PTD, lepas tu PTD buat perakuan pergi ke Hasil Bumi dan juga Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan dan sebagainya. Kita teliti benda itu ikut peraturan, tak jadi masalah. Saya tidak pertikaikan soal peraturan. Saya katakan tadi dah duduk 10 tahun, tetapi selepas 10 tahun baru mohon. Bermakna awal tu *illegal*.

Ada satu tanah bangunan UMNO yang sehingga hari ini pun masih status dia tak tahu lagi. Tetapi *still* dengan izin, memungut sewa. Bangunan UMNO Sungai Segget, dah ada 2 bangunan, yang hari ini ada bank CIMB. Itu tanah bandar raya punya tetapi bangunan UMNO. UMNO pungut sewa daripada bank CIMB, sedangkan UMNO dan juga Perhubungan UMNO Negeri dah ada bangunan di Jalan Ariffin di Yahya Awal. Itu sebab saya katakan tadi *illegal*. Ikut permohonan memang saya akui selama ini mana-mana tanah yang sudah pun dikurniakan kepada parti politik khususnya UMNO, MCA dan MIC mengikut peraturan. Itu saya tak pertikaikan.

Jadi untuk kerajaan yang ada ni, kita menerima permohonan daripada parti-parti politik, tetapi dasar yang ada pada kerajaan pada hari ini kita kalau UMNO, MCA nak mohon boleh, ikut prosedur ni. Sama ada lulus tak lulus, *is* dengan izin, *is beyond my control, alright*. Tetapi dasar kita hari ini, kita tak menggalakkan parti-parti politik untuk memohon tanah. Sebab parti-parti politik ini dia boleh menggunakan cara-cara yang lain. Melalui pengalaman yang lepas pun, parti pembangkang dia tak ada tanah pun, contohnya macam Parti Pakatan Harapan menumpang ataupun menyewa rumah kedai pun, kita berjaya meraih kemenangan. (Dewan bertepuk). Betul tak? Dapat menubuhkan kerajaan. Tak semestinya kita dapat tanah kita dirikan bangunan, orang sokong kita, tidak. Pejabat saya, sewa 5, 6 ratus sahaja, orang ramai datang. Betul tak?

YB Speaker : Tapi dalam pembangkang dulu ramai yang tidak banyak... atas kereta aje Yang Berhormat.

YAB Menteri Besar : Ya.

YB Speaker : Dulu pejabat kawan-kawan daripada pembangkang ini atas kereta aje pejabat sebenarnya.

YAB Menteri Besar : Atas kereta, lori buruk, van buruk. Betul tak? Saya setuju apa yang Yang Berbahagia Tuan Speaker cakap tadi. Asas... itu sebab kita tak mahu hak rakyat kita ambil, kita rampas, kita rompak. Kalau hak tu hak rakyat, hak untuk tanah itu didirikan sekolah ke, masjid, kita bagi benda-benda yang macam ini. Jadi dasarnya kita tidak melayan sangatlah kalau ada parti-parti politik yang nak memohon tanah. Tetapi kalau nak memohon juga, ikut prosedur, kita terima. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Kita akan meneruskan untuk ke soalan yang seterusnya. Sebelum tu saya dapat sedikit makluman bahawa terdapat pemerhati daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia Negeri Johor seramai 18 orang yang diketuai oleh Ketua Penerangan PPBM Negeri Johor. Terima kasih kerana sama-sama di dalam Dewan ini ya.
Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memperkasa sekolah tahfiz di Negeri Johor.

YB Speaker : Sila Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, pertamanya saya ingin menyampaikan ucapan salam dengan lafaz Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh daripada Yang Berbahagia Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Pendidikan yang sekarang ini berada di tanah suci. Terima kasih kepada soalan daripada YB Machap.

Adalah diakui bahawa terdapat banyak madrasah tahfiz yang wujud bukan sahaja di Negeri Johor, bahkan di seluruh negara, yang bilangannya sejak kebelakangan ini semakin bertambah tahun demi tahun. Ini berpunca daripada kecenderungan para ibu bapa yang begitu minat dengan silibus yang disediakan di madrasah-madrasah tahfiz yang berfokus kepada penghafalan Al-Quran dan pembentukan sahsiah unggul sebagai seorang Muslim. Di samping itu, tidak ketinggalan juga terdapat beberapa buah madrasah tahfiz yang turut menawarkan, malah pelajaran kebangsaan dalam bidang akademik sehingga di peringkat tingkatan 5 bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun SPM.

Menyedari hakikat ini, kerajaan negeri mengambil sikap akan terus memastikan kewujudannya benar-benar memberi manfaat yang besar kepada golongan sasarannya iaitu para pelajar itu sendiri. Oleh itu, pemerkasaan secara teratur dan berhikmah merupakan langkah yang akan diberi perhatian tinggi termasuk pemerkasaan daripada sudut pengurusan institusi berkenaan, kurikulum yang digunakan dan hala tuju pembelajaran di samping aspek-aspek lain yang berkaitan seperti keadaan fizikal bangunan atau premis yang digunakan, termasuk logistik, keselamatan, perhubungan sosial dan sebagainya.

Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui agensi yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan mengambil tindakan sebagaimana berikut:

1. Memastikan hanya madrasah tahfiz yang benar-benar mengikut garis panduan pengurusan sahaja yang akan didaftar dan diberikan kebenaran untuk beroperasi di negeri Johor.

2. Memberi lebih bimbingan, khidmat nasihat dan latihan kepada para pengusaha madrasah tahfiz dan guru-guru dalam aspek-aspek tertentu yang utama.

3. Menyalurkan bantuan-bantuan dan sumbangan-sumbangan tertentu bagi menambah baik pengurusan dan juga prasarana sekolah. Dalam hal ini, kerjasama daripada pihak luar bukan kerajaan akan diwujudkan secara kolaborasi.

4. Menyediakan modul pengurusan madrasah tahfiz yang *standard* yang boleh diguna pakai oleh semua madrasah bagi tujuan penyelarasan dan pengiktirafan Sijil Setara yang akan dikeluarkan.

Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri secara bersungguh-sungguh untuk memartabatkan industri tahfiz ini khusus di negeri Johor sebagai salah satu pusat atau tampuk menimba ilmu yang berwibawa, komprehensif serta dipercayai dan disenangi oleh masyarakat terutama warga yang beragama Islam. Untuk itu, kerajaan negeri kini dalam perancangan untuk menubuhkan madrasah tahfiz yang diurus sepenuhnya oleh kerajaan negeri di beberapa buah daerah terpilih. Dengan tertubuhnya madrasah tahfiz itu diharap ianya akan menjadi model kepada madrasah-madrasah tahfiz swasta yang lain yang ada di negeri Johor khususnya. Terima kasih, Yang Berhormat.

YB Speaker : Terima kasih, Machap ada soalan tambahan. Silakan.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Terima kasih kepada ulasan yang telah dibuat oleh Wakil daripada EXCO tadi. Cuma Machap ingin mendapatkan penjelasan, ada atau tidak madrasah ada di negeri Johor ini yang masih lagi tidak mendaftar dengan Jabatan Agama Islam ataupun Jabatan Pendidikan Negeri Johor sehinggakan madrasah ini beroperasi tanpa garis panduan daripada Jabatan Agama Islam mahupun Jabatan Pendidikan Negeri Johor di mana kemungkinan bila tidak mendaftar, mereka akan mengajar pelajar-pelajarnya dengan menggunakan cara silibus atau pendekatan yang berbeza dengan madrasah yang berdaftar dengan Jabatan Agama mahupun Jabatan Pendidikan Negeri Johor? Terima kasih.

YB Speaker : Sila Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Terima kasih di atas soalan tambahan daripada YB Machap. Setakat ini yang dimaklumkan kepada saya terdapat 101 buah tahfiz swasta di negeri Johor dan mereka dalam proses pendaftaran kerana mereka tidak boleh beroperasi sekiranya tidak mengikut lunas-lunas peraturan yang telah disebutkan sebentar tadi.

YB Speaker : Seterusnya, soalan seterusnya. Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.
Minta dinyatakan dengan isu lambakan pekerja asing yang menjadi topik utama kepada kerajaan dahulu oleh pihak kerajaan sekarang, sejauh mana telah dilakukan dalam menangani isu lambakan pekerja asing?

YB Speaker : Sila Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam harapan. Terima kasih Sungai Balang atas soalan tadi. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia, sejak peralihan kerajaan yang baru, kerajaan Pakatan Harapan usaha untuk memastikan mandat kerajaan dapat dipenuhi terutamanya menyediakan 200,000 peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat negeri Johor dalam 5 tahun akan datang. Kebergantungan terhadap pekerja asing oleh majikan perlu diminimakan secara berperingkat. Sebagai unit yang berperanan dalam mengadakan koordinasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam pembangunan modal insan negeri Johor, penstrukturan, hala tuju unit Swadaya Insan Negeri Johor, SIJ telah dibentuk dengan beberapa teras utama termasuklah dalam mengurangkan pekerja asing terutamanya pekerja asing tanpa izin, PATI. Kita telah mengadakan sindikasi dengan beberapa pihak seperti Pusat Pelaburan Negeri Johor, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, YPKDT pada bulan lepas berkaitan dengan perancangan, *planning*, gerak kerja mengurangkan kebergantungan pekerja asing dengan pembangunan modal insan negeri Johor. Hasil sindikasi memberi beberapa ruang, peluang kepada Unit Swadaya dan agensi-agensi tersebut untuk bentuk inisiatif seperti :

1. Galakan kepada pelaburan perdominasi teknologi tinggi atau automasi berbanding berintensif buruk.

2. Pelaksanaan sistem bersepadu dalam memperkemaskinikan pengurusan, pengambilan kerja asing.

3. Penambahbaikan kepada polisi dan dasar perundangan yang sedia ada dan juga mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja mahir daripada golongan-golongan seperti OKU, ibu tunggal dan sebagainya.

Selain itu, koordinasi dalam pengurusan pekerja asing di peringkat negeri Johor telah dimulakan dengan adanya mesyuarat, *task force*, pengurusan pekerja asing negeri Johor bersama-sama dengan wakil-wakil jabatan kerajaan negeri dan Persekutuan. Agensi kawal selia, penguatkuasaan dan industri pada akhir bulan Julai yang lalu. Hasil kajian akhir mengenai keperluan pekerja asing yang dilaksanakan oleh Unit Swadaya telah dibentangkan dan membuktikan keperluan kerajaan negeri untuk mengurangkan bilangan pekerja asing di dalam negeri ini terutamanya di dalam sektor-sektor industri yang berintensif buruk.

Pihak Berkuasa Tempatan perlu diperkasakan sebagai Badan yang berkuasa di peringkat daerah dan negeri selain daripada Jabatan Penguatkuasaan di Jabatan Persekutuan. Manakala, di peringkat Nasional serbuan besar-besaran di sekitar bandar telah giat dilakukan sejak berakhirannya program pemutihan 700,000 pekerja asing pada bulan lalu. Kerajaan negeri Johor menyahut dan menyokong usaha dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ini dan berharap lambakan pekerja asing ini dapat diatasi dengan lebih efektif. Terima kasih.

YB Speaker : Sungai Balang, silakan.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat Tuan Speaker, data dari Kementerian Dalam Negeri setakat 28 Februari menunjukkan terdapat sejumlah 308,197 pekerja asing aktif di negeri Johor. 170,835 pekerja asing sah dalam sektor pembuatan. 54,098 dalam pertanian, 46,260 dalam pembinaan, 6,312 dalam perkhidmatan dan 10,685 pembantu rumah asing. Soalan tambahan saya, memandangkan sektor pembuatan mencatatkan pekerja asing yang teramai, apakah langkah kerajaan negeri untuk mengurangkan kebergantungan sektor ini terhadap pekerja asing tanpa memberikan kesan buruk kepada potensi pertubuhan sektor pembuatan di Johor? Terima kasih.

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Memang sektor pembuatan ialah dikategorikan 3D, iaitu *dirty, dangerous dan difficult*. Dan bidang ini tidak diminati oleh pekerja tempatan. Dan juga, bila projek pembuatan ataupun pembinaan bidang pembinaan itu bila dia habis bekerja yang penting ialah pekerja-pekerja asing mesti dihantar balik. Di sinilah masalah yang terletaknya. Iaitu ramai pekerja asing. Bila tempoh pasport mereka habis, mereka tidak balik, mereka masih tinggal di sini. Dan, untuk makluman Tuan Yang Dipertua,

YB Speaker : Speaker...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Untuk tiap pekerja...

YB Speaker : YB EXCO, tidak ada Yang Dipertua, Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : *Sorry*, untuk makluman Tuan Speaker, untuk tiap pekerja yang sah kita ada 3 pekerja yang tidak sah. Begitulah keadaan di mana PATI, pekerja asing tanpa izin begitu banyak yang ada di sini. Jadi, kita perlu ambil tindakan-tindakan yang tegas mengenai perkara ini dan di kementerian pun, perbincangan pun sedang dilakukan untuk mengendali perkara ini dan kami berharap secepat mungkin, satu tindakan tegas akan diambil. Dan juga, Tuan Speaker, sekarang ialah sebenarnya Rancangan Malaysia Yang Ke-11, mengizinkan hanya 15% daripada pekerja ialah pekerja asing tetapi keadaan yang ada sekarang ialah 43%. Ini menunjukkan betapa serius perkara ini. Jadi, kami harap dengan tindakan-tindakan yang diambil kami boleh tolong kurangkan pekerja asing berperingkat. Terima kasih.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Salam Muafakat Johor. YB Speaker, sebenarnya Unit Swadaya Insan ini telah ditubuhkan pada Oktober 2016. Dan dalam Bajet 2017, telah pun ditetapkan KPI kepada Unit Swadaya Insan dua perkara :

1. Pelan Rasionalisasi Buruh.
2. Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Ini telah pun ditetapkan ketika pemerintahan yang sebelum ini. Dan penubuhan *task force* ini pun bukan sesuatu yang baru. Penubuhan *task force* pekerja asing, di mana Unit Swadaya Insan dengan UPEN menjadi sekretariat di wakili oleh Imigresen, PDRM, Rela, MITI, Johor Investment, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Beberapa kali mesyuarat *task force* ini telah diadakan untuk merangka satu dasar di negeri Johor kerana kita mesti ada dasar di negeri Johor dalam sektor apa pekerja asing harus dibenarkan dan sektor apa yang tidak harus dibenarkan. Kerana pada hari ini ialah rata-ratanya kita dapat lihat ada majikan yang mengambil peluang dengan membawa masuk pekerja asing dalam bidang di mana pekerja tempatan masih lagi boleh diberi gajikan. Perkara yang paling ketara sekali...
YB Speaker : Soalannya ialah?

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ya, *I'm coming to that*. Paling ketara sekali pergi ke mini market. Di kaunter mini *market* pun sekarang kita dapat lihat, pekerja asing yang sebenarnya. Yang *handle* kaunter sedangkan pekerja tempatan masih lagi boleh bekerja sebagai *cashier* di *supermarket* dan sebagainya. Jadi, nampaknya ada *abuse* dalam sistem tersebut. Ada *abuse* dalam sistem tersebut. Jadi, saya percaya Unit Swadaya Insan dengan UPEN juga telah membuat satu *blue print, blue print* berkenaan dengan dasar-dasar baru di negeri Johor yang harus diperkenalkan untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing di negeri Johor, sektor apa yang boleh dibenarkan dan sektor apa yang tidak boleh dibenarkan.
Tetapi Yang Berhormat Speaker,

YB Speaker : Soalannya.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Apa jua dasar yang kita buat, tuan Speaker, apa jua dasar yang kita buat. Kita harus sedar bahawa kelulusan membawa pekerja asing ialah keputusan di peringkat pusat. *One Stop Centre* yang ada di peringkat pusat yang diwakili oleh agensi-agensi seperti KDN, Pertanian dan sebagainya...

YB Speaker : Yang Berhormat kita bukan masa perbahasan.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ya Speaker, betul.

YB Speaker : Soalan tambahan sahaja.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Jadi soalan saya di sini ialah adakah kerajaan negeri Johor yang baru ini telah pun mendesak kerana kita mesti ada suara Johor di peringkat pusat supaya kita dapat tentukan sektor mana harus dibenarkan dan sektor mana yang tidak harus dibenarkan. Jadi saya harap, adakah kerajaan negeri Johor yang baru ini telah pun membuat satu inisiatif sama ada menulis secara *official* oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya wakil negeri Johor dibenarkan duduk dalam jawatankuasa tertinggi supaya apa jua keputusan berkenaan pekerja asing, suara Johor dapat didengar di situ. Kalau tidak, mereka tak akan dengar apa jua yang kita buat.

YB Speaker : Ok, *point taken. Point taken*.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Yang Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Tuan Speaker, apa yang diberitahu tadi ialah menunjukkan kegagalan kerajaan dulu. Kami baru 3 bulan, tetapi...

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Speaker, saya minta maaf. Saya ingin mencelah sedikit. Ini bukan kegagalan..

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Mana boleh celah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Kita tubuhkan...

YB Speaker : Ini *flow, flow*.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : *This is not your floor.*
YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Mana boleh celah.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Kita tubuhkan...

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : EXCO tengah jawab ni.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Swadaya Insan Bajet 2017.

YB Speaker : Diam, diam. Saya minta, saya minta semua duduk. Bila Speaker berucap.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Bila EXCO jawab tak boleh celah.

YB Speaker : Saya ingatkan semula, saya ingatkan semula. Kahang.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Sila duduk.

YB Speaker : Ok, nanti. Minta saya dulu, nanti dulu. Yang Berhormat. Nanti dulu. EXCO minta duduk dulu. EXCO duduk. Saya ingatkan Peraturan 45, berbahas itu kalau seorang YB, Yang Berhormat berucap, seorang lagi kena duduk. Dia tidak boleh dua-dua sekali berucap, itu Peraturan 45 ya. Maknanya kena berturut-turut, seorang bercakap seorang lagi kena duduk, seorang duduk, kemudian bercakap. Jadi, itulah keteraturan kita dalam Dewan. Kalau semua nak berucap, kita kena keluar Dewan lah buat ceramah dekat luar sana, bawah masing-masing. Ok. Sila YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Terima kasih Tuan Speaker, nampaknya pihak sebelah sana tidak mahu terima hakikatnya. (Dewan ketawa). Tuan Speaker, memang perkara ini di *highlight* kepada Kementerian Sumber Manusia. Menteri Sumber Manusia pun datang sekali melawat Johor dan pejabat saya. Saya pun berbincang perkara ini dengan beliau. Bagi pihak negeri Johor, apakah tindakan kami? Itu yang penting.

Tuan Speaker, di pihak kerajaan negeri Johor, kami ada satu unit iaitu Unit Swadaya. Kita melakukan tugas melalui unit ini. Dan, unit ini di struktur untuk lebih efektif. Jadi, hala fokus dan hala tujuan pengurusan dan pembangunan modal insan negeri Johor 2018 secara keseluruhannya adalah, kami ingin membuat beberapa perkara. Satu ialah,

YB Speaker : Yang Berhormat EXCO, soalan dia tadi berkenaan dengan adakah perlu ada jawatankuasa peringkat negeri Johor ini yang masuk dalam mesyuarat jawatankuasa peringkat nasional? Soalan dia tadi itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Tuan Speaker, itu seperti apa saya cakap tadi, kami sudah suara kepada Menteri Sumber

Manusia tetapi beliau pun tidak cadang satu jawatankuasa. Ok. Tetapi apa kita tumpukan ialah menggunakan agensi di bawah kerajaan negeri Johor untuk mengendali tugas ini, ok. Dan, agensi ini di *restructure* untuk jadi lebih kesan iaitu, unit ini akan di perkasakan untuk mengambil penyelidikan dan *survey*, pasaran bagaimanakah di luar sana keadaan sumber manusia, keperluan dan juga latihan di ILP. Nombor dua ialah mengumpulkan maklumat dan mewujudkan 200,000 peluang pekerjaan berkualiti. Nombor 3 ialah mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan pekerja asing tanpa izin di negeri Johor. Dan, nombor 4 ialah memperkasakan kerjasama awam, swasta *Private Public Partnership* dalam agenda membangunkan modal insan. Ini ialah aktiviti-aktiviti atau pun langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Johor untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Dan kami juga memperstruktur dan koordinasi pembangunan kemahiran oleh agensi dan pusat latihan di dalam negeri Johor. Ini ialah langkah-langkah yang kita ambil untuk kawal keadaan pekerja asing di negeri Johor dan juga kami akan *liase* dengan Kementerian Sumber Manusia dalam hal ini. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih. Seterusnya soalan.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Speaker, apakah..

YB Speaker : Ya. Dia dah panjang tadi, soalan tadi dah panjang ya. Kita teruskan kepada soalan daripada Kemelah.

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4, 5 dan 6.

Soalan 4
Bagaimana kita memastikan bahawa pembahagian tanah diberi kepada yang hak menerimanya dan kuasa tidak disalah guna untuk pemberian tanah tersebut?

Soalan 5
Apakah proses sebenar bagi seorang warga bangsa Johor atau yang telah lama berkhidmat dan sekarang bermastautin di Johor memohon tanah?

Soalan 6
Jika terdapat kes pembahagian tanah telah diberi tidak mengikut proses sebenar ataupun telah berlaku salah guna dalam pemberian tanah, apakah tindakan yang wajar diambil?

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada ADUN Kemelah. Yang Berbahagian Tuan Speaker, izinkan saya untuk menjawab tiga soalan Kemelah secara bersekali.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, pentadbiran tanah Johor menjalankan perkhidmatan sebagaimana peraturan-peraturan yang termaktub secara perundangan iaitu Kanun Tanah Negara 1965 dan Peraturan Tanah Johor 1966 (Pindaan Tahun 2004) yang memberi garis panduan dalam perkhidmatan teras pentadbiran tanah termasuk pemberi milik tanah. Umumnya, prosedur pemberi milikan tanah melibatkan 4 peringkat. Iaitu peringkat Pejabat Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Johor, Jawatankuasa Hasil Bumi dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Setiap permohonan tanah yang diterima akan melalui empat peringkat tersebut untuk diproses dan dinilai terperinci sebelum pembahagian tanah diberikan.

Yang Berhormat Kemelah, proses hendak memiliki tanah ini bukanlah mudah. Bagi memastikan tiada ruang untuk disalah gunakan kuasa. Tetapi ini tidak bermakna pentadbiran negeri bersikap selektif terhadap individu atau badan tertentu. Semua pihak boleh membuat permohonan asalkan mereka memenuhi kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan Peraturan Tanah Johor 1966 (Pindaan

Tahun 2004). Proses pertama permohonan hendaklah mengenal pasti lokasi tanah dan membuat semakan dengan Pejabat Tanah Daerah bagi memastikan tanah tersebut adalah tanah kerajaan. Permohonan boleh dibuat sekiranya tiada perancangan pembangunan kerajaan seperti pembinaan rumah mampu milik Johor, jajaran jalan raya, pembinaan projek pertanian dan lain-lain. Kemudian Pejabat Tanah Daerah akan menyediakan laporan dan mendapatkan pandangan jabatan teknikal mengenai kesesuaian sesuatu tanah untuk diberi milik. Kemudian peranan permohonan ini diangkat ke Pejabat Tanah dan Galian Johor untuk disemak kelayakan pemohon dan kesesuaian tanah untuk diberi milik mengikut dasar-dasar semasa pihak berkuasa negeri. Selepas itu, permohonan ini akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Bumi yang dipengerusikan oleh saya sendiri sebagai Menteri Besar Johor sebelum di bawa ke peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor untuk keputusan permohonan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Kemelah juga, hasil semakan mendapati setakat ini tiada penyalahgunaan kuasa berlaku dalam pemberian milik semasa kerajaan Pakatan Harapan. Tetapi sekiranya ada yang terkilan dengan keputusan pihak berkuasa negeri, pemohon boleh membuat rayuan kepada Menteri Besar Johor untuk dipertimbangkan semula. Selain itu pemohon atau pihak yang tidak puas hati juga boleh mengambil tindakan perundangan sebagaimana di bawah peruntukan Seksyen 418 Kanun Tanah Negara 1965. Pentadbiran Harapan juga menegaskan bahawa setiap pemberi milikan tanah telah diproses dan dinilai secara terperinci dan adil. Justeru, bagi mereka yang berjaya hendaklah membayar premium dan cukai tanah dalam tempoh yang ditetapkan sebagai tanda bersyukur dan terima kasih kepada kerajaan negeri. Terima kasih.

YB Speaker : Kemelah, silakan.

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan yang panjang. Tuan Speaker, soalan tambahan saya apakah dasar kerajaan bagi pemberi milikan atau pengurniaan tanah yang telah diusahakan atau dibina oleh masyarakat setempat sekian lama. Terima kasih.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih di atas soalan tambahan. Pencerobohan tanah kerajaan ialah pendudukan di tanah di atas tanah kerajaan secara tidak sah itu tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri. Pencerobohan tanah kerajaan adalah satu kesalahan, di bawah peruntukan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965, di mana jika sabit kesalahan di kenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kerajaan Johor pada masa ini adalah tidak bersetuju dengan pencerobohan tanah kerajaan yang dilakukan bagi tujuan untuk memohon pemberi milikan selepas tempoh tertentu. Jadi, banyak perkara ini berlaku di dalam masa-masa yang lepas, kita akan cuba memantau dengan penguatkuasaan kita yang mungkin kita akan tambah lagi supaya perkara itu tidak berleluasa dari masa ke semasa.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim juga memberi penekanan bahawa tindakan sewajarnya perlu dilaksanakan ke atas pencerobohan tanah kerajaan yang menjadi amalan sebelum ini, dalam memperolehi pengurniaan tanah kerajaan. Maka, pentadbiran tanah Johor dan pihak berkuasa negeri telah mengambil tindakan dengan menolak permohonan pemberi milikan tanah kerajaan oleh penceroboh kecuali yang telah diceroboh atau penempatan yang telah wujud secara berkelompok melebihi 20 tahun. Namun demikian, permohonan-permohonan ini sekiranya dipertimbangkan sekali pun akan tertakluk kepada elemen pengenaan bayaran premium tambahan, penalti ataupun denda. Tambahan pula dengan senario tanah-tanah kerajaan yang semakin berkurangan. Mana-mana tanah yang diceroboh dengan tanaman kekal seperti kelapa sawit misalnya, akan ditawarkan LPS ataupun *tapping right* untuk tempoh tertentu dengan izin.

Walau bagaimanapun pihak berkuasa negeri sangat prihatin dengan keperluan rakyat untuk meningkatkan taraf hidup dengan mengusahakan tanaman sebagai salah satu sumber pendapatan. Oleh yang demikian, pihak berkuasa negeri boleh mempertimbangkan dan memberikan kepada mereka pendudukan secara sah dengan pemberian lesen pendudukan sementara atau LPS, atau pajakan rizab atau pajakan tanah hak milik *State Secretary Incorporated* (SSI) pada mereka yang berkelayakan termasuklah kepada penceroboh itu sendiri.

Kesimpulannya, pihak berkuasa negeri prihatin terhadap keperluan masyarakat setempat dan senario tanah kerajaan yang semakin terhad. Maka, pihak berkuasa negeri telah mempertimbangkan dengan yang sebaiknya dalam memberi milik dan juga mengurniakan tanah kerajaan kepada pihak yang berkelayakan sebagaimana perundangan sedia ada iaitu Kanun Tanah Negara 1965 dan Kaedah Tanah Johor 1966. Tindakan pencerobohan yang boleh, bagi memperolehi tanah perlu dihentikan. Bagi pencerobohan tanah kerajaan yang terlalu lama, pihak berkuasa negeri akan mempertimbangkan sama ada pengurniaan hak milik, pemberian lesen pendudukan sementara atau LPS, pajakan tanah rizab dan pajakan tanah Hak Milik SSI. Ini adalah beberapa pendekatan yang dibuat oleh kerajaan dan dari masa ke semasa kita akan halusi kerana pada hari ini, kita dapati negeri Johor sendiri sudah ketandusan tanah. Kerana sudah banyak pembangunan-pembangunan dalam soal pembangunan perumahan dan kilang dan sebagainya. Bukan itu sahaja, kita juga dalam pendekatan untuk memodenkan pertanian dan penternakan. Maka sudah tentulah kita perlu berjimat dan kita perlu mengenal pasti di mana kalau ada pencerobohan-pencerobohan tanah milik kerajaan ini maka kita perlu ambil semula. Kalau mereka yang menceroboh itu menggunakan tanah itu boleh mendatangkan impak ekonomi yang baik, mungkin kita akan berikan kelonggaran ataupun kalau tidak kerajaan sendiri akan mengambil untuk diusahakan dengan secara yang lebih moden supaya pendapatan negeri kita ini akan bertambah dan ekonomi kita akan kukuh. Maka, Johor akan kita letakkan sebagai negeri yang setiap tahun dalam perbelanjaannya surplus dan kita akan letakkan Johor sebagai sebuah negeri yang berprestasi tinggi di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

YB Speaker : Bukit Naning.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya adalah, adakah terdapat kebocoran maklumat daripada agensi kerajaan yang terdahulu bagi proses permohonan tanah, pemohon-pemohon berkelompok yang lebih 20 tahun dengan nama pengusaha tanah. Terima kasih.

YB Speaker : Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Speaker, kita rasa kawalan untuk kita membendung daripada kebocoran itu di peringkat negeri adalah tinggi. Kita sentiasa berwaspada supaya perkara seperti itu tidak akan berlaku. Tetapi kalau ada perkara-perkara terpinggir yang berlaku, itu mungkin di luar kawalan dan kita akan melihat supaya perkara yang sekecil bagaimanapun tidak akan berlaku seperti itu. Insya-Allah saya akan mempastikan dari semasa ke semasa bahkan saya sendiri pun turun ke pejabat-pejabat tanah dan galian dan juga PTD baru-baru ini, untuk melihat bagaimanakah pendekatan yang dibuat oleh penjawat awam mengendalikan kerja mereka pada setiap hari secara *hands on*. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya dari Sri Medan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan soalan saya soalan yang nombor 7.

Festival Seni Muafakat Johor yang melibatkan pelbagai bangsa, kumpulan seni dan peringkat umur telah berjaya menyemarak Budaya Johor. Adakah Kerajaan baru akan meneruskan usaha positif ini? Apakah inisiatif lain yang akan diambil untuk menyemarak budaya Johor?

YB Speaker : Sila Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Sri Medan, saya ingin menjawab kenyataan beliau semalam dalam masa perbahasan yang menyatakan bahawa saya bukan orang Semerah. Jadi saya ingin maklumkan di sini...

YB Speaker : YB EXCO nanti masa penggulungan ada...

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Sikit aje sikit aje...

YB Speaker : Penggulungan ambil penggulungan... jawapan ini dulu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Saya ingin maklumkan bahawa saya dilahirkan di Jalan Masjid di Kampung Sate dan isteri saya orang Parit Bisu. Jadi saya ini sebenarnya orang Semerah. (Dewan bertepuk).
Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Sri Medan, Festival Seni Muafakat Johor akan ditambah baik bagi memberikan kesan yang lebih besar dan bermanfaat. Pada tahun ini, festival akan lebih memfokuskan kepada aspek tarian dengan dinamakan Festival Tari Rakyat Johor. Terbahagi kepada 4 kategori utama iaitu:

1. Pertandingan Zapin Johor;
2. Tarian Tradisional Melayu;
3. Tarian China; dan
4. Tarian India.

Pada kali ini, terdapat penambahan khas pertandingan iaitu tarian tradisional Melayu di samping mengekalkan tarian zapin dengan beberapa penambahan kategori terutamanya kategori bukan Melayu. Ini bertujuan memberi peluang kepada pelbagai kaum untuk menyertai pertandingan, sekali gus memahami budaya masyarakat Melayu yang merupakan inisiatif khusus kerajaan dalam menyemarakkan budaya Johor dan perpaduan di kalangan rakyat.

Pihak kerajaan tidak menyisihkan muzik dalam budaya masyarakat, sebaliknya akan terus mengangkat muzik ghazal, keroncong, nyanyian lagu asli, gendang 24 China, gendang India dan pertandingan kompang yang akan dirancang dilaksanakan dalam Festival Muzik Rakyat Johor pada tahun 2019.

Penganjuran program sebegini bukan sahaja dapat mengekalkan budaya rakyat Johor serta menambah minat generasi muda, malah pada masa yang sama meningkatkan jaringan perpaduan dan sosioekonomi setempat. Selain itu, pelbagai inisiatif lain turut diambil oleh kerajaan bagi menyemarakkan budaya Johor, antaranya jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti sektor awam dan swasta, pusat-pusat pengajian tinggi, badan bukan kerajaan, orang-perseorangan, tokoh budayawan dan penggiat seni, termasuklah melibatkan kerjasama antarabangsa.

Pelbagai program telah turut dilaksanakan seperti bengkel-bengkel muzik meliputi muzik ghazal, keroncong, nyanyian lagu asli, turut tidak ketinggalan bengkel tari, bengkel kesenian Islam dan bengkel seni teater di semua peringkat. Selain itu, pelbagai pihak turut mendapatkan khidmat tenaga pengajar untuk latihan seni meliputi koir dan nasyid seperti di majlis perbandaran tempatan dan swasta.

Begitu juga dengan program kerjasama antara jabatan seperti pementasan teater Lukman Al-Hakim iaitu hasil kerjasama Yayasan Warisan Johor dengan Jabatan Agama Islam Johor yang akan dirancang dipentaskan pada bulan September ini.

Selain dari dalam negara, terdapat juga permintaan dari negara luar yang berminat untuk mengetahui kebudayaan Johor seperti latihan tari zapin dan muzik ghazal di peringkat antarabangsa seperti diadakan di Bahrain baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Sri Medan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada rakan saya, Yang Berhormat Semerah selaku EXCO Belia, Sukan dan... EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan, Warisan tak ada kan? Pertama sekali saya minta maaflah, saya pun tak tahu asalnya di Jalan Masjid Kampung Sate. Mungkin kalau persempadanan semula PRU15 besok, dah terkeluar kot daripada Semerah. Dah bukan orang Semerah lagi. (Ketawa).

Terima kasih atas jawapan daripada YB EXCO. Saya rasa jawapan yang diberi ini pun, saya tahu disediakan oleh jabatan berkaitanlah. Sama ketika saya menjawab dulu daripada pihak pembangkang pun.

YB Speaker : Pecah, pecah rahsia...

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Cuma saya ada, saya bukan nak kata apa... nak menunjukkan saya lebih faham atau sebagainya. Kita berkongsi maklumat kerana sekurang-kurangnya ia boleh menambah baiklah eh. Mungkin ada program-program tu, mungkin yang saya telah lakukan atau yang belum sempat lakukan. Kerana tak sangka kita hilang kerajaan dalam masa 5 tahun. Jadi apa yang saya nak nyatakan di sini iaitu yang saya maklumlah bahawa di bawah EXCO Kebudayaan ini dia ada 3 pihak yang terlibat, yang penting yang terlibat secara langsung dalam menggerakkan seni budaya dan warisan.

1. Yayasan Warisan Johor;
2. Majlis Kebudayaan Negeri Johor; dan
3. Di bawah Kerajaan Persekutuan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Johor

Dan saya lihat ketika 5 tahun yang lalu, saya telah meletakkan bahawa ketiga-tiga pihak ini, mereka akan.. saya selalu meletakkan harapan agar mereka tidak melakukan program-program yang sama kerana kita khuatir akan berlaku mungkin program yang bertindan. Kalau kata Yayasan Warisan Johor buat zapin, nanti Majlis Kebudayaan Negeri Johor akan membuat perkara yang sama.

YB Speaker : Soalannya Yang Berhormat. Soalannya?

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Soalan dia... baru nak berceloteh sikit. Dari semalam saya tak dapat ruang.

YB Speaker : Kita ni sebenarnya soalan tambahan...

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Ok,ok.

YB Speaker : Bukan perbahasan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Soalan saya tambahan ada 2 tapi saya gabungkan jadi 1. Yang pertama, Festival Seni Muafakat Johor ini pada pandangan Yang Berhormat EXCO akan diteruskan ataupun mungkin kalau diteruskan, adakah selain daripada Festival Seni Muafakat Johor ini ada banyak acara. Yang saya ingatlah kompang, gendang China, gendang India. Dan apa lagi, ada 1 acara saya lupa. Jadi adakah ada tambahan selain daripada acara tersebut, jika Festival Seni Muafakat Johor ini diteruskan. Perkara yang baik saya rasa kena teruskanlah. Saya kagum dengan apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar maklum, yang baik teruskan aje. Saya nak tengok Festival Seni...

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Medan. Biarlah EXCO yang menjawab soalan itu. Ini Yang Berhormat tanya, Yang Berhormat jawab jugak. (Dewan ketawa). Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Yang Berhormat Sri Medan, untuk makluman semua Ahli-Ahli Dewan bahawa telah ada perbincangan, maksud saya saja ke pejabat EXCO, saya telah mengadakan perbincangan dengan pihak Yayasan Warisan Johor, Majlis Kebudayaan Negeri dan Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara untuk membincangkan program-program yang akan kita teruskan untuk tahun ini dan juga tahun hadapan.

Berkenaan dengan Festival Muafakat Johor, saya pun dah beri jawapan tadikan, jadi memang ada penambah-penambahbaikan seperti penambahan tarian tradisional Melayu yang sebelum ini kita ada kita adakan. Dan kita juga kali ini kita akan memastikan tahun hadapan, program ini bukan sahaja kepada budaya Melayu sahaja, tetapi kita akan perkembangkan lebih, juga kepada budaya masyarakat Tionghua dan juga masyarakat India.

Untuk makluman Yang Berhormat Sri Medan, sebagai salah satu usaha kita untuk mengembangkan seni budaya di kalangan anak-anak muda, kita juga akan memastikan bahawa dalam Festival Muafakat Johor yang akan datang, kita akan mula menerapkan unsur-unsur *busking* bersama dengan permainan ghazal untuk memastikan bahawa kita dapat menarik ramai anak muda mendekati ghazal ini. Dan sebagai salah satu usaha, kita di Kerajaan Johor ialah akan memberikan peruntukan RM7,000 kepada setiap daerah bagi kita memberi peralatan ghazal kepada setiap daerah sebagai satu usaha kita mengekalkan permainan ghazal dan pengembangan ghazal. Ini usaha saya bagi memastikan bahawa kita terus dapat mengekalkan tradisi permainan ghazal insya-Allah. Dan seperti yang saya jawab tadi daripada segi Festival Seni Muafakat Johor, kita teruskan mana yang baik sepertimana saranan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan akan kita tambah lagi unsur-unsur yang baru bagi membolehkan kita dapat menarik lebih ramai anak muda hadir di Festival Seni Muafakat Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Sila Buluh Kasap.

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Yang Berhormat Speaker, saya ucap terima kasih dan tahniah kepada EXCO yang memberikan penekanan tentang kebudayaan di peringkat negeri dan daerah. Cuma adakah pihak EXCO bercadang supaya kebudayaan ini diterapkan juga di peringkat sekolah. Kerana kita mendapati bahawa, ambil contoh, tarian zapin dan tarian-tarian lain hanya dimainkan ataupun ditarikan di peringkat daerah dan negeri. Jadi kita bimbang kalau di peringkat asasnya di peringkat sekolah ia akan terkubur. Jadi di peringkat daerah, negeri baru nak dihidupkan semula. Jadi adakah pihak EXCO bercadang untuk diterapkan semula di peringkat sekolah, sama ada menengah atau rendah? Terima kasih.

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Yang Berhormat Buluh Kasap, terima kasih atas soalan tadi. Sebenarnya program perkembangan tarian tradisional zapin ke peringkat akar umbi telah diadakan terutama di kawasan daerah Johor Bahru, kita telah ada program ini. Dan insya-Allah program-program ini akan diteruskan ke seluruh daerah dan insya-Allah di Batu Pahat ianya akan dibuat di Galeri Dato' Onn di kawasan Kelab Golf Batu Pahat.

Insya-Allah saya selaku EXCO hari ini, saya bukan sahaja tumpukan kepada belia dan sukan seperti yang dulu-dulu kita ada fokus, tetapi kali ini saya pastikan kita fokus kepada belia, kita fokus kepada sukan dan kita fokus juga kepada kebudayaan kerana itu adalah amanah rakyat kepada kita untuk menerajui portfolio ini. Sekian, terima kasih.
YB Speaker : Seterusnya jemput Yang Berhormat Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 8.

Terdapat banyak kemudahan awam seperti balai raya, padang futsal, dewan serbaguna, padang sukan, kemudahan sukan dan sebagainya di mana kunci masih dipegang oleh pemimpin BN. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Johor?

YB Speaker : Ok, Yang Berhormat EXCO, oleh kerana tadi Yang Berhormat sebut kita nak banyak soalan kan dalam soalan tambahan. Jadi jawab dengan pendek sahaja. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Itu sebab kalau saya minta panjang, ada *turn* saya untuk jawab.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya berdiri di sini nak jawab soalan bukannya senang sebab rakan-rakan di sebelah sana dia orang kononnya lebih memahami pentadbiran di negeri. Lebih-lebih lagi ada yang pernah duduk sebagai EXCO tetapi apa yang saya nak tekankan di sini Yang Berhormat Speaker, walaupun mereka ada pengalaman dalam pentadbiran, itu mungkin pengalaman lama dan sekarang ini kerajaan baru ada dasar baru. Jadi, sabarlah. Sabar Sri Medan.

YB Speaker : Fokus, fokus kepada jawapan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, pembangunan dan penyediaan kemudahan awam seperti dewan serbaguna, gelanggang dan padang sukan merupakan terjemahan tanggungjawab dan manfaat yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada pembayar-pembayar cukai di kawasan pentadbirannya. Maka pihak PBT sentiasa komited dalam memastikan bahawa hak milik awam ini tidak akan disalah gunakan mahupun dikacau ganggu sehingga menjejaskan perincian dan komponen kemudahan tersebut. Oleh yang demikian, pihak PBT mengambil ketetapan untuk mengawal sepenuhnya daripada segenap aspek pengurusan kemudahan awam termasuklah soal penyelenggaraan, penggunaan, kebersihan, keselamatan dan sebagainya. Dengan kunci setiap daripadanya dikawal dan disimpan oleh pihak PBT sendiri.

YB Speaker : Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih dengan jawapan yang diberikan. Berdasarkan apa yang kita lihat sekarang, masih lagi terdapat sebelum ini banyak juga kemudahan-kemudahan di mana-mana kunci-kunci dipegang oleh pemimpin-pemimpin yang tertentu. Dan, kita tidak juga mahu melihat nanti ada pergaduhan berlaku kerana kunci-kunci tersebut. Dan ada juga kita lihat setengah kemudahan di bawah NGO, di bawah pendaftaran NGO mereka sewa kepada orang dan hasil tidak disalurkan kepada kerajaan PBT. Memang menjadi hasrat kita untuk melihat semua kemudahan ini yang di mana kemudahan ini digunakan adalah duit kerajaan adalah untuk diserah balik kepada PBT untuk mengurus. Jadi, adakah Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan-Kerajaan Tempatan (PBT) yang lain akan mengeluarkan satu surat pekeliling untuk menyuruh mereka menyerah semua kunci-kunci yang belum diserah balik dalam masa satu bulan ke atau dua bulan ke kepada PBT supaya tidak timbul perselisihan kerana bila ada, kami suruh mereka serah balik kepada PBT, mereka suruh tunjuk suratlah dan sebagainya. Cakap yang bukan-bukan dan sebagainya. Jadi, kita nakkan kerajaan supaya PBT keluar surat dalam masa satu bulan ini, kita kutip semua kunci balik di seluruh negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, silakan Yang berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tadi saya telah ikut arahan Tuan Speaker untuk pendek. Jadi sekarang izinkan untuk lebihkan masa, untuk...

YB Speaker : Soalannya serah ke tidak sahaja.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Sebab soalan dia pun panjang.

YB Speaker : Soalan dia memang, itu semua huraian sahaja. Soalan dia, kunci serah ke tidak saja. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebenarnya seperti yang...

YB Speaker : Yang Berhormat EXCO, jangan fikir Speaker tak dengar soalan tau.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Saya dengar panjang, saya ingat semua soalan. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya soalan ini telah saya jawab tadi di mana pihak PBT akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyelenggaraan dan pengurusan kemudahan-kemudahan ini. Bagaimanapun,mungkin berlakunya ada kes-kes terpencil yang mana terlepas pandang. Maka, sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia, ada terima aduan ataupun ada kes-kes yang berlaku seperti ini bolehlah membuat aduan pada PBT-PBT yang berkenaan. Dan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulas sekali dasar kerajaan baru tentang kemudahan-kemudahan awam ini di mana apabila seperti yang saya sebut tadi, kemudahan-kemudahan ini dibina untuk kemudahan dan manfaat semua pembayar-pembayar cukai. Dan, apabila kita mengutip cukai kita tak tanya pembayar cukai itu sama ada sokong BN ataupun sokong PH. Maka apabila penggunaannya, penyewaannya tidak sepatutnya kita tanya kau pembangkang ke pemerintah, tidak patut. Ini berlaku dalam pentadbiran terdahulu di mana apabila Pembangkang cuba menyewa dewan akan ditolak ataupun diberikan apa-apa sahaja alasan untuk menolak permohonan tersebut. Tetapi saya memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa perkara ini tidak akan berlaku selepas ini. Di mana semua pihak akan diberi layanan yang sama dan adil melainkan ada keutamaan diberikan untuk urusan-urusan kerajaan. Itu tak boleh dielakkan. Selain daripada itu, walaupun Pembangkang cuma menyewa dewan-dewan tersebut adalah dibenarkan. Saya ingin tegaskan dalam Dewan yang mulia ini. Maka sudah tentu jika kita berlaku adil kepada Pembangkang sekiranya ada kes-kes seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Stulang tadi saya mohon kerjasama, pulangkanlah kunci-kunci yang dipegang secepat yang mungkin. Kalau bagi saya sebulan dari sekarang pun dah terlewat dah. Sekarang sudah 3 bulan beralih kuasa. Maka benda-benda itu sepatutnya dipulangkan untuk kegunaan semua orang bukan untuk sesetengah parti sahaja.

YB Speaker : Terima kasih.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih juga jawapan oleh YB EXCO. Saya dengar tadi jawapan daripada YB EXCO mengenai menyeru penyerahan balik kunci yang dipegang oleh pihak-pihak tertentu dan saya ingin bertanya apakah tindakan-tindakan atau undang-undang yang boleh diguna pakai sekiranya pihak tertentu tidak mahu menyerah balik kunci tersebut sekiranya surat notis telah di keluar ataupun arahan telah di keluar dan kalau boleh saya minta juga, sebab kita dapati di seluruh negeri Johor ini, 16 PBT terdapat banyak kemudahan-kemudahan awam ini, boleh tak Yang Berhormat EXCO menyatakan bilangan pegangan kemudahan awam yang terdapat di seluruh negeri Johor oleh PBT-PBT yang berkenaan? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Tangkak. Nampaknya masih lagi kita berbolak balik tentang isu kunci. Sebenarnya isu kunci ini senang, kalau kita minta dengan baik, bagi baliklah dengan baik. Ini cara sopan. Kita Bangsa Johor beradat. Kita jangan kasar sangat. Sebenarnya kalau sudah sampai bagi notis ataupun sampai denda, hukum itu tak perlulah sampai tahap itu. Sebenarnya kalau bagi PBT, kalau tak dapat kunci senang sahaja, tukar saja kunci. Cuma kita tak nak berlaku sampai, sampai begitu. Jadi, saya rasa jelaslah, jelas

jawapan untuk isu ini. Cuma kita nak kerajaan baru ini, kita prihatin, yang berlaku secara sopan, menjaga imej Bangsa Johor. Itu sahaja.

YB Speaker : Ok. Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tertarik dengan perkara kecil yang dipanjangkan. Ini bukan soal ghanimah, bukan soal harta rampasan perang. Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam perkara ini pada realitinya, sebenarnya ini perkara ini adalah perkara-perkara sepertimana yang Tuan EXCO nyatakan tadi perkara-perkara terpencil yang tidak berlaku di semua tempat. Pada realitinya saya nak maklumkan Dewan ini, kemudahan-kemudahan awam khususnya di desa-desa tidak dibuat di atas tanah kerajaan yang hakiki. Mereka adalah hasil daripada pemberian orang kampung yang mewakafnya kepada kegunaan awam. Dalam hal ini, saya bersetuju sangat bahawa kemudahan awam adalah untuk kemudahan awam. Yang tidak ada siapa yang terkecuali untuk dibenarkan menggunakannya. Saya setuju agar ianya harus tidak di polemikkan dan ianya yang penting ada bangunan pun kalau bangunan milik balai raya diserahkan kuncinya kepada Pejabat Daerah, siapa yang nak menjaganya? Selama ini pun segala *maintenance* dan juga penjagaannya dilakukan oleh masyarakat setempat. Saya percaya, kalau tidak ada rasa, timbang rasa, rasa berhemah perkara ini tidak timbul. Apatah lagi jangan dibakar dengan dendam kesumat.

Yang Berhormat Speaker, saya percaya perkara ini.

YB Speaker : Saya menarik itu, hujahan itu. Tetapi soalannya apa Yang Berhormat?

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Soalannya, jangan dibesar-besarkan.

YB Speaker : Itu pernyataan. Soalan, soalannya?

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Saya nak, saya tak ada. Kalau tak ada pertanyaan pun tak apa.

YB Speaker : Ini soalan tambahan Yang Berhormat.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Jangan dibesar-besarkan.

YB Speaker : Adakah boleh ia tidak dibesar-besarkan?

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Jangan dibesar-besarkan.

YB Speaker : Ok, *point taken*.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih, terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Semarang atau soalan tadi. Kerana soalan Yang Berhormat Semarang telah saya jawab apabila saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tangkak. Tapi kalau misal kata Yang Berhormat Semarang tadi tidak memberi perhatian ke atas jawapan saya, saya tak ada masalah untuk mengulang sekali lagi. Kerajaan baru, Pakatan Harapan memang tidak akan membesar-besarkan isu ini sampai mengeluarkan notis atau memberikan denda atau hukum, tidak. Sekiranya betul bangunan itu adalah milik PBT dan orang memegang kunci masih degil untuk menyerahkan kunci, tukar sahaja kunci. Itu sahaja, *settle* soalan ini tak ada masalah lagi. Takkan dibesar-besarkan lagi, melainkan orang memegang kunci itu, nak besar-besarkan isu ini. Dan saya rasa pasti, benda ini bukan suatu yang bangga yang boleh dibesar-besarkan. Jadi, *settle* soalan ini kita tak perlu timbulkan soalan ini dalam Dewan yang mulia inilah. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Terima kasih kepada semua. Masa dah lewatlah.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Satu soalan je nak *clear*kan dengan...

YB Speaker : Masa dah lewat.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Tapi nak dapat penjelasan saja sikit. Satu sahaja.

YB Speaker : Ok. *Last*.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Tak ada soalan. Sebab masa dah lewat ini sebenarnya. Kita..

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Sebab saya nak tanya penjelasan. Ok. Penjelasan soalan dia, ada bangunan dalam PBT, tanah milik PBT tapi bangunan itu agen itu *raise fun* untuk bil bangunan tersebut. Dia *raise fun* dia, *public funding* ke, dia ada *raise fun*. So, dia ada rasa *right* sedikit.

YB Speaker : Soalan dia, soalan dia.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Dia ada. *So*, macam mana keadaan PBT masa situasi macam ini.

YB Speaker : Ok. 5 saat sahaja.

YB Pengerusi Jawatankuasa kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh atas soalan itu. Sebenarnya ini pertama soalan ini dah lari daripada soalan pokok. Kedua, soalan ini dah jatuh pada skop lain di mana dia telah berlakunya pencerobohan ke atas tanah kerajaan. Maknanya, ini adalah satu kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara. Sebab pencerobohan kepada tanah kerajaan adalah satu kesalahan dan saya rasa ini tak sepatutnya menjadi satu isulah.

YB Speaker : Saya tertarik dengan ADUN Semarang. Duduk, duduk. Minta duduk, duduk.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Bukan, bukan.

YB Speaker : Minta duduk, minta duduk.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : EXCO tak faham soalan saya.

YB Speaker : Kahang, duduk, Kahang duduk.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Saya bukan cakap pasal cerita...

YB Speaker : Kahang duduk dulu Kahang. Terima kasih Kahang. Duduk dulu Kahang. Saya sebenarnya tertarik dengan *senior* kita daripada Semarang tadi. Jangan dipanjang-panjangkan. Jadi saya rasa itu sahajalah. Ni masa pun kita alhamdulillah pagi ini, dah telah selesai 6 soalan. Satu pencapaian baru kita pagi ini. 6 soalan, pada pagi ini, terima kasih kepada semua. Sekiranya ada soalan yang di senarai, belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Saya tangguhkan Persidangan pagi ini sehingga pukul 11.20 pagi. Sekian, terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.25 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN KE ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan ini kita sambung sekarang. Ada permintaan daripada Permas. Permas sepatutnya *turn* sebelum ini tetapi oleh kerana ada keuzuran dia masuk pada hari ini. Silakan Permas.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Permas mohon maaf, terpaksa bercakap agak panjang dan laju sikit sebab masa sangat mencemburukan. Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Tuan Speaker, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Dato' Osman bin Safian iaitu Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Dato'-Dato', datin-datin, tuan-tuan, puan-puan yang saya kasihi dan hormati. Merafak sembah dan menjunjung kasih ke bawah Duli Tuanku, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas berkenan Tuanku merasmikan sidang Dewan baru-baru ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, titah ucapan Baginda Tuanku semestinya menjadi panduan, peringatan dan pengajaran kepada semua Ahli-Ahli Dewan bahawa titah Baginda merupakan keperhatian di bawah Duli Tuanku agar kita selaku wakil suara rakyat negeri Johor Darul Ta'zim menjalankan pelaksanaan, amanah yang diberikan cemerlang dan terbilang.

Permas dengan sukacitanya dan berbangga untuk julung kalinya mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan Malaysia dan kerajaan negeri yang baru yang diterajui oleh Pakatan Harapan. Permas dengan bangga dan berbesar hati di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Osman bin Sapian sebagai Menteri Besar mengetuai barisan pentadbiran negeri baru. Pengalaman dan ilmu Yang Amat Berhormat yang terlalu luas sebagai Ahli DUN selama 3 penggal sudah pasti mampu mengemudi sistem pengurusan dan pentadbiran negeri Johor dengan sempurna dan lancar.

Permas ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang berada di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini yang telah memberi sokongan jitu kepada pembentukan kerajaan baru. Kami selaku kerajaan baru, tidak akan mensia-siakan harapan semua rakyat terhadap kami.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Permas ingin mengutarakan beberapa isu. Permas yakin bahawa isu-isu yang akan diketengahkan adalah merupakan isu-isu amat penting dan perlu bagi menambahkan kegemilangan dan ketamadunan negeri Johor Darul Ta'zim, khasnya bagi daerah Pasir Gudang.

Pertamanya ialah isu keselamatan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, menurut laporan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), populasi Pasir Gudang adalah sebanyak lebih kurang 380,000 orang, dengan jumlah yang telah mencecah ratusan ribu penduduk, pasti isu keselamatan rakyat menjadi keutamaan pihak kerajaan. Kestabilan, keamanan bagi sesuatu kawasan amat penting bagi segala produktiviti yang terbaik. Hal ini kerana ketenteraman dan ketenangan jiwa melalui jaminan keselamatan yang diberikan kerajaan terhadap rakyat, membolehkan rakyat untuk menyumbang kembali hasil kepada kerajaan.

Rakyat di kawasan Pasir Gudang amat memerlukan kestabilan dalam sudut keselamatan mereka. Hal ini kerana tanpa keselamatan dan kestabilan, pelbagai aktiviti jenayah seperti kes ragut, rogol, rompak bersenjata dan sebagainya berlaku di kawasan Pasir Gudang hingga menyebabkan rakyat Pasir Gudang mengalami kegusaran dan ketidakselamatan jiwa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini,*so*, isu pertama yang ingin Permas ketengahkan ialah isu penempatan balai polis. Balai polis di kawasan Permas seperti balai polis tempat Taman Scientex beroperasi menggunakan rumah komuniti yang disumbangkan oleh pemaju Taman Scientex yang bukan bertapak di atas kawasan khas yang diperuntukkan bagi kebiasaan balai-balai polis yang lain. Tambahan pula, menurut maklumat bilangan anggota polis yang bertugas dalam masa hanyalah lebih kurang 10 orang anggota sahaja untuk mengawal, memantau dan mencegah jenayah di kawasan sekitarnya, menempatkan penduduk lebih kurang 20,000 orang.
Yang Berhormat Tuan Speaker, jumlah anggota polis bertugas yang hanya lebih kurang 10 orang anggota untuk memantau lebih kurang 20,000 penduduk kawasan adalah amat kritikal, bukan sahaja kekurangan jumlah anggota polis yang bertugas tetapi *facility* yang disediakan yang tidak mencukupi seperti kekurangan kerusi pelawat di balai polis, iaitu tidak sampai 5 tempat duduk disediakan dalam satu masa.

Isu-isu yang wujud seperti ini mengakibatkan Balai Polis Taman Scientex terpaksa memohon bantuan Ibu Pejabat Polis Daerah Sri Alam (IPD) bagi membantu rakyat Scientex dalam menangani laporan jenayah yang berlaku di kawasan mereka. Natijahnya, tindakan dan bantuan yang tiba daripada pihak polis, mengambil masa agak lama hingga menyebabkan rakyat merasa tidak aman, selamat, untuk mendiami kawasan Pasir Gudang.

Sub-sub kedua ialah keamanan. Persekitaran faktor utama Permas ialah pencahayaan lampu-lampu jalan kawasan perumahan dan Lebuhraya Pasir Gudang. Masalah yang timbul ialah jarak antara lampu jalan dan terlalu jauh, menyebabkan jarak pemandangan jalan raya menjadi gelap, menjadi malap, hingga mencetuskan kemalangan kepada pengguna jalan raya. Sebagai contohnya, kawasan Pasir Gudang yang mengalami masalah ini. Setakat maklumat yang saya perolehi iaitu Taman Scientex, Jalan Serindit, Jalan Camar, Jalan Helang. Lebih membimbangkan Permas ialah peningkatan aktiviti jenayah seperti jenayah ragut berlaku akibat pencahayaan yang malap. Begitu juga kewujudan pokok-pokok besar yang menghalang cahaya lampu jalan daripada menerangi jalan kepada pengguna jalan raya di kedua-dua kawasan perumahan dan Lebuhraya Pasir Gudang.

Sub yang ketiga iaitu, ketenteraman awam kawasan Pasir Gudang yang menjadi tumpuan sektor-sektor pembangunan perkilangan dan perindustrian. Tidak boleh tidak, mengundang kehadiran para pekerja asing di kawasan Pasir Gudang khasnya kawasan Permas. Golongan pekerja asing ini perlu dikawal, didisiplinkan agar kewujudan mereka tidak membimbangkan rakyat Pasir Gudang. Adalah kita mahu meningkatkan kadar jenayah seperti cabul dan rogol, merompak, samun di negeri Johor Bahru Darul Ta'zim ini berpunca daripada kehadiran pekerja-pekerja asing yang berleluasa di kawalan kerajaan.

Permas mencadangkan, suatu penempatan khas yang disediakan oleh kerajaan untuk mengawal selia pergerakan pekerja asing agar tidak mencetuskan kegusaran terhadap keselamatan dan ketenangan awam. Dalam penempatan khas tersebut, kerajaan perlu menyediakan kelengkapan asas untuk para pekerja asing seperti kemudahan asrama, restoran, surau dan kedai serbaneka. Pergerakan keluar masuk pekerja asing dihadkan dalam waktu dan tempat tertentu yang dikawal oleh anggota keselamatan seperti polis atau RELA. Dengan kawalan sebegini oleh kerajaan Insya-Allah, kawasan Pasir Gudang akan dapat menenangkan jiwa rakyat Pasir Gudang sekali gus menarik para pelabur disebabkan kestabilan keselamatan yang dijanjikan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pendidikan merupakan isu kedua Permas ingin utarakan di hadapan Dewan yang mulia ini. Lahirnya sebuah negara berwawasan tinggi dan bertamadun adalah daripada sistem pendidikan mantap seperti kita ketahui, negeri Johor Darul Ta'zim telah berabad lamanya mengawalkan sistem pendidikan agama yang sistematik, kemas dan teratur. Negeri Johor merupakan satu-satunya negara mempunyai sistem Darjah Khas antara negara yang mengamalkan sistem tulisan jawi. Permas mencadangkan, pengukuhan kedaulatan Islam selaras dengan Senarai 2 di dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan, supaya kerajaan dalam mewujudkan sekolah tahfiz bersepadu kerajaan bagi 25 kawasan DUN Permas Negeri Johor Darul Ta'zim dibiayai oleh kerajaan

yang sepenuhnya kerana kos pendaftaran seorang bagi untuk kita mendaftarkan sekolah tahfiz yang ada sekarang iaitu mengikut sekolah tahfiz swasta memerlukan sekurang-kurangnya RM500.00 sebulan. Sudah pasti bagi keluarga yang jumlah pendapatannya kurang daripada RM3,000.00 sebulan diiktirafkan sebagai miskin bandar, tidak mampu melaksanakan hasrat mereka untuk mendaftar anak mereka ke sekolah tahfiz.

Permas turut mencadangkan, dengan memasukkan silibus pendidikan bahasa Arab, tulisan jawi serta menggabungkan standard sekolah-sekolah kebangsaan ke dalam silibus sekolah tahfiz bersepadu kerajaan. Sudah tentu negeri Johor merupakan antara negeri yang melahirkan golongan tahfiz yang cemerlang dan profesional. Insya-Allah, dengan usaha kerajaan memurnikan kedaulatan agama Islam menerusi kewujudan sistem sekolah tahfiz bersepadu kerajaan, sistem pendidikan negeri Johor pastinya di seluruh dunia.

YB Speaker : Yang Berhormat, ada tiga minit lagi ya.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Ya?

YB Speaker : Tiga minit lagi.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Ok. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan membawa isu kesihatan. Ada 2 sub, ada sub isu yang ingin saya unjurkan, iaitu masalah bilangan jumlah hospital awam dan pengurusan sampah yang tidak teratur.

Peningkatan jumlah rakyat Pasir Gudang dari hari ke hari sudah pasti jaminan penyediaan, *facility* kesihatan amat diperlukan oleh rakyat, khususnya bagi kawasan Pasir Gudang. Secara realitinya, hanya satu hospital awam yang didirikan untuk menampung jumlah penduduk Pasir Gudang yang kian begitu ramai sekarang. Kita digembur-gemburkan dengan majlis pecah tanah bagi pembinaan hospital awam bagi mengurangkan beban Hospital Sultan Ismail (HSI) yang sudah banyak kali dikhabarkan oleh kerajaan terdahulu, malangnya tiada satu projek pembinaan hospital awam yang diadakan.

Tambahan tersebut berjaya dengan jayanya, meskipun sudah dijanjikan kepada rakyat lebih daripada 6 tahun lamanya. Maka, Permas mencadangkan kerajaan yang diterajui Pakatan Harapan untuk menggerakkan projek pembinaan hospital awam diteruskan. Harapan yang selama ini rakyat idamkan dapat dilaksanakan oleh kerajaan baru.

Seterusnya, Permas ingin mengetengahkan isu sampah yang terlalu banyak yang tidak dapat diuruskan dengan sempurna. Permas menerima banyak aduan daripada rakyat Pasir Gudang berkenaan permasalahan sampah seperti kerisauan pelbagai jenis penyakit, kerisauan pelbagai jenis penyakit berpotensi wujud akibat pengurusan sampah yang tidak teratur hingga menyebabkan rakyat Pasir Gudang sengsara dan merana. Justeru, Permas mencadangkan supaya kerajaan membina satu pusat pelupusan sampah utama yang berteknologi tinggi yang belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan negeri di Malaysia ini melainkan di Pasir Gudang, Johor agar pusat pelupusan sampah tersebut bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah timbunan sampah yang tidak terkawal dan terurus, malah pusat pelupusan sampah tersebut mampu menjana hasil kepada kerajaan negeri. Permas yakin kerajaan Pakatan Harapan dapat menyelesaikan segera masalah isu kesihatan yang telah Permas utarakan di hadapan Dewan yang mulia ini.

Dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker, Permas ingin menyatakan sedikit tambahan berkenaan dengan perairan di negeri Johor. Permas mencadangkan agar kerajaan negeri memberikan kelulusan untuk mengutip cukai bagi kesemua aktiviti marin di dalam had tiga batu nautika perairan negeri Johor yang luas bidang kuasa atau tidak dikutip atau tidak diisytiharkan oleh kerajaan persekutuan selaras dengan Senarai 1, Senarai Persekutuan di dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan.

Banyak lagi isu-isu yang ingin Permas ajukan seperti dewan dan sebagainya, rumah mampu milik, namun masa mencemburui kita. Dan di kesempatan ini, di hadapan Dewan yang mulia ini, Permas amat yakin dengan penerajuan kerajaan baru Pakatan Harapan, saya percaya bahawa kerajaan baru ini dapat menunaikan harapan sekali gus memberi sinar keceriaan kepada rakyat Johor, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat daripada Permas yang telah menyampaikan ucapan perbahasannya tadi. Cuma saya ingin maklumkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, di skrin kita sebelah kanan bawah itu, ada kaunter *number*, kaunter minit, nanti bila Yang Berhormat berucap, nombor tu akan menurunlah daripada 15 minit sehingga ke 0. Jadi boleh lihat sendirilah berapa minit berbaki menerusi skrin di hadapan Yang Berhormat. Seterusnya, saya persilakan YB Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan rundingan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Pertama-tamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih pengundi yang mengundi saya dalam pilihan raya yang lepas. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih pengundi yang tidak mengundi saya tetapi membenarkan saya sebagai salah satu pilihan kepada mereka. Sebagai ADUN mengkibol, saya Wakil Rakyat kepada semua pengundi. (Dewan bertepuk). Isu-isu yang akan Mengkibol bangkitkan dalam Sidang Dewan yang mulia ini adalah seperti berikut:

a. Integriti pengurusan kewangan kerajaan dan syarikat pautan kerajaan (GLC).
b. Penyiasatan dan audit projek-projek kerajaan lama.
c. Isu-isu tempatan di kawasan DUN Mengkibol.

Dalam Titah ucapan Tuanku Sultan Johor, Tuanku telah bertitah bahawa perkara utama Tuanku tekankan adalah pengurusan kewangan kerajaan. Perenggan 14. Mengikut Laporan Kajian Bank of America, Malaysia dapat menjimatkan RM10 bilion melalui penjimatan dalam pentadbiran kerajaan dan pembasmian rasuah. Tuanku juga bertitah bahawa kerajaan mestilah berusaha untuk mencapai lebihan hasil dan mengekalkan prestasi kemajuan ekonomi, perenggan 15 dan 17. Di Johor, GLC memainkan peranan yang penting dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan juga ditubuhkan untuk membangunkan bidang-bidang penting dalam negeri Johor seperti bidang pendidikan, hartanah dan perubatan agar rakyat boleh menikmati perkhidmatan dan kehidupan yang lebih berkualiti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejak pertukaran kerajaan, GLC di seluruh Malaysia bukan sahaja dilanda dengan masalah peletakan atau pelucutan jawatan pengerusi atau pengarah atau ahli lembaga pengarahnya. Berita terbongkar mengenai ganjaran bulanan atau tahunan pihak pengurusannya juga amat menakjubkan. Contohnya, CEO MAVCOM, gaji bulanannya RM85,000.00. Ini menunjukkan bahawa pelantikan dan pengurusan GLC bawah kerajaan dahulu telah menimbulkan banyak soalan, soalan ketidaktelusan dan ketidakberkesanan. Justeru menjejaskan keyakinan orang awam terhadap pengurusan dan prestasi GLC.

Selari dengan Titah Ucapan Tuanku menekankan pengurusan kewangan dan prestasi kemajuan ekonomi, inilah masa yang terbaik untuk Dewan mempertimbangkan penubuhan satu jawatan khas untuk audit pengurusan dan memantau prestasi GLC, termasuk agensi-agensi kerajaan, badan berkanun dan anak syarikat supaya memberikan kuasa untuk audit operasi, prestasi dan pengurusan kewangan GLC negeri Johor.

Kita juga perlu mengadakan mekanisme penyeliaan GLC agar:

1. Pengurusan GLC boleh berjalan dengan telus dan adil tanpa pengaruh politik.

2. Petunjuk prestasi utama (KPI) dan pulangan atas pelaburan (ROI) boleh ditetapkan mengikut piawaian industri. Untuk menjamin manfaat orang awam di samping memastikan GLC menjalankan tanggungjawab sosialnya (CSR).

3. Jawatankuasa audit ini haruslah berkuasa untuk membuat cadangan pelucutan jawatan seseorang pengerusi atau pengarah atau seluruh lembaga pengarah sesebuah GLC kepada jabatan kerajaan yang memegang ekuiti tertinggi di GLC itu.
4. Jawatankuasa audit ini haruslah berkuasa untuk mendedahkan gaji dan faedah yang diberikan kepada seseorang pengerusi, pengarah dan lembaga pengarah sesebuah GLC.

5. Penubuhan jawatankuasa audit ini akan membasmikan penyalahgunaan kuasa dan kerugian pelaburan kerana operasinya sentiasa disemak.

Sebagai contoh, jika kita rujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara terhadap Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), pada Penyata Pendapatan Tahun 2016, muka surat 5, dia akan tanya, apakah itu lain-lain pendapatan sebanyak RM99 juta? Kerana untung tahunan hanya RM17.4 juta. Maksudnya, jika tidak ada lain-lain pendapatan, Kumpulan YPJ mungkin mengalami kerugian. Dan rizab negatifnya RM14.8 juta dan Kumpulan YPJ jual hartanah, jual loji dan peralatan sebanyak RM55 juta dikreditkan, muka surat 57.

Kita mungkin juga akan tanya, mengapa Kumpulan YPJ menanggung kerugian sebanyak RM112.4 juta di Senai-Desaru Expressway Berhad di muka surat 41. Dan terdapat penghutang perdagangan dihapus kira atau *write off* sebanyak RM8 juta. Alamak!! RM8 juta ini boleh membina empat jambatan jejantas di kawasan saya. Semalam, YB Pasir Raja juga menyebut YPJ, bahawa projek bernilai RM2.7 bilion, iaitu *Johor Eco Entertainment Park (JEEP)* akan dibangunkan di Bandar akademik YPJ Kota Tinggi. Soalannya, mengapa Yayasan yang ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan di bidang pendidikan, muka surat 10, menceburi dalam bidang taman tema?

Malaysian Diaspora atau rakyat Malaysia yang tersebar di merata-rata tempat di seluruh dunia haruslah dijemput balik untuk berkhidmat di tanah air. Saya berharap kerajaan boleh mengadakan strategik khusus demi menyepadankan peluang pekerjaan yang setanding dengan kepakaran mereka, walaupun pada gaji yang mungkin jauh lebih rendah daripada gaji mereka di luar negara. Saya dapati banyak *Malaysian* balik ke Malaysia bawa skim REP (*Return Expertise Program*) tetapi mereka tidak dapat cari kerja yang sepadan walaupun mereka sanggup menerima gaji yang jauh lebih rendah, dan akhirnya mereka terpaksalah pergi ke luar negara semula lagi. Menurut data, Talent Corp, seramai hampir 2 juta rakyat Malaysia bermastautin di luar Negara. 120,000 di Australia, 70,000 di Britain, 60,000 di Amerika Syarikat, 20,000 di Kanada. Kebanyakan mereka adalah profesional di dalam bidang kesihatan, pengeluaran, kewangan, saintifik dan perkhidmatan teknikal yang amat diperlukan. Di antara mereka ada yang telah pun terkenal di peringkat antarabangsa dalam bidang mereka. Bakat-bakat profesional ini boleh dijemput balik dan berkhidmat untuk negara Malaysia baru ini. GLC haruslah bekerjasama dengan semua kedutaan dan konsulat Malaysia di luar negeri, Talent Corp dan institusi lain yang berkenaan. GLC dapat menjemput balik bakat-bakat atau profesional-profesional yang berada di luar Negara secara pro aktif, secara pro aktif demi mempertingkatkan prestasi syarikat masing-masing.

Bahagian B, Penyiasatan dan audit projek-projek kerajaan lama. Satu jawatankuasa khas penyiasatan terhadap pentadbiran, perolehan dan kewangan peringkat kerajaan pusat telah ditubuhkan oleh kabinet pada 30 hari bulan Mei ini dan diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang untuk menyiasat projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan lama. Beberapa kementerian atau jabatan telah disenaraikan untuk penyiasatan. Saya ingin menegaskan bahawa penyiasatan ini bukanlah bertujuan politik seperti yang dijelaskan oleh Tan Sri. *Probe into procurement not a witch hunt*, bukanlah bertujuan politik. Sejajar dengan usaha kerajaan pusat dan juga Titah Ucapan Tuanku bahawa semua kakitangan dan jentera kerajaan supaya sentiasa memberi perkhidmatan yang cemerlang dengan penuh dedikasi dan integriti, perenggan 21. Saya ingin mencadangkan kerajaan negeri untuk menubuhkan

satu Jawatankuasa Khas yang serupa di peringkat negeri untuk menyiasat projek-projek yang dicurigai bawah kerajaan Barisan Nasional Johor yang lepas. Jawatankuasa Khas ini haruslah terdiri daripada individu-individu yang berwibawa dan bebas agar penyiasatan boleh dijalankan dengan adil, saksama dan berkesan.

Selain daripada menyiasat isu yang mengenai kewangan di peringkat negeri, Jawatankuasa ini juga haruslah menyiasat isu-isu kewangan di peringkat Majlis Tempatan sekiranya diperlukan. Salah satu projek gajah putih yang mahal dan harus disiasat ialah projek pusat kontena penjaja, gerai kontena, pusat kecergasan kontena, gym kontena, yang telah dibina tetapi terbengkalai di banyak tempat di Johor. Saya juga mengharapkan kerjasama penuh daripada semua jabatan-jabatan kerajaan yang lebih responsif contohnya Mengkibol ingin sebut dalam ucapan hari ini ialah JPS Daerah Kluang, di mana ia mengambil masa selama 2 bulan, bukan 2 minggu, 2 bulan untuk menjawab soalan memohon maklumat ringkas pengurusan banjir di Daerah Kluang. Dan ini hanya terima selepas Wakil Rakyatnya menghantar dua surat rasmi ADUN Mengkibol dan banyak *whatapps* dan panggilan telefon daripada pembantu saya kepada JPS.

Isu-isu tempatan kawasan Mengkibol terutamanya telah menjadi harapan yang bertahun-tahun di kalangan orang Kluang supaya jambatan jejantas dapat dibina di persimpangan Taman Sam Hoe dengan Jalan Mersing kerana lengkongan sana merupakan kawasan hitam kemalangan maut. Pembinaan ini memerlukan kos sebanyak lebih kurang RM2 juta dan Mengkibol harap projek ini dapat diberi keutamaan.

Kedua, persimpangan Jalan Kampung Majid, Jalan Mersing dekat Econsave merupakan kawasan banjir yang paling kritikal di mana paras air boleh sampai 0.6 meter dan memerlukan penukaran *crossing box culvert* ataupun saliran pembentung dengan secepat mungkin.

Ketiga, saya berharap permohonan tanah penduduk Batu 4, Kampung Mengkibol yang terjejas bawah projek landasan kereta api berkembar atau *double track* dapat dipercepatkan oleh Pejabat Tanah kerana pembersihan tepi landasan telah hampir ke tempat kediaman mereka sekarang.

Keempat, Mengkibol berharap JKR boleh mengambil tindakan segera untuk mengubah suai persimpangan Tol Air Hitam menuju Kluang dari satu lorong kepada 2 lorong disebabkan oleh peningkatan trafik di mana JKR hanya perlu memindahkan lampu trafik di persimpangan yang cukup luas itu dan kesesakan di *bottle neck* itu dapat diselesai dengan begitu mudah.

YB Speaker : Yang Berhormat, ada 1 minit lagi eh.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Kelima, demi menarik pelaburan asing dan memudahkan ibu bapa menikmati waktu keluarga bersama-sama anak-anak mereka, Mengkibol ingin mencadangkan pengembalian cuti mingguan dari Jumaat - Sabtu ke Sabtu – Ahad. Selain daripada itu, untuk menarik pelaburan Mengkibol mencadangkan menubuhkan satu Jawatan Tugas Khas,*Special Task Force* untuk mengkaji dan merangka dasar-dasar atau strategik khusus untuk pelabur *Singapore* dan MNC yang berada di *Singapore* supaya melabur di Johor Selatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cabaran yang paling besar untuk kerajaan baru adalah pembaharuan institusi dan mencipta peluang pekerjaan atau aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkualiti. Untuk mencapai matlamat ini, Mengkibol mencadangkan kerajaan supaya melancarkan program ekonomi di Johor Tengah dan menubuhkan *Johor Information Technology And E-Commerce Counsel* yang serupa dengan SITEX di Selangor. Untuk membangunkan Johor sebagai hab perniagaan *E-Commerce* dan menggalakkan *start up* baru di kalangan pemuda.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ADUN yang berada di sini yang datang daripada pelbagai kaum dan agama. Kepelbagaian, kepelbagaian merupakan aset masyarakat Malaysia yang harus kita hargai. Kita sebagai Wakil Rakyat dan juga para kakitangan kerajaan, kakitangan kerajaan haruslah sentiasa mengingatkan diri kita,kita mempunyai peranan yang besar untuk membentuk masyarakat yang lebih bertoleransi terutama dalam isu-isu yang mudah dipermainkan atau dikelirukan oleh sesetengah pihak. Kita haruslah setia kepada prinsip kita, iaitu demi rakyat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Seterusnya, Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Salam Muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, pertama Panti ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua khususnya Bangsa Johor yang masih setia dan bersama perjuangan Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum Ke-14 yang lepas.

Yang kedua, Panti juga merafak sembah dan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas Titah Ucapan dalam merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-14.

Yang Berhormat Speaker, hari ini Johor diterajui oleh Pakatan Harapan dan bercakap tentang isu ini, isu hala tuju Johor dan ke arah mana negeri tercinta ini dipacu amat penting sekali. Panti menanti dengan penuh minat pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang pelan baru, Pelan Tindakan Johor yang telah ataupun yang dinyatakan di dalam akhbar dan akan diumumkan pada 18hb Ogos ini. Panti bersangka baik khususnya bila merujuk pada nombor 7, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyatakan agar pelan tersebut telah dibincangkan dengan semua pihak. Panti berharap agar pelan baru ini lebih menyeluruh dan tidak hanya seperti melepaskan batuk di tangga. Ini contohnya seperti yang telah Kerajaan Barisan Nasional lakukan sebelum ini, 4 tahun lepas dengan munculnya Pelan Suara Hati Johor yang dilancarkan pada 31 Mei 2014, adalah hasil dari kajian yang melibatkan lebih 5,000 responden Bangsa Johor dan juga pemegang taruh yang lain.

Misi utama Pelan Suara Hati Johor, adalah untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan yang jelas berasaskan hasrat dan aspirasi Bangsa Johor. Seperkara lagi, adalah tentang banyak manifesto kerajaan pusat Pakatan Harapan yang tidak ditunaikan dan tidak dilaksanakan khususnya janji 100 hari. Bagaimana harus kerajaan negeri Pakatan Harapan melakukan intervensi atau desakan tentang isu-isu ini. Contohnya, seperti menghapuskan hutang peneroka FELDA.Ini kerana semua maklum bahawa Johor mempunyai jumlah FELDA yang terbesar, jumlah kedua FELDA terbesar di dalam negara termasuklah FELDA di kawasan saya, di Panti sebagai wakil serta kerajaan yang bertanggung-jawab,Panti berpendapat ianya satu tanggung jawab untuk kerajaan negeri Pakatan Harapan memastikan terlaksana janji-janji ini yang telah diketengahkan.

Yang Berhormat Speaker, merujuk kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, nombor 16 dan 18 dan seperti yang disebut juga oleh Yang Berhormat Buloh Kasap, Panti menyarankan agar pihak kerajaan Pakatan Harapan untuk meneliti dan menilai serta melaksanakan pelebaran Lebuhraya Utara Selatan dari Air Hitam ke Johor Bahru dari 4 lorong ke 6 lorong bagi manfaat semua. Hubungan baik negeri dan pusat seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Ahad perlu dibuktikan untuk tujuan ini.

Nombor 20, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku selari dengan kehendak dan keperluan kami di Panti khususnya, Panti minta pihak kerajaan Pakatan Harapan untuk memantau dan membuat penguatkuasaan perlombongan pasir sepanjang sungai dan juga persisiran sungai yang entah secara sah atau haram. Ini kerana ada aduan dari penduduk khususnya dari Kampung Kelantan, Kampung Panti, dan Kampung Orang Asli Sayong

Pinang tentang perkara ini yang mana ianya tidak terkawal dan menyebabkan tebing, banyak isu alam sekitar dan tebing runtuh dan menjejaskan pendapatan mereka di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Speaker, Johor adalah sebahagian daripada Malaysia dan apa yang berlaku di luar Johor pasti akan juga berlaku sama ada dalam skala kecil atau besar. Hari ini saya mohon untuk pihak kerajaan Pakatan Harapan menyatakan apakah pendirian kerajaan negeri secara rasmi di Dewan yang mulia ini tentang beberapa isu yang bukan sahaja mengancam masa depan generasi kita malah mengganggu gugat agama Islam seperti yang juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penawar, Yang Berhormat Parit Raja, Yang Berhormat Sungai Balang iaitu isu LGBT. Tidak perlulah saya menghuraikan isu ini kerana rakan-rakan lain sudah membahas dengan jelas dan panjang lebar. Cuma pendirian negeri perlu dan perlu jelas tentang perkara ini.

Isu kedua, adalah cadangan yang dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat oleh Timbalan Menteri Kesihatan untuk mewajibkan pesakit yang ingin mendapatkan perkhidmatan di hospital kerajaan menggunakan insurans dan caj RM1.00 dihapuskan. Memang perkara ini masih dalam cadangan tetapi pada saya apabila dalam cadanganlah ianya perlu kita suarakan atau kita bantah supaya ianya tidak berlaku. Saya mencadangkan dan mohon ulasan serta tindakan kerajaan untuk kita dalam Dewan ini,menyatakan bantahan secara rasmi kerajaan negeri Johor tentang dua perkara ini isu LGBT dan juga isu penghapusan RM1.00, caj RM1.00 di hospital.

Yang Berhormat Speaker, isu yang penting yang melibatkan kawasan saya iaitu sebahagian besar warga Panti adalah tentang status penyerahan pentadbiran kawasan KEJORA khususnya di Bandar Tenggara dan Petri Jaya kepada pihak-pihak seperti Majlis Daerah Kota Tinggi, IWK dan lain-lain. Mohon pihak yang terlibat untuk menyelesaikan segera perkara ini. Banyak isu berbangkit seperti isu perjawatan, isu penyerahan fail pegangan dan penyenggaraan aset, isu kesihatan dan perlesenan, isu penyelenggaraan jalan raya, longkang, kumbahan dan utiliti. Isu penyerahan Taman Tasek Bandar Tenggara dan juga isu tentang Air Terjun Gunung Mentahak. Semua ini yang terkesannya adalah warga Panti. Antara akibatnya ialah air kumbahan melimpah, rumput tidak dipotong, kebersihan tidak dijaga dan banyak lagi. Saya bersedia untuk bersama membantu dalam perundingan perkara ini bagi di selesaikan. Cuma, ia perlu dimulai dan diketuai oleh kerajaan atau EXCO terlebih dahulu.

Yang Berhormat Speaker, Panti berpandangan akses wifi*, Johor Free Wifi* perlu diperluaskan lagi dan berharap pihak kerajaan Pakatan Harapan dapat nyatakan komitmen menyediakan kemudahan ini khususnya di kawasan pendalaman seperti di perkampungan-perkampungan Orang Asli seluruh negeri Johor. Di Panti, ada 3 buah kampung Orang Asli iaitu Kampung Orang Asli Sayong Pinang, Kampung Kempas Menang dan Kampung Pasir Intan dan juga kampung-kampung tradisional yang lain. Ini kerana akses kepada kemudahan Internet berkelajuan tinggi memberi peluang bagi mereka didedahkan kepada dunia luar. Dalam artikel yang dikeluarkan oleh Bank Dunia pada Mac 2017, ia telah mencadangkan yang berikut kepada pembuat polisi, Internet haruslah diberikan kepada kawasan sekolah, perpustakaan dan premis kerajaan.

Kedua, ia perlu holistik dan mencakupi semua golongan masyarakat, seperti pendidik, pelajar dan orang tua.

Ketiga, Internet haruslah menjadi satu mekanisme untuk mengupayakan masyarakat. Maka Panti berfikiran bahawa akses Internet merupakan satu bentuk hak asasi manusia berdasarkan artikel tersebut.Ini kerana kemudahan Internet adalah asas dan penting kepada semua. Isu atau perkara yang juga penting dan perlu diambil perhatian serta tindakan pihak kerajaan adalah untuk sentiasa memastikan bahawa khidmat dalam membantu serta menyelesaikan isu rakyat hendaklah sentiasa diambil berat.

Banyak terjadi pasca PRU yang mana perkara ini kurang diambil peduli contohnya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Raja semalam apabila jawatan ketua kampung dilucutkan dengan serta merta dan proses yang memakan masa menjadikan rakyat tidak ada tempat untuk mengadu dan menyelesaikan masalah mereka dengan segera.

Begitu juga apabila pelantikan Ahli Majlis yang asal boleh, ada yang tidak berkelayakan dan tidak mampu memikul tugas dan amanah sebaiknya. Contohnya, di Majlis Daerah Kota Tinggi ada antaranya Ahli Majlis yang berasal bukan dari kawasan Kota Tinggi sendiri. Ini berbeza dengan jawapan yang saya terima secara bertulis pada pagi ini yang mengatakan antara pertimbangan untuk Ahli Majlis adalah peranan mereka di peringkat akar umbi yang diyakini mampu memberi manfaat di kalangan penduduk di setiap kawasan PBT dan saya minta supaya setiap Ahli Majlis yang telah dilantik ini diberi kursus atau latihan bagaimana mereka hendak melaksanakan tanggung jawab mereka dengan sebaiknya.

Yang Berhormat Speaker, akhir-akhir ini berbagai dugaan menimpa bangsa Johor di beberapa tempat seperti ribut, kebakaran dan bencana-bencana lain termasuklah di Panti. Banyak infrastruktur musnah dan tidak dapat digunakan atau perlu diperbaiki. Kerajaan Pakatan Harapan hari ini perlu peka dan Panti mencadangkan agar satu dana bencana dari kerajaan negeri diwujudkan bagi menangani perkara ini, dan boleh dimohon jika berlaku pada masa yang akan datang.

Dalam sektor pelancongan dan bertepatan dengan tumpuan daerah Kota Tinggi, sebagai daerah pelancongan, Panti mohon agar usaha ini dapat dipergiatkan lagi. Bagaimana kita boleh maksimakan potensi pelbagai tempat dan tumpuan khususnya di Panti, contohnya Air Terjun Kota Tinggi, Air Terjun Gunung Muntahak dan juga satu pusat rekreasi di Kg. Lukut itu*, RAF Point Adventure.*

Yang Berhormat Speaker, walaupun perkara ini sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kahang, namun Panti juga ingin bangkitkan perkara yang sama. Ianya berkaitan status *santuary* gajah yang dirancang dan bila boleh disegerakan. Isu gajah liar ini penting kerana ianya menganggu keselamatan dan juga tanaman, khususnya di Kg. Lukut, Kg. Bukit Bintang, Kg. Temenin, Petra Jaya dan sekitar.

Isu seterusnya adalah berkaitan dengan akses warga Panti dengan perkhidmatan awam. Panti mohon untuk pertimbangan kerajaan Pakatan Harapan dalam menyediakan perkhidmatan bas muafakat. Bas Muafakat Johor atau jenama barunya Bas Harapan Baru Johor dari bandar Kota Tinggi ke Kulai yang melalui Bandar Tenggara. Selain itu kos sara hidup yang semakin teruk disebabkan oleh keputusan kerajaan pusat menghapuskan GST. Malahan akan melaksanakan *out dated taxation system* iaitu SST bermula 1 September bakal memberi kesan teruk kepada rakyat di Panti dan seluruh negeri Johor. Atas perkara ini, Panti memohon untuk pihak kerajaan negeri, Pakatan Harapan memperkenalkan usaha-usaha dan *intervensi* yang dapat membantu seluruh bangsa Johor hari ini seperti yang pernah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Antaranya perluasan akses Rumah Mampu Milik Johor, memperkenalkan bas Muafakat Johor dan banyak lagi. Mungkin kerajaan Pakatan Harapan perlu lebih kreatif dalam isu ini selain dari menukar jenama atas usaha yang pernah dilaksanakan.

Yang Berhormat Speaker, bercakap pasal, sebelum Panti mengakhiri perbahasan kali ini, Panti ingin mengulas apa yang telah berlaku semalam. Panti tidak bersetuju dengan Pekan Nanas semalam, tentang isu UEC dan bahasa Melayu kerana bahasa Melayu sememangnya adalah instrumen dan bahasa perpaduan dalam negara kita. Ini berlandaskan beberap perkara dan juga hasil kajian seorang pensyarah, Siti Norayu Mohd, Basir dari Universiti Malaysia Perlis pada tahun 2012 bertajuk ‘Perpaduan etnik menerusi bahasa Melayu’ :

1. Kedudukan Bahasa Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152
2. Toleransi penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat berbagai kaum

3. Bahasa Melayu sebagai lambang jati diri yang dikongsi masyarakat berbilang kaum.

Dan kesimpulannya kajian tersebut menyatakan matlamat bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan telah tercapai dengan penggunaannya yang meluas di Malaysia. Janganlah kita perjudikan perpaduan ini hanya ingin mengikut kehendak setengah pihak. Kita perlulah berlaku adil kepada majoriti, dan mereka yang mengikuti sistem yang telah digunakan sejak lama dahulu. Panti berharap isu-isu dan perkara yang dibangkitkan mendapat perhatian serius oleh kerajaan Pakatan Harapan hari ini. Panti juga sangat berharap jawapan atau penjelasan yang akan diberikan nanti janganlah hanya jawapan mudah untuk melepaskan tanggungjawab seperti ini semua salah Barisan Nasional, akan ambil maklum dan akan dikaji, tetapi hakikatnya hanya sunyi sepi sampai 5 tahun lagi. Panti sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, wabbillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahamatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih daripada Panti. Awal 2 minit. Seterusnya dari Yang Berhormat Serom. Jemput.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Bismillahirahmaanirahim. (Bacaan doa). Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Serom ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan keizinan kepada Serom untuk membahaskan rundingan junjungan kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim...

YB Speaker : Yang Berhormat *mic* tu turun sikit.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Pada Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 ini. Serom juga ingin mengambil kesempatan memulakan perbahasan ini dengan kita bersama-sama merenung sejenak kepada sepotong ayat al-Quran dari surah Annisa' ayat 58 yang bermaksud ' Dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil'. Sifat adil penguasa terhadap rakyat dalam bidang apa pun, dengan tidak membezakan antara satu sama lain dengan yang lain di dalam pelaksanaan hukum akan menjadi amalan kerajaan hari ini Yang dipimpin Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Haji Osman bin Sapian.

Langkah pertama komitmen ini telah dibuktikan dengan pemberian peruntukan pembangunan Pejabat Menteri Besar yang sama bagi semua Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Keduanya, dengan penyerahan bilik ketua pembangkang bermaksud ketua pembangkang kali ini mempunyai biliknya sendiri, iaitu kepada YB Benut. Kedua-dua langkah ini tidak berlaku dalam sejarah kepimpinan Barisan Nasional insya-Allah kita akan terus bukti keterbukaan kerajaan Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, penegasan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, bahawa sejarah perubahan kepimpinan kerajaan negeri Johor yang dilakarkan oleh rakyat dengan izin Allah SWT ini adalah dengan asas dan tujuan yang kekal sama iaitu untuk menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat. Perubahan menyeluruh kepimpinan yang menyaksikan kepimpinan kerajaan Barisan Nasional yang berusia puluhan tahun telah bertukar kepada sebuah kerajaan yang seluruh kepimpinannya adalah muka baru, yang mempunyai inspirasi dan tekad untuk terus membawa, untuk terus membawa harapan negeri Johor dan rakyat Johor menjadi sebuah negeri yang makmur dan sejahtera dengan strategi-strategi terkini bagi pembangunan ekonomi dan rakyat yang menyeluruh dan seimbang. Nilai-nilai kepimpinan baru yang amanah, dan bersatu adalah hasil dari gerak kerja demokrasi wajib memberikan keadilan buat semua rakyat Johor. Suka Serom mengingatkan diri sendiri dan barisan kepimpinan yang baru, dengan izin, *ruling government* bahawa nama dan nilai yang dibawa oleh kita sangat mudah difahami. Dan telah diterima baik oleh rakyat keseluruhannya. Maka, dengan nama dan nilai ini wajib kita jaga dan

terjemah dengan seluruh gerak kerja bagi agenda bagi mengisi kemenangan yang telah dianugerahkan. Inilah isyarat jelas dan langsung dari rakyat untuk kita semua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor yang makmur dan sejahtera adalah citia-cita berterusan kita bersama. Pemimpin dan rakyat Johor bersedia bekerja bersama sekali lagi untuk menjadikan Johor dan Malaysia sebagai sebuah negeri dan negara yang makmur dan dihormati di seluruh dunia, dengan pelbagai pencapaian terbaik. Pencapaian terbaik ini boleh diperolehi dengan izin Allah SWT, dengan gerak kerja berpasukan yang terancang dan seimbang, yang mencakupi pelbagai segmen kehidupan rakyat, baik dari Ahli-Ahli Berhormat Pakatan Harapan mahupun dari Ahli-Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional. Hasilnya telah dan akan terus dinikmati secara bersama juga oleh seluruh rakyat dengan setiap ahli keluarga mendapat pekerjaan dan pendapatan yang baik. Pendapatan yang baik dan tinggi adalah petunjuk dengan izin*, indicator* kepada kemakmuran negeri dan negara. Kemakmuran yang bakal dicapai ini akhirnya nanti wajib memberikan kesejahteraan yang seimbang kepada rakyat. Perkara-perkara berkaitan kebahagiaan, kebajikan dan keselamatan rakyat keseluruhannya, perlu diberikan perhatian serius secara berterusan. Kesejahteraan menyeluruh ini mungkin sukar dicapai, namun ia bukan suatu yang mustahil. Ia mampu dicapai apabila kita semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian mampu mendengar dan terus mendengar denyut nadi sebenar kehidupan rakyat. Kebahagiaan, kebajikan dan keselamatan seluruh rakyat adalah petunjuk, dengan izin*, indicator* penting dalam kita menilai kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Akhirnya kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dapat diukur dan menjadi petunjuk sebenar kepada kejayaan sebuah kepimpinan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon izin mencadangkan kepada kerajaan hari ini untuk mengujudkan satu mekanisme dan formula yang jelas dan mudah agar kemakmuran dan kesejahteraan hari ini boleh diukur dan hasilnya menjadi rujukan kita semua. Untuk perbahasan seterusnya, Serom mohon izin untuk memberi fokus kepada isu-isu tempatan yang berbangkit dan cadangan-cadangan penyelesaian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, banjir yang melanda Mukim Kesang di kawasan Parit Fajar, Parit Rawang Ayah Samad Bumi Hijau khususnya kawasan yang berdekatan dengan Kesang dengan Sg. Kesang pada awal Julai 2018 yang lalu dan berlarutan hingga awal Ogos bagi sesetengah kawasan berhampiran telah mengejutkan banyak pihak. Situasi banjir yang juga dikenali oleh masyarakat di situ sebagai banjir termenung, kerana banjir yang tidak surut-surut untuk satu tempoh. Banjir kali ini meliputi kawasan yang lebih besar dari banjir-banjir yang berlaku sebelum ini. Banyak kebun-kebun kelapa sawit peladang-peladang yang tenggelam dan tidak surut-surut. Isu ini menimbulkan kerisauan yang amat sangat di kalangan penduduk-penduduk. Tinjauan Serom ke seluruh kawasan yang terlibat dan yang terkesan dengan banjir ini mendapati puncanya utamanya, punca utamanya ada 2 iaitu:-

1. Projek pembinaan pintasan banjir dan pintu kawalan pasang surut dan kerja-kerja berkaitan bagi rancangan tebatan banjir lembangan Sg, Kesang yang telah tergendala yang memasuki hampir angka tahun ke 3.

2. Kesan tidak langsung dari projek pelurusan Sg. Kesang itu sendiri.

Punca pertama ini adalah akibat daripada kerja-kerja perancangan yang tidak cekap dan tidak mengambil kira keperluan keseluruhan projek. Apa pun akhirnya, rakyatlah yang terpaksa menanggung akibatnya, urusan harian terganggu, rumah rosak dan banyak peralatan rumah yang terjejas teruk akibat banjir.

Punca yang kedua ialah kesan tidak langsung daripada pelurusan Sg. Kesang itu sendiri. Pelurusan Sg. Kesang telah mengakibatkan aliran sungai yang menjadi lebih laju daripada sebelumnya. Saliran RTB, strategi-strategi untuk mengawal isi padu air yang tinggi pada waktu-waktu tertentu khususnya ketika musim hujan. Kemampuan reka bentuk Sg. Kesang juga, yang sedia ada hari ini apabila siap nanti yang dijangka, maksimum dalam tempoh 2

tahun asih belum tentu kesannya. Oleh itu Serom ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk pihak kerajaan, pihak kerajaan membuat kajian sebagai persediaan awal bagi membina apa yang dipanggil sebagai dengan izin, *water barage,* di mana kawasan-kawasan yang sesuai di sepanjang Sg Kesang yang terlibat w*ater barage* dengan izin ini akan bukan sahaja akan berfungsi memperluaskan, memperlahan aliran sungai malah ia juga akan berfungsi menampung sejumlah isi padu air yang di sepanjang Sg. Kesang sendiri bagi mengelak limpahan air di hujung Sg. Kesang yang berkesudahan dengan banjir seperti yang berlaku baru-baru ini. *Water barrage*, dengan izin, ini juga dapat dimanfaat untuk beberapa tujuan lain bagi manfaat rakyat keseluruhannya. Serom juga menawarkan kepakaran untuk sama-sama membantu mereka bentuk sistem ini berdasarkan kepakaran sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Serom juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pelancaran pengecualian fi, lesen penjaja negeri Johor. Tahniah Yang Amat Berhormat. Ini adalah bukti bagi kemakmuran yang diperolehi oleh negeri Johor hari ini perlu dan akan terus dikongsi kepada segenap lapisan masyarakat. Perkongsian kemakmuran ini termasuklah menyokong rakyat berbilang kaum untuk terus mencari nafkah dengan pelbagai usaha perniagaan. Ramai lagi di kalangan para peniaga dan penjaja yang sedang berusaha keras untuk *survive,* dengan izin, bagi meneruskan perniagaan dalam dunia yang penuh mencabar, seperti kadar sewa premis yang tinggi khususnya bagi mereka yang baru memulakan perniagaan. Kadar gaji pekerja yang tinggi, persaingan yang tinggi, jumlah pelanggan yang merosot dan barangan keperluan bahan mentah yang belum banyak terkesan dengan penurunan atau *zero gst*, dengan izin. Bagi meneruskan perkongsian kemakmuran ini, Serom ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan untuk melihat semula kadar sewa premis yang berpatutan, kepada para peniaga dan penjaja sama ada peniaga pasar malam sehari atau pasar sehari begitu juga pasar bergerak, penjaja bergerak yang terus gigih bersama membangunkan negeri tercinta, walaupun pengecualian fi lesen peniaga telah dilancarkan. Antara usaha yang boleh usahakan ialah seperti memperbanyakkan tapak-tapak khas terbuka, saiz kecil dan sederhana dengan segala kemudahan asas bagi setiap kawasan perumahan, memperkenalkan konsep baru seperti karavan, yang dengan izin, bagi penjaja atau *stall* beroda dengan reka bentuk yang lebih mudah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor adalah antara pengeluar beras wangi di Malaysia. Di DUN Serom sahaja, terdapat beberapa tempat kawasan pengeluaran padi dan Serom juga mendapati kawasan ini disuburi dengan kawasan-kawasan pengeluaran beras wangi. Serom sendiri telah melawat kawasan-kawasan yang terlibat dengan pengeluaran beras wangi di Mukim Kundang, Teluk Rimba. Industri ini berpotensi untuk dikembangkan, kerana apa yang Serom difahamkan, pengeluaran beras wangi ini tidak berlaku di kawasan-kawasan jelapang padi seluruh negara. Untuk itu, Serom mohon izin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk mempertimbangkan secara serius projek pengeluaran beras wangi Johor sebagai satu projek khas dengan memberikan subsidi bagi, juga menyarankan kepada kerajaan negeri untuk menyediakan pelbagai bentuk sokongan lain bagi menjayakan projek ini. Serom percaya, projek ini mampu menjadi antara sektor yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan yang berprestasi tinggi kepada kerajaan negeri Johor pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor mempunyai dua universiti besar yang berlatar belakangkan penyelidikan dan pembangunan dengan tenaga pakar yang disegani iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kewujudan dua universiti besar ini wajar dimanfaatkan sepenuhnya bagi menyokong usaha-usaha kerajaan bagi membangunkan negeri Johor sebagai sebuah negeri berprestasi tinggi yang makmur dan sejahtera. Dua universiti besar ini perlu sentiasa dilibatkan bagi memastikan pembangunan berlaku dengan sokongan teknologi dan kepakaran tempatan. Untuk itu, Serom ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri agar tenaga-tenaga pakar dari kedua-dua universiti ini secara konsisten dilibatkan di pelbagai peringkat, baik di peringkat kawasan DUN dan parlimen, hinggalah di peringkat kerajaan negeri Johor. Serom juga

mencadangkan agar budaya penyelidikan ini dapat dijadikan budaya di kalangan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, baik di peringkat kawasan dan parlimen masing-masing. Suatu geran yang khas dari kerajaan negeri amat-amat dialukan bagi menyokong usaha ini perlu diteruskan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sukan kenu atau kayak polo adalah sukan baru di negara ini. Sukan ini berpotensi untuk mengharumkan nama Malaysia dan Johor khususnya di pentas dunia berdasarkan pencapaian semasa mereka dalam kejohanan sukan kenu polo antarabangsa baik di Eropah mahu pun Asia. Negeri Johor sangat bertuah kerana kita mempunyai sebuah pasukan yang disegani yang bermain di peringkat antarabangsa bagi mewakili Malaysia. Pasukan ini terdiri daripada 8 orang pemain dengan empat orang pemain simpanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lima daripada 8 orang pemain utama pasukan elit adalah anak jati Serom, anak bangsa Johor dengan purata umur pemain kita di bawah umur 21 tahun. Tempat latihan pasukan ini pada ketika ini terletak di Sungai Penarik di Sungai Mati dengan kemudahan latihan yang amat daif. Pasukan kenu polo ini untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, telah mencatat prestasi yang cemerlang bermula tahun 2017 yang lalu dengan kemenangan gangsa di Kejohanan *Asia Championship*, dengan izin, manakala pada Julai 2018 yang lalu telah muncul sebagai juara dalam *Singapore Kenu Polo Championship*, dengan izin. Dan yang terkini, telah dinobatkan sebagai pasukan nombor 9 terbaik dunia dalam *World Kenu Polo Championship* 2018, dengan izin, yang telah berlangsung di Wellands, Kanada. Sekalung tahniah dirakamkan kepada pasukan ini yang telah mengharumkan nama Johor dan Malaysia amnya.

Selaras dengan pencapaian terbaik pasukan ini, saya mencadangkan pasukan ini diberikan bantuan khas bagi menyokong pembangunan berterusan sukan ini seperti sebuah kolam khas untuk tujuan latihan dan kejohanan serta lain-lain kemudahan lain yang di naik taraf di Pulau Penarik, Sungai Mati, Tangkak, Johor.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat, satu minit lagi.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Akhir kata, Serom mohon Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri Besar Dato' Haji Osman bin Sapian dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk sama-sama memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan-cadangan yang telah diutarakan oleh Serom demi negeri Johor yang makmur dan sejahtera. Serom juga merakamkan sokongan kepada semua rundingan-rundingan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senggarang sebelum ini. Serom juga ingin merakamkan, ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan ribuan terima kasih kepada seluruh pengundi-pengundi DUN Serom yang telah berani membuat perubahan dalam PRU yang lepas. Sekadar itu dulu Yang Berhormat Tuan Speaker. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih YB Serom. Seterusnya, YB Perling.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Perling ingin ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Ke-14, Pertama bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Perling juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan Titah Baginda pada Dewan yang mulia ini. Jadi, perubahan cuaca melampau iaitu kalau dengan izin, *climax change*, yang sebelum ini saya dipanggil Pengkalan Rinting, saya telah bawakan isu ini ke Dewan yang mulia ini. Maklumlah, isu ini perbincangan hangat di merata tempat terutamanya antara kerajaan.

Jadi, kita tengok cuaca yang tidak menentu ini membawa kesan kepada negeri kita. Ada kalanya kita kemarau, ada kalanya kita hujan lebat dan ada statistik yang menunjukkan,

contohnya pada tahun 2011, jumlah hujan kita memang tambah mendadak dan tahun itu tersebut kita ada banyak banjir besar dekat negeri kita. Tambahan pula, dengan adanya perubahan muka bumi asal akibat daripada pembangunan yang adanya sampai merosakkan alam sekitar dan ini telah pun berlaku. Contohnya, dekat kita ambil saja hutan paya bakau laut, jika bandingkan dengan 10 tahun yang lepas, kita dah merosot keluasannya lebih kurang 20% dan apa yang terjadi pada kita.

Saya ambil kembali dalam kawasan saya sendiri. Amnya kita tahu, angin yang bertiup dekat negeri Johor ini adalah lemah, tak kuat, tetapi bulan lepas dalam jangka masa satu bulan sahaja berlaku dua insiden ribut angin yang menyebabkan ada bumbung, rumah bumbung ditiup, pokok tumbang dan ada rakit di Sungai Danga itu ditiup ke Singapura. Jadi, saya juga amat bimbang dengan adanya perubahan cuaca dan perubahan struktur permukaan bumi ini, banjir kilat akan terus berlaku jika kita tak ambil perhatian serius. Jadi, terutamanya kalau hujan lebat dan air pasang tinggi. Sehubungan dengan itu, saya mintalah jasa baik daripada jabatan-jabatan, PBT berkenaan, kita memantaulah longkang-longkang yang sumbat. Kalau buat, boleh kita buat pembersihan dan kita pastikan kalau ada pam air itu berfungsi dengan baik sebelum musim tengkujuh ini. Ini minta jasa baik pihak berkenaan.

Tapi satu lagi, ada kalanya kita lihat kepada notis yang diberi oleh Jabatan Meteorologi, ada kalanya dia ada bagi notis, tapi mungkin satu jam atau dalam masa yang singkat, menjadikan ada kalanya kita pun tak dapat buat penyediaan untuk menghadapi ribut. Ini saya rasa kita pun kena tengok apa untuk membantu kalau boleh notis tu diberi sehari ke, sebab zaman sekarang teknologi moden, saya rasa kita boleh mengatasi masalah ini. Jadi, dua perkara sebenarnya saya ingin minta penjelasan daripada EXCO-EXCO yang berkenaan, sebab masa saya dekat seberang sana, saya bertanya, saya tak ada penjelasan yang jelas.

1. Ada tak kajian yang menyeluruh untuk menangani banjir kilat terutamanya dekat daerah Johor Bahru ini dalam tempoh lima tahun yang lepas? Dan jika ada, apakah langkah diambil dari kajian tersebut.

2. Kita tahu Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Negeri Johor (MTHPI) telah pun ditubuhkan. Jadi, kita ingin tahu apakah program ataupun kajian yang dijalankan oleh Majlis tersebut?

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kalau terdapat 959 kawasan skim hartanah berstrata, *strata title*, dengan izin, dengan jumlah unit rumah, kalau pun dalam boleh gunakan petak, 137,205 petak untuk MBJB dan untuk MBIP pula terdapat 398 skim dan angka-angka ini akan meningkat lagi memandangkan pembangunan hartanah yang pesat beberapa tahun ini. Jadi, bila kita ada begitu banyak skim ini, maklumlah pemilik-pemilik itu tambah dan banyak, dan bila pemilik ini banyak, banyaklah masalah yang perlu ditangani terutamanya unit Pesuruhjaya Bangunan dengan singkat kita panggil COB.

Kalau tengok sekarang, COB dekat MBJB, kakitangannya cuma 7 orang, dekat MBIP pulak 6 orang. Kita bandingkan, kita lihat dekat Majlis, sebab kita nak gunakan status yang sama, COB yang peringkat sama, kita ambil macam dekat Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang ada 1,283 skim tetapi kakitangannya atau perjawatannya terdapat 21 orang. Kalau kita nisbahkan, maksudnya dia satu pegawai, dia boleh berkhidmat untuk 61 skim *strata title* berbanding dengan COB dekat MBJB, dia, kerja dia satu kali ganda, di mana satu pegawai COB dekat MBJB, dia kena layan 137 skim ataupun 19,600 unit, unit itu rumahlah. Ada kalau ikutkan bilangan mungkin bilangan pemilik itu mungkin dia lebih daripada banyak pengundi Ahli-Ahli Dewan dekat sini. Jadi, itulah satu kerja, *work load* yang sangat banyak. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk meminta supaya kerajaan negeri boleh membantu COB ini untuk menambahkan perjawatan dan untuk memudahkan COB menjalankan kuasa dan tanggungjawab bawah Akta 757, Akta Pengurusan *Strata Title*.

Satu lagi berkenaan *strata title* ini ialah kita tahu perkhidmatan Penasihat Undang-Undang dekat tribunal tu seminggu cuma dua kali, tak silap saya. Kalau boleh, kita minta kerapkan

lagi perkhidmatan ini memandangkan masalah *strata title* terutama dekat MBJB dan MBIP ini semakin banyak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bila kita buat lawatan dekat kawasan terutamanya di kawasan perdagangan, kita melihat terutamanya dekat kedai tingkat dekat atas, tingkat dua ataupun tingkat selebihnya barang kali kita lihat dia gantung papan tanda sewa, maksudnya dia kosonglah. Jadi, kita pun tanyalah pemilik kedai itu mengapa situ kosong. Dia cakap, ya lah kita tak ada orang nak sewa, tapi ada orang datang nak sewa jadikan tempat kediaman, tapi bila dia tengok tu kedai, atas kedai statusnya ialah berstatus komersial, jadi cukai pintu tu memang status komersil, tambahan lagi dengan elektrik, dengan air pun status komersil, jadi bila semua status komersil, mestilah lebih mahal daripada status kediaman. Jadi, barang kali mereka pun tak nak lah sewa dekat tingkat dua situ. Dan, jadi dekat sini, saya ingin memberi pandangan bahawa, kalau boleh, kalau boleh dekat tingkat dua sebegini kalau nak, ada bolehlah kita mempertimbangkan permohonan supaya tingkat dua dekat kedai tu boleh jadikan status kediaman untuk menyediakan lebih ruang lagi kediaman terutamanya dekat kawasan bandar, kawasan komersil dan memudahkan orang-orang untuk bekerja ataupun bolehlah hidupkan lagi dekat komuniti, dekat kawasan situ.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dua isu berkenaan dengan Kompleks Sultan Abu Bakar atau lebih dikenali sebagai *Second Link.* Jadi, kita tahu bila Kompleks Sultan Abu Bakar ini, KSAB dengan singkat, dibina dia adalah puluhan tahun dahulu. Kadar jangkaan, kadar penggunaan sekarang adalah 10 kali ganda daripada jangkaan kepenggunaan apabila ia dibina. Jadi, memang untuk jangka masa panjang, kita memerlukan pembinaan atau pembangunan semula struktur bangunan tersebut. Tetapi yang kita minta dekat sini cumanya untuk penyelarasan jangka pendek, di mana satu, saya minta jasa baik daripada pihak penguatkuasa terutamanya penguatkuasa pengangkutan sama ada Polis Lebuhraya atau JPJ untuk berada di bangunan KSAB tersebut bila masa puncak kepenggunaan. Sebab dengan adanya penguatkuasa ini kita boleh kawal sebab barangkali kita menerima kompelin ataupun kita faham ada ramai pengguna ataupun pemandu yang memintas kenderaan lain secara melulu. Jadi, kita perlukan penguatkuasa untuk keluarkan surat kuasa, bukan sahaja kawalan.

Yang kedua, kita faham infrastruktur dan bangunan sebenarnya masih lagi bawah pantauan JKR Pusat. Jadi, saya berpendapat JKR Pusat ni jauh untuk memantaunya kalau boleh kita memang minta JKR Johor untuk mengambil alih atau membantu untuk membuat pantauan terhadap infrastruktur dekat KSAB ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dewan yang mulia ini, kerana julung kali kita mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang dan bukan sahaja kita bagi elaun, kita juga bagi bilik pada Ketua Pembangkang. Tetapi dekat sini Tuan Speaker, saya ingin, saya ada sedikit kekeliruan, yang ingin pencerahan daripada Tuan Speaker, di mana kita lalu dekat depan bilik Ketua Pembangkang itu kita sebenarnya nampak ada *bill board* sidang media dekat situ, boleh ke mereka buat demikian?

YB Speaker : Sidang media itu adalah untuk pembangkang. Dan, kita ada 2 pembangkang lagi selain daripada PAS. Pada saya, kalau Barisan Nasional sudah ada muafakat dengan PAS untuk buat sidang media itu tidak ada masalahlah. Hak dialah tetapi dengan syarat PAS *accept* bahawa itu adalah sidang media Barisan Nasional.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Oh, jadi Tuan Speaker secara prinsipnya pun setujulah dengan ini. Saya keliru, sebab masa sidang yang lepas, masa kita zaman kita dipanggil Pengkalan Rinting oleh Dewan yang mulia ini, kita nak buat *PC* pun sebenarnya adakalanya dihalau oleh pengawal dan kita pun tak ada ruang, jadi saya mengucapkan syabaslah, saya memberi kenyataan sini sebenarnya bukannya meminta pembangkang untuk berterima kasih kepada kita, sebab ini merupakan hak ADUN Pembangkang dekat Dewan yang mulia ini, yang kalau kita nak berterima kasih pun berterima kasih kepada rakyat yang memberi mandat kepada Pakatan Harapan untuk menjadi kerajaan Johor. Jadi, dan sambil itu dia

memberi, memulangkan hak Ahli Pembangkang dekat Dewan yang mulia ini. Jadi, saya dekat sini sama-samalah kita mainkan peranan masing-masing untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Johor Darul Takzim. Jadi, sebelum saya mengakhiri Dewan yang mulia ini, sebenarnya ada sedikit pandangan yang saya rasa untuk menambah baik urusan Dewan yang mulia ini.

1. Yang saya ingin bawa ialah kita kalau boleh kita tengok mendigitalisekan ataupun secara digital terutamanya kertas-kertas kerja mesyuarat terutamanya untuk soal jawab sebab barangkali bila kita nak jawab dan digital ini kalau boleh kita paparkan kepada awam sebab saya rasa, yang ini maklumat awam yang perlu diketahui oleh orang awam dan senang juga untuk kita buat kerja untuk mencari data dan senang kerja untuk EXCO-EXCO kita, tak payahlah jawab soalan yang berulang kalaulah dah ada dekat situ kita tahu siapa-siapa, Ahli Dewan yang mana pernah tanya soal tersebut kita tengok sahaja dan kita boleh buat rujukan.

2. Saya rasa Dewan yang mulia ini sebenarnya adalah kepentingan orang awam dan saya memang kalau boleh kita minta siaran langsung untuk sidang DUN ini. Ia, bila adanya siaran langsung untuk awam, sekarang ni zaman Internet kita boleh siaran langsung dekat Internet. Saya rasa kita akan jaga diri sebab sekarang ni kalau terus sahaja ada Internet, orang awam boleh tengok kita dan pantau kita dan menjadi pengadil untuk kita. Kita sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, memanglah kita kena jaga diri. Ada ke siaran langsung ke tidak ada siaran langsung ke tapi ada siaran langsung ini memang kita akan ingat ada orang tengok kita orang itu. Jadi ini...

YB Speaker : Mohon gulung Yang Berhormat.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Ini adalah pendapat saya terhadap Dewan, untuk urusan Dewan yang mulia ini dan dengan ini saya akhiri ucapan saya dan Perling menyokong rundingan yang dibawa oleh Senggarang terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Perling. Seterusnya, YB Tenggaroh.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih. Salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu Tenggaroh ingin ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Ke Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga sebagai, dengan sama sebagai kawan-kawan saya nak ucapkan tahniah kepada kerajaan Pakatan Harapan hari ini kerana telah menjadi kerajaan negeri Johor dan juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tahniah kepada EXCO, tahniah kepada Tuan Speaker atas lantikan-lantikan ke jawatan. Kita kena ucapkan tahniah, itu keputusan rakyat, kita kena menerima keputusan rakyat dengan terbuka.

Dan, saya juga nak ucap terima kasih kepada pengundi saya dari Tenggaroh yang memilih saya untuk kali penggal yang ke-2. *So*, saya kena ucapkan terima kasih itu ucapan saya. Nak ucapkan tahniah juga ke pasukan JDT kerana telah 5 kali berturut-turut menang Liga Super dan bila saya mengucapkan tahniah ni saya nak selitkan satu soalan pada EXCO Belia, adakah pasukan JDT kali ini ada dapat ganjaran sebab dah menang 5 tahun berturut-turut, ada ganjaran daripada kerajaan negeri ke tak? Itu saya nak tahu aje. Itu nanti bila dia boleh jawab, boleh bagi penjelasan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ini penggal kedua, penggal pertama saya ini, bila saya datang yang lepas, muda, masa tu saya baru 30, 31, antara 30 hingga 31 tahun.

YB Speaker : Jadi, sekarang ni dah tualah.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Sekarang dah tua sikit. Dah ada experience sikit. So, bila muda tu, dah jadi Wakil Rakyat, berkobar-kobar semangat dia, nak buat kerja setiap hari di kawasan pergi jumpa rakyat kita dengar aduan-aduan daripada rakyat, dapat banyak permohonan daripada rakyat. Kita terima setiap hari, setiap hari kita jumpa banyak permohonan kita dah mula terima dan bila permohonan aduan diterima kita tulis surat, kadang-kadang tak dapat jawapan, kadang-kadang ada dapat jawapan *so* masalah tak selesai. Saya masa tu muda, masalah tak selesai, tak ada pengalaman kan, masalah tak selesai. Lepas itu, saya pergi jumpa ADUN-ADUN yang lama, saya tanya pengalaman mereka, tanya dengan ahli politik yang lama, saya kongsi pendapat daripada mereka, lepas tu mereka ajar, tunjuk ajar, YB tak boleh selalu dekat kawasan aje, kena pergi jabatan-jabatan, jumpa Pejabat MB, jumpa pergi pejabat-pejabat EXCO, pergi pejabat-pejabat kerajaan negeri, pejabat-pejabat kerajaan pusat untuk dapat *feedback,* nak tanya bantuan macam mana kita nak selesaikan.

Itu pengajaran saya terimalah. Dan, bila saya buat macam tu saya dapat banyak selesaikan banyak masalah. *So*, saya hari ini saya tengok banyak ADUN-ADUN yang belia muda yang baru, *so* saya tengok ni banyak masalah dapat kita selesaikan. *So*, saya nak ucapkan terima kasih masa penggal lepas, banyak masalah saya dapat diselesaikan pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mantan Menteri Besar Dato' Seri Khaled Nordin dan barisan EXCO yang lama kerana telah banyak selesaikan masalah dan juga ketua-ketua jabatan. *So*, itulah saya kena, kita pertama kena ucap terima kasih kita dah dapat selesaikan masalah, saya nak ucapkan terima kasih.

Dan, daripada pengajaran saya, bila muda saya nak tunjuk ajar kepada kawan saya daripada Tiram semalam yang telah dalam ucapan dia, dia wakil Biro India untuk PKR dan dia dalam ucapan dia cakap MIC telah gagal dan saya ada dengan YB Kahang adalah salah satu wakil daripada MIC, saya rasa saya kadang-kadang kena terpaksa jawab. MIC ni dah 70 tahun, 70 tahun banyak perjuangan dia untuk masyarakat India. Masalah rakyat ni berubah, dia dari keadaan, kalau kita tengok, kalau dulu, tadi YB daripada Perling dia ada cakap pasal hujan, tapi kita ada masalah bila tak ada hujan, Mersing, dua tahun lepas tak ada air. Masalah dia berbeza, setiap kali masalah dia berbeza. Kita nak selesaikan masalah.

So, itu saya nak bagi pengajaran, sebab saya nak bagi dia contoh masalah YB Kahang, masa dia EXCO, yang menjaga hal ehwal masyarakat India, banyak masalah dia selesaikan, banyak masalah yang dia selesaikan dan banyak isu-isu kuil yang berada di tempat-tempat lain diselesaikan. Bukan senang sebab dia ada banyak masalah. Masa tu kalau kita tengok, saya bagi contoh macam YB Kahang, *raise* hari tu pasal masa Bajet 2018, ada kelulusan untuk mengambil lima pekerja di setiap PBT, masa tahun 2018. Dan pada awal tahun ini, banyak PBT ada penawaran jawatan kosong dan bila banyak masyarakat India buat permohonan tak ada seorang pun yang dapat. Tapi, bila kita dapat balik kata, jawapan daripada PBT-PBT, alasan yang dibagi ialah dia bagi pekerja kontrak dulu *priority*, alasan munasabah, saya rasa kita tak boleh salahkan. Alasan dia munasabah. Saya terima alasan, saya tak boleh salahkan. *So*, ini adalah antara masalah kadang-kadang akan terima. Kita dah ada dasar tapi masalah tak dapat diselesaikan.

So, saya nak beritahu pada YB Tiram, contoh juga tapak khairat kematian. Masalah kalau kita tengok pada asal usul dia, banyak masalah dan sekarang dah sampai satu tahap untuk diperjalankan. Ini adalah contoh-contoh perjuangan, tak baik dia cakap, MIC tak buat apa-apa, nasi sudah jadi bubur. Saya nak, itu aje saya punya penjelasan sebab pasal tu saya cakap pasal pengalaman, sebab kita kadang-kadang baru, kita nak buat cepat, tapi kadang-kadang pengalaman itu penting, macam YB Bukit Permai 34 tahun dulu dia jadi Wakil Rakyat dan sekarang dia datang balik, pengalaman dia. Kadang-kadang saya pun nak jumpa dia, nak tanya dia pengalaman dia. Penting, sebab walaupun saya dah dua penggal, tiga penggal saya tak boleh cakap saya dah tahu semua. Kita setiap kali memang belajar dan kali ini kita sebagai pembangkang kita pun tengah belajar juga. Kerajaan, sekarang kita sebagai pembangkang, kita tengah belajar dan kerajaan baru mereka sebagai kerajaan, mereka pun tengah belajar. Pasal tu bila semalam YB Seri Medan dia cakap kita, pembangkang ada 100, untuk janji 100 hari itu tinggal 400 lebih saat, ribu saat tu. Hari ni

kalau ikut saya, 300 lebih saat. Saya, saya bagi mereka, kerajaan baru ni belajar sebab mereka tengah belajar, saya tak boleh terus menyoal mereka. Saya kena bagi mereka belajar. Dan saya percaya mereka boleh belajar dan kita di pembangkang sini, kita memantau untuk kebaikan negeri Johor. Kita bukan nak lawan mereka, apa yang kita bawa, apa yang kita naikkan ialah untuk kebaikan rakyat. Itu hasrat saya.

So, saya berterima kasih kerana diberi peluang kali ni dan saya nak bawa balik satu isu, isu yang sering diperkatakan pasal air baru-baru ini. Saya menyokong tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak bagi 10 meter padu air percuma kepada golongan B40. Saya menyokong. Tapi ada juga daripada YB Rengit, dia pun ada menanyakan kenapa kita tak beli syarikat air tu, dia ada tanyakan. Dan, jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, syarikat itu rugi dan dia bercadang nak membuat syarikat air yang baru. Tapi saya berpendapatan, berpendapat, kalau boleh kita fikirkan *pro and cons* dia, dengan izin. Mana satu baik mana satu, kalau nak membeli adakah dia baik atau nak mewujudkan yang baru mana satu yang baik, sebab air ni, aset ini kita perlukan balik kepada negeri Johor. Kalau kita dah cakap kita ada rizab *surplus* sampai berbilion-bilion tapi aset-aset kita tak milik kepada kita tak bagus juga. Kita nak dia balik kepada kita, *so* lebih banyak orang kita boleh bagi air percuma. Ini kebaikan rakyat dan kalau nak pengalaman yang lebih baik pasal air ini,macam saya pun kadang-kadang merujuk pada YB Benut sebab dia ada pengalaman sebagai EXCO yang menjaga air dulu.

Kalau boleh dapatkan pengalaman, itu saya cakap baru kadang-kadang dapat daripada pengalaman yang lama. Itu penting sebab kita bekerja untuk rakyat, macam YB Mengkibol kita kerja untuk kebaikan rakyat, akhirnya rakyat yang akan menerima apa-apa yang kita berbincang di sini. Dan saya berteruskan daripada itu pasal isu GST yang, YB Tuan Speaker saya nak isu pasal GST.

Bila sidang Dewan yang sebelum ni, bila masa GST nak wujudkan banyak perbincangan nak GST, tak nak GST, nak kekalkan SST itu banyak perbincangan dan dibincangkan banyak dan diperbahaskan dengan banyak. Saya masa tu saya menyokong GST dan sekarang saya masih menyokong GST kerana saya merasa GST ini satu sistem cukai yang telus. Bukan saya seorang nyatakan dia banyak akauntan saya berbincang, mereka pun cakap dia memang telus dan Menteri Kewangan sendiri tidak menafikan dia memang satu sistem percukaian yang telus.

So, apa yang saya nak cadangkan di sini ialah kalau boleh bincang, tengok balik mana satu baik untuk rakyat dan saya nak bila cakap pasal GST saya nak tanya pada kerajaan negeri satu aje. Masa GST dulu semua perkhidmatan kerajaan tidak dikenakan cukai. *So* bila SST diwujudkan, kalau diwujudkan September ini adakah perkhidmatan kerajaan dikenakan SST. Harap dapat jawapan daripada itulah, perkhidmatan kerajaan dapat kena caj SST tak?Itu satu.

Dan isu yang seterusnya yang saya ingin bawa ialah pasal pelancongan. Pelancongan saya nak ucap tahniah pada EXCO Pelancongan ini sebab baru-baru ini saya dengar dia dah pergi ke Pulau Mersing, Taman Laut Sultan Iskandar, pulau-pulau di Taman Laut Sultan Iskandar itu kawasan saya, kawasan yang saya berkhidmat untuk rakyat. Saya ucapkan tahniah kerana dia telah pergi, tapi sedih sikitlah dia tak jemput saya sekali. Tapi saya ucapkan tahniah, dia prihatin dia pergi jumpa banyak ketua kampung saya dengar, banyak ketua kampung beritahu saya YB prihatin, dia datang dengar.

Saya di sini nak tahu sebab pulau di Mersing ini cantik, saya tahu YB Speaker pun pernah pergi ke pulau-pulau Mersing pun dan memang cantik. Kalau YB EXCO ada masa, ADUN yang tak pernah pergi bawa mereka pergi tengok pulau di Mersing. Pulau dia memang cantik, banyak keunikan, saya pernah pergi ke Maldives, saya pernah pergi ke Krabi, saya pernah pergi banyak tempat, tapi pulau di Mersing ni lagi cantik. Ini memang hakikatnya, pulau di Mersing memang cantik.

So, saya nak EXCO Pelancongan ini kalau boleh apa perancangan, perancangan untuk menarik lebih banyak pelancong ke pulau-pulau tersebut. Sebab dia dah pergi lawat, dia dah tahu mungkin dia dah ada kajian, dah buat macam mana nak buat perancangan *so* boleh beritahu berkongsi apa perancangan dan bila kita cakap pasal sektor pelancongan juga Yang Berhormat Tuan Speaker, sektor pelancongan ini penting sebab dia menjana pendapatan kerajaan negeri dan juga menjana pendapatan tempatan. Dia menjana pendapatan tempatan dan banyak orang tempatan dapat meraih keuntungan daripada sektor pelancongan.

Kalau kita tengok masa sidang yang kerajaan BN yang lepas, dia mensasarkan lebih kurang 5 juta pelancong, tapi kita dapat terima lebih kurang 9 juta pelancong. Itu peningkatan secara keseluruhan ramai orang pelancong datang ke Johor dan antara punca mungkin kita boleh cakap Legoland antara punca kita boleh cakap Helokitty Land, Universal Studio dan juga antara punca yang penting itu juga *international route* yang baru yang baru ke *airpor*t. Kita tengok Lapangan Terbang Senai ni ada banyak *international route* yang baru datang.

Saya nak tanya sini apa perancangan EXCO Pelancongan untuk ada nak penambahan *international route* sebab ni penting kalau orang *direct* boleh datang ke Johor lagi banyak, lagi senang, kalau dia pergi ke Kuala Lumpur atau Singapura nak datang ke Johor kadang-kadang dia dah sampai sana, dia pergi tempat lain pulak. *So* dia datang ke Johor dia dah memang ada idea,*so* kalau boleh nak tanya EXCO Pelancongan kalau ada penambahan *route* pelancongan untuk destinasi *international* dari *direct* ke Johor, itu satu.

Dan sejurus dengan itu ada beberapa isu kawasan saya nak bawa di sini. Kalau kita tengok Mersing masa saya jadi wakil rakyat ada beberapa peruntukan yang dapat diluluskan melalui ECER. Ini untuk kegunaan rakyat misal kata kita lampu jalan dari Simpang Tenggaroh ke Tanjung Leman, R & R Tenggaroh dan juga Jeti Sungai Jemaluang untuk jeti yang baru. Saya nak tahu status permohonan-permohonan,sebab awal tahun dah diluluskan tapi bila ada pertukaran kerajaan kita tak tahu lagi pertukaran status saya hanya nak tahu apa status dia.

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 2 minit lagi ya.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak status dia sebab rakyat dah mula tanya saya, YB apa status dia saya pun nak tahu penjelasan untuk status dia dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak ucapkan terima kasih kepada kerajaan Pakatan kerana mengiktiraf kedudukan pembangkang, Ketua Pembangkang hari ini ada pejabat dia, ada Ketua Pembangkang, mengiktiraf ini baik apa yang baik, kita cakap yang baik. Dan saya juga memohon kalau Tuan Speaker saya tengok kali ini kita tengok dalam Sidang Dewan ini banyak belia sebagai kalau belia kita cakap bawah 40 tahun sebagai Wakil Rakyat, sebagai ADUN. Kalau kita tengok lebih dari 10, 20% ada yang lebih kurang 30an.

Kalau kita tengok EXCO-EXCO kita pun ada 32, 33, 37 muda. Jawatan dia tinggi tanggungjawab dia tinggi. Tapi apa yang menyedihkan dia Tuan Speaker, EXCO ini satu penggal 5 tahun kalau dia jadi 2 penggal 10 tahun. Mungkin sekarang 32 tahun, 2 penggal 42 tahun. Kalau mereka tak dipilih balik, dicalonkan balik oleh parti masing-masing atau tak menang atau kalah dalam pilihan raya, apa keadaan mereka. Mereka tak dapat pencen, mereka tak kan dapat pencen, 50 tahun baru dapat pencen.

Ini merisaukan sebab tanggungjawab mereka tu penting, jawatan tu penting dan bayangkan keadaan,kita nak lebih banyak belia jadi Wakil Rakyat, tapi keadaan mereka macam mana nak datang kalau 40 tahun digugurkan tak menang, tapi tak dapat pencen, mereka akan terasa takut bila mereka ada pegang portfolio penting mungkin ada risiko rasuah akan datang. Sebab mereka nak jaga keluarga mereka untuk anak mereka, bayangkan mereka anak mereka baru muda. Saya bukan cakap pasal mereka pasal saya ada kawan-kawan saya sekali tapi kita nak lebih banyak belia datang ke Dewan ni. Kita nak lebih banyak belia datang ke Dewan tapi kita kena bagi mereka satu platform.

YB Speaker : Mohon gulung, gulung.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Itu dah terakhir, tapi yang ni penting sebab saya rasa, bukan saya nak cakap, saya harap rakan-rakan saya di sebelah sana pun ini saya menyuarakan semua sekali. Ini satu isu tapi tak di perhatikan, selalu Wakil Rakyat bawa isu untuk rakyat tapi kita kena bawa apa yang kekurangan di sini juga. Dan saya ucap terima kasih kepada Tuan Speaker, kerana bagi saya peluang berucap dalam Sidang Dewan ini yang pertama, kita akan berucap lagi panjang lagi lepas ini dan terima kasih kepada Tuan Speaker saya mohon menyokong dan akhir kata pembangkang ni kita bukan lawan, kita berada di sini sebagai kawan untuk kebaikan kerajaan negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Berita dukacita,bagi ditangguh Johor terlibat kemalangan di Bukit Pasir bagi laluan Pagoh ke Muar. Maklumat awal pemandu bas diserang sakit jantung kita doakan semoga pemandu dan penumpang dapat diselamatkan. EXCO Kerja Raya dan Infrastruktur dan Pengangkutan mohon mengecualikan menghadiri pada sebelah petang ini untuk menziarahi mangsa-mangsa kemalangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya saya mempersilakan YB Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman (Tanjung Surat) : Bismillahirahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Tuan Speaker, terlebih dahulu Tanjung Surat ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang untuk turut serta membahas titah ucapan Tuanku Sultan Johor ketika merasmikan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada hari Khamis lalu, 9 Ogos 2018. Tanjung Surat turut menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan TaklukJohor Darul Ta'zim kerana berkenan berangkat dan seterusnya merasmikan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-14.

Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku kekal sihat walafiat dan diberi taufik dan hidayah oleh Allah SWT untuk terus memerintah negeri Johor Darul Ta'zim. Dalam kesempatan ini saya ingin menarik beberapa ungkapan-ungkapan dari ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dapat saya sebutkan di sini untuk panduan kita bersama, ada 4 yang saya nak ketengahkan.

Titah baginda, "Oleh yang demikian mana-mana program yang baik yang telah dibuat oleh pentadbiran dahulu perlulah dikekalkan atau ditambah baik bukannya diberhentikan". Satu lagi yang menarik minat saya, "setiap Ahli Dewan juga hendaklah bersikap terbuka dan mendengar pendapat orang lain, bukannya terus menolak cadangan yang tidak selari dengan kehendak politik atau kepentingan diri sendiri. "Selain daripada itu baginda bertitah", kerajaan juga hendaklah mengekalkan prestasi kemajuan ekonomi negeri yang tinggi dengan menggalakkan pelaburan yang berterusan dari dalam dan luar negara. Bagi menggalakkan lebih banyak pelabur untuk datang ke negeri Johor," titah baginda," kerajaan perlu menyediakan infrastruktur awam yang baik, dasar yang konsisten dan insentif yang menarik".

Puan Speaker, Tanjung Surat mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Pakatan Harapan yang telah memenangi Pilihanraya Ke-14 di peringkat negeri Johor dan persekutuan. Diharap kerajaan negeri baru ini dapat mentadbir negeri Johor ke tahap yang lebih gemilang, gemblingkanlah perkhidmatan Pegawai Tadbir Negeri Johor yang berpengalaman dan berwibawa. Secara peribadi saya telah berurusan dengan Pegawai-Pegawai Tadbir Johor sejak 1982 ketika menjadi Jurutera Daerah JKR Segamat. Kemudian, dalam sektor swasta sebagai Jurutera Perunding yang mendapat beberapa projek kerajaan negeri, dan akhir sekali sejak 2013 sebagai Ahli Dewan Negeri Johor. Saya mendapati Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Johor sebagai kumpulan Pegawai Pentadbir yang mesra rakyat, responsif dan bertanggungjawab. Saya yakin parti mana sekalipun yang memimpin kerajaan negeri, khidmat mereka memang boleh diharapkan. Begitu juga pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan persekutuan ataupun negeri yang ada di negeri Johor yang sentiasa bersedia memberi kerjasama.

Puan Speaker, sebagai ADUN dari kawasan pembangunan mega iaitu di Pengerang, pembangunan ini atau lebih dikenali sebagai PIPC, *Pengerang Intergrated Petroleum Complex* atau Pembangunan Kompleks Petroleum Pengerang sedang dibangunkan oleh dua pelabur besar tanah air iaitu Petronas dan Dialog Berhad. Bagi Petronas, pembangunan di atas tanah, 6,239 ekar telah dimulakan pembinaannya sejak 2014 dan dijangka siap pada suku tahun pertama, pada suku pertama tahun 2019. Dengan tersiapnya nanti, komponen utama pembangunan iaitu loji penapis minyak, dengan izin *refinery*, akan dapat memproses 300,000 tong sehari minyak mentah. Setakat penghujung Jun tahun ini, kemajuan kerja keseluruhan mencecah 92%, anggaran kos keseluruhannya hampir mencecah RM110 bilion. Bagi syarikat Dialog pula sedang dalam pembinaan fasa ke-3, fasa 1 dan 2 telah siap dan sudah pun beroperasi. Insya-Allah, pembangunan ini kalau tidak sebesar, tapi seiras nanti akan boleh di panggil *Rotterdam of the East* dengan izin. Anggaran kos bila siap fasa ke-3 dijangkakan mencecah RM10 bilion. Selain daripada itu, mega projek yang besar yang disebutkan tadi di Pengerang juga ada pembangunan pelancongan mega yang hampir siap fasa 1 kesemuanya bernilai RM4.5 bilion. Ini melibatkan pembinaan lapangan golf 45 lubang, 3 buah hotel bertaraf antarabangsa, taman tema air serta pusat peruncitan. Salah satu usaha yang baik yang telah dibuat oleh pentadbiran terdahulu ialah dengan penubuhan Pihak Berkuasa Pengerang, Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang atau PBT untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan pesat *Pengerang Intergrated Petroleum Complex* ini dan kawasan sekitarnya. Jcorp telah dilantik untuk mentadbir PBT Pengerang sehingga satu masa yang diputuskan oleh kerajaan negeri kelak. Pembangunan PIPC di Pengerang adalah pembangunan *extensive* luar biasa yang melibatkan penempatan 7 buah kampung, penempatan semula 7 buah kampung, 6 telah lama dipindahkan, sebuah dalam proses penempatan semula. Semua kampung ditempatkan semula di sebuah taman yang di panggil Taman Bayu Damai.

Puan Speaker, saya ingin berkongsi bagaimana pembangunan yang begini pesat tidak boleh di buat dengan orang kata pendekatan yang *business as usual,* dengan izin. Ia hendaklah dikendalikan dengan satu agensi-agensi kerajaan yang telah dan akan terus membantu pembangunan mega ini. Kerajaan dahulu telah memilih PBT Pengerang dikendalikan oleh pihak Jcorp. Ini adalah kerana Jcorp telah mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam mentadbir dan mengurus Majlis Perbandaran Pasir Gudang, MPPG selama 32 tahun. Dibuktikan lagi pencapaian serta pengiktirafan dan anugerah. Perlu PBT yang *competent* khususnya dalam menguruskan pembangunan kawasan perindustian, khususnya industri berat seperti PIPC bermula dari pemprosesan pelan pembangunan hingga kepada pengeluaran lesen perniagaaan. Pengalaman menarik pelaburan khususnya dari luar negara ada juga di dalam atau boleh juga dikendalikan oleh pihak Jcorp. Jcorp berpengalaman menerbit bon bagi membiayai projek-projek pembangunan dengan menggunakan, dengan mengurangkan beban kerajaan negeri. Mobilisasi anggota pekerja PBT Pengerang dari Jcorp yang sedia ada yang berpengalaman dalam memberi perkhidmatan yang cekap dan berkualiti, bersedia menyediakan pembiayaan kewangan dalam tempoh yang dipersetujui serta mampu berdikari dan cekap dalam menyediakan kewangan.

Oleh yang demikian, dalam bulan Jun 2014, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah memutuskan supaya Perbadanan Johor, Jcorp diberi mandat mentadbir kawasan Pengerang secara penuh berdasarkan Seksyen 7, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 yang dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT Pengerang. Dalam masa ditubuhkan,sejak ditubuhkan pada 1.1.2017, PBT Pengerang telah mencapai beberapa kejayaan dalam memacu pembangunan di kawasan industri minyak dan gas, khasnya dan seluruh Pengerang amnya. Mereka telah menerima pencapaian, anugerah PBT oleh pelbagai badan. Mereka juga ada Program Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah, ISO 37001-2016. Mereka juga telah menubuhkan *Pengerang Emergency Mutual Aid* ataupun PEMA untuk menyelaras, merancang dan bekerjasama dengan pihak MKN, Polis, Bomba dan jabatan kerajaan dan pekilang-pekilang yang berisiko tinggi dalam menghadapi sebarang bencana. Selain daripada itu, PBT juga Pengerang juga johan pertandingan landskap laman dalam kategori Majlis Daerah. Juga telah ditubuhkan Yayasan Pengerang oleh PBT Pengerang yang mana objektifnya memastikan nikmat pembangunan di Pengerang turut dikecapi oleh komuniti setempat khususnya kumpulan sasaran seperti golongan miskin, pesakit kronik, selain melaksanakan program-program kemasyarakatan dan pendidikan. Dari maklumbalas yang saya dapat daripada penduduk di Pengerang dan juga pemain-pemain ataupun *business players* di Pengerang sangat berpuas hati dengan khidmat yang diberikan oleh PBT Pengerang. Saya difahamkan jika, untuk seketika diberi mandat kononnya sekurang-kurangnya untuk 5 tahun, jadi saya harap dapat PBT Pengerang ini di bawah Jcorp dibenarkan setidak-tidaknya 5 tahun untuk terus berfungsi seperti sekarang. Harap-harap bila sudah sampai 5 tahun nanti PBT Pengerang bawah Jcorp ini dapat menyerah kepada kerajaan negeri sebuah PBT yang mempunyai pejabat sendiri, ibu pejabat sendiri. Jadi cantik sangatlah dan mungkin ketika itu PBT Pengerang mungkin bertukar nama kepada Majlis Perbandaran Pengerang. Insya-Allah.

Puan Speaker, selain daripada itu, saya ingin membawa isu tempatan saya selain daripada projek besar tadi, pada 11 November 2016, kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk membinakan sebuah masjid di Taman Bayu Damai Pengerang, taman yang 7 kampung berpindah. Buat masa ini, tidak ada masjid, ada surau. Satu surau sahaja. Ada tanah telah diwartakan untuk masjid, jadi kerajaan ketika itu telah meluluskan RM5 juta untuk pembinaan masjid. Sekarang surau yang ada di situ dibenarkan oleh Jabatan Agama Islam Johor untuk mendirikan solat Jumaat, itupun tidak muat, ada yang pegi ke kampung-kampung berhampiran. Jadi saya minta kerjasama kerajaan negeri supaya membantu untuk mendapat semula peruntukan RM5 juta ini supaya masjid ini dapat dibina dengan segera. Kalau tidak dapat juga, saya mohon daripada EXCO Agama, dekat Mekah minta dia doa yang baik-baik supaya kalau tidak ada peruntukan kerajaan pusat, gunakanlah kita ada Tabung Pembangunan Masjid dan Surau Johor. Gunakanlah kerana keperluan yang begitu mendadak.

Puan Speaker, saya ingin membawa isu-isu infrastruktur di Pengerang. Kerajaan pusat telah membelanjakan lebih RM2 bilion untuk membina infrastruktur atau prasarana untuk menyokong pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang. Semua sedang dalam *construction*, ada satu yang sudah siap daripada lebih kurang 6 batang jalan, projek melebarkan sungai, mendirikan sekolah, penempatan semula Balai Bomba, Kompleks LKIM, apa yang menyedihkan saya, hanya satu sahaja daripada beberapa projek itu yang dah siap. Yang lainnya semua lewat. Semua lewat. Yang patutnya kalau tuan-tuan Ahli-Ahli Yang Berhormat pergi ke Pengerang, sampai ke Sungai Rengit, jalan daripada Penawar, Bandar Penawar keluar daripada tol nak pergi ke Sungai Rengit lebih kurang 27 kilometer, patutnya 30 Julai 2017 sudah siap, tapi malangnya tidak siap-siap lagi walaupun di buka untuk penggunaan awam, kegunaan awam, tapi tidak siap-siap lagi untuk diserahkan kepada JKR. Saya dapat jawapan daripada, walaupun tidak sempat bertanya tadi, daripada EXCO Kerja raya.

YB Timbalan Speaker : Tinggal tiga minit. Tiga minit lagi.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman (Tanjung Surat) : Berapa minit? Tiga. Ok. Daripada EXCO jawapannya, tarikh baru ialah 30 Oktober 2018. Ini yang Penawar ke

Sungai Rengit ini. Yang lain-lain ini rasa saya tidak sempat untuk meraikan bermulanya operasi *RAPID* awal tahun depan. Jadi, saya harap pihak kerajaan dapat menengok perkara ini supaya kita dapat perhubungan dan juga membantu pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang dengan begitu meyakinkan pelabur.

Tuan-tuan dan puan-puan, Puan Speaker, projek di Pengerang setakat ini yang saya tahu baik Petronas atau Dialog tidak ada terjejas dengan pertukaran kerajaan. Jadi, saya harap begitulah dan kedua-dua projek ini boleh katakan *on time* mengikut masa dan dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi sampai Aramco satu syarikat minyak gergasi dunia datang melabur di *rapid*. Bukan kita, kita suka Aramco datang, bukan itu sahaja kita suka dia datang, dia datang itu, dia menarik pemain-pemain minyak dan gas yang lain untuk melabur di Pengerang di masa akan datang. Itu yang kita nak. Jadi segala infrastruktur yang tidak siap, tidak senonoh ini betulkanlah dan cepatkanlah supaya industri minyak dan gas ini setaraf dunia ada di Pengerang, di negeri Johor Darul Takzim.

Puan Speaker.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung, satu minit.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman (Tanjung Surat) : Satu minit pula tadi tiga. (Dewan Ketawa). Okeylah, kalau suruh saya habiskan cepat saya *last* sekalilah. Saya ingin mendapat kepastian, kita kadang-kadang cakap dalam Dewan ini kata orang tolong semak *fact* dululahkan. Saya ingin mendapat kepastian, mengenai kisah yang dibawa oleh Simpang Jeram, kononnya ketika Allahyarham Tun Abdul Razak sedang sakit, beliau meminta agar keluarga beliau dibawa ke London untuk menziarahi beliau yang sangat uzur ketika itu. Menurut cerita Simpang Jeram, mendiang Tun Tan Siew Sin kononnya Menteri Kewangan ketika itu hanya membenarkan Toh Puan Raha, isteri Tun Razak dibiayai oleh kerajaan manakala anak-anak beliau hendaklah diterbangkan ke London dengan tanggungan sendiri. Ini kononnya berlaku tidak lama sebelum Allahyarham Tun Razak meninggal dunia pada awal tahun, Januari 1976. Saya ingat betul tarikh ini, masa itu saya baru sampai ke Scotland belajar, baru 4 bulan di UK, Tun Abdul Razak meninggal dunia. Dalam rekod yang ada, telah disemak, mendiang Tun Tan Siew Sin berhenti dari menganggotai Kabinet Malaysia pada 8 April 1974. Sedangkan cerita yang dibawa oleh Simpang Jeram berlaku sekitar Januari 1976. Nampaknya ada yang tak kena dengan kisah dan pengajaran yang hendak dibawa. Dalam hendak menceritakan kehebatan, integriti pemimpin yang lalu, pemimpin-pemimpin BN pula tu, cerita yang hendak dibawa hendaklah mempunyai integriti juga. Ini adalah untuk mengelakkan dari kisah yang dibawa nanti dilabel sebagai *kelentongkrasi*.

Puan Speaker, saya dah tiga hari kita sama-sama di sini selepas perasmian, tak ada seorang pun berpantun. Jadi saya nak menutup ucapan saya, perbahasan saya dengan pantun. Ikan gelama, ikan tenggiri, dijual sama ikan kembung, tiba masa mengundur diri, Tanjung Surat mohon menyokong. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih YB Tanjung Surat. YB Bentayan, jemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Selamat petang dan salam sejahtera. Bentayan ingin mengambil bahagian untuk membahas usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Bentayan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan Bentayan mengutarakan beberapa isu-isu yang bakal membawa impak kepada kawasan yang Bentayan wakil pada petang ini. Pertama, Bentayan ingin memartabatkan projek bandar perabut dengan merealisasikan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeksport perabut kelima terbesar di persada

dunia. Seterusnya, mengekalkan daerah Muar sebagai hab perabut utama terbesar di Malaysia dengan kira-kira 700 kilang yang menyumbang di antara 45% hingga 58% daripada jumlah eksport perabut di Malaysia. Daerah Muar juga telah dikenali sebagai Bandar Perabut Malaysia. Memandangkan potensi industri perabut dan kayu kayan di Muar ini sangat tinggi pada masa hadapan di samping menjadi pengeluar bagi pelbagai perabut yang bermutu tinggi dianggarkan setakat ini kira-kira RM10.14 bilion nilai eksport produk perabut dieksport ke pasaran luar negara di seluruh dunia dan nilai eksport yang disasarkan bernilai RM16 bilion pada tahun 2020. Dengan memperolehi pendapatan yang besar melalui pertukaran asing untuk negara ini, industri perabut yang berkembang pesat di Muar menyaksikan banyak industri dan kilang kecil beralih ke kawasan perindustrian di daerah Muar iaitu di Pagoh, Bukit Pasir, Bukit Bakri, Parit Jamil dan Tanjung Agas. Bagi mewujudkan kelompok pembuatan perabut dengan industri sokongan penting, penglibatan sub kontraktor ini juga memastikan daya saing global Muar dalam harga dan kualiti. Berikutan Muar telah menjadi bandar perabut malaysia yang terkenal di peringkat antarabangsa. Oleh kerana kebanyakan kilang-kilang kecil tersebut beroperasi di tapak yang bukan bertaraf industri, ia bukan sahaja menyukarkan mereka memohon lesen pengkilangan malah juga menjejaskan permohonan tenaga pekerja asing. Demi menyelesaikan masalah-masalah tersebut kerajaan negeri Johor telah membantu kilang-kilang perabut tersebut supaya dapat terus berkembang maju dengan teratur dan terancang. Johor Corporation (JCorp) telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan suatu hab perabut yang bersepadu dan terancang di Bukit Bakri dengan dinamakan *Muar Furniture Park*.

Di samping itu, kilang-kilang kecil yang berstatus haram ini juga banyak menjalankan aktiviti-aktiviti perkilangan perabut di merata tempat termasuk di sekitar kawasan kediaman penduduk dan sebagainya. Dia memberi impak buruk kepada penduduk-penduduk sekitar yang menjejas dengan pencemaran seperti habuk-habuk kayu, kesan daripada pemprosesan perabut itu. Selain mendatangkan pelbagai penyakit kepada penduduk setempat. Maka, penempatan semula kilang-kilang haram di daerah Muar ke hab perabut ini juga dapat menolong menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Tetapi, kilang-kilang haram menghadapi masalah kewangan di mana sukar bagi mereka untuk mendapatkan pinjaman daripada bank. Justeru itu, Bentayan ingin menegaskan kepada pihak kerajaan negeri untuk mengambil serius perkara ini. Seterusnya mewujudkan pelbagai insentif yang istimewa secara pakej pengecualian daripada duti import, pinjaman jangka panjang dengan kadar bunga yang rendah, insentif kewangan serta pelan jaminan kerajaan seterusnya memudahkan pekilang-pekilang haram ini berpindah ke kawasan yang telah disediakan iaitu *Muar Furniture Park*.

Yang Berhormat Puan Speaker, kedua, persaingan yang berterusan masa kini memberikan kepada setiap pengilang mencarikan jalan untuk terus kekal berdaya saing di peringkat global. Satu cara yang memastikan pengilang terus kekal dalam persaingan adalah melalui peningkatan kualiti dan kuantiti produk yang dihasilkan dengan mengeksploitasikan teknologi automasi dan pemodalan. Teknologi memainkan peranan yang amat penting dalam aspek pembangunan mahupun dalam aspek pengeluaran barang, perkhidmatan, pendidikan, komunikasi serta pengangkutan. Menurut Federick, teknologi adalah satu alat pengetahuan dan seni yang dapat diguna untuk memperbaikkan kualiti dan meningkatkan kuantiti produk atau untuk menciptakan produk yang baru. Automasi adalah satu teknologi yang memanfaatkan aplikasi mekanikal, elektronik dan sistem komputer untuk mengoperasi dan mengendalikan pengeluaran dengan lebih cekap. Walaupun automasi bergerak sendiri sebagai penggantian tenaga manusia oleh mesin tetapi automasi tidak mudah menggantikan aktiviti manusia. Justeru itu, dengan memperkenalkan sistem pendidikan baru di daerah Muar iaitu pendidikan berteraskan teknikal dan vokasional, ianya dapat melahirkan tenaga mahir di dalam industri perabut sesuai dengan keperluan industri perabut di Malaysia terutamanya di daerah Muar. Pendidikan ini juga bertujuan sebagai satu peluang baru bagi belia-belia di daerah ini dalam menceburi bidang industri perabut. Di samping itu, ianya dapat melahirkan *graduate-graduate* yang berkualiti seterusnya dapat mengekalkan kualiti penghasilan produk-produk perabut yang berkualiti tinggi untuk dipasarkan di Malaysia mahupun di luar negara.

Sehubungan dengan itu, isu berkenaan lambakan pekerja-pekerja asing juga dapat diselesaikan sekiranya teknologi ini diwujudkan di setiap industri. Sekali gus membuka peluang kepada tenaga mahir daripada kalangan warga tempatan khususnya pada belia di daerah Muar. Di samping itu, pendapatan pekerja dapat dipertingkatkan dengan meningkatkan kemahiran mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, ketiga, selain daripada dinobatkan sebagai bandar pelancongan terbersih ASEAN, Bentayan juga ingin memperkasakan sektor pelancongan di daerah Muar sebagai sektor pelancongan utama di Malaysia. Bandar Muar merupakan bandar yang keempat terbesar di negeri Johor yang juga dikenali sebagai Bandar Maharani, Bandar Diraja. Seperti yang telah diketahui, daerah Muar juga kaya dengan pelbagai budaya, sejarah dan khazanah masyarakat tempatan di samping terkenal dengan pelbagai makanan yang popular di sini, seterusnya menjadikan Muar sebagai di antara destinasi pelancongan tumpuan di Malaysia. Oleh itu, Bentayan juga ingin mengutarakan berkenaan penubuhan sebuah muzium warisan tarian singa yang berperanan sebagai sebuah institusi yang memberi pemahaman dan pendidikan kepada masyarakat tentang kebanggaan tarian singa Muar yang telah mengharumkan nama Malaysia sebagai juara dunia dalam arena antarabangsa.

Selain itu, pemulihan bagi bangunan-bangunan warisan pra sejarah ini juga perlu dititikberatkan supaya dianya tidak hilang ditelan zaman akibat pembangunan yang semakin pesat di daerah Muar. Pemulihan bangunan-bangunan pra sejarah ini juga bertujuan sebagai satu tarikan bagi sektor pelancongan di daerah Muar. Di mana dianya boleh dijadikan sebagai muzium kebudayaan mahupun muzium sejarah yang menempatkan pelbagai sejarah-sejarah yang terdapat di daerah Muar suatu masa dahulu. Selain itu bangunan-bangunan pre sejarah ini juga bertujuan sebagai satu tarikan bagi sektor perindustri, pelancongan, sektor pelancongan di daerah Muar di mana ianya boleh dijadikan sebagai muzium kebudayaan mahupun muzium sejarah yang menempatkan pelbagai sejarah-sejarah yang terdapat di daerah Muar suatu masa dahulu. Selain itu, bangunan-bangunan *pre* sejarah ini juga boleh dijadikan satu daya tarikan pelancongan dengan cara menjadikan ia sebagai sebuah restoran makanan berkonsepkan *old town* dengan mengekalkan ciri-ciri seni bina yang asli di samping menghidangkan makanan-makanan yang popular di daerah Muar atau menjadikan *homestay* dan sebagainya. Seterusnya, membuatkan para pelancong ingin berkunjung ke daerah Muar.

Di samping itu, kerajaan-kerajaan telah mewujudkan Muar Central, perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas yang kerap berlaku di bandar Muar. Akibat dari pembangunan yang pesat dan penambahan populasi penduduk yang bakal berlaku di daerah Muar ini. Muar Central telah dirancang bawah perancangan kawasan khas Bandar Maharani Bandar DiRaja 2017, di mana terminal pengangkutan awam sedia ada serta pasar awam dipindah ke Muar Central. Projek perancangan ini melibatkan peruntukan yang agak besar untuk melaksanakan perancangan ini. Maka, Bentayan ingin memintakan pihak kerajaan negeri Johor membantu supaya perancangan ini dapat dicapai pada akhirnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, keempat, usaha dalam mempromosikan buah-buahan tempatan seperti durian, durian merah, nanas dan tebu demi menjanakan peningkatan ekonomi dan sektor pertanian di daerah Muar. Kerajaan perlu mengambil perhatian berkenaan isu ini kerana ianya sedikit sebanyak mempengaruhi sektor pelancongan di Muar. Pasar baru bagi buah-buahan, khususnya bagi tanaman durian perlu diperluas lagi kerana penanaman durian semakin bertambah beberapa tahun berdekatan ini.

Maka kita tak boleh hanya bergantung kepada pasaran yang sedia ada seperti Singapura dan negeri China. Pasaran-pasaran baru yang boleh dipertimbangkan adalah seperti Taiwan, Hong Kong, Jepun dan Korea. Di samping itu, dalam pelbagai inisiatif termasuk memperkenalkan produk baru berasaskan durian dan sebagainya menjadikan pertumbuhan ekonomi di daerah Muar ini terus meningkat, seterusnya menjadikan daerah Muar sebagai salah satu pengeluar produk-produk berasaskan durian terbesar di Malaysia. Pelbagai

tawaran insentif dari kerajaan juga diperlukan bagi membantu para pertani mahupun peladang di daerah Muar. Ini agak menjadi salah satu sektor pendapatan tinggi dan mampan.

Yang Berhormat Puan Speaker, kelima, Bentayan ingin mendapati bahawa kerajaan yang lalu kurang memberi perhatian berkenaan industri nurseri yang agak penting di daerah Muar ini. Industri nurseri di daerah Muar juga merupakan pusat tumbuhan landskap negara yang mempunyai lebih daripada 300 nurseri, tanaman hiasan dan landskap di daerah Muar dengan peningkatan hasil sebanyak RM200 juta setahun pada setakat ini.

Permintaan dijangka agak tinggi dalam sektor perumahan dan rekreasi pada masa kini menyebabkan industri tanaman hiasan ini semakin berkembang dan bersaing dengan pesat di Muar. Selain memberikan pelbagai tawaran insentif kepada industri-industri ini, cadangan bagi mengadakan satu kawasan khas yang berfungsi sebagai pusat pameran nurseri bertemakan taman juga perlu diteruskan kerana ianya dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Seterusnya, menjadikan salah satu sektor pelancongan di daerah Muar ini iaitu membangunkan agro pelancongan.

YB Timbalan Speaker : YB Bentayan, tiga minit lagi.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Ok. Yang Berhormat Puan Speaker, yang akhir, Jalan Salleh merupakan jalan persekutuan yang menghubungkan antara Bandar Muar dengan Bandar Universiti Pagoh. Manakala, Jalan Bakri pula merupakan jalan persekutuan yang menghubungi antara Bandar Muar dengan Bukit Bakri. Kesesakan trafik yang kerap berlaku di jalan ini menandakan bahawa penambahan populasi penduduk di tiga kawasan ini semakin bertambah dan semakin pesat membangun disebabkan hab pendidikan tinggi berada di Pagoh dan hab perabot berada di Bukit Bakri.

Persoalan yang ingin Bentayan tanyakan kepada pihak kerajaan adalah, apakah perancangan jangka masa panjang pihak yang berkenaan dalam menyelesaikan perkara tersebut dan berapakah penambahan populasi penduduk di sekitar daerah Muar setakat ini? Adakah segala infrastruktur di daerah Muar ini dilengkapi dengan secukupnya bagi menampung peningkatan populasi penduduk di daerah ini?

Bentayan memohon jasa baik pihak kerajaan untuk menimbangkan perkara ini agar segala infrastruktur di daerah ini mampu menampung pertambahan populasi penduduk di sini.

Yang Berhormat Puan Speaker, itulah junjung kasih saya pada hari ini, sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Seterusnya, saya mempersilakan YB Mahkota.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh (bacaan doa).

Yang Berhormat Puan Speaker, Mahkota ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke bawah titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Pertama Dewan Negeri Johor ke 14. Mahkota juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menyampaikan di dalam Dewan ini yang pertama, tentang masalah alam sekitar yang berlaku bukan sahaja di negeri Johor, tapi juga di seluruh Malaysia. Mengikut laporan yang telah saya tatapi, pada tahun 2001, sejumlah 16,000 tan metrik sehari sisa pepejal dikumpulkan pada 2001 dan peningkatannya hingga 19,100 metrik tan sehari pada 2005 dan menjangkakan kenaikan 30,000 tan sehari pada tahun 2020. Secara puratanya, warga Malaysia menjana sebanyak lebih kurang 0.8 kilogram sisa pepejal setiap hari. Bayangkanlah tuan-tuan kalau ini sebenarnya berlaku pada negara dengan tidak ada kawalan yang terbaik dari pihak-pihak yang benar-benar dapat memberikan perhatian, saya bimbang lambakan-lambakan sisa pepejal yang tidak

terurus bukan sahaja akan memberikan kesan pencemaran kepada alam sekitar tapi akan menimbulkan masalah kepada warga Malaysia, warga Johor yang tinggal di dalam suasana yang tidak akan sihat dan memberi gambaran bahawa inilah pengakhir bagi manusia-manusia yang tidak memahami tentang kepentingan alam sekitar.

Oleh itu, Mahkota menyarankan agar program kitar semula bahan buangan yang telah lama tertinggal atau sengaja ditinggalkan atau memang tidak diberi perhatian terutamanya oleh PBT agar diberikan perhatian yang sepenuhnya untuk membolehkan kita membina semula sebuah negara, sebuah negeri yang benar-benar dapat menjamin keselesaan kepada semua, di mana sekarang jarang-jarang kita lihat tong biru, tong hijau, tong oren. Jadi, kita mengharapkan supaya dan saya mencadangkan supaya terutamanya di kawasan-kawasan perumahan, bangunan-bangunan kerajaan, sekolah-sekolah dapat diberikan bekalan-bekalan yang sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan yang kita harapkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya mantan kakitangan FELDA, walaupun dalam Mahkota tidak ada rancangan FELDA, adalah wajar saya bercakap sedikit sebanyak tentang masalah FELDA walaupun sebelum daripada ini telah dua, tiga orang ahli Dewan yang bercakap tentang isu FELDA, tapi saya lebih menjuruskan kepada apa yang telah berlaku sekarang dalam FELDA yang terakhir ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Speaker, *Board of Director FELDA* ataupun Ahli Lembaga FELDA telah ditubuhkan, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Megat Zaharuddin (*ex MAYBANK Chairman*). Kemudian, dianggotai oleh Dato' Aznah Mansor (*Lawyer*), Haji Tambi Omar (Pengurus Besar, Perbadanan Pertanian Selangor), Koh Chin Poi (PPB Oil Palm & Agribusiness), Muhammad Ghaus, Dato' Shireen and Zahara (Asset Management), Dato' Frankie Anthony Dass (MD Sime Darby Plantiation), Dato' Haji Ghani Ali, Dato' Yusof Ismail (SU Finance Strategic), Tan Sri Yusof Basiron (Malaysian Palm Oil Council) dan Haji Shamsuddin Osman, seorang peneroka.

Yang Berhormat Puan Speaker, kalau kita lihat, sebelum itu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka-mereka ini kerana telah diberikan satu pelantikan bagi membolehkan keputusan dibuat, apa yang patut diambil kepada FELDA setelah berbagai-bagai masalah timbul dan pengakhirnya kesan yang buruk diterima oleh peneroka. Tapi yang rasa dukacita saya ataupun Mahkota ialah tidak ada daripada kalangan ahli lembaga itu dari kalangan mereka yang benar-benar faham dan mengetahui bahawa isu ataupun perkara yang perlu dititikberatkan ialah masalah sosioekonomi peneroka. Tak ada satu orang pun daripada ahli lembaga yang telah dipilih adalah mereka yang pakar dalam bidangnya. Yang paling mendukacitakan, langsung tidak dipandang mantan-mantan Pengarah Besar FELDA, mantan Pengerusi FELDA, mantan pegawai-pegawai yang lain yang memang terlibat dalam urusan sosioekonomi peneroka khususnya. Kalau terdahulu daripada ini, negeri-negeri di mana daripada kalangan negeri Johor dan juga Pahang, ada duduk di dalam Ahli Lembaga FELDA sebagai mereka yang mewakili negeri-negeri. Tapi kali ini nampak tak ada, sedangkan untuk makluman Yang Berhormat Puan Speaker, lebih kurang hampir 180,000 hektar tanah Johor telah diberikan kepada FELDA untuk diurus. 124,000 hektar diberikan kepada peneroka dan lebih kurang 34,000 hektar diberikan kepada FELDA Global Venture untuk diuruskan untuk menjana pendapatan, kononnya untuk menjana pendapatan bagi peneroka dan akhirnya FGV juga hilang daripada FELDA itu sendiri. Jadi dalam Dewan yang mulia ini saya mengusulkan bahawa kerajaan negeri supaya dapat memohon sekurang-kurangnya satu *seat*Ahli Lembaga Pengarah datang daripada yang mewakili negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, FELDA merupakan satu tempat pembinaan ekonomi bagi rakyat miskin. Tapi kalau inilah yang berlaku kepada FELDA, saya tidak nampak bahawa FELDA boleh bangun kerana kalau melihat kepada apa yang telah diucapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi di Parlimen baru-baru ini bahawa FELDA menanggung hutang lebih daripada RM8 bilion. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Speaker, kali terakhir saya meninggalkan FELDA 2007 dan saya kembali semula kepada FELDA pada 2010 dan pada waktu itu FELDA mempunyai wang tunai sebanyak RM6 bilion. Bayangkan dalam masa 10

tahun, FELDA pula berhutang sebanyak RM8 bilion. Inilah kerosakan yang dilakukan oleh pimpinan-pimpinan yang memang tidak boleh dimaafkan, kalau semalam pihak sebelah sana memaklumkan bahawa kalau perkara-perkara dalam yang kita janjikan 100 hari, kalau kita tidak dapat lahirkan ataupun tidak buktikan boleh dijalankan, maka janji kita ini kalau orang Islam boleh jadi munafik. Tapi bayangkanlah inilah yang berlaku pada FELDA, kerosakan FELDA dilakukan oleh mereka-mereka yang benar-benar tidak bertanggungjawab, yang telah diberi kuasa dan diberi tanggungjawab dan diberi penghargaan oleh peneroka felda, tapi akhirnya, FELDA tidak mampu lagi hidup dan saya rasa FELDA hampir-hampir tidak boleh bangun, melainkan kerajaan persekutuan sanggup membantu sekurang-kurangnya tiap-tiap tahun memberikan geran lebih daripada RM1.5 bilion. Dan saya juga mencadangkan agar mereka-mereka yang telah memberi hutang kepada Felda terutamanya KWSP dan bank dapat merangkakan semula jadual pembayaran balik, kalau tidak FELDA memang tidak dapat bangun lagi.

Seperkara yang ingin saya sampaikan lagi satu, Yang Berhormat Puan Speaker, isu pendidikan. Pada 3 Ogos 2018 yang lalu, Datuk Salahuddin Ayub selaku Menteri Pertanian dan Industri Tani, ADUN Jeram dan Ahli Parlimen Pulai telah membuat kenyataan bahawa Malaysia memerlukan sebuah universiti yang pengajaran dan pembelajarannya berfokus kepada bidang pertanian. Mahkota mencadangkan supaya dapat disokong oleh kerajaan negeri, Kluang berpotensi diberikan sebuah sekurang-kurangnya kolej pertanian kerana berasaskan kepada segala kemudahan sekarang di Kluang ada. Kalau Yang Berhormat Puan Speaker datang daripada Ayer Hitam, Puan Speaker boleh jumpa Pusat Latihan Veterinar, Pusat Latihan Pertanian, Pusat Latihan Ternakan Ayam dan sebagainya termasuk juga Pusat Pertanian yang memberikan peluang pekerjaan, peluang latihan, peluang untuk menjana pendapatan dan kalau dilihat di sekeliling jalan-jalan daripada Kluang menghala ke Bandar Tenggara, kita boleh lihat MARDI, kita boleh jumpa PORIM, kita boleh jumpa MARDI dan sebagainya. Ini adalah tempat-tempat latihan yang sesuai boleh dijadikan tempat untuk latihan para graduan yang akan diberikan tempat di sana. Dan menghala pula ke Jalan Mersing, kita akan jumpa ladang-ladang yang begitu banyak yang boleh dijadikan juga sebagai tempat latihan. Jadi Mahkota mencadangkan kalau diterima dan seharusnya dapat dipertimbangkan supaya Kluang dijadikan sebagai tempat kerana selama ini Kluang tidak adapun sebuah pusat latihan ataupun pusat pengajian yang boleh memberikan satu perkembangan ekonomi. Kalau dibandingkan dengan Parit Raja dahulu, Kluang ini lebih maju, tetapi sekarang kalau kita lihat, Parit Raja lebih berkembang luas, lebih maju, kerana apa? Kerana ada sebuah universiti. Kluang hanya ada *rail coffee*. Itu sahaja. Jadi lain tidak ada. Jadi kalau siapa datang Kluang, ada *rail coffee* sahaja yang boleh menjamu tuan-tuan. Tetapi kalau diberikan sebuah sekurangnya kolej ataupun kolej universiti, kalau lebih baik sebuah universiti, saya rasakan Mahkota, bandar Kluang akan lebih maju untuk masa hadapan. (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Puan Speaker, sekali lagi saya nyatakan dari segi pendidikan, Sekolah Agama Kerajaan Negeri, Alhamdulillah, negeri Johor mempunyai satu sistem pengajian sekolah agama yang begitu baik, tapi perlu diingat bahawa ada juga beberapa kelemahan di sana sini yang memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kerana sekarang di Kluang masih ada lagi sekolah agama yang menumpang di sekolah kebangsaan. Jadi tolong dapat kita perhatikan terutamanya dari segi EXCO Agama, EXCO Pendidikan dapat melihat perkara ini, dan saya juga ingin membangkitkan isu masalah elaun guru-guru Al-Quran. Ini suatu yang pelik berlaku, belum saya, kerana saya baru-baru ini telah didatangi oleh Pengerusi Persatuan Kebajikan Guru-Guru Al-Quran Negeri Johor. Saya maklumkan di sini bahawa, elaun guru am Al-Quran RM6.25/jam, guru khas RM4.16/jam, guru berzanji RM100/jam. Jadi di mana kewajarannyalah perkara-perkara yang sebegini. Jadi minta Jabatan Agama dapat melihat perkara ini dan supaya kita dapat memikirkan apakah langkah-langkah yang terbaik dan yang penting kita Pakatan Harapan yang memperjuangkan dan pastikan bahawa agama Islam tegak di negara kita, kita hendaklah melihat perkara begini supaya boleh jadikan kebaikan untuk seluruh guru-guru agama di negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Pengerusi, seperkara lagi yang ingin saya sampaikan dari segi masalah jalan, FT50 daripada Ayer Hitam ke Kluang. Kita akan menjadikan Kluang sebagai satu pusat pelancongan pertanian. Tapi dengan keadaan jalan yang tidak sempurna, yang tidak sehebat mana yang memungkinkan pelancong-pelancong datang, saya tidak fikir bahawa ini akan memberikan satu yang terbaik untuk Kluang. Jadi Mahkota mengharapkan supaya diberikan perhatian yang paling serius kerana kita akan bergerak ke arah supaya Kluang menjadi lebih maju, ternama di masa hadapan, jadi kami mohonkan supaya FT50 sepanjang lebih kurang 20 kilometer, tolong dipertingkatkan untuk membolehkan pencapaian yang kita perlukan. Selain daripada itu, jalan daripada Kluang menghala ke Kahang, di kawasan ini merupakan kawasan-kawasan industri, kawasan-kawasan kilang, tapi jalan yang ada di sana tidak memungkinkan kenderaan-kenderaan berat untuk bergerak dan juga menjejaskan pergerakan kereta-kereta yang kecil kerana masalah keadaan jalan yang tidak sempurna dan hingga menyebabkan kadang-kadang berlaku kemalangan yang tidak, yang menjejaskan perjalanan sehari-hari.

YB Timbalan Speaker :YB Mahkota tiga minit lagi.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonid (Mahkota) : Yang Berhormat Puan Pengerusi, Puan Speaker, cabaran paling besar kerajaan baru sekarang ialah, kami juga Mahkota dan juga Mengkibol dan Parlimen Kluang mengharapkan penciptaan peluang pekerjaan, aktiviti ekonomi yang berkualiti untuk mencapai matlamat ini, kami cadangkan supaya dilancarkan Program Ekonomi Lembaran Johor Tengah yang meliputi 8 ADUN. Minta maaflah saya terpaksa mewakili beberapa ADUN termasuk juga di sebelah sana kerana kita ada rancangan yang kita panggil sebagai *Johor Information Technology And E-Commerce Council* dengan izin, supaya serupa dengan *C-Tech* di Selangor, program ini memerlukan kerjasama daripada kawasan DUN-DUN yang saya nyatakan tadi, iaitu melibatkan Paloh, Kahang, Mahkota, Mengkibol, Layang-Layang, Machap, Yong Peng dan Semerah kerana kita lihat bahawa disanalah terletak perkembangan pertanian yang begitu baik untuk kita ketengahkan dan dalam masa yang sama kita dapat gunakan tempat ini sebagai tempat pelancongan.

Jadi untuk itu, saya mencadangkan agar kerajaan negeri dapat memikirkan perkara ini untuk membangunkan Johor sebagai hub perniagaan *e-commerce* dan menggalakkan *start up* baru dikalangan pemuda. Jadi untuk itu dan akhirnya, Mahkota mengucapkan berbanyak terima kasih terutamanya kepada JCS, kepada ketua-ketua jabatan, kerana terutamanya di Kluang telah memberikan sepenuh kerjasama kepada kami wakil-wakil rakyat yang baru terpilih, saya ini kira wakil yang barulah, kalau semalam kata wakil Machap mengatakan bahawa kadang-kadang ada wakil rakyat menang, mengalahkan orang-orang yang banyak berjasa, mengalahkan banyak orang-orang yang banyak ternama, saya mungkin tersinggung jugalah kerana saya bukan orang yang terkenal, tak pernah berjasa pun kepada orang Kluang, tak pernah berjasa pun di mana-mana, tetapi boleh menang, itu kehendak Allah, Yang Berhormat Machap. Jadi saya mohonlah supaya dapat perkara ini yang saya sampaikan tadi dapat dipertimbangkan demi kebaikan semua. Wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini selama 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.45 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4.00 petang.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya menjemput Yang Berhormat Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Puan Speaker, Innalillahi wainnailaihirojiun, kita sampaikan takziah kepada Encik

Nordin bin Kosnin, pemandu bas Muafakat Johor yang ditukar nama Amanah Johor, Harapan Johor, bas Harapan Johor yang telah meninggal sebentar tadi. Al-fatihah.

Yang Berhormat Puan Speaker, Semarang mengucapkan jutaan terima kasih serta penghargaan di atas peluang yang diberikan untuk sama-sama terlibat dalam perbahasan atas usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah sudi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 baru-baru ini. Seterusnya Semarang ingin mengucapkan setinggi-tinggi dengan ikhlas, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua Ahli Dewan Negeri yang telah terpilih dan dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya yang lalu untuk menganggotai Dewan ini dan selanjutnya mewakili rakyat di kawasan masing-masing. Saya juga ucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan Menteri Besar, EXCO dan tidak tertinggal kepada Yang Berhormat Speaker dan Timbalan Speaker. Sesungguhnya kami redha dengan apa yang berlaku. Tak payah lagi dipertikaikan bahawa kita terima seadanya. Mereka merancang, Allah merancang, sesungguhnya Allah itu adalah sebaik-baik perancang. (Firman Allah).

Yang Berhormat Puan Speaker, kita berlapang dada dengan apa dan yang lebih penting adalah tugasan ini harus dipikul dengan ikhlas dan amanah, dan saya ingin mengajak Ahli Dewan semua yang ada untuk kita mendakap dan menghayati realiti yang berada di hadapan kita. Sesungguhnya untuk meroboh sesuatu bangunan itu, satu institusi mahu pun satu tamadun itu adalah lebih mudah daripada membinanya daripada mula. Untuk membakar sentimen menghakis keyakinan dan sokongan adalah lebih senang dan mudah. Apatah lagi kalau berstrategi matlamat menghalalkan cara.

Yang Berhormat Puan Speaker, dengan izin *what you see, what you sow, is what you reap. A*pa yang kita taburkan benih itulah yang akan kita dapat. Sebab itulah dalam hal ini kita sewajarnya tidak terperanjat dengan apa yang berlaku, tetapi sewajarnya mengambilnya sebagai iktibar dan amanah yang sepatutnya kita laksanakan. Di hadapan kita ini adalah amanah, amanah yang kita pikul, yang perlu kita jawab kepada rakyat jelata dan di akhirat nanti kepada Allah SWT.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan ini bukannya piala pusingan yang kita berusaha untuk kita menang gila-gila, lepas tu kita dah menang kita rilek belaka. Tetapi sebenarnya adalah satu pengharapan daripada mereka yang kita janjikan, yang kita raih sokongan,untuk melihat kita berperanan dan melihat kepada masalah dan keperluan mereka di akar umbi. Ianya saya ingatkan bahawa bukan sahaja akan diukur secara kuantitatif semata-mata tetapi secara kualitatif.

Yang Berhormat Puan Speaker, kita akan diuji dengan janji-janji kita. Kerajaan yang lalu juga berjanji, tetapi mereka berjanji berdasarkan lingkungan usaha dan keupayaan serta kemampuan yang ada, berfakta, boleh dibaca dan dilihat serta dikira. Manakala kerajaan masa kini pada waktu itu juga berjanji, berjanji berdasarkan keperluan memancing sokongan. Jadi, pandai-pandailah untuk mempastikan apa kita sarankan, kita cadangkan, yang kita komen dan kita tegur agar diperbaiki daripada masa ke semasa. Barang diingat kumpulan yang hebat tunjukkan hasil, kumpulan yang lemah hanya beri alasan dan alasan daripada masa ke semasa.

Sepanjang perbahasan ini tiada seorang pun di sebelah sana di pihak kerajaan yang membawa isu beban kos sara hidup rakyat. Kalau dulu Dewan ini menjadi pentas dan medan daripada mula Persidangan hingga akhir Persidangan, tentang soal kekurangan, kesengsaraan rakyat, kebejatan kerajaan dan sebagainya. Apakah semuanya sudah selesai? Adakah semuanya telah menjadi baik serta merta? Realitinya, bagaimana dengan kos barangan kos harga barang? Bagaimana dengan harga minyak? Bagaimana dengan harga komoditi sawit, getah? Bagaimana dengan harga-harga barangan kegunaan harian? Bagaimana? Bagaimana dengan keluarnya pengaliran keluar dana asing RM11.8 bilion sehingga 14 Julai yang baru lalu daripada pasaran ekuiti?

Yang Berhormat Puan Speaker, ini adalah perkara-perkara yang akan ditanya. Saya tak nak mempertikaikan banyak sangat tentang janji-janji 100 hari, kerana kepada saya ini semua adalah gimik-gimik politik dan kita tidak sewajarnya menggula-gulakan rakyat dengan senarai 10 yang kita buat sedangkan ianya tidak dapat di rasa dan dinikmati, apatah lagi untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat di bawah sana.

Yang Berhormat Puan Speaker, dulu semua mencemuh kebejatan GST yang dikatakan penyebab kesengsaraan rakyat. Yang cacat, yang sihat, yang kecil bayi, yang besar, yang dewasa, yang tua, semua terlibat dengan GST. Kerajaan memutuskan *zero* GST, apakah harga barang telah turun? Selepas ini dicadangkan SST. Bolehkah dijanjikan akan turun dan realitinya apabila menceritakan tentang ketelusan, akhirnya pihak kerajaan, pak menteri mengakui bahawa GST adalah satu cukai yang telus dan bermanfaat, tetapi atas dasar politik ianya ditukar. Tak apalah asalkan apa pun dibuat kebaikan diterima, manfaatnya dirasai oleh rakyat jelata.

Yang Berhormat Puan Speaker, realitinya semuanya tidak semudah yang dikata. Kita tak boleh jawab, kalau tak mahu kena cukai jangan beli barang. Tak boleh, kalau dulu orang cakap macam gitu berbakul-bakul kena maki. Yang Berhormat Puan Speaker, realitinya tak semudah yang dikata dan sekarang ini di hadapan kita adalah amanah. Jangan lepaskan tanggungjawab ini dengan menyalahkan orang yang lain. Jangan tidakkan mereka yang sebelum ini yang telah menabur budi dan juga membawa pembangunan. Yang salah ia salah, tetapi yang benar katakan benar.

Tak sampai ke mana menyalahkan pihak yang lain. Kalau kita masih lagi bersikap *escapism* melaksanakan *escapism*. asal jawab, asal menjawab, ini harus direntikan. Selain janji bagaimana dengan cerita-cerita yang telah terbukti fitnah, siapa yang nak pikul benda ni semua. Tepuk dada tanya selera. Dan pada masa yang sama yang lebih penting adalah jangan tidak kan yang lalu, tunjukkan kehebatan, jangan nak tunjukkan hebat dengan menyalahkan orang lain. Orang akan mengukur kehebatan kita daripada hasil yang kita tunjukkan.

Saya nak menyentuh sedikit berkenaan dengan apa yang diutarakan tentang MMK kuota MMK ini, KMK ini. Apa yang masalah sangat dengan KMK ini. KMK ini sebenarnya Yang Berhormat Puan Speaker telah diwujudkan sejak tahun 1997 yang lalu dalam era kepimpinan Bukit Gambir ketika menjadi Menteri Besar Johor Darul Ta'zim ini. Ianya adalah satu perkara yang baik tetapi ia tidak baik kalau disalahgunakan, dia satu benda yang baik. Cuba ditengok balik berapa ramai penerima-penerima kuota KMK ini yang tak dapat rumah. Dia tidak terkecuali daripada memenuhi syarat-syarat daripada SUK Bahagian Perumahan. Ada yang tidak cukup layak, ada yang kerana tidak cukup rekod kewangannya dan sebagainya.

Bayangkan kalian akan menghadapi orang-orang *public,*awam yang datang ke pejabat Tuan-tuan Yang Berhormat-Yang Berhormat memohon bagaimana atau lagi dengan izin mereka yang *desperate* tidak ada tempat penginapan nak buat rumah, tak ada rumah. Adakah anda akan menyatakan bahawa pergi SUK isi borang, sedangkan kita tahu dia benar-benar memerlukan. Ya, memang benar saya setuju kalau salah laku disalahgunakan, *abusing* memang tak betul, tetapi itu bukannya dosa yang paling besar kerajaan yang lalu yang menghalalkannya untuk ditumbangkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebab itulah jangan sampai kita kondem sangat akhirnya nanti apabila ada kes-kes ini datang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kita menelan ego dan melakukan *double standard* memenuhi permintaan mereka dengan menafikan pihak lain yang menghormati sistem yang sedia ada.

Yang Berhormat Puan Speaker, berkenaan dengan isu UEC ini, kepada saya *no big deal* dengan izin. Yang Berhormat Puan Speaker, tak perlu menjawab bagi pihak kerajaan kerana Yang Berhormat Puan Speaker telah diangkat martabatnya sebagai pengendali Dewan, satu martabat yang mulia, biar pihak kerajaan yang menjawabnya.

Sebenarnya saya ingin menyatakan bahawa tidak semua yang kita mahu dan kita minta mesti didapati. Amanah untuk memperjuangkannya tu telah diambil, maka kita tunggulah apa keputusannya. Dan pada masa yang sama kita harus adil kepada mereka yang akur dan setia kepada sistem yang ada, mengikut sistem pendidikan yang ada. Dan kepada mereka yang memilih kepada sistem yang lain ia tak apa, kerana ini adalah demokrasi yang ada. Tak apa, tetapi tidak adillah ikut tak nak ikut sistem yang mula-mula lepas tu nak balik kepada yang ada. Ia memang benar sekarang ini ada kelulusan UEC yang menjadi Timbalan Menteri dan sebagainya. Pada saya itu tidak memeranjatkan malahan graduan dan graduan daripada Kemunting pun ramai yang menjadi menteri-menteri.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin beberapa perkara sini berkenaan dengan pejabat pembangkang, saya nak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memenuhi permintaan rakyat untuk memberi ruang kepada pejabat kepada pembangkang. Tahniah, tetapi pada masa yang sama janganlah diungkit-ungkit, jangan gundah gelana, kita sebenarnya adalah satu cabaran apabila diberi pejabat, sejauh mana kita akan menggunakannya sepenuhnya. Itulah menjadi bilik kecil untuk kita bersua dan berbincang, duduk bersama-sama. Dan kita lebih takut kalau dikatakan dibagi *facilities* tapi tak pandai nak menggunakan. Jadi janganlah jadi buruk siku, gundah gelana tentang apa yang kita nyatakan. Sahabat ku Perling, usah gundah gelana. Kita akan gunakan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menceritakan berkenaan dengan *food security* dengan izin, keselamatan makanan yang merangkumi 3 perkara iaitu *affordability* kemampuan iaitu *availability* dengan izin, kewujudan dan kesediaadaan dan *sustainability* iaitu kelestarian. Dalam konteks negeri Johor kita mahu dengar dalam sektor pertanian apakah tindakan dan langkah yang dibuat oleh kerajaan dengan *resources* yang ada dalam negeri Johor ini dengan tanah yang banyak, pantai yang di sekeliling negeri. Apa yang kita nak buat untuk mempastikan kita menjadi juara. Dan kita telah ambil maklum kita ini adalah pengeluar ayam yang terbesar, telur yang terbesar, sayur yang ada.

Bagaimana kita boleh menyumbang?Bukan itu sahaja saya ingin harus memasukkan dengan lebih ke dalam lagi iaitu soal makanan haiwan. Kita cerita pasal makanan, kita cerita sayur, saya nak menjurus kepada haiwan, apakah yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan negeri Johor untuk mempastikan ternakan haiwan ini cukup, *supply* daging cukup? Realitinya Yang Berhormat Puan Speaker,*ingredient* makanan haiwan ternakan ini 50% adalah jagung. Jagung adalah 50% dan Malaysia ini memerlukan 3 juta tan satu tahun yang keseluruhannya diimport dari luar negara sudah pasti ia memerlukan belanja yang besar dan kos yang besar.

Jadinya kalau kurang makanan haiwan, kuranglah haiwan. Sebab itu saya ingin menyatakan bahawa dan meminta kerajaan negeri membuat langkah-langkah tertentu, dasar-dasar untuk mempastikan tanaman jagung dalam negeri Johor ini akan dilakukan agar dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import jagung di masa yang akan datang.

YB Timbalan Speaker : YB Semarang 3 minit lagi.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Astagfirullahilazim. Pada masa yang sama, pada masa yang sama, harus pastikan rantaian nilainya tidak terputus. Rantaian nilai ni penting. *Value change*, dengan izin. Jangan kita suruh tanam ini, tanam itu, tanam itu tetapi tidak lengkap dengan rantaian nilainya. Pastikan kerajaan melihat tentang perkara ini dan kenal pasti ianya harus dilakukan. Jadi ini adalah penting.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri berprestasi tinggi, bangsa negeri, Bangsa Johor bestari. Saya nak ingatkan bahawa, kita harus berjaya merancang dan juga berjaya melaksanakan perancangan dan memberi nikmat menyeluruh. Dipendekkan, saya nak bawa soal tempatan, Mahkota bawah FP50 Ayer Hitam ke Kluang, saya terus membawa FT50, jalan raya FT50 Yang Berhormat daripada Ayer Hitam ke Batu Pahat. Telah terbukti dan telah termaktub sebagai jalan itu adalah jalur jalan maut, dalam Malaysia bukan Batu Pahat, bukannya Johor. Jalan maut. Saya nak mencadangkan benda ni telah anjurkan, telah diusulkan sebelum ini, tinggal kejayaannya belum menjadi. Supaya dilakukan

penambah pencahayaan jalan FT50 khususnya antara Parit Raja dan Ayer Hitam jalan maut ni Puan Speaker, *real* betul tau. Lampu tak de, *emboss*, lihat sahajalah jalan protokol kita pergi ke Senai tiang lampu baru-baru. Ke mana tiangnya, kita ada persetujuan ambil tiang lama *second hand* pun tak apa. Dah sanggup dah, Majlis Bandaraya, Majlis Bandaraya apa, Iskandar Puteri. Dah ok dah. Kerjasama dengan JKR, gunakanlah tiang *second hand* pun tak apa, Semarang, orang Ayer Hitam terima. Ia juga menjadi isu dan dibawa oleh pihak Pakatan waktu nak pilihan raya, ayuh sekarang. Lebih buruk lagi simpang maut Taman UPC diusahakan, dah dapat RM400,000.00 dah datang Selia Senggara, bawa traktor datang dah buat. Jentolak dah datang nak buat kerja, peruntukan ditarik balik apabila tukar kerajaan. Ini ke sayang rakyat? Saya nak melihat, saya tak kisah kerajaan mana yang buat. Yang penting rakyat Semarang, rakyat Ayer Hitam, rakyat negeri Johor dan pengguna jalan (dewan bertepuk) FT50 mendapat nikmatnya. Berlaku ikhlaslah dan pada masa yang sama saya nak tahu apa pendapat kerajaan negeri Johor tentang perlaksanaan MSPO, Malaysia Standard Palm Oil yang dikenakan oleh para penanam-penanam sawit di seluruh negara ni. Harga tengah merudum...

YB Timbalan Speaker : YB Semarang sila gulung.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Harga tengah merudum. (dewan ketawa) Saya tak merudum lagi. Kena buat pelaksanaan MSPO. Kalau laksana MSPO sekadar pergi ke majlis daerah, daftar nama dapat *certificate* macam penjaja tak apa juga. Ada kosnya pula. Kena ikut *comply* kepada syarat-syarat yang ada kos. Ini semua membebankan rakyat. Jadi apa *stand* kerajaan negeri tentang perkara ini?

Yang Berhormat Puan Speaker, saya harapkan juga bahawa masalah rakyat khususnya para asnaf saya minta Majlis Agama Islam melihat tentang perkara ni. Banyak lagi rumah-rumah terbakar yang telah dapat keputusan, kelulusan daripada pihak yang berwajib, dah terima gembira, terima kasih. Dah buat bubur merah, tak buat kenduri, belum lagi. Buat bubur merah dapat rumah baru. Dah bertahun tak buat, lihat tentang perkara ni. Kita bercerita berkenaan dengan kebajikan rakyat bukan, inilah perkara-perkara yang dilihat. Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga berharap bahawa...

YB Timbalan Speaker : Belum habis lagi ya?

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Sikit lagi Yang Berhormat Speaker. Saya suka tengok Yang Berhormat Puan Speaker. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Puan Speaker, realitinya Puan Speaker, kita sedang dilihat oleh rakyat. Pengharapan mereka tinggi. Janganlah harapan tinggal harapan kerana pengharapan mereka cukup tinggi. Saya berterima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan negeri Johor, yang telah membantu Semarang selama ini. Dan tak apa, saya pun redha jika ada jabatan-jabatan kerajaan yang malu-malu sekarang nak berinteraksi dengan DUN Semarang. Tak apa saya faham. Tak payah tolong DUN Semarang, yang penting tolong rakyat. Sekarang nak hidup adalah amanah, amanah yang mesti dilakukan. Amanah yang perlu dilaksanakan. Tak selamat kalau kita menganiaya orang lain. Yang hak tetap hak.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya terima kasih tak payah ungkit lagi tentang bilik pembangkang kami. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya mohon menyokong. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Semarang. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Johor Lama.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Bismillahirahmaanirrahim (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Puan Speaker, barisan kepimpinan EXCO, Ahli-Ahli Berhormat tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Terlebih dahulu saya mewakili seluruh Bangsa Johor di kawasan Johor Lama, amat berbesar hati serta terharu kerana diberi peluang dan kesempatan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor,

sempena pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Bagi Penggal Ke-14 ini. Saya hayati titah ucapan ke bawah Duli Tuanku, begitu prihatin dan sentiasa berhasrat untuk mendahulukan kebajikan rakyat. Di samping memayungi negeri Johor Darul Ta'zim dengan penuh daulat dan makmur.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam membantu menyamaratakan nikmat Ilahi dan mengimbangi kemajuan negeri, agar rakyat jelata di seluruh pelosok desa, kampung, mukim, bandar dan daerah dapat mengecap manfaat dan kesejahteraan hidup. Perlulah kita sentiasa meninjau sama ada kalangan mereka itu tidak terkesan dalam jangka waktu pendek atau panjang ke atas sesuatu perancangan yang bakal dilaksanakan. Apa guna sesuatu kawasan itu pesat, maju dibangunkan, sedangkan dalam waktu yang sama kita meminggirkan satu kawasan lain, yang dahulunya kita lanskapkan sedemikian rupa dengan upah belanja membangunkannya yang menelan jumlah yang amat besar, berjuta ringgit.

Yang Berhormat Puan Speaker, kebimbangan saya berasas ketika ini apabila melihat senario bandar Kota Tinggi di dalam kawasan Johor Lama. Bandar bersejarah akan menjadi bandar yang mati, malap, atau bandar *Cowboy,* dengan izin, malah benar-benar menepati jolokan bandar ini hanya akan tinggal kenangan sebagai bandar bersejarah sahaja satu ketika nanti. Dengan adanya *by pass* Kota Tinggi dan Lebuh raya Desaru-Senai. Perjalanan Desaru ke Johor cuma mengambil masa hanya beberapa minit. Orang ramai yang ingin ke Mersing dan ke Pengerang tidak perlu singgah ke bandar Kota Tinggi. Dengan yang demikian, para peniaga yang berapa di bandar Kota Tinggi juga semakin mengeluh, dan mengakibatkan perniagaan masing-masing semakin merosot akibat kekurangan. pengunjung.

Walaupun Kota Tinggi terkenal dengan pusat pelancongan seperti lokasi Air Terjun, dan tempat-tempat bersejarah, tetapi dalam mengejar masa dan menyingkatkan perjalanan, ianya tidak lagi menggamit orang untuk singgah ke bandar Kota Tinggi. Promosi dan usaha memperbaiki infrastruktur bandar Kota Tinggi tentunya perlu meningkatkan prestasi kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi. Persoalannya Majlis Daerah Kota Tinggi juga bakal menghadapi masa depan yang suram seperti kesuraman bandar Kota Tinggi itu sendiri. Begitulah halnya Majlis Daerah Kota Tinggi dengan keluasan liputan pentadbiran akan mengalami neraca kewangan yang tidak seimbang antara pendapatan yang terhad dan perbelanjaan mengurus yang jauh lebih besar. MDKT dalam tahun 2018, dijangka mengalami *defisit,* dengan izin, sebanyak RM3.47 juta. Malah jika berterusan akibat kehilangan hasil, dan bebanan perbelanjaan yang tinggi, rizab simpanan Majlis Daerah berjumlah RM19.0 juta akan habis dalam tempoh terdekat.

Justeru itu, saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menimbangkan semula hasrat kerajaan negeri meluluskan pengambilan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang mulai Januari 2019. Pemberian semula taraf pentadbiran kawasan Pengerang di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kota Tinggi seperti sebelum ini tentunya berupaya mengelakkan masalah MDKT terus memikul beban kekurangan sumber pendapatan di masa akan datang. Rasionalnya pengucupan saiz tanggungan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang bermula apabila kebanyakan penempatan penduduk dari Sungai Kapal, Teluk Empang dan Langkah Baik, Batu Mas, Kampung Jawa dan Sungai Buntu, meliputi 8,000 hektar telah diambil di ambil sebagai kawasan Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang. Dengan sendirinya membawa impak pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan.

Yang Berhormat Puan Speaker, kita Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang mentadbir urus kawasan penempatan yang kecil, meliputi kawasan bandar Penawar dan Pekan Sungai Rengit sahaja. Pendapatan yang melimpah ruah hasil perolehan itu barangkali hanya dinikmati oleh kira-kira 70,000 rakyat asing yang bekerja di projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia ataupun RAPID. Oleh itu, kesediaan mengembalikan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang yang kini di bawah pentadbiran JCORP, anak syarikat kerajaan negeri kepada pentadbiran Majlis Daerah Tinggi bagai sireh pulang ke ganggang. Langkah dan pertimbangan prihatin Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar

Johor itu juga akan dilihat penyelamat umpama memberi pelampung kepada seorang yang hampir kelemasan saya sendiri sebagai pembayar cukai, sudah berpuluh tahun tinggal di kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi belum merasai lagi satu perkhidmatan yang betul-betul ummph, dan luar biasa sebagaimana yang terdapat di lain-lain tempat dalam kawasan Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran. Sebagai contoh, Yang Berhormat Speaker, Taman rekreasi tempat berjoging dan beriadah di Taman Tasik Johor Bahru terdapat jugalah air pancuran yang boleh menari-nari berirama. Tapi tasik di Kota Tinggi, airnya bertakung di sana sini. Semak, dan kadang-kadang tidak terurus. Jadi Yang Berhormat Speaker, saban hari saya menggunakan kawasan ini, berjalan kaki beribu langkah sehari, berjumpa dengan ramai lapisan masyarakat yang muda dan tua dan berbagai bangsa, keluhan mereka tetap sama. Mereka hendakkan tempat yang lebih istimewa, bersih, segar dan menyeronokkan. Saya amat yakin seandainya Majlis Perbandaran Kota Tinggi menjadi kenyataan yang meliputi semula kawasan asalnya, yang hampir meliputi 3 Parlimen, termasuk kawasan RAPID, yang asalnya dibangunkan oleh Majlis Daerah Kota Tinggi, akan berlaku perubahan kepada yang pertamanya, Bandar Kota Tinggi itu sendiri akan menjadi tumpuan semula kerana banyak tempat-tempat riadah, menikmati pensejarahan lama, banyak tempat makanan tempatan akan mampu disediakan, khasnya makanan eksotik laut seperti belangkas, gong-gong, brongan, siput sedut, lokan, asam pedas ikan sembilang dan ikan mayong serta *shell out* dapat dibina dan dibangunkan. Pihak perbandaran akan menyediakan gerai-gerai makan di pinggiran sungai dan menjadikan sungai sebagai laluan persisiran, pensejarahan kerajaan Johor dari Bandar Kota Tinggi sehingga ke hilir di Teluk Sengat.

Sungai merupakan sumber ekonomi yang komersil dengan tersedianya nanti rumah-rumah rakit dan kelong. Bukan sahaja menghidupkan ekonomi dan menjana pendapatan masyarakat tempatan, tetapi yang utamanya memberi peluang kepada pelancong menukar suasana hiruk-pikuk kepada menikmati alam yang mendamaikan.

Yang keduanya, akan tiada lagi rungutan pembayar cukai terhadap perkhidmatan majlis daerah kepada isu-isu pembersihan di kawasan kediaman, pembaikan dan penyelenggaraan parit, longkang, lampu awam dan potong rumput. Banyak dewan-dewan untuk diadakan majlis-majlis keramaian dapat dibina. Kota Tinggi juga melahirkan ramai pemain bola sepak untuk dibekalkan kepada JDT di dalam beberapa kategori umur sejak berdekad lamanya. Jika kewangan pihak majlis yang mantap dan mencukupi, saya amat yakin banyak lagi perkara-perkara yang munasabah dapat dibina dan diadakan, seperti pembinaan stadium dan padang bola yang setaraf, atau sekurang-kurangnya mempunyai lampu limpah yang membolehkan latihan dan pertandingan diadakan sebelah malam. Dengan ini tentu banyak masa dapat diperuntukkan bagi menjamin keselesaan dan mutu permainan dan ramai lagi bakat-bakat baru dapat dicungkil kerana permainan bola sepak merupakan satu profesion yang menjamin masa depan anak-anak muda.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya amat yakin seandainya Majlis Daerah Kota Tinggi dapat dikembalikan semula kawasan dan persempadanan seperti hak mereka terdahulu dan dinaiktaraf sebagai satu kawasan perbandaran maka banyak sangat kebaikannya kepada pengundi dan masyarakat dan menjadi penyelesaian kepada banyak isu dan permasalahan kerajaan dapat diselesaikan. Pembangunan haruslah merata dan adil. Sepatutnya dirasai oleh semua rakyat jika pun sebahagian besar Kota Tinggi ini tidak terlibat dengan pembangunan dan perancangan ekonomi oleh kerajaan negeri, cukuplah kita merasai tempiasnya. Sekurang-kurangnya diperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik atau rumah-rumah yang bersesuaian. Diadakan juga pusat-pusat latihan seperti minyak dan gas atau pusat-pusat latihan vokasional dan pekerja terlatih agar Kota Tinggi menjadi tempat kediaman yang selesa, menjadi pusat membekalkan tenaga pekerja mahir dan separuh mahir dan pastinya di Kota Tinggi ini akan menjadi pilihan pekerja-pekerja menetap, yang akan dibekalkan kepada industri di persekitaran Kota Tinggi. Dengan kapasiti penduduk yang ramai dan mempunyai kuasa pembeli yang tinggi, maka ini akan meningkatkan peluang perniagaan kecil dan besar di Bandar Kota Tinggi. Bandar Kota Tinggi akan membangun dan lebih ceria dengan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti sama ada ekonomi,

riadah atau kemasyarakatan ataupun kawasan-kawasan kediaman dengan persekitaran yang menyeronokkan.

Puan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong titah duli Tuanku. Sekian, wabilahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : YB, Yang Berhormat Pemanis.

YB Tuan Dr. Chong Fat Full (Pemanis) : Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Pertama bagi Dewan Negeri Johor yang ke-14. Selamat petang, kabare, salam harapan. Pemanis ingin mengucap tahniah dan syabas atas lantikan Yang Berhormat Tuan Speaker dan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta barisan EXCO dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menang dalam PRU -14.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan baru Pakatan Harapan menghadapi pelbagai cabaran selepas memenangi pilihan raya. Pemanis menganggap cabaran utama yang dihadapi termasuk usaha menyempurnakan Manifesto 100 hari dan Manifesto 5 tahun. Walaupun PH menjadi…

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pemanis, sila duduk.

(Dewan berhenti seketika bagi menghormati laungan azan)

YB Timbalan Speaker : Sila sambung.

YB Tuan Dr. Chong Fat Full (Pemanis): Terima kasih Puan Speaker. Kerajaan Pakatan harapan merupakan kerajaan yang belum sampai setahun jagung pun. 100 hari pun belum sampai dan saya memohon agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sana bagi kami sikit masa, bersabar sikitlah.

Yang berhormat Puan Speaker, Pemanis berasa bersyukur kerana kali ini kita mempunyai pembangkang yang cukup kuat dan mantap dan berkali-kali cuba mensekolahkan kerajaan baru dalam bab pentadbiran negeri. Kita mempunyai pembangkang yang pernah memerintah selama 61 tahun, pembangkang yang cukup berpengalaman dan juga cukup banyak membuat kesilapan dan bakal menjadi pakar pemantau kerajaan baru. Tapi apa yang kami lebih takut adalah pemantauan daripada golongan rakyat yang makin jadi pandai dan bijaksana.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis juga ingin mengambil kesempatan ini mengucap setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kem Pembangkang termasuk Seri Medan, Layang-Layang, Tenggaroh, Semarang, yang baru sahaja membangkitkan isu kos sara hidup yang membawa mesej yang positif. Yang betul tu betullah. Konstruktif dan bersemangat muafakat tulen, tetapi Pemanis berharap jangan setakat hangat-hangat tahi ayam sahaja.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan Pemanis membawa isu pengiktirafan UEC ataupun *United Examination Certificate* dengan izin, ke dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin ini merupakan satu isu yang *redundant*, berulang dengan izin. Namun atas permintaan rakyat DUN Pemanis, Pemanis terpaksa. Pemanis berasa pendirian kerajaan persekutuan itu tidak sepatutnya menjadi batu penghalang kepada kerajaan Johor mengiktiraf UEC di Johor. Soalan yang Pemanis ingin bertanya,

1. Apanya susah sangat nak iktirafkan UEC?
2. Adakah pengiktirafan UEC bermakna kita sudah mengorbankan dasar pendidikan negara?

3. Kerajaan boleh mengiktiraf kelulusan dari luar negara, kenapa diskriminasikan UEC yang telah pun diiktiraf di banyak negara yang maju?
4. Pendapat Pemanis adalah isu UEC ini merupakan satu senjata strategi kotor Barisan Nasional untuk memancing undi kaum Cina. Kerajaan baru harus melangkah satu *milestone* baru, *let's walk a new mile together* dengan izin, dan tidak terperangkap lagi dengan *mindset* Barisan Nasional. Kita harus berfikir di luar kotak, iaitu pengiktirafan UEC merupakan satu isu akademik dan tidak berkaitan langsung dengan isu lain. Itu sahaja.

Yang Berhormat Puan Speaker, berkenaan dengan bab bahasa dan perpaduan negara, dengan isu UEC ini izinkan saya memberi satu contoh. *I'm a diplomate member of the Royal College Of Surgeon United Kingdom, does it make me a lesser Malaysian. Agree*. Itulah Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis rasa usah kita mengaitkan isu bahasa dengan UEC, usah kita berkait perpaduan negara dengan UEC. Dan Pemanis berasa golongan yang boleh dianggap lebih mengkhianati negara, menderhaka bangsa Malaysia yang memecahkan perpaduan rakyat, yang melakukan kezaliman kepada rakyat adalah mereka yang kleptokrat bukan golongan dari UEC. Dengan ini Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis ingin menyeru agar kerajaan Johor mengikut jejak langkah Pulau Pinang, Selangor, Perak, Sarawak dan lain-lain negeri untuk mengiktiraf *United Examination Certificate* di Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan Pemanis membawa isu kawasan Pemanis ke Dewan yang mulia ini. Kawasan Pemanis mempunyai banyak masalah. Kebanyakannya diwarisi dari kerajaan lama. DUN pemanis mempunyai 3 FELDA, antaranya FELDA Pemanis 1 dan FELDA Pemanis 2, merupakan antara kubu yang paling kuat Barisan Nasional di Johor. Pemanis boleh kata termenang di DUN Pemanis. Tidak sangka. Termenang. FELDA Pemanis sering mengalami masalah tekanan air dan bekalan air kerana tangki air belum siap. Ini disebabkan oleh kerajaan lama robohkan tangki lama sebelum tangki baru disiapkan. Projek pembinaan tangki telah pun tergendala. Masalah ini telah berterusan agak lama dan banyak membawa masalah kepada ADUN Pemanis yang sibuk menjadi tukang menjaga bekalan air terutamanya masa hari-hari perayaan. Lagipun Hari Raya Haji sudah pun dekat. Pemanis ingin memohon pertolongan EXCO yang berkenaan untuk berhubung dengan pihak FELDA supaya projek tersebut dapat disiapkan secepat mungkin.

Satu lagi masalah dari kubu kuat BN FELDA Pemanis 2, Masjid Nur Hidayah yang dijangka siap pada 16 Januari 2018 sekarang sudah masuk bulan Ogos masih tidak siap-siap lagi. Pemanis ingin memohon jasa baik Majlis Agama Islam Johor untuk menyusul isu ini yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM3 juta. FELDA pemanis juga menghadapi masalah pelupusan sampah. Pihak pengurusan telah mengarahkan peneroka supaya menguruskan pelupusan sampah masing-masing mulai bulan Ogos. Alasan yang diberi adalah kekangan bajet.

Yang Berhormat Puan Speaker, ini bermakna peneroka kena melakukan pembakaran terbuka dan kecemaran udara. Pemanis harap masalah ini juga boleh dapat perhatian dari EXCO yang berkenaan. Yang Berhormat Puan Speaker, meskipun menghadapi banyak masalah yang meruncing namun ramai peneroka masih totok UMNO. Ini membuktikan satu hakikat iaitu indoktrinasi minda rakyat dengan maklumat yang *half true, half truth* dengan izin bermakna separuh benar dan menyeleweng merupakan satu kezaliman *humanity.*

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis yakin kerajaan baru kita akan menangani cabaran ini bersama dengan hati yang ikhlas dan insya-Allah, kita dapat menawan hati peneroka dalam PRU yang akan datang. Yang Berhormat Puan Speaker, baru-baru ini Loji Air Kg. Tengah 1 dan 2 yang menerima air dari Sungai Segamat, kawasan Pemanis mengalami satu krisis pencemaran *manganese* yang menyebabkan banyak ikan mati. Pemanis bersama dengan YB Kemelah menjalankan lawatan loji dan kami telah pun bersetuju bersama-sama dengan pegawai yang berkenaan supaya tidak membongkarkan insiden tersebut selagi kualiti air masih dalam kawalan.

Maklum balas yang terkini yang Pemanis terima semalam menunjukkan bahawa masalah pencemaran air mentah Loji Kg. Tengah sudah pun terkawal. Pemanis mencuba meminta bantuan melalui SAJ Ranhill supaya Jabatan Perikanan menyiasat sebab kematian ikan-ikan sungai tapi tiada tindakan diambil. Walaupun masalah tersebut telah diatasi, lawatan kerja Pemanis ke loji tersebut mendedahkan beberapa kelemahan pengurusan sungai dan bekalan air kita. Pemanis mendapati tiada satu agensi tunggal ataupun jawatankuasa bertindak pantas dalam pengurusan hal-hal sungai. Bila ditanya siapa yang patut bertanggungjawab untuk membersihkan bangkai ikan-ikan yang sudah *decomposed* dan busuk dalam sungai, tiada pegawai yang boleh memberi jawapan.

Yang Berhormat Puan Speaker, terdapat 8 agensi kerajaan yang menjaga sungai JPS, KKM, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan, Pejabat Tanah, SAJ Ranhill, Pejabat Hutan dan BAKAJ. Yang Berhormat Puan Speaker, bila satu perkara sudah menjadi *everybody business is nobody business* dengan izin, ataupun bila satu perkara sudah menjadi tanggungjawab semua orang tiada sesiapa akan bertanggungjawab. Pemanis ingin bercadang agar satu garis panduan ataupun Jawatankuasa Khas ataupun Enakmen perlu diadakan, sebagai langkah proaktif untuk menangani isu yang sama dengan lebih berkesan pada masa depan.

Yang Berhormat Puan Speaker, sektor pertanian di Johor merekodkan nilai ditambah berjumlah RM15.3 bilion pada tahun 2017. Meningkat sebanyak RM1.3 bilion berbanding dengan tahun 2016. Prestasi tersebut adalah dipengaruhi oleh peningkatan 2 angka ke dalam aktiviti kelapa sawit yang menyumbangkan sebanyak 48.4% kepada keseluruhan sektor pertanian Johor. Untuk meningkatkan pengeluaran makanan, selain daripada minyak kelapa sawit, Yang Berhormat Puan Speaker, Segamat telah dirancang sebagai satu hab pertanian eko dan agro pelancongan, gaya hidup dan cabaran serantau yang dijana oleh teknologi moden, sumber lestari dan pemasaran *effective agriculture power house.*

Yang Berhormat Puan Speaker, secara terus terang Pemanis kurang faham apa yang dimaksudkan dengan topik yang Pemanis *copy and paste d*ari satu Laporan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor Daerah Segamat, Pemanis tak faham. Pemanis mempunyai masalah menghadam istilah dan ayat yang kira *bombastic*. Selepas membaca laporan tersebut tak ada apa-apa pun yang *excited.* Pemanis lebih tertarik dengan pendekatan ataupun *approach* Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang lebih *direct* dan senang difahami iaitu negara kita perlu kurangkan mengimport makanan. Segamat telah dipilih sebagai satu hab pertanian. Kita harus mempelajari teknologi moden pertanian dari negara lain termasuk Ukraine. Satu contoh adalah menanam halia, *direct.*

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis ingin menggesa kerajaan negeri dan EXCO yang berkenaan agar berhati-hati dengan *proposal* dan projek-projek yang telah dirancang oleh kerajaan lepas. Indah dari luar, kosong dari dalam dan paling penting sekali bukan berasas bukti ataupun *evidence based,* dengan izin. Projek-projek *paper work* yang melibatkan peruntukan berjuta-juta ringgit seumpama ini harus dikaji semula untuk mengelak daripada menjadi projek gajah putih, macam NFC.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis terpanggil untuk menyentuh isu-isu LGBT iaitu *Lesbian, Gay Bisexual, Transgender* secara ringkas ya. Dari segi penyelidikan perubatan yang baru diterima oleh Pemanis semalam, terlebih dahulu Pemanis ingin menegaskan :

1. Pemanis lelaki yang normal, Ciri kejantanan yang cukup, sempurna.
2. Pandangan berasaskan penyelidikan, *scientific view*, perubatan.
3. Tiada berkaitan dengan isu agama.
4. Dari perspektif kemanusiaan.

Yang Berhormat Puan Speaker, mengikut kaji selidik Savik dari Karolinska Institute di Stockholm, Sweden, *scan* otak golongan LGBT menunjukkan ianya satu *trait* ataupun ciri yang telah ditetapkan secara biologi. Implikasinya, maknanya bukan mereka memilih

hendak menjadi LGBT, oleh sebab itu Pemanis berasa dari perspektif kemanusiaan, kerajaan dan orang ramai seharusnya melayan LGBT dengan lebih adil dan prihatin. Dan memang maklumat yang saya dapat dari pesakit saya yang LGBT, yang jadi pesakit saya di klinik yang pernah masuk balai, ialah paling sangat-sangat kasihan bila mereka pergi tempat tak tahu nak masuk sel lelaki ke, perempuan ke.

Bila pergi balai kena buka baju semua, memang kasihan, *so*, kita, itulah macam tu dari segi *scientific point of view,* dari segi kemanusiaan saya rasa kita kena buat sesuatu yang lebih adil dan prihatin. Akhir sekali Pemanis meminta supaya statistik-statistik, angka-angka laporan kerajaan agar boleh disampaikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat lebih awal untuk menyenangkan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengarang ucapan. Kalau tidak fakta tak ada dan alhamdulillah akhirnya giliran Pemanis dah *over*. Sekian, Pemanis sokong rundingan titah Tuanku. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok Rabu, 15 Ogos 2018, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4.50 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KELIMA	RABU, 15 OGOS 2018	BIL. 2 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor
Dato' Haji Osman bin Haji Sapian
(Kempas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi
Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian
Tuan Dr. Sahruddin bin Jamal
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif
Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis: PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Asssalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah kita telah sampai ke peringkat ini ya, Persidangan kita. Sebagai pemimpin tentulah kita ada idola-idola rujukan kita sebagai seorang pemimpin ya, sebagai suri tauladan dalam kehidupan kita. Saya sendiri suka membaca berkenaan dengan kisah pemimpin yang adil, Umar Abdul Aziz, umpamanya. Dalam kajian ini, saya melihat antara kekuatan yang ada pada Umar Abdul Aziz adalah, dalam tempoh dua tahun setengah sahaja pemerintahannya, ia telah dikenali dan diingati sampai ke hari ini kerana keadilan yang ada padanya. Bila kita melihat bagaimana cara yang dilaksanakan oleh Umar Abdul Aziz adalah dengan memulakan dirinya untuk perubahan ini. Bermakna, segala perubahan yang berlaku, yang dilaksanakan bermula daripada diri Umar Abdul Aziz itu sendiri, mendidik dirinya, anak-anaknya dan keluarganya untuk menerima perubahan baru dalam kepimpinan pada waktu itu.

Saya masih teringat bagaimana Umar Abdul Aziz mendidik isteri dia. Isteri dia ni adalah seorang yang sangat elit, atuknya khalifah, bapanya khalifah, abangnya khalifah, suaminya khalifah. Maknanya dia seorang yang sangat elit tetapi Umar Abdul Aziz kata segala apa kemewahan yang diperolehi sebelum ini kembalikanlah kepada baitulmal. Segala apa kemewahan yang diperolehi kembalikan kepada baitulmal, kembali kepada rakyat balik. Dia bukan menyuruh isterinya, malah menyuruh dirinya dan anak-anaknya untuk sama-sama menyumbang kepada negara pada waktu itu. Itulah sebab saya kira bahawa keadilan ini yang ada pada Umar Abdul Aziz ini, mendapat keberkatan dan akhirnya dapat memajukan negeri dalam tempoh dua tahun setengah, tak sampai pun satu penggal.

Itu sedikit pada pagi ini, dan insya-Allah, selepas ini kita akan teruskan dengan soalan lisan. Saya kira semalam kita telah dapat laksanakan sehingga pukul 11.00 pagi, insya-Allah kita akan juga pada hari ini sampai ke 11.00 pagi.

Jurutulis : SOALAN LISAN

YB Speaker : Terus saya persilakan Yang Berhormat Sri Medan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Seri Medan) : Yang Berhormat Speaker, soalan lisan saya nombor 1.

Sukarelawan Darul Ta'zim cukup sinonim dengan belia-belia di Negeri Johor sepanjang 5 tahun yang lalu. Adakah kerajaan Pakatan Harapan mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk meneruskan aktiviti kesukarelaan di kalangan anak-anak muda di negeri Johor?

YB Speaker : Sila Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Seri Medan dan teman-teman Yang Berhormat. Melihat kepentingan peranan Sukarelawan Darul Ta'zim sebagai platform kesukarelaan di negeri Johor dan kebolehupayaan membangunkan nilai murni belia dengan konsep kesukarelaan sebagai budaya, kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini akan terus berusaha untuk membantu mewujudkan kesedaran di kalangan belia. Program-program kesukarelaan yang melibatkan pembangunan nilai murni belia dan memberi manfaat kepada masyarakat, akan diteruskan dengan penambahbaikan agar ianya lebih memberi kesan kepada belia hingga peringkat akar umbi dengan penglibatan pelbagai lapisan bagi golongan belia ke arah

melestarikan budaya dan gaya hidup bersatu padu dan saling melengkapi di antara satu sama lain seperti prihatin dengan masyarakat sekeliling.

Peruntukan untuk memperkasa belia melalui kesukarelaan perlu ditambah dan aktiviti di bawahnya akan diperkasakan dengan konsep kesukarelaan sebagai budaya di negeri Johor. Sukarelawan juga akan di naik taraf peranannya serta akan menjadi salah satu elemen penting dalam pembangunan hab belia yang akan dibangunkan pada masa yang akan datang. Terima kasih.

YB Speaker : Seri Medan, silakan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, saya rasa kali pertama ini saya tak akan ada soalan tambahan cuma saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan, saya beri sepenuh kepercayaanlah dan keyakinan kepada EXCO Belia dan Sukan untuk menggerakkan Sukarelawan Darul Ta'zim mengikut acuan Yang Berhormat EXCO dan kerajaan negeri kerana kita lihat program-program untuk Sukarelawan Darul Ta'zim ni dia terlalu subjektif. Ibaratnya kalau kita mengadakan program sukarelawan ni, ibarat kata seperti Yang Berhormat sendirilah…

YB Speaker : Soalannya, apa? Soalannya.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Belum lagi. Dia kena panaskan dulu Yang Berhormat Speaker. Seperti Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan menjawab secara sukarela, itu pun dikirakan sukarelawan juga. Jadi, saya menganggap bahawa kepentingan belia mesti jadi keutamaan. Jadi, saya amat mengharapkan bahawa dengan adanya program-program mungkin penambahbaikan dan sebagainya, insya-Allah Sukarelawan Darul Ta'zim, saya ingat ramai, lebih saya kalau dijangka sekarang berdaftar, secara berdaftar hampir 20,000 orang. Dan tak mustahillah untuk Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan dengan kerajaan negeri. Yang penting, mereka diberi suntikan semangat, suntikan peruntukan, insya-Allah mereka akan dapat menggerakkan Sukarelawan Darul Ta'zim, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan tak ada? Terima kasih Yang Berhormat Speaker.(Dewan ketawa).

YB Speaker : Ok Tenggaroh.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya sendiri kagum dengan apa kerajaan terdahulu yang telah lakukan untuk Sukarelawan Darul Ta'zim yang melibatkan semua kaum, seperti YB Sri Medan cakap ada 20,000 belia yang terlibat. Soalan saya ialah adakah kerajaan memikirkan untuk mengiktiraf mereka yang terbaik melalui anugerah ke atau mengadakan jambori, itu sahaja soalan saya.

YB Speaker : Silakan YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Yang Berhormat Sri Medan dan juga Yang Berhormat Tenggaroh. Terima kasih kepada Yang Berhormat mantan EXCO dan juga Yang Berhormat Tenggaroh. Mengenai program, anugerah untuk belia, insya-Allah kita akan adakan pada tahun ni di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor.

Untuk penambahbaikan, saya tahu semasa zaman Yang Berhormat Sri Medan, dia banyak turun buat program-program menggantikan zink, betul Yang Berhormat ya? Kali ni program *Johor Future* untuk tahun depan dan tahun-tahun mendatang, kita lebih fokus kepada kesihatan sebab saya dimaklumkan dahulu bajetnya kecil, bila tukar zink, lantai rumah runtuh, jadi kalau kita setakat RM1,000.00, RM2,000.00 atau RM3,000.00 itu tak mencukupi untuk kita mengganti zink dan juga lantai. Jadi, apa yang saya telah bincangkan dengan Pusat Pengembangan Belia ataupun (JOYDEC), kita akan fokus kepada kesihatan iaitu membina bilik air atau membina tandas di kawasan-kawasan dan di ruman-rumah yang memerlukan perkhidmatan ini, ya.

Untuk makluman semua, tadi YB Seri Medan ada maklumkan bahawa keanggotaan untuk sukarelawan Negeri Johor ini ada seramai 20,000 orang. Jadi, saya bagi pecahan ini untuk makluman semua, kerana apa? Kerana majoriti kita ada lebih kurang 4,950 orang dari kalangan pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS kerana golongan ini dalam masa dua tahun mereka akan keluar daripada universiti dan mereka akan pulang ke negeri-negeri masing-masing. Jadi, kita akan kurang lebih kurang 4,000 sukarelawan. Untuk sekolah menengah ada seramai 3,700 orang, untuk persatuan atau kelab, 6,650 orang, dan belia umum ada 5,200 orang. Jumlahnya 19,000 orang. Untuk makluman semua dan juga Yang Berhormat Sri Medan, pada saya angka itu tidak penting sangat, yang penting adalah impak program ataupun kegiatan yang kita lakukan itu memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya terutama Bangsa Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Sri Medan ya. Tak ditanya pun jawab. Itulah kebaikan Pakatan Harapan ni.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, tapi tak tahulah jawapan, soalannya apa tadi.

YB Speaker : Ha, soalan tadi belum jawab ya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Saya dah jawab tadi. Untuk jawapan Tenggaroh tadi. Kalau saya ingat apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Tenggaroh tadi mengenai anugerah tadi tu Belia Sukan boleh rujuklah takwim yang lama. Memang dah ada, dah ada.

YB Speaker : Ok. Inilah mesranya orang muda ya. Ok, Bukit Naning, silakan.

YB Tuan Md. Ysharudin bin Kusni (Bukti Naning) : Terima kasih Tuan Yang Berhormat Speaker. Sukarelawan dalam kalangan belia perlu dilihat sebagai nilai yang tinggi. Justeru, zaman yang serba mencabar ini menuntut lebih ramai sukarelawan dalam belia bagi membendung sosial yang semakin berleluasa. Namun jika sukarelawan belia dipengaruhi oleh persekitaran politik untuk melakukan tugas-tugas kepartian, ia sukar mencapai matlamatnya. Jadi, soalan saya Tuan Speaker, adakah Sukarelawan JDT ini dipengaruhi oleh parti-parti politik, membuat kerja-kerja kepartian dalam kerajaan yang lepas? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning, bukan Sukarelawan JDT, dia Sukarelawan Darul Ta'zim (SDT). Berkenaan dengan isu berkenaan menggunakan Sukarelawan Darul Ta'zim untuk program, aktiviti-aktiviti kepartian, saya tak nak jawab soalan itu kerana itu yang lepas, biar yang lepas. Jadi, sekarang ini di bawah kerajaan Pakatan Harapan kita fokuskan apa yang kita buat ini mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan Bangsa Johor itu sahaja. Yang dulu biarlah kita sebagai sejarah yang baru ini, kita sekadar Pakatan Harapan, kita lakukan yang terbaiklah untuk rakyat Johor. Sekian.

YB Speaker : Ok, soalan yang seterusnya. YB Senggarang, silakan.

BY Tuan Ir. Haji Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Aktiviti pukat tunda telah menjejaskan teruk pendapatan nelayan tradisional. Aduan mereka tidak diendahkan. Penguatkuasaan pukat tunda sepatutnya diperketatkan oleh APMM di Selat Melaka. Perincikan jumlah lesen pusat tunda di perairan Pontian hingga Muar. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Bismilahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam harapan dan selamat pagi. (Bacaan selawat). Alhamdulillah setelah empat hari, hari ini saya, insya-Allah menjawab soalan YB-YB semua, ok.

Soalan yang ditanya tadi tentang pukat tunda. *So*, sebetulnya YB-YB tuan-tuan dan puan-puan faham tak apa pukat tunda. Pukat tunda ialah satu pukat yang ditarik oleh dua bot, di mana mata pukat kurang daripada 38 milimeter. Di sini menunjukkan bahawa pukat tunda adalah merupakan satu pukat yang dapat merosakkan ataupun dia mengambil semua sumber laut daripada anak ikan, mak ikan sampai nenek ikan, cucu-cucu ikan semua dia ambil. Jadi, memang sangat diakui bahawa pukat tunda boleh mendatangkan akibat yang tidak baik kepada sistem perairan kita. *So*, kawasan pukat tunda di Johor terutamanya di kawasan pantai barat merupakan satu kawasan yang kecillah kerana terletak, pantai barat terletak di sebelah. Makna kita berada, kita berkongsi laut dengan nelayan Indonesia. Jadi menyebabkan pengusaha pukat tunda sering menceroboh kawasan tangkapan nelayan tradisional untuk mendapatkan hasil yang lumayan dengan menceroboh kawasan kurang daripada lima batu nautika daripada pantai. Sebetulnya untuk pukat tunda, mereka hendaklah menangkap ikan di kawasan yang lebih jauh iaitu di kawasan zon. Kawasan yang lebih daripada 5 batu nautika.

Untuk lesen pukat tunda yang telah dikeluarkan untuk daerah Pontian, kita mengeluarkan 87 lesen. Untuk daerah Batu Pahat kita mengeluarkan 49 lesen dan di Muar kita tidak mengeluarkan lesen pun untuk pukat tunda. Rentetan permasalahan pukat tunda yang dihadapi di seluruh negara Malaysia, jabatan telah mengeluarkan pekeliling Dasar Perikanan iaitu pada 28 Disember 2015, Pekeliling Perlesenan Bil. 4/2015 Pelaksanaan Dasar Penghapusan Pukat Tunda yang beroperasi di Zon B bermula 1 Januari 2016 secara berperingkat melalui kaedah kawalan. Kaedah kawalan yang dimaksudkan adalah bagi kesalahan menunda di bawah 5 batu nautika, lesen akan digantung selama 1 tahun. 5 batu nautika ialah kawasan Zon B, di mana biasanya kita lebih, kawasan-kawasan untuk nelayan tradisional. Permohonan ganti kulit adalah digalakkan untuk menukar Zon B kepada Zon C. Di mana kawasan operasi tangkapan di pantai timur adalah lebih 12 batu nautika. Kemudian sebarang pindah milik lesen dan *vessel* adalah dilarang sama sekali. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Senggarang, silakan.

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A.Rahim (Senggarang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, kita tahu pukat tunda ini dia mengurangkan, kalau dia masuk zon pantai, tempat nelayan pantai akan mengganggu pendapatan tangkapan nelayan-nelayan pantai. Jadi, sekarang ini didapati pukat tunda banyak mengganggu masuk menerobos ke kawasan-kawasan pantai. Soalan saya, sememangnya perkara ini kerap berlaku dan memerlukan suatu integriti yang tinggi antara APMM dan juga penguatkuasa-penguatkuasa dan Perikanan untuk menghalang pukat tunda daripada masuk kawasan larangan. Jadi soalan saya apakah, berapa ramaikah pengusaha pukat tunda dengan bot-botnya sekali yang telah ditangkap sepanjang tahun lepas dan apakah hukuman yang diberi setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh pengusaha pukat tunda ini. Sekian.

YB Speaker : Sila, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Untuk pengetahuan Yang Berhormat, data yang kita pungut daripada jabatan PDRM dan APMM adalah, pada tahun 2017, data daripada PDRM, kita telah menangkap sebanyak 5 kapal dan data daripada APMM 2018, data yang dah kita tangkap adalah 3 kapal. So, total dari tahun lepas dan hingga ke hari ini, data daripada PDRM dan APMM kita telah menangkap 8 buah kapal. Berapa ramai yang ditangkap, tiada data yang kami dapat di sini namun kami akan menggantung lesen selama satu tahun bagi kesalahan menceroboh kawasan yang kurang daripada 5 batu nautika. Kemudian permohonan tukar *vesel* pada pukat tunda hendaklah disyaratkan melebihi 400 grt dan kawasan operasi hendaklah di dalam zon C dan ke atas. Kemudian kelulusan penghapusan pukat tunda secara berperingkat merupakan kelulusan

khas dan sebarang pindah milik adalah tidak dibenarkan sama sekali. Tempoh pembatalan semua lesen *vesel* pukat tunda zon B adalah selama 5 tahun iaitu sehingga tahun 2020. Selepas daripada tarikh tersebut, semua aktiviti pukat tunda adalah diharamkan juga. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Pulai Sebatang.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Terima kasih diucapkan kepada tuan Speaker, untuk makluman tuan Speaker, saya ingin bertanyakan kepada EXCO juga berkenaan dengan pukat tunda kerana di Pontian ini antara terbanyak lesen pukat tunda. Kalau kita lihat pukat tunda ini dia memang benar-benar merosakkan dasar laut, kegiatan pukat tunda ini merosakkan dasar laut dan dia benar-benar mengganggu bot-bot kecil dan nelayan-nelayan di pantai. Jadi saya nak tanya satu soalan, sebab kalau kita lihat dia punya akta hukumannya sekadar gantung lesen setahun. Boleh tak kalau kita tukar akta ini dengan memberi satu akta yang lebih berat iaitu kita sita bot-bot pukat tunda ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Terima kasih. Untuk sebetulnya, untuk kita meminda sesuatu akta kita hendaklah melibatkan banyak agensi yang terkait dan kita hendaklah membawa ke sidang Parlimen. Jadi, jika sesuatu akta hendak dipinda, saya rasa tiada masalah, Cuma adakah kita semua Ahli-ahli Parlimen atau pun ADUN bersetuju untuk akta itu dipinda. Akta ini adalah, akta yang diluluskan oleh peringkat Persekutuan. Apa pun akta yang diluluskan kami di peringkat negeri ini mematuhinyalah. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Semarang

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Sebenarnya berapa banyakkan agensi penguatkuasa yang berwawenang terhadap kerja-kerja penangkapan ini. Tadi dimaklumkan PDRM, PDRMkan, jadi saya pun nak tahu sama ada PDRM ini yang menangkap.

YB Speaker : Sila, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Hasil daripada data yang saya ada, hanya dua agensi sahaja yang telah berjaya menangkap kapal-kapal yang melakukan kesalahan iaitu PDRM dan APMM. Jadi untuk sementara, pada pandangan saya hanya PDRM dan APMM sahaja yang melakukan tindakan penangkapan, penguatkuasaan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Buluh Kasap.

YB Dato' Zahari Bin Sarip (Buluh Kasap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Soalan saya no. 3.
Minta dinyatakan apakah sasaran dan harapan kerajaan terhadap kemajuan serta pembangunan koperasi di negeri Johor dalam tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif : Bismillahiwalhamdulillah. Assalamualaikum warhamatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Speaker, bagi sasaran dan harapan kerajaan terhadap kemajuan serta pembangunan koperasi di negeri Johor untuk tempoh jangka pendek, kerajaan negeri Johor melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Negeri Johor

telah merangka dan sedang melaksanakan beberapa program bagi tempoh jangka pendek. Antaranya ialah pembangunan perniagaan yang melibatkan beberapa sub program yang dilaksanakan antaranya ialah:

1. Program *Mentoring And Couching.*

2. Program *My Farm Outlet.*

3. Program Kedai Harga Patut.

4. Program Desa Lestari.

Selain itu Yang Berhormat Speaker, kita juga ada mengadakan program pembudayaan koperasi yang merupakan program yang bersifat promosi di bawah program ini melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Johor. Kita telah mengatur pelbagai program berbentuk bengkel, kursus dan seminar untuk menarik minat dan kefahaman masyarakat dalam negeri Johor berkaitan manfaat dalam berkoperasi. Selain kefahaman berkaitan peranan koperasi yang boleh digunakan dalam semua sektor sosioekonomi sebagai instrumen pembangunan masyarakat. Selain itu untuk program dan sasaran negeri bagi tempoh jangka pendek, kita juga ada melaksanakan bantuan pembangunan yang disediakan untuk membantu koperasi menggembleng atau mengembangkan serta memantapkan perniagaannya dalam bidang ekonomi berdaya maju. Geran bantuan yang diberi adalah untuk menampung sebahagian kos projek yang dengan amaun geran maksimum sebanyak RM300,000.00 bagi sesebuah koperasi yang memohon. Prestasi pemberian geran pembangunan kepada koperasi di negeri Johor, sentiasa meningkat setiap tahun dan jumlah bilangan koperasi penerima bantuan ini sehingga tahun 2017 adalah jika lihat daripada tahun 2015 hingga 2017 berjumlah 43 koperasi penerima dengan jumlah Ringgit Malaysia mencapai RM1.9 juta.

Kemudian kita juga untuk jangka masa pendek ada melaksanakan pembiayaan tabung modal pusingan. Tabung modal pusingan merupakan suatu sumber pembiayaan yang berbentuk pinjaman yang disediakan kepada koperasi untuk mengembangkan perniagaan dalam sektor ekonomi yang berdaya maju. Dan saya terus kepada untuk jangka masa panjang. Sasaran dan harapan kerajaan terhadap kemajuan serta pembangunan koperasi di negeri Johor untuk jangka masa panjang, kita meletakkan dua pelan yang besar yang utama iaitu yang pertama, pelan hala tuju pembangunan koperasi mengikut sektor. Yang, pelan ini merupakan suatu kerangka hala tuju yang dilaksanakan di seluruh Malaysia melalui perancangan di peringkat Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ibu pejabat Kuala Lumpur dan pelaksanaan di peringkat Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan negeri juga.

1. Pelan hala tuju ini meliputi enam sektor, enam sektor utama dalam menggerakkan koperasi iaitu :
   i. Sektor perkhidmatan kewangan.
   ii. Sektor pemborongan dan peruncitan.
   iii. Sektor hartanah dan industri pembinaan.
   iv. Sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan.
   v. Sektor pertanian dan industri asas tani.
   vi. Sektor perladangan.

2. Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Negeri Johor 2017 sehingga 2021, pelan ini memberi penekanan untuk memperkasakan gerakan koperasi melalui pelbagai program yang dihuraikan yang mensasarkan peningkatan perolehan kepada RM1.33 biilion menjelang tahun 2021 berbanding pencapaian semasa sebanyak RM887.36 juta sahaja. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Buluh Kasap.

YB Dato' Zahari Bin Sarip (Buluh Kasap) : Terima kasih kepada EXCO yang memberikan jawapan yang jelas, *detail*. Cuma Yang Berhormat Tuan Speaker, kebanyakan suntikan modal, dan suntikan yang diberikan kepada koperasi ini adalah di peringkat awalan penubuhan koperasi. Maksud saya ialah, selepas mereka menggunakan suntikan modal tersebut, ada koperasi-koperasi yang dilihat tidak berupaya menggerakkan koperasi mereka sehinggakan ada di kalangan koperasi yang boleh diumpamakan seperti hidup segan, mati tak mahu. Tetapi kita melihat bagaimana keperluan atau pun harapan ahli koperasi ini sendiri untuk menggerakkan koperasi kerana ia salah satu daripada agen untuk membantu mereka dalam konsep berniaga misalnya. Jadi soalan saya tuan Speaker, apakah agaknya tindakan pihak kerajaan ataupun suntikan-suntikan difikirkan yang boleh membantu koperasi ini jika mereka dilihat sudah tidak bermaya selepas daripada mendapat suntikan modal awal?. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif : Terima kasih Buluh Kasap atas soalan tambahan. Yang Berhormat Speaker, sebenarnya di peringkat portfolio saya iaitu melibatkan keusahawanan dan juga koperasi, pada kali ini saya amat menitik beratkan soal apakah selepas insentif? Ini bermaksud selepas kita memberi insentif, apakah yang akan kita, langkah-langkah yang akan kita ambil untuk memastikan selepas daripada itu sesuatu koperasi atau dalam konteks usahawan, seseorang usahawan dia boleh meneruskan bisnes ataupun perniagaannya sehingga berjaya.

Jadi untuk menjawab soalan Buluh Kasap tadi, sebenarnya beberapa program yang telah digariskan atau yang telah saya nyatakan tadi, juga memberi gambaran bahawa kita tidak terhenti sekadar memberi insentif sahaja. Tetapi kita juga mengambil berat soal apakah selepas daripada insentif diberikan? Contohnya, untuk program pembangunan perniagaan bagi jangka masa pendek, apabila kita buat Program *Mentoring* Dan *Coaching*. Sebenarnya program ini adalah satu program di mana kita ingin memastikan satu koperasi yang telah kukuh ataupun telah *establish* dengan izin, bagaimana dia boleh memimpin, memandu koperasi-koperasi kecil yang ingin menjadi *mentee* dia. Jadi, sebab itu kita namakan *mentoring and coaching*. Sehinggalah bimbingan satu koperasi yang telah *establish* dengan izin, dia mampu membimbing koperasi yang kecil sehingga dia punya perniagaan berjaya. Jadi dia tidak... program seperti ini dia tidak berbentuk *one-off,* setakat insentif semata-mata.

Di Negeri Johor contohnya, Program *Mentoring And Coaching* yang sedang dilaksanakan contohnya adalah Program Ternakan Lembu Tenusu dengan Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Berhad (KOPERIS) sebagai mentor melibatkan 10 buah koperasi yang menjadi mentee dia. Dan antara lainnya ialah Program M*entoring And Coaching* bagi perkhidmatan teksi dengan Koperasi Pemandu-Pemandu Teksi Bandaraya Johor Bahru Berhad sebagai mentor yang melibatkan 5 buah koperasi lain yang baru ingin *establish* dengan izin menjadi mentee nya. *So*, ini adalah bentuk-bentuk program yang dia bukan terhenti sekadar insentif semata-mata.

Dan yang kedua, bagi menjawab persoalan tentang apakah tindakan yang akan kita laksanakan sekiranya ada satu koperasi yang separuh jalan nampak gaya dia tak berdaya untuk teruskan, kita sedang meneliti perkara ini dan kita sedang, saya nak kata pemutihan tidaklah terlalu bersifat pemutihan, tetapi kita sedang menyaring beberapa koperasi yang ada dalam *list* kita, sekarang ini di Johor ada 1,370 koperasi bercampur antara koperasi yang sudah maju dan juga koperasi yang baru ingin bermula. Dan kita ingin melihat mana koperasi yang tidak berdaya saing ini untuk kita lihat apa tindakan, sekiranya perlukan bantuan kita berikan bantuan, sekiranya perlukan *coaching* kita akan berikan *coaching* dan sebagainya, untuk memastikan tidak berlaku seperti apa yang dinyatakan tadi, separuh jalan, akhirnya dia tidak berdaya saing. Terima kasih.

YB Speaker : Layang-Layang silakan.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Yang Berhormat Speaker... Yang Berhormat Speaker, dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, dari segi harga sawit menurun, harga getah pun menurun, apakah mungkin kalau ada strategi ataupun *blue ocean strategy* di antara EXCO Koperasi dan juga EXCO Pertanian untuk mengambil langkah-langkah, mungkin untuk membantu masyarakat yang duduk di luar bandar, yang banyak yang ada tanah dan sebagainya, mungkin boleh menggalakkan mereka, contoh menanam pisang, cili ataupun sayur-sayuran. Ini mungkin dapat membantu mereka memungut hasil sebagai satu koperasi tetapi dibantu oleh EXCO Pertanian dan juga EXCO Koperasi. Adakah itu satu *possibility* dengan izin, dari segi nak membantu rakyat di luar sana. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif : Terima kasih Layang-Layang. Yang Berhormat Speaker, saya rasa ini adalah satu cadangan ataupun saranan yang baik iaitu mencari gantian sebagai *prevention* jugalah dengan izin untuk menghadapi ketidaktentuan keadaan ekonomi kita pada hari ini.

Saya rasa *point taken*, ini satu saranan yang baik dan strategi akan saya laksanakan di peringkat saya punya Jawatankuasa yang melibatkan koperasi dan beberapa EXCO lain yang terlibat seperti Pertanian dan sebagainya. Terima kasih.

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Speaker... Yang Berhormat Speaker...

YB Speaker : OK sila sila... saya tak perasan. Sila, sila...

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain (Sedili) : Dalam Dewan ini ada 3, Kerajaan, Pembangkang dan Bebas. Saya beberapa kali naik tapi Datuk Speaker tengok kiri dan kanan, jangan lupa tengok di depan. Soalan tambahan saya...

YB Speaker : Tak, saya sebenarnya tengok dekat skrin ni, ada dekat skrin ni... tapi silakan, teruskan.

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain (Sedili) : Saya pun ada pengundi juga Datuk Speaker. (Dewan ketawa). Soalan tambahan saya, boleh tak jelaskan jumlah koperasi-koperasi di setiap daerah-daerah dan jenis-jenis koperasi dan kalau boleh nyatakan sekali koperasi yang telah ditutup. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif : Terima kasih kepada Sedili yang bertanya. Yang Berhormat Speaker, saya ada data ini iaitu di Johor Bahru, kita bahagikan kepada 2 iaitu Johor Bahru 1 dan juga Johor Bahru 2. Johor Bahru 1 jumlah koperasinya adalah 205, Johor Bahru 2, 187; Batu Pahat, 164; Kota Tinggi,163; Kluang sebanyak 164 koperasi; dan juga Muar, 180; Segamat, 91; Kulai, 85; Pontian, 74 koperasi dan yang terakhir ialah Mersing, 57 koperasi. Membawa kepada angka keseluruhan koperasi yang wujud di Negeri Johor iaitu sehingga tahun ini 1,370 koperasi.

Dan, daripada koperasi-koperasi yang ada di Negeri Johor ini, sekiranya saya boleh berikan sedikit pecahan koperasi-koperasi tersebut, sebanyak 29% daripada koperasi-koperasi tersebut berada pada... dia panggil dalam sektor perkhidmatan menawarkan sektor perkhidmatan, 34% kepenggunaan 21% pertanian, 7% pengangkutan, 4% kredit dan yang lain-lain itu terlibat yang peratusan kecil itu termasuklah pembinaan, perindustrian dan perumahan. Suka untuk saya nyatakan perkhidmatan 29% ini sebenarnya termasuklah juga seperti koperasi di peringkat sekolah-sekolah sebab itu angka dia besar dan angka yang kecil ini seperti perindustrian, pembinaan dan perumahan, masing-masing 2% dan juga 1%, sebenarnya ini juga *concern* ataupun kita punya fokus kita iaitu pada masa akan datang, koperasi-koperasi yang ada di Negeri Johor ini boleh terlibat dengan *high end* punya industri

yang lebih besar, yang melibatkan bisnes-bisnes yang lebih besar dan *turn over* yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Penawar jemput. Soalan seterusnya Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Assalamualaikum. Sebelum saya ajukan soalan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana pada 11 hari bulan 8 yang lepas telah pun melancarkan Majlis Pelancaran Pengecualian Bayaran Lesen Penjaja seluruh Negeri Johor. Soalan saya nombor 4.

Dalam Manifesto Pakatan Harapan Negeri Johor, antara yang dijanjikan adalah pengecualian bayaran lesen penjaja oleh semua PBT, mohon dapatkan statistik bilangan ibu tunggal yang mendapat lesen penjaja bagi menyara ekonomi keluarga mereka.

YB Speaker : Seterusnya Serom.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 5.

Apakah kemudahan-kemudahan yang telah diperincikan oleh kerajaan PH Johor untuk pemberian lesen bagi peniaga dan penjaja kecil yang menjadi antara pengundi dan penyokong utama kerajaan PH?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Salam sejahtera, salam harapan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Penawar dan juga Yang Berhormat Serom secara bersekali.

Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan soalan ini melibatkan banyak fakta, saya harap Tuan Speaker dapat bersabar.

Yang Berhormat Speaker, langkah mengecualikan bayaran *fee* lesen penjaja di seluruh kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor merupakan antara tawaran 10 janji 100 hari yang terkandung di dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Johor.

Objektif tawaran mesra rakyat yang dikemukakan ini, amat jelas iaitu membantu golongan peniaga kecil dalam merancakkan perniagaan mereka, sekali gus memberi nilai tambah kepada kebajikan dan kelangsungan hidup mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa kini. Kerajaan Negeri tidak semberono dalam merealisasikan tawaran ini sebaliknya dengan penuh komited telah terlebih dahulu memperhalusi dan membincangkan dengan cermat di pelbagai peringkat melibatkan Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga wakil-wakil daripada Persatuan-Persatuan Penjaja.

Susulan daripada siri perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri secara prinsip telah bersetuju pada Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 25 Julai 2018 untuk melaksanakan tawaran pengecualian tersebut. Lanjutan daripada keputusan tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan inisiatif pengecualian bayaran lesen penjaja di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan pada Sabtu yang lalu, 11 Ogos di Jalan Segget, Johor Bahru. Dasar ini akan berkuat kuasa mulai 1 September.

Sebagai pencerahan, inisiatif pengecualian yang ditawarkan tersebut hanya merujuk kepada bayaran lesen sahaja. Manakala syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak PBT wajib dipatuhi oleh penjaja. Antara syarat-syarat yang wajib dipenuhi oleh pemohon dan pemilik lesen adalah seperti berikut:

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia;

2. Pemohon dikehendaki hadir sendiri untuk membuat permohonan;

3. Mestilah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan hendaklah dipamerkan di tempat mudah dilihat sepanjang waktu perniagaan;

4. Pemohon perlu mematuhi lokasi perniagaan yang dibenarkan oleh PBT;

5. Bagi pemohon untuk penjaja makanan atau minuman, perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengambil suntikan typhoid serta menjalani kursus pengendalian makanan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak yang bertauliah.

Justeru itu, pihak PBT dikehendaki secara proaktif melakukan pemantauan secara berterusan terhadap penjaja yang berniaga di kawasan mereka. Tindakan penguatkuasaan tegas akan diambil sekiranya terdapat warga asing yang menjalankan aktiviti menjaja.

Kerajaan Negeri juga ingin menjelaskan bahawa tiada syarat khusus ditetapkan dalam konteks tertentu, sebaliknya permohonan diluluskan berdasarkan segala ketetapan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang dipenuhi oleh pemohon. Peluang menjalankan aktiviti menjaja adalah milik semua dan pengecualian bayaran lesen tersebut sebagai bantuan dan sokongan Kerajaan Negeri kepada mereka.

Meskipun tiada pengkalan data khusus tentang penglibatan ibu tunggal dalam aktiviti ekonomi sebagai penjaja, namun terdapat juga beberapa PBT yang mencatatkan angka penglibatan ibu tunggal berdasarkan permohonan dan pemilikan lesen dengan jumlah seramai 90 orang memiliki lesen penjaja mengikut pecahan seperti berikut. Untuk Majlis Daerah Pontian, seorang; Majlis Daerah Labis, 8 orang; Majlis Perbandaran Kluang, 27 orang; Majlis Perbandaran Kulai, 11 orang; Majlis Perbandaran Pasir Gudang, 40 orang dan Majlis Daerah Kota Tinggi, 3 orang.

Dengan hasrat membantu para penjaja, pemberian pengecualian bayaran lesen ini akan melibatkan semua jenis lesen penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan di pasar malam, pasar sehari atau pasar pagi, penjaja bergerak dan penjaja statik termasuk para peniaga di Bazar Karat yang secara keseluruhannya dianggar lebih daripada 21,127 penjaja. Turut tidak ketinggalan penjaja kenderaan saji ataupun *foodtruck* yang kini sedang berkembang di negeri Johor, dengan kebanyakannya diusahakan oleh golongan belia. Dalam pada itu, kerajaan negeri juga mengambil kesempatan ini untuk memperjelaskan bahawa manfaat pengecualian ini sekali lagi tidak, tiada sebarang syarat khusus iaitu tiada diskriminasi terhadap pegangan, tetapan ataupun kecenderungan politik pemohon.

YB Speaker : Sila Serom.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, Serom ingin mengucapkan, mewakili para peniaga-peniaga di atas pengecualian *fee* lesen peniagaan bagi penjaja-penjaja Tuan Speaker. Untuk sebagai soalan tambahan yang pertama sekali, Serom ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO tentang kadar pendapatan yang hilang atau yang berkurangan kesan daripada pengecualian *fee* lesen peniagaan ini, yang mana kalau kita lihat sebahagian besar daripada pendapatan yang diperolehi daripada *fee* ini juga digunakan untuk kebajikan para peniaga. Sekian.

YB Speaker : Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Serom. Yang Berhormat Tuan Speaker, bukan sahaja Yang Berhormat Serom yang tertanya-tanya tentang isu ini, kerana sebenarnya masyarakat awam juga selalu tanya, berapakah kerugian ataupun kehilangan hasil kerajaan negeri mahupun Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan dasar ini.

Ini untuk makluman anggaran kutipan hasil lesen penjaja untuk tahun 2018 di mana seperti yang saya sebut tadi sebanyak 21,127 lesen akan dikecualikan daripada membayar yuran lesen. Melibatkan anggaran hasil sebanyak RM2,111,645.40. Yang mana jika kita bandingkan angka ini, dengan jumlah sebenar hasil bukan cukai yang diterima oleh seluruh Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor adalah lebih kurang 0.68%. Maka, saya lihat pelaksanaan dasar ini ia tidak sangat membebankan pihak kerajaan malah ianya boleh dijalankan dengan sekadar melakukan atau berpegang kepada prinsip penjimatan tanpa menambah apa-apa beban kepada pembayar cukai.

YB Speaker : Ok, Penawar. Silakan.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih di atas jawapan. Tapi kalau ada lesen pun tidak ada tempat, ruang untuk berniaga pun tidak guna juga Yang Berhormat. Jadi, bagaimana cara kerajaan boleh bantu ibu tunggal untuk dapatkan premis perniagaan seperti gerai dan kiosk, dan adakah *special* kuota untuk mereka? Serta bolehkah mereka ini diberikan diskaun umpamanya macam 15% kalau mereka menyewa premis ini untuk membantu ibu-ibu tunggal dalam negeri Johor? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Penawar. Sebenarnya tidak lari juga walaupun soalan ini ditanya tentang pembayaran lesen, pengecualian lesen yang diberikan kepada ibu tunggal tetapi ini dipanjangkan sampai kiosk, gerai dan sebagainya. Tetapi, sebagai kerajaan yang prihatin, kita sedia menjawab.

YB Speaker : Prihatin tu prihatin, tapi jangan prihatin dengan ibu tunggal sahaja, dengan semua pun kena prihatin juga. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Itu saya tak berani nak jawab Yang Berhormat Speaker. Tetapi kita sedia maklum bahawa ada juga golongan-golongan yang kurang berkemampuan dalam masyarakat ini. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Speaker tadi bukan sahaja kepada golongan ibu tunggal sahaja, sebenarnya untuk golongan-golongan lain seperti golongan Orang Kurang Upaya dan sebagainya, keistimewaan upaya dan juga mungkin golongan belia yang memerlukan bantuan secara terus ataupun secara tidak langsung daripada pihak PBT, sebenarnya boleh dibuat permohonan kepada Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan untuk dipertimbangkan dari semasa ke semasa. Buat sementara ini, memang tiada dasar khusus untuk mana-mana golongan tertentu tetapi segala permohonan itu boleh dibuat dan boleh dipertimbangkan.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat...

YB Speaker : Yang Berhormat Mahkota, Mahkota. Ops, *sorry.*

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Jangan lupa bebas.

YB Tuan Mohamad Said bin Jonit (Mahkota) : Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Kerja-kerja jalan yang diberikan kepada konsesi dikatakan menjadi punca kos meningkat. Monopoli ini menyebabkan ramai kontraktor bumiputera gagal. Apakah monopoli melalui konsesi seperti ini akan diteruskan atau ada perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi isu ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan: Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. (Berselawat). Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan ini sebenarnya lebih kurang soalan A66 Yang

Berhormat Semarang dan juga soalan tambahan Yang Berhormat Benut. Tetapi seperti jawapan yang semalam yang semua maklum bahawa saya dah perjelaskan kontrak dia berbeza-beza cuma yang hampir tamat ini adalah dua syarikat iaitu AMONA dan juga TETO Engineering yang kita dalam proses rundingan tentang penamatan kontrak dan implikasi yang terlibat dari segi perundangan dan juga kos-kos terlibat dan semalam kita memang ambil langkah yang proaktif, semalam pun kita ada proses *negotiation* dengan izin, yang dipengerusikan oleh Pengarah Kerja Raya di Johor dan hampir muktamad dan ada satu lagi proses perbincangan dalam masa yang terdekat iaitu insya-Allah minggu depan kita akan tamatkan keputusannya. Jadi, saya sedia maklum bahawa isu ini, isu yang menjadi isu yang hangat di perkatakan dalam *Facebook* dan *WhatsApp Group* dan sebagainya. Malahan bukan sahaja diasak dengan persoalan ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat rakan-rakan saya pun diasak dengan pertanyaan-pertanyaan tersebut. Dan, kita insya-Allah kita akan muktamadkan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

YB Speaker : Jementah.

YB Tuan Mohamad Said bin Jonit (Mahkota) : Yang Berhormat Tuan Speaker,

YB Speaker : *Sorry,* Mahkota, Mahkota.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih...

YB Speaker : Mahkota dulu, Mahkota dulu.

YB Tuan Mohamad Said bin Jonit (Mahkota) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, sebelum itu saya ingin menyatakan bahawa JKR ini dah lama dah berkhidmat kepada negara. Kalau kita lihat kalau banyak sangat konsesi yang melakukan kerja-kerja sama ada di peringkat daerah, di peringkat negeri dan sebagainya menyebabkan pejabat ini dah *to me is* macam *sounds like redundant* lah. Dan saya kesian kepada kalangan *Profesional Engineers* kerana saya *planters*. Pada *planters* pun kalau ramai sangat konsultan sana konsultan sini, menyebabkan *planters give up* dengan kerja dia. Saya mengharapkan adakah Yang Berhormat Speaker ataupun EXCO Kerja Raya memahami permasalahan kalangan *Engineer* bila banyaknya konsesi-konsesi diberikan untuk menjalankan kerja-kerja. Kesan negatiflah kepada kakitangan JKR itu sendiri.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya konsesi ini ada tiga yang seperti semalam saya cakapkan. Pertama jalan-jalan luar bandar melibatkan Infra Desa. Sebenarnya Infra Desa ini ada kepentingan syarikat kerajaan, iaitu 40% iaitu dimiliki oleh KPRJ dan sebarang keuntungan pun balik sebahagiannya kepada KPRJ dan dua lagi satu iaitu jalan persekutuan di bawah Setia Selenggara dan satu lagi jalan negeri di bawah TETO dan AMONA. Sebenarnya, kerja-kerja ini melibatkan *Profesional Engineer* tidak banyak sebenarnya cuma dari segi *certified* dan sebenarnya pengesahan ini kita masih melibatkan jurutera-jurutera daerah. Maknanya, projek ini bukanlah langsung kita tidak libatkan kepakaran jurutera-jurutera dalam JKR dan cuma saya ingin maklumkan ada kelebihan sikit dalam skop kerja ini dia ada, tengah *built up* proses pengumpulan data iaitu *monitoring system*. Jadi, ini ada juga kebaikan dia dari segi sistem untuk memudahkan mengumpul data tentang kualiti jalan yang dibuat. Jadi, tentang meminggirkan terus JKR itu, saya rasa tidaklah *hundred percent* secara total. Tetapi, cuma di samping itu ada juga dilantik konsultant ya, perunding untuk dia *attached* dengan izin, kepada syarikat-syarikat tersebut. Dia ada *check and balance*. Mula dibuat oleh perunding lepas itu *confirmation* nya daripada Jurutera Daerah. Dan, projek ini tidak melibatkan peluang banyak sangat bidang atau pekerjaan kepada jurutera-jurutera profesional, sebab dia melibatkan kerja-kerja yang kecil. Bukan kerja-kerja yang terlalu teknikal sangat ya. Macam kita buat bangunan, jalan ini *simple* sahaja. Dia punya *scope of work* tidak banyak. Dia ada dua kerja satu rutin dan satu berkala. Yang berkala ini kebanyakannya kerja *premix,* buat *sub base,* lepas itu *premix*

lepas itu kerja-kerja yang rutin, potong rumput dan juga penambakan bahu jalan. Itu sahaja ia tidak melibatkan terlalu teknikal sampai hendak melibatkan ramainya kepakaran yang kita perlukan dalam bidang teknikal. Terima kasih.

YB Speaker : Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tuan Speaker. Jementah di sini ingin membangkitkan berkenaan dengan kerja-kerja jalan khususnya penyelenggaraan jalan-jalan. Sebab kadang-kadangkala kita nampak banyak jalan sebenarnya memang dalam keadaan yang agak baik juga. Tetapi, masih diselenggarakan, dikorek dan ditampal semula. Dan, selepas beberapa hari kalau ada hujan lebat, jalan tersebut rosak sekali lagi dan ditampal semula lagi. Dan, perkara ini saya nampak memang berlaku di banyak jalan-jalan khususnya di jalan persekutuan dan ingin saya tahu semasa perjanjian yang ditandatangani di antara pihak kerajaan khususnya JKR dengan konsesi-konsesi syarikat tersebut, adakah sebarang peruntukan yang dituliskan dalam perjanjian tersebut untuk memantau, menjalankan satu pemantauan yang lebih ketat lagi supaya kualiti-kualiti yang jalan yang dibaiki ini dipenuhi? Supaya tidak, kita nampak macam satu pembaziran yang tidak sepatutnya berlakulah. Maka, saya ingin mohon satu pencerahan dalam perkara ini sama ada adakah kita boleh kurangkan perkara sebegini berlaku? Korek, tampal, korek, tampal. Jalan itu, sebenarnya...

YB Speaker : Ok, faham.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Sebenarnya keadaan baik.

YB Speaker : Em, faham YB.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Ok, terima kasih.

YB Speaker : Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya kontrak-kontrak ini dimeterai kepada kerajaan yang lama. Jadi, bila tubuhnya kerajaan baru Pakatan Harapan kita tidak boleh *write-off* terus perjanjian dan perjanjian perlu diteruskan. Jadi, kita cuma mengambil sebagai kerajaan baru, kita mengambil tanggungjawab untuk menggantikan tanggungjawab kerajaan yang ada. Dalam perjanjian sebenarnya proses membuat jalan adalah kejayaan dia punya *placing* bergantung kepada *condition,* asas dia. Kalau asas tak betul macam mana kita *premix high quality* dan sebagainya *crusher run* tak betul walaupun kita *premix* tebal macam mana pun dia tidak akan menjadi. Dalam kontrak-kontrak *maintenance* ni tak ada cerita untuk kita rombak balik jalan tersebut sampai kita buat satu yang *major* eh, pembaharuan yang *major*. Jadi, kalau itu berlaku dengan adanya aduan-aduan dan juga maklumat-maklumat daripada, daripada ni, orang awam atau daripada pemimpin setempat, kita boleh mohon peruntukan tambahan. Kadang-kadang jalan ni kita tengok, dia banyak kali buat, *repair* lagi, sebenarnya kadang-kadang ada faktor pasal *sub base,* tanah yang bawah tu mungkin *unsuitable material,* tanah yang tidak sesuai atau ada berlakunya aliran air di bawah. Kalau kita tampal pun, banyak kali pun dia akan terbongkar. Yang perkara-perkara macam gini dia perlukan satu bajet yang baru untuk kita buat *majo*r punya *maintenance*.Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Biasanya Yang Berhormat, bahawa satu pihak menampal jalan, merata jalan sama ada atas tujuan penyelenggaraan ataupun kerja-kerja jalan yang baru, tetap akan berlaku kerja-kerja pengorekan sama ada oleh syarikat utiliti-utiliti. Jadi, apakah pendekatan yang bakal Yang Berhormat ambil supaya koordinasi antara JKR dan juga syarikat-syarikat utiliti yang saban tahun itulah yang menjadi punca dan masalah besar. Jadi, apakah

agaknya langkah yang bakal Yang Berhormat buat supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan syarikat utiliti meletakkan wang amanah sebagai jaminan bahawa yang dikorek itu akan ditampal dengan sempurna tetapi hakikatnya seperti rakan-rakan yang lain cakap juga bahawa kerja-kerja penampalan itu juga tak dapat dibuat dengan sempurna walau banyak mana pun wang amanah yang diletakkan oleh syarikat utiliti. Jadi, kekangan kita ialah koordinasi. Jadi, apakah langkah yang nak dibuat oleh kerajaan sama ada terus tidak membenarkan ataupun bagaimana cara kita nak mengelakkan supaya kita tidak atau mempunyai kemudahan yang baik.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih. Jadi, sebenarnya kerajaan yang lama pun menghadapi masalah yang sama. Susah untuk kita mengawal utiliti tapi jawapannya daripada soalan tadi kita tidak boleh melarang terus untuk projek-projek utiliti terutamanya untuk kawasan yang tidak ada *ROW*, dia terpaksa korek di jalan. Tapi, cara pendekatan kita, macam mana kita nak pantau ini proses koordinasi dan juga kita akan, kalau cakap mengkaji nanti orang cakap sebelah itu ayat *standard*. Tapi, memang itulah hakikatnya kita kena mengkaji terutama kerajaan baru, yang baru 3 bulan jadi kena buat kajian kita tidak boleh ini hari tanam pokok macam cerita semalam, esok durian dah tumbuh.

YB Speaker : Jangan takut dengan perkataan kajian itu Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Ya.

YB Speaker : Jangan takut dengan perkataan kajian itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Saya tak takut, cakap benar tak ada masalah, bukan kita nak dihukum bunuh. Jadi, kita kena buat kajian yang baik dan proses koordinasi antara JKR, Kerajaan Tempatan dan juga utiliti ni perlu adalah satu *synchronise* macam keserasian untuk kita mengawal. Jadi, saya faham pengalaman saya pun, saya ingat bekas Yang Berhormat EXCO pun kita dua-dua terlibat dalam bidang pembinaan dan apa ni pembangunan hartanah. Perkara ini bukan perkara yang mudah sebenarnya bukan ini hari katalah saya jadi EXCO, saya boleh pakai spender Superman besok boleh siap (Dewan ketawa). Jadi, kita perlukan sedikit masa…

YB Speaker : Yang Berhormat tak ada contoh lain ke? (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Tak, ini saya bercakaplah, bercakap dengan kebenaran, keikhlasan hati saya sebagai EXCO yang baru. Jadi, kita dan kita perlu juga komitmen daripada semua utiliti. Utiliti ni memang saya dulu pun sebagai, bekerja di syarikat swasta susah nak kawal kadang-kadang. Betul Yang Berhormat?Jadi tak apalah, bagi peluang kepada kami, untuk kami membuat penambahbaikan sistem. Sistem ini perlu dari semasa ke semasa kita kena buat penambahbaikan kalau kita biar saja sistem itu, manusia ini perlu dikawal oleh sistem yang baik dan manusia juga mengawal sistem. Jadi, dia ada 2 hubungan 2 hala yang perlu kita tengok dan hasilnya kita akan dapat kesan yang positif. Saya ingat itu cukup untuk menjawab soalan YB sifu saya. Terima kasih.(Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Seterusnya, soalan daripada Pasir Raja, Pasir Raja.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Bismillahirahmaanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Minta dinyatakan apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu peneroka FELDA yang terkesan akibat kejatuhan harga minyak sawit?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih YB Speaker. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Harapan, Salam Sayangi Malaysiaku. Saya tak pasti, saya adalah yang tepat untuk membuat jawapan. Insya-Allah, walaupun di sana ada EXCO Pertanian tetapi di bawah portfolio saya, FELDA diletakkan di bawah Portfolio Perumahan dan juga Pembangunan Luar Bandar. Harga minyak kelapa sawit ditentukan oleh *MPOB* ataupun *Malaysian Palm Oil Board* mengikut zon di negeri Johor iaitu selatan, tengah dan juga utara.

Harga berbeza-beza mengikut banyak faktor di antaranya jenis tanah, cuaca dan seumpamanya. Harga minyak kelapa sawit sekarang ini adalah berada pada tahap RM432.00 tan, satu tan dan sebagai perbandingan sebelum daripada PRU harganya adalah RM535.00 bagi satu tan. Makna nanti jangan kita kata sebab PRU harganya jatuh sebab Pakatan Harapan. Tapi, secara jujur saya sebut juga jumlah tersebut. Sebagai *bench mark* untuk kita mengetahui sama ada keadaan harga sekarang ini lebih tinggi ataupun lebih rendah iaitu kita pernah mencecah harga yang paling tinggi adalah RM800.00 bagi satu tan. Dan, kita boleh kata, RM432.00 ini adalah berada pada tahap dalam *region* yang rendah. *Trend* harga minyak kelapa sawit sekarang adalah menurun kerana bergantung kepada dengan izin,*market forces demand* dan *supply,* di samping terdapat 2 cabaran utama yang kita hadapi oleh negara kita selaku negara kedua pengeluar terbesar kelapa sawit dalam dunia iaitu:

1. Persaingan daripada negara-negara pengeluar utama minyak kelapa sawit iaitu jiran kita Indonesia dan juga Thailand.

2. Adalah persaingan daripada minyak soya sebagaimana yang kita ketahui sama yang tidak perlu ulas di dalam Dewan yang mulia ini.

Pihak kerajaan negeri mencadangkan kepada FELDA agar hutang peneroka ditangguhkan buat sementara waktu bagi berhadapan dengan harga komoditi kelapa sawit, minyak kelapa sawit yang menurun yang saya sebutkan tadi.Ini bagi membantu pendapatan bersih peneroka tidak ditolak hutang semasa seperti hutang pinjaman pembesaran rumah, bayaran kembali ahli ladang dan hutang baja semasa.

Pendapatan bersih peneroka juga akan dipastikan agar tidak kurang daripada RM1,000.00 sebulan. Harga minyak sawit adalah berdasarkan kepada harga semasa. Namun di peringkat kilang harga kelapa sawit bergantung kepada kadar perahan di gred ataupun ringkasnya KPG di kilang. Oleh itu, kawalan KPG boleh dipantau di peringkat ladang, di mana buah-buahan dihantar perlu memastikan menepati kualiti supaya mendapat kadar perahan di gred yang tinggi bagi mendapatkan harga yang tinggi untuk pendapatan yang lebih baik. Penggunaan buruh dirancang, di rancangan juga akan di maksimum bagi membolehkan hasil dikeluarkan sepenuhnya.

Yang kedua, kerajaan negeri juga mencadangkan supaya diwujudkan kepelbagaian sumber pendapatan kepada peneroka FELDA. Sebagaimana yang pernah diusahakan oleh RISDA, kerana sekarang ni RISDA pendapatan sebulan bagi peneroka ataupun pekebun getah yang berkeluasan 2.1 hektar ataupun 5 ekar adalah berada dalam anggaran RM1,500.00 sebulan berdasarkan kepada harga getah sekarang ini RM5.00 sekilo. Tinggal lagi syiling, ataupun *floor*, *sorry,* minta maaf saya, floor adalah RM5.50.Makna bila harga getah kurang daripada RM5.50, kerajaan akan menambah RM0.50 bagi memastikan harga *floor* adalah RM5.50. Dan, RISDA mencadangkan atau menyasarkan supaya pendapatan sebagai pekebun getah berada pada angka RM4,000.00 sebulan menjelang 2020. Oleh itu, satu program saya rasa yang boleh diguna pakai juga oleh FELDA iaitu integrasi di antara pertanian dan juga keusahawanan termasuk juga dari segi integrasi pertanian dengan mempelbagaikan termasuk juga dengan menanam tanaman kontan seperti tembikai dan juga mengusahakan ternakan, di samping produk-produk usahawan hiliran, kraf tangan dan seumpamanya. Dan

ini boleh dijadikan sebagai satu usaha bagi meningkatkan pendapatan kepada peneroka daripada semata-mata berdasarkan kepada pendapatan daripada minyak kelapa sawit sahaja. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Pasir Raja.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih juga di atas jawapan yang telah diberikan. Tuan Speaker, seperti anak peneroka FELDA Air Tawar 5, Kota Tinggi telah berjaya menghasilkan satu ciptaan iaitu mesin cantas kelapa sawit. Jadi, soalan saya, mohon nyatakan inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan anak-anak peneroka yang menguruskan ladang sawit supaya pembangunan teknologi baru dapat dihasilkan atau dipergiatkan atau diperhebatkan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih di atas soalan tambahan. Suka saya menjelaskan bahawa FELDA sebenarnya adalah agensi di bawah Persekutuan dan sebahagian besar daripada peruntukan adalah daripada kerajaan Persekutuan termasuk dari segi kawalan. Apa yang diusahakan oleh kerajaan negeri sekarang ini banyaknya adalah berkaitan dengan perumahan generasi kedua. Hal-hal yang berkaitan dengan tanah yang mana tanah adalah merupakan urusan kerajaan negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan, itu yang sekarang ni yang *involvement*, ataupun penglibatan secara langsung kerajaan negeri bersama dengan pihak FELDA. Apa pun, yang diutarakan oleh soalan tambahan tadi, tidak ada masalah supaya kerajaan negeri memberikan saranan bagi memberikan insentif-insentif tertentu, supaya proses pemodenan pertanian ini dapat dijalankan dengan baik dalam semua sektor pertanian di negeri Johor khususnya dalam usaha kita menjadikan negeri Johor sebagai hab pengeluaran makanan dan hasil pertanian dalam negara kita.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Speaker….

YB Speaker : Mahkota.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Untuk makluman sebenarnya saya difahamkan bahawa FELDA dah buat macam-macam dah untuk peneroka ini kan,untuk peneroka dan terakhir sekali ada di kalangan peneroka telah mungkin sampai ke tahap untuk membolehkan mereka meminjam wang daripada bank untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan. Jadi, saya nak maklumkan di sini bolehkah kerajaan negeri membantu kalangan peneroka yang telah mungkin tanahnya akan dilelong akibat daripada meminjam dengan Agro Bank kerana menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi yang telah gagal? Iaitu ini berlaku di Air Tawar 2 di mana ada dua orang peneroka dan mungkin ladangnya akan dilelong kerana meminjam wang daripada Agro Bank sebanyak RM250,000.00 dan saya difahamkan FELDA tidak ada polisi untuk menebus tanah ni. Jadi, adakah kerajaan negeri dapat memikirkan sesuatu supaya perkara-perkara sebegini tidak berlaku dan bagaimana cuba mengatasi masalah dua orang peneroka ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih kepada YB Mahkota di atas soalan tambahan. Suka kita nyatakan bahawa bila melibatkan pinjaman dan ini juga sebenarnya berlaku bukan sekadar kepada Air Tawar 2 tetapi kepada peneroka-peneroka yang lain. Bila mana mereka diberikan geran berasingan hak milik persendirian, mereka cuba mencari jalan pintas atau pun mungkin di atas nasihat yang tidak betul untuk mencagarkan tanah mereka yang 10 ekar pertanian ini untuk mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan. Kadang-kadang apa yang terlepas pandang oleh mereka, tanah FELDA ini adalah tanah GSA. Mereka ada biasa memiliki 2 geran. Satu geran kebun dan satu geran tapak rumah. Bila dilelong walaupun dia cagarkan

tanah kebun, bila dilelong oleh pihak bank apabila gagal membayar pinjaman, tapak rumah pun akan pergi sekali. Ini gabungan di bawah GSA dan tentang isu pinjaman mereka gagal ini sebenarnya adalah merupakan hal peribadi ataupun hal persendirian di antara tuan tanah tersebut dengan pihak bank. Kerajaan tidak ada *authority*, dengan izin ataupun local .... untuk campur tangan di dalam urusan prosiding dengan izin, lelongan dibuat melalui mahkamah tinggi. Apa pun yang boleh kita nasihatkan adalah supaya kes-kes ini menjadi satu pengajaran, *lesson learn* kepada semua peneroka supaya mereka mengambil langkah yang lebih tepat merundingi sama ada pihak-pihak yang ber *authority* kerajaan mahupun pihak FELDA sendiri sebelum mereka mengambil tindakan untuk mencagar atau pun menggadaikan tanah mereka khususnya untuk menjalankan perniagaan yang luar daripada kemahiran mereka. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Layang-Layang.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, seperti tuan EXCO, YB EXCO sebut tadi, harga sawit kita ada ialah rendah pada ketika ini dan tidak salah saya adalah yang terendah dalam sejarah negara. Jadi, dan antara sebabnya ialah tentang persaingan dan juga *demand* dan *supply*, yang disebut tadi dengan izin. Jadi soalan saya dari segi permintaan ini, harga kita, harga sawit turun ini, adakah ia disebabkan oleh permintaan yang berkurangan daripada negara China dan sekarang ini membeli sawit di negara Indonesia?. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih kepada YB yang bertanya. Dalam perbincangan saya dengan pihak FELDA baru-baru ini, di antara *market* atau pasaran yang kita cuba teroka oleh pihak FELDA adalah melalui pasaran yang luas di negeri China, itu sebabnya sekarang ini, saya rasa bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tengah mengadakan usaha untuk mengadakan perundingan sama ada dengan pihak kerajaan negeri China mahupun daripada pesaing-pesaing pengeluar kacang soya di belah negara blok timur, blok barat, maaf saya. Supaya usaha untuk kita meneroka pasaran baru ini dapat dilakukan dengan baik dan sebagaimana kita tahu bahawa negara China mempunyai jumlah penduduk yang cukup ramai, mempunyai permintaan yang tinggi dan kalau kita boleh *penetrate*, dengan izin pasaran negeri China ini mungkin, kemungkinan besar harga kepada kelapa sawit, minyak kelapa sawit kita boleh kita tingkatkan.

Dan, kerajaan negeri Johor sangat prihatin tentang nasib yang dialami oleh peneroka FELDA sekarang ini dan kita berdoa supaya usaha-usaha daripada kerajaan Persekutuan yang diketuai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Osman Sapian, kita dapat membantu bagi meringankan beban kewangan dan kos sara hidup yang dialami oleh pihak peneroka ekoran daripada kejatuhan harga minyak kelapa sawit. Sekian.

YB Speaker : Soalan seterusnya daripada Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 8.

Berapakah bilangan pelajar yang tercicir di negeri Johor dan langkah mengatasinya.

YB Speaker : Jemput YB EXCO

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat tuan Speaker, saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat EXCO Pendidikan yang sekarang berada di tanah suci. Yang Berhormat Machap, murid cicir bermaksud murid yang tidak mengikuti pendidikan wajib di sekolah. Murid yang mendaftar tetapi tidak meneruskan persekolahan dalam sistem pendidikan

formal atau murid yang dianggap keluar dari sistem persekolahan sebelum ia tamat atau menghabiskan tempoh persekolahannya.

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini, jumlah murid cicir di negeri Johor adalah seramai 4,499 orang pelajar iaitu 0.78% daripada jumlah keseluruhan 580,032 murid. Analisa cicirnya adalah seperti berikut : Batu Pahat, jumlah murid seramai 68,725, yang tercicir 170 orang; Johor Bahru, jumlah murid 120,454, yang tercicir 1,412; Kluang, jumlah murid 46,543, yang tercicir 424; Kota Tinggi, jumlah murid 33,606, yang tercicir cuma seorang. Mersing, jumlah murid 13,440, yang tercicir 101 orang; Muar, jumlah murid 41,814, yang tercicir 379; Pontian, jumlah murid 29,324, yang tercicir 197; Segamat, jumlah murid 32,753, yang tercicir 282; Kulai, jumlah murid 55,398, yang tercicir 357; Pasir Gudang, jumlah murid 114,830, yang tercicir 1038; Tangkak, jumlah murid 23,145, yang tercicir 138.

Antara puncanya ialah:
1. Masalah keluarga dan juga penceraian.
2. Faktor kewangan dan faktor pekerjaan.
3. Kes disiplin dan ponteng sekolah dan
4. Berada di luar sistem pendidikan kebangsaan.

Bagi mengatasi masalah ini, jawatankuasa penyiasatan murid cicir, JPMC telah ditubuhkan bagi menyediakan data risiko murid cicir dan dan juga murid berisiko cicir. Antara langkah mengatasi murid cicir adalah:

1. Berkolaboratif bersama antara JPNJ, PPD, PIBG, PIBK, GO, NGO, PDRM dan juga bersama pemimpin masyarakat.

2. Mengenal pasti keluarga yang bermasalah untuk dirujuk kepada pihak-pihak berkaitan supaya boleh dibantu.

3. Mengadakan kursus motivasi murid-murid di sekolah-sekolah.

4. Motivasi pendidikan alternatif dan kerjaya murid.

5. Murid-murid didedahkan dengan peluang pendidikan yang lain seperti latihan bentuk kemahiran agar mereka mempunyai kerjaya di masa hadapan yang diselaraskan di pusat inovasi pendidikan dan kerjaya di JPNJ. Antara aktiviti di pusat ini ialah, *Career Talk, Success Story* dan Eksplorasi Kerjaya. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Terima kasih kepada penjelasan yang telah diberikan bagi pihak wakil EXCO Pendidikan dan Agama, soalan tambahan saya ialah adakah pelajar-pelajar yang tercicir ini telah dibuat penerusan berkaitan dengan kes-kes salah laku atau pun kes-kes jenayah ekoran daripada keciciran mereka akibat tidak meneruskan di sekolah, pembelajaran mereka di sekolah. Sebab yang lepas, kita pernah mendengar ada satu kes pembakaran di sebuah tahfiz yang dikatakan mereka yang terlibat itu adalah pelajar yang tercicir dari alam persekolahan. Jadi adakah pelajar-pelajar yang tercicir ini ada melakukan kes-kes jenayah atau pun jenayah sosial yang lain. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Machap. Untuk jawapan tersebut, insya-Allah, dalam ucapan penggulungan saya akan bagikan data-data terperinci untuk makluman Yang Berhormat Machap dan juga semua Ahli-ahli Dewan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Kemelah.

YB Tuan Dr. Sulaiman Bin Mohd. Nor (Kemelah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Soalan nombor 9

Di maklum bahawa terdapat kaunter khas KPDNK telah di tutup. Apakah langkah-langkah memastikan aduan berkaitan harga barang makanan asas termasuk harga ayam dan daging sampai kepada pihak berwajib?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Terima kasih tuan Speaker, dan terima kasih Yang Berhormat Kemelah. Ahli-ahli Yang Berhormat, kaunter khidmat pengguna, K2P diwujudkan bertujuan untuk memudahkan pengguna menyemak timbangan barang yang dibeli serta membuat aduan sekiranya berlaku aktiviti-aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang di bawah seliaan KPDNHEP. Kaunter khas ini terdapat di setiap daerah dan di beberapa tempat di dalam pasar awam negeri Johor. Di Segamat, kaunter ini ditempatkan di pasar awam Segamat. Namun begitu, mengikut statistik pelaporan KPDNHEP cawangan Segamat dan daerah-daerah lain, tiada sebarang aduan diterima di lokasi kaunter khidmat pengguna K2P sepanjang tempoh kewujudan kaunter tersebut. Beberapa faktor dikenal pasti menyebabkan kaunter tersebut tidak mendapat sambutan kerana terdapatnya pelbagai medium saluran aduan yang lebih mudah dibuat dan diadukan.

Ahli Yang Berhormat, oleh yang demikian, pihak KPDNHEP Segamat, telah mengambil tindakan pro aktif bagi mengatasi permasalahan tersebut dengan melakukan pemeriksaan secara berkala yang dijalankan bahagian penguatkuasa selain pemantauan harga barangan oleh pegawai pemantauan harga secara harian di pasar awam Segamat dalam memastikan keberadaan pegawai-pegawai tersebut. Ianya bagi membantu pengguna menyemak harga barangan mengikut lokasi selain mudah membuat perbandingan harga. Pihak KPDNHEP telah menyediakan satu platform semakan harga yang dikenali sebagai *price checker* yang boleh dimuat turun melalui aplikasi *playstore*. Aplikasi ini sedikit sebanyak membantu pengguna menjadi pengguna bijak dalam memastikan harga sesuatu barangan.

Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan aduan pengguna sampai kepada pihak KPDNHEP, aplikasi EZ ADU telah disediakan dan juga boleh dimuat turun melalui *playstore* bagi memudahkan penggunaan membuat aduan. Pengguna juga boleh membuat aduan melalui laman sesawang https:eaduan.kpdnkk.gov.my atau melalui talian *hotline* 1-800-886-800. Manakala khusus di pejabat Segamat, nombornya, 07-943 3810 serta boleh hadir di pejabat KPDNHEP yang berhampiran. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ok, saya tidak buka untuk soalan tambahan sebab masa dah tepat pukul 11.00. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Kita tangguhkan persidangan ini sehingga 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan ini disambung sekarang, dijemput Yang Berhormat daripada Larkin.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera kepada Yang Amat Berhormat Tuan Speaker...

YB Speaker : Yang Berhormat aje, tak Yang Amat Berhormat.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga barisan Ketua-Ketua Jabatan serta sekalian Pengarah yang hadir.

Terlebih dahulu Larkin ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang sudi menyampaikan titah bagi merasmikan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Yang Keempat Belas yang lalu.

Larkin ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Speaker, juga Yang Amat Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian selaku Menteri Besar Johor dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah dilantik dan dipilih sebagai individu yang diberi mandat oleh rakyat bagi mewakili suara dan harapan mereka di dalam Dewan yang mulia ini.

Larkin juga memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam Dewan yang mulia ini dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada Larkin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Berhimpunnya kita di sini hanyalah semata-mata untuk menyuarakan hal-hal kepentingan rakyat. Saya ingin mengingatkan diri saya sendiri, kita tidak seharusnya ada perasaan dendam, iri hati atau bongkak, akhirnya kita akan bertelagah dan menjadikan Dewan yang mulia ini seperti sarkas. Marilah kita bersama-sama menjadikan Dewan yang mulia ini Dewan yang terbaik di dalam negara kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum Larkin meneruskan perbahasan, Larkin ingin mengulas kenyataan dari YB Semarang yang mempersoalkan tentang amanah. Terima kasih kepada YB Semarang kerana mengingatkan Pakatan Harapan berkenaan hal-hal rakyat serta menyentuh perkara yang dikatakan fitnah, yang sengaja dibuat oleh Pakatan Harapan semata-mata untuk meraih undi.

Untuk makluman YB Semarang, amanah kepada rakyat merupakan teras serta tunjang perjuangan Pakatan Harapan. Dan kami akan berazam untuk melaksanakannya dengan sebaik-baiknya. Insya-Allah agar kami tidak perlu menjawab di akhirat seperti yang dimaksudkan oleh YB Semarang. Kami sedar akan tanggungjawab yang telah diberikan. Apa yang ingin Larkin persoalkan di sini, bagaimana pula dengan kehancuran dan kerakusan yang telah dilakukan oleh pemerintah sebelum ini? Dan yang dibawa ini masih komited, berusaha, mempertahankan pemimpin yang bergelar *kleptokrat*, yang ni sah kena jawab.

Untuk perhatian YB Machap, bukanlah satu amalan bagi Pakatan Harapan untuk mendiskriminasikan kawasan yang diwakili barisan pembangkang. Malah perkataan harapan mengambil pendekatan untuk menumpukan perhatian dan komitmen yang tinggi dalam memberi khidmat kepada masyarakat di kawasan berkenaan.

Larkin percaya dengan usaha gigih dan ikhlas yang berterusan dalam membantu masyarakat setempat, sudah semestinya dapat menawan hati pengundi dan seterusnya berjaya menawan kawasan tersebut pada PRU yang akan datang.

Seterusnya Larkin ingin mendedikasikan serangkap pantun buat perhatian YB Benut, sahabat baik saya, dia tak ada di sini. Irama dan lagu tidak akan sempurna tanpa seorang DJ, Lebih baik menarik lagi... lebih menarik lagi jika ianya dikendalikan pelawak yang

terkenal bernama Enot, Kleptokrasi adalah pengesahan DOJ, Kelentongkrasi hanya persepsi emosi YB Benut.

YB Speaker : Mata panggil marah dalam pantun tu...

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : (Ketawa). Yang Berhormat Tuan Speaker, kita harus sedari sama ada di pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang, Larkin percaya hala tuju dan objektif utama kedua-dua belah pihak secara umumnya adalah berada di atas paksi yang sama iaitu memperjuang, menjaga, membela dan melaksanakan tanggungjawab dalam hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat selain memacu pembangunan ekonomi dan kemajuan negara.

Larkin juga memperakui bahawa pihak pembangkang mempunyai pengalaman yang begitu lama di tampuk pemerintahan sebelum ini. Larkin mengalu-alukan apa yang pandangan bernas dari pihak pembangkang selagi ianya selari dan dapat membantu usaha Kerajaan dalam memajukan masyarakat dan Negeri Johor dari semua aspek.

Justeru itu, Larkin amat berharap kedua-dua pihak ini akan dapat lebih bekerjasama pada masa akan datang dan berusaha keras mengelakkan perbalahan berteraskan parti demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan Negeri Johor itu sendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di sini ingin Larkin berkongsikan beberapa isu utama iaitu melibatkan hasil Kerajaan Negeri dan isu-isu yang terus membelenggu serta menyumbang kepada permasalahan rakyat umumnya dan Negeri Johor secara khususnya. Seperti yang semua sudah sedia maklum, Kerajaan Negeri Johor memiliki beberapa buah syarikat berkaitan Kerajaan iaitu GLC seperti JCorp, KPRJ, PIJ, PDT, YPJ dan lain-lain lagi yang dilihat menjadi tunjang jentera pembangunan ekonomi dan infrastruktur bagi kelestarian rakyat Negeri Johor.

Pelbagai bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada GLC-GLC ini sama ada melalui suntikan modal tunai, aset mahupun kurniaan tanah milik Kerajaan bagi tujuan menggalakkan lagi pertumbuhan pembangunan dan perniagaan. Dengan bantuan-bantuan tersebut, sepatutnya GLC-GLC ini boleh memberi pulangan yang besar kepada Kerajaan Negeri. Setiap GLC ini bertanggungjawab mengurus tadbir serta meniagakan aset atau tanah dengan cekap dan efisien bagi meraih keuntungan pada kadar maksima dan seterusnya memberi pulangan dividen yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

Oleh itu, bagi memastikan penjanaan jumlah pulangan dividen yang maksima Kerajaan Negeri, aktiviti GLC serta pelaburannya hendaklah perlu diteliti dan dikaji semula berdasarkan kepada situasi ekonomi semasa.

Merujuk kepada perkara tersebut, Larkin ingin mengambil salah satu syarikat di bawah Kerajaan Negeri Johor iaitu Johor Corporation yang dahulunya dikenal sebagai PKENJ. Menurut laporan penyata kewangan JCorp 2017, Kulim Berhad selaku sayap perladangan dan *oil and gas* bagi JCorp, perolehan Kulim sedikit merosot kepada RM1.54 bilion pada 2017 berbanding RM1.6 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai merosot daripada RM59.90 juta kepada RM43.44 juta. Penurunan keuntungan sebelum cukai sebanyak 27.49% adalah disebabkan oleh prestasi yang rendah dan kerugian syarikat subsidiari.

Jika diteliti dan mengambil Kumpulan Prasarana Rakyat Johor iaitu KPRJ sebagai satu lagi contoh. Sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dengan nilai pelaburan awal berjumlah RM1 juta. Berdasarkan laporan kewangan beraudit KPRJ bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, nilai pelaburannya dalam ekuiti syarikat-syarikat adalah tinggi iaitu berjumlah RM1.4 bilion. Di mana 59% daripadanya merupakan pelaburan jangka panjang yang berjumlah RM817 juta. Namun pendapatan yang diperolehinya pula adalah sejumlah RM28 juta sahaja. Dan pulangan dividen kepada

Kerajaan Negeri pula berjumlah RM45 juta. Berapakah banyak dividen yang telah diterima oleh KPRJ sejak ia melabur dalam ekuiti-ekuiti syarikat?

Mungkin Kerajaan Negeri perlu mengarahkan KPRJ supaya menyemak semula pelaburannya yang berteraskan hartanah. Contohnya dalam 37% Iskandar Waterfront Holding Sdn. Bhd., 30% dalam Iskandar Investment Berhad, Southkey City Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi. Sekiranya pulangan tidak banyak tetapi lonjakan nilai telah berganda, adalah wajar pelaburan ekuiti tersebut dijual atau disusun semula bagi memastikan pulangan diraih sekarang. Langkah ini adalah selari dengan Kerajaan Persekutuan yang sedang mengkaji semula prestasi serta strategi setiap GLC.

Sebagai Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, langkah dan polisi Kerajaan Persekutuan dalam pemantauan GLC boleh diambil kira dengan mengarahkan semua GLC mengkaji kebolehupayaan pelaburan-pelaburannya. Ini bermaksud kajian perlu dilakukan dengan izin, *debt service ratio gearing financial obligation capacity* agar tidak akan memberi risiko kepada Kerajaan Negeri dengan izin *mitigated risk*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara atau isu seterusnya yang ingin Larkin sentuh adalah berkenaan isu perumahan, setinggan dan juga gelandangan yang akhir-akhir ini pada pandangan Larkin semakin membimbangkan. Rakyat di kawasan DUN Larkin khususnya menuntut agar dasar pembangunan perumahan yang bakal dibangunkan hendaklah berpaksikan kepada iltizam ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan juga Perdana Menteri, yang mana mahu setiap rakyat mempunyai tempat perlindungan yang selamat. Ianya seiring dengan keperluan rakyat khususnya di bumi kawasan Larkin.

Di sini isu yang Larkin ingin tekankan adalah berkenaan projek-projek perumahan atau kediaman mampu milik. Ia kerana bagi mereka yang tidak mampu untuk memiliki rumah atau kediaman kos sederhana dan tinggi, sudah pastinya rumah mampu milik menjadi sasaran utama. Merujuk kepada permasalahan yang sama adalah masalah projek-projek perumahan yang dikategorikan sebagai projek sakit dan terbengkalai juga adalah antara punca utama kegiatan perlaksanaan penyediaan perumahan kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan 2017, statistik bagi Negeri Johor sahaja khususnya telah menunjukkan bahawa sejumlah 44 bilangan projek terbengkalai yang melibatkan pembinaan 8,839 buah unit rumah telah pun dikenal pasti. Ianya merupakan satu jumlah yang agak banyak. Apakah nasib yang terjadi kepada rakyat atau warga tempatan khususnya pembeli unit rumah bagi projek yang terlibat ini? Sekiranya mampu, mereka terpaksa menyewa, bukankah ia menjadi tambahan beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat akibat kecuaian pihak Kerajaan. Bagaimana pula mereka yang tidak mampu? Alternatif serta pilihan terakhir mereka bagi meneruskan kehidupan adalah dengan mendiami kawasan perumahan setinggan. Maka tidak hairanlah sekiranya isu kawasan setinggan akan berterus membelenggu Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Lebih menyedihkan lagi, ada di antara mereka terpaksa hidup merempat tanpa tempat tinggal yang seterusnya menyumbang kepada isu gelandangan.

Larkin amat hairan apabila perkara seperti ini boleh berlaku di zaman pemerintahan kerajaan terdahulu yang dikatakan cekap, efisien dan berintegriti. Justeru itu, Larkin mewakili rakyat khususnya warga Larkin memohon kepada Kerajaan Negeri di bawah SUK Perumahan Kerajaan Negeri agar dapat memberikan pencerahan dengan membuktikan secara tuntas.

1. Apakah Dasar Perumahan yang sebenarnya?
2. Berapakah jumlah peratusan yang dikhususkan untuk kaum bumiputera agar dia diwartakan untuk pengetahuan seluruh rakyat di Negeri Johor, tidak kira sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar?
3. Apakah pendekatan dan langkah atau usaha segera Kerajaan Negeri bagi menangani masalah projek-projek sakit yang terbengkalai dan lewat ini?

4. Apakah usaha seterusnya dari Kerajaan untuk membantu mereka yang gagal dan tidak layak untuk mendapat pinjaman daripada institusi perbankan?

Yang Berhormat Tuan Speaker, Larkin di sini turut ingin mengesyorkan dengan tegas agar pihak kerajaan negeri dapat mengambil langkah pragmatik melalui semakan, kajian dan penilaian semula projek-projek perumahan yang berkaitan khususnya dari latar belakang, serta pengurus pemaju yang telah dilantik dan gagal dalam melaksanakan projek yang telah diamanahkan. Ini bagi mengurangkan kerugian yang bakal ditanggung oleh kerajaan negeri mahupun rakyat tempatan. Kerajaan negeri perlu merancang dan melaksanakan satu mekanisme atau kaedah bagi memperhalusi proses penilaian serta penawaran harga sesebuah tender agar dapat dikawal dan tidak berlebihan. Ianya bertujuan untuk mengawal serta mencegah penggunaan kos, perbelanjaan kerajaan negeri secara berlebihan dan merugikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara atau isu semakin meruncing dan ingin Larkin ketengahkan di sini adalah isu nasional secara umumnya. Iaitu, isu peningkatan jumlah tenaga kerja tempatan yang bekerja di negara jiran di Singapura khususnya Bangsa Johor.

YB Speaker: Masa ada 2 minit lagi, Yang Berhormat.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Jumlah warga tempatan yang berulang alik dari Johor ke Singapura setiap hari atas urusan pekerjaan yang pernah direkodkan telah mencecah hampir 400,000 orang. Seperti mana yang dilaporkan di dalam Sinar *Online* edisi 19 Februari 2017, penyusutan nilai ringgit bermula pada tahun 2016 merupakan salah satu faktor utama peningkatan sejumlah besar rakyat atau pekerja tempatan yang merantau mencari rezeki di Singapura. Larkin berpandangan bahawa isu kadar peningkatan yang tinggi bagi jumlah warga tempatan yang bekerja di negara jiran perlu diambil perhatian yang serius serta pendekatan yang khusus dari pihak kerajaan negeri mahupun kementerian. Ini kerana peningkatan jumlah tenaga kerja tempatan yang bekerja di Singapura secara mendadak tidak terkawal dikhuatiri akan mewujudkan lambakan pekerja transit. Dan, seterusnya menjurus kepada permasalahan sosioekonomi mahupun budaya tempatan. Bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat Johor dan warga Larkin khususnya, Larkin di sini memohon butiran terperinci dan pencerahan mengenai data terkini pelan perancangan atau tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri dalam menandatangani permasalahan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, penduduk bandar raya Johor Bahru terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Bandaraya Johor Bahru juga merupakan antara bandar raya yang pesat membangun dari sudut ekonomi mahupun sosiobudaya di negara ini. Lokasi strategik sebagai pintu masuk hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura secara tidak langsung boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Negeri Johor dan Bandaraya Johor Bahru secara khususnya, menjadi lokasi transit kepada pelancong luar negara mahupun tempatan. Bandaraya Johor Bahru berpotensi menjadi salah satu bandaraya pelancong terkemuka. Sehubung dengan itu, maka tidak wajarlah kehadiran pelancong-pelancong ini disajikan dengan satu pemandangan yang kurang enak. Apa yang Larkin sentuh di sini adalah masalah, isu gelandangan. Satu isu yang merupakan kesinambungan dan berhubung rapat dengan isu-isu yang telah Larkin bangkitkan tadi iaitu perumahan dan lambakan tenaga kerja pekerja di Singapura. Ingin Larkin maklumkan di sini atas permasalahan gelandangan yang berlaku di sekitar Bandaraya Johor Bahru, ini adalah sesuatu yang unik. Tiada rekod terperinci dan terkini boleh diperolehi dari jabatan mahu pun kementerian yang berkaitan berhubung perkara itu untuk dijadikan sebagai rujukan.

Oleh itu, Larkin mengambil inisiatif dengan turun padang bagi tujuan melakukan tinjauan secara langsung selain mengumpul maklumat dari aktivis mahupun kumpulan NGO tempatan turut dijalankan. Berdasarkan hasil tinjauan serta kaji selidik yang telah dilakukan iaitu satu *trend* dengan izin, yang unik telah dicetuskan oleh gelandangan di Bandaraya Johor Bahru ini. Apa yang ingin Larkin kongsikan di sini daripada 100 orang gelandangan

yang telah ditemui dan didekati, 50% daripada gelandangan tersebut adalah mereka yang mempunyai pekerjaan iaitu gelandangan transit.

YB Speaker: Banyak lagi ke Yang Berhormat? Masa dah habis ini. Gulunglah, minta gulung.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Sikit lagi. Di mana mereka menjadikan tempat-tempat awam sebagai hotel penginapan mereka. 30% dari jumlah tersebut adalah mereka yang menghadapi isu perumahan dan baki 20% merupakan, adalah terdiri daripada mereka mempunyai masalah emosi dan penagihan dadah. Demi mewujudkan kembali daya saing ekonomi negeri Johor khususnya dalam bidang pelancongan, Larkin ingin mengesyorkan agar pihak kerajaan negeri dan agensi yang berkaitan dapat memberi penekanan sewajarnya dan mengambil inisiatif bagi menyelesaikan isu berkenaan. Sebuah pelan atau mekanisme perlu dirangkakan dan dilaksanakan.

Ok, Yang Berhormat Tuan Speaker, yang terakhir.

YB Speaker: Ha, akhirnya.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Perkara yang akhir ingin Larkin bangkitkan adalah isu pemilikan tanah dan kediaman. Sebagai individu yang diberi mandat oleh rakyat dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang maju, sejahtera dan harmoni, Larkin dengan tegasnya ingin mengesyorkan agar status Hak Milik di kawasan Larkin Jaya dan Kampung Melayu Majidee dapat diberi pertimbangan untuk ditukar menjadi Hak Milik Kekal Rizab Melayu. Mengganti dari status pajakan yang hanya tinggal jangka masa 40 tahun lagi. Ini harus diberi perhatian memandangkan kawasan ini masih tetap terpelihara dengan baik, infrastruktur yang tersusun, selain daripada itu kerajaan negeri akan berpeluang untuk mengenakan premium ke atas peralihan status tanah daripada pajakan ke Hak Milik Kekal.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekian sahaja ucapan serta permasalahan yang dibentangkan oleh Larkin. Larkin berharap kerajaan negeri Johor akan dapat memberi pertimbangan yang serius terhadap isu dan perkara yang telah Larkin ketengahkan. Larkin juga berharap agar kerajaan negeri Johor dapat melaksanakan tindakan yang sewajarnya bagi menangani permasalahan yang telah diutarakan. Larkin yakin dengan barisan kepimpinan pentadbiran yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor serta kepimpinan kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat, dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka dengan lebih baik dan efisien berbanding kerajaan sebelum ini. Akhir kalam, Larkin berharap semua Ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dan berganding bahu bagi menangani semua permasalahan masyarakat selain menggembleng usaha dalam menjana kembali ekonomi negeri Johor serta melahirkan sebuah masyarakat yang mampan. Larkin menjunjung kasih dan menyokong penuh titah yang telah diamanahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, dengan ini Larkin memohon untuk mengundur diri. Sekian, wabilahhitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.

YB Speaker: Terima kasih Larkin. Seterusnya Yang Berhormat Pulai Sebatang.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Bismillahirahmaannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama sekali Pulai Sebatang ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, kerana memberi laluan kepada Pulai Sebatang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan titah menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pulai Sebatang ingin merafak sembah menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah berkenan merasmikan sesi Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Penggal Ke-14 pada tanggal 9 Ogos yang

lalu. Pulai Sebatang juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Tuan Speaker dan Puan Timbalan Speaker. Sekalung tahniah juga kepada Menteri Besar Johor dan Ahli MMK yang baru kerana begitu komited dalam memastikan 10 janji manifesto Pakatan Harapan Johor dapat ditunaikan sebelum tibanya 100 hari. Syabas dan tahniah juga kepada seluruh Ahli Dewan Negeri yang telah diberi mandat oleh rakyat pada 9 Mei 2018. Gelombang tsunami yang telah melanda negeri Johor menjadi simbol bahawa rakyat Johor nekad untuk bernaung di bawah lembayung barisan kepimpinan yang baru. Menagih harapan agar kerajaan ini dapat menjamin kesejahteraan hidup dan mengangkat kembali martabat Bangsa Johor di Malaysia, memaknai semangat Malaysia baru.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan yang diterajui oleh Pakatan Harapan berpegang teguh dengan prinsip urus tadbir yang baik atau *good governance* dengan izin, dengan aspirasi untuk mengangkat nilai *transparency* dan juga integriti di dalam pentadbiran. Tekad Pakatan Harapan juga adalah untuk mengurangkan ketirisan dan menghapuskan rasuah. Hasrat kita adalah untuk melihat agar negeri Johor yang makmur ini dapat dibangunkan dengan memanfaatkan sebaiknya sumber alam yang dianugerahkan agar hasilnya dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat tanpa sedikit pun menzalimi hak alam. Ia sejajar dengan kalam Allah agar kita dapat membina sebuah negara yang di sebut sebagai (bacaan ayat al Quran). Di bawah semangat Malaysia baru, kita lihat kerajaan yang dipimpin Pakatan Harapan juga sebaik mungkin untuk menerapkan nilai keadilan dan kesaksamaan kepada semua pihak. Ini bermakna naratif perbincangan kita bukan lagi berkisar "*us vs them"* maksudnya itu kumpulan aku, itu kumpulan engkau. Kerana itulah saya di sini mengambil kesempatan untuk memuji pendekatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memberikan peruntukan kepada pembangkang, ini adalah landskap politik baru negeri Johor di mana pembangkang juga turut mendapatkan peruntukan daripada kerajaan negeri. 10 hari selepas kemenangan Pakatan Harapan, kerajaan negeri terus mengorak langkah dengan menghapuskan terus Kuota Menegak Kerajaan yang sebelum ini tampak memberi kelebihan kepada kroni Barisan Nasional terutamanya dalam projek Rumah Mampu Milik Johor. Walaupun kita hari ini cuba digambarkan sebagai tidak telus dalam proses pemilihan Ketua Kampung, tetapi Kuota Menegak Kerajaan ini ibarat sudah terang sangat tidak perlu bersuluh lagi bahawa ianya memberi kelebihan kepada kroni.

Yang Amat Berhormat Tuan Speaker, izinkan Pulai Sebatang sekali lagi memuji langkah terbaru kerajaan negeri yang memberi kursus Pra Perkahwinan percuma. Ia mendapat maklum balas yang sangat positif daripada golongan muda yang merancang untuk berkahwin dalam masa yang terdekat. Ini satu usaha yang mesra orang muda dan memudahkan urusan mereka. Kenapa saya menyebut semua perkara ini? Kerana inilah beza Pakatan Harapan dan Barisan Nasional. Bukan soal polisi ekonomi, siapa yang paling hebat? Bukan soal program siapa paling hebat, tetapi roh dan semangat mengangkat nilai keadilan dan kesaksamaan itu yang diinginkan oleh rakyat. Kerana itulah jujur bila kita berbicara kalau benar agenda rakyat yang ingin kita angkat, ketepikan seketika soal ini program Barisan Nasional, ini kami yang mula dahulu. Kita main peranan masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab dan akauntabiliti kerana kerajaan akan gubal polisi manakala pembangkang menjadi agen semak imbang yang konstruktif.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pemerkasaan belia. Pelantikan Ahli Parlimen Muar yang merupakan paling muda dalam sejarah sebagai Menteri Belia dan Sukan, memberi *signal* bahawa Malaysia sudah mengorak ke sebuah dimensi baru iaitu satu bentuk pengiktirafan kepada golongan belia bahawa belia mempunyai potensi yang cukup besar dalam menentukan hala tuju negara. Jika sebelum ini anak muda Malaysia hanya menelan air liur, membaca keratan Justin Trudeau dilantik sebagai Perdana Menteri pada usia 44 tahun, kemudian Emmanuel Macron yang usia 40 tahun diangkat sebagai menjadi Presiden Perancis, kini kita boleh berbangga bahawa anak muda Johor telah melakar sejarah menjadi menteri paling muda di Malaysia.

YB Speaker: Yang Berhormat bersedia ke menjadi Menteri Besar Johor? Pada usia muda?

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Insya-Allah, (Dewan ketawa).

YB Speaker: Lemah je.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Justeru, saya menyambut baik untuk mewujudkan sidang DUN Belia bagi memberi satu platform kepada anak muda Johor untuk sama-sama menggarap idea, menggubal polisi yang baik untuk kerajaan negeri Johor. Sebelum ini, kita maklum berkenaan dengan kewujudan Parlimen Belia, namun saya percaya inisiatif penubuhan sidang DUN Belia ini bukan hanya membuka ruang kepada anak muda mengasah bakat selaku *policy maker* dengan izin, tetapi memberi seribu makna dan manfaat kepada kerajaan negeri hari ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di samping itu juga perlu ada ruang kepada bakat-bakat muda yang lain untuk menonjolkan kemampuan mereka. Kita bersyukur kerana negeri mempunyai pelan pembangunan bola sepak yang terbaik bukan hanya di Malaysia saya kira bahkan di Asia Tenggara. Namun, bagaimana pula dengan sukan lain? Saya mencadangkan agar Jawatankuasa Belia Negeri Johor cuba untuk menggalakkan penglibatan belia dalam *e-sport.* Di Eropah, *e-sport* telah lama bertapak, tetapi di Malaysia Majlis Sukan Negara baru sahaja berkira-kira untuk menubuhkan unit sukan elektronik. Buat pengetahuan sidang Dewan, *e-sport* akan menjadi salah satu antara yang dipertandingkan di Sukan Asia 2022, di Guangzhao dan Perancis juga sedang mempertimbangkan untuk memasukkan acara *e-sport* ini pada sukan Olimpik Paris 2024. Justeru, saya kira peluang ini perlu diambil agar Johor dapat menjadi pusat melahirkan bakat sukan elektronik ini.

Yang Amat Berhormat Tuan Speaker, galakkan kepada belia untuk terlibat aktif dalam pertubuhan belia juga perlu digiatkan lagi. Golongan belia perlu didedahkan dengan pengurusan organisasi dan di sinilah kita dapat melahirkan pelapis pemimpin masa hadapan. Ibarat kata ‘ Bapa Mohamad Nasir, pemimpin itu tidak lahir di bilik-bilik kuliah, tetapi lahir di kancah masalah dan kesanggupan untuk keluar daripada kepompong rakan sebaya. Justeru, melalui penglibatan dalam pertubuhan ini, mereka dapat belajar mengenai *problem solving,* dengan izin, kemahiran pengurusan dan juga pemikiran strategik. Namun, harus diingati bahawa pertubuhan belia tidak boleh menjadi platform peribadi yang menjadi hak milik satu pihak sahaja.

Yang Amat Berhormat Speaker, Pulai Sebatang, gerbang pembangunan Pontian. Jika kita teliti kembali titah Tuanku, bahawa kita perlu mengambil serius dalam hal pengurusan sumber alam bagi menjamin kesejahteraan generasi akan datang. Jadi, saya ingin menarik perhatian sidang Dewan tentang potensi yang ada di Pontian. Ya, Tuan Speaker, di Pontian bukan sahaja ada saya selaku ADUN, kita juga di Pontian beruntung kerana Menteri Besar negeri Johor dilahirkan di Pontian, YB EXCO Pelancongan juga berasal daripada Pontian, malah Ketua Pembangkang kita juga berasal daripada Pontian. Pontian adalah suatu daerah yang kaya dengan hasil laut sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Asas Tani. Pontian akan dibangunkan menjadi hab kerang-kerangan. Namun saya melihat Pontian juga harus dibangunkan dengan institusi pendidikan. Jika kita ke Batu Pahat, kita dapat melihat keindahan UTHM, dan ITHO, jika kita ke Muar, kita dapat lihat gahnya hab pendidikan di sana. Johor Bahru itu tak perlu kita cerita, macam-macam institusi pendidikan. Kalau kita ke Kluang, mereka bangga dengan ada Institusi Tadbiran Awam Negara (INTAN), hatta, jika kita ke Segamat mereka megah adanya UiTM, tetapi kami di Pontian hanya ada cawangan OUM sahaja. Justeru kerana itulah saya fikir perlu ada satu cawangan universiti yang boleh membantu meningkatkan hasil laut, dan projek penyelidikan bakau ataupun berkaitan perikanan dan pertanian. Selain itu, Pulai Sebatang juga boleh dijadikan sebagai pusat penyelidikan kerang dan kupang. Pulai Sebatang melihat kemajuan sesebuah masyarakat bukan hanya bergantung kepada pembangunan material, tetapi juga pembangunan modal insan. Barulah ia menjadi sebuah pembangunan yang seimbang dan mampan, baik aktiviti ekonominya serta cukup sumber manusia yang menguruskannya. Itulah harapan Pulai Sebatang kepada Pontian. Pontian

harus dibangunkan dengan modal insan yang dapat mengangkat daerah ini setanding dengan daerah lain. Bak kata pepatah 'biar duduk sama rendah, berdiri sama tinggi; barulah kita dapat lihat kesan jangka panjang dalam kemajuan Pontian. Apakah kesannya jika Pontian dapat membangunkan modal insan yang cukup selari dengan pembangunan material? Kita akan dapat mengurangkan masalah penghijrahan anak-anak muda ke bandar besar. Peluang pekerjaan yang cukup juga dapat mengurangkan masalah, *brain drain*, dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, juga dalam satu lawatan kerja rasmi beliau ke Pontian, ada menyebut bahawa Pontian ini juga bukan lagi sekadar daerah perikanan dan pertanian bahkan kedudukan yang hampir dengan Johor Bahru hingga ada sebahagian kecil di daerah Pontian diletakkan di bawah Wilayah Iskandar Malaysia, membuka ruang kepada Pontian untuk menerima limpahan ekonomi dan pembangunan sekitar. Justeru, saya berharap agar kerajaan negeri boleh mempertimbangkan bukan hanya sebahagian kecil sahaja, bahkan keseluruhan daerah Pontian diletakkan di bawah Wilayah Iskandar. Ianya memungkinkan yang Pontian akan datang muncul sebagai daerah yang maju di dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu Pulai Sebatang juga berharap agar projek jambatan Pontian Kechil dapat dikaji semula, berikutan terdapat bantahan daripada pihak nelayan. Permasalahan serangan cacing kapang di jeti bot, pusat nelayan dan Pusat Perdagangan Pontian juga masih tiada penyelesaian yang tuntas. Lebih buruk lagi kesan daripada projek ini juga ada laluan muara sungai yang akan menjadi sempit dan mengakibatkan kawasan Kg. Persisir dan Taman Kenanga senang dilanda banjir. Dengan keadaan sekarang pun, projek ini tanpa pengecilan muara, bila hujan 2 hari berturut-turut, air sudah naik menjadi banjir. Apakah lagi bila dengan projek jambatan yang mengakibatkan pengecilan muara sepanjang 100 kaki ini? Saya kira dengan hujan yang tidak berhenti dalam satu hari pun menyebabkan banjir akan berlaku di persisir di Kampung Persisir dan Taman Kenanga. Sebab itu kalau saya minta untuk pihak kerajaan dapat melihat satu pembangunan itu perlu dikaji, adakah ianya memberi impak positif atau negatif kepada rakyat.

Tuan Yang Berhormat Speaker, 100 hari Pakatan Harapan. Kurang lagi 3 hari genap 100 hari Pakatan Harapan menjadi kerajaan, baik di persekutuan mahupun negeri ini. *Dateline* 100 hari ini menandakan permulaan gerak kerja yang lebih serius, baik dari kerajaan mahupun pembangkang.

YB Speaker : Masa ada 2 minit lagi ya Yang Berhormat.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Sebarang kejayaan yang telah dicapai dalam tempoh 100 hari yang lepas, bukan satu alasan untuk kita berhenti rehat kerana masih ada agenda yang perlu difikirkan dan dilaksanakan demi menjamin kesejahteraan rakyat Johor. Cabaran di dalam titah menjunjung kasih Tuanku supaya mencapai lebihan hasil atau *surplus,* agar mempunyai rizab simpanan di masa hadapan juga perlu dicernakan sebaik-baiknya.

Akhirnya, saya ingin mengajak sidang Dewan untuk kita hayati dan renungi tanggung jawab dan amanah yang begitu berat, untuk digalas dalam tempoh 5 tahun ke hadapan. Semoga kita sentiasa ingat 2 pesanan yang cukup hebat ini, hadis riwayat Ibnu Umar, 'setiap manusia itu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan dipertanggung jawabkan terhadap apa yang diamanahkan'. Kedua, *great power comes with a great responsibility,* saya akan terus bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli MMK Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memajukan negeri Johor yang tercinta ini. Sekian, perbahasan menjunjung kasih Pulai Sebatang pada hari ini.

YB Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pulai Sebatang. Ada permintaan daripada Rengit, Rengit semalam ada keuzuran, dia mintak pada hari ini. Silakan Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalammualaikum waramatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terlebih dahulu saya nak ambil kesempatan, kerana Yang Berhormat Tuan Speaker bagi saya peluang untuk turut sama dalam perbahasan pada hari ini. Dan saya ingat dah tertinggal, tapi nampak jelas bukti Speaker ini memang betul-betul adillah ya. Terlebih dahulu saya ambil kesempatan menjunjung kasih, nak turut sama dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bagi Dewan Yang Ke-14. Sesungguhnya titah Baginda Tuanku perlu kita hayati, dan perlu kita taati, kerana baginda merupakan payung bagi negeri Johor yang makmur lagi sejahtera ini. Di Johor ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, ni berbeza. Dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1895, semua kuasa,di negeri Johor adalah terletak di tangan Raja. Baginda mahu Dewan Negeri Johor menjadi platform atau forum membahaskan apa jua isu rakyat. Di samping platform merencana masa depan Johor yang lebih gemilang. Bukan pentas ataupun platform untuk menonjolkan imej vokal yang tidak berperaturan, atau nak menonjolkan imej seperti sarkas yang bertujuan untuk mencari publisiti murah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di kesempatan yang terhad ini, saya nak ucapkan tahniah kepada Penggaram. Sebab hari tu tak sempat nak bagi ucapan tahniah kepada Penggaram. Penggaram ini sahabat saya separlimen. Saya ingat, Yang Berhormat Penggaram ini akan jadi EXCO, sebab dia ketua pembangkang, yang lepas. Rupa dia dipilih sebagai Timbalan Speaker. Kita ucapkan tahniahlah, itu pun lagi baik. Sebab yang dulu ketua pembangkang dulu, Dr. Boo. Dia mana pergi ye? (Dewan ketawa)

YB Speaker : YB.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya kesian dia.

YB Speaker : YB, YB nanti *whatsapp*lah, *personal whatsapp* kat dia (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Berwhatsapp ya? Ok. Saya nak ucap tahniah pada Penggaram ni. Sebab dia seorang ahli politik yang, wanita yang kental, 7 kali bertanding, Yang Berhormat Penggaram betul-betul, 7 kali, 2 kali menang, 5 kali kalah, di kawasan yang sama.

YB Speaker : Ini jek ada apa-apa ke ni?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak ada, tak ada apa-apa. Sebab sahabat, rakan. 2 kali menang tu 2013 lawan King. 2018, menang, kali kedua lawan Kang (Dewan ketawa) Betul ye? Dr King dan *Mr.* Kang. Dia menang kerana lawan King dan Kang. (Dewan ketawa). *So*, tahniahlah kepada Penggaram yang menang, lawan King dan Kang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pilihan Raya ke-14 menyaksikan dan membuktikan bahawa demokrasi di Malaysia ni subur Yang Berhormat Tuan Speaker. Demokrasi di Malaysia dah memasuki fasa matang, dan demokrasi di Malaysia juga, hari ini beralih ke tahap yang lebih baik, Yang Berhormat Tuan Speaker. Pilihan raya Ke14 juga, menyaksikan peralihan kuasa berjalan dengan baik dan teratur. Peralihan kuasa diserahkan kepada kerajaan baru ni dengan tertib tanpa sebarang cerita yang mempersulitkan urusan kerajaan baru. Malah Yang Berhormat Tuan Speaker, semasa kempen pilihan raya, dan juga hari mengundi, kita tak dengar pun sebarang kejadian-kejadian buruk yang tidak diingini. Berbanding dengan negara-negara lain yang seangkatan dengan kita, seumur dengan kita. Banyak kejadian yang tak diingini, pertumpahan darah dan sebagainya. Berbeza dengan kita. Ini kita kena syukur. Kita kena bersyukur. Dengan nikmat peralihan kuasa yang cukup baik yang diserahkan oleh BN kepada Pakatan Harapan. Dan kita nak bantu pun Pakatan Harapan. Kalau ada teguran-teguran nakal sikit tu, terimalah ya.

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat bersyukur tak jadi pembangkang?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang duduk di sini. Bersyukur apa sahaja yang ditentukan Tuhan, adalah yang terbaik untuk kita. Betul tak?

YB Speaker : Alhamdulillah.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Betul tak? Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, saya masih ingat lagi keputusan pilihan raya, PRU yang ke 13, bila rakyat beri mandat kepada Barisan Nasional, apa yang berlaku? Orang tuduh kita Barisan Nasional buat penipuan kotak undi, betul tak? Bawa Bangladesh 40,000, masa hari mengundi. Lampu padam, disusuli dengan gerakan demonstrasi seluruh dunia, pakai baju hitam, nyalakan lilin, bahawa dia nak beritahu dunia tidak wujud demokrasi sebenarnya di negara kita. Tapi Yang Berhormat Tuan Speaker, hari ini keputusan Pilihanraya 14, kita serah dengan baik. Kerajaan yang kita dah tadbir 60 tahun ini kepada PH. Buatlah, tadbirlah negara ini dengan baik, uruskan secara baik, secara yang dikehendaki dan boleh membantu rakyat, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Pilihan raya kali ini juga, menyaksikan janji-janji yang cukup hebat. Ini rekod dalam dunia dan saya jangka, saya jangkalah, akan dapat Anugerah *Guiness World Of Record*, kita tunggu bila. Sebab, menjadi perhatian seluruh dunia, media masa antarabangsa bertanya kepada seorang menteri, bolehkah dia selesaikan dalam seratus hari? Dia menjawab pun dah tak tentu arah, dah tinggal berapa hari? Pulai Sebatang kata tadi 3 hari. Kalau ikut Sri Medan cakap berapa ratus minit, saat?

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : 432,000.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : 432,000 saat. Apa tidaknya, semua *free*. Siapa yang tak terliur dengan janji ini? Saya pun terpesona. Dengar cerita, tol *free*, FELDA punya hutang peneroka *free*, betul tak? PTPTN *free*, semua *free*, minyak turun, RON95 kepada RM1.50, eh! Speaker pun…. Speaker kat sana ye, masa tu. Siapa yang tak terliur, tak terpesona dengar janji-janji manis ini Tuan Pengerusi. Itu sebab, salah satu sebab, kita terima hakikat, BN dihukum kerana janji manis Pakatan Harapan. Tapi, kita doakan Pakatan Harapan dalam tempoh 100 hari ini, yang tinggal 3 hari, 432,000 saat, kena selesaikan, kalau tak kena jawab! Ini janji tuan-tuan sebab tak pernah dalam dunia dan dalam sejarah kita mentadbir negara 60 tahun ini, tak pernah janji semua *free*. Walaupun kerajaan PH di peringkat negeri tak janji yang macam itu, tapi kerana tuan-tuan yang di depan ini semua adalah juga penjaja kepada janji-janji tersebut, tuan-tuan juga bertanggungjawab! Dulu kita dekat sana, dia orang belasah kita kerana hal-hal pusat. Padahal negeri kita, Yang Berhormat Tuan Speaker, hebat! Kita bangunkan negeri Johor, kita ada rizab yang besar. Tapi, kita tanggung juga hal ehwal yang dikemukakan atau yang di *create* oleh pusat. Jadi, tuan-tuan yang dekat depan ini tanggung juga, sebab tuan-tuan juga pendokong dan juga penjaja kepada janji manis. (Dewan bertepuk).
Saya ditanya oleh rakyat saya, pengundi saya, dia yang menyokong, dia pun sokong. Apa tak YB, siapa tak suka anak dia PTPTN habis. Tak payah bayar. Sekarang ini, Pakatan Harapan dah buat pusingan, pusingan harapan. Dia dah buat pusingan ini, dulu pakatan sekarang dah jadi pusingan harapan. Dia kata, kerajaan lama punya masalah dia tak selesaikan janji dia, betul tak? Senang saja jadi macam itu, mana boleh! Tuan-tuan dah janji, buatlah!

Yang kedua kata dia, apa dia cakap? Manifesto bukan kitab suci. Dah 4 minit, Tuan Pengerusi. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Tau tak apa. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kawan saya cakap Yang Berhormat, bila dia orang nak selesaikan masalah ini? Dia cakap, kalau Pakatan Harapan tak boleh selesai ini, tukar sajalah nama Pakatan Harapan, jadi pakatan helah, nak menyelesaikan diri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam tempoh 100 hari juga ini, kita dengar berbagai-bagai perkara. Pertama, ialah kerana ghairah sangat, saya tak tau ada dakwaan mengatakan bahawa Bank Negara hilang RM66 bilion kerana nak menampung kejatuhan Ringgit pada paras RM4.50. Itu dakwaan, kita ingin penjelasanlah kalau Dewan Negeri boleh kemukakan?

Kehilangan RM2 bilion satu hari, KHAZANAH punya saham kawalan. Penarikan keluar modal asing daripada bursa saham tempatan, kehilangan RM3 bilion, kutipan GST bila *tax free*, 3 bulan ini Yang Berhormat Tuan Speaker. Lain lagi? Lebih kurang 100 hari, kira campur tolak, RM90 bilion kerajaan Pakatan Harapan hilangkan duit. RM90 bilion, maknanya jawablah esok. Dah la janji tak tunai! Hilang lagi duit! Ha, jawab! Penggaram boleh jawab ke? (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak sebutkan satu lagi yang mengguris perasaan kita ialah dalam tempoh 100 hari ini ialah perkara-perkara yang menjadi asas pembentukan perlembagaan negara, yang menjadi kontrak sosial, mula dipertikai tanpa segan silu, Yang Berhormat Tuan Speaker, tanpa segan silu. Saya beri contoh, soal raja berperlembagaan yang menjadi asas kepada kontrak sosial, yang menjadi asas kepada perlembagaan negara, dah dipertikai! Mudah sangat dipertikai hal raja ini!

Kedua, agama Islam. JAKIM nak disiasat, AKSIM nak dibatalkan dia punya peruntukan. Macam-macam lagi! Dan bahasa Melayu diperlekehkan! Keempat, hak istimewa orang Melayu, hak istimewa orang Melayu pun mula dipertikai, dikesampingkan ke sana ke sini, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sebutkan semua perkara ini kerana ini boleh mengganggu, menggugat perpaduan yang kita bina 60 tahun ini, bukan senang! Tapi dalam masa 100 hari, dah mula berlaku percikan bara-bara api terhadap perpaduan kaum di negara kita. Ini kalau tak dikawal Yang Berhormat Tuan Speaker, akan memberi kesan kepada negara dan masa depan negara, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sebutkan tadi bahawa kita ingin bantu, ADUN Benut pun dah cakap, kita akan bantu kerajaan, tapi kalau kita beri cadangan, contoh, saya beri cadangan pasal air, saya nak pendekkan ucapan, tinggal 1.16 minit saja.

Kita beri cadangan supaya kepentingan strategik negeri ini, kerajaan milik negerikan, kerana kalau kita diberi peluang hari itu, kita nak ambil balik semua, Syarikat Air Johor ini. Ini kepentingan strategik negeri Johor, Yang Berhormat Tuan Speaker, kita ada duit. Sebab itu saya tegaskan berkali-kali supaya ambil, sebab kepentingan atau pun *share* kita dalam syarikat ini terlalu kecil, cuma 20%. Dan amat membimbangkan kalau-kalau berlaku perpindahan saham ini kepada syarikat milik asing. Ini akan berlaku malapetaka besar kepada negeri kita. Sebab itu, saya minta, Bukit Batu dulu pun kuat membicarakan soal ini, buat satu laporan khas, bentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Apa perancangan pelan komprehensif kerajaan negeri terhadap isu industri air di Johor dan apa pelan bisnesnya? Kita bukan tak ada duit, ada, tapi kita perlu ambil perhatian, Yang Berhormat Tuan Speaker, supaya industri ini yang memberi keselesaan hidup kepada rakyat akan dapat kita pertahankan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menepati masa, saya tak nak lebihlah, walaupun ada banyak perkara yang nak saya sampaikan, saya cuma nak akhiri ucapan saya ini, kepada sahabat-sahabat saya di sanalah, di seberang sana, dengan rangkapan pantun untuk tatapan, rangkapan pepatah Melayu untuk sahabat di sana, walaupun tidur sebantal, tapi mimpi lain-lain.

YB Speaker : Ada mimpi sama ke masa tidur itu?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ada, memang ada, Tuan Speaker pun pernah mimpi sama dulu, saya nampak. (Dewan ketawa). Jangan sangka air yang tenang, tak ada

buaya. Bukankah kita ada pengalaman? Ada kisah catitan dalam sejarah, orang seberang sana, bila dia dah sampai seberang, tongkat dilepaskan.

YB Speaker : Ini pantun ke ceramah ini?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Pepatah sebenarnya.

YB Speaker : Oh pepatah, saya ingat pantun tadi.(Ketawa).

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Bagai enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Sekilas ikan di air; sudah ku tahu jantan ataupun betina. Dan meminjam kata Bukit Permai, jangan sampai kerajaan PH ini, ku sangka panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. (Dewan bertepuk).
YB Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Rengit ya. Saya kira banyak hujah-hujah yang disebut itu, saya sebenarnya teringin nak menjawab, ialah tapi tak boleh jawab duduk tengah-tengah ini, itu masalah itu. (Ketawa). Ok, seterusnya persilakan daripada Tangkak untuk menyampaikan perbahasan, dipersilakan.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih. Selamat tengah hari, salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana mengizinkan Tangkak untuk menyertai dalam rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia, sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Johor Yang ke 14. Sebenarnya Tuan Speaker, Tuan Speaker boleh juga menjawab, mencelah, tak salah tapi cuma masalahnya..

YB Speaker : Mencelah itu soalan saja, tak boleh buat …

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Ya, itulah masalah, jadi saya mintalah mengikut peraturan mesyuarat yang ada sekarang ini, mungkin kita bincang untuk menangguhkan perkara bilangan yang menghalangkan pencelahan tersebut. Biar orang boleh sampuk, boleh tanya soalan, boleh Tuan Speaker? Kalau biarkan, sokonglah, kalau tidak, Speaker saja yang dapat tanya, tak adil. Kita nak sampuk, nak tanya pun tak beri peluang. Saya nampak pun Ketua Pembangkang pada dua, tiga hari yang lalu ini, asyik nak berdiri untuk bertanya, tapi tak dapat. Itulah, perasaan kita dalam 5 tahun yang lalu itu, nak tanya tak boleh! Sekatan, peraturan mesyuarat. Jadi, kami sama-sama menambah baik, mengelakkan yang tiada peluang untuk mencelah.

YB Speaker : Kalau kita buat mencelah, lepas itu tambah masa jadi seminggu persidangan, boleh ke?

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Boleh, tak apa, tugas kitalah untuk membincang masalah-masalah dan isu-isu yang penting di dalam Dewan ini. Kalau tidak pun datang sini, nak tanya tak dapat, lepas itu pakai *whatsapp*, kadang-kadang EXCO atau ketua jabatan pun sibuk nak balas dengan *whatsapp.* Dekat sini kita ada minit, ada verbatim, senang nak rujuk Tuan Speaker.

Pertama, Tangkak ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakyat Johor kerana kerajaan negeri yang mereka pilih dalam Pilihanraya Umum Yang Ke 14, telah menunjukkan kemampuannya dalam menunaikan janji-janji dalam masa 100 hari. Syabas! Tangkak ingin mengucap kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, ketua-ketua jabatan dengan semua kakitangan-kakitangan kerajaan atas usaha mereka sepanjang masa ini.

Selain daripada janji 10 janji 100 hari yang telah diluluskan dan dilaksanakan, Dewan Negeri bawah pentadbiran, kerajaan negeri bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan Johor, juga buat pertama kali mengiktirafkan kedudukan ketua pembangkang dengan memberi

elaun tambahan bulanan dan juga menyediakan sebuah pejabat di dalam bangunan Dewan Negeri serta kita juga menyalurkan peruntukan untuk setiap ADUN-ADUN pembangkang.

Kedua-dua perkara ini tidak pernah pun, ataupun tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan lama walaupun telah 61 tahun mereka mentadbir dan kejayaan ini telah kerajaan Pakatan Harapan capai dalam tempoh 100 hari pertama, syabas. Dalam sesi perbahasan sepanjang 4 hari ini, ramai ADUN-ADUN terutama dari pihak pembangkang telah membangkitkan pertanyaan mereka terhadap Manifesto Pakatan Harapan Johor. Nampaknya, mereka sangat menanti-nantikan kejayaan kerajaan Pakatan Harapan Negeri Johor dalam menunaikan janji-janji pilihan raya ataupun Tuan Speaker, ataupun disebabkan pengalaman mereka dalam kerajaan dulu yang selalu memungkirkan janji, itu kita tak tahulah.

Tangkak ingin mengingatkan ADUN-ADUN pembangkang di Negeri Johor jangan ada sangka buruk terhadap kerajaan Pakatan Harapan. Memandangkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umum yang baru-baru ini akan, tidak akan mengikut jalan lama kerajaan Barisan Nasional. Kami bukan sahaja akan menambahbaikan polisi-polisi yang sedang dijalankan. Kerajaan Pakatan Harapan juga akan melaksanakan apa yang baik dan yang memanfaatkan rakyat dan negeri Johor. Mesej yang dibawa oleh majoriti pengundi dalam pilihan raya umum adalah jelas bahawa mereka mahu kerajaan Pakatan Harapan membawa nafas baru kepada pentadbiran negeri dan negara. Oleh itu, saya nak, saya nak mengingatkan semua yang berada di sini terutama kerajaan, pihak kerajaan Pakatan Harapan supaya dari sekarang, dari hari ini ataupun sejak 3 bulan lepas, kita harus merancang, mengkaji dan melaksanakan semua perkara-perkara, polisi-polisi yang baik untuk rakyat dan negeri kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Parit Raja dalam ucapan perbahasan beliau telah melahirkan kebimbangan terhadap pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu, UEC akan mewujudkan jurang antara kaum yang bertentangan dengan perpaduan kaum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga kepada Yang Berhormat Panti dan juga Yang Berhormat Rengit, kegunaan bahasa bukannya faktor utama yang akan menjejaskan perpaduan antara kita. Keistimewaan Malaysia adalah kerana Malaysia mempunyai pelbagai kaum, pelbagai budaya dan juga pelbagai bahasa. Tambahan lagi salah satu syarat yang telah ditetapkan oleh Pakatan Harapan bagi mengiktirafkan Sijil UEC, sebagai kemasukan ke institusi tinggi, institusi pengajian tinggi awam, IPTA adalah pemohon harus mempunyai kelulusan kredit dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini jelas, jadi bagi mereka yang bimbang, jangan risau sebab Pakatan Harapan masih mengiktirafkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan kepada pihak-pihak yang membantah tentang pengiktirafan Sijil UEC dan juga kepada rakan saya Yang Berhormat Rengit tadi, yang telah banyak bangkit tentang isu manifesto, bacalah dengan teliti Manifesto Pakatan Harapan ini. Bacalah isi kandungan yang telah ditulis, setiap perkataan dalam manifesto, jangan baca tajuk sahaja, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Kepada Yang Berhormat Rengit, saya rasa, saya boleh faham kenapa semasa pengkajian untuk menyiaran langsungkan Dewan ini timbul banyak kebimbangan dan kerisauan, Tuan Speaker. Apa yang dikata oleh Yang Berhormat Rengit tadi, tidak betul semua, bilakah dalam Manifesto Pakatan Harapan kita ada mengatakan nak *free* kan ataupun percumakan PTPTN. Apa yang kita janji dalam manifesto bagi keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM4,000.00, pembayaran balik tersebut boleh ditangguhkan. Tetapi, apabila pendapatannya capai melebihi RM4,000.00, baru bermula bayar.

Kedua, Pakatan Harapan pun tidak pernah menjanjikan harga minyak RON95 di tetap pada harga RM1.50, dari mana manifesto tu, Yang Berhormat Rengit nampak, kita tetapkan, kita janji, kita akan menstabilkan harga bahan bakar, harga minyak.

Oleh itu, Yang Berhormat Tuan Speaker…

YB Speaker : Saya ingat, saya ingat Rengit sebut, daripada pengundi-pengundi kat kawasan-kawasan itu lah menyebabkan pengundi menyokong Pakatan Harapan tu, dia salah maklumat tu kot.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Mungkin juga, mungkin juga. Tapi, perlu, perlu *declaration*, di kelarasi yang betul, jangan orang salah faham,Tuan Speaker. Jadi, saya balik kepada, kepada isu tadi, apa tu, peraturan mesyuarat ataupun pembaharuan dalam semua peringkat sistem kerajaan. Tuan Speaker sendiri juga telah banyak kali menyentuh tentang perkara-perkara pembaharuan ataupun *reform* di peringkat Dewan Negeri. Tangkak amat mengalu-alukan cadangan daripada Tuan Speaker, bahawa memang ada keperluannya untuk kita bersama-sama menaik taraf Dewan yang mulia ini ke satu era baru yang bersetaraf dan sesuai dengan keadaan zaman moden sekarang, terkini.

Tangkak juga sokonglah sepenuh dengan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Perling semalam mengenai siaran langsung dan mendigitalkan dokumen-dokumen Mesyuarat Dewan Negeri. Dengan dokumen-dokumen yang berdigital itu, mestilah lebih senang untuk ADUN-ADUN dan juga orang-orang awam untuk mendapatkan maklumat atau merujuk perkara-perkara yang telah di bincang dan diluluskan oleh Dewan Negeri Johor.

Cadangan yang sama juga telah banyak kali dibawa oleh Tangkak dalam lima tahun yang lalu, tetapi malangnya langsung tidak dilayan selain daripada *wifi* percuma dalam Dewan ini. Tapi tak apa, Tangkak berharap dapat bekerjasama dengan ADUN-ADUN yang berada di sini dan juga dengan kerjasama Tuan Speaker, dalam menjayakan kerja-kerja pembaharuan ini. Tangkak ingin mengusulkan supaya sejumlah peruntukan disediakan dalam bajet tahun 2019 supaya kerja-kerja pembaharuan dapat dilaksanakan supaya Jurutulis kita tidak pening kepala, kepada nak cari dana, cari peruntukan, Tuan Speaker.

YB Speaker : Tak tepuk pun? (Dewan bertepuk). Ha, ok.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Ini usul juga dari Tuan Speaker, kena sokong, kalau tidak tinggal lima minit nanti. Ok. (Dewan ketawa). Tangkak mengalu-alukan…

YB Speaker : Bukan tinggal lima minit, tinggal dua minit tu. (Dewan ketawa).

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Ingat boleh tambah sokong Tuan Speaker ni. Ok. Sesi soal jawab di Dewan Negeri Johor juga perlu dipanjangkan sebagaimana semalam dan hari ini ataupun Tangkak bercadang ia dapat dipanjangkan sehingga dua jam supaya lebih banyak soalan dapat ditanya dan dijawab dalam Persidangan Dewan yang akan datang nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai juga dengan isu air. Tadi Yang Berhormat Rengit pun telah bercakap tentang isu air ni. Ada cadangan untuk membeli balik saham SAJ Ranhill, tetapi pandangan Tangkak adalah begitu. Kita tidak perlu membeli balik SAJ Ranhill sekiranya kita dapat mengawal kualiti pengurusan SAJ ataupun kualiti air yang disalurkan. Pihak pembangkang banyak membangkit bahawa minta kerajaan beli balik. Tapi, kalau nak beli balik, kenapa dalam tempoh 20 tahun yang lalu, dalam pentadbiran mereka, tidak langsung sebut pun nak beli balik. Jadi, Tangkak berpendapat tentang isu-isu perkhidmatan SAJ ini kita harus mencari pendekatan yang lebih senang ataupun mengguna pakai teknologi yang baru dalam menambahbaikkan industri air ini.

Isu yang kedua, iaitu mengenai sisa pepejal yang hangat di bincang oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat juga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dengan peningkatan populasi dan sisa pepejal sekarang, kebanyakan tapak pelupusan sampah telah pun mencapai had kapasitinya. Antaranya termasuk…

YB Speaker : Tinggal dua minit lagi Yang Berhormat ya, dua minit lagi.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Ok. Antaranya termasuk Tapak Pelupusan Sampah Tangkak, Bukit Bakri, CEP Simpang Renggam dan Pontian. Dan antara, dan ada juga tapak pelupusan sampah yang telah membawa masalah pencemaran di kawasan setempatnya, di sekitar kawasannya. Oleh itu, tadi EXCO Kerajaan Tempatan juga telah membuat satu pengumuman kepada media bahawa kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan kerajaan negeri Johor telah bersetuju untuk menangguhkan kerja-kerja pembinaan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Payung. Oleh itu, kebanyakan tapak pelupusan sampah yang sedia ada ini, ada yang telah di naik taraf sebagai *transit centre* menghadapi masalah kerana sisa pepejal tersebut yang dicadangkan untuk dihantar ke TPS Bukit Payung ini telah tergendala.

Jadi, Tangkak dengan ini menyokong, menyokong cadangan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar pada bulan lalu, iaitu, kita boleh menghala ke sebuah sistem pelupusan sampah yang baru yang dipanggil sisa buangan kepada tenaga atau dengan izin, *waste to energy*. Teknologi yang memproses sisa buangan pepejal dan menukarkannya kepada baja, gas dan juga tenaga elektrik. Sebenarnya, kebanyakan negara maju sudah lama mengamalkan kaedah pengurusan sisa pepejal *waste to energy* seperti Switzerland, Jerman, United Kingdom, Jepun, Korea Selatan dan Singapura. Impaknya sangat baik bukan sahaja kepada negara itu sendiri, malah rakyatnya. Jadi, Tangkak ingin menyeru atau meminta kerajaan negeri Johor supaya mempercepatkan proses dalam pembinaan *waste to energy* ini supaya cara melupus sampah yang lebih bermesra alam ini dapat menampung peningkatan sisa pepejal.

YB Speaker : Mohon gulung Yang Berhormat.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Ok. Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai ucapan perbahasan dari Yang Berhormat Semarang semalam, mengatakan macam Pakatan Harapan telah lupa tentang mengurangkan kos sara hidup rakyat. Saya nak balas sedikit dekat sini kepada Yang Berhormat Semarang dan juga Dewan yang mulia ini. Menurut jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari pertama Persidangan Dewan di sini, kerajaan negeri melalui janji yang kita laksanakan dalam tempoh 100 hari ini, ada beberapa janji yang kita laksana, akan dan telah mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama bangsa Johor. Antaranya, pengurangan 50% tunggakan sewa PPR yang telah memanfaatkan sejumlah 30% penyewa PPR miskin. Kedua, air percuma 10 meter sepadu yang melibatkan kos RM22 juta.

YB Speaker : Akhirnya,

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Akhirnya. Ok. Ketiga, Skim Takaful Warga Emas yang melibatkan kos RM560,000.00 . Pengecualian lesen penjaja dengan RM2.1 juta . RM1.2 juta untuk kad sihat dan akhirnya Insentif Harapan Siswa dari RM750.00 kepada RM1,000.00. Kita faham ini masih belum cukup dan dalam masa hadapan kami percaya kerajaan Pakatan Harapan akan menangani masalah kos sara hidup secara berperingkat.

Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker, Tangkak menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senggarang. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih, seterusnya Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tuan Speaker. Salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat dan juga semua penjawat-penjawat awam yang hadir pada mesyuarat pagi ini. Tuan Speaker, Jementah ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesempatan diberikan kepada Jementah untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Tuan Speaker, baru-baru ini di Parlimen telah ada satu pembongkaran yang amat mengejutkan oleh Ahli Parlimen Damansara berkenaan dengan wang 1MDB. Apakah

pembongkaran itu yang disampaikan oleh Ahli Parlimen Damansara? Wang 1MDB telah disalurkan oleh 1MDB kepada parti-parti Barisan Nasional. Sebanyak RM470 juta, RM470 juta wang rakyat, wang 1MDB, wang kerajaan disalurkan kepada parti-parti komponen Barisan Nasional. Antaranya, UMNO mendapat RM417 juta.

Saya nak menanya kepada UMNO Negeri Johor, sama ada kah UMNO Negeri Johor mendapat saluran wang daripada 1MDB juga? Ada tak? Kalau ada mohon jasa baik UMNO Negeri Johor supaya memulangkan wang itu kepada kerajaan, kepada rakyat boleh tak? (Dewan bertepuk).

Tuan Speaker, negara kita sekarang sedang menghadapi satu krisis kewangan yang amat membimbangkan dengan hutang sebanyak RM1 trilion, RM1 trilion bersamaan dengan lebih kurang KDNK satu tahun negara kita. Begitu banyak wang yang perlu dihutang oleh kerajaan persekutuan. Perdana Menteri kita, Menteri Kewangan kita, semua Ahli-Ahli Kabinet sedang sakit kepala macam mana kita nak mencari wang untuk menutupkan lubang-lubang semua ini. RM1 trilion, bila nak bayar balik, nak naikkan cukai, mahu tak?

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Speaker, Peraturan. Ucapan dalam bentuk pertanyaan yang diajukan kepada saya, kita tak ada ruang nak menjawab. Saya tak boleh buat penggulungan melainkan Yang Berhormat Speaker buat *ruling* saya ada juga ruang buat saya penggulungan, lepas-lepas EXCO lepas itu saya dulu ke *then* bolehlah. Saya harap kalau nak buat kenyataan, buat kenyataan saja.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Tak apa kalau tak nak jawab tak apa. Tetapi...

YB Speaker : Bukan tak mahu balas Yang Berhormat, tak ada ruang,

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Tak ada ruang untuk balas.

YB Speaker : Jadi sebab itulah daripada yang sebelum ni tadi nak ada apa nama boleh mencelah. Tapi tak apa, tapi tak apa ruang Persidangan kita ni bukan tamat pada kali ini sahaja, ada lagi di Persidangan mungkin ruang di situ kita boleh gunakan.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Itu sebabnya kita buat cadangan untuk memasukkan peruntukan dalam apa ni Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Mesyuarat Dewan Negeri supaya membolehkan pihak yang berkenaan untuk membuat pencelahan, kalau tidak kadang-kala juga tidak adil dan, tak apa kita boleh bincang perkara ini dalam Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah.

Masalah negara kita ialah hutang yang terlalu besar. Walaupun kerajaan negeri Johor dalam beberapa tahun ini kedudukan kewangan kita kalau kita tengok berapa tahun kebelakangan ini memang dia ada bertambah baik tapi *surplus* ada kurang, setiap tahun *surplus* ada kurang.

Saya beri satu butiran, menurut Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor 2015 dan juga 2016, *surplus* 2013, RM617.79 juta. tahun 2014 *surplus* semakin berkuranganlah RM359.41 juta. Tahun 2015, RM153.38 juta. Tahun 2016 RM119 juta. Memang ada berkurangan *surplus*, maka saya juga ingin menyeru kerajaan negeri yang ada sekarang ini supaya dalam perbelanjaan kita lebih berhati-hati seperti yang di dalam titah Tuanku, perkara 15 dan 16 berkenaan *surplus* dan 14 dan 15 maaf, 14 dan 15 berkenaan *surplus* dan perbelanjaan pengurusan kerajaan negeri.

Saya juga dimaklumkan oleh setengah-setengah jabatan dan juga barisan EXCO yang Harapan ini bahawa ini sekarang juga amat sukar mendapat peruntukan daripada persekutuan, kerajaan persekutuan kerana kesuntukan wang, kesuntukan wang. Tetapi saya nak menyeru kepada kerajaan Persekutuan, peruntukan-peruntukan untuk pembangunan seperti kemudahan asas perlu di, kalau boleh, kalau masih ada wanglah sila salurkan kepada kerajaan negeri seperti pembinaan jalan, jambatan, jejantas, perkhidmatan

air. Ini semua yang *basic-basic*nya. Kalau boleh kerajaan persekutuan memberikan pertimbangan yang sewajarnya menyalurkan kepada kerajaan negeri supaya projek-projek semua ini dapat dijalankan untuk kesejahteraan rakyat setempat.

Tuan Speaker, masalah pencemaran udara. Saya sekarang masuk isu-isu tempatan, pencemaran udara daripada sebuah kilang milik Mestika Sdn. Bhd. yang terletak di sempadan Tangkak dan Jementah masih tidak selesai. 2 tahun masih tidak selesai sehingga hari ini. Jementah masih mendapat aduan daripada penduduk-penduduk setempat khususnya daripada Kampung Paya Jakas yang amat dekat lebih kurang tak sampai 1 kilometer daripada kilang tersebut dan juga penduduk-penduduk Taman Jementah Baru. Kacau ganggu bau itu khususnya bila cuaca dingin atau selepas hujan. Perkara ini saya sudah beberapa kali bangkit dalam Dewan yang mulia ini. Ha, ini semualah kerjalah kerajaan yang lepas ini yang tidak mengenalpastikan bahawa semua syarat-syarat sudah ditemui baru luluskan pembinaan kilang tersebut dan mengizinkan kilang itu mengoperasi. Saya difahamkan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Alam Sekitar sehingga hari ini masih ada beberapa lagi syarat yang belum disempurnakan oleh pihak kilang, seperti pemasangan *biogas plant* sehingga hari ini setahu saya pun belum lagi.

Maka saya ingin menyeru Kementerian Alam Sekitar supaya mengambil perhatian berkenaan perkara ini. Baru-baru ini saya juga mendapat jawapan daripada Jabatan Alam Sekitar berkenaan dengan pencemaran air sungai, sebab memang ada air sungai di sekitar Jementah ini sudah jadi warna keperangan macam sudah warna hitam. Saya ada pergi tengok beberapa anak-anak sungai di sekitar Jementah yang berdekatan dengan kilang tersebut, warnanya sudah tukar dan memang ada buat pertanyaanlah berkenaan dengan sama ada kah air sungai telah dicemarkan. Dan saya mendapat jawapan semalam tetapi saya merujuk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Akta 127 Peraturan-Peraturan Kaedah-Kaedah dan Perintah-Perintah. Jawapan yang diberi parameter ada 6, tetapi saya rujuk kepada Jadual Kedua Peraturan 12 (2) dan (3) sebenarnya parameter ada 7, kurang satu parameter suhu saya tak tahu kenapa tidak masukkan dalam jawapan yang diberikan. Saya mohon satu penjelasan atau pencerahan daripada pihak Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan isu ini.

Satu lagi, berkenaan dengan jawapan yang saya terima daripada Ahli Parlimen Segamat, yang membuat pertanyaan kepada Menteri Industri Utama. Berkenaan mengapa MPOB memberi kelulusan kepada kilang tersebut untuk beroperasi? Dan maklum balas daripada Kementerian Industri Utama, mengatakan bahawa lesen, itu jawapanlah daripada Kementerian Industri Utama, lesen memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit atau mereka panggil YBlah, diluluskan kerana kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan juga Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Johor. Maka, saya ingin tahu daripada pihak UPEN, apakah asas-asas kelulusan diberikan kepada kilang tersebut? Daripada aspek kesesuaian premisnya. Sebab dia berdekatan, tak jauh daripada kediaman penduduk-penduduk setempat. Saya mohon satu jawapan sebab kita perlu ada satu apa ni, jawapan yang sangat jelas supaya kita lebih tahu siapa sebenarnya yang perlu bertanggungjawab untuk perkara ini. Sudah berlarutan hingga 2 tahun sehingga hari ini masih tak selesai. Saya juga dimaklumkan bahawa jawatankuasa membantah kilang tersebut telah membuat laporan Polis dan juga laporan, membuat laporan kepada SPRM, untuk meminta pihak SPRM menyiasat, sama ada kelulusan diberikan kepada kilang ini untuk beroperasi melibatkan unsur-unsur jenayah rasuah. Itu belum dapat jawapanlah. Tapi saya dimaklumkan mereka telah membuat apa ni, laporan kepada SPRM. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

Hasrat penduduk-penduduk setempat ialah supaya kalau boleh kilang itu ditutup dan dipindahkan ke tempat lain, secepat mungkin. Tetapi kerajaan juga perlu fikirlah, macam mana kalau boleh, mengadakan satu *win-win situation* lah. Kita tidak mahu paksa, sebab mereka datang melabur, mereka juga ada apa ni, pihak kilang lah. Supaya boleh tak ada satu jalan penyelesaian yang apa ni, yang menggembirakanlah semua pihak lah. Ini saya tak tahu sama ada pihak yang berkenaan boleh mempertimbangkan perkara ini.

Seterusnya, saya nak masuk kepada soalan berkenaan dengan stesen bas di Jementah. Jementah selepas memang Jementah dalam berapa tahun ini dia ada membangun agak pesatlah. Dan jalan daripada Jementah ke Muar pun sudah dinaiktarafkan. Tetapi masih kurang sebuah stesen bas di kawasan Jementah.

YB Speaker : Yang Berhormat ada 2 minit lagi ya.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Ya. Sebab saya bangkitkan perkara ini kerana saya sering nampak sebab saya di kawasan saya sering nampak bas hanya berhenti di tepi jalan sahaja, sedangkan jalan tersebut sudah dinaik tarafkan kepada dua lorong, dan merupakan satu jalan yang apa ni kelajuan tinggilah. Sangat cepat kenderaan-kenderaan yang melalui kawasan itu. *So,* bas kalau berhenti di tepi jalan agak bahaya juga kepada pemandu bas dan juga kepada penumpang-penumpang. Maka saya mohon jasa baik kerajaan negeri supaya apa ni, lihat macam mana boleh ada satu pembinaan satu, sebuah stesen baslah di Jementah. sebab saya difahamkan oleh pihak Perancangan bahawa memang ada perancangan untuk membina sebuah stesen bas di Jementah, tetapi tak ada tanah. Kekurangan tanah untuk membina stesen bas tersebut. Maka, saya menyeru kerajaan negeri dan PBT supaya menolong rakyat-rakyat setempat supaya mengadakan satu, sebuah stesen bas di kawasan Jementah.

Tuan Speaker, berkenaan dengan banjir kilat yang baru-baru ini berlaku di permulaan tahun inilah, Januari sudah berlaku 3 kalilah, banjir kilat di sekitar kawasan Sg. Siput, Jementah. Saya berharap pihak jabatan JPS ke, pihak kerajaan negeri ke, mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini dan mencari satu jalan penyelesaian, sebab banyak kawasan-kawasan rendah, hujan lebat sahaja, banjir kilat berlaku di kawasan-kawasan itu. Seterusnya...

YB Speaker : Masa dah tamat. Mohon gulung.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Seterusnya di Sg. Siput...

YB Speaker : Gulung.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Ya. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon jasa baiklah, jabatan berkenaan supaya meneliti perkara ini. Kalau boleh menyelesaikan masalah ini jugalah. Sebab kita tak mahu rakyat setempat sengsara setiap kali hujan lebat, banjir kilat datang, dan perkara ini idak seharusnya berlanjutan lagilah. Kalau boleh ada satu jalan penyelesaian yang konkritlah untuk menyelesaikan masalah ini. Maka, oleh kerana kesuntukan masa, saya memohon sokong rundingan yang di bawa oleh Senggarang. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ok. Terima kasih daripada Jementah. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana sesi perbahasan Ahli-Ahli Dewan telah selesai pada hari ini, Dewan akan ditangguhkan awal dan disambung Persidangan pada hari esok, 16 Ogos 2018 jam 9.30 pagi. Esok juga Yang Berhormat EXCO-EXCO akan mula membuat penggulungan bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat selama 4 hari sebelum ini. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, Khamis 16 Ogos 2018 jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KEENAM	KHAMIS, 16 OGOS 2018	BIL. 2 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor
Dato' Haji Osman bin Haji Sapian
(Kempas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi
Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian
Tuan Dr. Sahruddin bin Jamal
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif
Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.(Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah hari ini kita telah berada pada hari yang keenam dan hari ini kita akan memfokus kepada jawapan daripada barisan EXCO, semua EXCO, insya-Allah, akan memberi jawapan-jawapan mereka pada hari ini dan kita beri lebih masa kepada EXCO-EXCO yang mempunyai soalan-soalan yang banyak dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan sebelum ini.

Jurutulis : SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.

Sila nyatakan jenis-jenis cukai taksiran yang dilaksanakan serta kadar cukainya bagi setiap PBT. Adakah kerajaan merancang menurunkan kadar cukai taksiran untuk meringan bebas kos sara hidup rakyat?

YB Speaker : Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pekan Nenas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cukai taksiran merupakan salah satu sumber pendapatan yang penting bagi Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan. Cukai taksiran ni dikenakan oleh PBT ke atas pegangan bercukai di kawasan masing-masing berdasarkan 2 Seksyen dalam Akta Kerajaan Tempatan iaitu Akta 171, yang berkaitan dengan cukai taksiran ini antaranya adalah Seksyen 127 iaitu Pihak Berkuasa Tempatan boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai satu kadar yang disatukan, kadar atau kadar-kadar tahunan dalam sesuatu kawasan pihak tempatan bagi maksud Akta ini atau bagi maksud lain yang mana adalah kewajipan Pihak Berkuasa Tempatan itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Jenis cukai taksiran yang dikenakan adalah berdasarkan jenis pegangan yang terdapat di dalam PBT. Pembahagian mengikut jenis pegangan ini telah dijelaskan di dalam Seksyen 129 Akta yang sama iaitu membahagikan kawasan dan pegangan pada maksud kadar. Seksyen 129 berbunyi seperti berikut : Bagi maksud-maksud bahagian ini Pihak Berkuasa Tempatan boleh membahagikan kawasannya kepada 2 bahagian atau lebih dan boleh mengenakan bahagian dan atau bahagian-bahagian yang berasingan itu mengenakan apa-apa kadar atau kadar-kadar yang difikirkan patut dan wajar dan Pihak Berkuasa Tempatan boleh selain daripada itu mengenakan dalam bahagian-bahagian atau bahagian dalam bahagian atau bahagian-bahagian itu satu kadar yang berlainan mengikut kegunaan sebenar pegangan itu atau bahagian pegangan itu. Antara jenis-jenis pegangan yang dikenakan cukai adalah kediaman atau perumahan, perniagaan, perindustrian, pertanian, harta khas iaitu sebagai contoh loji air, PUB ataupun menara telekom itu tergolong sebagai harta khas.

Dan, PBT telah pun menurunkan kadar cukai bagi beberapa jenis pegangan di kawasan masing-masing melalui perlaksanaan penilaian semula yang telah diadakan pada tahun 2013 dan 2014 serta dikuatkuasa pada tahun 2015. Pecahan atau butiran kadar-kadar yang diturunkan akan saya berikan kepada Yang Berhormat Pekan Nanas sebab dia melibatkan angka yang begitu halus dan panjang lebar. Itu saja Yang berhormat Speaker.

YB Speaker : Ya, Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak tanya macam mana keadaan status kewangan setiap Pihak Berkuasa Tempatan dan sekadar mana Kerajaan Tempatan dapat mengurangkan cukai taksiran yang dijangkakan iaitu berapa nilai anggaran yang mungkin dapat dikurangkan untuk meringankan beban rakyat itu.

YB Speaker : Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nanas. Yang Berhormat Speaker sebenarnya Yang Berhormat Pekan Nanas dah sebut tentang cukai taksiran dalam kita membincangkan cukai taksiran ini dia melibatkan 2 aspek, satu berkenaan kadar dan dua berkenaan nilaian. Kedua-dua aspek ini merupakan unsur yang penting, elemen yang penting untuk menentukan berapakah cukai taksiran yang akan dibayar oleh pembayar cukai.

Mengikut Akta yang sama iaitu Akta 171, setiap 5 tahun Pihak Berkuasa Tempatan perlu, boleh menjalankan nilaian semula. Bagaimanapun, apa yang berlaku sebelum ini iaitu dalam pentadbiran lama, nilaian semula itu dijalankan selepas satu tempoh yang begitu lama di mana ada yang lebih daripada 10 tahun. Maka, ianya akan menggambarkan satu peningkatan yang begitu tinggi dan selalunya ini juga akan menyebabkan bahawa cukai taksiran yang telah dibayar oleh pembayar cukai akan bertambah secara mendadak. Dan, ini telah mengundang rungutan daripada pembayar cukai. Sebenarnya penetapan nilaian semula setiap 5 tahun ini perlu diikut sebab dengan cara ini hanyalah nilaian harta di suatu kawasan itu dapat membayangkan keadaan semasa. Jadi, untuk mengelakkan penambahan secara mendadak dari segi jumlah cukai yang perlu dibayar oleh pembayar cukai. Pihak Berkuasa Tempatan akan menurunkan kadar sebagai satu langkah pelarasan cukai, jumlah cukai taksiran yang telah dikutip.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, dalam ke semua 16 Pihak Berkuasa Tempatan, sebenarnya pungutan hasil, pungutan hasil yang dijana melalui sama ada hasil cukai ataupun hasil bukan cukai, sebenarnya agak membimbangkan dan kebanyakan PBT-PBT ini sebenarnya bergantung kepada terimaan bukan hasil iaitu peruntukkan sama ada daripada kerajaan negeri ataupun kerajaan Persekutuan untuk menjalankan perbelanjaan di PBT.

Di antara 16 Pihak-Pihak Berkuasa dalam Negeri Johor ini hanya 6, sahaja PBT yang boleh menampung perbelanjaannya dengan hasil yang dikutip. Bermaksud kerajaan perlu membantu 10 PBT yang lain. Ini, ini juga dapat dibayangkan dengan, di mana saya juga ambil juga angka, di mana saya, kita tolakkan hasil tersebut daripada perbelanjaan mengurus. Sekiranya, tiada pembangunan hanya hasil yang dikutip itu hanya digunakan untuk perbelanjaan mengurus masih ada lagi 4 PBT yang mengalami keadaan defisit maka memandangkan keadaan Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak begitu kukuh maka cadangan untuk menurunkan cukai taksiran ini perlu dikaji secara mendalam.

YB Speaker : Sekali saja, Yang Berhormat. Sekali, bagi peluang yang lain.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ya.

YB Speaker : Silakan. Johor Lama.

YB Tuan Haji Roseli bin Jahari (Johor Lama) : Yang DiPertua Speaker, soalan tambahan saya, sesuaikah PBT Pengerang mengenakan cukai lesen kepada peniaga-peniaga di kawasan FELDA sedangkan mereka belum pernah lagi memberi servis ataupun perkhidmatan seperti pembersihan dan sebagainya di kawasan FELDA. Yang saya terima semalam banyak bantahan yang telah dilakukan oleh peneroka-peneroka di kawasan FELDA khasnya di Gugusan Lok Heng Selatan. Terima kasih, Tuan Speaker.

YB Speaker : Sila, Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih atas soalan daripada Johor Lama. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, sebenarnya soalan ni dah lari daripada soalan pokok bagaimanapun saya rasa, saya cuba menjawab soalan ini. Di mana, sebenarnya lesen ianya bukannya satu bentuk cukai. Betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Johor Lama itu, jika kita ingin mengutip cukai perlu kita memberikan perkhidmatan, perlu ada servis. Bagaimanapun, kita perlu faham bahawa lesen itu bukan satu cukai. Dan,dalam bab ini dan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Johor Lama ini, saya nampak ada *pro* dan *cons* dalam isu ini di mana dengan mengenakan lesen kita boleh menjalankan kawalan pembangunan di satu kawasan itu. Kawalan itu kadang kala untuk kebaikan dan kepentingan orang awam juga. Maka, kita tidak boleh melihat isu ini dengan cara begitu sempit sama ada kawasan itu perlu dikenakan cukai atau dikenakan lesen ataupun tidak kerana ianya adalah satu bentuk kawalan pembangunan.

YB Speaker : Larkin.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, tadi apa yang diterangkan oleh EXCO PBT mengatakan kedudukan kewangan PBT yang tidak begitu kukuh. Di sini soalan saya cukai harta yang ditaksirkan untuk sesebuah harta berdasarkan daripada nilaian taksiran yang bagaimana adakah mengikut nilai pasaran yang dibuat dengan izin panel-panel *Registered Valuer* dan kedua apakah bentuk perancangan PBT untuk lebih efisien untuk mengutip segala cukai-cukai yang tak berbayar? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih daripada, soalan daripada Yang Berhormat Larkin. Yang Berhormat Larkin telah menimbulkan 2 soalan antaranya apakah kaedah di mana nilaian semula dijalankan. Nilaian semula akan mengikut kadar semasa, nilaian semasa pasaran dan biasanya akan ada pelarasan. Biasanya dan perkara ini akan dilaksanakan dengan melantik penilai-penilai parti ketiga untuk memastikan bahawa segala nilaian itu dijalankan secara profesional dan lancar.

Untuk isu kedua tadi, pungutan, berkenaan pungutan tunggakan itu, sebenarnya PBT sentiasa proaktif dan memikir kaedah yang berkesan untuk menambah baik keberkesanan dan *efficiency* dalam memungut tunggakan-tunggakan cukai taksiran ini memandangkan, cukai taksiran ini merupakan sumber kewangan yang utama pada PBT. Di mana antara cara-cara ataupun pendekatan-pendekatan yang digunakan termasuklah, pemberian notis peringatan kepada pembayar-pembayar cukai ataupun pemilik-pemilik pegangan melalui Ahli-Ahli Majlis. Memperkerapkan *engagement*, dengan izin, dengan pembayar-pembayar cukai dengan orang awam tentang kepentingan dan tanggungjawab pembayar cukai untuk menjelaskan segala tunggakan dan cukai taksiran di kawasan pentadbiran, dan juga dengan sekiranya ada kes-kes yang terlalu degil, juga akan membawa kes ke mahkamah melalui tindakan guaman untuk menuntut tunggakan daripada pembayar cukai.

YB Speaker : Soalan seterusnya, saya beralih ke soalan yang seterusnya. Yang Berhormat Penawar jemput.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Assalammualaikum warahmatullahi warabarakatuh, salam sejahtera. Soalan saya nombor 2, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Minta dinyatakan bilangan wanita yang berada dalam pasaran pekerjaan mengikut sektor dan apakah yang akan dilakukan supaya wanita dapat merebut peluang pekerjaan berkemahiran tinggi seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan PH.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO..

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Terima kasih Tuan Speaker, dan terima kasih Yang Berhormat Penawar. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia, bilangan wanita Johor yang bekerja pada tahun 2017 adalah 5.2% daripada jumlah penduduk bekerja Johor iaitu 1,614,700 orang, iaitu seramai 562,100 orang. Bilangan ini adalah kedua tertinggi selepas Selangor, iaitu seramai 1,444,700 orang. Penyertaan *range* umur ialah di antara 25 hingga 34 tahun, yang kerja dan kebanyakan mereka memegang diploma dan ijazah. 6.4% daripada jumlah bilangan yang dinyatakan, bekerja di dalam sektor berkemahiran tinggi, seperti pembuatan kayu-kayuan, dan juga silap *sorry.* Iaitu 6.4% ialah di bidang yang berkemahiran tinggi. Penyertaan wanita bekerja di Johor boleh ditingkatkan dengan galakan kepada industri yang lebih sesuai dengan wanita seperti *call centre, businessprocess out sourcing*, perbankan dan industri-industri berkonsepkan *office base*. Kita juga telah memperkemaskan fokus dan hala tuju Unit Swadaya Insan Negeri Johor, bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan masyarakat mengenai potensi kerja yang ada dan seterusnya memastikan peluang kerja dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan umur dan jantina dengan penstrukturan semula pembangunan kemahiran oleh penyelia-penyelia latihan di Johor.

Antaranya ialah dengan mengadakan promosi, program-program latihan kemahiran di peringkat sekolah dengan potensi pekerjaan yang ada supaya para pelajar lebih jelas tentang bentuk peluang kerjaya yang ditawarkan berdasarkan kelayakan dan kemahiran yang diperolehi. Bentuk aktiviti yang dilaksanakan memfokuskan kepada penyesuaian dwi-pelajar dengan bidang pekerjaan berkemahiran tinggi, termasuk dari segi minat, bakat dan kesesuaian jantina. Selain diberi pendedahan berpersepsi bahawa pekerjaan kemahiran tinggi hanya sesuai untuk golongan lelaki yang dapat di tubuh di kalangan pelajar. Kerajaan negeri berharap pelaksanaan ini akan menggalakkan penyertaan pelajar secara umum dan seterusnya memupuk minat kepada pelajar perempuan untuk mencebur diri di dalam bidang kemahiran tinggi yang biasanya didominasi oleh lelaki. Sebagai contoh, daripada beberapa siri program latihan kemahiran yang dikoordinasi di bawah Unit Swadaya, 30% penyertaan adalah wanita terutama di dalam bidang hospitaliti dan pelancongan. Peratusan ini dijangka akan meningkat dengan berkembangnya industri hospitaliti dan pelancongan yang sedang bertapak di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Yang Berhormat silakan.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Jelas wanita merupakan tenaga utama dalam merancakkan ekonomi negara. Soalan tambahan saya, bagi membantu wanita meningkatkan kemahiran apakah insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan dan berapa bilangan wanita yang terlibat dalam bidang kemahiran tinggi mengikut kaum serta nyatakan bidang-bidang tersebut dalam, dalam kerajaan dan juga dalam swasta? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Saya juga maklum kepada Dewan yang mulia bahawa pertama kali di Malaysia di bawah pemerintahan Pakatan Harapan kita ada Timbalan Perdana Menteri, seorang wanita. Tuan Speaker, langkah-langkah yang

diambil oleh kerajaan untuk mendorong pekerja wanita menceburi di pasaran pekerjaan ialah :-

1. Bekerja separuh masa. Jadi beri peluang kepada mereka untuk kerja di masa fleksibel, *flexible time.*

2. *Staggered working hours,* iaitu amalan terbaik dalam industri iaitu SWHA, contohnya Syarikat Berjaya Corporation Berhad telah melaksanakan SWHA mulai 1 Januari 2016 di mana 3 jenis waktu kerja telah diperkenalkan untuk dipilih oleh pekerja-pekerja wanita mengikut kesesuaian. Praktis telah memberi satu keseimbangan antara komitmen keluarga dan kerjaya.

3. Kemudahan pusat asuhan kanak-kanak. Pihak majikan adalah digalakkan untuk menyediakan kemudahan ini sebagai kemudahan kepada golongan pekerja wanita.

4. Kemudahan cuti bersalin. Akta Kerja 1955, yang merupakan satu undang-undang yang menjaga kebajikan negara ini, telah memperuntukkan mengenai kewajipan majikan untuk memberi cuti bersalin sekurang-kurangnya 60 hari kepada semua pekerja wanita di Semenanjung Malaysia tanpa mengira had gaji. Ini merupakan salah satu pindaan yang dibuat kepada Akta ini pada tahun 2012, yang mana sebelum itu kemudahan cuti bersalin hanya kepada wanita yang bergaji RM1,500 dan ke bawahnya. Melalui pindaan tersebut, ia membolehkan pekerja wanita tanpa had gaji, layak untuk menikmati faedah ini sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta. Selain itu, ia juga adalah menjadi satu kesalahan sekiranya pekerja wanita yang sedang dalam tempoh cuti bersalin diberhentikan kerja tanpa alasan yang munasabah.

5. Mengujudkan persekitaran tempat pekerjaan yang selamat. Kerajaan juga menitikberatkan keselamatan pekerja wanita di tempat kerja. Ini dapat dilihat melalui Akta Kerja 1955, yang melarang mana-mana pekerja wanita bekerja pada waktu malam, melainkan dengan kebenaran daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Akta juga melarang pekerja wanita diarahkan bekerja di bawah tanah. Peruntukan-peruntukan ini dibuat untuk mewajibkan majikan menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat kepada golongan ini. Yang ke....

YB Speaker : Yang Berhormat, tadi yang diminta tadi adalah statistik tadi statistik macam mana...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Ini ialah langkah-langkah mengalakkan wanita menceburi pekerjaan. Yang akhir sekali, *home working* iaitu kerja di rumah. Inilah langkah-langkah galakan untuk mereka. Statistik, saya tidak ada statistik mengenai kaum ok, tetapi lelaki wanita saya ada statistik khususnya di kerajaan, iaitu Jabatan negeri, 41.4% ialah wanita, PBT 27.1% ialah wanita, Badan Berkanun Negeri 48.4% ialah wanita. Pada keseluruhannya 37% di kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawah ialah...

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Yang Berhormat Speaker, saya rasa Yang Berhormat EXCO tidak dapat menjawab soalan saya. Saya beri ruanglah kepada Yang Berhormat EXCO untuk menjawab secara bertulis.

YB Speaker : Tak ada. Seterusnya soalan Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi warabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta dinyatakan secara terperinci perancangan kerajaan untuk meluaskan lagi perkhidmatan pengangkutan awam diseluruh Negeri Johor dalam tempoh 5 tahun serta sasaran jumlahnya setiap kategori pengangkutan awam tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Assalamualaikum warahmatullahi warabarakatuh. Bismillahirahmaanirrahim. (Berselawat). Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Panti, sebelum saya menjawab saya ucapkan terima kasih kepada EXCO yang lama dan juga IRDA dan SPAD yang telah menyediakan pelan induk pengangkutan awam Johor 2015-2045. Jadi, bagi tempoh 5 tahun akan datang, sudah tentulah kita kerajaan yang baru komited ya, tentang pelaksanaan, mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan awam di negeri Johor. Dan sebenarnya dalam pelan induk ni, saya berceritalah, sebenarnya kalau sepatutnya yang tahu yang lebih tahu benda ni EXCO yang lepas. Tapi Panti tak apalah, saya pun tak salah Panti, kita pun baru sama-sama baru masuk Dewan kita nak tahu secara *detail.* Ok, dalam pelan induk tu terdapat sistem BRT Bas Rapid Transit yang menelan belanja RM2.5 bilion. Ada bas SBST iaitu *stage bus service transformation* iaitu lebih kurang dan ada ETS, landasan berkembar dan ada RTS, *Rapid Transit System* yang menghubungkan Bukit Chagar dan Woodlands North dan ada *high speed rail,* tapi *high speed rail* dah ditangguhkan oleh kerjaan pusat dan ada juga Bas Muafakat, yang terbaru Bas Harapan Johor.

Dalam masa yang sama kerajaan negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor akan meneruskan perancangan untuk melaksanakan transformasi tersebut. Dan satu lagi, kerajaan memandang tentang mempertingkatkan mutu perkhidmatan teksi dan juga kereta sewa, dengan kepada sistem diklasikan kepada Mobility Management System MNS sistem yang akan memperkenalkan pada masa akan datang tetapi ini masih dalam kajian lagi, masih dalam kajian dan juga kita PAJ akan cuba memperkenalkan high link yang sama apps ni di aplikasi sistem Grab dan Uber, dan kita dan teksi ni tidak boleh ketinggalan macam gitu maklumkan pada zaman IT kita memerlukan sistem yang tersebut, dan di bawah kelolaan Perbadanan Pengangkutan Awam bukan swasta, macam *Grab* ni swasta. Yang kita buat *link* teksi ni di Perbadanan Pengangkutan Awam Johor. Jadi dengan ada sistem tersebut memudahkan pengguna untuk membuat tempahan dan juga memberi lebih peluang dari segi pasaran untuk mendapatkan penumpang kepada pemandu teksi dan harga pun akan dilihat balik, disemak balik kosnya lebih kurang sama dengan apa ni, sistem *Grab* dan juga *Uber*. Terima kasih. Boleh setakat tu?

YB Speaker : Ya, Panti. Ada soalan tambahan?

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang telah diberikan. Cuma seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi tentang salah satu apa, pengangkutan awam yang akan dibangunkan adalah BRT iaitu *Bus Rapid Transit*. Saya dengar macam-macam tentang perkara ini, akhir-akhir ini yang antaranya ada yang mengatakan bahawa perancangan atau pun pelan ini hendak dibatalkan ataupun saya tak tahu mungkin ditangguhkan sebagainya. Cuma, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi dalam pelan transformasi tersebut, BRT adalah salah satu elemen dia dan sudah tentu kajian yang mendalam telah dilakukan dan kita pun tahu perkara ini bajetnya atau pun dana kita perolehi daripada Persekutuan dah dipersetujui dan saya tahu saya dapat maklumat sudah lebih kurang dalam RM4 juta pun dah dapat untuk kerja-kerja awal. Cuma, soalan saya, saya nak tahu sama ada betul atau tidak program ini diteruskan. Jika betul, kita fahamlah kenapa dan jika tidak saya minta satu justifikasilah kenapa ia tidak diteruskan ataupun perlu ditangguhkan dan sebagainya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Speaker. Sebenarnya kita dalam proses awalan lagi bila kita ambil alih 3 bulan, kita dalam proses kajian dan kita tidak pernah membuat pengumuman untuk membatalkan projek tersebut. Tapi, kita tengah membuat kajian kesesuaian untuk kita membuat sistem tersebut mengambil kira tentang rizab jalan. Jadi, terutama jalan bila kita perhatikan kita dah ada satu mesyuarat, bila kita perhatikan kos yang melibatkan satu, RM2.5 bilion ini ada perkara-perkara kos yang tidak masuk termasuk pengambilan tanah dan sebagainya.

Dan, bila kita lihat dari segi kos *section drawing* iaitu keratan rentas lukisan teknikal dalam *proposal* yang kita lihat, bahawa BRT ini memerlukan lorong yang lebih, *space* yang lebih daripada jalan yang ada. Kalau di Jalan Skudai tu macam tak ada masalah sangat. Di Jalan Tebrau terutama di Melodies Garden, depan Century Garden tu kalau kita buat di situ, jalan situ adalah sekarang *existing* yang ada adalah 4 lorong. Kalau kita buat BRT satu stesen kat tengah, satu lorong bas pergi, satu lorong bas balik dah habis 3. Lepas tu kereta lagi nak lalu, kalau satu lorong, satu lorong dah ada 5 sedangkan lorong dah ada 4. ROW pun dah habis hujung. Kalau kita nak buat tambah lagi 2 lorong kereta, 2 lorong pergi balik, maknanya kita ada mengekalkan 4 lorong kereta, 2 pergi dan 2 balik, kita terpaksa merobohkan apa ni, ambil *parking-parking* di depan-depan kedai. Saya rasa mungkin dulu tidak kaji dari segi implikasinya. Kalau kita ambil apa ni *parking-parking* kedai tersebut, kedai tersebut tidak boleh beroperasi dan tak ada orang meniaga dan tentunya kita akan timbul masalah protes bantahan daripada tuan punya kedai. Oleh sebab itu bukanlah kita cakap kita tidak mengumumkan projek ini akan gagal dan sebagainya. Ikut kesesuaian. Mungkin kita akan propose satu sistem yang dia boleh *link* kan, boleh jadi apa lebih monolitik antara BRT dan sistem yang baru. Dan, saya tak nak umumkan sistem yang baru selagi ia tidak dapat *confirmation* yang muktamad. Terima kasih.

YB Speaker : Layang-Layang.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Perkhidmatan bas awam di kawasan Layang-Layang, Simpang Renggam telah diberhentikan dan ia telah menyebabkan kesukaran untuk penduduk di Layang-Layang, Bandar Renggam untuk pergi ke hospital, untuk pergi ke sekolah dan sebagainya. Jadi, saya nak tahu daripada Yang Berhormat EXCO, apakah perancangan untuk kerajaan negeri menyelesaikan masalah pengangkutan awam di Layang-Layang ini? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Ok. Laluan daripada. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih soalan tadi. Laluan daripada Renggam ke Kluang dan juga Renggam ke Simpang Renggam telah diberhentikan operasi oleh tuan punya syarikat dan saya dah jumpa secara peribadi tuan punya syarikat memang tidak akan meneruskan perkhidmatan sebab apa, kerugian dan pendapatan yang dia dapat memang tidak boleh untuk *cover*, dengan izin, *cover* dia punya *overhead*. Jadi, kita telah mengambil inisiatif melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor, kita dah tender pun apa ni, untuk bas Harapan Johor untuk mengambil alih laluan tersebut dan dah *finalised* dalam proses untuk keluarkan surat tawaran kepada sebuah syarikat untuk ambil alih. Dan, bas Muafakat ni dia punya operasi lebih kurang sama dengan, eh minta maaf, bas Harapan ni, lebih kurang sama operasi dia dengan Bas Muafakat Johor. Jadi, dia akan mengambil alih laluan tersebut. Terima kasih. Secara percuma juga. Terima kasih.

YB Speaker : Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tahniah Yang Berhormat EXCO, berkaitan dengan penjelasan terhadap pendirian kerajaan untuk meneruskan program BRT ni. Saya rasa pihak kerajaan Barisan Nasional dulu memahami masalah untuk melaksanakan BRT ini seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, kekangan-kekangan di, tetapi antara 3 laluan untuk BRT ni, Johor Bahru - Skudai, Johor Bahru - Tebrau dan Johor Bahru – Kota Iskandar ni, dicadangkan supaya dimulakan dengan Johor Bahru ke Kota Iskandar kerana itu adalah merupakan laluan yang mempunyai

kekangan yang paling sedikit, kalau boleh katakan. Jadi memandangkan faedah yang begitu besar yang bakal diperolehi oleh kerajaan negeri, jadi saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat, pendirian kerajaan negeri, kesungguhan kerajaan negeri dalam memastikan peruntukan yang atau pun kelulusan yang diberikan untuk projek ini akan diteruskan. Jadi, apa strategi kerajaan negeri kerana banyak faedah bukan hanya dari segi peluang pekerjaan tapi program-program pengangkutan kerajaan negeri yang sedia ada ni akan dapat ditambah baik. Jadi, apakah strategi kerajaan negeri sekarang ini dalam nak memastikan BRT itu diteruskan dan peruntukan yang telah dipersetujukan itu sampai kerana hanya RM4 juta daripada RM2.5 juta, Yang Berhormat sebut tadi. RM4 juta tak boleh pergi ke mana Yang Berhormat daripada RM2.5 bilion. Jadi, apakah strategi Yang Berhormat dalam nak memastikan ianya menjadi kejayaan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih eh. Jadi, sebenarnya pada 29 hari bulan ada kunjungan Yang Berhormat Menteri Kewangan ke Johor. Jadi, hal ini pun dah di cerita tapi tidak secara men*detail*. Tapi insya-Allah cadangan yang dicadangkan kita bermula Kota Iskandar dulu, daripada Johor Bahru laluan *route* utama dia ada 3 *route*, yang kedua ni Skudai, yang terakhir yang ketiga adalah Johor Jaya dalam fasa pertama. Jadi, pandangan tu kita ambil kira dan ni kita akan berusahalah menggembleng usaha untuk sama-sama untuk mendapatkan peruntukan yang sepatutnya untuk menjayakan projek tersebut. Di samping tu, dalam usaha kita pun kita kena sertai dengan doa, doa bukan saya yang doa, tuan-tuan di sebelah, Yang Berhormat sebelah dan doa rakyat Johor supaya projek ini dapat diberi *priority* oleh kerajaan Persekutuan. Dan, minggu hadapan sebenarnya saya ada perjumpaan dengan Kementerian Pengangkutan di Kuala Lumpur dan kita akan bawa lagi projek ini supaya diletakkan sebagai keutamaan, *priority.* Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Benut, jemput.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Speaker, terima kasih. Soalan saya no. 4.

Minta dinyatakan rancangan Kerajaan Negeri untuk membina Loji Rawatan Air di Kahang dan keupayaan loji tersebut bagi menampung keperluan bekalan di Daerah Kluang.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO...

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Yang Berhormat Tuan Speaker. Cadangan untuk pembinaan Loji Rawatan Air Kahang Baru dan sistem agihan dari Loji Rawatan Air (LRA) Kahang ke bandar Kluang telah bermula pada 28 November 2017. Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 3 Januari 2018, sebagaimana Ringkasan Mesyuarat Bilangan 45/2018 telah menangguhkan pembinaan Loji Rawatan Air Kahang. Pada masa ini hanya kerja-kerja penyaluran air mentah dari Empangan Kahang ke LRA Sembrong Timur sedang dilaksanakan dengan kos sebanyak RM53.99 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Loji Rawatan Air Kahang yang dalam rancangan asal untuk dibina akan mendapat saluran air mentah terus dari Empangan Kahang dan digunakan untuk penyaluran air terawat dengan kapasiti untuk merawat 40 juta liter air sehari dengan penyediaan infra bagi tambahan 40mld lagi sekiranya perlu. Status terkini kemajuan kerja-kerja pembinaan *piping* adalah 83.35% dan dijangka boleh siap pada hujung bulan September 2018. Dengan adanya bekalan air mentah dari Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur dan keupayaan Loji Rawatan Air Sembrong Barat yang telah dinaiktaraf dan boleh memproses tambahan 30mld dan memandangkan penggunaan air terawat bagi keseluruhan daerah Kluang adalah lebih kurang 90mld sebenarnya bekalan air untuk kawasan tersebut adalah mencukupi buat masa ini. Walau bagaimanapun, untuk mengelak daripada krisis air seperti dari tahun 2015 dan gangguan bekalan air di daerah

Kluang dan memandang juga pembangunan ekonomi di kawasan tersebut saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah bersetuju untuk meneruskan dengan pembinaan Loji Rawatan Air Kahang Baru ini. Sekian.

YB Speaker : Ya Benut, jemput.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO tahniah di atas keputusan untuk meneruskan pembinaan Loji. Yang Berhormat Tuan Speaker, salah satu daripada hasrat kerajaan negeri yang lalu ialah supaya kita dapat menguasai kuasa, suara yang lebih dalam Syarikat Air. Salah satu daripada pihak yang kita rujuk untuk pembangunan sumber atau pun pembangunan bekalan.

Jadi, Yang Berhormat, saya dapat maklum bahawa syarikat air telah membina *desolve air flowtation* (DAF) yang menjadikan Loji Sembrong Barat daripada keupayaan reka bentuknya ialah 80 juta liter sehari dengan adanya DAF tersebut, loji tersebut mampu memproses air secara atau pun mengeluarkan air *to the design* maksimum dia 80. Kemudian di Sembrong Timur kita ada 30 juta liter sehari bekalan kemampuan. Sebab itu, bila kerajaan dulu menegur saya kerana kenapa bina empangan tak nak buat loji, nak bela ikan ke? Masalah di Kluang ialah bukan soal bekalan, masalah di Kluang ialah soal sumber bekalan air. Jadi, Loji Sembrong Timur daripada sungai Sembrong Kiri tu tak cukup bekalan airnya. Sebab itu kita pindahkan dahulu air mentah daripada Empangan Kahang ke Sembrong Timur. Jadi, untuk itu Yang Berhormat, sekarang ni dah ada 110 syarikat air dah berbelanja bekalan keupayaan bekalan sekarang ialah 110 juta liter sehari dan bekalan permintaan adalah 90 juta liter sehari. Jadi, kalau Yang Berhormat nak terus juga dengan pembinaan loji itu satu pendekatan yang mungkin tidak strategik sebab itu akan menggunakan peruntukan kerajaan negeri. Jadi, kerajaan akan membelanjakan wang yang tidak diperlukan pada waktu ini. Jadi adakah Yang Berhormat sedia untuk melihat semula keputusan kerajaan ini untuk meneruskan pembinaan loji? Saya tak dapat maklumat berapakah kos loji yang terkini untuk Yang Berhormat bina di Kahang ini?. Jadi kalau Yang Berhormat boleh setuju, kita tangguhkan dulu pembinaan loji sehingga satu masa yang agak sesuai, jadi kita akan menjimatkan wang kerajaan. Terima kasih.

YB Speaker : Di jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Benut. Awalnya macam dia sendiri yang jawab soalan dia sendiri. Mungkin dia sendiri pun sudah tahu jawapannya, tapi saya hanya nak mengesahkan memang betul seperti yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Benut. Permintaan untuk daerah Kluang setakat hari ini memang adalah dalam lingkungan 90 mlb dan dengan menaiktaraf loji rawatan air di Sembrong Barat dan Sembrong Timur, mampu naik pengeluaran air terawat mampu untuk naik sebagai pada 110 mlb tapi Tuan Speaker, dia kena faham, ada perkembangan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negeri Johor termasuklah juga di daerah Kluang. Kalaulah dulu kerajaan BN dulu menganiayai daerah Kluang atau Johor Timur, di sini kita akan tetap komited untuk membangunkan Johor Timur dan daerah Kluang. Dan oleh itu, kita perlukan sumber air yang baik, yang banyak. Kalaulah dulu, kalau kerajaan dulu hanya bina satu empangan sahaja di sebelah sana, Empangan Kahang, lepas itu dia digelar sebagai *The Largest Swimming Pool In Johor,* dengan izin, kita tentunya akan tak nak membazirkan empangan itu. Oleh itu, adalah keputusan kerajaan ini untuk teruskan dengan pembinaan LRA Kahang baru ini dan dari segi kos, saya nak sentuh di sini kalau Yang Berhormat Benut sentuh, saya pun nak sentuh, dulu di bawah kerajaan Barisan Nasional, tender untuk projek ini adalah RM127.2 juta, dan paling menariknya ia adalah satu lantikan terus, *direct award*. Di bawah kerajaan negeri Johor ini, kalau ada sebarang pembinaan, kita tidak akan lagi memberikan lantikan terus. Kita akan *open tender* dan kita cukup yakin kalau kita buat dengan *open tender*, kita dapat mengurangkan kos ini dan menjimatkan dana dan duit untuk kerajaan dan dengan penurunan CAPEX itu, kita mungkin juga dapat mengurangkan tarif air di Johor buat kali pertama di dalam sejarah negeri Johor ini sebab kalau semua ingat 2015 yang naik itu, kerajaan Barisan Nasional, bukan naik sikit, naik 25%. Tak apalah itu bab lain saya tak

mahu ceritakan, oleh itu saya hanya nak katakan, kerajaan tetap komited untuk membina LRA air Kahang ini demi kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 5.

Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menjadikan Kampung Melayu di Bandaraya Johor Bahru sebagai Kampung Melayu Warisan/Tradisi serta destinasi pelancongan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Selamat sejahtera, Salam Harapan Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang untuk mengemukakan soalan ini. Terdapat kira-kira 45 buah kampung tradisi dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru. Antaranya Kampung Melayu Majidee, Kampung Dato' Sulaiman Menteri, Kampung Bendahara, Kampung Bakar Batu, Kampung Plentong Tengah, Kampung Stulang, Kampung Kurnia, Kampung Senibong dan Kampung Mohd Amin. Bagi menambah baik imej kampung-kampung tersebut, perancangan secara komprehensif telah disediakan, antaranya melalui Kajian Rancangan Kawasan Khas bandar raya Johor Bahru yang melibatkan kawasan perkampungan Melayu seperti Kampung Melayu Majidi, Kampung Dato' Sulaiman Menteri, Kampung Bendahara dan Kampung Aman. Melalui kajian tersebut, kampung-kampung warisan tradisi yang telah dikenal pasti akan di beri perhatian khusus sebagai destinasi pelancongan di bandar raya Johor Bahru. Bagi makluman, kajian tersebut kini di peringkat penyediaan draf awal. Melalui kajian tersebut juga, cadangan pembangunan jangka panjang dan program-program jangka pendek yang menyokong kepada aktiviti pelancongan di perkampungan Melayu terlibat dikenal pasti dan ditentukan pendekatan serta kaedah pelaksanaannya. Bagi makluman, kajian ini telah dimulakan pada Mac 2018 dan dijangka berakhir pada Disember 2018. Bagi kampung-kampung yang tidak disediakan pelan pembangunan yang khusus, ia akan tetap di beri perhatian yang sewajarnya melalui projek-projek infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan untuk setiap kampung yang terlibat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih dengan jawapan yang diberikan dan juga terima kasih di atas inisiatif kerajaan dalam menambah baik nilai pada penempatan kampung Melayu di bandar raya Johor Bahru ini. Jadi boleh tak Yang Berhormat Speaker tolong huraikan tentang kriteria

YB Speaker : Speaker tak boleh huraikan. Kalau nak tukat tempat boleh juga. (Ketawa)

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Boleh tak Yang Berhormat EXCO tolong huraikan tentang kritiria kampung-kampung tersebut yang di pilih untuk dijadikan sebagai kampung warisan atau tradisi. Adakah kriteria seperti usia kampung, sejarah atau latar belakang kampung dan sebagainya akan di ambil kira dan adakah ia akan menjadi, mengikut model seperti kampung tradisi, Kampung Morten di Melaka Kampung Morten di Melaka yang menjadi salah satu tarikan pelancong di negeri tersebut. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Yang Berhormat Tuan Speaker, antara perkara-perkara yang akan diambil kira semasa kajian kampung warisan tersebut, adalah seperti sejarah, gaya hidup, reka bentuk rumah, aktiviti dan budaya masyarakat kampung berkenaan dan juga kebersihan dan keselamatan kampung berkenaan. Kerajaan negeri juga akan menjadikan kampung tradisi yang telah berjaya seperti Kampung Morten di Melaka sebagai satu contoh kerana apa yang lebih penting

adalah dari aspek pengurusan untuk mengekalkan keaslian kampung berkenaan. Selain itu, adalah inisiatif dari Kementerian Pelancongan dalam mengiktiraf kawasan pelancongan luar bandar perkampungan dengan mengujudkannya Program *Kampungstay*. Program ini adalah rentetan dari program *homestay* yang mengetengahkan aktiviti dan gaya hidup masyarakat tempatan sebagai tarikan utama produk tersebut. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Sebelum itu saya mohon maaf, tadi saya nak cari maklumat pasal soalan saya ini. Apa pun seperti yang semua maklum, di Kota Tinggi, di kawasan saya ada satu kampung, nama dia Kampung Lukut, dan di kawasan tersebut ada satu taman ataupun kawasan pelancongan destinasi pelancongan yang saya rasa sangat berpotensi iaitu *RAF Point Adventure*. Dia ada pelbagai kemudahan, ada *zip line*, ada ATV, ada *horse riding*, tempat perkhemahan dan sebagaimana yang saya rasa sangat berpotensi. Cuma saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO sebab saya dimaklumkan bahawa ada peruntukan yang dah diluluskan oleh kerajaan persekutuan sebelum ini untuk tempat tersebut, kawasan situ tapi peruntukan tersebut adalah untuk kemudahan-kemudahan asas. Cuma saya nak tanya, apakah status peruntukan tersebut yang berjumlah lebih kurang RM300,000? Jika mungkin apa Yang Berhormat EXCO kalau tidak dapat, tak ada maklumat, mungkin mohon untuk jawab secara bertulis soalan saya ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Sekiranya Yang Berhormat Panti merasai kampung tersebut adalah sangat berpotensi, saya dengan Tourism Johor akan nak melawat tempat tersebut, untuk mendapati sama ada ia akan diteruskan atau tidak. Berkenaan dengan peruntukan dari persekutuan sebelum ini, untuk makluman Yang Berhormat Panti, saya akan merujuk balik kepada persekutuan dan memberikan jawapan seterusnya. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Bukit Naning.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tuan Speaker, di kawasan Bukit Naning khasnya di kawasan kampung-kampung di Mukim Ayer Hitam, banyak kawasan tanah-tanah milik persendirian terbiar. Ini adalah kerana faktor pemindahan orang muda ke kawasan bandar dan faktor-faktor lain. Jadi soalan saya Tuan Yang Berhormat Speaker, apakah ada rancangan dari kerajaan untuk membangun tanah-tanah terbiar di kawasan kampung untuk industri pelancongan...

YB Speaker : Pokok durian ada tak Yang Berhormat?

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Ya?

YB Speaker : Pokok durian ada?

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Ada sikitlah. Bagi meningkatkan ekonomi masyarakat orang kampung. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi soalan ADUN Bukit Naning, tanah-tanah terbiar itu mungkin saya kena mengkaji bersama dengan EXCO Kerajaan Tempatan dan juga Luar Bandar sama, tanah apa status tanah tersebut sebelum saya teruskan kepada membangunkan sebagai destinasi pelancongan.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Pemanis, dijemput.

YB Tuan Dr. Chong Fat Full (Pemanis) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

Sila nyatakan *feasibility*, kemampanan dan anggaran kos keseluruhannya untuk projek Agromix di DUN Pemanis, adakah ia bakal menjadi satu projek Gajah Putih ?

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, projek *agromix farm* di daerah Segamat merupakan sebahagian daripada program *agrotourism* di bawah hab pertanian Segamat. Ianya bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berdaya maju dan berjaya di dalam bidang pertanian khususnya, tanaman yang menjadi tarikan pelancongan ke daerah Segamat iaitu tanaman durian, kelapa dan limau barli, di samping ternakan rusa dan lembu dan juga pusat penetasan ikan air tawar seperti baung, talapia dan juga patin. Di samping itu, projek ini juga di harap akan dapat memperkenalkan teknologi dan inovasi pertanian yang terkini untuk dijadikan contoh bagi dilaksanakan oleh petani setempat. Bagi program jangka panjang, dalam tempoh selepas 6 tahun beroperasi, ianya akan dapat menjadi salah satu lokasi pelancongan yang datang ke daerah Segamat untuk merasai sendiri suasana berada di sebuah ladang yang mempunyai gabungan ternakan, tanaman dan akuakultur, di samping memperkenalkan dengan pelbagai *variety* tanaman durian, kelapa dan limau barli.

Salah satu elemen yang penting di dalam memastikan kejayaan projek ini ialah pemilihan peserta iaitu di pilih melalui proses temu duga oleh panel yang berwibawa, diketuai oleh Pegawai Daerah Segamat dan ahli-ahlinya, terdiri dari Pengarah Pertanian Negeri Johor, Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Johor, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor dan juga Pengarah Lembaga Pembangunan Nanas Malaysia. Peserta yang di senarai pendek akan diperhalusi melalui lawatan ladang ke projek yang diusahakan sendiri oleh peserta bagi menentukan pengalaman dan juga kejayaan peserta terlibat. Bagi tahun pertama iaitu tahun 2017, pelaksanaan projek ini sejumlah RM1,250,000.00 telah dibelanjakan meliputi kos pembersihan kawasan, jalan ladang, pagar kawasan, kolam takungan air, penyediaan sistem pengairan, bangunan pentadbiran, sumber elektrik dan air, kandang ternakan dan juga papan iklan. Adalah diharapkan, berasaskan pemilihan peserta yang berkualiti, melalui lapisan tertentu, modal yang dikeluarkan oleh peserta sendiri dan prospek tanaman, ternakan dan akuakultur yang di pilih, projek ini akan terus berkembang dan memberikan impak berasaskan agro pelancongan yang berkesan kepada daerah Segamat. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Pemanis, soalan tambahan.

YB Tuan Dr. Chong Fat Full (Pemanis) : Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya adalah, adakah pasaran hasil projek *agromix* dan projek yang berkaitan telah dikenal pasti dan saya minta satu minit untuk terangkan soalan ini. Rasional soalan ini adalah untuk memastikan kemapanan projek ini, projek ini kena menguntungkan peserta. Dan apa yang dimaksudkan oleh Pemanis, perkataan 'pasaran' adalah hasil yang *axcess* bermakna macam kalau ada sayur-sayuran yang *axcess* macam mana kita nak memasarkan ia ataupun hasil yang kurang misalnya ada 10 bas pergi melancong kat sana tapi durian cuma beberapa biji sahaja macam tu. *So*, itulah maksud dengan pasaran. Maksud dengan kenal pasti oleh Pemanis ini adalah adakah ada satu mekanisme yang sudah wujud seperti mekanisme subsidi ke ataupun adakah ada syarikat, ada pemborong yang sudah dikenal pasti betul-betul, yang boleh mempunyai satu tawaran kepada kerajaan yang *flexible,* bermakna dia boleh mengambil yang akses, yang *surplus* hasil dan dia boleh membekal apa yang tidak mencukupi untuk memastikan projek ini terus mampan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Yang Berhormat Speaker,tentang pasaran di Projek *Agro Farm* ini pada pandangan saya sebetulnya tak ada masalahlah, kerana *Agro Mix,* dia merupakan satu model, di mana semua peserta yang telah dipilih iaitu terdapat senarai peserta di *Agro Mix,* mereka merupakan petani-petani, peladang-peladang dan penternak yang telah berjaya di luar. Jadi, kita bawa, kita buat di *Agro Mix,* hanya sebagai model sebagai *show room* sahaja.Di mana dia dah ada kebun di luar yang lebih daripada 10 - 20 ekar dan dia buat model, dia macam *show room* di *Agro Mix,* di mana keluasan setiap peserta di *Agro Mix* hanya 2 ekar sahaja. Jadi, di situ ada tanaman jambu *variety* Segamat, ada tanaman durian *variety* Segamat, ada penternakan ikan baung, ada penternakan rusa dan banyak lagi tanaman di sana, di mana untuk memudahkan pelancong-pelancong jika mereka datang ke daerah Segamat seperti menjadi satu *one shop centre*, *one stop centre*lah untuk di kawasan situ. Jadi, tentang pemasaran sepatutnya tak ada masalah apa lagi daerah Segamat, Jementah, Muar merupakan daerah pertanian yang berjaya terutamanya pertanian tanaman durian. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, silakan.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker. Selari dengan pandangan, Pemanis bahawa pengeluaran pertanian ada kalanya ada lebihan, ada kalanya ada kekurangan. Jadi, pada pandangan saya, pertanian sepatutnya berintegrasi dengan industri pemprosesan makanan dan juga pelancongan pertanian. Jadi, soalan saya adakah terdapat apa langkah-langkah untuk mengintegrasikan pemprosesan makanan, pertanian dan pelancongan pertanian? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Terima kasih Tuan Speaker. Untuk sementara memang tiada masalah terhadap lambakan buah-buahan di Johorlah. Pasal selain buah-buahan untuk pasaran tempatan, juga pasaran luar juga kita dah terokailah. Jadi, a*nd then* kita juga memperkasakan industri hiliran di mana contohnya yang paling mudah ialah durian. Durian sekarang mendapat permintaan yang luas di luar negara. Jadi, dah ada teknologi yang terkini seperti *frozen* durian yang untuk memudahkan durian di pasarkan ke luar negara. Begitu juga buah-buahan lain. Dengan teknologi yang terkini banyak buah-buahan di sekitar Segamat, Jementah dan Muar telah dieksport ke luar negara. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Adakah kajian telah dilakukan terhadap pemegang sijil UEC berkenaan yang membuktikan mereka tidak menyisihkan diri daripada agenda perpaduan nasional?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan wakil kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Harapan. Tuan Speaker, saya menjawab bagi pihak EXCO Pendidikan. Di peringkat Kementerian Pendidikan, jawatankuasa bagi mengkaji *Unified Examination Certificate* (UEC) dengan izin, sedang diwujudkan. Jawatankuasa tersebut akan melakukan kajian holistik berhubung sijil peperiksaan bersama (UEC) termasuklah terhadap pemegang sijil UEC untuk memastikan mereka benar-benar setara dari segi aspirasi agenda perpaduan nasional yang diterapkan dalam sistem pendidikan arus perdana negara. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Parit Raja, jemput.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Kita faham Sijil UEC ini mengambil pendekatan negara Taiwan. Disebabkan oleh geo politik, Taiwan yang disokong sepenuhnya oleh Amerika Syarikat untuk menentang China. Jadi sebab itu Amerika Syarikat ini tak ada masalah langsung untuk mengiktiraf pendidikan Taiwan dan termasuklah juga di Malaysia.Dan kita pun tahu Amerika Syarikat menggunakan Taiwan selepas China dikuasai sepenuhnya oleh komunis. Dan UEC ini adalah satu sijil sekolah swasta yang tidak ada kaitan langsung guru-guru KPM dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pendek kata, Sijil UEC ini dikelolakan sepenuhnya oleh jawatankuasa mereka sendiri.

Soalan saya, adakah wajar standard Bahasa Melayu SJK(C) dipermudahkan berbanding Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dengan alasan jika Bahasa Melayu diselaraskan sama seperti Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan boleh menjejaskan prestasi pelajar Cina di SJK(C) kerana mereka terpaksa beri tumpuan yang lebih kepada subjek Bahasa Melayu? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan wakil kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Yang Berhormat Tuan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Raja, sekarang ini pun dah ramai anak-anak Melayu bersekolah di sekolah Cina ya. Jawapan untuk Yang Berhormat Parit Raja, saya akan bagi jawapan bertulis. Terima kasih.

YB Speaker : Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenar Taiwan, sebenar UEC ini bukan mendapat bahan pengajaran daripada Taiwan dan seluruh Malaysia, dah eh, seluruh dunia ini sudah ada negara-negara yang mengiktirafkan Sijil UEC. Dan China pun sudah mengiktiraf Sijil UEC. Sebab itu, saya nak tanya kepada EXCO dan Dewan ini, adakah soalan-soalan yang dikeluarkan kalau tidak ada kaitan dan berasal daripada maklumat yang tidak betul dan bernas, macam mana tindakan Dewan-Dewan untuk mengatasi masalah ini? Kerana saya risau dia akan menimbulkan satu masalah kepada hubungan di antara Malaysia dengan China ataupun Taiwan. Ini sebenar tidak harus wujud. Sebab itu saya tujukan soalan ini bukan sahaja kepada EXCO Pendidikan, juga kepada Tuan Speaker, supaya menghalang Dewan ini menjadi satu keadaan yang kecoh sampailah menghasilkan iaitu impak yang negatif kepada negara China ataupun Taiwan. Terima kasih.

YB Speaker : Dewan masih lagi seimbang, masih selamat lagi. Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan wakil kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Itu pandangan sahaja tu, pandangan daripada Pekan Nanas, tetapi saya akan menjawab soalan-soalan kepada wakil rakyat bagi kawasan Parit Raja.

YB Speaker : Ok, ok.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih...

YB Speaker : Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat EXCO. Jadi berkenaan dengan soalan ini yang berkaitan dengan, berkenaan dengan pengemukaan Sijil UEC dengan membuktikan mereka tidak menyisihkan diri daripada agenda perpaduan nasional. Jadi, adakah saya nak tanya kepada YB EXCO dalam mengkaji benda ini, adakah kita akan melihat sumbangan mereka kerana kita sebagai mana yang sedia maklum, ramai pelajar

lepasan UEC mereka selepas mendapat Sijil UEC mereka banyak menyumbang kepada negara dari segi ekonomi dan teknologi negara Malaysia. Adakah ini akan menjadi salah satu kriteria bahawa mereka tidak menyisihkan diri untuk perpaduan nasional kerana mereka banyak menyumbang kepada negara Malaysia.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan wakil kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan isu pengiktirafan ini, kita perlu satu, ialah melakukan kajian holistik berhubung Sijil Peperiksaan Bersama (UEC); yang kedua, kita perlu menyemak kokurikulum Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) terutama subjek teras seperti Bahas Melayu serta Sejarah; ketiga, kita akan mengambil kira perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan; keempat, Akta Pendidikan 1996 (Akta 50) yang menyatakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan negara; yang kelima, mengkaji dan mengambil sudut pandang pelbagai pihak; dan yang keenam, iaitu memastikan perpaduan serta keharmonian rakyat diutamakan. Sekian.

YB Speaker : Ok, seterusnya untuk soalan berikut. Jemput Mahkota.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8.

Sejajar dengan dasar penjimatan dan perbelanjaan yang berhemah, adakah penglibatan pihak korporat dan dalam pembiayaan projek-projek komuniti seperti taman-taman permainan, pusat-pusat rekreasi tapak perniagaan dan lain-lain projek yang berada di bawah PBT dibenarkan dan adakah garis panduan terhadap kaedah ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Dan terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Mahkota. Yang Berhormat Tuan Speaker, tanggungjawab menyediakan kemudahan awam dan prasarana komuniti yang mencukupi termasuklah kemudahan-kemudahan rekreasi adalah menjadi salah satu teras utama pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak korporat juga berperanan sebagai rakan strategik PBT dalam usaha-usaha mensejahterakan rakyat.

Sebagai contoh, di Majlis Perbandaran Muar, sumbangan yang disalurkan sama ada dalam bentuk pembiayaan kewangan atau mata benda adalah dibenarkan serta didokumenkan secara bertulis sama ada sebagai salah satu pra syarat kelulusan Kebenaran Merancang, pelan kerja tanah, jalan dan parit, atau pelan landskap atau selepas sesuatu pemajuan mendapat kelulusan, tertakluk kepada skala minimum pembangunan. Ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab awam ataupun dengan izin, *social obligation, Corporat Social Responsibility (CSR)* yang dikongsi bersama oleh syarikat dan dapat meringankan beban PBT dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam secara berkesan. Sumbangan CSR yang diterima termasuklah kemudahan-kemudahan awam seperti pondok menunggu bas, bangku-bangku taman, pasu-pasu bunga untuk pengindahan bandar dan lampu-lampu jalan. Semua syarat ini terkandung dalam kertas kerja yang diangkat dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), diperakukan dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan dimaklumkan secara bertulis kepada syarikat.

YB Speaker : Jemput Mahkota kalau ada tambahan.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Yang Berhormat Tuan Speaker, dari segi pengecualian cukai, bolehkah korporat yang memberikan sumbangan kepada kerja-kerja yang sebegini diberikan pengecualian cukai?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan daripada Mahkota tadi adalah berkenaan pengecualian cukai. Sebenarnya, saya tidak pasti bahawa apakah cukai yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Mahkota tadi. Mungkin dia melibatkan bidang kuasa daripada kerajaan persekutuan. Bagi peringkat kerajaan tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan hanya berkuasa untuk mengutip cukai taksiran dan seperti yang saya sebut tadi, perkara ini adalah merupakan sumbangan secara ikhlas daripada pihak swasta yang berbentuk CSL, korporat syarikat, maka ianya tidak seharusnya datang secara bersyarat.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Dijemput Sungai Balang.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat tuan Speaker. Soalan nombor 9.

Minta dinyatakan apakah kelainan perubahan daripada kerajaan mengenai Bas Muafakat Johor kepada Bas Harapan Johor.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrasturktur dan Pengangkutan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan mengenai apakah kelainan daripada Bas Muafakat dengan Bas Harapan? Jadi, sebenarnya nama pun tak sama, macam kita lah ada 2 orang isteri, 1 nama Aishah satu nama Fatimah. Tapi operasinya lebih kurang sama, dan kita tidak membatalkan Bas Muafakat. Bas Muafakat yang ada kita jalankan, cuma kita dalam Bas Muafakat ni dalam proses kita penambahbaikan terutama dari segi laluan-laluannya. Laluan-laluannya ada yang tidak praktikal, kita mendapat maklum balas daripada pengguna, dan kadang-kadang ada laluannya, saya dapat maklumat, dulu maklumlah Bas Muafakat sebahagian dananya daripada majlis Kerajaan Tempatan. Yang ada tak peka Ahli Majlis minta lalu depan rumah dia, bas tu lalu juga depan rumah dia, maklumlah Majlis yang membayar. Jadi perkara-perkara yang begini kita akan membuat penambahbaikan dan kita sebenarnya Bas Harapan baru ada satu laluan sahaja. Itu pun...

YB Speaker : Sapa yang naik depan rumah dia tu?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Allahhuaklam lah kita bersangka baik lah. Mungkin ada fakta yang baik ya (dewan ketawa). Bas Harapan ni dilancarkan baru 1, hanya 1 laluan saja iaitu antara Pagoh ke Muar. Dan yang keduanya, yang kita akan lancarkan seterusnya adalah daripada Renggam ke Simpang Renggam soalan tadi daripada...

YB Speaker : Layang-Layang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Daripada Layang-Layang tadi. Itu beza tapi dari segi dana, sama 30% daripada PBT, 70% daripada kerajaan ya. Terima kasih. Boleh menjawab, boleh?

YB Speaker : Sungai Balang jemput.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tuan Speaker setiap bas mempunyai operator tersendiri mengikut daerah dan terdapat MOU yang termeterai. Handal Indah Sdn Bhd merupakan salah satu syarikat bas yang dikendalikan oleh pengangkutan awam Johor untuk perkhidmatan Bas Muafakat di sekitar kawasan Johor Bahru. Soalan tambahan berkenaan dengan Bas Harapan Johor adakah Pengangkutan Awam Johor masih memilih operator bas mengikut daerah atau melalui proses tender terbuka? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih soalan Yang Berhormat Speaker, sebenarnya kita dah buktikan yang baru ni kita tender di antara laluan daripada Renggam ke Simpang Renggam. Dua syarikat masuk, dan kita pilih satu yang termurah ya. Murah sikit daripada yang lama punya Bas Muafakat, sikit je tak banyaklah 10 Sen tapi bila sikit pun 10 sen pun kita kali dengan km tu, banyak juga. Kalau kali dengan tahun, macam tadilah, dulu pun kira saat dan kaki, kira saat, berjela-jela, kalau km tu. Jadi banyak juga apa, dia punya perubahan ya. Dan, sebenarnya bas ni dia Bas Muafakat saya semak balik laluan bukan satu syarikat monopoli satu daerah, tidak. Ada yang daerah dia bercampur. Ada sebuah daerah tu macam Handal Indah campur dengan Maju, tak ada masalah. Laluan dia berbeza, tapi dalam kawasan bandar yang sama pun ada. Tak ada masalah.

YB Speaker : Ya, Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker, boleh tahu berapa jumlah kos yang ditanggungkan oleh PBT dan kerajaan negeri tahunan untuk Bas Harapan ini? Adakah ini berkesan, adakah ini berkesan, adakah kerajaan akan menimbang cara yang lain seperti *grab share* secara subsidi. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Untuk Bas Muafakat tahunan lebih kurang RM23.0 juta setahun yang saya maklumkan tadi 30% daripada dana PBT dan 70% daripada Kerajaan Tempatan. Tapi Bas Harapan Johor ni, memang dia punya tanggungan macam gitu, tapi kalau kerajaan negeri, kalau kata ni, PBT tak ada duit kita terpaksa juga *absorb* ya, dengan izin, untuk menanggung semua kos, terutama macam PBT-PBT yang kurang berkemampuan, Simpang Renggam, sampai cerita nak bayar elaun Ahli Majlis pun tak cukup, jadi kita kena bantu PBT-PBT yang tersebut. Jadi kita terpaksa suka tak suka, kerajaan kena tanggung 100% ya. Jadi, Bas Harapan yang ada satu laluan, dia punya pengiraan dia *simple s*aja, RM3.90 yang Simpang Renggam ni, kali dengan km, kali berapa *trip.* Kalau sekarang ni yang kita cadangkan untuk laluan antara Renggam ke Simpang Renggam lebih kurang 6 *trip*, jadi kita itu perkiraannya. Jadi terlalu baru, terlalu sikit dan mudah kita kira yang Bas Muafakat ni dia, dia sama *standard* RM4.00 satu per km. Terima kasih.
YB Speaker : Ya,

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Memandangkan. Terima kasih Tuan Speaker,

YB Speaker : Ini kali pertama ni,

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Di Kawasan Batu Pahat satu kajian dibuat, setiap trip 2 hingga 4 penumpang sahaja, adakah kerajaan akan mengkaji semula mengenai laluan di Batu Pahat?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Jawapan dia memang ya. (Dewan ketawa) jadi, saya ada statistik sebenarnya saya dah ada *presentation* daripada bila saya masuk daripada Perbadanan Pengangkutan Awam Johor, Bas Muafakat dan Bas Harapan duduk di bawah badan yang sama. Ada laluan yang 5 orang je naik satu *trip* tempat saya pun lalu hospital pun sama juga laluan tak silap saya 105, saya perhati bas tengok, 5 orang yang naik. Yang ini kita akan kaji, kalau dia tidak praktikal, mungkin kita boleh cadangkan supaya menggunakan bas yang bersaiz kecil ya. Jadi itu cadangan kita. Terima kasih yang bertanya.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 10.

Senaraikan dengan secara terperinci semua kawasan-kawasan tadahan air mentah, empangan-empangan dan loji rawatan air (LRA) di seluruh negeri Johor. Nyatakan jumlah bekalan (mld) setiap LRA dan jumlah permintaan bekalan air terawat kawasan domestik dan perindustrian di setiap daerah.
YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Jementah,telah menanyakan senaraikan dengan secara terperinci semua kawasan-kawasan tadahan air mentah, empangan-empangan dan loji rawatan rawat air di seluruh negeri Johor. Nyatakan juga jumlah bekalan MLD setiap LRA dan jumlah permintaan bekalan air terawat kawasan domestik dan perindustrian di daerah. Jawapannya sangat panjang. Tapi saya cuba pendekkan ya.

Untuk makluman Yang Berhormat Jementah dan Ahli-ahli Dewan yang Mulia terdapat 18 kawasan tadahan air dan empangan di negeri Johor seperti berikut:-

1. Upper Layang
2. Lower layang
3. Pulai 1
4. Pulai 2
5. Pulai 3
6. Pontian
7. Linggui
8. Lebam
9. Seluyut
10. Chongor
11. Labung
12. Juaseh
13. Gunung Ledang
14. Ulu Kesang
15. Bekok
16. Sembrong
17. Machap
18. Kahang

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, terdapat juga 44 buah loji rawatan air di negeri Johor dan saya cuba selesaikan dalam daerah, kalau baca semua mungkin lama sangat ni. Untuk daerah Segamat terdapat 8 buah loji rawatan air, untuk daerah Muar ada 5 buah, untuk daerah Tangkak ada 3 buah, untuk daerah Batu Pahat, 4 buah, untuk daerah Kluang, 5 buah, untuk daerah Kulai, 1 buah sahaja di kawasan saya Bukit Batu. Di daerah Johor Bahru ada 3 buah, di daerah Kota Tinggi, 10 buah dan di daerah Mersing, 5 buah. Keseluruhannya 44 loji rawatan air di negeri Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, pengeluaran purata air bersih daripada 44 buah loji-loji rawatan air di bawah pentadbiran Syarikat Air Johor Ranhill SAJ di negeri Johor, pada masa kini ialah 1,816 juta liter sehari bagi menampung keperluan kira-kira 1,154,116 akaun pengguna yang direkodkan sehingga Jun 2018 yang melibatkan sektor domestik sebanyak 56% dan bukan domestik sebanyak 14%. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Jementah, saya akan bekalkan senarai yang lebih teliti kepada Yang Berhormat selepas sidang ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Jementah soalan tambahan.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO, berkenaan dengan jawapan yang diberikan. Cuma Jementah ingin mengetahui berkenaan dengan kawasan tadahan air atau empangan-empangan yang kita selalu *very concern,* dengan izin, daripada unsur-unsur pencemaran. Ini sudah berapa kali pernah ada perbincangan sebelum Dewan yang lepas. Dan mengikut Akta Bekalan Air pindaan 2014, negeri Johor, sebenarnya kawasan-kawasan ini perlu dilindungi daripada unsur-unsur pencemaran. So, Jementah ingin mengetahui apakah status sebenarnya sekarang? Berkenaan dengan semua kawasan tadahan-tadahan ini supaya bekalan air mentah yang dibekalkan ini tidak yang akan masuk kepada loji rawatan air ini, tidak mengadakan banyak apa ni, pencemaran dan seterusnya boleh meningkatkan kos rawatan untuk bekalan air terawat. *So,* apakah statusnya sekarang? Untuk daripada pihak kerajaan dalam usaha untuk melindungi kawasan-kawasan tadahan air ini daripada pencemaran ini. Ini jawapan saya, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Saya rasa itu soalan saya. bukan jawapan saya. (Dewan ketawa). Yang Berhormat ni di dalam Dewan ni suka jawab, soal dan jawab sendiri (Dewan ketawa). Untuk makluman Yang Berhormat Jementah, memang betul salah satu isu yang dihadapi oleh pihak kerajaan Johor dalam memastikan bekalan air terutamanya yang kita dikenal sebagai, dengan izin, *service water*, salah satu masalah kita hadapi adalah dari segi pencemaran. Memang sekiranya isu pencemaran ni boleh diatasi, kita memang mempunyai cukup air, bekalan air untuk kegunaan harian, kalaulah dilengkapi juga dengan sistem pengagihan yang sempurna, maka itu adalah satu-satu komitmen daripada pihak kerajaan sekarang untuk memastikan pencemaran tu kita cuba kurangkan, dan kalau boleh memanglah harapan juga, memang tak ada pencemaran.

Dan kerajaan mengambil berat isu ni dengan memberi lebih banyak fokus kepada penguatkuasaan yang selama ni mungkin kurang sedikit. Contohnya selepas pentadbiran ni mengambil alih kita telah menitik beratkan isu penguatkuasaan dan pihak BAKAJ dan JPS telah diarahkan untuk memberi lebih banyak prihatian kepada isu-isu ini dan saya memberi komitmen kepada Yang Berhormat Jementah, dan semua Ahli-Ahli dalam Dewan ini, kerajaan Johor sekarang ni kita komited untuk mengurangkan pencemaran air dan kalaulah sesiapa Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, ada-ada isu mengenai pencemaran sungai ataupun sumber air kita ada empangan, ada pencerobohan saya mengalu-alukan untuk menghubungi saya ataupun EXCO Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Alhamdulillah kita setakat ni dah dapat 10 soalan lisan. Lebih baik dari semalam, 9. Dapat 10, insya-Allah esok kita akan sambung lagi. Jadi sekarang dah pukul 11.00 saya tangguhkan Persidangan pagi ini sehingga pukul 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

YB Tuan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan ini disambung sekarang. Penggulungan YB-YB, Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa. Kita ada 9 EXCO yang akan menjawab, bermula dengan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Usahawan Koperasi dan Ekonomi Kreatif sehinggalah ke Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar. Bagi yang mempunyai soalan-soalan yang sedikit, ambillah masa sedikit, sedikit sahaja, yang mempunyai soalan-soalan

yang banyak ambillah masa yang lebih sedikit, tapi jangan terlalu banyaklah. Jadi kita kira sampai petang ni pukul 5 selesai semuanya penggulungan ini ya. Jadi, pertama saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif untuk menggulung. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk menjunjung setinggi-tinggi terima kasih atas titah DiRaja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bagi penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Speaker, saya sangat berbesar hati kerana buat pertama kalinya saya diberikan kesempatan dan tanggungjawab untuk memikul amanah bagi pihak kerajaan negeri yang bertuah ini. Sebagai individu yang pernah berada dalam kedudukan pembangkang satu ketika dahulu, tentulah jawapan kerajaan apatah lagi dalam Dewan yang semulia ini adalah sangat penting bagi kami ketika itu untuk mengetahui dasar dan arah tuju kerajaan. Oleh yang demikian, apabila saya melihat minat yang begitu tinggi yang dizahirkan oleh pembangkang pada kali ini terhadap dasar kerajaan yang baru, maka saya berasa amat berbesar hati. Pada hemat saya, jelas sekali bahawa Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu bukan sahaja tentang kejayaan kuasa rakyat menurunkan kerajaan yang telah berdiri selama lebih setengah abad, malah pada masa yang sama sebenarnya ia adalah satu proses pendidikan kepada UMNO dan Barisan Nasional yang dahulunya dilihat seakan-akan berasa tidak mungkin mereka akan jatuh. Kini, saya amat senang dan begitu lega sekali apabila pembangkang juga mula menyebut tentang perlunya kuasa semak imbang, kebebasan bersuara, ketelusan pentadbiran, integriti kerajaan, malah sangat prihatin dengan manifesto kerajaan. Ini adalah perkembangan yang wajar kita raikan bersama kerana kita harus keluar daripada politik komunal sempit dan politik propaganda murahan serta beralih kepada politik dasar dan juga politik institusi.

Yang Berhormat Speaker, kita sangat faham akan keperluan wujudnya pembangkang yang kukuh, pembangkang yang kuat, pembangkang yang efektif. Berdasarkan pengalaman kami satu masa dahulu yang kami menderita sebagai pembangkang, dilayan dan diperlakukan oleh kepimpinan kerajaan yang lama. Kami tahu betapa payahnya untuk menjadi badan semak imbang yang berkesan, tanpa ada peruntukan yang khusus, tanpa ada kemudahan yang sewajarnya diberikan. Justeru, pengalaman ini menjadikan kami lebih manusiawi dan lebih menjunjung semangat demokrasi untuk memastikan pengalaman buruk kami dahulu tidak dialami oleh pembangkang pada hari ini. Meskipun ada suara-suara yang berkehendakkan agar kami di pihak sebelah sini melayan mereka yang berada di sebelah sana sebagaimana kami dilayan satu masa dahulu. Bukan atas dasar dendam, tetapi sebagai pengajaran. Namun kami insaf, kerajaan yang baik hanya dapat dicapai dengan adanya pembangkang yang efektif. Mengimbau sedikit pengalaman lalu jika boleh, saya dan rakan-rakan sebagai pembangkang sebelum ini sering kali kami ini dilayan secara tidak adil malah diperlekeh kadang kala oleh kepimpinan kerajaan terdahulu. Namun saya bertekad bahawa semua ini akan berhenti di sini. Saya tidak rela kerajaan baru ini bersikap sedemikian rupa kepada pembangkang seperti mana pembangkang memimpin kerajaan satu ketika dahulu. Kita faham bahawa harga diri setiap insan perlulah kita angkat dan kita muliakan. Inilah prinsip-prinsip demokrasi yang harus kita junjung.

Yang Berhormat Speaker, dalam kesempatan sesi penggulungan ini saya ingin mengambil ruang untuk mengutarakan atau memberi respons beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sepanjang sidang berjalan. Antaranya berkaitan Dasar Pandang ke Timur. Dasar Pandang Ke Timur ini adalah cetusan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diisytiharkan pada 8 Februari 1982 semasa Persidangan The Fifth Joint Annual Conference of Malaysia-Japan Economic Association di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Seperti yang telah diketahui umum juga, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah melawat negara Jepun 2 kali dalam tempoh tidak sampai 100 hari pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan di Putrajaya. Sehubungan dengan itu, kita dapat melihat hubungan baik antara

Perdana Menteri Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun tidak dapat lagi kita nafikan pada kali ini.

Yang Berhormat Speaker, Dasar Pandang ke Timur merupakan satu cara Malaysia menghadapi cabaran ekonomi baru. Jepun telah membuktikan model pembangunannya dengan sumber yang terbatas namun bangkit, bingkas daripada kemusnahan perang dunia kedua satu ketika dahulu. Kalau kita ingat, bagaimana peristiwa pengeboman Nagasaki dan Hiroshima. Namun dalam kesesakan ini, Jepun bangkit, Jepun bingkas dan bersaing dalam ekonomi dunia hanya dalam tempoh 1 generasi. Matlamat utama perlaksanaan dasar ini adalah untuk menerapkan nilai-nilai ketimuran yang positif dalam pentadbiran negara. Seperti yang kita sedia maklum, kebanyakan masyarakat Jepun yang kita selalu dengar mempunyai sikap yang positif dan nilai-nilai yang baik seperti rajin, ketekunan, kegigihan serta kuat bekerja. Jika amalan ini diamalkan oleh penjawat awam atau rakyat Malaysia keseluruhannya, maka secara tidak langsung ini akan memberi impak yang positif dari segi ekonomi dan juga sahsiah masyarakat dalam membangunkan sesebuah negara.

Selain itu Dasar Pandang ke Timur juga mampu untuk menghapuskan khurafat pemikiran rakyat Malaysia yang terlalu memandang tinggi kepada dunia barat yang kononnya hanya mereka di barat yang lebih maju dari segi ekonomi, pendidikan dan penguasaan teknologi. Hal ini menjadikan rakyat Malaysia tidak bermotivasi kerana mereka beranggapan bahawa amat mustahil buat negara yang berada di Timur untuk menjadi sebuah negara maju. Kita juga maklum bahawa melalui pemindahan dan perkongsian teknologi serta kemahiran dari negara Jepun serta Korea secara tidak langsung memberikan manfaat kepada rakyat di negara kita. Jika kita meneliti semula niat di sebalik Dasar Pandang ke Timur, banyak inti pati yang boleh kita garapi termasuklah dari aspek pembangunan, keusahawanan iaitu portfolio yang sedang saya galas pada ketika ini. Jadi, jika ditanya adakah kerajaan negeri berhasrat akan menjadikan semangat dasar pandang ke timur ini sebagai momentum baru, bagi melonjakkan keberdayaan usahawan-usahawan kita di negeri Johor ini, maka jawapan saya pastilah ya sudah tentu sekali.

Yang Berhormat Speaker, di bawah tema pembangunan usahawan melibatkan Malaysia-Jepun juga, sengaja saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini, berhubung industri halal Jepun untuk perhatian kita semua. Industri halal di Jepun khususnya melibatkan produk makanan semakin mendapat sambutan. Terutamanya melalui aktiviti pelancongan melibatkan negara-negara timur tengah dan negara-negara Islam yang lain. Pelancong muslim misalnya yang memilih Jepun sebagai destinasi untuk pelancongan juga tidaklah asing lagi pada hari ini. Satu perkara yang harus kita sedar ialah Tokyo bakal menjadi tuan rumah bagi Sukan Olimpik pada tahun 2020. Justeru, para usahawan di negeri Johor seharusnya merebut peluang keemasan ini untuk meneroka pasaran di Jepun.

Ingin saya nyatakan di sini, di Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri menerusi Portfolio Pembangunan Keusahawanan akan sentiasa mencari ruang dan peluang bagi membangunkan usahawan di negeri ini untuk meneroka industri halal di Jepun.

Yang Berhormat Speaker, merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Tenang berkenaan usahawan pengeluar makanan. Suka untuk saya memberi respons. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Dewan, laporan Agris GeoPortal Jabatan Pertanian Malaysia menunjukkan seramai 1,655 orang usahawan berhasil. Usahawan berhasil ini ialah usahawan yang dia masih aktif perniagaannya sehingga ke saat ini. Usahawan berhasil telah dilahirkan seramai 1,655 orang oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor yang mana jumlah purata pendapatan bersih mereka adalah sebanyak RM74.5 juta setahun. Laporan Agris 2017 juga menunjukkan bahawa Johor kekal sebagai peneraju Industri Kecil Sederhana, diikuti negeri yang kedua ialah negeri Selangor. Hal ini adalah disebabkan galakan dan sokongan padu kerajaan negeri dalam aspek pembangunan keusahawanan ini. Sebagai contoh kerajaan negeri melalui Program Galakan Usahawan (PGU) di bawah Jabatan Pertanian Negeri Johor terus membantu usahawan dan dalam bidang makanan dengan pemberian geran, bantuan mesin dan kelengkapan bengkel untuk membolehkan usahawan Johor dapat mengembangkan dan menaik taraf kualiti perniagaan

mereka. Hal ini dengan jelas menggambarkan usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan jumlah usahawan pengeluar makanan di negeri Johor. Selain itu sebarang cadangan untuk meningkatkan jumlah usahawan-usahawan pengeluaran makanan dan sebarang nilai tambah akan dibincangkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Speaker, di kesempatan ini juga, suka saya untuk menyentuh berkaitan ekonomi kreatif. Ekonomi kreatif ini adalah satu portfolio tambahan ataupun portfolio yang baru kepada portfolio yang ada dalam kerajaan negeri sebelum ini. Maka sudah tentu fokus baharu ini bertujuan untuk memberi tumpuan-tumpuan baru juga. Sebagaimana sifat ekonomi yang saling berhubung dan berkaitan atau *cross cutting*, dengan izin, sudah pasti pembangunan ekonomi kreatif akan memberi kesan limpahan ekonomi kepada sektor-sektor lain termasuk pelancongan, pembangunan komuniti dan pastinya PKS.

Yang Berhormat Speaker, Malaysia Baru termasuklah di Johor ini komited kepada tata kelola yang bersih, cekap dan telus. Peranan kerajaan adalah jelas sebagai pemudah cara dan memastikan wujudnya persekitaran yang kondusif untuk perkembangan perniagaan termasuklah dalam industri ekonomi kreatif. Dengan meletakkan satu portfolio khusus untuk ekonomi kreatif telah memberikan isyarat yang jelas kepada pasaran dan rakyat bahawa Johor sangat bersungguh-sungguh untuk memanfaatkan sektor ini. Selain daripada tawaran geran, *start up*, latihan, infrastruktur, portfolio saya juga dalam proses mengkaji subsektor ekonomi kreatif yang boleh dikembangkan bagi tujuan-tujuan antaranya memanfaatkan potensi sedia ada Johor dan tidak hanya berfokus kepada multimedia, filem, iklan dan *gaming* semata-mata tetapi subsektor lain seperti galeri, *archive*, dengan izin, taman, gastronomi dan sebagainya.

Yang kedua, hal ini bagi memastikan penerima manfaat dan pemain industri ekonomi kreatif ini dapat diperluaskan lagi dan dapat dirangkumkan dalam satu pelan tindakan yang lebih komprehensif. Kita tidak mahu apabila merujuk kepada ekonomi kreatif Johor sahaja kita hanya mampu melihat satu sudut sahaja. Contohnya kita hanya mampu menyebut Pinewood Studio sebagai contoh, yang sangat spesifik peranannya. Sedangkan kita mahu ekonomi kreatif ini menjangkaui lebih banyak lapisan masyarakat yang merangkumi pelbagai sektor ekonomi, budaya, bakat, rekreasi dan warisan-warisan lain yang ada di dalam negeri Johor. Saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa apabila kerajaan membangunkan sesuatu dasar yang baru, kami bukan semata-mata ingin dilihat berbeza dari kerajaan yang sebelumnya, tetapi kita juga berusaha untuk meneroka bidang-bidang yang belum dimanfaatkan, bidang-bidang yang tidak dimanfaatkan lagi potensinya sebelum ini untuk melonjakkan kedudukan ekonomi Johor sebagai enjin utama pembangunan negara.

Yang Berhormat Speaker, ya, kita tak boleh nafikan kerajaan terdahulu telah melaksanakan tanggungjawabnya dan terdapat kejayaan-kejayaan yang tidak akan, serta tidak perlu untuk kita nafikan. Tetapi melalui keputusan pilihan raya baru-baru ini, jelas menunjukkan bahawa rakyat merasakan prestasi sedia ada ini tidak mencukupi dan berkehendakkan kepada penambahbaikan serta pelaksana yang baru. Justeru ekonomi kreatif ini adalah contoh jelas bahawa kerajaan bukan hanya mahu dilihat berbeza tetapi ingin mencapai juga sesuatu yang lebih baik. Sektor ekonomi kreatif umpamanya membentuk 3% daripada GDP dunia pada tahun lalu dan Asia Pasifik merupakan pasaran terbesar bagi sektor ini dengan menjana pendapatan sebanyak USD743 bilion dan mencipta 12.7 juta peluang-peluang pekerjaan. Menyedari hakikat ini, kerajaan mahu memperluas dan mempelbagaikan sektor ekonomi di negeri ini agar tidak hanya bergantung kepada sektor tertentu semata-mata. Pada masa yang sama, kerajaan juga tidak mahu mengambil keputusan yang terburu-buru tanpa ada kefahaman yang mendalam terhadap sektor yang ingin dikembangkan ini. Terdapat dua hal utama yang harus dipertimbangkan dalam membangunkan sebarang dasar baru. Yang pertama, mengelakkan pertindihan apatah lagi pertentangan dengan dasar kerajaan yang telah sedia ada, yang kedua, memastikan satu usaha komprehensif, yang bukan bersifat program-program runcit-runcitan yang sukar di nilai dan sukar dijejaki impaknya.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan berfikir, adalah perlu untuk satu kajian yang menyeluruh dijalankan bagi membangunkan satu pelan dengan apa pelan yang kita namakan sebagai Pelan Tindakan Ekonomi Kreatif Negeri Johor. Pelan yang pastinya bukan hanya menyalin pelan pembangunan sedia ada, tetapi pelan pembangunan baru yang inklusif dan komprehensif. Kajian ini adalah penting, bukan sahaja untuk mengenal pasti sektor ekonomi kreatif, baik dari segi pemain industri, komuniti mahupun institusi yang berkaitan, tetapi juga penting untuk mencari interaksi antara kumpulan-kumpulan yang ada ini. Kajian ini juga akan memberi *feasibility,* dengan izin kepada sektor yang ingin ditumpukan dengan mengenal pasti nilai dan pembentukan ekspresi budaya serta sumbangannya kepada ekonomi di dalam negeri ini. Di samping itu, kajian ini juga akan menyediakan maklumat berguna dalam memformulasi dasar dan program yang lebih bersasar serta menggalakkan industri dan komuniti untuk menyertai inisiatif ini iaitu inisiatif untuk mengembangkan industri ekonomi kreatif. Kajian sebegini juga adalah penting untuk menilai dasar serta program sedia ada dari aspek keberkesanan dan kecekapannya.

Yang Berhormat Speaker, kita tidak mahu hanya mengaburi rakyat dengan angka-angka peruntukan kepada mereka semata-mata, yang rupa-rupanya kadangkala belum tentu dapat dirasai nikmatnya oleh kumpulan sasar. Maka institusi penyelidikan dasar awam yang berwibawa akan di beri tanggungjawab dalam menyediakan kerangka Pelan Tindakan Ekonomi Kreatif Negeri Johor ini. Institusi-institusi ini nanti bukan sahaja memberikan input dasar, tetapi juga dimensi akademik kepada kajian ini. Saya sedang mempertimbangkan beberapa institusi penyelidikan dasar di beberapa buah universiti untuk dilibatkan dalam hal yang saya nyatakan sebentar tadi.

Yang Berhormat Speaker, buat akhirnya, sebagai penutup, saya menyeru agar di kesempatan ini marilah kita bersama-sama membina politik baru yang lebih bertamadun dan lebih profesional. Saya menyinggung hasrat yang diutarakan oleh Yang Berhormat Benut, tak ada ya sekarang ni, yang meminta agar diberikan pengiktirafan yang lebih kepada pihak pembangkang, antaranya dalam memainkan peranan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam, atau *Public Accounts Committee* (PAC), dengan izin. Dan saya begitu yakin kita di peringkat kerajaan pastinya boleh mempertimbangkan perkara ini. Saya cukup yakin kita boleh mempertimbangkan perkara ini, cuma saya mencadangkan, saya mencadangkan agar Yang Berhormat Benut terlebih dahulu, dan juga yang berada di sebelah sana, haruslah menyatakan kesediaan untuk menyemak dan membuka siasatan awam atas segala skandal yang pernah berlaku sebelum ini sepertimana skandal perumahan yang didedahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2017 yang lalu. Jika bersedia, maka kita dapat melihat ketelusannya. Sungguhpun kes tersebut telah di bawa ke Mahkamah, pihak kerajaan dengan saranan PAC boleh sahaja menjalankan siasatan dalaman untuk mengenal pasti punca-punca kelemahan sistem ini hingga menyebabkan skandal seperti ini berlaku di negeri Johor ini. Langkah ini pastinya jika berjaya dilaksanakan, akan menjadi tauladan kepada Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, dan yang paling mustahak pada saya, kita dapat menghalang sebarang kemungkinan hal seperti ini berulang lagi pada masa hadapan. Ketahuilah bahawa agenda reformasi ini adalah amat penting. Ia bukan terhenti sekadar pada cogan kata semata-mata, tetapi yang lebih utama ialah, proses reformasi ini harus dilaksanakan dengan bijak dan berhemah agar semua pihak khususnya rakyat dapat memahami bagaimana proses perubahan ini dapat memberi kesan yang positif buat mereka. Jangan kita terburu-buru mengikut nafsu, sebaliknya bertindaklah dengan akal waras dan praktikal sebagaimana titah peringatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Speaker, untuk akhirnya, sebelum saya sudahi ucapan saya, saya ingin membacakan bingkisan pantun, dari Paloh ke Iskandar Puteri, singgah ke kota membeli emas, sudah lama kita memerhati, sekarang masa untuk menjalankan tugas. Emas dibeli di Kota Tinggi, buat berhias di hari raya, harapan rakyat sudah diberi, dengan izinnya terlaksana jua. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian untuk menggulung. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Bismillahirahmaanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker. Terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-14 yang berlangsung pada 9 Ogos 2018 yang lalu. Seterusnya saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, dan juga Timbalan Speaker di atas amanah yang telah diberikan dan terima kasih kerana telah memberi ruang kepada saya di dalam sesi penggulungan pada pagi ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta teguran khususnya dalam hal yang berkaitan dengan portfolio kesihatan, alam sekitar dan juga pertanian sepanjang sesi perbahasan yang telah dijalankan sehingga semalam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah menjadi harapan kerajaan negeri yang diterajui oleh Pakatan Harapan untuk mentadbir negeri Johor yang tercinta ini dengan penuh istiqamah serta memastikan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan dan keperluan rakyat diberikan keutamaan. Usaha ini perlu dalam mengukuhkan lagi keyakinan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan Johor dalam merencanakan hala tuju negeri Johor yang makmur dan lestari serta bersikap adil kepada rakyat yang di pimpin. Isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan, alam sekitar mahupun pertanian akan ditangani dan diperhalusi dengan sebaik mungkin supaya akhirnya nanti ianya akan menjamin kesejahteraan hidup rakyat dan akan terus berkekalan untuk generasi pada masa hadapan. Untuk itu, kerjasama antara jabatan serta agensi yang berkaitan akan dipertingkatkan untuk memastikan segala bentuk tindakan penyelesaian, perkhidmatan mahupun bantuan dapat dikecapi serta dimanfaatkan oleh rakyat negeri Johor ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan meneruskan usaha membantu penduduk di negeri Johor untuk mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang optima setaraf dengan kesihatan di negara maju. Dengan keluasan 19,102 kmp, negeri Johor mempunyai seramai 3.823 juta penduduk di seluruh daerah iaitu Johor Bahru, Pontian, Kulai, Kota Tinggi, Batu Pahat, Kluang, Mersing, Muar, Segamat dan Tangkak. Johor pesat membangun dengan peratus peningkatan KDNK sebanyak 5.7% pada tahun 2016. Struktur umur rakyat di negeri Johor di dominasi oleh mereka yang berumur dari 15hingga 64 tahun sebanyak 69.6%, manakala kanak-kanak yang berumur 0 hingga 14 tahun dianggarkan sebanyak 23.6% dan warga emas sekitar 6.8% dengan jangka hayat rakyat Johor bagi lelaki ialah 72.2 tahun dan bagi perempuan 77.2 tahun. Maknanya di sini rakyat, kaum perempuan mempunyai umur yang lebih panjang dibandingkan kaum lelaki.

Perkhidmatan perubatan dan kesihatan awam di negeri Johor disampaikan melalui 12 Hospital, 10 Pejabat Kesihatan, 10 Pejabat Pergigian Daerah, 98 Klinik Kesihatan, 261 Klinik Desa, 36 Klinik Rakyat, 24 Klinik Pergigian Pakar, 118 Klinik Pergigian dan 4 Klinik Pergigian Bergerak di seluruh negeri. Terdapat sebuah hospital bagi setiap daerah di negeri Johor manakala daerah Johor Bahru disediakan dengan 3 buah hospital iaitu Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru yang merupakan hospital *regional* wilayah selatan untuk perkhidmatan onkologi dan radioterapi. Dan Hospital Permai untuk menyediakan kesihatan dan rawatan sakit mental. Selain dari semua fasiliti kesihatan awam di bawah KKM, negeri Johor juga mempunyai 18 hospital swasta, 7 hospital swasta baru sedang dalam pembinaan, 988 klinik swasta dan 254 klinik pergigian swasta. Negeri Johor mempunyai 12 pintu masuk antarabangsa, separuh daripada pintu masuk antarabangsa tersebut berada di Johor Bahru. Ini menjadikan daerah Johor Bahru sebagai daerah yang mempunyai bilangan pintu masuk antarabangsa terbanyak di Malaysia. Pintu masuk Bangunan Sultan Iskandar merupakan laluan darat yang paling sibuk di Asia Tenggara. Manakala Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas merupakan 2 pelabuhan yang pesat membangun untuk perkembangan perdagangan antarabangsa.

Kesibukan ini menyebabkan Johor Bahru sangat berisiko untuk kemasukan penyakit berjangkit. Bagi memantau perkara ini, pencegahan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri di ke semua pintu masuk di negeri Johor.

Terdapat 25 projek pembangunan kesihatan di negeri Johor yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, sebanyak 6 projek telah disiapkan, 8 projek dalam pelaksanaan dan 11 lagi akan dilaksanakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.18 bilion. Antara projek-projek yang telah disiapkan melalui RMK Ke-11 di negeri Johor adalah bangunan tambahan bagi dewan bedah, klinik pakar, wad kelas 1 dan 2 di Hospital Mersing, Kolej Jururawat Parit Raja di Batu Pahat, Klinik Kesihatan jenis 3 dengan kuarters di Yong Peng, Klinik Kesihatan Sungai Rengit, Pengerang, Kota Tinggi dan Klinik Kesihatan jenis 3 dengan kuarters di Pekan Nanas. Kesemua projek-projek tersebut telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk menambah baik infrastruktur kesihatan di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor juga akan memastikan projek-projek yang telah dirancang dapat diteruskan oleh pihak Kementerian bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat di negeri Johor. Antara perkara-perkara yang akan diberikan tumpuan adalah sepertimana berikut; pembinaan hospital baru dan bangunan tambahan seperti di pembinaan hospital Pasir Gudang, pembinaan Hospital HSA 2 yang akan di bangun di kawasan berdekatan Hospital Permai, tambahan blok di Hospital Enche Besar Hajah Khalsom, bangunan tambahan Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, ACC di HSA JB dan pembinaan ruang parkir kenderaan di HSA, HSI, HPSF dan Hospital Sultanah Nora di Batu Pahat, naik taraf struktur sistem, naik taraf ICU di HSA JB, penggantian *Air Handing Unit* di HSAJB, menaik taraf kemudahan modular OT di HPSF Muar, menaik taraf *Hospital Information System*, Hospital Sultan Ismail JB, penggantian pembelian aset, peralatan perubatan yang telah berusia di HSA JB, HSI JB dan pembinaan baru dan naik taraf bangunan kesihatan seperti KK Taman Cendana, KK Bandar Kota Tinggi, KK Bandar Kluang, KK Masai, KK Rengit, KK Paya Emas, KK Mersing Kanan, pindahan atau perpindahan lokasi Pejabat Kesihatan Daerah. Pejabat Kesihatan Daerah Kulai, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru naik taraf, naik taraf Klinik Kesihatan, naik taraf Klinik Desa, naik taraf bagi mewujudkan Klinik Tibi, naik taraf stor penyimpanan bahan kimia, naik taraf kuarters anggota keselamatan Kesihatan di Kuarters KK Ayer Baloi, KK Bandar Tenggara, KK Bagan, KK Paloh, KD Ulu Cendong, KK Bekok. Jabatan Kesihatan Negeri Johor dari semasa ke semasa akan memastikan keperluan bagi pengisian perjawatan di bahagian-bahagian yang tertentu dapat dilaksanakan bagi melancarkan perjalanan operasi dan dalam masa sama dapat memberikan perkhidmatan yang telus dan cekap kepada orang awam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya agak tertarik dengan cadangan YB dari Senggarang supaya rakyat Johor mempunyai berat badan kurang daripada 80 kg. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penekanan di dalam program pencegahan penyakit tidak berjangkit, NCD merupakan salah satu fokus utama kerajaan di dalam memastikan kesihatan rakyat Johor. Penyakit-penyakit NCD ini ialah seperti penyakit kencing manis, darah tinggi, kolesterol dan strok.

YB Speaker : YB, kita letak timbanglah depan Dewan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Insya-Allah, insya-Allah. Fokus ini adalah bertujuan menggalakkan amalan hidup yang sihat di kalangan penduduk. Memastikan kesihatan rakyat Johor berada di tahap optimum seterusnya mengurangkan risiko penyakit NCD. Oleh itu, Program Gaya Hidup Sihat digalakkan di semua lapisan masyarakat termasuklah di jabatan, agensi kerajaan dan swasta seperti program KOSPEN Plus dan juga program Kesihatan Komuniti. Saya juga cukup berterima kasih kepada MAIJ kerana telah memberi idea, insya-Allah akan diadakan program untuk pengawalan NCD di semua masjid-masjid yang terpilih, insya-Allah.

Amalan gaya sihat meliputi aspek pemakanan sihat, gaya hidup aktif, amalan tidak merokok dan amalan minda sihat. Konsep makanan untuk kesihatan menekankan pengambilan mengikut keperluan zat makanan, utamakan memakan sayur dan buah-buahan. Jangan, kalau kita rutin seperti biasa, kita *queue* di nasi tapi sebetulnya itu satu konsep yang salah. Kalau kita *queue*, kita kena *queue* di sayur dan di buah-buahan. *Last* sekali, baru ambil nasi. Dan, makanlah dengan cara yang teratur dan betul. Pengiraan kalori makanan dan pengiraan indeks jisim tubuh atau *body mass indeks* dapat membantu untuk mengetahui sama ada pengambilan kalori seimbang dengan keperluan. Di samping itu juga konsep pinggan sihat, saya tidak pasti Ahli-Ahli yang tuan-tuan dan puan-puan yang ada di sini, faham tak konsep pinggan sihat? Konsep pinggan sihat ialah setengah suku,suku, *half, quarter, quarter*, iaitu di mana, suku kita ambil nasi, suku kita ambil sayur dan *half* lagi kita ambil protein iaitu ikan ataupun daging. Pengambilan sayur-sayuran dan serat digalakkan manakala kurangkanlah pengambilan lemak, gula dan garam. Melalui pemakanan sihat, boleh mengurangkan risiko berlebihan berat badan, pelbagai penyakit seperti penyakit jantung, diabetes, kanser dan lain-lain. Gaya hidup aktif melalui aktiviti senam secara berkala, 3 kali seminggu sekurang-kurangnya 20 minit setiap senaman. 1, 2, 3, 0, maknanya satu kali seminggu, selama 20 minit. Contoh aktiviti fizikal yang bersesuaian di kawasan tempat kerja yang terhad seperti pingpong, senamrobik, *feet ball* sesuai dilakukan ataupun yang paling mudah kita berjalanlah menaiki tangga, jika kita ke pejabat. Contohnya, Pejabat YB EXCO sayalah. (Dewan ketawa). Saya di tingkat 4, di tingkat 3 dan MB lah, MB tingkat 4 digalakkan untuk jalan naik tangga, pergi dan balik, insya-Allah. Ok. Aktiviti berjalan kaki 10,000 langkah setiap hari juga digalakkan. Melalui aktiviti fizikal dapat meningkatkan kecerdasan dan meningkatkan daya konsentrasi seseorang. Memandang isu ini juga melibatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Persidangan Dewan Negeri, izinkan saya untuk mencadangkan agar pihak Dewan Negeri bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan bagi melaksanakan Persidangan di dalam suasana sihat dan mengamalkan hidup sihat semasa Persidangan ini, termasuklah…

YB Speaker : Selama ini tak sihat ke Yang Berhormat? Selama ini tak sihat ke?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Kurang sihat Tuan. Penghidangan hidangan yang sihat, melebihkan minum air kosong, mengasingkan gula dan susu bagi minuman panas, penyediaan sayur-sayuran dan buah-buahan. Pengendali makanan bagi Persidangan ini perlu diberi latihan tata cara penyediaan makanan yang sihat dan selamat ketika mesyuarat termasuklah pengiraan kalori makanan yang diperlukan. Aktiviti senaman ringan di antara selang waktu mesyuarat, senaman regangan juga sesuai dilakukan bagi untuk mengurangkan kepenatan atau penyakit bahagian belakang. Pemimpin-pemimpin masyarakat juga harus menjadi contoh bagi mengamalkan gaya hidup yang sihat dan mempunyai BMI yang ideal. Pengiraan berat badan yang paling mudah adalah, tinggi badan dikurangkan 100, contohnya bagi sayalah. Saya, 180, kurangkan 100, jadi berat badan saya 80+- 5%, sepatutnya berat saya mestilah di antara 76 hingga 84 dan tapi yang bagus, paling baik ialah 76. Jadi Tuan-Tuan Yang Berhormat boleh kira sendiri berapakah berat badan ideal tuan-tuan dan puan-puan secara yang paling mudah.

Berkenaan isu komuniti sihat yang dibangkitkan oleh YB dari Pasir Raja. Pihak kerajaan tidak pernah melupakan kepentingan kesihatan masyarakat FELDA. Perkhidmatan penjagaan kesihatan yang disediakan kerajaan untuk masyarakat FELDA tidaklah kurang berbanding dengan masyarakat-masyarakat lain sama ada dari segi kualiti ataupun kuantiti. Klinik-klinik kesihatan ada di dalam lokaliti FELDA sendiri atau berdekatan dengan lokaliti FELDA telah memberi perkhidmatan rawatan untuk pesakit luar dan penjagaan kesihatan ibu dan anak sebagai perkhidmatan khas. Selain itu, program-program khusus sebagai program kesihatan warga emas, Program Penjagaan Domisiliari, bagi perawatan di rumah turut diadakan juga melibatkan penduduk-penduduk FELDA. Dalam pencegahan-pencegahan penyakit tidak berjangkit di kalangan rakyat termasuk masyarakat FELDA pula, program KOSPEN telah diwujudkan semenjak tahun 2013. Sehingga kini terdapat 29 lokaliti masyarakat FELDA seluruh negeri Johor telah mengaktifkan program KOSPEN di FELDA.

Dalam pencegahan penyakit berkaitan dengan persekitaran di FELDA, pihak kerajaan juga telah mengambil langkah penilaian awal bagi memenuhi keperluan Program Imunisasi Malaria melibatkan seluruh kawasan di Johor termasuk di FELDA.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Senai juga telah menyatakan tentang kerisauan berhubung dengan isu penjualan makanan tidak sihat di sekolah. Unit Pemakanan Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menjalankan aktiviti pemantauan ke atas penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah. Walau bagaimanapun, tiada sebarang penguatkuasaan dijalankan. Pihak jabatan telah menjalankan aktiviti promosi, khidmat nasihat dan bimbingan berterusan berkaitan pemakanan sihat diberikan kepada murid-murid. Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), pengusaha kantin dan pihak pengurusan hendaklah dilibatkan sama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman YB dari Panti. Buat masa ini bayaran, *fee* RM1.00 masih berkuat kuasa terutamanya untuk kemasukan melalui Jabatan Kecemasan dan Trauma. Bayaran menggunakan insurans hanyalah terpakai kepada pekerja-pekerja asing sahaja. Semua pungutan bayaran di fasiliti kesihatan kerajaan adalah seperti mana yang terkandung dalam Akta Fi dan Perintah Fi yang berkuat kuasa. Tiada arahan dan penguatkuasaan insurans baru buat masa ini. Pelbagai pendapat dan cadangan masih di peringkat nilaian atau cadangan sahaja.

Bagi maklumat YB dari Parit Raja, permohonan projek pembinaan KK3 Parit Raja telah disenaraikan di dalam Projek RMK Ke-11 pada tahun 2015. Namun begitu, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan dalam RMK 11, *Rolling Plan* Pertama. Projek yang diluluskan hanyalah pembinaan KK4 Rengit. Walau bagaimanapun, masih terdapat *facilities* yang berhampiran dengan KK Parit Raja yang beroperasi di mana terdapat 4 buat klinik Desa di dalam kawasan tersebut.

Yang Berhormat dari Pekan Nenas juga ada membangkitkan berkenaan Hospital Pontian. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum akan keperluan dan sedang merancang untuk membangunkan semula Hospital Pontian di tapak hospital sedia ada yang dilaksanakan secara berperingkat. Lanjutan itu, permohonan untuk membina blok baru bagi menempatkan wad-wad di klinik pakar di angkat dalam *Rolling Plan* Ke-2, Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh agensi pusat. Bagi tujuan keselesaan pesakit dan kaki tangan hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyalurkan peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja ubah suai, naik taraf dan pembaikan *facilities* di Hospital Pontian. Antaranya ialah, projek naik taraf sistem gas perubatan Hospital Pontian yang telah selesai proses perolehan. Selain itu, terdapat beberapa peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di Hospital Pontian bertujuan menjalankan kerja-kerja pembaikan berjumlah RM1,692,000.00 dari tahun 2014 hingga 2018. Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menyalurkan peruntukan bagi perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan bagi tujuan pembelian peralatan dan kelengkapan perubatan di Hospital Pontian berjumlah RM82,000.00 dari tahun 2014 hingga 2018.

Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan sekarang penyakit HFMD dan penyakit denggi yang mewabak di Johor. Sebetulnya kedua-dua penyakit ini bukanlah terletak di bahu Kementerian Kesihatan sahaja. Di sini perlunya memainkan peranan semua agensi-agensi yang terlibat terutamanya pihak-pihak PBT untuk memastikan kesihatan di kawasan masing-masing adalah terjaga. Adalah sangat zalim jika kita sentiasa menyalahkan atau menuding jari ke pihak Kesihatan di atas peningkatan kes-kes penyakit HFMD dan penyakit denggi. Sebetulnya kedua-dua penyakit ini dapat dicegah jika PBT dan semua agensi terkait menjaga kebersihan diri dan kebersihan persekitaran. Kedua-dua penyakit ini merupakan penyakit virus. Penyakit virus ini tak ada ubat, tapi kedua-duanya insya-Allah boleh baik dengan segera jika mendapat rawatan dengan segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam memastikan…

YB Speaker : Yang Berhormat telah menggunakan 21 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Banyak lagi ini. Dalam memastikan rakyat negeri Johor sentiasa hidup dalam persekitaran yang bersih dan baik. Kerajaan secara berterusan menjalankan penguatkuasaan ke atas punca-punca industri bagi memastikan mematuhi kepada *standard-standard* dan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar. Berkenaan isu kilang memproses kelapa sawit milik Mestika Sdn. Bhd. yang dibangkitkan YB dari Jementah. Dimaklumkan bahawa pemasangan sistem bio-gas berkaitan kolam-kolam sedia ada adalah di dalam proses pemasangan iaitu dengan kemajuan kerja terkini 50% dan dijangka siap sepenuhnya 31 Disember 2018.

Jabatan Alam Sekitar di dalam proses mengeluarkan arahan untuk pihak kilang meningkatkan sistem pengolahan *influence* dengan menukarkan kolam-kolam pengolahan *influence* sedia ada dengan sistem tertutup, *anaerobic digestor tank*, dengan izin, iaitu akan mengurangkan pencemaran bau dengan lebih berkesan dan meningkatkan kecekapan sistem bio-gas. Selain daripada itu, hasil semakan laporan Pemodelan Kualiti Air yang telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar daripada pihak perunding pada 12 hari bulan Ogos 2018, mendapati pelepasan *influence* oleh kilang kelapa sawit Mestika Sdn. Bhd. ke Sungai Siput atau alur air berkaitan adalah tiada kesan yang ketara yang boleh menjejaskan kualiti air sungai atau alur air yang sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Empangan Machap merupakan salah satu punca air mentah kepada Sungai Benut. Selain Sungai Ulu Benut sepanjang laluan air sungai ini ke Loji Rawatan Air Simpang Renggam, terdapat beberapa punca yang berpotensi menyebabkan peningkatan ammonia di Sungai Benut. Punca-punca tersebut adalah Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP, loji-loji rawatan kumbahan, ladang-ladang ternakan ayam, air larian dari parit bandar Simpang Renggam.

Bagi makluman YB dari Machap berhubung kejadian tarikh 5 Ogos 2018, Jabatan Alam Sekitar melalui cawangan Kluang telah menjalankan siasatan pada tarikh yang sama. Jadi, pada siasatan yang dijalankan ke atas premis Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP mendapati tiada kesan limpahan *leachate* ditemui dan keadaan adalah terkawal pada masa tersebut. Walau bagaimanapun sample *leachate* telah diambil untuk tujuan mengenal pasti tahap kandungan. Sample tersebut telah dihantar Ke Jabatan Kimia Malaysia dan keputusan dijangka mengambil masa 4 hingga 6 minggu.

Untuk makluman, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan tapak pelupusan ini adalah di bawah pemantauan dan pengurusan SWCorp dan Jabatan Sisa Pepejal Negara iaitu di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bacaan Indeks Kualiti Air *(Water Quality Index)* yang dicerap oleh Jabatan Alam Sekitar Johor pada 14 Ogos 2018 bagi Sungai Skudai dan Sungai Tebrau berada pada paras 4. Walaupun ia dalam kategori tercemar namun ia belum boleh dikatakan berada dalam keadaan yang sangat tenat seperti mana yang dinyatakan oleh YB Senggarang.

Selain pencemaran kualiti air, pencemaran fizikal juga ketara kerana dapat dilihat banyak sampah-sampah terapung di dalam sungai. Sampah-sampah ini datangnya dari pelbagai punca yang berada di sekitar tebing sungai dan kawasan tadahannya. Pencemaran dari kilang, perumahan, setinggan dan sebagainya yang mengalir terus ke sungai tanpa ada sebarang rawatan terlibat banyak mempengaruhi kualiti air. Perkara ini berlaku sejak sekian lama dan agak sukar dilaksanakan secara segera.

Tindakan secara cermat dan berhemah turut diambil bagi mengelak timbulnya masalah lain berkaitan masyarakat setempat yang tidak diingini. Walau bagaimanapun, agensi-agensi yang terlibat dalam soal ini sedang dan akan mengambil tindakan susulan dari masa ke semasa untuk menghindarkan keadaan menjadi semakin kritikal.

Bagi Sungai Skudai misalnya, kerajaan Johor melalui agensi terlibat telah menubuhkan Jawatankuasa Sungai *Skudai Water Blue Print*. Jawatankuasa ini diuruskan oleh UPEN Johor dan JPS Johor. Di bawah jawatankuasa ini, terdapat satu program yang dipanggil Program Peremajaan Sungai Skudai yang melibatkan jawatan kerja di peringkat daerah Johor Bahru dan Kulai. Di peringkat daerah Johor Bahru dan Kulai ia diketuai oleh pegawai daerah itu sendiri. Kemajuan program ini masih perlahan kerana masyarakat masih menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan yang paling mudah. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan sedang mengambil pelbagai inisiatif program dan aktiviti bagi tujuan yang sama untuk menjaga kepentingan Sungai Skudai dan mengajak masyarakat supaya menghargai sungai dan sumber air.

Selain itu, bagi maklumat YB dari Perling, terdapat kajian yang telah dan sedang dijalankan untuk menangani banjir kita terutamanya di daerah Johor Bahru iaitu UPEN Johor telah mengadakan Kajian Pelan Tindakan Banjir Negeri Johor, JPS Malaysia telah mengadakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Tebrau Dan Plentong yang sedang disediakan oleh perunding AMM dijangka siap pada Oktober 2018.

YB Adun Yong Peng, ada menyatakan sungai di kawasannya kurang diselenggarakan. Untuk pengetahuan YB Adun Yong Peng, Sungai Bekok, Sungai Temehel dan Sungai Simpang Empat sedang dalam proses untuk dibersihkan. Pihak kerajaan melalui JPS kebiasaannya menjalankan kerja penyelenggaraan sungai dalam tempoh 3 hingga 5 tahun sekali, bergantung kepada kemampuan kewangan yang ada. Sungai-sungai yang dipilih untuk di selenggara adalah berdasarkan kepada tahap kekerapan banjir yang berlaku di kawasan sekitarnya atau masalah yang dihadapi oleh penduduk sesuatu tempat. Bajet penyelenggaraan sungai telah dipohon dan diluluskan pada setiap tahun sama ada dari kerajaan negeri atau persekutuan.

Jumlah yang diluluskan bergantung kepada kemampuan negeri dan bajet *federal*. Setakat ini, cadangan YB Yong Peng agar penyelenggaraan sungai dapat dijalankan sekurangnya 2 kali setahun tidak dapat dipertimbangkan kerana ia akan melibatkan peruntukan begitu besar dan kurang praktikal.

Berkenaan isu banjir kilat oleh YB dari Jementah, peruntukan bagi menyelesaikan isu banjir di Sungai Siput telah dipohon tetapi belum lagi diluluskan. Ini telah dipohon dalam *rolling plan* ke-3 dan *rolling plan* ke-4 dalam RMK Ke-11 kerajaan persekutuan. Buat sementara, bagi mengurangkan *impact* banjir di kawasan Sungai Siput, JPS telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan tersebut sebagai langkah jangka pendek.

Begitu juga isu banjir termenung di kawasan YB dari Serom. Pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kesang pada dasarnya boleh dibahagikan kepada 2 iaitu membina pintasan banjir, pintu kawalan pasang surut dan kerja lain bagi mengawal kesan air pasang surut yang memberi kesan kepada kawasan hilir sungai, kedua, menaik taraf Sungai Kesang sebanyak 3.4 kilometer dan kerja lain bagi meningkatkan kapasiti dan hala tuju aliran sungai untuk mengelakkan air di kawasan pertengahan dan ulu sungai.

YB Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat, hampir 30 minit ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Soalan saya paling banyak Tuan Speaker, sememangnya diakui bahawa banyak agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga sungai. Agensi-agensi tersebut menjalankan tugas berdasarkan kepada peralatan dan fungsi masing-masing. Terdapat dua peringkat itu agensi persekutuan dan juga negeri. Saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan dan peringatan YB dari Pemanis agar diwujudkan jawatankuasa khas atau enakmen khusus untuk menangani perkara berkaitan dan penjagaan sungai ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk maklumat YB dari Senggarang, tindakan pihak Jabatan PERHILITAN apabila menerima gangguan konflik kera dan babi adalah ke lokasi aduan bersama pengadu untuk menjalankan siasatan. Tindakan tembak, halau akan

dijalankan sekiranya lokasi aduan adalah berhampiran kawasan hutan yang luas bagi memberi ruang hidupan liar melarikan diri jauh ke dalam hutan dan tidak mengganggu lagi.

Bagi maklumat YB dari Kahang, kerja-kerja bagi projek Santuari Gajah Johor sedang dilaksanakan mengikut jadual kemajuan projek bagi fasa pertama di mana peruntukan melalui kerajaan persekutuan yang disalurkan sebanyak RM15 juta bermula tahun 2016 hingga 2020. Peratus kemajuan adalah sebanyak 36% sehingga Mei 2018.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor tidak kurang hebatnya kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia sebagai salah satu penyumbang terbesar bagi pengeluaran tanaman makanan di Malaysia, berdasarkan buku perangkaan aduan makanan 2017, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Johor mengeluarkan 592,000 matriks tan buah-buahan iaitu 41% daripada keseluruhan Malaysia. 203,000 tan matriks sayuran-sayuran 19% daripada Malaysia, 42,000 tan matriks tanaman kontan 20% daripada Malaysia, 107 tan matriks tanaman kelapa 21% daripada Malaysia, 13,000 tan tanaman rempah ratus 24% daripada Malaysia serta 274,000 tan matriks nenas iaitu 81 % daripada Malaysia.

Terima kasih juga daripada YB dari Simpang Jeram yang juga merupakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di atas komitmen untuk membantu memajukan negeri Johor dalam sektor pertanian khususnya dalam membangun hab pengeluaran daging, hab kerang-kerangan dan juga hab buah-buahan, tanam-tanaman.

Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya YB dari Senggarang, Buloh Kasap, Semarang, Endau dan Tenang atas keprihatinan untuk menambah baik sektor pertanian di negeri Johor. Saya juga menyambut baik akan teguran bagi memastikan sekuriti makanan di negeri Johor terjamin demi kepentingan rakyat di negeri ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar kerajaan negeri Johor dalam membangun sektor pertanian adalah berdasarkan Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020. Objektif utama pasaran, strategi ini adalah menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan. menjadikan sektor pertanian sebagai yang berdaya saing, kompetitif dan mampan. Meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

Kerajaan negeri sedang dan telah merangka program dan tindakan yang positif ke arah usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan tanaman melalui tanaman selingan, kebun integrasi, pembukaan kebun kawasan baharu, penambahbaikan kawasan sedia ada. Kerajaan negeri Johor akan tetap meneruskan projek pengeluaran makanan ZPM, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan akan memberikan inisiatif serta galakan kepada rakyat untuk bertani. Dari segi pemasaran produk pertanian usahawan dibantu oleh pihak FAMA untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Perbincangan bersama pihak FAMA perlu dibuat oleh usahawan di peringkat awal lagi untuk menentukan tanaman berpotensi dan mempunyai permintaan di pasaran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Adun Serom ada mencadangkan supaya projek pengeluaran beras wangi Johor diberikan perhatian khusus untuk dibangunkan. Aktiviti penanaman padi beras wangi ini bermula di daerah Tangkak pada tahun 2013 di empat kawasan sawah iaitu Kesang, Kesang Tasik, Kesang Gik, Teluk Rimba Sawaring sebagai percubaan. Sehingga kini terdapat 41 usahawan yang mengusahakan padi tersebut iaitu seramai 30 orang di Teluk Rimba dan 11 orang di Kesang Tasik dengan kawasan penanaman seluas 40 hektar. Padi ini amat berpotensi untuk dikembangkan kerana ia setanding dengan beras wangi yang diimport namun ia kurang mendapat sambutan di kalangan petani kerana harga benihnya yang mahal dimonopoli oleh kilang. Benih bagi padi jenis ini hanya boleh diperolehi daripada kilang-kilang jelapang selatan dan Mardi di Pulau Pinang. Selain itu, harga belian balik oleh kilang adalah sama seperti padi biasa. Masih ramai yang tidak mengetahui kewujudan beras ini di negeri ini. Yang berhasil menerusi penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Berhormat yang mulia ini sepanjang segmen perbahasan. Saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang mungkin terlepas pandang dalam penjelasan saya sebentar tadi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada jabatan dan agensi di bawah portfolio saya yang membantu memberikan ulasan bagi menjawab persoalan yang telah diajukan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : 4 minit lagi, 40 minit Yang Berhormat tadi. Seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Melati mekar tepian muara, singgah riang sekawan tempua assalamualaikum mulanya kata. Salam harapan Johor menambah bicara. Yang Berhormat Tuan Speaker, serta Ahli-Ahli Dewan yang mulia. Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan komited dalam penggulungan melibatkan Portfolio Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri. Terima kasih juga di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim kerana berkenan berangkat dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri Johor serta Pendidikan. Daun selasih si pucuk ubi, dimakan orang majlis kenduri; terima kasih rakan-rakan YB atas saranan dan cadangan yang diberi.

Yang Berhormat Tuan Speaker serta Ahli Dewan yang mulia, kita sedia maklum bahawa belia adalah aset penting kepada negara dan negeri Johor yang akan memimpin serta mencorak pembangunan negara daripada pelbagai sudut pada masa hadapan. Justeru itu pihak kerajaan negeri Johor memandang serius dan akan memastikan belia-belia di negeri Johor terus berada pada tahap yang terbaik ke hadapan untuk bersama menyumbang kepada pembangunan negeri Johor khasnya dan negara amnya dari pelbagai sudut. Untuk itu, belia-belia di negeri Johor akan terus diberi perhatian dan dibantu dari pelbagai sudut untuk memastikan golongan generasi Y ini terus berdaya saing bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa. Untuk memastikan ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik kerajaan negeri Johor juga akan menyusun program-program yang akan memberi impak kepada golongan generasi Y ke arah memperkasa keberkesanan pelaksanaan program-program yang melibatkan belia-belia di negeri Johor, agar ianya memberikan impak dan kesan kepada pelbagai lapisan belia hingga ke peringkat akar umbi seperti memenuhi kehendak belia. Pihak kerajaan melalui Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor akan ke semua daerah di negeri Johor untuk bertemu belia dan mendapatkan tindak balas untuk pelaksanaan program yang menepati kehendak belia masa kini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri akan mengambil langkah untuk memberi lebih tumpuan kepada golongan-golongan belia di peringkat akar umbi terutama mereka yang tidak mempunyai pendidikan atau mendapat pendidikan minimum. Ini perlu kita utamakan kerana terdapat lebih kurang 70% belia berada di dalam golongan ini dan kita rasa mereka ini jugalah yang kita boleh gunakan untuk mengisi kekosongan pekerja bagi menggantikan pekerja asing di dalam negeri ini.

Berkaitan isu perumahan belia, kerajaan negeri Johor telah menghapuskan kuota menegak kerajaan KMK dan memberi ruang 50% kepada golongan belia untuk mendapatkan rumah. Kerajaan negeri Johor melalui Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor juga telah merancang satu program untuk bertemu golongan belia di seluruh negeri Johor pada bulan

September dan Oktober bagi mendapatkan idea dan konsep terkini yang menepati kehendak dan cita rasa anak muda masa kini khasnya di Johor. Ianya akan melibatkan belia dari golongan profesional, pertengahan dan belia dengan pendidikan minimum. Belia-belia yang terlibat dalam dunia keusahawanan juga akan diberikan ruang dan peluang yang seluas-luasnya, agar mereka dapat mengembangkan perniagaan mereka hingga peringkat antarabangsa agar usahawan muda ini dapat membantu dalam pembangunan ekonomi negara dan dalam masa yang sama dapat menambah peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, program-program yang melibatkan Pembangunan Modal Insan, membina nilai diri dalam anak muda khasnya di dalam negeri Johor melalui Sukarelawan Darul Ta'zim akan diteruskan di mana saya difahamkan Sukarelawan Darul Ta'zim telah dilaksanakan selama 3 tahun, yang ianya merupakan penyumbang terbesar kepada konsep Pembangunan Modal Insan Belia. Program *Johor Future* akan ditambah baik dan akan lebih berfokus agar ianya dapat dilaksanakan dengan konsep yang baru serta semangat baru yang mana ianya akan memberikan tumpuan kepada faktor kesihatan golongan mereka yang memerlukan bantuan secara menyeluruh melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, usia serta umur.

Kerajaan negeri Johor akan terus memperkasa Sukarelawan Darul Ta'zim dengan melaksanakan program-program kepimpinan kesukarelawan yang mana ia akan dilaksanakan seluruh negeri Johor untuk melahirkan pemimpin-pemimpin sukarelawan agar ianya boleh membantu mengembangkan konsep kesukarelaan untuk disemarakkan di seluruh negeri Johor hingga ke peringkat akar umbi. Kita mahu konsep kesukarelaan ini menjadi sesuatu yang besar dan menjadi budaya di negeri Johor tanpa mengira lapisan masyarakat dan umur serta ianya dapat membantu serta menyumbang tenaga untuk membantu mereka yang memerlukan.

Korektor anak Johor dengan menerapkan semangat bangsa Johor tanpa mengira lapisan masyarakat akan di perkasa dan kesukarelaan akan dijadikan sebagai asas untuk membinanya. Sukarelawan Darul Ta'zim akan terus di perkasa agar ianya boleh bergerak seiring dengan *Mercy Malaysia, Oxfam US Aid, Doctors Without Brother, Qatar Charity atau Hezdmet Turkey* dengan izin dan menabur luas bakti bukan hanya di Johor tetapi di seluruh pelosok dunia.
Program yang melibatkan akar umbi juga akan di perkasa dan penerapan awal kepada pembangunan modal daripada peringkat umur 16 tahun akan diperkenalkan di sekolah menengah seluruh negeri Johor. Sasaran utama ialah belia yang tercicir dalam pelajaran untuk diberi ruang dan peluang menceburi bidang kemahiran bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran. Pelaksanaan program yang melibatkan belia pada masa akan datang akan menekankan pada kualiti bukannya kuantiti, agar impak daripada program yang dilaksanakan benar-benar melahirkan golongan belia yang mampu membantu menyemarakkan program dan melahirkan belia yang mempunyai semangat bangsa Johor yang tinggi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, belia merupakan generasi yang akan mencorak pembangunan negara pada masa akan datang. Justeru itu golongan ini perlu diberikan peluang dan ruang untuk mereka menjalankan aktiviti yang berfaedah seperti boleh memberi manfaat kepada masyarakat. Kerajaan negeri Johor berhasrat untuk membina hab aktiviti belia di seluruh negeri Johor untuk digunakan oleh golongan belia khasnya. Sebagai permulaan kita akan membina 4 buah hab belia di negeri Johor, di Johor Bahru mempunyai 2, Muar, Batu Pahat dan Mersing.

Untuk daerah Johor Bahru ianya telah dibangunkan di Hutan Bandar, Johor Bahru dan kini dalam proses naik taraf yang mana ianya di bawah seliaan *Iskandar Regional Development Authority* dengan izin IRDA. Hab belia induk akan dibina dan sedang dalam proses adalah di kawasan Iskandar Puteri Johor Bahru. Ianya akan mempunyai kemudahan serba lengkap untuk belia menjalankan pelbagai aktiviti yang merangkumi berbagai aspek. Hab belia di daerah Muar yang akan dibangunkan dengan peruntukan kerajaan pusat adalah di kawasan Tanjung Ketapang, Muar, yang mana bangunan Pusat Pembangunan Belia Daerah Muar

akan di naik taraf untuk penambahan pelbagai kemudahan aktiviti untuk belia. Hab muda ini sekarang dalam proses lantikan juru perunding dan insya-Allah akan dibina tahun hadapan.

Hab belia di Batu Pahat dan Mersing juga akan dibangunkan sebagai tempat belia beraktiviti. 4 hab itu akan diberi keutamaan untuk dibangunkan dan selepas itu disusuli dengan hab di daerah Pontian, Kluang, Segamat, Tangkak, Kulai dan Kota Tinggi. Dalam masa terdekat pihak kerajaan akan ke seluruh daerah negeri Johor untuk bertemu dengan belia berbagai daripada lapisan dengan tujuan mendapatkan maklumat tentang keperluan dan kehendak belia semasa, merangkumi pelaksanaan program yang mengikut kehendak belia dan pastinya di setiap daerah mempunyai pandangan serta minat yang berbeza. Kita mahukan hab belia yang dibangunkan benar-benar memenuhi kehendak belia setempat, agar ianya dapat digunakan dengan maksimum untuk mengelakkan pembaziran. Justeru itu ianya harus mengikut keperluan dan kehendak belia setempat di setiap daerah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Tuan Speaker Majlis Sukan Negeri Johor telah menjalankan program-program latihan bagi persiapan kontinjen SUKMA Johor bagi menghadapi SUKMA ke 19 di Perak pada tahun ini, sejak tahun 2017 lagi. Mereka telah memperkenalkan satu program iaitu Program Titanium 2020. Program yang dijalankan ini memberi tumpuan khusus jangka masa panjang terutamanya bagi persiapan menghadapi SUKMA Johor 2020. Bagi persiapan kontinjen 2018 yang seramai 498 orang atlit dan 103 orang pegawai yang akan mengalas cabaran negeri Johor pada kali ini. Daripada 498 atlit tersebut seramai 364 orang atlit iaitu 73% masih boleh mewakili negeri Johor semasa Johor menjadi tuan rumah pada tahun 2020.

Oleh yang demikian, perancangan serta pelaksanaan program ini menunjukkan bahawa SUKMA 2018 ini merupakan pendedahan yang terbaik bagi atlit-atlit ini bagi merasai sendiri suasana serta cabaran sebenar sukan terbesar di Malaysia. Sasaran kontinjen SUKMA 2018 ialah sebanyak 23 pingat emas, yang mana sasaran ini realistik dengan melihat kepada kematangan atlit negeri Johor serta saingan daripada negeri-negeri yang bertanding nanti. Kalau mengikut sasaran Yang Berhormat Sri Medan, beliau mensasarkan 40 pingat emas sebelum bersara, tapi saya tidak mahu bersaing dari segi angka sasaran, sebab saya mahu buktikan bahawa sasaran yang diputuskan setelah perbincangan 2 hala antara kerajaan negeri bersama Majlis Sukan Negeri Johor dan pengurusan pasukan kontinjen negeri, berdasarkan prestasi semasa atlit negeri Johor dan prestasi atlit negeri-negeri lain. Sukan-sukan yang dilihat akan menjadi sandaran dalam menyumbangkan pingat kepada negeri Johor ialah renang, berbasikal, angkat berat dan olahraga. Kita tidak mahu seperti dalam peribahasa Yang Dikejar Tak Dapat, Yang Dikendong Keciciran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selaku Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan saya amat berterima kasih kepada kerajaan negeri Pakatan Harapan Johor dan terus menerus memajukan memartabatkan kesinambungan pembangunan negeri Johor. Komitmen dan hasrat kerajaan negeri dalam menjadikan negeri Johor sebagai sebuah negeri aktif sukan dan sihat wajar kita semua sokong. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada JDT kerana berjaya memenangi kali ke 5 Liga Super.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan cadangan perancangan penubuhan sebuah muzium di daerah Muar, pernah dicadangkan bagi menempatkan sejarah warisan seni dan budaya yang ada di daerah Muar. Pembinaan awal bangunan untuk dijadikan muzium ialah bangunan lama Telekom Malaysia iaitu di Jalan Majidi Othman, Muar. Seterusnya bangunan pejabat kerajaan juga pernah dicadangkan untuk dijadikan muzium Muar. Oleh kerana kedua-dua bangunan lama tersebut tidak sesuai untuk dijadikan muzium, maka tapak tanah di persimpangan jalan masuk ke Kampung Raja bersebelahan Kompleks Belia dan Sukan Pagoh telah dicadangkan untuk dibangunkan sebagai Muzium Muar.

Tapak-tapak tersebut yang berkeluasan 2 ekar 2 rod 30 pol telah dirizabkan sebagai tapak muzium. Tapak tersebut telah diambil balik tanah oleh kerajaan sebagaimana pemberitahuan Warta Kerajaan No GN 87 bertarikh 31.1.1991.Penubuhan muzium tersebut sebagai pusat mengumpul, mempamer, menyelamat, memelihara dan memulihara warisan

sejarah, seni dan budaya khususnya di daerah Muar.Ini termasuklah warisan Tarian Singa Muar dan sebagainya. Selain daripada itu Muzium Batu Pahat juga akan diwujudkan dan usaha-usaha pentadbiran sedang dilaksanakan oleh Yayasan Warisan Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga suka untuk saya berkongsi akan intipati falsafah pendidikan di Malaysia iaitu suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia khususnya anak bangsa Johor yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan diri terhadap keharmonian kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Sehubungan itu kerajaan negeri Johor sangat komited bagi mendukung falsafah ini dan seterusnya memastikan semua pelajar dan tenaga pendidik negeri Johor memperoleh manfaat pendidikan yang sebaiknya seiring dengan keperluan era globalisasi yang kian memuncak. Ledakan era globalisasi meletakkan Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran demi mewujudkan bangsa Johor berkualiti dan berprestasi tinggi ianya hendaklah bermula daripada pendidikan yang dinamik.

Di bawah portfolio pendidikan di negeri Johor ada beberapa perkara yang ingin saya jelaskan di sini. Antaranya, berhubung inisiatif harapan siswa, manifesto penubuhan universiti Johor dan isu berbangkit di sekolah.

1. Insentif Harapan Siswa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan. Melalui pendidikan ilmu pengetahuan dapat digunakan dan diaplikasikan bagi membangunkan negara Malaysia khususnya negeri Johor. Melalui pendidikan juga, orang yang datang dari latar belakang keluarga yang susah dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka kepada yang lebih baik. Keadaan ini memperlihatkan kepada kita betapa pentingnya pendidikan dalam membangunkan dan menaik taraf sekecil-kecil institusi mahupun sebuah negara.

Sehubungan dengan itu, Insentif Harapan Siswa yang diperkenalkan pada tahun 2018 bertujuan memberikan bantuan pendaftaran kepada anak-anak Johor yang melanjutkan pengajian di peringkat IPT. Untuk makluman, Insentif Harapan Siswa ini bukan sahaja ditawarkan kepada pelajar IPTA tetapi kini ia telah ditambah baik dengan menawarkan insentif ini kepada pelajar-pelajar IPTS terpilih seperti Kolej YPJ, MARSAH dan semua universiti yang terletak di dalam kawasan EDUCITY.

Selain dari itu, seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kadar bantuan insentif juga telah dinaikkan dari RM750.00 kepada RM1,000.00 bagi pelajar ijazah manakala bagi pelajar diploma pula masih kekal sebanyak RM500.00. YPJ juga telah mengurangkan syarat minimum gaji isi rumah pemohon dari RM4,000.00 kepada RM5,000.00 bagi membolehkan lebih ramai mendapat manfaat dari insentif ini. Justeru, besar harapan supaya insentif ini dapat mengurangkan beban keluarga B40, seterusnya menyuntik semangat pelajar-pelajar ini untuk menambah baik taraf kehidupan keluarga masing-masing dan terus berjaya dalam bidang yang mereka ceburi.

Permohonan Insentif Harapan Siswa ini akan dibuka sekali lagi pada 26 Ogos 2018 selama sebulan bagi membantu pelajar yang akan masuk ke universiti pada bulan September 2018, mahupun pelajar yang masih belum berkesempatan untuk mendaftarkan diri sebelum ini. Permohonan boleh melayari portal www.ypj.gov.my untuk mendapatkan borang permohonan.

2. Universiti Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan. Berhubung isu Universiti Johor yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rengit dan Yang

Berhormat Parit Raja. Pastinya, Ahli-Ahli tertanya-tanya apakah tindakan yang telah pihak kerajaan lakukan dalam menjayakan manifesto 5 tahun ini? Untuk makluman, beberapa jawatankuasa panel penasihat dan sekretariat sedang diwujudkan sejak awal bulan Jun 2018 bagi membolehkan kajian dan gerak kerja dalam menubuhkan universiti Johor dapat dilaksanakan. Beberapa siri mesyuarat juga telah diadakan bagi membincangkan konsep dan falsafah asas Universiti Johor.

Pada 19 Jun 2018, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim, Sultan Johor telah perkenan akan penubuhan Universiti Johor. Pada 24 Julai 2018, perjumpaan bersama Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dr. Maszlee telah dilakukan bagi membincangkan penubuhan Universiti Johor dan kertas asas perancangan Universiti Johor telah pun dibentangkan kepada UPEN, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Tinggi, Wakil Menteri Pendidikan pada 6 Ogos 2018. Maklum balas positif diperoleh dan semua pihak sangat komited untuk membantu kerajaan negeri dalam merealisasikan penubuhan Universiti Johor. Konsep Universiti Johor adalah berdasarkan *federated* dan *consolidation* iaitu persekutuan dan gabungan bagi memenuhi tuntutan pembangunan pesat tumpuan di daerah-daerah dan mengelakkan aliran keluar belia dari daerah. Universiti Johor akan memperkenalkan konsep *quadruple helix* iaitu kerjasama universiti, industri, kerajaan dan komuniti di mana setiap graduan yang lahir dari universiti Johor melalui *customize competency base education* dengan izin merupakan graduan yang memenuhi kehendak industri, kerajaan dan komuniti. Pihak kerajaan sememangnya komited dalam merealisasikan Universiti Johor dan memastikan kesan limpahan manfaat yang meluas kepada rakyat dan kerajaan seperti yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan 5 Tahun.

3. Isu Sekolah.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senai, terlebih dahulu saya nak mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Tee Boon Tsong berhubung isu-isu yang dibangkitkan. Pemakanan dan kesihatan pelajar untuk makluman tanggungjawab bagi pemantauan kantin sekolah adalah di bawah pengurusan sektor Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Unit Pembangunan Kemanusiaan Pejabat-Pejabat Pendidikan Daerah. Tugas unit ini adalah memantau bagi memastikan kantin-kantin sekolah dapat mematuhi penjualan makanan dan mematuhi kategori yang dibenarkan sahaja. Di sekolah-sekolah juga terdapat jawatankuasa kantin sekolah di bawah Unit Hal Ehwal Murid bagi memantau penjualan makanan di kantin-kantin sekolah seluruh negara. Bagi menangani masalah obesiti, akibat amalan pemakanan tidak sihat dan gaya hidup yang tidak aktif, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri pada 7 September 2016, yang memutuskan beberapa jenis makanan dalam kategori tidak digalakkan telah dimasukkan ke dalam kategori di larang untuk dijual di kantin sekolah. Ianya adalah bagi memastikan supaya pemakanan sihat seperti pengambilan makanan kurang lemak, gula dan garam seperti minuman kurang manis dijadikan amalan murid-murid sekolah. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengeluarkan surat siaran larangan penjualan makanan dan minuman yang tidak digalakkan penjualannya di kantin sekolah bertarikh 15 Mac 2018.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan. Pelbagai langkah telah diambil bagi memastikan murid di sekolah sentiasa menerima bekalan makanan yang mematuhi amalan pemakanan sihat. Antaranya adalah :

i. Produk makanan dan minuman bagi mesin layan diri mestilah mematuhi senarai makanan dan minuman yang dibenarkan dijual sahaja.

ii. Semua kontrak perkhidmatan mesin layan diri yang berada di premis dan kawasan institusi sekolah mestilah mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Pengarah Pendidikan Negeri. Pihak kontraktor hanya boleh membekalkan minuman yang dibenarkan sahaja di mesin layan diri mereka.

iii. Mengedarkan surat siaran penguatkuasaan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menangani isu penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah. Garis panduan yang telah dikeluarkan menetapkan jarak 40 meter dari pagar sekeliling sekolah sebagai lingkungan jarak tapak larangan penjualan makanan dan minuman. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab menguatkuasakan larangan tersebut.

iv. Bagi memastikan semua pengusaha kantin mematuhi peraturan yang ditetapkan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah akan menjalankan taklimat pengukuhan kendiri dan penguatkuasaan keselamatan makanan bagi sekolah rendah dan menengah tahun 2018 di setiap daerah.

v. Pengusaha dan pekerja kantin yang belum pernah menghadiri kursus katering sihat yakni anjuran Pejabat Kesihatan Daerah dan kursus asas pengendalian makanan anjuran Sekolah Latihan Kesihatan yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia wajib menghadiri kursus-kursus tersebut. Ini bertujuan untuk memastikan pengusaha dan pekerja kantin sekolah memiliki ilmu dan pengetahuan berkaitan penyediaan makanan dan minuman berkhasiat dan seimbang.

vi. Membekalkan minuman susu percuma setiap hari kepada 46,000 pelajar yang layak di negeri Johor. Kerjasama dengan kementerian kesihatan juga telah laksanakan bagi memastikan tahap kesihatan dan berat badan murid-murid berada dalam keadaan baik dengan mengeluarkan buku garis panduan pemakanan sihat di sekolah pada 30 Disember 2016.

Sehubungan itu, semua pengusaha kantin telah pun diingatkan perkara tersebut supaya mematuhi arahan yang telah dikeluarkan. Kerjasama ibu bapa juga adalah perlu bagi memastikan makanan yang diambil oleh anak-anak mereka semasa berada di rumah adalah dari makanan yang sihat.

4. Insurans Pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan. Berhubung isu insurans pelajar. Penjualan insurans kepada murid-murid adalah tidak dibenarkan memandangkan semua murid telah dilindungi insurans takaful dan dibayar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebarang penjualan produk ataupun barangan di sekolah oleh pihak luar perlulah mendapat kebenaran daripada pendaftar sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan memastikan tiada sekolah yang terlibat dengan penjualan insurans tersebut dan sekiranya di dapati perkara tersebut berlaku, maka pihak sekolah perlu menghentikan penjualan seberapa segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pendidikan merupakan mekanisme asas dalam meningkatkan pembangunan negara agar dapat berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pendidikan memerlukan kerjasama daripada semua pihak bagi mengangkat status Malaysia khususnya negeri Johor dalam dunia pendidikan bertaraf dunia. Justeru itu, kerajaan turut menyeru golongan muda yang berinovasi untuk menyumbangkan idea dan kepakaran mereka dalam pembangunan pendidikan di negeri ini. Saya berjanji akan memberi perhatian sewajarnya terhadap semua cadangan dan teguran demi kepentingan awam terutamanya dalam bidang pendidikan di mana saya akan berusaha untuk melaksanakan cadangan penambahbaikan telah dikemukakan setelah mendapat kajian dengan teliti. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua insya-Allah saya akan menjalankan tanggungjawab saya dan juga amanah yang diberikan ini dengan sebaik mungkin. Menjamu selera berulam pegaga, di Tanjung Agas tempat tersohor, kesejahteraan rakyat hendaklah dijaga, kerana Johor semestinya Johor. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, saya mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan. Berapa minit agaknya YB EXCO akan menggunakan masa ini? Lebih kurang...

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Habis dalam 15 minit.

YB Speaker : Ya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : 15 minit.

YB Speaker : Ok, silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Insya-Allah. (Ketawa). Selamat pagi, salam sejahtera dan salam harapan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan peluang dan keizinan kepada saya untuk turut serta dalam sesi Penggulungan Perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar kerana perkenan berangkat dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya masih ingat lagi bahawa sebelum pembubaran Dewan sebelum ini, apabila Pakatan Harapan, kami duduk di sebelah sana, dan kita kata kita akan kembali ke Dewan yang mulia ini dengan tukar tempat duduk dan kali ini, hari inilah harapan ini tercapai dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi Johor Jaya kerana sekali lagi memberi mandat kepada saya mencipta sejarah dan membentuk sebuah Malaysia yang baru bersama dengan Pakatan Harapan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan khususnya yang membabitkan perkara-perkara di bawah bidang portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor. Banyak perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan tersebut dan saya akan memberi perhatian sepenuhnya terhadap semua teguran serta berusaha melaksanakan saranan serta cadangan yang sesuai yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya memulakan penggulungan saya dengan menjawab isu yang dibangkitkan oleh Sungai Balang berkenaan Skim Caruman KWSP untuk suri rumah. Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan Pakatan Harapan telah memperkenalkan Skim Caruman KWSP untuk suri rumah yang juga merupakan salah satu janji 100 hari manifesto kerajaan Pakatan Harapan. Skim ini juga dikenali sebagai SURI atau Program Sukarela Insentif yang membolehkan suri rumah menikmati sekuriti sosial berkualiti dan meningkatkan sekuriti pendapatan. Program ini akan melibatkan 3 fasa pelaksanaan. Fasa pertama bermula semalam iaitu 15 Ogos dengan kerajaan akan menyumbang sebanyak RM40.00 sebulan bagi setiap caruman sukarela dengan jumlah minima RM5.00 ke akaun KWSP. Bagi fasa kedua, sumbangan kerajaan akan meningkat kepada RM50.00 dengan RM10.00 daripadanya akan disumbangkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial iaitu PERKESO. Fasa ini dijangka bermula tahun depan. Fasa ketiga insentif suri rumah adalah di mana 2% sumbangan KWSP suami akan dimasukkan ke akaun isteri dengan pelancaran fasa ini dijangka pada awal tahun 2020. Sumbangan kerajaan ke dalam akaun KWSP sehingga RM200.00 kepada mereka yang layak bagi caruman tempoh Ogos hingga Disember 2018. Bagi tahun berikutnya, jumlah sumbangan adalah sehingga RM480.00 setahun. Manfaat yang akan diterima oleh pencarum sebagai ahli KWSP termasuklah dividen tahunan, bantuan hilang upaya, bantuan kematian, pengeluaran simpanan dan pelepasan cukai. Ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kelayakan pencarum i-SURI adalah seperti berikut:

1. Golongan suri rumah yang berdaftar dalam sistem e-kasih setakat 30 hari bulan Jun 2018 termasuk isteri kepada ketua isi rumah, ketua isi rumah wanita yang terdiri daripada balu, bercerai atau bujang.

2. Warga Malaysia yang belum mencapai umur 60 tahun mencarum sekurang-kurangnya RM5.00 sebulan atau RM60.00 setahun dan mana-mana suri rumah dan individu yang layak boleh membuat pendaftaran sebagai ahli KWSP atau i-SURI di mana-mana kaunter KWSP.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Seterusnya isu agak hangat ketika ini iaitu isu taska, pembinaan atau pembangunan pusat jagaan atau taska di tempat kerja telah menjadi satu keperluan yang penting pada masa sekarang terutamanya kepada wanita yang bekerja. Umumnya, objektif utama penyediaan taska di tempat kerja ini adalah bagi membolehkan kaum ibu atau wanita menjalankan tanggungjawab sebagai ibu tanpa meninggalkan tanggungjawab sebagai pekerja. Ia juga bagi menggalakkan lebih ramai tenaga mahir dan profesional di kalangan wanita untuk terus menyumbang dalam bidang masing-masing walaupun sudah berkahwin dan memiliki anak. Sama ada di peringkat persekutuan atau negeri, kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja bukan sahaja demi kepentingan pendidikan serta perkembangan awal kanak-kanak tetapi juga menjaga kepentingan kepada golongan berkerjaya. Pelbagai insentif telah diperkenalkan oleh kerajaan Persekutuan kepada mana-mana jabatan kerajaan atau syarikat swasta yang menubuhkan taska di tempat kerja ini. Antaranya melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyediakan insentif sebanyak RM200,000.00 bagi setiap agensi kerajaan yang menubuhkan taska di tempat kerja masing-masing. Selain itu, bagi syarikat swasta atau korporat pula, kerajaan melalui Kementerian Kewangan memberikan insentif melalui potongan cukai sebanyak 10% setiap tahun selama 10 tahun untuk membiayai kos penubuhan taska di tempat kerja. Melalui insentif ini, diharapkan akan memberi galakan kepada wanita untuk bekerja di samping memastikan anak-anak mendapat pendidikan awal yang berkualiti.

Selain itu, pemberian subsidi yuran pengasuh juga merupakan salah satu insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi memastikan ibu bapa khususnya di kalangan penjawat awam wanita tidak terbeban dengan kos sara hidup. Pemberian subsidi yuran ini diberikan kepada golongan penjawat awam yang berpendapatan isi rumah bawah RM5,000.00 sebulan. Kadar subsidi yang layak diberi adalah mengikut kadar yuran sebenar atau maksimum RM180.00 sebulan bagi seorang anak. Kadar subsidi ini dibayar terus kepada pengusaha taska oleh agensi di mana pegawai berkhidmat. Sekiranya yuran tersebut melebihi RM180.00, baki selebihnya akan ditanggung oleh pegawai berkenaan.

Kerajaan negeri Johor juga sangat komited untuk menyahut cabaran ini dengan menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja melalui penglibatan beberapa agensi kerajaan sama ada jabatan negeri, badan berkanun dan GLC. Jabatan kerajaan seperti Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mengambil inisiatif tersebut dengan penubuhan 2 buah taska iaitu Taska Bukit Timbalan dan Wisma Persekutuan sejak tahun 1999. Namun begitu, taska di Bukit Timbalan telah ditutup operasinya berikutan perpindahan pejabat dan kakitangan kerajaan negeri ke Pusat Pentadbiran Kota Iskandar pada tahun 2009. Manakala sebuah taska di Kota Iskandar akan ditubuhkan dalam waktu terdekat yang dijangka mampu memberikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak kepada penjawat awam yang bertugas di kawasan Pentadbiran Kota Iskandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pakatan Harapan telah prihatin, tetap prihatin terhadap kehidupan, kesejahteraan dan pembangunan wanita. Ini telah dibuktikan dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu Skim Caruman KWSP kepada suri rumah yang saya terangkan sebentar tadi. Bagi peringkat negeri Johor, selain 10 janji 100 hari dalam Manifesto Pakatan Harapan Johor, kerajaan Pakatan Harapan telah mengambil inisiatif dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan wanita, khususnya wanita yang bekerja selepas beranak. Dengan ini, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim akan

melancarkan satu kempen, iaitu Kempen *Mama Friendly*. Kempen *Mama Friendly* bertujuan untuk memupuk satu suasana yang mesra ibu dan kanak-kanak khususnya bayi yang menyediakan infrastruktur bilik khas ibu menyusu dalam sektor kerajaan dan swasta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri akan menyediakan bilik khas untuk ibu menyusu di bangunan-bangunan kerajaan di Kota Iskandar. Ini adalah satu langkah untuk menyediakan tempat yang sesuai untuk lebih daripada 580 orang para penjawat awam wanita yang ingin mengepam susu mereka semasa waktu bekerja. Menyedari realiti hari ini di mana kekurangan tempat yang sesuai untuk ibu-ibu yang berkerjaya, ingin mengepam susu badan dan ada di kalangan mereka yang terpaksa melakukannya di *pantry*, surau ataupun di dalam tandas. Kerajaan negeri terpanggil untuk menyediakan sebuah bilik khas yang dilengkapi dengan kelengkapan yang sesuai. Kerajaan negeri merancang untuk menyediakan bilik khas pertama di Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi. Berdasarkan kepada hasil kajian dan soal selidik yang telah dijalankan di bangunan tersebut, terdapat 69 orang wanita penjawat awam dan ibu yang bekerja di bangunan tersebut dan 67 daripada mereka akan menggunakan bilik khas tersebut untuk mengepam susu sekiranya ia disediakan. Manakala lebih separuh daripada responden menyatakan ketidakselesaan mereka terhadap ruang yang sedia ada. Inisiatif ini adalah merupakan sebahagian daripada agenda kerajaan negeri untuk menggalakkan penyusuan ibu untuk perkembangan dan kesihatan bayi-bayi. Kerajaan negeri juga amat berharap agar inisiatif ini dapat merangsang sektor swasta untuk turut sama menyediakan bilik khas, *nursing room* ini di tempat kerja sebagai tanda sokongan terhadap syor Kementerian Kesihatan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia agar ibu-ibu memberikan susu mereka kepada bayi semenjak hari kelahiran sehinggalah berusia 6 bulan ke atas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cuti kuarantin kepada ibu bapa di kalangan penjawat awam adalah sebagai mana diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2016 yang melayakkan pemberian cuti tanpa rekod sebanyak 5 hari bagi menjaga anak yang disahkan menghidap penyakit berjangkit termasuk HFMD. Walau bagaimanapun, Pekeliling ini tidak terpakai kepada pasangan suami atau isteri yang bekerja di sektor swasta atau GLC.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri Johor sebelum ini pernah menyedia dan membangunkan sebuah Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negeri Johor 1997 ke 2001 yang telah mengangkat, mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita di Johor. Mungkin sudah sampai masanya, kerajaan negeri perlu menyemak dan membangun semula Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negeri Johor yang baru dengan mengambil kira keperluan dan isu-isu semasa berkaitan dengan memperkasakan wanita. Menerusi Bajet Negeri Johor 2019 yang akan datang, kerajaan negeri akan memberi tumpuan terhadap beberapa perkara dan cadangan ini menyantuni dan memperkasakan kaum wanita di negeri Johor.

Berkenaan dengan isu penyertaan 30% wanita di peringkat pembuat dasar pula. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada statistik 2013 Malaysia pun mengatasi sasaran kuota 30% wanita di peringkat pembuat dasar dalam sektor awam dengan peratusan golongan wanita dalam kumpulan pengurusan tertinggi iaitu sebanyak 35.6% atau 1,419 orang pegawai wanita. Pegawai wanita adalah kumpulan majoriti iaitu 57.5% dalam perkhidmatan awam yang terdiri daripada kumpulan pengurusan tertinggi sehinggalah kepada pengurusan kumpulan pelaksanaan. Peratusan ini tidak termasuk polis dan tentera. Kerajaan negeri akan meneruskan usaha untuk menggalakkan lebih ramai wanita terlibat dalam membuat dasar di sektor swasta melalui pengenalan berbagai inisiatif termasuklah inisiatif bilik khas penyusuan ibu dan juga taska di tempat kerja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin beralih ke isu bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Yang Berhormat Yong Peng membangkitkan mengenai prosedur kajian semula bantuan JKM dan bantuan lambat diberikan kepada penerima. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasaran adalah bagi membantu mereka yang berkeperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna. JKM menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan kewangan kepada

golongan ini bagi pencegahan, pemulihan, perlindungan, pembangunan dan integrasi yang telah dilaksanakan melalui kerja sosial. Setiap penerima bantuan diterapkan amalan kerja sosial di antara penerima dan pekerja kes. Amalan ini bagi memastikan wujudnya perhubungan antara pekerja kes dan penerima bantuan. Semua bantuan kewangan yang diluluskan adalah hanya untuk tempoh 1 tahun. Kajian semula adalah syarat utama bantuan kewangan yang diterima sama ada dilanjutkan atau ditamatkan selaras dengan garis panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bilangan 3 Tahun 2018.

Bagi tujuan kaji semula, pekerja kes perlu mengeluarkan satu surat pemakluman awal serta borang JKM 20 kepada *client*, 3 bulan sebelum tempoh kelulusan tamat. *Client* hendaklah mengembalikan kepada pekerja kes dalam tempoh 2 minggu dari tarikh surat diterima. Dan perkara ini, semua telah dimaklumkan kepada penerima di awal bantuan diluluskan. Sekira kes uzur atau sakit, terlantar atau dengan urusan lain yang munasabah, pekerja kes akan membuat lawatan ke rumah dan menyediakan laporan siasatan kaji semula tersebut. *Client* boleh menghubungi pekerja kes pada bila-bila masa untuk penyelesaian perkara ini dan amalan ini telah diguna sebagaimana garis panduan yang telah ditetapkan. Tempoh kaji semula bantuan setiap 1 tahun adalah munasabah bagi takrifan kerja sosial, bagi menentukan tahap kemampuan *client* dari segi kesihatan, ekonomi keluarga, pekerjaan, tempat kediaman, taraf perkahwinan, taraf tanggungan terutama umur anak-anak dan lain-lain yang berkaitan. Adalah tidak berapa sesuai bagi amalan kerja kes untuk tujuan ini untuk tempoh sehingga 3 tahun bagi tujuan menilai perkembangan penerima bantuan. Bayaran bantuan akan disalurkan melalui bank ke dalam akaun *client* selewat-lewatnya pada 5 hari bulan, setiap bulan. Pemantauan dilakukan oleh pihak ibu pejabat Putrajaya. Bagi bayaran pertama akan diselaraskan melalui Tabung Bantuan Segera di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan boleh dibayar serta merta ini adalah tindakan jabatan untuk memastikan bayaran bantuan tidak lewat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yong Peng juga membangkitkan mengenai isu dasar mesra OKU. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, golongan Orang Kurang Upaya merupakan sebahagian daripada masyarakat oleh itu mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights base* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. OKU adalah seorang yang tidak mempunyai tidak keupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Salah satu langkah positif yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi berkaitan iaitu JKM ialah memperkenalkan Akta OKU 2008 hasil kerjasama yang amat rapat serta kongsi bijak bersama semua *stakeholder* termasuk warga OKU dan keluarga mereka. Badan bukan kerajaan berkaitan, agensi kerajaan berkaitan, para akademik dan lain-lain yang berkenaan.

Melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 dalam bahagian IV ada menyatakan Penggalakan Dan pembangunan Kualiti Hidup Dan Kesejahteraan OKU iaitu *kebolehaksesan* (Akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam).

Cadangan ini adalah kerana dalam Akta OKU 2008 ada menyebut bahawa OKU hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas asas kesetaraan dengan orang upaya, tetapi tertakluk kepada kewujudan atau kemunculan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan Orang Kurang Upaya.

Pihak PBT juga disarankan agar dapat menyedia mana-mana kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam hendaklah memberi pertimbangan yang sesuai dan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam itu menepati reka bentuk sejagat bagi memudahkan

akses kepada penggunaan oleh Orang Kurang Upaya terutamanya OKU berkerusi roda dan OKU penglihatan.

Kesimpulannya, cadangan wakil OKU sebagai Ahli Majlis PBT dari pihak Yang Berhormat adalah dialu-alukan dan disokong demi meningkatkan lagi kemudahan di kalangan OKU itu sendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Parit Raja membangkitkan mengenai 4 PDK yang telah diluluskan dalam Bajet 2018. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerja-kerja membina bangunan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Pemanis dan Kahang telah mencapai tahap 95 peratus siap. Sementara, PDK Parit Raja dan FELDA Nitar 2 pula, pembinaan PDK ini akan dibawa ke tahun hadapan iaitu tahun 2019.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu gelandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Larkin. Untuk makluman, bagi tahun 2017, terdapat 182 kes orang papa yang diselamatkan di sekitar Bandar Johor Bahru di mana daripada jumlah tersebut 52 orang adalah pengemis dan 159 orang adalah gelandangan.

Bagi tahun 2018 pula iaitu sehingga Julai 2018, sebanyak 61 kes dicatatkan dari 16 pengemis dan 49 gelandangan telah diselamatkan di sekitar Bandar Johor Bahru.

Untuk keseluruhan negeri Johor pula, seramai 52 orang pengemis dan 170 orang gelandangan telah diselamatkan sepanjang tahun 2017. Manakala, setakat Julai 2018 pula, seramai 84 orang papa yang telah diselamatkan iaitu terdiri daripada 24 orang pengemis dan 60 orang gelandangan.

Pihak JKM mengambil pendekatan mengadakan operasi bersepadu mencegah aktiviti dengan menyelamatkan golongan gelandangan, tanggungjawab ini juga bukan terletak di bawah JKM sahaja tetapi menjadi tanggungjawab bersama agensi lain antaranya PBT, Agensi Anti Dadah, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, pihak Imigresen serta Jabatan Agama Islam.

Daripada segi Penguatkuasaan, JKM juga menjalankan tindakan operasi secara ad hoc jika terima aduan. JKM di setiap daerah akan buat rondaan secara berkala atau berjadual di tempat yang berpotensi sering berlaku aktiviti pengemisan atau gelandangan.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga memasang bunting dan mengedarkan Poster dengan slogan “Bijak Membantu. Elak Tertipu”, di semua daerah.

Selain itu, inisiatif ini dibuat melalui khutbah Jumaat dengan kerjasama JAKIM.

YB Speaker : Dah 20 minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Akhir sekali**.** Yang Berhormat Tuan Speaker,sebelum saya beralih kepada isu pelancongan, izinkan saya untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Sungai Balang iaitu mengenai penyertaan wanita sebagai Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini, terdapat 24 orang wanita yang telah dilantik sebagai Ahli Majlis dalam fasa pertama pelantikan. Saya percaya terdapat ramai lagi wanita yang akan dilantik dalam fasa kedua nanti dan matlamat kuota 30 peratus wanita di peringkat pembuat dasar akan tercapai.

Saya memahami kebimbangan Sungai Balang berkenaan isu ini namun begitu, Pakatan Harapan telah mencipta sejarah apabila pelantikan wanita pertama Malaysia menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Di Johor juga, pelantikan Yang Berhormat Penggaram untuk mengisi kerusi Timbalan Speaker Dewan yang mulia ini adalah merupakan antara pengiktirafan Pakatan Harapan terhadap sumbangan wanita dan keseriusan Pakatan Harapan untuk menggalas inisiatif 30 peratus wanita di peringkat pembuat dasar.

Sungai Balang juga membangkitkan mengenai ketiadaan muka surat yang memfokuskan ke arah memperkasakan wanita kecuali KWSP 2 peratus dalam Buku Harapan. Saya tidak pasti sama ada Sungai Balang ini benar-benar membaca Buku Harapan atau tidak. Oleh sebab masa kesuntukan saya galakkan Sungai Balang untuk membaca dengan teliti.

Izinkan saya ke topik pelancongan. Untuk makluman...

YB Speaker : Sambung terus Yang Berhormat, lagi berapa minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : 2 minit.

YB Speaker : OK.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Akhir sekali, hasrat untuk menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan antarabangsa yang dinamik dan bernilai tinggi pada tahun 2023 tidak akan dicapai oleh kerajaan negeri tanpa usaha-usaha berterusan dan kerjasama serta sokongan daripada semua pihak terutamanya penggerak-penggerak industri pelancongan Negeri Johor.

Justeru itu, saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada penggerak-penggerak industri pelancongan Negeri Johor, pihak media dan juga NGO-NGO serta persatuan-persatuan yang terlibat.

Tidak dilupakan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Segala cadangan akan diperhalusi dan juga prihatin dengan perkembangan pembangunan wanita dan industri pelancongan negeri Johor. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat EXCO yang telah menyampaikan penggulungannya. Sekarang telah pukul 1.17 minit, kita telah menggunakan 17 minit waktu rehat Yang Berhormat sekalian. Tapi tak apalah sebab semalam pun dah rehat. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.18 minit tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penggulungan disambung semula. Seterusnya saya mempersilakan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Yang Berhormat Puan Speaker, **s**alam sejahtera dan Salam Harapan Johor. Pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam penggulungan hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, baik di pihak kerajaan atau di pihak pembangkang yang telah membangkitkan beberapa perkara berhubung kait dengan portfolio saya yang saya galas di bawah Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, sebelum kita menyentuh lebih jauh kepada isu-isu yang melibatkan rakyat, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya kepada rakyat negeri Johor kerana berani bangkit dan melakukan perubahan besar pada Pilihan Raya Umum yang ke-14 lalu. Ia satu detik yang cukup bersejarah buat kita semua. Buat julung kalinya

sejak merdeka, Barisan Nasional menjadi Pembangkang dan buat pertama kalinya juga Kerajaan Negeri Johor diterajui oleh Pakatan Harapan. (Dewan bertepuk).

Terima kasih kepada Rakyat kerana percaya Pakatan Harapan. Kami janji kami tidak akan sama sekali mengecewakan anda semua. Pelbagai program yang pro-rakyat sedang kita rangka dan ada sebahagiannya akan dilaksanakan juga dalam masa terdekat ini. Saya nyatakan dengan tegas di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kami di pihak kerajaan akan galas tanggungjawab dan amanah ini sebaik yang mungkin. Kita akan pastikan, kita dapat lakukan lebih baik daripada apa yang pernah BN lakukan sebelum ini!

Untuk pihak pembangkang yang baru, kritiklah kami dengan fakta dan janganlah sekali membangkitkan politik perkauman yang sempit. Kita hendaklah menyahut seruan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor agar rakyat di negeri ini hidup saling hormat-menghormati walaupun berlainan warna kulit, walaupun berlainan agama, agar kita dapat hidup dalam keadaan yang harmoni, aman dan damai. Mulakan era Malaysia baru ini dengan mengamalkan politik matang. Ayuh! Marilah kita semua, tidak kira kerajaan atau pembangkang, tidak kira apa jua bangsa dan agama. Bersama-samalah kita membina semula dan memajukan negeri Johor yang kami tercinta ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, ADUN Kemelah dan ADUN Mengkibol dalam perbahasannya mereka telah membangkitkan beberapa isu mengenai sektor pelaburan di Negeri Johor khususnya berkenaan dengan negeri Singapura.

Sukacita saya maklumkan di sini, Kerajaan Negeri juga mempunyai hubungan kerjasama yang kukuh dengan beberapa persatuan perniagaan di Singapura seperti *Singapore Business Federation* (SBF) dan *Singapore Manufacturing Federation* (SMF) untuk menarik pelaburan mereka ke Negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, saya selaku Exco yang bertanggungjawab ke atas portfolio ini akan mengetuai Misi Pelaburan dan Perdagangan Negeri Johor ke Singapura pada 27 Ogos 2018. Seramai 100 orang peserta dan bakal pelabur dari Singapura akan menghadiri misi pelaburan ini.

Manakala bagi cadangan Yang Berhormat untuk menubuhkan Johor Information Technology and E-Commerce Council bermodelkan Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC) di mana SITEC ini lebih kepada membangunkan Selangor sebagai hab perdagangan serantau untuk e-Perdagangan dan untuk meningkatkan ekosistem permulaan di negeri tersebut. Saranan Yang Berhormat ini, kami akan memandang serius dan dikaji dengan teliti oleh pentadbiran ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Sukacitanya juga saya ingin memberi maklum balas kepada persoalan yang dibangkitkan oleh YB ADUN Bukit Permai mengenai Rancangan Kawasan Khas (RKK Kulai Sedenak 2025). YB ADUN Bukit Permai bertanyakan berapa banyak peluang pekerjaan akan dijana hasil pembangunan di kawasan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, apabila RKK Kulai-Sedenak ini siap sepenuhnya pada 2025, jangkaan penduduk sekitar akan meningkat kepada 83,242 dan akan menjana sebanyak 77,500 peluang pekerjaan. Di mana 70% terdiri daripada Tenaga Mahir, 20% daripada Separa Mahir dan Pekerja Am 10%. Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa rakyat Malaysia akan diberikan keutamaan untuk memenuhi semua sektor yang saya sebutkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Puan Speaker, ADUN Kemelah juga ada membangkitkan masalah berkaitan pembangunan infrastruktur utiliti di daerah Segamat. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan Johor sentiasa menyokong untuk membangunkan Daerah Segamat sebagai kawasan Industri baharu yang telah digariskan sebelum ini. Dalam merealisasikan matlamat ini kemudahan infrastruktur yang lengkap dan berdaya harap adalah asas utama menarik pelabur-pelabur ke Segamat. Dalam Konteks Infrastruktur Bekalan Elektrik.

Pada masa ini bekalan elektrik di kawasan Industri Segamat menerima bekalan elektrik melalui Pencawang Masuk Utama (PMU) Bukit Siput yang jaraknya 9km dari kawasan Industri Segamat, di mana kapasiti penggunaan hanyalah 25% daripada kapasiti keseluruhan PMU tersebut. Kos yang tinggi yang perlu ditanggung oleh Pelabur untuk menyalurkan bekalan elektrik mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh TNB sepenuhnya.

Sebagai langkah proaktif, TNB sebagai pembekal elektrik utama di negara ini telah mengadakan beberapa kali perbincangan bersama pihak daerah Segamat dan juga pihak Johor Corporation selaku pemaju kawasan industri Segamat bagi merancang, membangun dan menaik taraf sistem bekalan elektrik. Hasil daripada beberapa siri rundingan tersebut pihak JCorp telah bersetuju untuk menyerahkan beberapa keping tanah bagi tapak pembinaan sebuah pencawang pembahagian utama PPU yang baru, dan seterusnya TNB juga akan melaksanakan pembinaan sebuah PPU baru dengan kos RM30 juta yang akan ditanggung sepenuhnya oleh TNB. Jangkaan tempoh untuk menyiapkan PPU ini adalah selama 24 bulan. Maka saya yakin pihak Majlis Daerah Segamat, Jabatan Kerja Raya, Johor Corporation pihak Koridor Utiliti Negeri Johor akan dapat bekerjasama dengan pihak TNB secara erat dalam merealisasikan pelaksanaan dan pembinaan sebuah PPU di Industri Segamat 2, Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, ADUN Panti telah menyentuh isu berkenaan akses Internet yang perlahan di kawasan pendalaman kerana ada sesetengah kawasan pendalaman yang tidak ada langsung akses kepada Internet. Sekali lagi sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah komited untuk menambah baik liputan jalur lebar di kawasan luar bandar, dari semasa ke semasa. Berbagai-bagai program infrastruktur telekomunikasi luar bandar telah dijalankan oleh SKMM bagi memastikan penduduk luar bandar turut mendapat kemudahan telekomunikasi dan jalur lebar sebagaimana penduduk di bandar.

Sehingga Ogos 2018, sebanyak 26,592 sambungan jalur lebar telah tersedia sepenuhnya di kawasan luar bandar. Manakala 17,756 sambungan jalur lebar masih di peringkat pelaksanaan. Manakala di bawah inisiatif perluasan liputan *cellular* dan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara telekomunikasi baru sebanyak 109 buah menara telah siap dibina dan akan beroperasi. Selain itu, 19 buah menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di kawasan-kawasan luar bandar, manakala sebanyak 452 buah menara telah di naik taraf kepada perkhidmatan 3G atau 4G dan 124 menara sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan. Pihak SKMM akan sentiasa menjalankan program seumpama ini secara berperingkat bagi memastikan kawasan luar bandar juga mendapat liputan telekomunikasi seiring dengan kawasan bandar.

Seterusnya juga saya ingin memberi respons yang dibangkitkan oleh ADUN Benut berkaitan penyelesaian alternatif berhubung pengurangan takrif air Johor dan penyelesaian kepada gangguan bekalan air di seluruh negeri Johor. Ingin saya sentuh di sini Yang Berhormat, bahawa adalah misi kerajaan Pakatan Harapan dalam polisi air untuk kita memastikan 3 perkara seperti yang kita janjikan. Pertama, kita janjikan kita akan memberi air percuma 10 meter padu kepada golongan sasaran B40. Itu kami telah laksanakan. Kedua adalah juga matlamat kita ataupun kita punya *goal* untuk memastikan dalam 5 tahun yang akan datang ini, negeri Johor akan dibekalkan dengan air yang bersih, bekalan yang mantap dengan kalau boleh minima gangguan bekalan air. Dan, ketiganya ialah matlamat kita adalah untuk semak semula dan juga kalau boleh turunkan tarif air Johor.

Maka, untuk isu-isu yang dibangkitkan seperti isu pengambilan SAJ, saya hanya nak berkata di sini bahawa itu bukan matlamat kerajaan negeri Johor. Yang penting sekali ialah kerajaan negeri sentiasa memantau rapat dan menyelesaikan apa juga masalah air yang berlaku untuk memastikan bekalan air di Johor adalah bersih daripada gangguan bekalan air. Dan oleh itu, bagi kita yang pentingnya ialah bagaimana kita boleh semak dan memastikan, pertama tarif Johor tidak naik. Kedua, kalau boleh bagaimana kita nak turunkan tarif air ini. Saya faham dari pihak sebelah sana selalu bangkitkan isu, kenapa kita

tidak beli SAJ. Jawapan saya senang saja, sebab itu bukan matlamat kita. Matlamat kita ialah turunkan tarif air, kalau boleh. Kalaulah ada kaedah yang lain yang tidak perlu kita keluarkan dana yang besar untuk beli SAJ, mengapa kita perlu beli satu syarikat yang sekarang nilai pasarannya SAJ Holdings adalah RM1 bilion di pasaran dunia.

Dan, kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rengit itu, dia kata kita ada 20% dalam SAJ Ranhill. Saya nak sebutkan di sini untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, SAJ Ranhill Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat Sdn. Bhd. ia bukan satu *public listing company.* Maknanya sesiapa pun faham kalau dia Sdn. Bhd. kita tidak boleh paksa dia jual, dia satu sistem di mana *willing buyer, willing seller.* Bayangkanlah kalau sekarang kita nak SAJ Ranhill Sdn. Bhd. jual saham mereka kepada kita, dia boleh keluar premium, dia kata saya boleh jual, mungkin 2 ganda, 3 kali ganda, 10 kali ganda. Adakah kita nak beli juga? Dan kalau kita guna duit tu beli syarikat-syarikat tersebut, bukankah dia akan memberatkan lagi hutang-hutang negeri. Oleh itu matlamat kita adalah kurangkan tarif air dan kita sentiasa dalam perbincangan dengan pihak-pihak terlibat seperti SPAN, seperti SAJ untuk keluarkan satu formula bagaimana kita boleh *reduce CAPEX* bagaimana kita boleh ada untuk memastikan ada kaedah untuk turunkan harga air tarif di Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini juga ADUN Kahang ada sentuh isu berkaitan projek bekalan air di Kampung Orang Asli Sedohok. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh yang terdekat kita akan bekerjasama baik dengan pihak KKLW untuk menyelesaikan masalah ini. Saya telah mendapat makluman daripada pihak SAJ, mereka tidak mempunyai apa halangan untuk menyalurkan bekalan air bersih kepada kampung-kampung atau di mana sahaja dengan syarat hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Seterusnya ADUN Machap membangkitkan masalah limpahan air yang berlaku di Simpang Renggam. Ia merupakan satu masalah yang berkaitan dengan isu tapak buang sampah yang boleh menyebabkan limpahan air *leachate* mengalir masuk ke Sungai Ulu Benut yang merupakan sumber air mentah bagi muka *saule* Loji Rawatan Air Simpang Renggam. Pelepasan air pecahan dari tapak pelupusan sampah ke dalam sungai adalah di luar kuasa atau bidang kuasa SAJ. Pelepasan air pecahan ini menyebabkan kandungan paras ammonia melebihi daripada 1 miligram per liter sebagaimana piawaian air mentah. Melalui rekod paras ammonia yang pernah melebihi paras 4 miligram per liter di *intake* Loji Rawatan Air Simpang Renggam, yang bila sampai tahap tersebut terpaksa menutup operasi loji.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini di pihak SAJ dan juga di pihak kerajaan isu-isu *operational* seperti kualiti air yang rendah sebegini adalah bersifat sementara dan kita dan SAJ bekerjasama sentiasa memantau tindakan ini untuk memastikan isu ini dapat diselesaikan seawal yang mungkin. Untuk menangani masalah ini kami juga ada meminta agar pihak SAJ lebih kerap bekerjasama dengan pihak JPS untuk melepaskan air daripada Empangan Machap secara berperingkat, mengikut tahap kandungan ammonia yang hadir di dalam air mentah dengan tujuan untuk merendahkan paras ammonia di dalam air mentah melalui kaedah pencairan *dilution* dan seterusnya loji boleh beroperasi secara normal.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu Jawatankuasa Kerja Khas akan ditubuhkan bagi memantau dan memastikan semua perancangan dapat dilaksanakan. Ahli Jawatankuasa ini akan terdiri daripada Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor, Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor (JPS), Syarikat Air Johor Ranhill dan juga SWM Corporation dengan harapan isu-isu di Simpang Renggam ini boleh diselesaikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat ADUN Sedili ada membangkitkan masalah air khasnya di FELDA Bukit Easter dan Gugusan FELDA Waha dan Bukit Waha di Kota Tinggi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan-kawasan tersebut menerima bekalan air daripada Loji Rawatan Air Lok Heng dan Sungai Sedili Kecil yang merupakan sumber air mentah bagi loji berkenaan.

Ketika musim perayaan kepadatan penduduk menyebabkan permintaan bekalan air meningkat hampir 50% daripada penggunaan pada hari biasa. Keadaan ini adalah disebabkan kehadiran ahli keluarga yang bersama-sama merayakan perayaan di kawasan terbabit dengan jumlah peningkatan sehingga 300%. Bagi usaha jangka masa pendek terutamanya ketika waktu puncak di musim perayaan, SAJ Ranhill telah disarankan untuk memasang *pressure reducer valve* di beberapa kawasan yang kenal pasti menerima tekanan tinggi supaya sistem bekalan air dapat diimbangkan di waktu puncak termasuk mengawal tekanan air pada waktu malam. Begitu juga dengan menjalankan tanggungjawab sosial dengan penyediaan tangki simpanan individu di beberapa kawasan yang kerap terputus bekalan air, pada musim perayaan yang lepas ini. Bagi mengatasi masalah bekalan air di kawasan untuk jangka masa panjang, kerajaan telah sarankan kepada SAJ untuk merancang untuk membina loji baru yang dijangka akan siap pada tahun 2020.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Maharani pula membangkitkan isu bekalan air di Muar yang memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan negeri. Daerah Muar merupakan rangkaian paip 1,958 kilometer di mana 35% daripadanya terdiri daripada paip asbestos simen yang telah berusia lebih daripada 25 tahun sehingga kini sebahagiannya masih dalam keadaan baik. Pihak SAJ sedang membuat program penggantian paip secara berperingkat dan seterusnya program ini dijangka selesai keseluruhannya hanya menjelang tahun 2025 dengan paip-paip UPVC *multilayer*, UPVC dan juga paip SUPV. Sistem bekalan air bagi daerah Muar dan juga daerah-daerah lain di reka bentuk untuk menampung permintaan bekalan air semasa dan juga permintaan pada masa-masa yang akan datang.

Komponen-komponen dalam sistem bekalan air tersebut adalah terdiri daripada loji rawatan air, rumah pam, tangki-tangki imbangan dan perkhidmatan dan juga rangkaian 12 paip air. SAJ mempunyai program penyelenggaraan pada komponen-komponen tersebut agar bekalan air dapat disalurkan secara berterusan dengan tekanan yang mencukupi serta kualiti yang tinggi. Untuk makluman, pada masa ini projek-projek yang sedang dilaksanakan di daerah Muar untuk mengatasi sebarang masalah air adalah seperti berikut:

1. Pembinaan Loji Rawatan Air Pagoh Baru berkapasiti 40 juta liter sehari yang bermula Februari 2018 serta pembinaan tangki imbangan Pengkalan Bukit C yang dijangka siap pada bulan September 2019 bertujuan bagi meningkatkan bekalan air di daerah Muar dan juga di kawasan-kawasan sepanjang Jalan Muar, Batu Pahat sehingga Semerah sepanjang Jalan Muar – Yong Peng sehingga Batu 20 Air Hitam dan juga kawasan Pagoh.

2. Kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Serampang daripada 4.5 juta liter sehari kepada 8 juta liter sehari yang dijangka siap pada Februari pada 2019 bertujuan bagi meningkatkan bekalan keseluruhan Bukit Serampang dan Bukit Kepong. Adalah dimaklumkan bahawa cadangan pembinaan tangki dan rumah pam di Bukit Naning adalah di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Pihak KPLB telah melantik juru perunding untuk mereka bentuk dan telah memanggil tender untuk projek ini. KPLB sedang menunggu kelulusan daripada EPU untuk pelantikan kontraktor. Sekiranya pam dan rumah tangki ini dibina ianya akan dapat meningkatkan tekanan air di waktu puncak dan juga musim perayaan di kawasan Mukim Air Hitam.

Puan Speaker, kerajaan negeri Johor sememangnya memberi perhatian yang serius terhadap pembekalan air di Johor. Ini terbuktilah dengan perjumpaan yang kerap sekarang di antara kerajaan negeri dan operator air SAJ Ranhill sejak kerajaan baru ini ditubuhkan. Selain daripada pemberian air percuma kepada rakyat yang layak seperti yang dijanjikan, kerajaan juga sedang bersama-sama memantau segala perkembangan dan perancangan yang dilakukan oleh SAJ Ranhill, malah kerajaan negeri dan SAJ Ranhill akan melaksanakan beberapa langkah, di antaranya seperti mengkaji struktur tarif dengan pihak berkenaan termasuklah Suruhanjaya Kawal selia Air Udara (SPAN). Kedua, merancang ke arah gangguan sifar atau *zero disruption.* Ketiga, langkah yang lebih agresif dalam

menurunkan kadar kehilangan air atau *non revenue water.* Ini semua adalah langkah-langkah yang sememangnya akan menjurus kepada kelestarian atau *sustainability* air di Johor.

Akhir sekali Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin memohon maaf ke atas sebarang kesilapan atau terlepas pandangan terhadap soalan-soalan mahupun cadangan-cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat berkaitan segala isu di bawah portfolio saya. Sesungguhnya saya telah sedaya upaya untuk memberikan maklum balas dan jawapan kepada setiap isu yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat cadangan atau soalan yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh Ketua-Ketua Jabatan di bawah portfolio saya. Saya juga ingin akhiri dengan satu pantun Puan Speaker. Bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun maaf dipinta. Akhir sekali, Bukit Batu saya mohon menyokong.

YB Timbalan Speaker : Seterusnya saya mempersilakan YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum dijawab, saya nak tanya Yang Berhormat Stulang, mana jaket? Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, bismillahirahmannirrahim, Yang Berhormat Timbalan Speaker, alhamdulillah, pada hari ini kita diberikan kekuatan dan kesihatan untuk bersama-sama menyokong perubahan serta pembaharuan. Besar harapan kita semua ianya akan berterusan bagi negeri Johor agar hasilnya dapat dimanfaatkan rakyat Johor. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Pertama, Dewan Negeri Johor yang Ke-14.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sesungguhnya sesi perbahasan ini mempunyai nilai yang tersendiri kerana kita bukan dipilih untuk berbahas semata-mata tetapi kita dipilih untuk membina harapan rakyat bersama-sama dengan menjunjung amalan demokrasi negara yang dipegang sejak kemerdekaan tahun 1957. Kita telah mengecapi kemerdekaan dan pembangunan yang selari dengan kehendak rakyat serta demi kelangsungan kemajuan negeri Johor. Sesi persidangan perbahasan kali ini adalah istimewa jika diperbandingkan kerana inilah persidangan julung kali di bawah kerajaan Pakatan Harapan Johor dan kita semua juga akan menyambut hari kemerdekaan kali yang ke-61 pada 31 Ogos nanti. Bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di dalam titah baginda yang ke-18 bagi menggalakkan lebih banyak pelabur untuk datang ke negeri Johor kerajaan bersedia menyediakan infrastruktur awam yang lebih baik, dasar yang konsisten dan inisiatif yang baik.

Yang Berhormat Speaker, bagi tujuan memperbaiki urus tadbir jabatan kerja raya dan agensi di bawah pentadbiran saya pelbagai langkah-langkah drastik telah diambil seperti terutamanya rombakan ahli-ahli panel jawatankuasa penilaian tender dan sebut harga, penukaran jawatan secara dalaman dan seterusnya jangka masa pengisytiharan senarai kedudukan kontraktor yang memasuki sesebuah tender atau sebut harga dipendekkan. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya kegiatan manipulasi dokumen. Arahan juga telah diberikan dan dikeluarkan kepada pegawai-pegawai kerajaan, tidak dibenarkan untuk berada di luar pejabat dengan aktiviti yang tidak diperlukan atau dibenarkan. Elakkan mundar mandir atau duduk bersantai di kafeteria atau warung-warung di tepi jalan kerana keadaan ini mencacatkan imej dan reputasi penjawat awam. Seterusnya, kita juga akan melaksanakan pelbagai taklimat atau kursus yang bersesuaian. Ini adalah untuk memperkasakan budaya kerja yang lebih baik, berintegriti dan berkonsepkan kepercayaan kepada Tuhan. Kursus-kursus yang bersifatkan teknikal akan dipertingkatkan lagi untuk tujuan menambah ilmu pengetahuan kakitangan yang berlandaskan perkembangan

teknologi yang terkini. Teknologi terlalu cepat berkembang dan berubah. Kiranya kita cuai dan leka, kita akan terus ketinggalan. Kebajikan para pekerja haruslah juga dititikberatkan. Ini untuk mengelakkan tiada sesiapapun dipinggirkan dan memberi keselesaan untuk bekerja dan secara tidak langsung menggalakkan bertambahnya produktiviti. Seterusnya untuk makluman, kita telah pun melaksanakan sistem tender terbuka. Pegawai kewangan negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua jawatan mengenai perkara ini dan dengan itu tercapailah salah satu manifesto Pakatan Harapan di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebagai sebuah kerajaan baru yang menyedari keluhan serta keperluan kontraktor-kontraktor di negeri Johor, kita telah memperkasakan kewujudan *Johor Center Of Construction Development* atau ringkasannya JCCD. JCCD ini sebenarnya penubuhan oleh Yang Berhormat EXCO yang terdahulu. Usaha beliau diteruskan dan dibuat penambahbaikan serta penyusunan semula. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Benut atas usaha sebelum ini. Selain daripada itu, kerajaan negeri dalam proses membangunkan satu sistem pengumpulan data secara berpusat, *data base*. Ini akan dilaksanakan secara talian dan diperkenalkan dalam masa yang akan datang. Sistem tersebut mempunyai maklumat-maklumat yang lengkap tentang pendaftaran kontraktor. Sistem perolehan tender atau sebut harga dan rekod-rekod pencapaian kerja kontraktor. Sistem ini bukan hanya diimplementasikan kepada jabatan kerja raya malah juga kesemua jabatan atau agensi yang terlibat yang beroperasi di negeri Johor. Langkah-langkah ini untuk memastikan hanya kontraktor yang berkualiti dan tulen boleh meraih tender dan sebut harga tersebut. Ini adalah bertujuan untuk meminimumkan kes kebarangkalian berlakunya aktiviti menjual projek ataupun aktiviti perniagaan ali baba.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menjawab dakwaan Yang Berhormat Kahang, kononnya bahawa sejak kerajaan Pakatan Harapan memerintah kontraktor kaum India terus dipinggirkan melalui kerja sebut harga oleh syarikat Infra Desa yang dimiliki 40% sahamnya oleh syarikat KPRJ milik kerajaan negeri. Ingin saya tegaskan di sini perkara ini adalah tidak benar sama sekali. Sebenarnya kita hanya baru ada 2 kerja berskala kecil yang telah dibuat keputusan. Tawaran sebut harga tersebut dibuat pada masa sebelum pilihan raya. Saya ingin memaklumkan pada minggu lepas terdapat beberapa tawaran sebut harga yang baru dan sudah hampir tarikh tutup sebut harga. Yang Berhormat Kahang janganlah bimbang, kerajaan baru Pakatan Harapan akan memastikan kaum India juga diberi peluang meraih kerja-kerja kecil tetapi tiada jaminan untuk kontraktor kroni pemimpin MIC.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi menjawab masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, jurutera profesional, memang terdapat 7 pakej kerja menaik taraf jalan dan persimpangan Jalan FT 92 dari *Desaru ke Petronas Integrated Petroleum Contract, PIPC*. Pakej ini melibatkan 6 syarikat yang berbeza. Maklumat mengenai kosnya sahaja menelan perbelanjaan hampir RM2 bilion. Jadi, betullah keluhan tersebut bahawa progress kerja tidak meyakinkan kerana hanya ada satu sahaja pakej kontraktor yang telah siap sedangkan satu lagi pakej *so-so, par* saja, dan yang selainnya semuanya lambat, istilah lambat atau lemaulah. Kebimbangan tentang keupayaan syarikat kontraktor yang mendapat kerja ini bukan sahaja dipertikaikan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat malah ianya menjadi isu yang hangat di kalangan ahli-ahli Persatuan Kontraktor Negeri Johor. Mereka mempersoalkan, mempertikaikan bagaimana kontraktor-kontraktor yang dikategorikan cap ayam yang kurang rekod kerja bernilai besar diberi peluang mendapat kerja secara reka dan bina pula dan harga ini ditentukan secara rundingan terus. Nama syarikat pun tidaklah popular dan tidak pernah didengar sebelum saya menjawat jawatan EXCO. Didapati alamat 3 buah kontraktor juga dipertikaikan iaitu di Bandar Baru Uda dekat-dekat saja yang terkenal sebagai satu destinasi pusat sewaan lesen kontraktor yang sangat popular. Maaf saya tidak menuding jari kepada EXCO yang lama di Johor atau JKR Negeri Johor kerana saya tahu proses perolehan dan pemilihan diadakan oleh kerajaan pusat. Kalaulah sedemikian rupa, tak payah jadi kontraktor jadi broker maut pun boleh kaya. Dari broker maut boleh beli gelang tangan, boleh beli macam-macamlah, beg tangan mahal pun boleh. Kalau kita ada duit macam gitu jadi broker maut kita boleh belikan isteri kita tiara eh. YB Sungai Balang tahu tiara? Tiara ini macam *crown* boleh pakai kat rumah ambil gambar.

Yang Berhormat Puan Speaker, selama hampir seminggu sidang perbahasan dijalankan, banyak permasalahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat kawasan menuntut peruntukan untuk membina jalan baru, menaik taraf jalan, pemasangan lampu jalan, permohonan pembinaan jambatan, pembinaan *speed breaker* dan bermacam-macam lagi berkaitan dengan jalan. Kami faham hasrat yang baik Ahli-Ahli Yang Berhormat semua adalah untuk rakyat kawasan masing-masing. Namun begitu, kita mempunyai mekanisme untuk dipertimbangkan yang mana satu yang perlu diberikan keutamaan mengikut bajet yang kita ada. Sudah tentu keselamatan nyawa rakyat lebih diutamakan. Oleh yang sedemikian, jalan-jalan menjadi punca berlakunya kehilangan nyawa akan diberikan keutamaan. Dasar ini, dasar meletakkan keutamaan ini yang tidak dipolitikkan. Bolehlah memberi salam gembira kepada Yang Berhormat Semarang tetapi tak ada pula, dia tak boleh gembira ini hari.

Atas dasar rasa tanggungjawab ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan hasrat kerajaan Johor untuk memohon bajet tambahan bagi kerja-kerja menaik taraf Jalan Kluang ke Batu Pahat, FT 50 kepada Menteri Kewangan semasa kunjungan rasmi menteri pada 29 Julai yang lalu. Jawapannya amatlah positif dan sama-samalah kita mendoakan agar ianya menjadi kenyataan. Sebenarnya Yang Berhormat Parit Raja dan Yang Berhormat Mahkota pun boleh tumpang senyum gembira sebab lalu kawasan dia. Dan jangan lupa kalau dapat potonglah kambing untuk Ahli Dewan semua.

Yang Berhormat Speaker, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat permohonan yang tidak dapat dipenuhi, kami mohon maaf sebab kita punyai kekangan bajet. Menurut rekod lama kerajaan negeri hanya memperuntukkan lebih kurang untuk pembangunan RM150 juta dan untuk pembangunan bajet daripada pusat lebih kurang RM300 juta lebih. Ini bermakna kita perlukan bajet tambahan untuk kerja-kerja khas. Di sini kita perlukan pertolongan dari kerajaan pusat. Kita kena faham bahawa kerajaan persekutuan juga kekurangan dana yang cukup untuk membantu nanti kalau saya cakap, mestilah sebut, ai, ini biasalah, alasan. Tapi ingat, kita kena fahami semasa pemimpin Pakatan Harapan membuat manifesto dan bajet Pakatan Harapan, kami bersandarkan angka-angka pendapatan negara yang telah diberikan oleh mantan Menteri Kewangan. Kesilapannya, tanggungan hutang negara yang perlu dibayar disorokkan terutama melalui syarikat IMDB. Setakat ini negara terpaksa membayar RM7 bilion dan hutangnya akan mencecah RM50 bilion tetapi berbayar secara berperingkat. Dulu kata hutang IMDB tidak pakai duit rakyat, siapa yang menipu? Kita kena tipu, rakyat kena tipu, Yang Berhormat di sana pun kena tipu. Mana kita tak kena tipu? Kes ini tidak boleh dibahaskan di Dewan Rakyat. Dalam kabinet pun tak boleh dibincangkan. Demokrasi apa namanya?

Berapa orang menteri kabinet telah menjadi mangsa termasuklah Yang Berhormat Gambir merangkap Ahli Parlimen Pagoh. Bayangkahlah, bila sebuah siasatan dijalankan dan serbuan ke rumah-rumah mantan Perdana Menteri, barang-barang kemas, beg tangan, aksesori wanita yang terlalu mewah bernilai lebih RM1 bilion dijumpai, kalau menabung dari kecil sampai umur 1,000 tahun pun belum dapat nilai tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi memenuhi janji manifesto Pakatan Harapan Negeri Johor dalam masa 5 tahun iaitu salah satunya ialah memperbaiki kualiti dan rangkaian pengangkutan awam. Kerajaan sangat komited terhadap bidang pengangkutan bas awam, teksi, kereta sewa, feri penumpang, kereta api dan kapal terbang. Sistem teksi e-Hailing akan diperkenalkan untuk memastikan perkhidmatan teksi mampu bersaing dengan perkhidmatan *Grab*.

YB Timbalan Speaker : Ya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Sistem teksi *e-Hailing* akan diperkenalkan untuk memastikan perkhidmatan teksi mampu bersaing dengan perkhidmatan *Grab*. Begitu banyak perbincangan dan sesi dialog terbuka telah diadakan antara PAJ dengan pemandu teksi dan juga saya sebagai EXCO. Sebenarnya

kalau ikut maklumat dia cakap, sayalah EXCO pertama yang berani berdepan dengan, berdialog dengan Persatuan Pemandu Teksi.

Satu tabung kebajikan untuk pemandu-pemandu teksi dan kereta sewa akan dilancarkan bagi membantu sedikit kebajikan mereka.

Bas harapan akan berperanan menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar dengan sistem kereta api landasan berkembar serta stesen-stesen jajaran sistem yang baru yang sedang dalam kajian awal untuk menggantikan sistem BRT telah dirancang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, projek landasan berkembar akan diteruskan dengan cadangan penambahan 3 buah stesen baru dari Senai iaitu Senai, Impian Emas dan Stadium Larkin bagi membolehkan perkhidmatan kereta api komuter dari Senai ke Johor Central. Bandar-bandar baru ini akan diwujudkan di setiap stesen ini yang akan memberi peluang pemilikan kepada generasi muda dan mereka-mereka yang masih belum memiliki rumah.

Pembinaan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) akan diberi keutamaan pembinaannya di setiap bandar-bandar baru ini. Projek ini akan memberi impak ekonomi yang besar kepada negeri Johor.

Satu kompleks bersepadu di stesen kempas dicadangkan melibatkan kereta api, bas ekspres, teksi, kereta sewa, pusat membeli belah dan pusat komersil akan turut dibina. Cadangan ini perlu mendapat persetujuan daripada kerajaan pusat yang melibatkan "proses *swap*" tanah dengan mengalihkan operasi stor, *maintenance* KTMB dipindahkan ke Tanah di Kawasan Layang-Layang ataupun Mengkibol.

Yang Berhormat Tuan Speaker, projek RTS akan terus dikekalkan dengan cara perbelanjaan yang berkhemah, di mana telah menelan belanja RM1.4 Bilion untuk kerja infrastruktur dan pembelian gerabak serta sistem signal. Kos keseluruhan dianggarkan lebih kurang RM4 bilion.

Yang Berhormat Tuan Speaker, melihat kecemerlangan ekonomi negara Singapura yang tiada hasil bumi, ekonomi mereka bergantung kepada kecekapan urus tadbir dan juga pelabuhan-pelabuhan yang dibina. Kerajaan kita juga mempunyai 3 buah pelabuhan yang tidak kurang kemudahan asasnya untuk bersaing.

Asas persaingan sudah tentunya melibatkan kualiti dan kecekapan pengoperasian semua pelabuhan tersebut. Menyedari situasi sebegini rupa, kerajaan mengambil pendekatan untuk sama2 terlibat dalam usaha untuk memperkasakan operasi pelabuhan kita.

Beberapa siri taklimat dan mesyuarat bagi tujuan mengenal pasti masalah serta memikirkan langkah-langkah yang perlu diambil secara jangka panjang dan jangka pendek.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mutu perkhidmatan kereta api kargo yang dikendalikan oleh KTMB perlulah dikemas kini dan di naik taraf bagi menghubungkan ketiga-tiga pelabuhan tersebut. Isu hal kelewatan kepala kereta api lokomotif yang kerap rosak perlu ditangani untuk memastikan kargo tersebut sampai ke destinasi mengikut jadual asalnya. Apabila kelewatan ini berlaku, kargo–kargo tersebut tidak dapat di *loading* ke kapal pada waktu ditetapkan. Akhirnya tuan punya syarikat kargo tersebut menanggung kerugian dan hilang kepercayaan untuk menggunakan perkhidmatan tersebut. Mereka memilih pengangkutan lori sebagai jalan alternatif. Ini mengakibatkan Lebuh raya Pasir Gudang dipenuhi oleh lori–lori yang tidak sepatutnya.

Kejadian ini juga mengundang risiko berlakunya kemalangan ngeri disebabkan pemandu2 lori tersebut mengejar masa dan trip. Kos penyelenggaraan lebuh raya pun bertambah disebabkan kehadiran lori–lori berat tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mutu perkhidmatan lapangan terbang di Senai akan terus dipantau dan diperhalusi dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senai.

CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) yang menjadi pintu masuk ke negeri Johor terus diberikan perhatian melalui Jawatankuasa Khas Pemantauan yang telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Stulang dan Yang Berhormat Perling. Isu kesesakan dapat diminimumkan melalui perlaksanaan kertas–kertas cadangan termasuk mewujudkan satu agensi tunggal yang mengawal keseluruhan aktiviti kedua-dua kompleks ini. Agensi tunggal ini akan diberi peranan untuk mengarah dan menyelaras kesemua aktiviti dan jabatan yang beroperasi di sini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, aktiviti di Perairan Negeri Johor yang selama ini dipantau oleh Jabatan laut Wilayah Selatan, juga diberi perhatian yang agak serius. Kerajaan akan membuat kertas-kertas cadangan untuk mengutip cukai daripada segala aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan 3 batu nautika termasuklah aktiviti STS *(Ship to Ship Transfer)* dengan izin, *Bunkering, Fresh Water* dan sebagainya bagi tujuan penambahan kutipan jenis hasil yang baru. Sebuah jawatankuasa khas turut ditubuhkan dan diketuai oleh Yang Berhormat Pekan Nenas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan juga komited memastikan kemudahan infrastruktur untuk penganjuran SUKMA 2020 ini berjalan lancar. Lawatan kerja telah diadakan bagi memantau *progress* projek dan segala laporan terus kepada saya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi merancakkan aktiviti ekonomi pelancongan di daerah Mersing, Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar telah mengumumkan satu cadangan untuk membina sebuah landasan kapal terbang. Pemilihan daerah ini menunjukkan keikhlasan kerajaan Pakatan Harapan yang tidak terlalu memikirkan aspek kepentingan politik sahaja. Seperti sedia maklum YB kawasan ini diwakili oleh Adun Bebas dan Adun Barisan Nasional.

Yang berhormat Tuan Speaker, keputusan PRU yang lalu haruslah diperhalusi dan dijadikan sebagai iktibar bagi kedua dua pihak parti kerajaan dan pembangkang. Yang diberi kuasa janganlah lupa asal usul kita, yang kalah haruslah bermuhasabah diri, dan pegawai-pegawai awam perlulah mengambil pengajaran dan tindakan yang positif dari sejarah ini.

Akhir kata, marilah kita sama–sama membina sebuah bangsa dan tamadun yang hebat khasnya rakyat Johor. Hidup hanya sementara, takutlah kepada Tuhan, Allah dan percayalah tentang wujudnya hari pembalasan. Segala yang baik dibalas dengan baik dan yang mungkar akan menerima hukumannya. Salam harapan Rakyat Johor. Saya nak mengakhiri dengan pantun. Selalu abang saya berpantun, hari ni kali pertama saya nak berpantun. (Dewan ketawa).

YB Timbalan Speaker : Ha, sila, sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Boleh ya Yang Berhormat? Daun kari daun keladi, tiru sikit yang tadi. Jangan lari, ada 4 tahun lagi. Saya mohon menyokong. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan.

Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat, salam sejahtera, salam Perpaduan dan salam Harapan. Saya bersyukur kerana berpeluang untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan hari ini.

Puan Speaker, ucapan penggulungan saya ini merangkumkan ucapan penggulungan untuk Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan. Saya juga akan menjelaskan beberapa perkara penting yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Kita akan meneliti dan mempertimbangkan dengan sewajarnya semua pandangan, teguran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan dengan penuh keikhlasan dan tanggungjawab. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menyentuh dan bangkit isu-isu modal insan, kepenggunaan dan lain-lain perkara di bawah tugas saya. Tanpa membuang masa, saya terus jawab soalan-soalan yang diajukan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Benut membangkit isu peluang pekerjaan 200,000, bolehkah ia dapat direalisasikan? Memandangkan beberapa projek besar diberhentikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, pelbagai projek mega dalam peringkat pembinaan di Johor ini, di unjur menyumbang limpahan ekonomi secara berterusan kepada Johor untuk beberapa tahun akan datang termasuklah peluang pekerjaan. 200,000 peluang pekerjaan bukan sekadar angka yang diangkat tanpa di nilai dan dikaji. Ratusan ribu peluang pekerjaan, lonjakan nilai hartanah, pemindahan teknologi dan kemasukan industri berdaya maju adalah limpahan manfaat bakal dinikmati rakyat Johor antaranya menerusi projek Forest City, Iskandar Puteri, Pengerang, Pontian, Mersing dan banyak lagi.

Pelaksanaan projek mega di Forest City ini adalah pemangkin yang menjadi teras kepada pertumbuhan ekonomi di bahagian barat daya Johor. Antara kemajuan yang sedang rancak berlaku di Forest City ialah pembangunan *resort* golf bertaraf antarabangsa, hotel bertaraf lima bintang dan unit rumah. Selain daripada Forest City, projek di Iskandar Puteri ini masih diteruskan dengan aura pembangunan pintar dan hijau dapat dirasai. Iskandar Puteri melambangkan jiwa baru dalam era pemodenan Johor hari ini, bukan sahaja menjadi bandar raya maju, moden dan terbaik malah simbol ingatan berkekalan rakyat kepada sejarah Johor.

Pada bulan Julai yang lalu, saya bersama Unit Swadaya Insan Negeri Johor telah mengadakan sesi lawatan di Medini 7 bagi melihat lebih dekat perkembangan pembangunan yang diuruskan tadbir oleh i2m Ventures Sdn. Bhd di bawah program GBS ISKANDAR. Sewaktu sesi perbincangan telah dimaklumkan kepada saya, terdapat empat (4) syarikat baru akan bertapak di sini dengan menawarkan peluang pekerjaan berkualiti. Untuk jangka masa 4 atau 5 tahun ke depan lebih kurang 14,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan hanya di Iskandar Puteri tidak termasuk kawasan lain di seluruh Johor. Pada tahun ini juga, pada bulan Jun 2018, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah merasmikan pelancaran Medini 9 yang merangkumi bangunan pejabat premium 21 tingkat yang sudah pun mempunyai syarikat penyewa di antaranya Deluxe Game, DHL, Fujikura dan banyak lagi.

Kemudian kita lihat pula di Pengerang, yang dahulunya sebuah kawasan perladangan dan kampung nelayan. Kini membangun dengan pesat dengan adanya projek Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC). Pembangunan PIC bukan sahaja memberi kesan menyeluruh di kawasan itu, malah limpahan ekonomi hiliran kepada komuniti setempat. Kemudian, pembangunan Desaru Coast sehingga Tanjung Balau berkaitan projek pelancongan bertaraf antarabangsa dengan jenama terkenal kini sedang rancak berlaku. Antara pembinaan Hotel Anantara, Hotel Hard Rock Cafe, Desaru Coast Adventure Water Park dan pelbagai lagi. Bagi fasa pertama pembangunan ini bakal membuka peluang pekerjaan lebih kurang 1,700 dan keseluruhannya ialah 4,000 menjelang tahun 2021. Dan saya sendiri akan turun melihat perkembangan pembangunan di Desaru ini pada September nanti dan akan berkongsi kepada tuan puan yang berbahagia bagaimana dan setakat mana progres yang berlaku di sini. Malah, jika kita melihat perkembangan yang berlaku di Johor dengan percambahan pembangunan mega pusat membeli belah seperti Paradigm Mall, Mid Valley SouthKey MegaMall yang sedang dibangunkan, Bangunan Capital 21 yang mempunyai

taman tema tertutup yang terbesar di Asia Tenggara. Ini bukan sahaja menjanjikan keseronokan malah peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Kita sebagai kerajaan negeri bukan sahaja bercakap kosong ataupun menyatakan sesuatu yang mustahil untuk dicapai dek akal, apatah lagi sekadar berpeluk tubuh. Namun gerak kerja ke arah mencapai objektif sasaran 200,000 peluang pekerjaan yang sedang diperhalusi. Di negeri Johor ini, Unit Swadaya Insan Negeri Johor merupakan satu unit yang bertanggungjawab bagi menguruskan hal-hal berkaitan pembangunan sumber manusia di negeri ini khususnya. Oleh itu, untuk makluman YB Puan Speaker, saya, Unit Swadaya Insan Negeri Johor dan agensi-agensi berkaitan telah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menghalusi gerak kerja ini. Beberapa inisiatif yang akan dipraktikkan telah ditetapkan dan akan di maklumkan secara umum pada masa terdekat ini. Kerajaan Pakatan Harapan Johor juga bercadang untuk memajukan Mersing seperti yang diberitahu tadi oleh EXCO Kerja Raya. Oleh sebab projek ini kita pun harap sebanyak 10,000 pekerjaan di bidang pelancongan dan juga *service aircraft* di bidang itu kita harap kita boleh mewujudkan 10,000 pekerjaan. Dan juga mulai 1 Januari 2019, Jabatan Laut Wilayah Selatan akan menguatkuasakan satu undang-undang di mana hanya kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia sahaja boleh beroperasi di Malaysia. Ini memberikan peluang pekerjaan yang baru iaitu lebih kurang 6,000 pekerjaan. Hal ini adalah kerana terdapat syarat bahawa hanya pekerja tempatan yang boleh bekerja di atas kapal-kapal tempatan. Selain daripada itu, manifesto Pakatan Harapan 5 tahun pun ada tulis bahawa satu koridor Johor Utara akan diwujudkan di mana peluang pertanian, penternakan agro-tourism boleh dibina dan ini juga akan memberi peluang pekerjaan kepada pemuda-pemudi di negeri Johor.

Selain daripada itu, EXCO-EXCO lain serta kerajaan negeri Johor bersama Menteri Besar juga berusaha untuk menarik pelaburan teknologi tinggi. Secara tidak langsung kita menjangkakan 200,000 peluang pekerjaan berkualiti yang diadakan ini juga akan menarik semula warga Malaysia yang bekerja di Singapura untuk bekerja di negeri ini sebagai yang menjadi kebimbangan Yang Berhormat Benut. Usaha untuk menarik semula mereka yang bekerja di Singapura ini memang sentiasa dipandang kritikal oleh kerajaan negeri Johor. Termasuklah isu *brain drain* yang dibawa oleh Yang Berhormat Pulai Sebatang. Tidak dinafikan penghijrahan anak-anak muda ke bandar-bandar besar seperti Singapura dan Kuala Lumpur memperoleh peluang pekerjaan yang lebih lumayan telah menimbulkan isu *brain drain* di kawasan-kawasan luar bandar seperti Pontian.

Potensi industri setempat perlu dikukuhkan dahulu sebelum peluang pekerjaan dapat disediakan. Walaupun pada dasarnya kita harapkan belia-belia kita yang boleh dilatih mahupun sudah bekerja dapat memindahkan ilmu dan pengetahuan mereka ke tempat asal mereka. Ekosistem modal insan itu perlu diwujudkan dahulu supaya dapat mengimbasi keperluan mereka untuk berpindah ke kawasan tersebut. Secara umumnya yang saya boleh kongsikan secara ringkas ialah kita pun ada nampak lebih kurang 100,000 pekerjaan yang sudah ada dianggarkan tapi usaha-usaha lain selama 5 tahun kemudian harap 100,000 pekerjaan lagi boleh diwujudkan khususnya pekerjaan berkualiti yang akan diwujudkan ini diselidik secara holistik dan terperinci untuk memastikan penghasilan peluang pekerjaan yang berpotensi dan berkualiti tinggi. Selain daripada itu, kita juga berhasrat untuk memperkasakan lebih banyak program latihan yang melibatkan *big data processing* dan pembangunan bakat digital selari dengan pembangunan industri negeri Johor ke arah Revolusi Industri 4.0.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Kahang telah menanyakan mengenai usaha kerajaan negeri Johor dalam membawa suara hati Johor berkaitan isu pekerja asing di peringkat kerajaan Persekutuan. Sidang Dewan sudah pun maklum bahawa peralihan pentadbiran kerajaan pada bulan Mei yang lalu memperlihatkan kebanyakan prosedur dan sistem yang dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu kini disemak dan dikaji semula bagi memperlihatkan keberkesanannya. Begitu juga dengan Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing yang dipengerusi oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia sebelum ini telah pun diberhentikan seketika sebagaimana yang dimaklumkan oleh wakil Kementerian Dalam

Negeri di dalam Mesyuarat *Task force* Pengurusan Pekerja Asing Negeri Johor pada bulan lepas. Manakala satu Jawatankuasa Khas pula ditubuhkan bagi mengkaji pengurusan pekerja asing termasuklah isu kemasukan pendatang asing tanpa izin, PATI di negara ini.

Cadangan dan idea sedang ditimbangkan dan semalam pun Perdana Menteri ada mengeluarkan kenyataan mengenai pekerja asing. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia, kuasa mengurus isu pekerja asing dipertingkat kerajaan negeri hanya terletak kepada pihak PBT sahaja. Seterusnya kita telah mendapatkan persefahaman dengan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Negeri Johor untuk bersama-sama menggembleng usaha memastikan pihak PBT melaksanakan fungsinya sebagai sebaiknya untuk membanteras isu-isu penempatan pekerja asing di kawasan masing-masing. Kerjasama dan komitmen daripada semua 16 PBT negeri Johor dijangka akan digabungkan dan dibawa dalam bentuk resolusi kerajaan negeri Johor kepada kerajaan persekutuan sebagai usaha sama menyokong usaha kerajaan baru mengatasi isu lambakan pekerja asing termasuklah PATI ke dalam negara ini. Kita harapkan hubungan sinergi bagai dakwat dengan kertas di peringkat kerajaan negeri dan persekutuan ini dapat meningkatkan kesejahteraan di kalangan rakyat Malaysia dan rakyat negeri Johor secara khususnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Kahang dan Yang Berhormat Tiram juga membangkitkan isu kontraktor India bagi kontrak-kontrak kecil. Setakat pengetahuan kerajaan Pakatan Harapan Johor, tiada sebarang arahan dikeluarkan oleh kerajaan pusat untuk berhenti kontrak-kontrak kecil kepada kontrak-kontrak masyarakat India. Saya sesungguhnya percaya bahawa ini adalah merupakan salah faham dan kejahilan segelintir pegawai di Pejabat Pendidikan di daerah-daerah tertentu. Saya telah pun membawa perkara ini kepada perhatian Menteri Pendidikan dan kontrak-kontrak bagi sekolah-sekolah adalah di bawah kerajaan pusat dan kami harap perkara ini akan diselesaikan secepat mungkin dengan *outcome* yang positif.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Kahang dan Tiram juga membangkit isu tempat upacara akhirat di Pasir Gudang. Mengenai soalan berkenaan tempat upacara akhirat di Tanjung Langsat Pasir Gudang, saya ingin menyatakan di sini bahawa semuanya adalah teratur dengan tanah upacara akhirat tersebut. Saya telah pun mengadakan satu perjumpaan dengan YDP Pasir Gudang dan bincangkan perkara ini. Satu perjumpaan juga diadakan dengan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian mengenai isu ini dibawa ke Mesyuarat MMK. Sekarang hanya kelulusan MMK dinantikan. Perkara ini akan diselesaikan secepat mungkin dan projek ini akan diteruskan.

Yang Berhormat Penawar juga bangkit isu berkaitan dengan peluang pekerja asing dan pagi tadi saya sudah pun jawab mengenai isu-isu pekerjaan wanita.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Penawar juga merujuk kepada kos isu kos sara hidup yang akan meningkat selepas SST diamalkan. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan di sini bahawa di bawah SST hanya 6,400 barang sahaja akan dikenakan cukai. Manakala 11,197 barang telah dikenakan cukai di bawah GST. Mengikut *CPI Basket*, 60% barangan dikenakan cukai di bawah GST manakala hanya 38% barang sahaja dicukai di bawah SST dan lagi pun di bawah GST, kerajaan anggarkan kutipannya ialah RM44 bilion, manakala SST pula anggarannya ialah RM23 bilion sahaja. Ini menunjukkan bahawa rakyat akan bayar cukai yang lebih kurang hanya, lebih kurang 50% sahaja. Jadi, ini menunjukkan bahawa rakyat ada lebih wang di tangan mereka untuk belanja. Jadi, isu kos sara hidup tak akan naik.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Penawar juga menyentuh isu berkenaan perancangan mengenai kos sara hidup selepas SST. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPDNHEP akan melaksanakan pemantauan harga secara berterusan dan tindakan penguat kuasa di atas premis-premis perniagaan di seluruh negara untuk memastikan tiada aktiviti manipulasi harga oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab.

1. Pegawai-pegawai penguat kuasa akan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap para peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga dalam kadar yang tidak munasabah.

2. Dengan gerakan pemantauan harga bagi barangan dan perkhidmatan secara intensif di seluruh negara sejak 24 Mei 2018 bagi melihat perubahan harga sebelum ini dan selepas peralihan iaitu GST 6% kepada 0%.

3. Melaksanakan Gerak Gempur Operasi Catut 5.0 melalui operasi penguatkuasaan di atas sektor peruncitan di seluruh negara secara bersepadu dengan kerjasama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan pihak PBT di bawah bidang kuasa masing-masing.

Yang Berhormat Penawar juga bangkit isu penipuan harga. Yang Berhormat, Yang Berhormat Penawar juga mengutarakan soal berkenaan kawalan harga dari segi penipuan harga. Untuk makluman sidang Dewan, kementerian telah mengatur beberapa langkah bagi menangani isu harga barang serta kawalan dari segi penipuan harga seperti berikut :

1. Melakukan penguatkuasaan tegas di bawah Akta kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga atau pencatutan melalui peraturan-peraturan kawal harga dan anti pencatutan 2018 yang mula dikuatkuasakan pada 6 Jun 2018.

2. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan pencatutan di bawah OPS Catut yang telah dimulakan pada 1 Januari 2015 hingga kini meliputi seluruh rantaian pengedaran barangan dan perkhidmatan.

3. Mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21, Akta yang dikuatkuasakan dengan tegas di atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan penjelasan.

4. Menguatkuasakan perintah kawalan harga, penandaan harga oleh penjual runcit 1993 bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga.

5. Menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas secara berkala di seluruh negara di bawah program pemantauan harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian.

6. Mengadakan Libat Urus, *engagement* untuk memberi penjelasan kepada peniaga-peniaga.

7. Menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga untuk diambil tindakan oleh kementerian.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Kahang dan Yang Berhormat Parit Raja juga menyoal mengenai pembangunan di Tabung Latihan Kemahiran Johor (TLKJ). Usaha kita untuk meningkat kerajaan negeri ini untuk menjadikan negeri Johor antara negeri yang berpendapatan tinggi menyaksikan wujudnya pelbagai inisiatif yang melibatkan kemasukan aktiviti ekonomi yang tidak hanya tertumpu di pusat bandar tetapi di seluruh daerah di negeri Johor.

Hasil daripada kemajuan pesat ini, maka berlaku peningkatan permintaan tenaga kerja mahir. Pekerjaan berkemahiran tinggi amat diperlukan terutamanya dalam sektor pembuatan, ekonomi, pelancongan dan logistik. Untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, kita memerlukan ramai tenaga kerja mahir. Negara maju seperti

Jerman memiliki 82% pekerja mahir dan Singapura pula mempunyai 52% pekerja mahir. Malaysia pula mempunyai 28% pekerja mahir. Jadi kita sangat di belakang.

Inisiatif lain masih lagi kita teruskan, demi manfaat belia Johor terutamanya seperti Tabung Latihan Kemahiran Johor yang telah memperuntukkan sebanyak RM5 Juta untuk melatih tiga kumpulan khusus iaitu warga FELDA, belia India dan masyarakat umum. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kahang serta kegusaran daripada Yang Berhormat Pasir Raja, izinkan saya berkongsi status pelaksanaan inisiatif program ini.

Sejak pengambilalihan pentadbiran baru, sebanyak 30 kursus latihan kemahiran telah diluluskan dan latihannya telah pun bermula pada akhir Jun yang lalu dan masih dilaksanakan sehingga kini di institusi-institusi latihan terpilih. Dijangka 760 orang akan dilatih dan ditempatkan di dalam sektor pekerjaan yang pelbagai pada akhir September ini antaranya seperti pengimpal, juruteknik, pelayan hotel, penyambut tetamu, pengendali bahan dan jurumesin. 30% daripada jumlah tersebut merupakan belia India, 58% pula merupakan generasi FELDA dan selebihnya adalah masyarakat umum.

Peratusan belia India ini dijangka naik pada akhir bulan ini bagi kelulusan terakhir pelaksanaan program ini. Walaupun pencarian peserta belia India dan FELDA untuk menyertai program sebegini menemukan kekangan dari segi kekurangan minat dan *attitude* mereka pada awalnya, kita berjaya tempuhinya.

Baru-baru ini, Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Malis Belia FELDA Malaysia bagi menggalakkan latihan kemahiran di kalangan belia FELDA. Namun, pada masa akan datang kita bukan sahaja tumpukan kepada 3 kumpulan sasar tersebut, kita akan kembangkan lagi peluang melatih dan menempatkan peserta ini kepada kumpulan-kumpulan terpinggir seperti Orang Asli bagi memastikan kesaksamarataan peluang bekerja diberikan kepada semua rakyat Negeri Johor.

Setakat ini direkodkan melalui program ini, gaji yang ditawarkan kepada para peserta oleh majikan adalah RM1,600 walaupun pada asalnya ditawarkan pada nilai yang minima iaitu RM1,000 sahaja. Para majikan telah mengenal pasti kebolehan dan kemahiran peserta yang telah dilatih melalui program ini dan menawarkan gaji yang lebih sebagai ganjaran yang setimpal dengan kemahiran yang ada. Sokongan daripada pihak majikan atau industri ini membuktikan sokongan industri dengan pendekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri dalam menghasilkan pekerja berbakat selari dengan keperluan industri atau dengan izin, *industri driven talent.*

YB Timbalan Speaker : YB EXCO panjang lagi ke?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia Dan Perpaduan : Ya. Ya. Saya sambung. Dalam hal ini iaitu tabung, kita dapat sambutan baik daripada pihak industri dan kita akan sambung program ini. Ok.

Untuk makluman YB Puan Speaker, pelaksanaan Siri 1 dan 2 telah melibatkan penyediaan latihan dari Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor dan Johor Skills Development Centre, BETC Skills Academy, Kolej Kemahiran Mentari dan Kolej Kemahiran Pelangi yang telah bermula pada bulan Julai 2018 yang lalu. Terdapat lebih kurang 16 kursus latihan kemahiran yang ditawarkan. Antaranya ialah Pemasangan Pendawaian Bangunan, Penyelenggaraan Peralatan Elektrik, *Electrical Motor Control Integrated with PLC, Industrial Automation System & Maintenance* dan banyak lagi. Kita juga telah bersedia bagi pelaksanaan latihan kemahiran untuk Siri 3. Ok.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Kahang juga telah membangkitkan isu tenaga asing. Yang Berhormat, pekerja asing adalah pekerja adalah satu gejala di seluruh dunia. Semua negara yang membangun, yang sedang maju ada masalah ini iaitu pekerja asing. Di sini, di mana penggerakan buruh begitu luas dan begitu cepat. Jadi, susah mahu

mengawal pergerakan mereka. Yang penting ialah pekerja ada dokumen. Mereka bukan masalah, sebab mereka bila datang, kita ada dokumen, mereka ditempatkan dengan , di syarikat besar. Mereka ada kerja. Kemudian lepas tempoh dia habis, dia dihantar balik. Tetapi yang masalah adalah PATI, pekerja asing tanpa izin.

Yang Berhormat Puan Speaker, ini sangat serius, perkara ini iaitu sebenarnya kerajaan Malaysia tidak ada angka yang tepat berapakah pekerja asing tanpa izin di Malaysia. Ada beberapa anggaran dan di Johor juga puratanya ialah 833,000 warga asing tanpa izin, di Johor sahaja iaitu 73% jumlah pekerja asing adalah yang kerja di Johor tidak ada izin. Begitu serius perkara ini. Jadi Yang Berhormat Puan Speaker, perkara ini kena di *handle* dengan keseluruhan, satu jabatan sahaja tidak boleh *handle* ini isu. Ini isu terlibat dengan sebenarnya gaji yang kurang. Inilah perkara yang penting tidak menarik pemuda pemudi tempatan. Jadi, untuk menarik pemuda pemudi tempatan untuk minat dalam perkara, bidang-bidang ini ialah gaji minimum mesti tinggi. Oleh sebab itu, kerajaan pusat pun meninggikan secara berperingkat gaji minimum kepada RM1,500.00. Kalau gaji kurang, pemuda pemudi tempatan tidak berminat. Dan, kita kena bergantung dengan pekerja asing. Inilah masalah kita Puan Speaker. Jadi, saya ada banyak *details*, tapi saya *skip* ini *details* semua dan saya pergi ke satu lagi isu.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kahang adalah *mismatch* dengan pembekalan pekerja dengan syarikat-syarikat. Oleh sebab itu, di bawah kerajaan Pakatan Harapan pendekatan adalah kita kerja erat dengan *private sector*. Kita buat satu konsep iaitu *private public partnership* iaitu berinteraksi dengan rapat dengan industri untuk mengetahui kehendak dan keperluan industri melalui mengadakan simposium, perbincangan, *forums, dialogs* dan bermacam-macam. Melalui interaksi-interaksi ini, kita akan dapat tahu, arah tujuan Industri dan apakah isu-isu yang timbul berkenaan tenaga kerja di Johor. Juga akan dapat tahu berkenaan *preference of industry*, dengan izin.

Untuk mengurangkan *mismatch labour supply dan labour demand*, kita akan memperkenalkan beberapa sistem seperti program latihan separuh kursus, di ILP di mana pelatih atau pelajar di ILP akan terdedah kepada industri, separuh kursus mereka. Dan dengan itu,

YB Timbalan Speaker : YB EXCO, *you* rasa *you* boleh habis dalam 5 minit?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia Dan Perpaduan : Ok. 5 minit. Jadi, banyak lagi perkara, saya ingat ramai orang pun tahu masalah-masalah ini. Jadi, dengan ini saya juga beritahu bahawa Unit Swadaya yang diwujudkan oleh kerajaan lepas seperti yang di titah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, yang baik kita teruskan dan majukan, Oleh itu, kami akan teruskan usaha untuk memartabatkan Unit Swadaya untuk mengendalikan semua cabaran-cabaran dalam bidang modal insan. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Saya rasa nanti EXCO Perumahan agak, dia penggulungan pun panjang juga. Jadi, saya tangguhkan persidangan ini selama 15 minit untuk segarkan suasana Dewan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:45 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4:00 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya menjemput YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Selamat petang, salam sejahtera, salam harapan kepada Ahli-

Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker atas peluang yang diberikan kepada Skudai untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Johor kerana berkenan berangkat dan mencemar duli seterusnya merasmikan Mesyuarat Kedua (Pembukaan Rasmi) Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-14.

Dengan penuh insaf saya berada di sebelah sini, menggalas amanah dan tanggungjawab bergulung dalam Dewan yang mulia pada petang ini. Lebih-lebih lagi, bertentangan dengan saya di sebelah sana terdiri daripada kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang adanya merupakan mantan Exco Kerajaan Negeri terdahulu..

Sejarah negara bangsa Malaysia yang bakal genap 61 tahun pada tahun ini telah menyaksikan betapa suara rakyat itu adalah suara keramat yang mencipta gelombang harapan dan seterusnya memacu perubahan. Amanah dan mandat yang diberikan oleh rakyat ini amat bermakna sehingga memberi tekanan yang kuat kepada saya dan rakan-rakan di sebelah sini. Justeru itu, kami di sini komited untuk memastikan kerajaan baru ini bersih, cekap dan berpaksikan rakyat dengan berteraskan prinsip tadbir urus yang baik, *good governance*. Dengan semangat Malaysia Baharu, saya dan rakan-rakan di sebelah sini komited untuk mengangkat nilai demokrasi, menjayakan agenda reformasi dan sedaya upaya tidak mengulangi kesilapan masa lalu.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara berkaitan dengan portfolio saya. Ternyata, komitmen yang telah diterjemahkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adalah cerminan semangat Malaysia Baharu dalam membangkitkan persoalan tentang dasar, usaha dan tindakan untuk meningkatkan prestasi negeri Johor yang tercinta ini.

Pemerkasaan Kerajaan Tempatan merupakan agenda yang saya tekankan sebaik sahaja diberi amanah untuk memegang portfolio ini. Manakala, sepanjang bersidang ini, saya telah mengikuti perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai perkara terutamanya tentang kesejahteraan rakyat dan pemerkasaan kerajaan tempatan. Ini sejajar dengan apa penekanan kita selama ini.

Yang Berhormat Yong Peng dalam perbahasan pada 13 Ogos lepas telah menyentuh perihal dasar mesra Orang Kelainan Upaya di peringkat Kerajaan Tempatan dalam konteks penyediaan kemudahan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan tersebut. Kerajaan pada hari ini mendukung pendekatan bersifat inklusif dan sebarang agenda yang digagaskan merentas soal kepercayaan, keturunan dan keupayaan dengan berpegang setiap daripada kita mempunyai peluang dan potensi masing-masing. Lantaran itu, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan komited dan beriltizam untuk memperkemas dan memperkasa dasar panduan sedia ada iaitu pantauan dan piawaian perancangan negeri Johor tahun 2013, dalam menyediakan kemudahan bersifat mesra, orang kelainan upaya. Maklumat terperinci telah diberikan kepada Yang Berhormat Yong Peng melalui jawapan soalan lisan secara bertulis pada Ahad yang lalu. Sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat berminat untuk mengetahui lebih mendalam berkenaan isu ini, dalam manual ini, bolehlah berhubung dengan saya sendiri ataupun berhubung dengan Yang Berhormat Yong Peng. Penetapan dan pemerkasaan piawaian ini akan di terjemah dalam sebarang pembinaan bangunan dan kemudahan awam yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan selain bangunan komersil oleh pihak swasta. Pihak kerajaan juga berpandangan bahawa iltizam ini harus diperluas dengan turut melibatkan pihak swasta rentas industri untuk terlibat sama dalam menyediakan kemudahan mesra OKU sebagai teras tanggungjawab sosial mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, kesesakan lalu lintas kini seakan lumrah bagi penghuni di kawasan-kawasan bandar khususnya di kawasan-kawasan yang pesat membangun. Sehubungan dengan itu, sebagai menjawab keprihatinan Yang Berhormat Bukit Permai tentang perkara tersebut, suka untuk saya maklumkan bahawa langkah-langkah penyuraian lalu lintas telah dan sedang dijalankan oleh pihak Majlis Perbandaran Kulai, MPKu.

Langkah penyuraian lalu lintas telah dicapai oleh Jawatankuasa Lalu Lintas MPKu yang turut melibatkan agensi rentas peranan, seperti Pejabat Tanah Daerah, Jabatan Kerja Raya, Polis Diraja Malaysia dan juga Ahli-Ahli Majlis MPKu melalui pemasangan sistem integrasi lampu isyarat pintar. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem tersebut telah ditetapkan mengikut waktu puncak bagi laluan trafik antara Bandar Kulai dan Senai. Penetapan ini menyaksikan sebanyak 28% kesesakan dapat dikurangkan pada waktu pagi, manakala 40% pula kesesakan dapat dilancarkan pada waktu petang. Secara keseluruhan, pemasangan sistem ini telah mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas di kawasan MPKu dan menjimatkan masa pengguna jalan raya sebanyak 40%.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Serom telah menyentuh soal kebajikan para peniaga di premis milik PBT negeri Johor. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan konsisten dan komited untuk menyediakan dasar yang berprihatin untuk rakyat supaya menjana sumber pendapatan. Bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan masih belum mempunyai cadangan untuk mengkaji kadar sewa premis semasa, memandangkan kadar yang dikenakan pada tahap sekarang adalah amat rendah, iaitu antara RM50.00 hingga RM300.00 berdasarkan bergantung kepada keluasan premis. Penetapan kadar yang rendah tersebut merupakan satu usaha bagi membantu peniaga-peniaga kecil untuk memulakan tapak perniagaan mereka. Perlu diakui bahawa kadar tersebut sebenarnya jauh bezanya dan rendah berbanding dengan gerai-gerai milik swasta.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin memberi respons kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Perling pada 14 Ogos yang lalu. Pertama, adalah berkenaan dengan soal cadangan bahawa rumah kedai 2 tingkat digunakan sebagai kediaman. Sebagai pencerahan, rancangan tempatan telah menetapkan bahawa bangunan kedai atau kedai pejabat di kategorikan sebagai guna tanah perdagangan. Oleh yang demikian, kerajaan berdasarkan kedaulatan undang-undang atau dengan izin *rule of law* menegaskan bahawa sebarang penggunaan bangunan kedai bagi tujuan kediaman adalah bercanggah dengan Akta Perancangan Bandar Dan Desa Tahun 1976, dan juga Kanun Tanah Negara dalam konteks percanggahan syarat nyata tanah.

Yang Berhormat Puan Speaker, fokus seterusnya terarah kepada bangunan ataupun perumahan strata yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Perling pada hari yang sama. Pertamanya adalah berkaitan dengan tribunal pengurusan strata. Saya ingin mengesahkan bahawa penubuhan tribunal tersebut bukanlah di bawah bidang kuasa PBT. Sebaliknya di bawah seliaan terus Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT. Sebagai menjawab kepada persoalan tersebut, diperjelaskan bahawa kekerapan tribunal tersebut bersidang adalah ditentukan oleh pengurus tribunal sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 109 (2) Akta Pengurusan Strata 2013, Akta 757. Saya mengalu-alukan Yang Berhormat Perling untuk mendapatkan buku ini untuk mendalami isu ini.

Angka perjawatan semasa bagi Unit Pesuruhjaya Bangunan atau COB Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Perling. Di mana di MBJB kita ada sebanyak 5 perjawatan yang diwarankan oleh JPA dan juga 2 anggota sokongan yang ditempatkan atas persetujuan Datuk Bandar. Di MBIP pula merekodkan sebanyak 6 perjawatan semasa yang disediakan oleh COB. Kerajaan maklum bahawa kakitangan COB sedia ada tidak mencukupi untuk mengurus pembangunan perumahan berstrata yang semakin pesat di sekitar metropolis Johor Bahru. Sebagai rujukan Yang Berhormat Puan Speaker, di kawasan pentadbiran MBJB sahaja, pertambahan sebanyak 2 kali ganda daripada bilangan pegangan strata telah dinampakkan sejak tahun 2013. Maka dengan itu, angka perjawatan semasa akan ditingkatkan lagi kepada 18 perjawatan tambahan bagi menampung keperluan di MBJB, manakala di MBIP pula akan menyaksikan penambahan sekurang-kurangnya 9 perjawatan yang kini dalam proses permohonan oleh PBT masing-masing. Untuk makluman Yang Berhormat, penambahan perjawatan yang dikemukakan oleh kedua-dua PBT tersebut adalah bagi

memenuhi pembangunan kawasan pemajuan berstrata yang begitu pesat. Penambahan itu juga bagi memastikan kelancaran penguatkuasaan Akta 757 yang saya sebut tadi.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Perling juga ada menyentuh tentang perihal banjir kilat yang sering melanda di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Langkah penyelenggaraannya terdiri daripada pemotongan rumput, pembersihan sampah dan pembersihan mendakan dilaksanakan secara bulanan di 34 anak sungai dan parit utama. Bagi menyokong langkah tersebut, pihak MBJB juga sentiasa memastikan 6 buah rumah pam dan stesen pam di bawah seliaannya sentiasa berfungsi dengan baik. Kerajaan menerusi MBJB komited untuk mengatasi masalah banjir kilat di bandar raya ini. Oleh yang demikian, kerjasama telah dijalin dengan agensi rentas peranan, antaranya, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar, IRDA dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS sejak tahun 2010 sehingga sekarang.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada hari yang sama, Yang Berhormat Bentayan telah menyentuh soal inisiatif kerajaan negeri dalam mengekalkan Muar sebagai hab perabot utama yang terbesar yang melibatkan kilang haram. Selaku pentadbir, Majlis Perbandaran Muar, MPM telah melaksanakan langkah pengezonan semula keseluruhan kawasan kilang haram yang terbesar bagi mempermudahkan pengusaha industri memutihkan operasi mereka. Dalam pada itu, pihak MPM telah turut menjalinkan kerjasama dengan pihak Johor Corporation, Jcorp untuk menempatkan kilang-kilang haram yang terbabit di *Industrial Park Sime Darby* di Pagoh dan juga *Muar Furniture Park* berdekatan dengan Bakri, yang kini masih dalam proses kelulusan daripada agensi-agensi teknikal. Walaupun pihak MPM cuba sedaya upaya untuk mengekalkan Muar sebagai hab perabot utama yang terbesar di Malaysia, tetapi juga ada faktor lain yang mempengaruhi perkembangan industri perabot di Muar. Sebagai contoh, keupayaan modal, sumber bahan dan juga kekurangan modal insan. Perkara-perkara ini memerlukan kerjasama daripada agensi-agensi yang lain.

Yang Berhormat Puan Speaker, tumpuan kekal di Muar. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bentayan, yang berhubung dengan pembangunan *Muar Central* di bawah Rancangan Kawasan Khas, RKK Bandar Maharani, Bandar Diraja. Langkah mewujudkan terminal pengangkutan awam bersepadu di Muar dengan dinamakan sebagai *Maharani Central* telah diwartakan pada tahun 2008 di bawah Rancangan Tempatan Daerah Muar tahun 2002 hingga 2015. Pembangunan holistik di jangkakan bernilai RM70 juta ini amat dibimbangi berdepan dengan kegagalan. Ini berikutan dengan keupayaan kewangan MPM yang sederhana untuk membiayai projek tersebut. Bagaimanapun, kerajaan akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk merealisasikan rancangan berkenaan yang sekali gus akan membawa nilai tambah dan kesan baru kepada Muar, lebih-lebih lagi Yang Berhormat Puan Speaker dengan adanya 4 Menteri di daerah Muar ini, saya yakin perkara ini boleh dijayakan.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan saya berada di Muar untuk lama sikit. Yang Berhormat Sungai Balang juga menyentuh tentang soal cadangan pembinaan balai bomba dan penyelamat Parit Tunggul dekat Mukim Parit Jawa, Muar di bawah kawasan DUN Sungai Balang. Saya terpanggil untuk memaklumkan bahawa pembinaan kemudahan tersebut sememangnya telah berada dalam perancangan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Pada ketika ini perancangan tersebut berada di peringkat pengambilan balik tanah seluas kira-kira 1.7 ekar dan telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia pada 3 Julai 2018 yang lalu. Perkembangan tentang perancangan pembinaan kemudahan ini akan dimaklumkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Johor dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Puan Speaker, dari Muar saya ingin beralih ke Kota Tinggi. Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Panti, berhubung dengan status penyerahan pentadbiran Lembaga Kemajuan Johor Tenggara atau KEJORA oleh pihak Majlis Daerah Kota Tinggi, MDKT. Pada tahun ini aset KEJORA diputuskan untuk diambil alih oleh pihak MDKT. Namun langkah tersebut tertangguh atas faktor kekangan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan oleh pihak MDKT dan dibimbangi memberi kesan

kewangan yang besar kepada MDKT. Hal ini demikian kerana pihak MDKT perlu membuat bayaran ganti rugi sebanyak RM3 juta atas faktor status aset KEJORA yang mendapat geran bernilai jumlah tersebut daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, KKLW. Lantas pengambilalihan tersebut memberi kesan kepada pihak MDKT untuk menyuntik dana bagi tujuan penyelenggaraan. Pihak kerajaan akan memaklumkan perkembangan tentang penyerahan pentadbiran melibatkan kedua-dua pihak ini dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebagaimana pendahuluan ucapan ini yang mengungkapkan tentang perubahan yang dijayakan oleh rakyat pada 9 Mei yang lalu, suka saya ingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa perubahan yang berlaku tersebut bukan sekadar peralihan kuasa kerajaan malah turut merangkumkan perubahan pemikiran dan keprihatinan tentang falsafah urus tadbir kerajaan. Oleh yang demikian, kerajaan negeri bawah pimpinan Pakatan Harapan konsisten dan komited untuk tidak mengulangi kesilapan kerajaan sebelumnya yang memaksikan pemikiran sempit lagi jumud selain memecahbelahkan masyarakat pelbagai kepercayaan dan kaum di negara ini. sekali lagi ditegaskan bahawa kerajaan negeri baru ni mendukung pendekatan bersifat inklusif dan tidak melihat faktor kepercayaan keturunan dan keupayaan sebagai prasyarat dalam hal-hal tertentu.

Sehubungan itu, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kahang tentang penglibatan kaum India di peringkat Kerajaan Tempatan, saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa konsisten dan komited dalam memberi layanan yang sama tanpa sebarang pengasingan dan perbezaan. Layanan dalam hal-hal tertentu seperti perjawatan dalam PBT tidak wajar sama sekali terikat dalam sebarang bentuk syarat yang berbaur diskriminasi sebaliknya kerajaan baru ini akan mengangkat nilai merit kelayakan seseorang terlebih dahulu bagi memastikan pentadbiran awam khususnya di peringkat Kerajaan Tempatan dianggotai oleh mereka yang benar-benar berwibawa dalam menjalankan tugas. Bagaimanapun untuk memenuhi sikap ingin tahu Yang Berhormat Kahang, saya ingin memaklumkan bahawa seramai 133 orang pemohon kaum India daripada pemohon-pemohon ini telah diambil untuk mengisi kekosongan bagi semua gred perkhidmatan di semua PBT di negeri Johor, jauh lebih ramai daripada 80 orang yang disyorkan oleh Yang Berhormat Kahang. Saya berharap Yang Berhormat Kahang dapat mengambil maklum tentang perkara ini dan pada masa yang sama bersama-sama merealisasikan usaha kerajaan untuk mengagih manfaat dan memberi layanan yang adil kepada segenap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Puan Speaker, kemuncak ucapan penggulungan ini ingin memfokuskan kepada pengurusan sisa pepejal yang begitu rapat dan sinonim dengan saya sejak berada di sebelah sana sebagai pembangkang. Kini, hal ehwal tersebut digalas saya di bawah Portfolio Kerajaan Tempatan. Perhatian serius telah diberikan dengan pecahannya kepada dua iaitu pengurusan sisa pepejal dan juga pengurusan pelupusan sisa.

Dalam konteks pengurusan sisa pepejal, masalah sampah longgok haram di serata negeri telah dijadikan terutama dan juga perhatian saya sebaik menerima tanggungjawab portfolio ini. Di samping itu perhatian saya turut terarah kepada pengurusan pelupusan sisa yang semakin hari semakin hampir pasti berhadapan dengan krisis. Oleh yang demikian, untuk bahagian ini saya akan menjawab perkara yang dibangkitkan oleh yang Berhormat Senggarang dan Yang Berhormat Machap pada 12 Ogos dengan disentuh sekali oleh Yang Berhormat Layang-Layang dan Yang Berhormat Seri Medan pada 13 Ogos. Fokus ini adalah terarah kepada tapak pelupusan sanitari Bukit Payung yang merupakan masa depan bagi wilayah tengah dan utara Johor. Untuk menampung keperluan daripada kawasan Majlis Perbandaran Kluang (MPM), Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Majlis Perbandaran, tadi Muar, sekarang Kluang, minta maaf, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Majlis Daerah Yong Peng yang meningkat seiring dengan pembangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tersebut. Sebelum lebih lanjut, suka saya mengingatkan kembali kepada Yang Berhormat Seri Medan bahawa beliau bukan hari pertama duduk dalam

Dewan ni sebagai Wakil Rakyat, malah beliau juga pernah menduduki Majlis Mesyuarat Kerajaan sebelum ini dalam isu pembinaan tapak pelupusan sanitari Bukit Payung.

Dewan yang mulia ini bukanlah ruang pertama yang membolehkan Yang Berhormat untuk menyuarakan bantahan ke atas projek ini. Yang Berhormat Seri Medan telah melepaskan sekurang-kurangnya 3 peluang untuk membantah projek ini. semasa di peringkat perancangan sama ada atas kapasiti sebagai Ahli MMK ataupun sebagai Wakil Rakyat kerajaan, mahupun sebagai orang awam yang prihatin dan berkepentingan dalam isu ini.

Saya juga berlapang dada menerima teguran dan nasihat daripada Yang Berhormat Benut selaku Ketua Pembangkang yang amat berpengalaman dalam perihal tadbir urus kerajaan agar tidak terlalu akur kepada kerajaan persekutuan dalam hal ini. Saya bersetuju sebahagian daripada kenyataan Yang Berhormat Benut namun beliau juga tidak manfaatkan selaku Ahli MMK terdahulu untuk membantah dan menolak cadangan pembinaan tapak pelupusan sanitari Bukit Payung ini. Kini, Yang Berhormat Benut seakan-akan cuba menjolok dan menghasut kerajaan negeri di bawah pimpinan Pakatan Harapan supaya mengambil pendekatan bertentangan dengan kerajaan Persekutuan berhubung dengan projek melibatkan jutaan ringgit ini. Adakah Yang Berhormat Benut ini mempunyai udang di sebalik batu, mungkin bukan sekadar batu tetapi lebih kepada batu api.

Yang Berhormat Puan Speaker, dengan merujuk perancangan tempatan Daerah Batu Pahat tahun 2002 hingga 2020 yang diwartakan pada tahun 2012, Bukit Payung sememangnya telah dinyatakan sebagai kawasan cadangan tapak pelupusan sisa pepejal yang tidak di bantah selama tempoh publisiti dan seranta awam dan penyertaan awam selama 2 bulan pada tahun 2011. Ini yang dimaksudkan saya tadi. Secara dasar Bukit Payung sememangnya telah dinyatakan di dalam RTD dan diwartakan dengan tiada sebarang bantahan untuk dibina sebuah tapak pelupusan sisa pepejal. Di sini, saya ingin kongsikan kronologi...

Yang Berhormat Puan Speaker, di sini ingin saya berkongsikan kronologi penyediaan rancangan pemajuan yang berkaitan dengan cadangan tapak pusat pelupusan sisa pepejal Bukit Payung, Batu Pahat. Di mana, dari Rancangan Struktur Negeri Johor tahun 2001 hingga 2020 sampai ada gantian, ada pengubahan dan juga Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat yang bermula tahun 2002 hingga 2020 sehingga pengubahan dia, penggantian dia, sehingga tahun 2030, setiap kali penyediaan laporan rancangan tempatan ataupun laporan struktur negeri ini ada tempoh untuk bantahan. Malah Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, tidak pernah manfaatkan peluang ini sebagai satu forum yang betul yang sebenarnya untuk membantah segala projek atau sebarang pembangunan yang mereka rasa tidak sesuai untuk sesuatu tempat itu. Ingin saya ingatkan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan telah membelanja berjuta-juta ringgit untuk menyediakan Rancangan Tempatan Daerah ataupun Rancangan Struktur Negeri. Kita jangan anggap bahawa rancangan-rancangan ini hanya dijalankan diadakan sebagai satu formaliti. Sebenarnya laporan-laporan seperti ini merupakan asas kepada segala bentuk pembangunan yang ingin dijalankan di sesuatu tempat itu. Maka, saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat jangan kita memperlekehkan usaha yang dijalankan untuk merancang pembangunan di sesuatu tempat tetapi perlu kita sama-sama meneliti dan menghayati laporan ini dan menyumbang pendapat untuk memakmurkan lagi negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, rancangan pembinaan Bukit Payung ini sebenarnya direncanakan untuk menyelesaikan secara jangka panjang sekali gus bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya krisis pengurusan sisa pepejal di kawasan-kawasan tersebut. Tapak pembinaan Bukit Payung ini juga turut menjadi satu penyelesaian tuntas bagi penduduk-penduduk yang diselubungi asap akibat kejadian kebakaran yang sering berlaku di tapak pelupusan Bukit Bakri dan juga gangguan bekalan air di Simpang Renggam yang juga melibatkan warga DUN Layang-Layang dan Machap kerana pencemaran daripada air lalu resap daripada tapak pelupusan CEP Renggam.

Namun begitu, sepanjang perancangan ini diterjemahkan oleh pihak KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, terdapat bantahan yang dibangkitkan oleh warga penduduk sekitar kawasan Bukit Payung secara konteksnya tertumpu kepada soal alam sekitar, potensi ekonomi setempat yang berbentuk pelancongan rekreasi dan jangkaan nilai sejarah setempat. Kerajaan cakna dan prihatin atas bantahan tersebut sehingga menjadi keutamaan saya sebaik diberi portfolio ini.

Dalam pertemuan sulung saya dengan Yang Berhormat Menteri KPKT, pada 1 Julai yang lalu, susulan daripada itu perkara ini telah sekali lagi dibangkitkan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan pada bulan yang sama sebelum diikuti dengan sesi seranta awam atau pun *Town hall session* bersama dengan penduduk setempat. Dua hari yang lepas selepas menjawab soalan di Dewan yang mulia ini, perkara yang sama telah sekali lagi saya bawa untuk perhatian dan pengetahuan Yang Berhormat Menteri KPKT di Kuala Lumpur. Perkara ini dibuat dengan hasrat kerajaan untuk menyampaikan hasrat kerajaan untuk mempertimbangkan penggantian lokasi cadangan tersebut dan seterusnya mencapai kata sepakat yang bermanfaat menang-menang, ataupun dengan izin, *win win situation* bagi rakyat penduduk setempat dan juga negeri Johor secara menyeluruh. Lantaran itu, kerajaan bersama dengan kerajaan Persekutuan melalui KPKT secara kolektif dan memutuskan bahawa kerja-kerja tapak di kawasan cadangan Bukit Payung ditangguhkan tetapi penangguhan ini tidak seperti yang disifatkan oleh Yang Berhormat Benut di mana ianya satu langkah yang merugikan tetapi langkah penangguhan ini akan disusuli dengan kajian dan penilaian komprehensif oleh jabatan teknikal yang terdiri daripada UPEN, SUK Bahagian Kerajaan Tempatan, MPBP, Majlis Daerah Yong Peng, JPSPN, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Mineral Dan Geosains, PlanMalaysia, Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat dan Muar, Jabatan Alam Sekitar dan juga SWCorp Negeri Johor. Bagi meneliti segenap aspek yang penting terhadap pemilihan lokasi baru, penting untuk dicadangkan kepada kerajaan dalam tempoh tersebut. Malah...

YB Timbalan Speaker : YB EXCO, harap 5 minit lagi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Ada sikit isu lagi saya harap boleh habiskan, 5 minit tak berapa cukup. Pertimbangan yang dikemukakan turut merangkumkan pemodenan kemudahan pelupusan sisa pepejal melalui kaedah *waste to energy* (WTE) sebagaimana yang disarankan oleh Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar ketika lawatan ke Tapak Pelupusan Bukit Bakri bulan lalu. Oleh yang demikian, perkara yang berkaitan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Payung, sekali lagi dimaklumkan kerja-kerja tapak ditangguhkan sementara menunggu keputusan rasional dan diplomatik dicapai. Pihak kerajaan akan sentiasa menghebahkan perkembangan semasa tentang perkara tersebut kepada umum.

Yang Berhormat Puan Speaker, sementara itu, Yang Berhormat Machap dan Yang Berhormat Layang-Layang juga tak perlu bimbang. Pihak kerajaan sentiasa konsisten memantau perkembangan di tapak pelupusan CEP Renggam dan gangguan bekalan air yang diakibatkan oleh pencemaran air lalu resap dari tapak tersebut. Perkara itu akan dipantau dan ini sebenarnya menjadi satu keutamaan yang pertama sebaik sahaja saya menerima portfolio ini, di mana tapak ini merupakan tapak pelupusan yang pertama dikunjungi saya seawal pada 21 Jun yang lalu. Tapak Pelupusan CEP ini, yang menampung keperluan 3 PBT iaitu Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Perbandaran Kluang dan juga Majlis Perbandaran Batu Pahat menerima anggaran sampah sebanyak 450 hingga 500 tan sehari. Sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengawal pencemaran sumber air di Sungai Benut, pihak KPKT telah menyatakan persetujuan untuk menaik taraf kapasiti loji rawatan air lalu resap atau *Leachate Treatment Plan* (LTP) dengan izin, di tapak tersebut daripada kapasiti asal 150 meter padu kepada 300 meter padu sehari.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kelulusan tersebut kini berada di peringkat Kementerian Kewangan Malaysia. Langkah proaktif bagi mengelakkan kejadian yang sama berterusan dan berulang, kerja-kerja pengoperasian di tapak juga

menitikberatkan pengukuhan benteng tanah di kawasan sel yang menakung air hujan dan juga kolam takungan *leachate*. Pengukuhan ini akan dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Pemantauan sentiasa akan dijalankan oleh pihak SWCorp bagi memastikan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku. Sekali lagi ditegaskan bahawa kerajaan komited dan teguh berpendirian untuk meningkatkan pengurusan dan pelupusan sisa pepejal secara mampan dan lestari bagi memenuhi keperluan bangsa Johor seiring dengan pembangunan pesat di serata negeri.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum saya menggulung ucapan ini, ingin saya tekankan tentang kepentingan penjagaan imej oleh Kerajaan Tempatan memandangkan institusi ini adalah paling hampir dengan masyarakat akar umbi sepanjang lawatan saya ke semua 16 kawasan PBT Negeri Johor. Justeru itu, budaya yang menghalang nilai kecekapan seharusnya dibanteras. Di kalangan warga PBT, sebarang amalan yang bertentangan dengan prinsip tadbir urusan baik atau dengan izin, *good governance* harus ditinggalkan meski pun telah menjadi sebati sepanjang perkhidmatan di bawah pemerintahan dahulu. Negara tak akan berubah tanpa perubahan yang dimulakan rakyat.

Untuk maksud itu, Puan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu di bawah Portfolio Kerajaan Tempatan. Suka saya tekankan bahawa Johor ini milik kita semua. Peralihan kuasa kepimpinan tidak sama sekali mengurangkan tanggungjawab kita sebagai bangsa Johor untuk membangunkan dan memakmurkan negeri Johor ini.

Saya tidak ada pantun seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO yang sebelum ini. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa isu setempat yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia. Adalah ditegaskan bahawa Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan yang baru ini sentiasa terbuka dan efisien dalam mendepani isu-isu sedemikian. Maka saya yakin bahawa isu-isu ini dapat diselesaikan dengan cara berurusan dan merujuk terus kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan tidak nampak ada keperluan untuk dibawa ke Dewan yang mulia ini. Kita di sini Ahli-Ahli Yang Berhormat perlu memanfaatkan sehingga tahap optimum peluang dan ruang di Dewan Negeri ini sebagai satu forum untuk membicarakan tentang isu-isu berkaitan dengan rancangan dan dasar pembangunan negeri. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Saya menjemput YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, eh *sorry*, ya YB EXCO Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih YB Puan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku. Terlebih dahulu patik ingin menjunjung setinggi kasih dan penghargaan di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor kerana sudi berangkat ke Dewan yang mulia ini dan menyampaikan titah bagi merasmikan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

YB Puan Speaker, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Johor kerana buat pertama kalinya dalam masa 61 tahun berani membuat perubahan besar dalam PRU Ke-14 dan memberi mandat kepada Pakatan Harapan untuk membentuk kerajaan baru di negeri Johor yang bertuah ini.

YB Puan Speaker, saya menyokong sepenuhnya titah Dewan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang mengingatkan kita semua bahawa jawatan yang diberikan itu mempunyai tanggungjawab yang besar dan mesti dipikul dengan jujur dan amanah. Ayat Al-Quran dalam Surahtul Qasas ayat ke 26 (Firman Allah) iaitu merujuk kepada kekuatan ilmu, kemahiran dan kebijaksanaan dengan izin, *wisdom* dan al-Amin (amanah dan jujur). Setiap pemimpin sewajibnya mempunyai dua ciri ini bagi melayakkan diri mereka menjadi pemimpin yang bertakwa.

Yang Berhormat Puan Speaker, Al-Quwah dan amanah ini juga adalah merupakan *ingredient*, dengan izin, yang utama kepada urus tadbir yang baik, *good governance*. Kedua-dua sifat ini akan menjadi benteng atau perisai kepada setiap pemimpin daripada terjebak dalam amalan rasuah, salah guna kuasa, salah guna wang rakyat dan seumpamanya.

Dasar utama kepada tawaran Manifesto Pakatan Harapan dalam PRU Ke-14 adalah tadbir urus berintegriti. Bagi menjayakan tadbir urus berintegriti ini beberapa langkah sedang dan telah diambil. Yang pertama, mengehadkan jawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada dua penggal. Kedua melaksanakan pengisytiharan harta oleh Yang Amat berhormat Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat kerajaan (MMK). Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan EXCO telah melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah baru-baru ini dan akan menghantar borang pengisytiharan harta dalam tempoh sebulan daripada tarikh tersebut. Yang ketiga, pelaksanaan tender terbuka. Keempat mengiktiraf jawatan Ketua Pembangkang. Kelima, memperkasakan Jawatankuasa Kira-Kira Awam ataupun PAC khususnya dalam meningkatkan prestasi dan integriti semua agensi awam. Yang keenam, mengubah ataupun menggubal Enakmen Kebebasan Maklumat, *Freedom Of Information* dengan izin seperti yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor dan juga Pulau Pinang.

Yang Berhormat Puan Speaker, antara Yang Berhormat yang menyentuh tentang isu perumahan termasuklah Rengit, Sedili, Bukit Naning, Penawar, Endau, Buluh Kasap, Layang-Layang dan juga Larkin. YB Rengit menyentuh tentang Manifesto Pakatan Harapan Johor untuk membina 100,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun. Beliau menyatakan kerajaan Barisan Nasional dahulu telah menyasarkan membina 100,000 unit rumah mampu milik sehingga 2023 dan adakah sasaran Manifesto Pakatan Harapan berasaskan kepada perancangan telah dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional yang lalu.

Suka saya menyorot semula, naratif bagaimana angka 100,000 ini timbul. Pada asalnya selepas PRU ke -13, kerajaan Barisan Nasional telah menyasarkan membina 60,000 rumah mampu milik menjelang 2020. Realitinya sehingga Disember 2017, seperti yang telah disebutkan secara rasmi oleh mantan Menteri Besar yang lalu, iaitu selepas 4 tahun rumah mampu milik yang berjaya dibina hanyalah 16,010 unit ataupun 4,002 unit setahun.

Walaupun begitu, kerajaan Barisan Nasional Negeri Johor menyemak semula sasaran pembinaan rumah mampu milik kepada 100,000 unit menjelang 2023 iaitu 10,000 unit setahun. Mengikut maklumat daripada Bahagian Perumahan dari Januari hingga Mei 2018, terdapat 885 unit rumah mampu milik baru yang ditawarkan Sijil Layak Memiliki Bangunan, SLMR, Sijil Layak Memiliki Rumah menjadikan jumlah keseluruhan rumah mampu milik yang siap sebelum PRU Ke-14 adalah berjumlah 16,895 unit. Saya tidak pasti asas angka 19,000 rumah mampu milik yang dinyatakan YB Rengit yang telah siap sehingga Mei 2018.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan Pakatan Harapan Johor akan hanya mengambil kira SLMR yang telah dikeluarkan selepas daripada PRU Ke-14 dalam mengira 100,000 unit yang disasarkan. Persoalannya, kenapa kerajaan Pakatan Harapan Johor menyasarkan untuk membina 100,000 unit rumah mampu milik dalam masa 5 tahun ataupun 20,000 unit setahun berbanding dengan kerajaan Barisan Nasional yang hanya menyasarkan membina 100,000 unit dalam masa 10 tahun sehingga tahun 2023 ataupun 10,000 unit setahun sedangkan hakikatnya hanya mampu membina 4,002 unit setahun.

Mengikut senarai menunggu sehingga ke hari ini, *waiting list* dengan izin, terdapat seramai 115,515 orang yang berhajat untuk membeli rumah mampu milik. Ini bermakna jika berdasarkan prestasi kerajaan Barisan Nasional yang dahulu iaitu membina 4,002 unit setahun, kita memerlukan 29 tahun untuk membina rumah 115,515 tersebut. Itu sebabnya kerajaan Pakatan Harapan perlu lebih fokus dan berani untuk membina 20,000 unit setahun yang insya-Allah akan memerlukan hanya 6 tahun untuk membina 115,515 unit rumah mampu milik. Jadi saya rasa tidak timbul isu *copy and paste* seperti yang diungkapkan oleh YB Penawar.

Yang Berhormat Puan Speaker, YB Layang-Layang mencadangkan supaya rumah mampu milik dibina di semua DUN di negeri Johor. Ianya merupakan satu cadangan yang baik tetapi dalam industri pembinaan, kebolehpasaran ataupun *market ability* sesuatu produk sangat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu projek perumahan. Mungkin mengikut statistik terkini, 75% permintaan ke atas Rumah Mampu Milik Johor adalah datangnya daripada daerah Johor Bahru dan juga Kulai. Walau bagaimanapun, di atas tanggungjawab bagi memastikan setiap keluarga di negeri Johor mampu untuk memiliki rumah mereka sendiri, kerajaan negeri akan tetap membina rumah mampu milik di daerah-daerah lain berdasarkan kepada permintaan yang ada.

Yang Berhormat Puan Speaker, YB Buluh Kasap ada menyentuh tentang Skim Sewa Beli, *Rent To Own,* dengan izin, yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Beliau juga menyampaikan hasrat Persatuan Penduduk Perumahan Rakyat (PPR), Batu Anam, Segamat agar rumah mereka yang sekarang ini sewa ditukar ke bentuk Skim Sewa Beli di bawah kerajaan negeri. Suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat Buluh Kasap, sebenarnya Program Perumahan Rakyat atau ringkasnya PPR adalah di bawah kerajaan persekutuan yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT dan bila siap pembinaannya, PPR ini akan diserahkan kepada kerajaan negeri untuk kerja-kerja kutipan sewa dan juga kerja-kerja penyelenggaraan bangunan. Setakat ini ada 8 projek PPR di Johor dengan 8,279 unit termasuk 102 unit PPR di Batu Anam. Kita memang mempunyai cadangan untuk menjual sebahagian daripada PPR ini kerana komitmen kewangan yang tinggi oleh kerajaan negeri untuk kerja-kerja penyelenggaraan sedangkan prestasi kutipan sewa iaitu berjumlah RM124.00 sebulan adalah rendah pada purata lebih kurang 40% sahaja. Walau bagaimanapun, perbincangan perlu diadakan terlebih dahulu dengan KPKT, bagi menyelesaikan isu pemilikan tanah oleh kerajaan persekutuan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sempena usaha mengeluarkan hak milik strata berasingan boleh dilaksanakan.

YB Larkin menyentuh tentang projek perumahan sakit dan terbengkalai di negeri Johor. Mengikut *website* Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT. Setakat ini terdapat 23 projek perumahan sakit dan 44 projek perumahan terbengkalai di negeri Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, projek sakit adalah merupakan projek yang mengalami kelewatan melebihi 30% berbanding kemajuan yang sepatutnya atau telah tamat tempoh perjanjian jual beli. Pada kebiasaan sesuatu projek menjadi sakit bilamana pemajunya mengalami masalah kewangan atau menghadapi tindakan perundangan. Bagi projek sakit ini, pihak kerajaan akan berperanan sebagai *facilitator* ataupun *mediator* dengan izin di antara pemaju perumahan dan pihak pembeli dalam usaha untuk memulih atau menyelesaikan masalah projek sakit tersebut. Daripada 23 projek sakit yang saya sebutkan tadi, 3 projek daripadanya iaitu Taman Seri Molek Perdana, Taman Setia Indah dan Nusantara Prima telah berjaya diadakan perundingan di antara pemegang taruh dan kaedah penyelesaian telah dipersetujui secara bersama.

Projek terbengkalai. Projek terbengkalai ditakrifkan sebagai projek-projek yang memenuhi kriteria berikut :

1. Projek yang tidak siap dalam tempoh perjanjian jual beli dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama 6 bulan secara berterusan.

2. Petisyen penggulungan telah didaftarkan Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1966.

3. Syarikat diletakkan di bawah pengawal, penerima dan pengurus, *receiver* and *manager*.

4. Pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada pengawal perumahan.

5. Disahkan projek terbengkalai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Seksyen 11 (1C) Akta 118.

Yang Berhormat Puan Speaker, projek terbengkalai diletakkan di bawah Jabatan Perumahan Negara, JPN, dan kebiasaan kaedah penyelesaian adalah dengan melantik pemaju-pemaju penyelamat, *white knights* dengan izin, bagi memulihkan projek perumahan terbengkalai tersebut diselesaikan. Daripada 44 projek terbengkalai yang terdapat di negeri Johor semenjak 2009, 35 projek telah berjaya diselesaikan, 5 projek di peringkat pemulihan, iaitu Taman Kulai Utama, Taman Mount Austin, Taman Bayu di Tebrau dan Taman Seri Lambak serta Taman Desa Kempas. Dan 4 lagi projek di peringkat perancangan iaitu Taman Tunku Abdul Rahman di Segamat, Taman Mewah Jaya di Plentong, Taman Satria, Pontian, dan Taman Cahaya, Peserai di Batu Pahat. Setakat ini kerajaan telah mengambil tindakan dengan menyenaraihitamkan pemaju perumahan yang projeknya terlibat dalam projek terbengkalai dan setakat ini di negeri Johor terdapat 20 pemaju perumahan di Johor yang telah disenaraihitamkan.

YB Timbalan Speaker : YB EXCO, YB EXCO sila duduk. Waktu sudah sampai pukul 5:00, jadi, penggulungan YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar akan disambung semula pada hari Ahad, 19 Ogos. Saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari Ahad, 19 Ogos 2018, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KETUJUH	AHAD, 19 OGOS 2018	BIL. 2 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor
Dato' Haji Osman bin Haji Sapian
(Kempas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi
Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian
Tuan Dr. Sahruddin bin Jamal
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif
Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER

YB Speaker : Bismillahirahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah, hari ini adalah hari yang terakhir persidangan kita semua. Kita akan teruskan persidangan ini tanpa rehat seperti biasa. Biasa kita pukul 11.00 kita ada rehat, tapi kita teruskan sahaja sehingga selesai di tengah hari.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Serom jemput.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Bismillahirahmaanirrahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.
Apakah status terkini tentang usaha kerajaan untuk memperkenalkan skim biasiswa untuk rakyat Johor?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam harapan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, biasiswa merupakan anugerah daripada kerajaan kepada murid-murid yang mendapat keputusan cemerlang dan memenuhi kriteria. Pada masa ini telah terdapat biasiswa Persekutuan yang diuruskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala khusus untuk murid-murid di negeri Johor iaitu beberapa biasiswa telah diperkenalkan yang diuruskan oleh Yayasan Pelajaran Johor.
Selain daripada pemberian pinjaman pelajaran, YPJ juga ada menawarkan skim biasiswa kepada anak-anak Johor yang cemerlang di peringkat sekolah menengah, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah.

Berikut merupakan jenis biasiswa yang ditawarkan oleh YPJ iaitu:

1. Biasiswa di peringkat sekolah menengah – Biasiswa Kenangan Dato' Onn dengan pemberian kadar RM600.00 setahun bagi pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 6.
2. Biasiswa di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda iaitu Biasiswa Sukan Atlet Johor yang menaja atlet-atlet negeri Johor yang melanjutkan pengajian di IPT dalam Malaysia dengan kadar bantuan yuran penuh dan juga meliputi kos sara hidup iaitu RM500.00 sebulan;
3. Biasiswa di peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah iaitu Biasiswa Sultan Ibrahim yang menaja pelajar cemerlang negeri Johor yang melanjutkan pengajian di IPT dalam Malaysia dengan kadar bantuan yuran penuh dan juga meliputi kos sara hidup iaitu RM1,000.00 dan RM1,500.00 sebulan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Serom jemput, soalan tambahan.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mendapatkan penelitian kepada apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi tentang usaha-usaha ataupun biasiswa yang telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri Johor, dalam konteks ini apakah statistik kepada penerima-penerima kepada semua

biasiswa-biasiswa yang telah dicadangkan ataupun yang telah disebutkan oleh YB EXCO tadi.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Serom, untuk makluman pihak Serom, insya-Allah jawapan ini kami akan bagi dalam bertulis. Terima kasih.

YB Speaker : Seterusnya Yang Berhormat Benut. Eh *sorry* minta maaf... err Bentayan, *sorry*.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah rancangan kerajaan dalam menambah baik pengurusan sisa pepejal di negeri Johor dengan memanfaatkan teknologi terkini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Salam sejahtera, selamat pagi, salam harapan. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Bentayan. Saya bimbang Speaker tak suka saya, soalan saya tak timbul. (Ketawa).

YB Speaker : Tak ada... tak ada niat jahat ya... (Ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Bentayan bertanya tentang perancangan kerajaan dalam menambah baik pengurusan sisa pepejal di negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pengurusan sisa pepejal sebenarnya kini berada di bawah urus tadbir dan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, yang sememangnya mempunyai perancangan untuk memperkasa sistem pengurusan sisa pepejal di Malaysia khususnya di negeri Johor.

Di negeri Johor, 2 tapak pelupusan akan di naik taraf daripada tapak pelupusan sanitari kepada tapak pelupusan bersepadu atau dengan izin, *integrated facility.* Yang bakal merangkumkan sistem dan kemudahan teknologi terkini yang berkonsepkan *waste to wealth* dengan izin WTE, *pyrolisis, anaerobic digester* dan sebagainya. Bagi memenuhi dan menampung keperluan semasa serta menghindarkan negeri Johor daripada krisis sisa pepejal, teknologi tersebut akan dilaksanakan di tapak pelupusan sanitari Selong dan tapak pelupusan Tanjung Langsat.

Kerajaan negeri berpendirian untuk menuju ke satu sistem pelupusan sisa pepejal yang efektif melalui konsep WTE ini dengan mengangkat nilai kelestarian apabila sampah dilupuskan, akan diproses dan hasilnya menjadi tenaga ataupun bahan-bahan yang lain yang boleh menjana pendapatan.

Dua pendekatan iaitu pelupusan sampah dan penghasilan hasil tersebut digabungkan dan hasilnya kemudiannya dijual dan diguna untuk memberi manfaat kepada kawasan dan penduduk setempat. Bagi tambahan, konsep WTE ini merupakan sistem pelupusan sisa pepejal yang mampan dan mampu menjana pendapatan, malah mengurangkan tanggungan kerajaan negeri dalam menguruskan sisa pepejal. Pelaksanaan konsep ini dilihat sebagai pendekatan bersifat jangka panjang dalam mengatasi isu-isu kritikal dan mendesak di tapak-tapak pelupusan sedia ada seperti pencemaran air larut resap atau dengan izin *leachate,* pencemaran bau, kebakaran akibat cuaca, rungutan awam dan juga kesihatan masyarakat setempat.

YB Speaker : Jemput Bentayan, soalan tambahan.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Terima kasih Tuan Speaker. Yang kita sedia maklumkan sekarang banyak kapasiti untuk tapak pelupusan sisa pepejal di negeri Johor ini, banyak dekat tahap yang maksimum. Sebagai satu contohnya dekat Bukit Bakri, tempohnya hanya tinggal 1 hingga 1 ½ tahun, *so* jadi, saya nak tahukan, apakah tindakan jangka masa pendek untuk kerajaan negeri untuk mengatasikan masalah ini. Sekian.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih kepada Yang Berhormat Bentayan atas soalan tersebut. Untuk makluman yang Berhormat Speaker, rancangan asal yang di rangkak oleh Kerajaan terdahulu seperti yang hangat diperbincangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk beberapa, dalam perbahasan beberapa hari yang lepas ini, adalah di mana semuanya akan menunggu pembinaan tapak pelupusan sanitari di Bukit Payung. Di mana kalau ikut rancangan asal, tapak pelupusan di Bukit Bakri akan ditutup selamat, disebabkan telah habis tempoh hayatnya, menjangkau tahun 2019. Bagaimanapun disebabkan ada bantahan yang begitu kuat daripada pihak penduduk di tapak Bukit Payung, maka pihak kerajaan sekarang dalam, tahap di mana peringkat mengkaji semula pembinaan tapak pelupusan sanitari Bukit Payung. Bagaimanapun untuk penyelesaian jangka pendek kepada tapak pelupusan Bukit Bakri, kami akan mencari satu tapak tambahan yang berdekatan untuk menampung keperluan di sekitar Majlis Perbandaran Muar sebagai apa tu kita kata, sebagai satu penyelesaian sementara ataupun sebagai satu *back up plan* sekiranya terpaksa juga kita menutup tapak pelupusan Bakri pada tahun hadapan.

YB Speaker : Jemput Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO tahniah kerana kerajaan masih lagi meneruskan pendekatan *Waste to Wealth* ini sebagai satu kaedah untuk mengurus sisa pepejal. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan terhadap penggunaan teknologi yang semakin hari kalau kos menjadi kekangan. Teknologi berkembang maju dan kos juga menurun. Jadi daripada *sanitary landfill* yang dicadangkan di beberapa tapak untuk pelupusan sampah ini, apakah pendapat Kerajaan tentang penggunaan *incinerator* sebagai salah satu kaedah, yang kita tahu mesra alam sekitar dan ianya merupakan salah satu kaedah pelupusan yang terbaik sekiranya bajet ataupun peruntukan tidak menjadi halangan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Benut soalan yang ditimbulkan tadi. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekarang ini kita lebih daripada konsep *Waste to Wealth*, WTE daripada hanya kita menyebut *incinerator* di mana ianya adalah satu pembaziran. Apabila segala sisa dihantar untuk dibakar, ianya adalah satu pembaziran sumber. Maka kita dalam proses mengkaji di mana ada beberapa *proposal* ataupun cadangan yang telah dihantar kepada pihak saya, maka kami akan mengambil kira dari segi bukan sahaja kos pembinaan tetapi juga dari segi kos pengurusan untuk jangka panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat dan makluman Dewan yang mulia ini, di mana kos untuk pembinaan... cadangan untuk pembinaan *incinerator* ini dia bukan sahaja melibatkan kebimbangan dari segi isu-isu alam sekitar, tetapi ianya sebenarnya juga memberi implikasi dari segi kos pengurusan. Yang saya maksudkan ini adalah *tipping fee* yang akan dikenakan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Di mana kadangkala walaupun kita nampak kos pembinaan itu tak begitu tinggi, ataupun sekarang ni memang ramai saya lihat banyak pihak-pihak yang cuba melobi kerajaan untuk membina *incinerator* dengan tawaran

yang begitu menarik sehingga mereka boleh mengeluarkan keseluruhan kos pembinaannya. Bagaimanapun, saya selalu percaya dan kerajaan selalu percaya pada satu *rythm* Inggeris, bahawa *"there's no free runs in this world",* maka kalau orang bagi secara percuma, kita kena fikir apakah implikasi jangka panjangnya. Maka kerajaan sentiasa mengamalkan sikap teliti dalam perkara ini supaya kita tidak membuat satu keputusan yang akan membebankan pihak berkuasa tempatan dalam jangka masa panjang.

YB Speaker : Ada lagi yang percuma YB. Gas.. udara masih percuma lagi (Ketawa). Silakan Senggarang.

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat EXCO telah menyatakan tentang Bukit Payung. Saya selalu dengar Bukit Payung ini. Semua diharapkan Bukit Payung. Kita sebenarnya penduduk-penduduk di Bukit Payung dah membuat bantahan daripada 2010, dah lama dah, sekarang dah 2018 kan, dah 8 tahun kan. Sepatutnya dah awal-awal dah mencari tempat lain dan akhirnya saya terima kasihlah kepada kerajaan yang baru ini, sejak Pakatan Harapan yang telah menangguhkan pusat pelupusan sampah Bukit Payung, iaitu satu tindakan yang cerdiklah saya rasa, yang baik untuk rakyat di sana. Dan soalan saya, adakah masalah ini yang selalu kritikal, masalah sampah ini, dulu-dulu tidak diperasan oleh kerajaan yang lama. Sampai dah sampai, dah sampai dah apa? Dah nak tenggelam semua baru kita nak, kerajaan Pakatan Harapan baru nak ambil alih masalah-masalah ini daripada kerajaan yang lama. Soalan saya.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang. Tapi nampaknya mungkin saya tidak sesuai untuk menjawab soalan itu. Sebab soalan itu ditujukan kepada kerajaan yang lama tapi bagaimanapun mungkin saya ambil masa sedikit untuk membicarakan apakah isu dan masalah yang kita hadapi dalam isu di Bukit Payung ini. Di kalangannya, isu dan cabaran yang kita hadapi adalah dua iaitu, bantahan daripada penduduk yang mana sehingga di kalangan EXCO-EXCO, kita juga berharap supaya projek ini dibatalkan. Bagaimanapun, sekarang ini arahan penangguhan untuk Bukit Payung ini, dia akan menyebabkan pembinaan di Bukit Payung tidak dapat disiapkan sebelum tapak Ladang CEP dan juga tapak Bakri yang saya sebut tadi yang akan tamat beroperasi pada tahun 2019. Implikasi ini ialah sisa pepejal dari Simpang Renggam, Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Batu Pahat dan Majlis Perbandaran Muar tiada tapak untuk dilupuskan. Saya harap jangan nanti semua sampah ini hantar ke rumah saya sudah.

Dan implikasi kewangannya adalah *monthly recurring cost* iaitu setiap bulan, ada kos sebanyak RM1 juta sebulan kepada kontraktor bagi kos mobilasi jentera, kos *overhead* dan kos pengurusan di tapak. Perkara ini, saya ada dapat maklumat daripada pihak Kementerian bahawa kontraktor sekarang dalam usaha untuk menuntut kerugian ini kepada kerajaan. Kos bagi *Leachate Treatment Plan* di ladang, di tapak pelupusan Ladang CEP yang menelan perbelanjaan kira-kira RM3.5 juta. Dan juga bayaran ganti rugi material di tapak yang dianggarkan menelan peruntukan sebanyak RM6.5 juta. Dari segi teknikal, Tapak Pelupusan Bukit Payung ini, sebenarnya dia bertujuan untuk menyelesaikan isu pengurusan sisa pepejal di kawasan Utara Johor. Yang mana jangka hayatnya akan tamat pada tempoh, tahun 2019 atau lebih awal. Antaranya adalah untuk Majlis Daerah Tangkak, iaitu Tapak Pelupusan Bekok yang akan, dijangka tamat pada tahun 2020. Majlis Perbandaran Batu Pahat, iaitu Ladang, tapak Pelupusan Ladang CEP dan Simpang Renggam juga, Kluang yang dijangka tamat tempoh pada 2019. Untuk Majlis Perbandaran Muar, Tapak Pelupusan Bakri dijangkakan pada tahun 2019. Maka kita mengikut jadual asal. Sekiranya tarikh Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Payung dapat siap pada 26 Ogos 2019, mengambil kira jangka hayat untuk tapak-tapak yang sebut saya tadi, maka tapak pelupusan di sekitar Johor Bahru Utara boleh ditutup secara selamat sebab isu yang kita hadapi ialah, sekarang ini tapak-tapak pelupusan tersebut bukan merupakan tapak pelupusan *sanitary.* Kegagalan untuk menyiapkan Tapak Pelupusan Bukit Payung ini akan menyebabkan persoalan dan masalah

yang besar untuk Majlis-Majlis Bandaraya, Majlis-Majlis Perbandaran ataupun Majlis-Majlis Daerah yang saya sebut tadi. Bagaimana pun, pihak kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil kira segala aspek dalam isu-isu ini dan sekarang ini kita telah mengambil kira bantahan daripada Bukit Payung, maka nampaknya kita dah selesaikan masalah ataupun bantahan di satu tapak tetapi kita terpaksa menangani masalah untuk 3 atau 4 tapak yang lain. Itu keadaan semasa yang kita hadapi.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta dinyatakan langkah dan sasaran kerajaan negeri bagi memastikan Pelan Induk Pembangunan Kontraktor Johor boleh dijayakan dan apakah bentuk sasaran yang telah dikenal pasti.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Alhamdulillah Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Benut, soalan A99 semalam saya dah jawab sebahagiannya iaitu untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, antara langkah-langkah dan sasaran yang diambil oleh kerajaan negeri ialah dengan adanya penubuhan JCCD, sebagai pemudah cara dan agensi tempat para kontraktor di dalam industri pembinaan. Jadi dalam JCCD ini juga ada laman sesawang dan kita cadangkan untuk kita *upgrading* dia jadi data pusat akan datang. Di mana dalam tersebut kita sedang mengemas kini dan penyusunan semula pendaftaran kontraktor serta membantu khidmat maklumat sistem perolehan, penyewaan mesin jentera, senarai pembekal atau *supplier* dengan izin, khidmat nasihat kewangan, *star rating*, iaitu kualiti kedudukan kualiti kontraktor, dengan izin, senarai *reference* kerja, dengan izin. Maklumat tawaran latihan dan seminar. Di samping itu juga beberapa perjumpaan dan sesi temu bual saya dengan badan-badan yang melibatkan dengan kontraktor iaitu CIDB, PKK dan juga YPJ. Di mana, macam CIDB ini perbincangan saya lebih tertumpu, CIDB ini menyediakan kursus-kursus jangka pendek, kebanyakan macam operator *crane*, *backhoe*, pemandu *backhoe* dipanggil, kalau orang kita panggil JCB lah dan juga kursus-kursus *scalfolding* perencah. Jadi cuma benda ini memang dah ada, zaman sebelum kita tubuh kerajaan, tinggal lagi penekanan saya tentang kualiti. Dulu, pengalaman saya Yang Berhormat Speaker, kalau operator *crane* itu dengan pemandu JCB keluar, walaupun ada lesen tapi tak mampu untuk memandu. Jadi kali ini kita cadangkan supaya, dia mempunyai, dipanggil *industry training* supaya dia keluar lebih berkualiti. Dan bila dia masuk dalam pasaran memudahkan dia *compete* dalam pasaran dan juga kita sebagai primer kontraktor ini dapat produk yang lebih berkualiti dan menyakinkan.

Sebab apa, Yang Berhormat, ini pengalaman saya. Bila tiada kualiti, ini bila keluar, *machine* kita *crane* pun patah. Jadi ini di antara penekanan yang kita minta CIDB fokuskan dan CIDB pun bagi sebenarnya elaun sara hidup tapi tidaklah banyak kepada peserta. Cuma satu lagi kelemahannya saya tengok dari segi tawaran. Benda ini kadang-kadang tidak sampai dekat bawah. Kadang-kadang benda ini macam tertutup sangat. Jadi minta, benda ini saya minta diuar-uarkan melalui media yang lebih luas supaya belia-belia ini dapat maklumat yang lebih baik pendekatannya. Seterusnya, PKK. PKK ini saya tengok macam kurang agresif dari segi, dari segi penambahan kontraktor agresif, tapi saya nak kualiti kontraktor. Dan saya mengarahkan PKK untuk melanjutkan tempoh-tempoh lesen PKK. Saya nak supaya PKK buat *observation* atau kunjungan kepada premis-premis, pejabat-pejabat syarikat kontraktor, betul tak kontraktor wujud. Sebab apa kita tak nak timbul isu bahawa banyak sangat dekat *market* isu penyewaan lesen. Atau syarikat-syarikat ali baba. Jadi kita arahkan, saya dah arahkan, saya pun dah bagi macam satu *target* PKK supaya *every month* dia bagi dekat saya laporan, dia punya, laporan *observation* tersebut untuk dia melanjutkan tarikh tempoh kontraktor.

Seterusnya tentang YPJ. YPJ ini di bawah kerajaan negeri Johor. Saya dah jumpa secara tidak *official* dengan YPJ Pendidikan iaitu saya minta supaya dipertimbangkan kursus-kursus yang lebih sesuai mengikut *market demand* dengan izin, supaya kursus-kursus yang dikeluarkan oleh YPJ itu betul-betul katanya sesuai dengan keperluan pasaran industri pembinaan. Jadi saya ambil contoh, macam di YPJ tidak ada kursus QS lepas itu tidak ada kursus macam *oil and gas* punya *gas tester* dan sebagainya. Yang ini kita tengok projek RAPID saya belum, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pun pernah terlibat dalam projek RAPID banyak *course-course* peluang yang macam ini yang kita sepatutnya kita buat di YPJ dan bila graduan kita keluar dan kita boleh *supply* untuk pasaran di projek RAPID sana. Jadi sekarang ini, kebanyakannya kita datangnya pekerja daripada luar. Dan dengan ada kursus tersebut, kita harap anak-anak Johor dapat lebih peluang untuk kita masuk dalam pasaran projek-projek sedemikian *oil and gas.* Terima kasih.

YB Speaker : Jemput soalan tambahan Benut.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO di atas kefahaman yang cukup mendalam terhadap industri pembinaan dan juga keyakinan Yang Berhormat EXCO untuk menggerakkan JCCD ini. Semalam kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Mampan 2019 – 2030. Program-program seperti JCCD ini Yang Berhormat perlu dan tentunya akan selari dengan pelan induk. Jadi Pelan Induk Pembangunan Kontraktor ini dengan Pelan Pembangunan Mampan Johor itu perlu selari. Jadi untuk itu di manakah di dalam Pelan Mampan Johor ini adanya teras-teras yang lapan itu dimasukkan peranan JCCD ini untuk Yang Berhormat boleh, membolehkan Yang Berhormat untuk membangunkan lebih ramai lagi kontraktor-kontraktor. Jadi adakah salah satu daripada lapan teras itu akan membolehkan Yang Berhormat memacu JCCD ini terus maju ke hadapan. Kalau tidak ada, adakah Yang Berhormat bersedia untuk memasukkan peranan JCCD di dalam lapan teras tersebut.

YB Speaker : Jemput

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Speaker, jadi sebenarnya pembangunan teras ini adalah nama pun teras, dia ada lapan. Dia tidak menyebut secara *detail* tentang pembangunan tersebut. Jadi Insya-Allah, kita akan, kita bukan ada, kita memang ada *planning* masuk dalam itu tapi kita tidak umumkan secara *detail* lah. Nama pun teras sahaja. Pengisian dia, kita akan bagi maklumat kemudian, boleh tak Yang Berhormat?. Sebab maklumlah kita baru 3 bulan. Bagilah peluang kita sedikit untuk kita mengkaji dengan lebih *detail*. Nama pun teras sahajakan. Terima kasih. Dan segala pandangan saya pun sebenarnya, kita kerajaan baru. Kita menawarkan juga jika ada idea-idea daripada pihak di sebelah. Kita sama-samalah untuk membangunkan negeri Johor ini. Jadi kita bukan, tidak semestinya semua pandangan kita daripada EXCO ini betul. Jadi kalau kita ada hubungan dua hala yang lebih baik, saya rasa dengan gabungan ini kita sama-sama dapat membangunkan negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Permas, soalan tambahan.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya, apakah kerajaan ada perancangan untuk menyenarai hitam dan membekukan kontraktor yang gagal dalam projek yang diberikan seperti Masjid Taman Scientex di mana kontraktor tidak menyiapkan dalam masa yang ditetapkan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO. Jemput, soalan tambahan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Yang Berhormat Speaker, maknanya soalan ni dah macam jauh benar. Tapi saya jawab jugalah. Sebenarnya bila projek-projek yang terbengkalai ni, bila kita, sebenarnya langkah terbaik

kita sebenarnya pihak JKR sebaik-baiknya kita tidak *terminate* kontraktor kecuali projek tersebut dah teruk sangat, dekat *site* ni dah tak bergerak, tak ada pekerja dan sebagainya. Yang ini kita terpaksa *terminate*. Kalau kita biarkan pun memang tak siap. Tapi kalau dah penghujung, katalah dia dah mencapai lebih kurang 80% ke atas, walaupun dia *slow*, dia ada yang bekerja kita masih tidak *terminate*, kita bagi peluang untuk menyiapkan. Sebab, *termination* ni bukan satu proses yang senang, dia melibatkan implikasi undang-undang dan sebagainya. Bukannya mudah dan biasa *termination* ni bergaduh dekat mahkamah. Jadi, sebaik-baiknya kita mengambil langkah *win-win situation* supaya projek ni boleh di siap dan diselamatkan. Tetapi kalau tak ada juga, macam kita pergi memang dah lemau sangat istilah projek tersebut kita terpaksa *terminate*. Tetapi kesan *termination* biasanya kita nak *retender* balik, pertamanya mengenai proses perolehan yang ambil masa. Yang keduanya, biasa *termination* kita tak dapat mencapai kos yang asal. Macam mana pun bila kita panggil masuk kontraktor baru, dia ada skop-skop *prelim* dan akhirnya dia, bajet akan *burst*. Bila bajet *burst* aje kita balik buat BQ, kita terpaksa buat bajet tambahan. Bila bajet tambahan melibatkan kerajaan persekutuan dia mengambil masa yang lebih jadi itulah sebabnya bukan dia masjid juga, ada juga soalan yang saya tak dapat jawab, Masjid Kampung Sawah, *ranking* soalan tak sampai kat saya. Tapi saya jawablah. Inilah punca dia sebenarnya projek-projek tersebut tidak dapat diselamatkan dengan segera. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Jemput Yang Berhormat Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Dengan peningkatan pembangunan perumahan dan industri di Pengerang, adakah bekalan air mencukupi untuk menampung penambahan keperluan air yang dijangkakan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Tanjung Surat telah membangkitkan soalan sama ada dengan peningkatan perumahan dan industri di Pengerang, adakah bekalan air mencukupi penambahan keperluan air yang dijangkakan?

Sukacita saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, berdasarkan keperluan air daripada maklumat permohonan kebenaran merancang oleh pemaju kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan konsep keseluruhan pembangunan baru oleh pihak pemaju kepada pihak Syarikat Air Johor Ranhill sememangnya terdapat peningkatan keperluan air di kawasan Pengerang. Pembangunan baru ini di kawasan Pengerang juga termasuk perumahan baru, kilang dan projek pembangunan taman tema. Pihak pemaju telah mengemukakan keperluan air untuk jangka masa terdekat sehingga tempoh 5 tahun lebih kurang 30 juta liter sehari ataupun 30mld.

Oleh itu, kerja menaik taraf Loji Rawatan Air di Sungai Lebam telah dicadangkan yang mana ianya dilaksanakan melalui dua fasa. Fasa pertama, daripada kapasiti 40mld kepada 50mld telah disiapkan pada tahun 2017 dan fasa kedua iaitu daripada 50mld kepada 81mld masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada November tahun 2018.

Dengan penyiapan kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Lebam ini ianya akan dapat menampung permintaan air untuk domestik dan industri di kawasan Pengerang dan sekitarnya. Pada masa ini keperluan bekalan air daripada Loji Rawatan Air Sungai Lebam adalah dalam sekitar 46mld. Sungguhpun demikian, keperluan pembinaan infrastruktur bekalan air baru akan sentiasa dikaji bergantung kepada unjuran permintaan air dan akan dicadangkan di dalam pelan perniagaan Syarikat Air Johor yang akan dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk kelulusan dan seterusnya pelaksanaan oleh pihak SPAN. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Tanjung Surat, soalan tambahan.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada EXCO yang menjawab. Daripada jawapan yang diberi saya rasa dalam jangka masa ke depan ni, saya ingat mencukupilah buat masa ini. Cuma, saya ingin tanya kalau ada rancangan kerana bekalan air bersih ni kita tingkat pun, menambahkan lagi bekalannya air di rawat, tapi kalau sistem paip yang ada tidak baik ataupun tidak mencukupi saiznya ataupun dah lama sangat, tidak boleh dipakai dengan begitu berkesan. Jadi soalan saya, adakah dengan pembesaran peningkatan loji-loji rawatan air ni membekalkan air bersih, kerajaan negeri bercadang untuk mengganti paip-paip lama atau paip-paip yang saiznya tidak sesuai lagi dengan keadaan yang ada di Pengerang. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih untuk soalan tambahan oleh Yang Berhormat daripada Tanjung Surat. Ya Tuan Speaker, sememangnya kalaulah isu-isu *piping* ni dia tidak ditukar, dia bukan sahaja satu, dia tidak boleh terima tekanan. Maknanya bila *piping* tu lama sangat, air yang di pam melalui *piping* tu kadang-kadang dia tidak boleh, kita kata *fully utilized* 100% sebab tekanan dia tidak boleh tahan dan kemungkinan kalau kita paksa dia boleh pecah. Dan, kalau pecah *piping* tu maknanya adalah isu gangguan bekalan air.

Dan, keduanya bila *piping* dia tidak ditukar dia akan juga mengakibatkan air tu terhilang yang kita panggil NRW, *non revenue water* di mana di Johor kita di dalam hampir 25%. Ini juga akan mengakibatkan *payback* kita naik yang akan menjejaskan ada satu kaitan, kesan kepada tarif air kita. Maka saya cukup setuju dengan cadangan Tanjung Surat dan memang pun kita ada cadangan untuk membuat penukaran paip air dari semasa ke semasa termasuk juga di kawasan Pengerang. Sekian.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Senai.

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 5.

Seperti yang kita semua tahu, kawasan Senai di lengkapi dengan kemudahan seperti lapangan terbang, stesen kereta api, RTC dan pusat membeli belah Johor Premium Outlet (JPO). Apa yang saya sedih adalah, pelancong yang datang ke Senai tidak mempunyai tempat menarik untuk berkunjung. Adakah kerajaan Johor bercadang untuk menaikkan nama Senai sebagai Hub Kesenian dan Kebudayaan bagi mempromosikan sektor pelancongan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih YB Senai mengemukakan soalan tersebut. Berdasarkan pelan induk pelancongan negeri Johor tahun 2014 hingga 2023, kawasan Kulai, Senai, Skudai telah diletakkan di bawah kluster destinasi pelancongan membeli belah atau *leisure shopping* dengan menjadikan JPO, Johor Premium Outlet sebagai satu tarikan pelancongan utama di kawasan berkenaan.

Untuk makluman, salah satu cadangan yang dikenal pasti dalam pelan induk tersebut adalah untuk mewujudkan *Johor Creative Art and Perfomance Centre* yang berkonsepkan studio, galeri dan teater bagi mempersembahkan demonstrasi, latihan dan juga persembahan kebudayaan. Ini akan menjadikan tempat ini sebagai *one stop centre* atau pusat sehenti kepada para pelancong dan pelawat dalam memperkenalkan budaya negeri Johor kepada masyarakat luar.

Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat cadangan dan memerlukan penelitian rapi khususnya di dalam mengenal pasti tapak cadangan dan pelabur atau pemaju yang berpotensi. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Senai, kalau ada soalan tambahan.

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Soalan tambahan ya. Saya nak tanya tentang status peruntukan kewangan daripada bekas Menteri Pejabat Perdana, Wee Ka Siong, Ahli Parlimen Air Hitam juga, menafikan infrastruktur pekan Kulai seperti menyatakan pusat informasi pelancongan, kos perbelanjaan lukis mural dan sebagainya. Menurut maklumat media di cetak di Sing Chew Guan Mei dan Nanyang Siang Pau pada 10 Mac 2018 memperuntukkan kewangannya sebanyak RM500,000.00 untuk rancangan sedemikian dan Senai juga nak tanya tentang status pelan tindakan, PT11 cadangan menaik taraf aktiviti pelancongan mural di Kelapa Sawit yang tercetak dalam Rancangan Kawasan Khas Kulai Utama 2015 sampai 2025 daerah Kulai. Berdasar anggaran kos tercatat...

YB Speaker : Panjangnya soalannya...

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : ...dalam 4.4 Pengurusan ya, perlaksanaan...

YB Speaker : Mana satu soalan ni...

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Ada dua soalan. Satu dia kewangan daripada bekas..

YB Speaker : Satu soalan saja kita bagi...

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : ...yang lagi satu peruntukan sama, wang, wang juga, dengan peruntukan juga. Dicadangkan dekat PT11 ni ada RM7 juta untuk menaikkan kawasan itu. Sepatutnya kawasan Kelapa Sawit ini, dia punya *Art Festival* siapa yang anjur? Saya yang anjur, saya lukis mural kat sana. Tak pernah saya dapat 10 sen daripada kerajaan juga. Kenapa ini dia nyatakan ada bajet RM7 juta untuk projek tersebut? Itu soalan saya.

YB Speaker : Ok.

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih kepada ADUN Senai. Terima kasih saya ucapkan kepada ADUN Senai kerana sebelum ini walaupun bukan Wakil Rakyat telah menjalankan banyak-banyak aktiviti di kawasan Kelapa Sawit....

YB Speaker : Padanlah dia menang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : ...melukiskan mural yang cantik di tempat tersebut. Walaupun tidak dapat peruntukan daripada kerajaan sebelum ini tetapi masih tetap beliau melukis mural di tempat tersebut. Bagi menjawab soalan ADUN Senai, kami tahulah bahawa sebelum pilihan raya banyak janji-janji yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan yang sebelum ini. Tetapi setakat ini setelah disemak, Majlis Pentadbiran Kulai, MPKu mendapati bahawa tidak ada peruntukan kewangan yang disebut oleh, yang telah disalurkan kepada, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam, yang telah dinyatakan oleh ADUN Senai. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jadi, sedekah jelah Yang Berhormat. Sedekah ajalah yang tu. Ok, Bukit Permai.

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyoal kepada pihak kerajaan. Kita ada lapangan terbang, tarafnya antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, tapi saya amat sedih dan dukacita kerana Lapangan Terbang Antarabangsa Senai tidak ada kawasan tinjau. Maknanya orang ramai datang bawa anak-anak nak tengok kapal terbang tak dapat. Jadi, apakah rancangan kerajaan di bawah sektor pelancongan, minta kepada lapangan terbang Senai ni diadakan satu kawasan tinjau, Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Speaker : Saya tak pasti soalan ni tepat ke tak soalan tu. Tapi, saya persilakanlah YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih kepada ADUN Bukit Permai. Cadangan ini merupakan satu cadangan yang baik. Saya akan mengemukakan soalan dan cadangan ini kepada Senai Airport. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Hmm...nanti dia dah siap nanti Bukit Permai orang pertama sekali naik atas. (Dewan ketawa). Saya jemput seterusnya, Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Mohon nyatakan perancangan kerajaan dan status perancangannya untuk menjadikan daerah Segamat untuk menjadi sebagai hab pertanian dan pengeluaran hasil asas tani serta apakah jenis aktiviti pertanian yang diutamakan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Bismillahirrahmaanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada YB Semarang. Segamat merupakan daerah yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai hub pertanian dan pengeluaran hasil asas tani. Daerah yang mempunyai keluasan 285,136 hektar dengan populasi 213,000 orang penduduk. Segamat merupakan daerah terbesar bagi keluasan penuaian hasil tanaman bagi jenis tanaman utama antaranya durian, limau bali dan betik, nangka, pisang dan rambutan iaitu seluas 6,522 hektar. Bagi setiap, bagi sektor pertanian, aktiviti utama telah didominasi oleh aktiviti tanaman, eco dan agro-pelancongan dan industri kecil dan sederhana. Produk utama bagi daerah Segamat ialah durian, betik, limau bali, kelapa, penternakan dan juga perikanan. Segamat mensasarkan dan menfokuskan 3 bidang utama iaitu pertanian moden, tarikan akronik dan eco dan agro-pelancongan. Dari segi kekuatan, daerah Segamat mempunyai sumber pertanian yang banyak, kesuburan tanah, mempunyai komuniti berasaskan pertanian yang kuat dan komuniti pertanian yang bersedia untuk berkembang dan memajukan sektor ini. Segamat juga mempunyai keunikan produk seperti durian Segamat dan ikan baung. Satu kajian berkaitan pelan pembangunan hab pertanian dan industri asas tani telah dilakukan bagi memacu sektor pertanian dan industri asas tani di daerah ini, secara lebih komprehensif dalam jangka masa pendek dan panjang. Di peringkat pentadbiran daerah, Pejabat Daerah Segamat telah memulakan inisiatif ini seperti mewujudkan kemudahan-kemudahan bagi menyokong dan merancakkan aktiviti sektor pertanian dan industri asas tani.

Selain itu, usaha kerajaan negeri untuk mewujudkan Wilayah Pembangunan Koridor Johor Utara yang melibatkan tiga daerah di Utara Johor iaitu Segamat, Tangkak dan Muar.Ini selari dengan hasrat menjadikan Segamat sebagai hab pertanian dan industri asas tani. Hal ini kerana wilayah ini memfokuskan sektor pendidikan, perabot, pertanian moden, industri asas tani dan eko dan agro pelancongan, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Semarang, soalan tambahan.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Untuk menjadikan Segamat sebagai hab pertanian dan pengeluaran hasil asas tani,

saya ingin bertanya, adakah kerajaan akan menumpukan kepada pengusaha-pengusaha pertanian sedia ada semata-mata ataupun menyediakan kawasan-kawasan baru untuk peserta-peserta dan pemain-pemain industri yang baru, yang telah dikenal pasti berpengalaman dan apakah usaha kerajaan untuk memastikan bahawa ia rantaian nilai dalam industri pertanian ini kekal berfungsi di hab yang baru ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Yang Berhormat Tuan Speaker, Jabatan Pertanian memberi fokus pada kedua-dua bidang. Maknanya, kita akan memajukan penternak-penternak dan petani kecil-kecilan dan kita juga akan memberikan tanah-tanah untuk mereka usahakan. Contohnya, projek yang terbaru ialah *agromix farm* yang kita telah laksanakan di jalan antara Mersing ke Muadzam di mana di *agromix farm* untuk fasa pertama, kita telah memberikan tanah seluas 50 ekar kepada 11 pengusaha-pengusaha di mana pengusaha-pengusaha dapat mewujudkan satu, seperti *show room,* bagi mewakilkan projek-projek ataupun penternakan-penternakan ataupun pertanian-pertanian yang mereka telah usahakan.

Begitu juga, *agromix farm* mempunyai beberapa fasa di mana keluasan *total agromix farm* ialah sebanyak 156 ekar. Jadi, di mana dengan adanya inisiatif-inisiatif dan intensif-intensif yang dibuat oleh Jabatan, saya cukup yakin bahawa Segamat akan menjadi hab pertanian untuk Johor. Kemudian, banyak juga projek-projek yang telah kita buat contohnya, memperkasakan industri hiliran. Dan untuk memastikan bekalan stok buah-buahan tidak dipasarkan atau untuk memastikan harga buah tidak jatuh, kerajaan juga akan memastikan, kerajaan berusaha untuk mengeksport buah-buahan yang ada di kawasan Segamat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Bukit Kepong, ada? Tak ada ya?

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya amat bersetujulah apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO tentang hab pertanian yang akan dilaksanakan di daerah Segamat. Apa yang kita lihat sebenarnya, apa yang dirancang oleh kerajaan terdahulu iaitu daerah Segamat memang diletakkan sebagai daerah yang akan diberi keutamaan untuk kita wujudkan hab pertanian. Cuma, apa yang saya amat tertarik dengan apa yang dimaklumkan oleh Menteri Pertanian yang mana telah mencadangkan untuk nelayan menanam nanas dan sebagainya di belakang rumah. Jadi, adakah Yang Berhormat EXCO atau Jabatan Pertanian mempunyai perancangan khusus atau program khas untuk melihat bahawa ini pun sebagai salah satu daripada program-program, kerana kita hanya menumpukan kepada hab pertanian di daerah Segamat?terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Terima kasih. Saya belum diberikan *presentation* lah ataupun penerangan tentang apa yang Menteri ucapkan tapi menurut saya itu merupakan satu idea untuk memastikan bahawa nelayan tidak hanya fokus untuk menjadi nelayan. Contohnya, mungkin nelayan boleh bekerja juga sebagai membuat juga tanam-tanaman. Itulah sebetulnya yang kerajaan dulu telah buat, contohnya, macam kami di kawasan kampung, kita digalakkan untuk menanam kelapa sawit. Kita juga digalakkan untuk menanam getah dan mungkin juga kita digalakkan juga untuk membuat dusun buah-buahan kerana pada satu waktu, getah mungkin akan turun harga dia, tapi kelapa sawit akan naik dan buah biasanya sentiasa naik. Itulah mungkin idea daripada Yang Berhormat Menteri di mana nelayan, selain dia fokus untuk memastikan bahawa pelaksanaan hidup dia yang biasa menjadi nelayan, mungkin dia juga boleh berfikir macam mana untuk menambahkan *income* untuk memastikan pendapatan sentiasa meningkat. Jadi, di kawasan pantai biasanya yang terbaik ialah menanam kelapa atau mungkin di kawasan sana sesuai dengan tanaman nanas. Jadi, nelayan digalakkan untuk

menangkap ikan dan juga mungkin ada juga hasil lain seperti menanam nanas dan kelapa. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Sedili, silakan Sedili.

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain (Sedili) : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, untuk pengetahuan, di Sedili kebanyakannya adalah nelayan. Mereka duduk menumpang di rumah-rumah orang tua. Adakah dengan dasar kerajaan hari ini, menyuruh nelayan untuk tanam tanaman kontan dan sebagainya, adakah kerajaan akan memberi tanah kepada nelayan-nelayan yang tidak ada tanah? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Terima kasih di atas pertanyaan. Insya-Allah, itu merupakan satu idea atau pandangan yang baik tapi untuk, hingga ke hari ini, saya belum dimaklumkan adakah ada pemberian tanah atau tidak? Namun, saya akan bawa perkara itu ke pihak Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Adakah kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan VEP di Tambak Johor dan lebuh raya Linkedua? Apakah masalah dihadapi dalam pelaksanaan VEP dan memohon pencerahan serta pendirian kerajaan dalam pelaksanaan dasar ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk maklumat Yang Berhormat Pekan Nanas, buat masa ini pelaksanaan VEP, *Vehicle Entry Permit* adalah dalam peringkat *Professional Acceptance Test* (PAT) dan akan memulai fasa *Final Acceptance Test* (FAT) sebelum dilaksanakan secara rasmi. Memandangkan VEP masih belum dilaksanakan secara rasmi, maka pada masa ini, tiada sebarang masalah pengoperasian VEP yang telah dikenal pasti, dan masih terlalu awal untuk kerajaan mengkaji pelaksanaan sistem tersebut.

Dalam hal ini, kerajaan masih kekal untuk meneruskan pelaksanaan VEP kerana sistem ini akan dapat membantu memantapkan keselamatan negara dari segi pengurangan masalah kemasukan kenderaan haram, membasmi penyeludupan kenderaan klon serta dapat memastikan semua kenderaan asing mematuhi kesemua peraturan-peraturan jalan raya negeri ini. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Jemput Pekan Nenas, soalan tambahan.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, pelaksanaan VEP sebenar dirancang bermula sejak 1 Ogos 2015. Syarikat yang mendapat projek pelaksanaan VEP adalah TC Seng Sdn. Bhd. melalui rundingan terus. Menurut maklumat daripada bursa *investment* , TC Seng Sdn. Bhd. ini telah mensubkan projek ini kepada pihak ketiga Dagang Nes Cheng Sdn. Bhd. bernilai RM104 juta.

Syarikat TC Seng ini juga melibatkan bekas Ahli Parlimen kawasan Tanjung Piai,Wee JeckSeng dengan memegang 25% daripada syarikat TC Seng. Soalan saya adalah, adakah wajar ahli politik untuk melibat diri dalam projek-projek kerajaan kerana dia adalah bertentangan dengan prinsip iaitu *conflict of interest*? Dan adakah kerajaan akan mengkaji semula penyerahan projek ini kepada TC Seng Sdn. Bhd kerana dia telah mengsubkan

kontrak sebahagian ataupun mengsubkan kontrak ini kepada pihak yang ketiga. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada YB Pekan Nanas. Jadi, sebenar ini maklumat yang barulah saya dapat,terus terang saya cakap, sebelum ini saya pun secara peribadi tak tahu melibatkan benar atau tidak terlibatkan bekas seorang Timbalan Menteri, tapi dari segi *moral of story*, ceritanya, sebenarnya tak eloklah salah tak salah ini, kita kena rujuk, kena *confirm* betul-betul sebab benda ini kita kena *confirm* dahulu sebarang maklumat kita dapat, kita kena *confirm* dahulu betul atau tidak, baru kita ambil tindakan undang-undang atau sebagainya. Jadi, yang ini kita akan buat *follow up* yang seterusnya, kita akan, kebetulan lagi 2 minggu saya ada perjumpaan dengan Menteri Pengangkutan, sebab apa VEP ini bawah Kementerian Pengangkutan dan kita akan bincangkan perkara tersebut.

Sebenarnya, sistem ini bagus, tinggal lagi dipertikaikan siapa yang *owned,* yang punyai projek tersebut, itu yang dipertikaikan oleh rakyat. Sistem tak ada masalah, satu perkara yang baik supaya kita tadi yang saya cakapkan, kita boleh kawal, kita tak hendak kereta-kereta balik Singapura ini, datang masuk Malaysia, dia tak balik dan dia datang kat Malaysia, dia duduk kat Malaysia, dia jadi kereta klon. Kadang-kadang, ada sendikit-sendikit yang buat kereta ini, bila *accident*, dia masuk kereta baru, *body* dia macam ini, dan di bawah JPJ. Jadi, yang ini maklumat ini, kita akan panjangkan kepada Kementerian Pengangkutan. Jadi, saya pun tidak boleh buat tuduhan melulu dan sebagainya. Sebagai kerajaan yang adil, jadi saya perlu juga dapatkan *confirmation*, jadi ini kita anggap dia sebagai satu disyaki ayat dialah, jadi disyaki ini kita kena siasat dahulu.Terima kasih memberi maklumat.

YB Speaker : Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirrahmaanirrahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan terima kasih kepada kerajaan Pakatan Harapan kerana meneruskan ataupun setuju dengan pelaksanaan VEP. Saya masih ingat beberapa tahun dahulu, saya adalah antara yang bersama-sama dengan Yang Berhormat Speaker berdebat pasal VEP ini di Pulai, kalau tak silap saya. Apa pun..

YB Speaker : Masa itu, PAS lagi ya?

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Masa itu PAS lagi. Apa pun, saya ingin dapat kepastian daripada kerajaan negeri tentang apabila VEP ini dilaksanakan akan ada kutipan yang dibuat oleh kerajaan persekutuan. Antara cadangan yang telah dikemukakan dahulu adalah untuk kerajaan negeri memohon sebahagian kecil daripada kutipan tersebut disalurkan terus kepada kerajaan negeri. Ini adalah bertujuan bagi memastikan supaya kerajaan negeri, selain daripada mendapat pulangan, ia juga boleh digunakan untuk penyelenggaraan ataupun pembangunan infra-infra yang baru yang digunakan yang ada di dalam negeri kita.

Apa pun, itulah saya nak dapatkan kepastian sama ada kerajaan negeri ada membuat secara rasmi atau memohon untuk sebahagian daripada kutipan tersebut disalurkan ataupun dipulangkan kepada kerajaan negeri semula? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Panti, Yang Berhormat Speaker. VEP ini di bawah Seksyen 66(h) di mana JPJ perlu merekod semua kenderaan yang masuk. Jadi, yang dibayar adalah bukan VEP, yang dibayar adalah *road charge* sebenarnya. VEP ini proses tak bayar pun. *Road charge* ini kita ikut statistik 2017, anggaran lebih kurang kita dapat 100juta dan 25%

adalah untuk kerajaan negeri dan 75% adalah kerajaan pusat dan kita punya sumber adalah 25juta lebih kurang anggaran kasar 25 juta. Jadi yang ini balik kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri boleh gunakan untuk pembangunan dan juga *maintenance* dan sebagainya. Jadi, itu yang saya boleh jawab apa soalan daripada ni. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya jemput Senai.

YB Encik Tee Boon Tsong (Senai) : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 8.

Kawasan Senai seringkali berlaku gangguan bekalan air. Apabila berlaku pencemaran di loji rawatan air, tidak kurang daripada 3 jam kawasan Seelong menghadapi gangguan bekalan air yang kritikal. Saya difahamkan kawasan Senai mempunyai beberapa tangki air, bolehkan senaraikan jumlah semua tangki air di kawasan Senai dan berapakah jumlah tangki air yang berfungsi?

YB Speaker : Jemput JB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Tuan Speaker, pertamanya saya ingin menyatakan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Senai bukan sahaja untuk soalan ini tapi untuk selama ini terlibat dengan begitu tegasnya dalam program kelapa sawit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beliau seorang artis yang cukup berbakat dan selamat 4 tahun ini dalam program kelapa sawit ia ada banyak lukis formula. Saya ajak semua Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini datanglah lawat pada 30 hingga 31 Ogos Pesta *Less Art* At Sawit mungkin Yang Berhormat Senai boleh memberi *tour* juga dan saya haraplah ia sudah jadi Yang Berhormat jangan lupa kalau ada masa boleh balik dan lukis lagi dengan mural yang lagi cantik lagi. Dewan bertepuk.

YB Speaker : Ini promosi Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Promosi *Tourism* juga. Yang Berhormat Tuan Speaker, kawasan Senai, kini menerima bekalan air dari Loji Rawatan Air Semanggar melalui tangki imbangan bukit 75 seterusnya disalurkan ke tangki-tangki perkhidmatan yang terdapat di kawasan Senai iaitu sebanyak 20 buah tangki. Ke semua tangki tersebut berfungsi dengan baik.

Kawasan Seelong yang mempunyai 1792 akaun Syarikat Air Johor dan kawasan Kampung Maju Jaya yang mempunyai 138 akaun SAJ merupakan kawasan berbukit-bukit dan menerima bekalan secara terus dari tangki imbangan bukit 75 kerana tangki-tangki perkhidmatan sedia ada yang lain tidak sesuai untuk menyalurkan air ke kawasan tersebut. Berkaitan gangguan bekalan air yang berlaku di luar kawalan pihak SAJ Ranhill yang berpunca daripada pencemaran, dimaklumkan sepanjang tahun 2017 dan 2018 terdapat 3 insiden pencemaran air mentah di Sungai Johor iaitu pencemaran *ammonia* yang berlaku pada 22 Ogos 2017 dan 27 Oktober 2017. Kejadian kekeruhan air mentah tinggi sehingga mencecah tahap 1,564 NTU pada 6 April 2018 serta insiden tumpahan minyak yang berlaku pada 10 Mei 2018 baru-baru ini. Selain itu, pihak loji juga menghadapi insiden masalah bekalan TNB terputus pada 4 September 2017 dan 29 April 2018.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Senai juga ada buat pertanyaan untuk senaraikan semua tangki air di kawasan Senai dan berapakah jumlah tangki air yang berfungsi? Untuk jangka masa Panjang, SAJ juga telah ada perancangan membina sebuah tangki perkhidmatan meninggi atau kita panggil *elevated tank* berkapasiti 4.5 juta sehari di sekitar Kampung Maju Jaya bagi mengatasi masalah yang berlaku sehingga kini di peringkat reka bentuk oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Untuk makluman, tangki ini dijangka siap pada awal tahun 2020 dan mendatangkan manfaat kepada kira-kira 1,930 pemegang akuan Syarikat Air Johor. Sementara menanti projek tersebut siap sepenuhnya dan sekiranya berlaku insiden Loji Rawatan Air Semanggar terpaksa berhenti operasi maka untuk meminimumkan atau mengurangkan kesan gangguan bekalan air, Syarikat Air Johor

telah diarahkan oleh pihak kerajaan untuk mengarahkan lori bantuan air ke kawasan-kawasan terbabit dalam masa yang paling singkat bantuan tangki ini adalah diberi keutamaanlah kepada pusat dialisis, rumah ibadat, hospital, asrama sekolah, kematian dan acara keraian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat 20 tangki air di kawasan Senai izinkan saya bacakan.

1. Tangki Senai *balancing* yang mempunyai kapasiti 6.82 milion liter.
2. Taman Desa Idaman 2 yang mempunyai kapasiti 2.59juta liter.
3. Tangki Taman Scientex Senai yang mempunyai kapasiti 6.82juta liter.
4. Senai Airport City 1 yang mempunyai kapasiti 5.77juta liter.
5. Taman Senai Jaya yang mempunyai kapasiti 0.64juta liter.
6. Senai 2 A yang mempunyai kapasiti 1.14juta liter.
7. Taman Bintang Utama yang mempunyai kapasiti 1.82juta liter.
8. Tangki Taman Bintang yang mempunyai kapasiti 0.68juta liter.
9. Tangki Industri di Senai 2 yang mempunyai kapasiti 2.27juta liter.
10. Tangki Industri di Senai 4 yang mempunyai kapasiti 1.86juta liter.
11. Tangki Industri Senai 3B yang mempunyai kapasiti 3.18juta liter.
12. Tangki Senai Airport 2 yang mempunyai kapasiti 3.3 juta liter.
13. Tangki Taman Senai Utama 1 yang mempunyai kapasiti 1.14juta liter.
14. Taman Senai Utama kedua yang mempunyai kapasiti 1.82juta liter.
15. Taman Aman yang mempunyai kapasiti 1.59juta liter.
16. Tangki Taman Bukit Senang yang mempunyai kapasiti 0.91juta liter.
17. Tangki Senai 5 yang mempunyai kapasiti 0.45juta liter.
18. Tangki Senai Pertama yang mempunyai kapasiti 0.91juta liter.
19. Tangki Senai 4 yang mempunyai kapasiti 2.27juta liter; dan
20. Akhirnya tangki Taman Impian Senai yang mempunyai kapasiti 1.59juta liter. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan tambahan daripada Senai.

YB Encik Tee Boon Tsong (Senai) : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO. Pembukaan Art Festival kat Kelapa Sawit jemputlah semua datang 30, 31 Ogos. Soalan tambahan saya, difahamkan setiap kapasiti tangki simpanan air perlu berkemampuan membekal air tanpa terjejas selama 24 jam kepada kawasan mereka walaupun terputus bekalan air daripada loji rawatan air. Apakah perancangan kerajaan negeri Johor memastikan tempoh bekalan air selepas catuan air dapat dipanjangkan ke arah 24 jam tanpa jejas. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Senai atas soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 di bawah Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air, Destilasi Air Dan Pemasangan Paip 2014 ada menyatakan berkaitan hal muatan tangki simpanan di mana tangki simpanan bagi bangunan selain hospital, lapangan terbang atau bangunan industri hendaklah direka bentuk dan dibina dengan muatan simpanan tidak kurang daripada permintaan air selama satu hari berdasarkan corak penggunaan. Oleh itu, tangki individu dalam setiap premis perlu mempunyai simpanan 24 jam untuk memastikan pengguna mempunyai simpanan air yang mencukupi sekiranya berlaku gangguan bekalan air.

Untuk makluman, fungsi tangki berpusat atau tangki perkhidmatan pula adalah bertujuan untuk menyimpan air selama 24 jam sekiranya terdapat gangguan bekalan air pada satu-satu kawasan. Terdapat tangki perkhidmatan yang telah kurang keupayaan simpanan 24 jam disebabkan beberapa faktor antaranya pembangunan kawasan penempatan kecil baharu berdekatan dan menggunakan tangki sedia ada. Pihak Syarikat Air Johor juga telah

mengenal pasti tangki-tangki yang perlu dibina bagi mengatasi permintaan semasa dan masa hadapan.

Kawasan pedalaman seperti di kampung-kampung pula lazimnya tidak mempunyai tangki simpanan individu di premis masing-masing dan ini merupakan antaranya punca mereka tidak mempunyai simpanan air mencukupi sekiranya berlaku gangguan bekalan air. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ok. Seterusnya jemput Yang Berhormat Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 9.Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan kehadiran pelancong ke negeri kita?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa negeri Johor sememangnya mempunyai banyak tarikan pelancongan yang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara. Selain itu, kedudukan negeri Johor yang strategik iaitu di selatan semenanjung Malaysia telah menjadikan negeri sebagai salah satu pintu masuk utama pelancong antarabangsa ke Malaysia. Menyedari perkara ini, maka kerajaan negeri dengan kerjasama dari pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan khususnya yang berkaitan dengan pelancongan sentiasa mempertingkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri Johor. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri di dalam menarik dan meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong ke negeri Johor adalah seperti yang berikut:

Pertama, memperhebatkan program promosi dan pemasaran dengan menyertai pameran pelancongan atau *sales mission* di dalam dan di luar negara. Memperbanyakkan penganjuran program lawatan, pengenalan produk pelancongan Johor atau *familiarisation trip* kepada penggerak-penggerak industri pelancong, media masa dan penulis pengembaraan atau *travel writers* dari dalam dan luar negara. Setakat ini, sebanyak 17 program yang telah dilaksanakan yang turut melibatkan peserta dari dalam dan luar negara iaitu Indonesia, India, Singapura dan Korea. Memperkasakan pemasaran secara atas talian atau *online marketing* dengan mewujudkan kuota pelancongan Johor dan juga media sosial seperti *facebook, instagram* dan juga *twitter.* Untuk makluman, kerajaan negeri juga di dalam rangkaan untuk mewujudkan Aplikasi Telefon Pintar Pelancongan Johor atau *Tourism Johor Mobile Apps*. Menggalakkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan nasional di negeri Johor di mana pada tahun ini kerajaan negeri telah bercadang untuk menganjurkan 3 acara pelancongan baharu iaitu *Lady Bikers Tourism Ride* 2018, *Food and Art Festival* 2018 dan juga Bangsa Johor Run 2018.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu, memperluaskan penyebaran maklumat-maklumat pelancongan negeri Johor melalui penerbitan risalah pelancongan, kempen-kempen pengiklanan di majalah-majalah dan akhbar-akhbar utama di dalam dan di luar negara.

Keenam, mempelbagaikan produk pelancongan negeri Johor dengan menggalakkan kewujudan produk-produk pelancongan yang baharu yang berimpak tinggi, pada masa yang sama produk-produk pelancongan yang sedia ada juga akan terus dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa khususnya dari aspek infrastruktur serta kemudahan sokongan.

Ketujuh, memperbanyakkan pembangunan pakej pelancongan negeri Johor di mana pada tahun ini kerajaan negeri melalui *Tourism Johor* telah bekerjasama dengan NGO-NGO dan persatuan pelancongan untuk menyediakan pakej pelancongan yang bersedia untuk dipasarkan.

Kelapan, menarik lebih banyak syarikat penerbangan domestik dan antarabangsa untuk beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai . Untuk makluman ketika ini, terdapat 11 laluan penerbangan domestik dan 6 laluan penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai iaitu dari Surabaya (Indonesia), Jakarta (Indonesia), Ho Chin Minh (Vietnam), Bangkok (Thailand), Guangzhou (China) dan Incheon (Korea Selatan).

Kesembilan, meningkatkan pembangunan modal insan di dalam industri dengan menganjurkan kursus atau latihan, bukan sahaja kepada penggiat-penggiat industri pelancongan tetapi juga kepada rakyat Negeri Johor secara amnya. Ini bertujuan bagi membantu meningkatkan kesedaran atau mutu perkhidmatan serta mewujudkan budaya mesra pelancong atau *tourist friendly* di kalangan rakyat Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput... tak ada soalan tambahan. Perling.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Kita tahu sekarang ni zaman moden dan barangkali kita gunakan internet untuk dapatkan maklumat. Jadi, boleh tak daripada... saya nak tanya soalan pasal ada tak apa-apa kalau bandingkan dengan terdahulu dari segi promosi, dari segi internet, adakah langkah-langkah yang dibuat untuk menambah baik ataupun dari segi promosi dari situ.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa pada zaman ini internet adalah sangat penting bagi semua pihak dan terutamanya dalam mempromosikan bidang pelancongan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum ini sebenarnya internet atau laman web Tourism Johor sudah lama tidak dikemas kini. Apabila saya memegang portfolio ini, saya mendapati bahawa sebelum ini Kerajaan yang dulu, mereka bercadang untuk mengemaskinikan laman web tersebut dengan RM1.9 juta untuk mengemas kini laman web ini. Tetapi oleh sebab selepas saya mengkaji semula dan mendapati bahawa syarikat tersebut tidak memenuhi syarat-syarat dan tidak *deliver* apa yang telah dilaksanakan, yang telah dirancangkan. Dan kami telah memotong kadar bayaran sehingga RM600,000.00. Dan seterusnya saya akan terus memantau supaya laman web ini akan dikemas kini untuk mempromosikan pelancongan di Negeri Johor.

YB Speaker : Ya Permas.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh (Permas) : Terima kasih YB Speaker. Sebagaimana kita ketahui, setiap tahun Kerajaan adakan Pesta Layang-Layang bertempat di Pasir Gudang. Soalan saya, apakah Kerajaan mempunyai perancangan tambahan lain selain daripada Pesta Layang-Layang yang diadakan setiap tahun? Cadangan saya kita adakan *International Bike Week* untuk Pasir Gudang diadakan setiap tahun. Terima kasih YB Speaker.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih ADUN Permas. Festival Layang-Layang ini memang adalah satu festival yang baik dan bertaraf antarabangsa dan saya juga turut menyertai dan melawat festival ini setiap tahun. Bagi menjawab soalan ADUN Permas, seperti apa yang tadi saya sebutkan, terdapat festival-festival yang akan dilaksanakan seperti *Johor Food and Art Festival*, ini di peringkat negeri dan saya juga menjemput atau menerima segala cadangan dari setiap ADUN sekiranya ada cadangan yang baik untuk mengadakan segala festival di tempat masing-masing.

YB Speaker : Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker. Saya telah mengemukakan satu kertas kerja Lembaran Johor Tengah di mana mengintegrasikan pelancongan pertanian-pertanian dan pemprosesan makanan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kepada EXCO Pertanian, kepada EXCO Pelancongan. Dan saya nak tanya, adakah terdapat apa langkah-langkah untuk melancarkan program ini? Saya percaya program ini akan memberi impak yang besar terhadap ekonomi dan juga menarik banyak pelancong. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Terima kasih kepada ADUN Mengkibol. Menurut cadangan yang dikemukakan oleh ADUN Mengkibol, cadangan beliau telah melibatkan beberapa portfolio yang saya perlu mengadakan mesyuarat bersama dengan portfolio pertanian dan juga portfolio pengangkutan untuk merealisasikan cadangan beliau.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 10.

Nyatakan keberkesanan kokurikulum di sekolah dalam membantu memupuk perpaduan kaum di sekolah.

YB Speaker : Jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Assalamualaikum, salam sejahtera, salam harapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Machap, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machap. Saya lihat daripada soalan-soalan ini Yang Berhormat Machap yang betul-betul prihatin kepada isu-isu di peringkat sekolah. Pelajar-pelajar yang sebelum masuk ke alam universiti, saya lihat semua soalan yang saya terima saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machap.

Jawapan bagi soalan YB Machap, aktiviti kokurikulum adalah medium yang paling ampuh untuk memupuk perpaduan kerana itu dalam pendidikan kokurikulum ianya meningkatkan *tagline* “perpaduan melalui kokurikulum”.

Dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum juga dimasukkan syarat penyertaan adalah penglibatan pelbagai kaum sama ada dalam aktiviti pasukan beruniform, kelab persatuan dan aktiviti kesenian dan kebudayaan.

Melalui pemerhatian dan pengalaman keberkesanan aktiviti kokurikulum telah terbukti melalui dapat menyemai perpaduan kaum melalui kebersamaan murid pelbagai kaum melaksanakan aktiviti kokurikulum dan sukan secara bersama-sama. Ianya jelas telah berjaya mendidik mereka untuk saling memahami, boleh bekerjasama dalam satu kumpulan serta saling bantu-membantu dalam menyelesaikan satu tugasan, juga permasalahan yang diberi. Murid dari latar belakang dan kaum berbeza juga dilihat menunjukkan kejelikan yang tinggi kesan dari kekerapan melakukan aktiviti kokurikulum secara bersama-sama. Mereka juga dilihat mempamerkan nilai-nilai positif seperti hormat-menghormati serta saling membantu antara satu sama lain. Mereka juga boleh menerima perbezaan berdasarkan anutan agama dan keturunan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan tambahan.

YB Tuan Haji Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker. Machap mengucapkan terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh wakil EXCO Pendidikan yang Machap kira mahirlah menjawab soalan-soalan berkaitan dengan Pendidikan.

Soalan tambahan dari Machap iaitu tadi telah dijelaskan setiap pelajar diminta menyertai 3 unit iaitu satu unit badan beruniform, kemudian kelab sukan permainan dan satu lagi berkaitan dengan persatuan ataupun kesenian. Jadi antara ketiga-tiga ini, manakah yang lebih difikirkan penglibatan pelajar ini dapat lebih menjurus kepada perpaduan sesama pelajar yang berbilang kaum ini. Maknanya tadi 3 unit iaitu kelab sukan permainan, badan beruniform dan juga persatuan. Antara tiga-tiga ini, manakah yang lebih memberikan impak kepada memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Terima kasih Yang Berhormat Machap. Kalau kita lihat sekarang ini, berkenaan satu... saya fikir permainan. Masalah permainan sekarang ini pihak sekolah yang memilih untuk setiap murid di mana permainan-permainan mereka minat atau tidak minat, pihak sekolah akan letak mereka di situ. Tapi saya harap yang akan datang, pihak sekolah juga harus lihat di bidang permainan ini, memastikan bahawa kalau betul-betul budak itu minat, murid-murid itu minat dalam setiap permainan itu, bagilah mereka peluang untuk bermain permainan tersebut. Sebagai contoh kalau dia minat bermain bola sepak, bagilah dia peluang bermain bola sepak.

Kalau uniform ini saya rasa yang terbaik sebenarnya Yang Berhormat Machap, untuk kita daripada segi aktiviti yang dijalankan. Tetapi setakat ini kalau kita lihat pengalaman saya sebagai bapa, kebanyakan badan beruniform ini dia bergerak mengikut kaum juga kadang-kadang ya. Sebab kalau bidang bulan sabit merah, majoriti dan juga St John Ambulance, majoriti masyarakat Tiongoa. Kalau kadet polis, tentera, majoriti masyarakat Melayu. Jadi saya harap dan saya akan mohon Yang Berhormat EXCO Pendidikan nanti bila pulang, saya akan berbincang dengan dia, untuk memastikan bahawa kita perlu ada semua kaum dalam semua aktiviti yang diadakan. Insya-Allah saya akan bincang dan kalau boleh kita boleh duduk sama Yang Berhormat Machap kerana saya dimaklumkan Yang Berhormat Machap memang salah seorang yang arif tentang isu pendidikan. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, saya tamatkan soalan lisan dan soalan tambahan setakat ini kerana sudah jam 11.00. Semua suka saya mengingatkan bahawa daripada soalan-soalan yang dikemukakan ini, yang ada sifatnya bersifat tempatan, elok dibawa dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah, tidak dibawa di dalam Dewan, kecualilah di peringkat Majlis Tindakan Daerah itu tidak melaksanakan apa yang kita harapkan. *So* boleh bawaklah dalam Dewan, tapi kalau ia boleh dilaksanakan di peringkat Majlis Tindakan Daerah, harus lebih baik soalan itu dikemukakan di sana. Jadi di Dewan ini kita boleh menumpukan isu-isu berkaitan dengan polisi dan sebagainya.

Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan ini disambung sekarang. Jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, selamat harapan, salam sayangi Malaysiaku. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menyambung sesi penggulungan, saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Haji Osman Osman, rakan-rakan Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat ADUN dan kesemua Jabatan-Jabatan agensi Kerajaan di atas kejayaan Majlis Pelancaran Gerak Kerja Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 yang diadakan semalam di Persada Johor bertemakan Johor Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari.

Majlis pelancaran semalam bernatijahkan 2 perkara:

1. Kejayaan Kerajaan Pakatan Harapan melaksanakan 10 janji tawaran Pakatan Harapan dalam tempoh 100 hari sebagaimana yang telah dijanjikan.

2. Pelancaran Gerak Kerja Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 dengan 8 teras utama yang di asas ataupun *pillars* dengan izin kepada hala tuju pembangunan Johor bagi mencapai status Negara Berprestasi Tinggi menjelang 2030.

Saya berharap majlis pelancaran semalam dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh beberapa Yang Berhormat Pembangkang tentang apakah bentuk hala tuju pembangunan Negeri Johor di bawah pemerintahan Pakatan Harapan Johor? Apa yang penting sekarang ini adalah untuk kita semua bekerjasama sebagai satu pasukan bagi menjayakan dalam bentuk realiti Pelan Pembangunan Johor 2019-2030 tersebut. Pepatah Inggeris dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker ada menyatakan, *"if you want to go fast go alone, if you want to far go together"*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan Pakatan Harapan telah membuat beberapa perubahan ke arah penambahbaikan terutama dari segi ketelusan dalam sistem rumah mampu milik bagi memastikan setiap rumah mampu milik yang dibina sampai kepada kumpulan sasaran khususnya B40 dan juga M40. Langkah pertama yang telah dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan Johor ialah dengan memansuhkan Kuota Menegak Kerajaan ataupun ringkasnya KMK yang diberikan kepada parti komponen Barisan Nasional yang dahulu khususnya parti UMNO. Kuota ini telah dihapuskan selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bertarikh 12 Jun 2018. Kuota ini dimansuhkan bagi memastikan agihan rumah mampu milik ini sampai kepada kumpulan sasaran. Kuota ini juga dilihat tidak telus dan sangat terdedah kepada amalan rasuah dan salah guna kuasa seperti berlakunya tangkapan kepada salah seorang Ketua Pemuda UMNO dengan rakan wanitanya yang melibatkan tawaran rumah mampu milik berjumlah RM120,000.00.

Langkah yang kedua yang dilaksanakan adalah menawarkan 50% diskaun kepada penyewa Program Perumahan Rakyat ataupun ringkasnya PPR jika mereka membayar kesemua tunggakan sewa. Langkah ini adalah selari dengan 10 tawaran dalam 100 hari kerajaan Pakatan Harapan Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, langkah ketiga yang diambil oleh kerajaan Johor adalah memperkenalkan Sistem Perumahan 2 Mampu Milik Johor ringkasnya SP2MJ pada 27 Julai 2018 berkuat kuasa 1 Ogos 2018. SP2MJ ini adalah merupakan satu sistem agihan Perumahan Rakyat Johor secara terbuka. Sistem ini tidak lagi berdasarkan kepada permohonan mengikut lokasi tetapi adalah mengikut projek yang dibuka dalam tempoh tertentu. Projek perintis bagi sistem SP2MJ seperti yang boleh kita layari dalam portal e-rumah.johor adalah di Taman Daiman, Kota Tinggi dan juga Taman Bandar Putera, di Segamat. Objektif sistem baru ini adalah mewujudkan sistem pengagihan rumah mampu milik yang lebih telus dan memberikan peluang yang lebih adil kepada pembeli-pembeli rumah mampu milik di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, langkah yang keempat yang diambil oleh kerajaan negeri adalah menubuhkan *taskforce* kajian semula Dasar Perumahan Rakyat Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tiada lagi semakan atau kajian berkenaan Dasar Perumahan Rakyat Johor selepas daripada tahun 2014 dilakukan. Tujuan *taskforce* kajian semula ini bagi memastikan Dasar Perumahan Johor agar sentiasa kekal relevan, dihormati serta boleh mendepani isu-isu terkini dalam industri perumahan. Beberapa kelemahan *loop hole,* dengan izin yang terdapat dalam dasar tersebut akan diberi penambahbaikan agar pihak pemaju khususnya tidak menggunakan kelemahan tersebut untuk tidak membina rumah mampu milik yang sangat diperlukan oleh rakyat Johor kerana sehingga ini terdapat 115,515 senarai menunggu *waiting list,* dengan izin untuk mendapatkan rumah mampu milik di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin memberi jawapan terhadap beberapa persoalan berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Sungai Balang dan Pasir Raja ada menyentuh tentang prosedur pelantikan jawatan ketua kampung serta kelayakan dan kriteria yang diperlukan bagi menjawat jawatan ketua kampung. Sebelum itu, saya ingin membetulkan *statement* atau kenyataan YB Pasir Raja yang menyebut kerajaan negeri telah menamatkan perkhidmatan 1,700 ketua kampung. Sebenarnya kerajaan negeri hanya menamatkan perkhidmatan seramai 674 sahaja ketua kampung. Saya tidak pasti daripada mana angka tersebut diperolehi oleh Yang Berhormat Pasir Raja dan lain kali juga perlu perangkaan lebih tepat, boleh berhubung dengan saya, insya-Allah. Selain daripada kampung induk yang ada ketua kampung di Johor, kita memiliki lebih kurang 2,075 kampung rangkaian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 3 Tahun 2018, kriteria pelantikan, dan cara pelantikan dinyatakan dengan jelas seperti berikut :

1. Ketua kampung hendaklah terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan berketurunan Melayu kecuali kampung-kampung yang asalnya diketuai oleh ketua kampung yang bukan Melayu.

2. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia, SPM ataupun SPMV dari sekolah menengah, teknik, vokasional atau lain-lain kelulusan yang setarafnya dengannya.

3. Kelayakan lain seumpama walaupun tidak mempunyai kelulusan seperti yang dinyatakan sebelum ini tetapi pandai membaca, menulis serta mempunyai sifat-sifat ketakwaan pada dirinya, maka pemohon tersebut boleh dipertimbangkan.

4. Bukan dari kalangan kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat.

5. Umur tidak kurang daripada 25 tahun.

6. Bermastautin di kampung berkenaan.

7. Tiada rekod jenayah.

8. Aktif dan cergas dalam gerakan-gerakan pertubuhan, persatuan kerja-kerja amal serta menunjukkan ketokohan kepimpinan dalam bidang kemasyarakatan.

9. Mendapat kepercayaan dan penghormatan daripada majoriti penduduk kampung.

10. Mempunyai kesihatan fizikal dan mental.

11. Mempunyai sifat-sifat takwa. Jadi ketua kampung ini, Yang Berhormat Speaker, kena bertakwa.

Cara pelantikan. Apa yang berlaku kekosongan jawatan ketua kampung, Pegawai Daerah dikehendaki mengumumkan pada orang ramai melalui iklan dalam surat khabar. Untuk

pengetahuan Dewan yang mulia ini, bekas-bekas ketua kampung terdahulu juga dibenarkan untuk membuat permohonan.

Kedua, setelah diterima permohonan, sesi temu duga akan diadakan oleh Jawatankuasa Khas Pemilihan Ketua Kampung yang dianggotai oleh Pegawai Daerah sebagai Pengerusi dan ahli-ahli yang terdiri daripada ketua kampung oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai-pegawai daerah, kadi daerah, penghulu-penghulu dan pegawai kerajaan yang difikirkan sesuai oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa ini tidak melibatkan pimpinan parti politik bagi memberikan pemilihan ketua kampung dibuat secara lebih telus.

Ketiga, Pegawai Daerah akan membuat akuan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan berpandukan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemilihan Ketua Kampung.

Yang Keempat, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor akan memajukan akuan di atas kepada Yang Berhormat Menteri Besar Johor untuk keputusan muktamad. Dan insya-Allah pelantikan ketua kampung di negeri Johor akan kita selesaikan dalam bulan September yang akan datang kerana arahan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 1 haribulan 10 adalah merupakan tarikh penyelesaian pelantikan ketua-ketua kampung di seluruh negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menjawab seterusnya beberapa persoalan yang diajukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Agama. YB Rengit, Sungai Balang, Penawar dan Parit Raja ada membangkitkan tentang pendirian kerajaan Pakatan Harapan Johor tentang isu LGBT, dengan izin, *Lesbian, Gay, Bisexsual and Transgender*. Suka saya nyatakan bahawa pendirian kerajaan Pakatan Harapan Johor adalah berpaksikan kepada ajaran Islam itu sendiri yang merupakan agama persekutuan dalam negara kita. Sebagai seorang Islam, ingin saya tegaskan, kita langsung tidak bersetuju tindakan yang dilakukan oleh golongan LGBT yang merangkumi lelaki berpakaian wanita atau sebaliknya, penukaran jantina, perlakuan menyerupai wanita dan yang sebaliknya. Dan juga kecenderungan seks sesama jenis. Bagi meredakan keadaan ekoran daripada isu LGBT yang lebih banyak dipolitikkan daripada mencari penyelesaian yang bersifat holistik bagi membawa mereka pulang ke pangkal bagi menjalani kehidupan normal selari dengan fitrah manusia itu sendiri.

Suka saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, pendirian kerajaan negeri tentang isu LGBT. Pertama, amalan gaya hidup LGBT adalah satu dosa dan diharamkan oleh Islam kerana ianya jelas bertentangan dengan fitrah manusia itu sendiri. Hadis riwayat Al-Bukhari dan Abu Daud menyatakan sesungguhnya baginda Nabi SAW melaknat para lelaki yang menyerupai wanita dan para wanita yang menyerupai lelaki. Jika amalan LGBT ini dilakukan secara terbuka, maka ianya adalah satu dosa yang diharamkan oleh Islam serta merupakan satu kesalahan yang boleh diambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan enakmen atau akta yang sedia ada pada masa sekarang ini seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor. Sebagai contoh, Fasal 25 menyatakan hukuman terhadap lelaki yang melakukan liwat ataupun *gay,* manakala Fasal 26 menyatakan hukuman terhadap wanita yang melakukan musahaqah, hubungan seks sesama jenis ataupun *lesbian.* Fasal 28 pula menyatakan hukuman kepada mana-mana lelaki yang memakai pakaian wanita dan berlagak seperti wanita di mana-mana tempat awam. Dan Fasal 29 pula menyatakan hukuman kepada mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukuman syarak di mana-mana tempat awam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, jika amalan LGBT ini dilakukan secara tersembunyi tanpa saksi maka ia merupakan satu dosa antara si pelaku dengan Allah SWT Walaupun perbuatan tersebut, walau bagaimana pun perbuatan tersebut tetap merupakan satu dosa dan diharamkan oleh ajaran Islam kita.

Yang keempat, walaupun seseorang individu itu mengamalkan gaya hidup LGBT iaitu berdosa dan diharamkan oleh Islam tetapi keterlibatannya dalam gaya hidup songsang

LGBT itu tidak akan menghilangkan hak mereka dalam perkara-perkara yang lain terutamanya kehidupan dalam bernegara. Sebagai warganegara dalam sebuah negara yang merdeka, di mana setiap rakyat mempunyai hak seperti hak untuk mendapatkan pendidikan, hak untuk mendapatkan pekerjaan, hak untuk mendapatkan rawatan kesihatan, hak untuk mendapatkan perlindungan keselamatan, hak untuk berjual beli, bahkan hak untuk memiliki harta tanpa sebarang diskriminasi.

Berdasarkan kesimpulan dan dapatan daripada kajian JAKIM selama 8 tahun dan juga merupakan kajian ilmiah antaranya oleh Dr. Izwan Yusof, Teh Yik Koon dan Professor Madya Dr. Rafidah Hanim, mereka telah menyimpulkan kesukaran golongan *transgender* ataupun mereka yang mengalami kecelaruan jantina mendapatkan pekerjaan disebabkan peraturan ditetapkan oleh majikan serta adat dan budaya merupakan antara faktor yang mendorong mereka menjadi pekerja seks kerana mengganggap mereka tidak diterima oleh masyarakat. Keperluan untuk mendekati golongan *transgender*, *enggagement* dengan izin, dan memahami selok belok kaedahnya supaya dapat menarik mereka berjinak diri dengan ilmu Islam, ilmu agama sehingga akhirnya keluar daripada perlakuan yang dilaknati oleh Allah SWT adalah suatu tuntutan dakwah. Usaha agar mereka kembali kepada kehidupan normal adalah merupakan satu ibadah dan beroleh pahala yang besar. Kita tidak boleh hanya melaknat dan memulaukan tanpa ada pihak khususnya pihak berwajib yang mendekati mereka dan memberi peluang secara lunak dan bersasar. Dalam konteks dakwah fardiah ataupun individu, pendekatan secara "al-nasihah bil hikmah", perlu dilakukan tanpa mendahulukan ancaman dan laknat sebelum menjelaskan, menjelas dan mendekati. Demikian metodologi dakwah yang diajar dalam al-Quran apabila Nabi Allah Musa AS diperintahkan mengadap firaun dengan kata-kata yang lemah lembut seperti disebut dalam surah Taha ayat 43 dan 44 dan juga maksud surah An Nahl ayat 125 "serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik". Suka saya menegaskan dalam Dewan yang mulia ini, *enggagement* dengan izin, mengadakan perbincangan dengan golongan LGBT berbeza daripada mengiktiraf perjuangan LGBT. Keadaan menjadi kalut bila ada pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan menangguk di air keruh bagi mendapat kepentingan *mileage politic* dengan isu *enggagement* yang dibuat oleh kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan LGBT ini.

Berdasarkan kepada beberapa kajian oleh pihak JAKIM, komuniti LGBT Muslim di Malaysia terbahagi kepada 3 kategori. Dan kategori yang perlu diberi penekanan serta bimbingan ialah golongan yang mahu berubah dan berhijrah serta mengakui bahawa perlakuan mereka menyalahi agama. Bagi kategori ini perlu digerakkan dialog berterusan untuk sama-sama saling memahami agar mereka tidak terus terpesong. Hanya selepas itu pendekatan lain wajar disusun dan dimulakan. Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagai sebuah institusi yang menguruskan agama Islam di negeri Johor amat memandang serius isu yang berkaitan dengan LGBT. Jabatan Agama Islam Negeri Johor begitu komited dalam melaksanakan, dalam melaksanakan tugas-tugas amal makruf dan nahi mungkar kepada seluruh umat Islam di negeri Johor termasuk golongan LGBT. Justeru, Jabatan Agama Islam Negeri Johor sentiasa berusaha untuk melakukan tugas-tugas dakwah bagi memberikan kesedaran nasihat dan bimbingan kepada LGBT. Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah dan sedang melaksanakan kelas-kelas bimbingan dan program kesedaran secara berterusan. Usaha-usaha untuk mendekati golongan ini telah dilakukan oleh Jabatan sejak tahun 2016 dengan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan, NGO seperti Intan Lifezone, MyHijrah dan juga Ratu Maharani.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2016 hingga kini kelas bimbingan Fardu Ain dan Al-Quran telah dilaksanakan secara berkala setiap minggu di Masjid Tun Hussein Onn, Larkin. Pada masa yang sama program motivasi dan kesedaran juga program sempena hari-hari kebesaran Islam juga dilaksanakan bagi membantu golongan ini untuk kembali kepada fitrah. Ringkasnya Yang Berhormat Tuan Speaker, ajaran Islam saya rasa memberi peluang dan harapan untuk manusia kembali kepada khaliknya, penciptanya yakni Allah SWT melalui taubat selagi nyawa belum sampai ke halkum.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tiga hari lepas saya ada melihat satu infografik YB Parit Raja yang di*viral*kan dalam media baru dan saya rasa dan yakin infografik ini mempunyai niat yang tidak baik. Infografik ini bertajuk "Program Iqra dan Fardu Ain ditamatkan, LGB diperjuangkan". Dan kandungan infografik tersebut adalah," apa rasionalnya kerajaan hari ini iaitu Pakatan Harapan sebagai kerajaan negara Islam apabila menamatkan program yang baik seperti Program Iqra dan Fardu Ain kemudian mengiktiraf perjuangan LGBT yang bertentangan dengan ajaran Islam".

Saya nak bertanya kepada Parit Raja, semenjak bila kerajaan Pakatan Harapan Johor mengiktiraf perjuangan LGBT. Daripada kenyataan saya sebutkan sebentar tadi, pendirian dan sikap kerajaan Pakatan Harapan Johor dalam isu LGBT sangat jelas dan kenyataan Parit Raja sangat berbaur fitnah. Saya juga nak menyatakan Parit Raja, beliau tahu atau tidak fakta di sebalik apa yang beliau dakwa bahawa kerajaan Pakatan Harapan Johor menamatkan Program Iqra dan Fardu Ain tersebut. Kalau tidak tahu, saya nasihatkan selalu-selalulah bertabayyun, mengkaji maklumat yang beliau dapat terdahulu sebelum membuat kesimpulan yang salah. Kan, dalam Al-Quran Allah menyebut (Firman Allah), " Wahai orang-orang...

YB Speaker : Yang Berhormat, tabayyun tu apa?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Tabayyun ini menyemak dan mengkaji maklumat yang kita perolehi sebelum kita membuat keputusan berdasarkan kepada maklumat tersebut. Jika maklumat ini kita tidak tabayyun, tidak selidiki, kita bimbang kita akan membuat satu keputusan yang salah terhadap sesuatu pihak yang akhirnya menyebabkan kita akan menyesal di atas tindakan kita tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk pengetahuan Parit Raja, Program Iqra dan Fardu Ain yang dinyatakan tersebut merujuk kepada Program Iqra dan Fardu Ain yang dijalankan di TABIKA KEMAS kerana kelas Fardu Ain dan juga Iqra di institusi lain masih diteruskan di negeri Johor. TABIKA KEMAS menjalankan Program Iqra dan Fardu Ain semenjak 2014 dengan menggunakan peruntukan dari pejabat mantan Menteri Besar Johor yang lalu yang melibatkan 240 TABIKA KEMAS dalam 26 Parlimen di negeri Johor dengan melibatkan peruntukan RM1.647 juta dari pejabat mantan Menteri Besar yang lalu.

Apabila berlaku peralihan kuasa pada bulan Mei yang lalu, maka program tersebut tertangguh sementara sehingga permohonan peruntukan semula diterima daripada pihak KEMAS. Mengikut semakan yang saya buat di pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sehingga sekarang masih belum lagi menerima permohonan daripada pihak KEMAS untuk mendapatkan peruntukan bagi meneruskan program tersebut. Jadi, di mana benarnya dakwaan YB Parit Raja bahawa kerajaan Pakatan Harapan Johor menamatkan Program Iqra dan Fardu Ain ini. Jadi, tuduhan Parit Raja menyatakan kerajaan Pakatan Harapan Johor menamatkan Program Iqra dan Fardu Ain ini adalah tidak betul dan sangat berniat jahat bagi memberikan imej yang buruk kepada kerajaan Pakatan Harapan Johor. Saya dengan ini mendesak supaya Yang Berhormat Parit Raja menarik balik kenyataan beliau tersebut dan memohon maaf secara terbuka kepada kerajaan Pakatan Harapan Johor. (Dewan bertepuk).

Firman Allah SWT (Firman Allah), "fitnah itu lebih zalim daripada membunuh". Saya suka mengingatkan kita semua dalam Dewan yang mulia ini hentikan daripada mengamalkan politik fitnah, politik perkauman, politik membakar sentimen keagamaan kerana politik yang sebegini tidak sangat membantu dalam pembentukan sebuah negara bangsa seperti Johor yang kita sayangi ini. Marilah kita berubah kepada era politik baru iaitu politik berasaskan kepada hujah dan juga fakta. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tuan Speaker, ada berapa minit lagi?

YB Speaker : Agak-agaklah Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan : Izinkan untuk saya Yang Berhormat Tuan Speaker untuk meneruskan menjawab beberapa persoalan yang ditujukan kepada Jawatankuasa Agama Negeri Johor.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, 10 insentif dalam 100 hari Pakatan Harapan Johor, 3 insentif telah dipertanggungjawabkan di bawah Portfolio Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan antaranya ialah :

1. Kursus Pra Perkahwinan percuma seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor semasa hari kedua Persidangan Dewan yang mulia sebanyak RM1.44 juta diperuntukkan oleh kerajaan negeri Johor untuk manfaat 12,000 pasangan yang ingin berkahwin untuk kali pertama sahaja. Kali kedua kena pakai duit sendiri, Yang Berhormat Tuan Speaker.

2. Skim Takaful Warga Emas negeri Johor yang telah dilancarkan pada 5 Ogos 2018 di Pekan Parit Yaani. Skim ini ataupun takaful ini melibatkan warga Johor yang berumur 60 tahun ke atas. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM560,000.00 untuk 11,200 penerima untuk fasa yang pertama.

3. Insentif Harapan Siswa seperti yang telah diper*detail*kan oleh Yang Berhormat EXCO Sukan sebelum daripada ini.

Alhamdulillah, ketiga-tiga insentif ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terima kasih kepada rakan-rakan Pakatan Harapan Johor dalam merealisasikan inisiatif ini. Tidak lupa kepada pembangkang yang sentiasa mengambil berat dan cakna dengan apa yang sedang Pakatan Harapan lakukan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, jika sebelum pilihan raya lalu BN sering mempermainkan isu kononnya Melayu dan Islam akan tertindas jika Pakatan Harapan memerintah. Alhamdulillah, selepas Pakatan Harapan menang, memang Melayu masih ada. Yang Amat Berhormat Menteri Besar masih seorang Melayu Islam dan agama Islam masih ada. Saya harapkan dan nasihatkan agar BN terimalah hakikat memainkan isu agama dan perkauman sudah tidak lagi berkesan kepada rakyat Johor kerana rakyat semakin bijak menilai sesuatu perkara.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, agama Islam di bawah pemerintahan kerajaan dari Pakatan Harapan terus diperkasakan. Saya sendiri komited memastikan Islam akan membawa rahmat untuk semua. Rahmatullah lil alamin. Sudah pasti salah satu perkara untuk memastikan Islam terus berkembang dan subur adalah melalui pendidikan, pendidikan agama Islam akan terus diperkasakan di bawah kerajaan dari Pakatan Harapan. Sebagai permulaan sebanyak RM20,000.00 telah diperuntukkan kepada setiap sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan menengah, SABK rendah dan SMKA. Sekolah yang menerima bantuan ini adalah seperti berikut :

1. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Menengah, sebanyak 20 buah sekolah, RM20,000.00 setiap sekolah melibatkan peruntukan RM400,000.00.

2. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Rendah, melibatkan 8 buah sekolah, RM20,000.00 setiap sekolah melibatkan jumlah peruntukan RM160,000.00.

3. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMKA) yang melibatkan 5 buah sekolah, RM20,000.00 peruntukan setiap sekolah melibatkan RM100,000.00.

Dan jumlah keseluruhan peruntukan adalah RM600,000.00. Penyerahan bantuan RM20,000.00 ini telah diadakan pada 5 Ogos 2018 di Pekan Parit Yaani yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Osman Sapian.

Saya rasa saya akan ringkaskan Yang Berhormat Tuan Speaker dan saya rasa saya akan akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun. Satu saya *copy* daripada Internet, satu saya karang sendiri. Daun sireh di dalam dulang, menjadi hantaran majlis berdaulat, rakyat dibela pemimpin dijulang,Malaysia merdeka kekal berdaulat. Pergi ke pasar membeli tenggiri, jangan lupa si daun saderi, negeri berprestasi tinggi hala tuju negeri, bangsa Johor bestari harapan disandari. Sekian, Kota Iskandar mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih YB EXCO. Yang Amat Berhormat Datuk, jemput.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam harapan dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama kali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat sekalian atas kualiti perbahasan yang saya lihat lebih telus dan terbuka. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya menggulung perbahasan yang diutarakan oleh sekalian Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat sekalian juga tampil dengan perbahasan yang sangat konstruktif serta memperjuangkan isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat tanpa mengetepikan tatasusila, adab berbahas seperti yang dititahkan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang tidak mahu melihat Dewan yang mulia ini dijadikan sarkas. Alhamdulillah pada pagi ini, kita diberikan kekuatan untuk bersama-sama membawa satu harapan baharu bagi negeri Johor. Ini agar hasilnya nanti dapat dimanfaatkan oleh anak-anak bangsa Johor di masa hadapan. Sebelum saya menjawab pelbagai isu yang dibangkitkan sepanjang perbahasan Dewan kali ini, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucap terima kasih atas keyakinan dan sokongan padu yang dinyatakan dengan jelas, tegas terhadap kepimpinan kerajaan baru yang diterajui oleh saya. Rasa rendah diri saya ingin menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk mengurus tadbir negeri ini. Saya dan semua ahli pentadbiran akan menjalankan tugas dan amanah atas nasihat serta pandangan bernas Duli Yang Maha Mulia.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan dan keyakinan yang dinyatakan dalam hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, Senggarang, Stulang, Sedili, Penawar, Tenang, Sri Medan, Kemelah, Buluh Kasap, Pasir Raja, Permas, Tenggaroh, Tanjung Surat, Pemanis, Larkin juga Pulai Sebatang. Saya yakin sokongan kepercayaan diberikan ini tidak dibuat secara membuta tuli kerana Yang Berhormat sekalian sendiri dapat melihat kemampuan kami melaksanakan janji-janji dalam manifesto serta mempunyai hala tuju yang jelas untuk memajukan negeri Johor. Sesungguhnya permuafakatan dalam kerja berpasukan itu lebih berkat. Justeru itu, saya menyambut sokongan pelbagai pihak dengan rasa rendah diri, dengan tekad untuk menjadikan Johor negeri termaju, berpengaruh di rantau ini. Saya dengan rasa rendah diri mengajak semua pihak untuk bersama-sama memberikan yang terbaik untuk bangsa Johor. Sesi Persidangan kali ini amatlah istimewa, berbanding sebelumnya kerana saya dulu duduk sana, duduk sini dan ini pertama kali semenjak saya menjadi Menteri Besar, saya menggulung segala perbahasan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keistimewaan ini bukan sahaja merujuk kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri yang baru tetapi juga kepada perhatian yang diberikan oleh Yang Berhormat sekalian terhadap janji-janji yang dibuat sebelum Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu yang dibangkitkan di dalam Dewan ini juga, tidak lari daripada menyentuh mengenai tawaran yang dibuat kerajaan negeri. Antaranya YB Sedili, Yang Berhormat Machap, Yang Berhormat Layang-Layang dan juga Yang Berhormat Semarang, masing-masing ada membangkitkan mengenai 10 janji 100 hari yang ditawarkan kepada rakyat Johor sebelum ini.

Saya agak terkilan dengan soalan-soalan yang dibangkitkan kerana persoalan yang ditimbulkan seolah-olah menunjukkan mereka tidak peka dengan isu semasa atau mungkin tinggal dalam khayalan. Kerajaan negeri telah pun melaksanakan semua janji-janji yang ditawarkan itu. Antaranya, janji untuk menghapuskan Kuota Menegakkan Kerajaan dalam pembahagian rumah mampu milik. Kalau dahulu dipanggil rumah murah dan pengecualian bayaran lesen penjaja di semua 16 Pihak Berkuasa Tempatan. Pelaksanaan janji-janji juga telah kami uar-uarkan melalui media massa.

Malah, petang semalam saya juga telah membentangkan visi dan misi serta hala tuju yang ditetapkan negeri ini untuk 10 tahun yang akan datang. Sebab itu, saya kata mereka ini seperti katak bawah tempurung. Tidak mengambil tahu apa yang berlaku dan hanya tahu membangkang sahaja. Kalau hendak tahu apa pelan pembangunan tersebut, datanglah semalam, lihatlah laporan media hari ini ataupun *facebook*.

Semua janji-janji ini telah pun kami laksanakan dalam tempoh 100 hari pertama pentadbiran kami. Janji-janji ini bukan sekadar dibuat dengan meraih sokongan atau undi rakyat tetapi ia benar-benar memberi manfaat kepada mereka semua. Saya hendak menjelaskan dan menegaskan di sini bahawa kepimpinan baharu bukan seperti yang terdahulu, hanya tahu menabur janji manis untuk memenangi hati rakyat, kemudian dihampakan. Saya beri contoh, antara janji yang boleh diibaratkan menabur tebu di tepi bibir, kerajaan dahulu dalam manifesto 2013 menyasarkan setinggan sifar, 2005.Bagaimanapun, agenda setinggan sifar gagal dilaksanakan. Menteri Besar yang lepas hanya fokus menyelesaikan setinggan di Parlimen Pasir Gudang. Di Parlimen saya masih tertunggak begitu ramai setinggan-setinggan bahkan bertambah dari masa ke semasa, begitu juga di pesisiran pantai dan sungai.

Lagi satu janji adalah menyiapkan 121 buah sekolah agama. Akibat tadbir urus yang tidak cekap, projek berkenaan terbengkalai sehingga kerajaan negeri terpaksa mengambil alih 77 buah sekolah yang belum siap dan 18 sekolah yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi memastikan sekolah agama berkenaan tidak jadi projek gajah putih.

Kerajaan negeri melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, telah terpaksa menanggung kos sehingga lebih kurang RM240 juta melibatkan pembayaran tertangguh selama 10 tahun yang akan datang. Apa yang menjadi persoalan, adalah bagaimana kerajaan negeri membuat pertimbangan ketika itu melantik sebuah syarikat MySis Development Sdn. Bhd. yang jelas tidak berkemampuan menyiapkan projek sekolah agama (SAKJ) sehingga kerajaan negeri kemudiannya terpaksa menanggung ganti rugi. Itu baru sakit sikit yang saya dedahkan, banyak lagi janji-janji yang telah tidak dilaksanakan dalam kerajaan sebelum ini.

Janji manifesto dalam Pilihan Raya Yang Ke-13 ada 12, satu sahaja dilaksanakan iaitu BRIM. Harga kereta turun, tak ada, setinggan sifar, tak ada, 15,000 rumah murah tak ada. Dulu, kita lihat semuanya hancur, pemindahan Orang-Orang Asli di Bekok, di Stulang, Tebing Runtuh, buat rumah murah Pendas Laut, pemindahan PTP dijanjikan dengan penduduk Gelang Patah, Nusajaya, semuanya tak jadi. Janji-janji semua dicapati.(Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekarang saya ingin menyentuh mengenai tawaran-tawaran yang disebutkan dalam manifesto Pakatan Harapan, iaitu mengenai mengehadkan jawatan Menteri Besar tidak lebih dua penggal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jementah dan Layang-Layang. Secara rasanya, kami tidak di pihak. Pakatan Harapan telah mencapai persetujuan bersama untuk memberikan tempoh maksimum dua penggal untuk jawatan Menteri Besar mentadbir. Tempoh ini dirasakan paling sesuai untuk melaksanakan segala pelan pembangunan yang dirancang. Ini juga dipersetujui di peringkat persekutuan, di mana seorang yang memegang jawatan Perdana Menteri juga tidak boleh melebihi dua penggal. Had masa tersebut juga dibuat memastikan ketelusan dalam urusan pentadbiran. Persetujuan yang dicapai secara konsensus ini dicapai oleh kepimpinan tertinggi Pakatan Harapan yang melibatkan 4 parti.

Justeru itu, tiada keperluan untuk mengadakan satu pindaan buat masa ini untuk memansuhkan klausa yang mengehadkan jawatan Menteri Besar tidak melebihi dua penggal semata-mata untuk menunjukkan keikhlasan dan kejujuran kita terhadap rakyat, kerana kami di pihak Pakatan Harapan berpegang kepada prinsip dan dasar pentadbiran.

Hapus kuota menegakkan kerajaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semarang mengenai tindakan kerajaan Pakatan Harapan menghapuskan Kuota Menegak Kerajaan. Ini juga merupakan salah satu manifesto yang telah terlaksana. Pemansuhan KMK ini dibuat merupakan satu sistem yang tidak adil kepada rakyat Johor kerana sistem ini memberikan hampir 20% dari jumlah rumah mampu milik kepada ketua-ketua parti kerajaan terdahulu.Ini kemudian diagihkan kepada penyokong mereka. Malah KMK ini juga memberi ruang untuk salah guna kuasa dan rasuah dengan menjual sijil KMK ini kepada orang dengan harga yang tidak masuk akal. Sebagai contoh yang berlaku, sebagai mana yang juga dinyatakan oleh EXCO Perumahan tadi, saya, melibatkan Ketua Pemuda UMNO Bahagian yang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan berhubung kes penipuan pembelian RMMJ. Tapi kes ini hilang, senyap begitu saja, senyap saja. Ha inilah, banyak lagi kes yang besar-besar, saya tak nak sebut, nanti *contempt of court* yang berlaku. Kerajaan negeri berpendirian bahawa pengagihan rumah mampu milik perlu dilakukan secara terus dan saksama kepada semua yang berkelayakan tanpa mengira latar belakang dan ideologi politik mereka. Saya kira ini mungkin, tindakan memberikan kuota tertentu ini seperti ada udang di sebalik batu. Demi meraih sokongan pengundi hingga sanggup merampas hak orang lain.

Seterusnya, mewujudkan 200,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan separa kemahiran. Antara 10 janji 5 tahun kerajaan negeri adalah menyediakan 200,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, Yang Berhormat Rengit ada membangkitkan perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, kita sedia maklum berbagai-bagai projek mega dalam peringkat pembinaan di negeri Johor ini. Projek-projek ini di unjur menyumbang limpahan ekonomi secara berterusan kepada Johor untuk beberapa tahun ke hadapan nanti, sekali gus menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Jumlah 200,000 peluang pekerjaan bukan sekadar angka yang diangkat tanpa dinilai dan dikaji. Ratusan ribu peluang pekerjaan, lonjakan nilai hartanah, pemindahan teknologi dan kemasukan industri berdaya maju adalah limpahan manfaat bakal dinikmati rakyat Johor. Antaranya, menerusi projek-projek Iskandar Puteri, Pengerang, Pontian, Mersing dan berbagai lagi. Pelaksanaan projek ini adalah pemangkin yang menjadi teras kepada pertumbuhan ekonomi di Barat Daya Johor. Di Iskandar Puteri contohnya, kemajuan yang sedang rancak berlaku dengan aura pembangunan pintar hijau dapat dirasai. Iskandar Puteri melambangkan geo baru dan era pemodenan Johor hari ini. Bukan sahaja menjadi bandar raya maju, moden dan terbaik, malah simbol ingatan berkekalan rakyat kepada sejarah Johor ini.

Pada bulan Julai yang lalu, saya bersama Unit Swadaya Insan Negeri Johor, telah melakukan sesi lawatan di Medini 7, bagi melihat lebih dekat perkembangan pembangunan yang diurus tadbir oleh I2M Venture Sdn. Bhd. di bawah Program GBS Iskandar. Sewaktu sesi perbincangan, telah dimaklumkan kepada saya terdapat empat syarikat baru akan bertapak di sini, dengan menawarkan peluang pekerjaan kemahiran tinggi. Untuk jangka masa empat atau lima tahun ke hadapan, lebih kurang 14,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan, hanya di Iskandar Puteri tidak termasuk kawasan lain di seluruh Johor, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kemudian, kita lihat pula di Pengerang, yang dahulunya sebuah kawasan perladangan dan kampung nelayan, kini membangun dengan pesat. Adanya projek Kompleks Bersepadu Pengerang atau PIC, *Pengerang Intergrated Complex*. Ini memberi kesan menyeluruh di kawasan itu, malah limpahan ekonomi hiliran kepada komuniti setempat. Kemudian, kita lihat pembangunan Desaru Coast sehingga Tanjung Balau berkaitan projek pelancongan bertaraf antarabangsa dengan jenama terkenal sini sedang rancak berlaku dan juga akan berlaku. Antaranya, pembinaan Hotel Anantara, Hotel Hard Rock Café, Desaru Coast

Adventure Water Park dan pelbagai lagi. Bagi fasa pertama pembangunan ini akan membuka peluang pekerjaan lebih daripada 1,700 dan keseluruhan 4,000 menjelang 2021. Ini tidak termasuk di Senai, di Sedenak, pelancongan di Mersing, di Tanjung Bin, di Tanjung Piai, pemodenan penternakan, nelayan dan pertanian yang boleh menjurus kepada peluang-peluang pekerjaan. Setiap manifesto atau janji yang diwar-warkan kepada rakyat saling berhubung kait. Contohnya, apabila kita bercakap mengenai pusat hasilan makanan utama negara. Banyak negara asing akan memilih untuk melabur dan membuka syarikat mereka, beroperasi di negeri Johor ini.

Kita mengalu-alukan mereka berbuat demikian tetapi dengan mengenakan syarat tertentu bagi menetapkan jumlah atau kuota tertentu, tenaga kerja mahir yang terdiri daripada warga Johor. Ini secara tidak langsung membantu kita mencapai sasaran mewujudkan 200,000 peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun seperti yang dijanjikan, selain projek-projek yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga dengan hasrat membangunkan Koridor Johor Utara yang dibuat berdasarkan keunikan dan keistimewaan, sesuatu kawasan yang menyokong pembangunan lestari di sebuah daerah atau wilayah di Johor ini. Ini sebahagian contoh perancangan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam tempoh 5 tahun pentadbiran. Oleh yang demikian, sebagai maklum balas kepada Yang Berhormat Panti dan juga Yang Berhormat Rengit, tidak perlulah gusar kerana saya seorang yang menepati janji dan bertanggungjawab. (Dewan bertepuk). Projek-projek yang dinyatakan merupakan projek berimpak tinggi, yang mampu menawarkan pekerjaan berkualiti tinggi. Kita sebagai kerajaan negeri bukan cakap kosong ataupun menyatakan sesuatu yang mustahil untuk dicapai dek akal, apatah lagi sekadar berpeluk tubuh. Namun, gerak kerja ke arah pencapaian objektif sasaran 200,000 peluang pekerjaan, insya-Allah akan kita realisasikan. (Dewan bertepuk).

Pengurusan Perbelanjaan Kewangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Jementah ada menyatakan bahawa kegusaran mengenai kedudukan kewangan kerajaan negeri yang mencatatkan surplus atau lebihan tetapi berkurangan setiap tahun. Senario ekonomi global dan perkembangan semasa banyak memainkan dalam merancang pengurusan ekonomi dan pembangunan negeri. Kedudukan masa ekonomi global pasti akan memberi impak kepada rantau ini. Pada Malaysia dan pastinya juga adalah negeri Johor. Kita perlu belajar daripada krisis-krisis masa silam dan berusaha untuk mengelakkan ketidakseimbangan melampau yang boleh menyebabkan tekanan terhadap ekonomi dan kewangan. Walau kemajuan dan kemajuan besar yang telah dicapai sejak beberapa tahun yang lalu membolehkan kita mengukuhkan daya tahan meningkatkan perkembangan asas ekonomi kewangan. Masih banyak cabaran yang perlu diatasi dari masa ke semasa. Bagi menjamin prospek pertumbuhan kita perlu berwaspada serta mempunyai keupayaan dan tekat yang tinggi untuk bertindak melalui langkah-langkah awalan dalam mengatasi tanda-tanda kelemahan dan risiko dan ketidakseimbangan. Ketidaktentuan ekonomi global pada ketika ini merupakan waktu yang amat sesuai untuk mempercepatkan langkah-langkah pembaharuan cabaran utama kerajaan negeri adalah mengekalkan momentum pertumbuhan pasaran hartanah di Johor yang mana ia berkait rapat dengan hasil negeri Johor. Umumnya pasaran hartanah di negeri Johor sebagaimana kebanyakan negeri lain di Malaysia mengalami penyusutan pada tahun 2017 yang mana ianya merupakan antara sumber utama hasil bagi negeri Johor.

Berdasarkan Laporan Pasaran Hartanah tahun 2017 jumlah transaksi dan jumlah nilai pasaran hartanah negeri Johor masing-masing telah menurun 3.1 peratus dan 4.3 peratus berbanding tahun 2016 dengan subsektor kediaman kekal mendahului bahagian terbesar pada 64.1 peratus. Kerajaan negeri menerusi kajian yang sedang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri menjangkakan bahawa pasaran hartanah pada tahun-tahun akan datang kekal mencabar dan bergantung kepada langkah tindakan oleh pihak kerajaan khususnya berhubung polisi berkaitan ekonomi dan sektor hartanah.

Secara amnya, hasil kerajaan negeri boleh dikategorikan kepada Hasil Berulang dan Hasil Tidak Berulang. Hasil Berulang ialah hasil yang akan dikutip setiap tahun seperti Cukai Tanah, Cukai Air Mentah, *Road Charge* dan Faedah daripada Simpanan Tetap. Manakala Hasil Tidak Berulang adalah hasil yang hanya dikutip berdasarkan projek-projek pembangunan dan permohonan-permohonan yang diterima seperti bayaran Premium Tanah, bayaran proses kepada Pejabat Tanah, lesen - lesen dan pulangan daripada agensi-agensi.

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan kerajaan negeri Johor adalah baik. Walaupun *surplus* mengalami penurunan dari tahun 2013 sehingga 2017, ia tidak menjejaskan lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan yang terus mencatatkan peningkatan. Antara fokus utama yang mempengaruhi perubahan surplus dari tahun 2013 sehingga 2017 adalah disebabkan Projek-projek pembangunan terutamanya Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor yang telah memasuki fasa seterusnya, di mana bayaran Premium Geran telah dijelaskan pada tahun-tahun sebelumnya yang secara tidak langsung bayaran premium yang besar tidak lagi diperolehi. Trend penurunan surplus tidak sepatutnya dilihat sebagai sesuatu yang negatif. Pengurusan kewangan awam tidak sama seperti sebuah syarikat yang berasaskan keuntungan yang perlu meningkatkan keuntungan dari masa ke semasa. Kewangan awam perlu menjurus kepada pengagihan efektif di mana hasil yang dikutip perlu dilaburkan dengan digunakan semula ke arah perbelanjaan yg produktif dan menjana ekonomi negeri Johor.

Sebab itu terdapat negara-negara yang mensyaratkan secara perlembagaannya bahawa penyata kewangannya perlu dalam keadaan berimbang sahaja dan tidak mempunyai *surplus.* Namun pendekatan ini dikhuatiri akan menjadikan sesebuah negeri itu tidak bersedia dengan rizab yang kukuh. Oleh itu, negeri Johor mengambil pendekatan melaksanakan pengagihan perbelanjaan yang optimum dengan mengecilkan *surplus* apabila matlamat rizab yang kukuh telah dicapai. Bagi mengukuhkan kestabilan fiskal dengan memastikan kemapanan kewangan jangka panjang negeri Johor. Perbendaharaan Negeri Johor telah menyeru kepada semua Jabatan / Agensi Kerajaan termasuk Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri untuk melaksanakan perbelanjaan berhemah. Iaitu dengan memotong perbelanjaan yang tidak mempunyai keutamaan seperti pakaian korporat jabatan-jabatan dan program-program dan juga mengelakkan dari pembaziran dalam mengadakan majlis jamuan secara besar-besaran.

Selain itu, kerajaan negeri akan terus berusaha menjadikan Johor sebagai destinasi utama pelaburan langsung asing dan domestik dalam Malaysia. Ini juga antara langkah yang utama bagi mengekalkan kemapanan hasil negeri dengan adanya projek-projek baru dan berkualiti.

Hala Tuju Dan Pelan Pembangunan. Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menghapuskan keraguan Yang Berhormat Benut ini, kadang-kadang kesian juga tentang hala tuju pelan pembangunan negeri. Saya rasa amat terkilan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh beliau.

Pertamanya saya rasa dengan hujah YB Benut yang meminta agar segala program yang baik untuk rakyat untuk diteruskan adalah sangat dangkal dan tidak faham bahasa. Kerajaan baharu ini bukanlah kerajaan yang naïf. Kita semua ini mempunyai pengalaman yang hebat-hebat (dewan bertepuk). Mungkin YB Benut kuat tidur tak sengaja buat tidak mahu tahu sahaja sudah berulang kali menegaskan mana-mana inisiatif yang baik akan diteruskan malah akan ditambah baik berdasarkan keperluan semasa. Antaranya, pemberian insentif kepada anak Johor yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat IPT diberikan RM750.00. Insentif ini tetap diteruskan malah diperluas kepada IPTS dan nilainya dinaikkan kepada RM 1,000.00. pulak.

Meneruskan program bas percuma dengan menambah lagi laluan bas antaranya di Muar dan Pagoh yang mempunyai keperluan mendesak agar sistem pengangkutan ditambah baik

memandangkan pembangunan pesat di daerah tersebut begitu juga di tempat-tempat lain dalam proses pelaksanaan. Saya juga tidak faham mengapa kerajaan terdahulu tidak memikirkan mengenai laluan ini kerana populasi di kawasan tersebut diketahui akan bertambah dengan kewujudan Hab Universiti Pagoh.

Pengukuhan pembangunan berdasarkan keunikan daerah atau wilayah seperti Muar sebagai hab perabot dengan melibatkan keseluruhan koridor utara Johor. Meneruskan dasar-dasar sebelum ini di kawasan *Malay Belt* dengan izin terutamanya di kawasan perindustrian Larkin untuk dijadikan kawasan rizab Melayu. Saya ambil maklum kebimbangan YB Benut dalam memperjuangkan hak-hak rakyat tetapi saya kira ini kenyataan yang menyedihkan. Seolah-olah mengajar kami mentadbir urus kerajaan negeri sedangkan selama ini kita menjadi pembangkang kami juga tidak henti-henti memperjuangkan isu rakyat. Mana ada kerajaan yang hendak melihat kegagalan sesuatu pelan pembangunan yang dirancang demi kepentingan politik. Lainlah kerajaan terdahulu yang mengamalkan prinsip 4P, Pembohong, Penyamun yang dua lagi fikir-fikirlah.

Tindakan Yang Berhormat Benut ini saya anggap seperti mengajar ketam, mengajar anak ketam berjalan betul. Saya sendiri lebih senior daripada YB Benut. Tetapi saya tidak nafikan kerajaan terdahulu ini walaupun dilabel dengan Janji Dicapati ada juga melaksanakan perkara yang baik. Ini sudah berulang kali saya sebut, mana-mana program yang baik untuk rakyat akan kita teruskan malah ditambah baikkan.

Tetapi cabaran utama dalam kita melaksanakan pelan pembangunan yang telah saya bentangkan semalam adalah integriti. Selepas 60 tahun mentadbir kerajaan terdahulu telah meninggalkan kita dengan banyak masalah yang perlu kita uruskan. Ini antara yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan program-program pembangunan yang dirancang.

Projek RTS dan HSR. Selain itu Yang Berhormat Benut turut meminta penjelasan mengenai projek-projek yang melibatkan kerjasama kerajaan negeri dengan kerajaan Persekutuan yang mana Benut menyatakan meminta agar kerajaan Negeri bertegas dan hanya menuruti sahaja keputusan kerajaan pusat. Projek yang disebutkan adalah projek Rapid Transit System (RTS) antara Bukit Chagar, Johor Bahru ke Woodlands, Singapura dan juga projek High Speed Rail (HSR). Saya sangkal perkara ini. Projek RTS tidak dihentikan dan secara prinsipnya akan diteruskan. Kertas memorandum berkaitan projek ini akan dibentangkan di Parlimen dalam jangka masa terdekat.

Tetapi daripada segi prinsipnya kabinet telah meluluskan projek tersebut. Projek tersebut menelan belanja kira-kira RM4 bilion namun kajian sedang terperinci sedang dilakukan bagi mengenal pasti jumlah sebenar memandangkan kerajaan negeri perlu menebus tanah dan membayar pampasan untuk projek berkenaan. Kerajaan negeri mempunyai alasan kukuh untuk meneruskan projek ini kerana ia memberi manfaat kepada rakyat. Di samping itu juga projek RTS merupakan salah satu penyelesaian kepada kesesakan di Tambak Johor.

Mengenai projek HSR, kerajaan Persekutuan tidak membatalkan projek berkenaan sebaliknya ia ditangguhkan sehingga satu tempoh bagi memberi ruang kepada kajian semula mengenai kos projek berkenaan yang dirasakan terlalu mahal sehingga mencecah RM110 bilion walaupun kos pada awalnya kerajaan terdahulu menyatakan bahawa kos projek HSR hanyalah RM55 bilion. Kerajaan pusat kini sedang dalam peringkat kajian memandangkan kos pembinaan dan unjuran peluang pekerjaan dan manfaat ekonomi yang tidak berbaloi dengan kos projek tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengulas mengenai projek HSR ini juga saya ingin memperbetulkan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Buloh Kasap yang meminta agar projek ini percepatkan untuk menarik pelabur asing datang ke Johor sekali gus membangunkan sektor ekonomi di kawasan yang terlibat. Projek HSR ini bukan semata-mata ingin menarik pelabur asing untuk tinggal di sini tetapi lebih kepada pelancong asing. Contohnya kalau projek ini diteruskan ia akan melibatkan pekerja asing semasa proses pembinaannya tetapi selepas projek selesai mereka akan pulang ke negara masing-masing.

Tetapi hasilnya nanti, jika projek ini diteruskan, akan menjadi tarikan kepada pelancong asing untuk datang ke negara ini dan juga merancakkan pertumbuhan ekonomi di jajaran terlibat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Bas Harapan Johor Dan Slogan Muafakat Johor. Sedeli, Sungai Balang dan Panti membangkitkan soal Bas Harapan Johor. Berkenaan isu rebranding nama Bas Muafakat kepada Bas Harapan. Apa yang ingin saya nyatakan, mana-mana pentadbiran kerajaan baru pasti akan membuat 'rebranding' dengan izin bagi melambangkan imej yang bersesuaian dengan pentadbiran kerajaan yang baru. Perkara yang lebih penting adalah manfaat kepada rakyat seperti baru-baru ini kerajaan negeri telah memperkenalkan laluan baru Bas percuma ini iaitu di laluan Pagoh-Muar.

Laluan ini selain daripada manfaat kepada rakyat jelata Daerah Muar, perkhidmatan laluan ini juga akan banyak meringankan kos sara hidup mahasiswa dan mahasiswi di Hab Universiti Pagoh. Perluasan ini lebih penting berbanding isu rebranding nama. Yang Berhormat Tuan Speaker, Insya-Allah sudah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri akan memastikan insentif bas percuma ini diperluaskan mengikut keperluan dan kesesuaian masa.

Saya seterusnya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Kahang, Yang Berhormat Machap dan Yang Berhormat Penawar berhubung menggunakan slogan Muafakat Johor yang tiada kaitan dengan politik. Kerajaan baru tetap menggunakan muafakat cumanya ia diubah menjadi Muafakat itu Berkat. Ini *tagline* dengan izin, kerajaan baharu Pakatan Harapan kerana setiap pemimpin itu mempunyai pendekatan ataupun identiti sendiri yang disesuaikan dengan pentadbiran semasa. Penggunaan slogan Muafakat itu Berkat juga sebagai terjemahan pentadbiran saya dan barisan ahli mesyuarat kerajaan negeri yang sentiasa bersama-sama berganding bahu. Saya rasa barisan kepimpinan yang ada kini melambangkan Team Johor yang melambangkan permuafakatan sebenar. Sentiasa bersama bekerja dalam pasukan. Bukannya seperti pemimpin dahulu yang melaungkan slogan Muafakat dan Team Johor tetapi gambarnya dia tengok langit, tengok langit sorang-sorang. (Dewan bertepuk). Saya hari ini, tengok, saya sorang, barisan EXCO saya. Amacam? OK? (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Sungai Balang dan juga Yang Berhormat Panti berkaitan pelucutan dan pelantikan Ketua Kampung. Walaupun ketika ini jawatan Ketua Kampung masih belum di isi oleh mana-mana individu lagi, kerajaan negeri telah mengeluarkan arahan untuk semua penghulu di setiap DUN bagi menggalas sementara tanggungjawab berkenaan, sekali gus melancarkan proses sokongan kerajaan negeri untuk manfaat masyarakat. Pemilihan Ketua Kampung akan selesai tidak lama lagi dan Kerajaan Johor akan umum pelantikan ketua kampung untuk 674 jawatan kosong di seluruh negeri ini menjelang awal September ini. Pemilihan Ketua Kampung kali ini mengambil sedikit masa untuk memastikan setiap individu yang dilantik benar-benar layak untuk berkhidmat kepada masyarkat.

Kerajaan negeri telah membuat temuduga secara terbuka dan lebih telus dan tidak melibatkan individu daripada Parti Politik sebagai panel temuduga. Ia hanya melibatkan Pegawai Daerah, Ketua Penolong Pegawai Daerah dan KADI Daerah. Ini membuktikan kerajaan negeri Johor yang baru ini tidak sama seperti Kerajaan yang lalu mempolitikan pemilihan Ketua Kampung. (Dewan bertepuk). Dengan melibatkan Ketua Bahagian, ADUN dalam pemilihan Ketua Kampung, Perkara seperti ini tidak akan berlaku dalam sistem pentadbiran dibawah kepimpinan saya sebagai Menteri Besar Johor. Kerajaan negeri akan pastikan individu yang layak berdasarkan merit akan dipilih sebagai Ketua Kampung bukan hanya berdasarkan politik semata-mata.

Seterusnya, Yang Berhormat Senggarang dan Larkin ada membangkitkan isu pemilikan kekal ke atas tanah kerajaan. Yang berhormat Senggarang ada memberi cadangan untuk memberi status hak milik kekal kepada tanah–tanah pajakan berstatus pertanian. Yang Berhormat Larkin juga membangkitkan isu pemilikan tanah dan kediaman di kawasan Larkin

Jaya dan Kampung Melayu Majidee yang telah dirizabkan sebagai kawasan rizab Melayu untuk dijadikan hak milik kekal.

Secara dasarnya, pemberimilikan ke atas sesuatu tanah kerajaan hendaklah tidak melebihi dari tempoh 99 tahun sebagaimana peruntukan Seksyen 76(a) Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-64 pada 23 Disember 2008 telah menetapkan bahawa pemberimilikan dalam bentuk kekal boleh dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apabila Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati akan wujudnya keadaan-keadaan khasdi sesuatu kawasan. Ianya diterjemahkan dengan jelas untuk dijadikan rujukan Pihak Berkuasa Negeri melalui Pekeliling KPTG. Bil. 1/2011 (Kaedah Perlaksanaan Dasar Pemberian Tempoh Pegangan Baru Tidak Melebihi 99 Tahun Bagi Tanah-Tanah Milik Berstatus Pajakan Negeri Dan Pajakan Mukim) iaitu :

i. Pemberimilikan tanah kerajaan untuk tempoh pegangan selama-lamanya boleh dipertimbangkan bagi tanah-tanah kerajaan bersifat "tanah saku" (*pockets land*) yang dipohon yang kemudiannya akan dicantumkan dengan tanah-tanah bersebelahan yang berpegangan selama-lamanya, yang dipunyai oleh tuan tanah yang sama.

ii. Pemberimilikan dalam bentuk kekal juga ialah untuk tanah-tanah yang asalnya adalah pegangan kekal tetapi kemudiannya diserahkan kepada kerajaan dan diberi milik semula kepada tuan punya tanah melalui proses Serah Balik Kurnia Semula (SBKS).

iii. Pemberimilikan dalam kes-kes di mana Kerajaan mengambil tanah yang berstatus kekal melalui Akta Pengambilan Balik Tanah (PBT) 1960 tetapi apabila tanah itu tidak dikehendaki oleh Kerajaan dan hendak diberimilik semula kepada tuan tanah asal, adalah difikirkan adil jika tanah itu diberimilik untuk selama-lamanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri Johor, manifesto Pakatan Harapan semasa Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu antara lain memberikan komitmen untuk memberikan status tanah pajakan 99 tahun untuk Kampung Melayu, Kampung Tradisi, Kampung Tersusun dan Kampung Baru. Mana yang dah 40 tahun, 99 tahun yang dah habis 59 tahun boleh mohon panjangkan lagi 99 tahun. Tempat-tempat yang saya sebutkan ini, seluruh negeri Johor. Itu tercatit dalam manifesto kita dan sudah kita laksanakan. Hari ini, boleh dipohon.

Dari sudut nilaian hartanah, tempoh pajakan 99 tahun ini bolehlah dikatakan dengan izin *as good as free hold*. Habis 99 tahun, tambah lagi. Habis 99 tahun, tambah lagi. Insya-Allah, kerajaan Pakatan Harapan sampai 80 tahun memerintah, insya-Allah benda ini berterusan.(Dewan bertepuk). Tambahan pula Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 telah menambah peruntukan Seksyen 90A yang membolehkan Tuan Tanah memohon sambungan tempoh pajakan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh pajakan untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Untuk maksud tersebut, Pentadbiran Tanah akan diminta bagi meneliti dan memperhalusi mana-mana permohonan mahupun cadangan untuk menukar status pajakan tanah bagi tapak perumahan dan pertanian kepada status pegangan selama-lamanya, bagi dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Di samping itu, perlu juga diteliti dari aspek premium yang akan dikenakan, kerana tiada lagi kutipan premium bagi sambung pajakan sekiranya sesuatu permohonan hak milik dengan pegangan selamanya dipersetujukan.

Saya seterusnya merujuk kepada isu yang dibangkitkan Senggarang yang juga prihatin dengan isu pencemaran bauksit di Batu Pahat. Pembangunan sumber mineral di Negeri Johor adalah tertakluk kepada Enakmen Mineral Negeri Johor 2003 yang telah pun diwartakan sebagaimana WKJ 880 bertarikh 22 April 2004 dan berkuatkuasa mulai 1 Mei 2004. Manakala bagi Peraturan-Peraturan Mineral 2012 telah diwartakan pada 14 Februari 2013, bagaimanapun WKJ Bil. 432. Proses pengeluaran Lesen Melombong bermula di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian atau PTG Johor di mana pemohon perlu menyediakan Laporan Pra Kebolehlaksanaan (Pre Feasibility Study) yang lengkap oleh Jurutera

Perunding yang bertauliah. Permohonan yang diterima oleh PTG seterusnya akan dirujuk kepada beberapa jabatan/agensi teknikal seperti Pejabat Tanah Daerah, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Plan Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum diluluskan.

Secara umumnya, aktiviti pengeluaran mineral bauksit di Negeri Johor pada masa ini adalah terkawal dan dipantau rapi oleh PTG serta jabatan, agensi Kerajaan berkaitan. Namun demikian, Yang Berhormat Senggarang sebagai jentera Kerajaan Pakatan Harapan di lapangan amat responsif dan peka terhadap apa jua kebimbangan rakyat termasuklah pengumpulan dan pengagihan bauksit di Mukim Minyak Beku, Batu Pahat. Ia berada di dalam makluman dan perhatian rapi Kerajaan Negeri Johor. Pentadbiran Tanah dengan diketuai sendiri oleh Pengarah Tanah dan Galian Johor bersama-sama Pentadbir Tanah Daerah dan jabatan serta agensi Kerajaan berkaitan yang lain telah duduk semeja dalam beberapa siri perbincangan bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan ini. Bahkan para operator juga telah dipanggil untuk diberikan peringatan tegas supaya mematuhi prosedur kelulusan termasuk syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan teknikal.

Tindakan awal yang telah dipersetujui beberapa siri perbincangan di antaranya :

i. Pihak Operator diminta segera mematuhi segala syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi teknikal.

ii. Pemantauan Agensi Penguatkuasa secara bersepadu melibatkan PTG, PTD, JAS, JMG, JPJ akan dilaksanakan secara serta merta.

iii. Aktiviti pengeluaran dan mengangkut bauksit hanya boleh dilaksanakan pada waktu siang sahaja iaitu pada pukul 7:00 pagi hingga 7:00 malam sahaja.

iv. Bagi menangani Isu pencemaran habuk dan kotoran, ekoran daripada aktiviti pengeluaran dan pemindahan bauksit dan syarikat berkaitan perlu memasang *wheel washer* di pintu keluar, memasang *perimeter drain* di sekeliling kawasan pengumpulan dan pengagihan bauksit, menyediakan *sediment containment pond*, memasang bumbung di *stokpiles* dan memastikan lori membawa bauksit ditutup dengan plastik.

Dalam masa yang sama, pihak Pentadbir Tanah diminta untuk mengambil tindakan awal di atas pelanggaran syarat tanah di atas tanah bermilik kategori pertanian yang digunakan sebagai tapak pengumpulan *stockpiles* bauksit dan juga pelanggaran syarat pajakan tanah rizab yang diberikan bagi tujuan jeti persendirian di Lot 3077A Mukim Minyak Beku, Batu Pahat.

Yang berhormat Machap dan Buluh Kasap juga telah membangkitkan isu pemilikan tanah kawasan masing–masing.

Bagi Yang Berhormat Machap, Pentadbiran Tanah Johor telah menerima permohonan tanah kerajaan oleh 231 orang di Kampung Haji Hamzah, 408 orang di Kampung Haji Paya, 245 orang di Kampung Seri Maju Jaya dan 203 orang di Kampung Bukit Nyamuk.

Bagi Yang Berhormat Buluh Kasap, Pentadbiran Tanah Johor telah menerima permohonan tanah kerajaan oleh penduduk di Jelebak, Ladang Bukit Bujang 1 dan Bukit Bujang 2.

Bagi kedua-dua kes di atas, Permohonan ini telah diproses di peringkat Pejabat Tanah Daerah dan permohonan ini akan dibawa pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2018. Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran ini telah menetapkan sasaran dalam Key Performance Index (KPI) dalam menyelesaikan permohonan-permohonan tanah berkelompok ini pada tahun 2018.

Bukit Naning dan Yong Peng membangkitkan isu pemilikan tanah di kawasan beliau. Pemberimilikan tanah bagi pemohon-pemohon yang layak adalah sebagaimana syarat dan

peruntukan yang telah ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara 1965. Kelulusan pemberimilikan ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan peruntukan Seksyen 42 dan Seksyen 79 Kanun Tanah Negara 1965. Pentadbiran Tanah Johor menegaskan tidak berlaku kesilapan dalam prosedur pemberimilikan atas tanah-tanah tersebut, memandangkan ianya telah dilaksanakan mengikut prosedur yang sewajarnya dan dibuat dengan suci hati tanpa sebarang kepentingan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 22 Kanun Tanah Negara 1965 demi kesejahteraan ke semua pihak.

Berdasarkan rekod Pejabat Tanah Daerah, tiada aduan secara rasmi diterima berkaitan pertindihan pemberimilikan hak milik sebagaimana yang dinyatakan oleh Bukit Naning dan Yong Peng. Pentadbiran Tanah Johor juga tidak menafikan terdapat kes terpencil di mana kurniaan yang terdahulu tidak mengambil kira sempadan tanaman yang telah diusahakan atau bangunan yang telah dibina sebelum kurniaan diberikan. Namun, Pentadbiran Tanah Johor sedia membantu dalam menyelesaikan perkara ini dan meminta pihak pemilik tanah yang berkenaan untuk tampil ke Pejabat Tanah Daerah dalam memudahkan tindakan penyelesaian. Bagi permohonan tanah kerajaan di Bukit Betaling, Mukim Chaah, Daerah Batu Pahat, Pihak Berkuasa Negeri telah memberikan keputusan kepada kepada pemohon.

Selain itu, Pihak Berkuasa Negeri berhak melupuskan tanah kerajaan dengan cara pemberian Lesen Pendudukan Sementara atau LPS bagi membenarkan pendudukan secara sah di bawah peruntukan Seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965. Jika tanah kerajaan tersebut telah di ceroboh dengan tanaman kekal iaitu kelapa sawit, Pihak Berkuasa Berkuasa Negeri boleh memberikan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ataupun *Tapping Right* mengutip hasil tanaman dengan kadar RM10.00 hingga RM100.00 sepokok setahun, bagi bergantung kepada jenis tanaman dan usia tanaman sebagaimana Pekeliling PTG Bilangan 1/2008.

Selain itu, Pihak Berkuasa Negeri juga telah menetapkan bayaran LPS Tambahan iaitu denda kepada pemohon kerana telah menceroboh tanah kerajaan. Bayaran LPS dan LPS Tambahan ini adalah sangat rendah berbanding hasil yang telah diperolehi.

Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih atas perhatian dan pandangan Yang Berhormat Senggarang, berhubung isu aktiviti pengeluaran bahan batuan mahupun mineral yang berlaku di tebing-tebing sungai. Sebagaimana yang umum mengetahui, pengambilan pasir dari sungai-sungai adalah satu aktiviti yang telah lama dijalankan. Pasir merupakan bahan utama dalam industri pembinaan terutamanya yang melibatkan binaan konkrit dan jalan raya. Sumber pasir yang paling banyak dan mudah didapati ialah dari dasar sungai-sungai yang terdapat di negeri ini. Demi memelihara khazanah negeri termasuk tanah dan sumber air, saya komited untuk memastikan mana-mana permohonan berkaitan aktiviti pengeluaran bahan batuan dan mineral di negeri Johor akan diteliti secara holistik sebelum sesuatu kelulusan diberikan. Ini bagi memastikan khazanah negeri itu bukan sahaja boleh menjana hasil kepada kerajaan negeri yang boleh digunakan untuk program-program pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, tetapi juga dalam masa yang sama tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar.

Merujuk kepada isu pengeluaran pasir di FELDA Tenggaroh 13, Mersing, semakan awal mendapati ianya berlaku di PTD 207 dan PTD 15206 Mukim Tenggaroh serta Lot 20473 Mukim Mersing. Ketiga-tiga tanah ini adalah kepunyaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan diberi pajakan keseluruhannya kepada FELDA Global Ventures Plantation (Malaysia) Sdn Bhd. Terdapat permohonan permit pengeluaran dan pengalihan bahan batuan (pasir) dan daripada beberapa syarikat yang diberi kebenaran oleh FELDA untuk melaksanakan kerja-kerja pengeluaran pasir. Permohonan di bawah Seksyen 71 dan 72 Kanun Tanah Negara ini telah pun memperoleh kelulusan daripada Pentadbir Tanah Mersing pada 6 Februari 2018 dan kelulusan tersebut akan berakhir pada 31 Disember. Namun demikian, sekiranya berlaku pelanggaran atas mana-mana syarat kelulusan, Pentadbir Tanah boleh mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk membatalkan kelulusan tersebut.

Yang Berhormat Panti juga membangkitkan isu perlombongan pasir secara haram dan tidak sah di sepanjang sungai. Untuk makluman, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bersetuju agar pihak Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pengorekan pasir sungai di Barrage Sungai Johor yang berhampiran dengan Kampung Panti dan Kampung Kelantan. Ia bagi memastikan kedalaman sungai tersebut berada di paras 4.0 meter. Maka, kontraktor telah dilantik dalam melaksanakan kerja-kerja penstabilan aliran sungai menerusi kaedah pengorekan pasir sungai. Pejabat Tanah Daerah Kota tinggi telah mengeluarkan permit 4C iaitu pengalihan bahan batuan iaitu pasir sungai kepada kontraktor yang berkenaan. Pemantauan sentiasa dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Johor dan Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) dalam memastikan kontraktor berkenaan mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) akan mengambil tindakan dengan mengarahkan kontraktor berkenaan membaik pulih tebing tersebut sekiranya terdapat tebing runtuh. Selain itu, semakan pentadbiran ini mendapati tiada operasi pengeluaran pasir sungai di Kampung Orang Asli Sayong Pinang. Walau bagaimanapun, Pentadbiran Tanah Johor mengalu-alukan maklumat dari masyarakat agar pemantauan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Yang Berhormat Kahang membangkitkan isu permohonan tanah sawah Kampung Sri Lukut. Kawasan sawah di kawasan Kampung Sri Lukut adalah kawasan rizab sawah sebagaimana Kahang Irrigation Area seluas 880 ekar bersamaan 356.124 hektar. Pelan warta G 1-51 bil. Warta 319 bertarikh 27.04.1950. Permohonan yang dimaksudkan sedang diproses di Pejabat Tanah Daerah Kluang dan sedang menunggu ulasan jabatan teknikal iaitu Pejabat Pertanian dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Permohonan ini akan dibawa pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dan kerajaan negeri boleh menimbangkan sama ada memberi milik, memberi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau pajakan tanah rizab di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965.

Pemantauan Glc Dan Agensi Kerajaan Dan Badan Berkanun. Seterusnya saya ingin menjawab persoalan Mengkibol dan Larkin berkaitan projek-projek yang mencurigakan di bawah kerajaan negeri terdahulu. Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan memeriksa pengurusan kewangan terutama yang melibatkan projek-projek yang mencurigakan di bawah perlaksanaan kerajaan yang terdahulu. Ini sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan kewangan kerajaan negeri tidak disalahgunakan sama sekali. Cadangan penubuhan jawatankuasa khas khusus berkaitan isu ini akan dipertimbangkan untuk memastikan tiada pertindihan tanggungjawab Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri dan Jabatan Audit Negara Negeri Johor. Sekiranya Jawatankuasa khusus ini menjadi satu keperluan, kerajaan negeri akan umumkan. Sekiranya Yang Berhormat sekalian mempunyai sebarang maklumat berkaitan projek-projek yang mencurigakan boleh laporkan terus kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri dan Jabatan Audit Negara, negeri Johor untuk diambil tindakan susulan.

Selain itu, kerajaan negeri juga bercadang untuk membuat forensik audit dengan izin terhadap projek-projek yang mencurigakan. Namun perkara ini masih lagi dipertimbangkan setelah mengambil kira kos untuk melantik perunding yang agak tinggi selain dibimbangi laporan akhir yang dibuat perunding berpihak kepada mereka yang mempunyai kepentingan.

Pulau Batu Putih. Seterusnya saya ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Benut dan Layang-Layang mengenai pendirian kerajaan Johor mengenai keputusan kerajaan pusat untuk tidak meneruskan rayuan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berkaitan keputusan pada tahun 2008 melibatkan kedaulatan Pulau Batu Putih kepada Singapura. Kerajaan negeri sentiasa konsisten dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan kedaulatan Pulau Batu Putih. Apatah lagi Pulau Batu Putih ini adalah dalam kawasan negeri Johor. Acap kali saya berjumpa dengan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bagi membincangkan isu di atas, setelah kerajaan pakatan harapan memimpin kerajaan Johor dan pusat. Ini kerana, rundingan

rayuan semula tuntutan ke atas Pulau Batu Putih di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan. Kerajaan Johor sentiasa menyokong segala keputusan kerajaan persekutuan mengenai tuntutan Pulau Batu Putih. Jadi, tak timbullah mengatakan saya ini tak tahu sejarahlah, duduk diam tak ambil tindakan. Kalau dulu pun, kerajaan negeri pun berkiblatkan kerajaan persekutuan. Kita ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya kena *refer* balik dan berbincang. Ini keluar dalam surat khabar, fitnah, mengatakan saya tak tahu sejarah. Saya tak buat sesuatu. Yang dia dulu tak buat sesuatu, saya pun tak pernah nak ganggu. Gasak engkaulah. Kerajaan pusat telah meneliti secara mendalam sekiranya mengambil keputusan untuk tidak meneruskan rayuan terhadap keputusan ICJ. Pulau Batu Putih menjadi konflik dalam isu pertindihan wilayah perairan Malaysia dan Singapura sejak dulu lagi. Keputusan ICJ pada 23 Mei 2008 memihak kepada Singapura. Walaupun isu jarak perairan antara Batu Putih dan Johor lebih hampir, namun pihak ICJ telah meneliti dari pelbagai aspek yang lain.

Kerajaan Pakatan Harapan merasakan kerajaan Barisan Nasional yang selalu bersikap cuai dan tidak mengambil kisah kepada Pulau Batu Putih pada satu ketika dahulu. Ini kerana, berdasarkan ringkasan penghakiman no. 2008/1 bagi penghakiman bertarikh 23 Mei 2008, kerajaan Johor ketika itu hanya berdiam diri ketika Singapura memasang alat komunikasi pada tahun 1977 dan tidak menghiraukan cadangan Singapura untuk membuat penambakan laut di perairan Batu Putih. Jadi, siapa yang tak peka. Siapa yang tutup mata? Jawablah. Johor juga tidak membuat apa-apa tanda pemilikan ke atas pulau berkenaan. Tindakan itu mengakibatkan peluang untuk menuntut semula pulau tersebut terlalu tipis dan menelan kos yang tinggi untuk dituntut ketika ini. Nasi sudah menjadi bubur. Kerajaan Pakatan Harapan bertekad untuk memastikan tiada lagi usaha–usaha luar untuk mencabar kedaulatan Johor. Kita akan pertahankan bermati-matian kalau ada mereka-mereka yang cuba mencabar kedaulatan negeri Johor. Namun kerajaan negeri mempunyai strategi-strategi tertentu untuk memastikan kedaulatan negeri ini sentiasa terpelihara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ketirisan Aktiviti Pembalakan. Saya ingin menjawab soalan YB Senggarang yang menyatakan banyak berlaku ketirisan dalam aktiviti pembalakan. Kekeliruan yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan kepada piawaian kerja yang standard (*standard of procedure*) seperti yang diajukan oleh Yang Berhormat mungkin berpunca daripada permasalahan individu (manusia). Perkara ini pernah diajukan oleh Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM). Dalam menangani isu ini, pihak Kerajaan Negeri bersama Jabatan berkaitan sering melaksanakan program dan aktiviti yang dapat meningkatkan integriti penjawat awam seperti ceramah dan dialog bersama pihak SPRM. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pegawai yang melanggar peraturan serta melibatkan isu integriti seperti yang bersekongkol dengan pihak kontrak dalam melalukan aktiviti yang tidak sihat, pihak Jabatan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap kakitangan yang terlibat. Malahan sekiranya didapati bersalah mereka akan diambil tindakan lanjut dan dirujuk kepada Lembaga Tata Tertib ataupun pihak Polis.

Selain daripada itu juga, Jabatan sentiasa melaksanakan sekatan jalan raya bersama-sama Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi membuat semakan terhadap jentera pengangkutan kayu balak untuk melihat jika Pas Pemindah kayu yang sah dimiliki oleh mereka bagi mengelakkan ketirisan berlaku melalui pengeluaran kayu tanpa pembayar cukai. Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, sepanjang tahun 2015 hingga 2017 jabatan telah melaksanakan tiga (3) kali pertukaran ataupun pusingan kerja bagi pegawai-pegawai hutan kumpulan sokongan gred G19 hingga G29, khas buat pegawai yang telah bertugas melebihi 5 tahun pada satu-satu tempat bagi memberikan suasana kerja yang baru. Ini juga selari dengan saranan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan SPRM yang berkehendakkan mana-mana pegawai yang berada di kawasan yang menjadi tumpuan/perhatian (hotspot) dipastikan tidak bertugas melebih tiga (3) tahun di tempat yang sama tersebut. Segala aduan yang diterima akan disiasat dan seterusnya jika didapati bersalah, maka pesalah akan dibawa ke muka pengadilan mengikut peruntukan perundangan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1984 Negeri Johor atau mana-mana perundangan dan perintah pekeliling yang masih berkuat kuasa.

Portfolio Keselamatan. Bercakap mengenai hal keselamatan ini, saya hendak mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Benut yang juga Ketua Pembangkang. Benut juga menampakkan kerisauan dengan tiadanya portfolio keselamatan di dalam kepimpinan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pakatan Harapan. Saya nak tanya, kawasan Benut ni tak selamat sangat ke? Kalau tak selamat mungkin YB Benut ni tak jaga, dengan Ahli Parlimen dia tu, yang apa ni, gst, kalau implement gst, barang tu. Saya nak tanya, adakah Benut tidak perasan barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Barisan Nasional juga tiada portfolio keselamatan? Ahli Dewan yang mulia ini usah risau dengan tiada portfolio keselamatan ini.

Untuk makluman semua, saya akan mempengerusikan Mesyuarat Keselamatan Negeri sebanyak 3 kali setahun. Malah, saya bercadang untuk menambah bilangan mesyuarat kepada 5 kali setahun. Saya juga Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri. Di dalam mesyuarat berkenaan, semua agensi keselamatan akan melaporkan status terkini terhadap keselamatan dan kemungkinan ancaman yang akan berlaku dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, saya akan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri. Di dalam mesyuarat berkenaan, setiap ketua jabatan melaporkan isu–isu jabatan termasuklah agensi keselamatan yang ada di negeri Johor. Mohon Benut berfikir sejenak dahulu sebelum mengajukan soalan lain kali.

Isu bangunan UMNO Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan kembali isu bangunan UMNO di Jalan Segget, Mukim Bandar Johor Bahru. Ahli-Ahli Yang Berhormat tahu siapa pemilik tanah, bangunan berkenaan? Pemilik bangunan berkenaan pertamanya adalah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Yang ada sekarang wallahualam lah. Nyawa dia pun tak tahu, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Baru. BARU! Tapi dia silap mata, perkataan baru yang ada, baru tu dihilangkan. Jadi tuan punya milik tanah adalah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu lama. Dah haram dah. Dah haram dah. You ambil orang yang dah mati punya harta, boleh ke mengaku harta sendiri? Ada wasiat tak? (Dewan ketawa dan bertepuk). Wasiat? Semua saya tahu harta-harta telah dibekukan oleh UMNO lama dulu. Kecuali yang jadi Wakil Rakyat ni sebahagian yang baru tak tahu sejarahnya. Tahun 1989, 1988 UMNO haram. Dah dibeku dah. Tapi mengaku dia punya. Ada ini macam punya perkara berlaku?

Pemilik bangunan berkenaan Dato' Haji Salleh bin Tahir, Allahyarham Haji Rahman Bin Mahmod dan Allahyarham Tan Sri Dato' Osman Bin Saat, bekas Menteri Besar. Penama–penama di atas juga adalah pemegang amanah kepada Perhubungan UMNO Negeri Johor. Saya tidak nafikan, mana-mana tanah boleh dipegang secara pemegang amanah kepada pemegang amanah yang dilantik mengikut klausa peruntukan dalam suatu undang-undang pertubuhan atau persatuan yang berkenaan dan didaftarkan sebagaimana yang dinyatakan bawah Seksyen 344, KTN 1965. Yang menjadi kemusykilan, semua pemegang amanah telah kembali ke Rahmatullah. Dalam keadaan sekiranya nama-nama pemegang amanah tersebut telah meninggal dunia, pihak persatuan perlu putuskan melalui mesyuarat. Itu pun kalau boleh, berlandaskan undang-undang persatuan untuk menukar nama pemegang amanah tersebut kepada pemegang amanah yang baru untuk didaftarkan. Jadi, semua orang ni semua dah meninggal dah. Dah tak ada dah. UMNO lama dah haram dah. Mengaku pulak dia punya. Nak menguruskan aset yang kecil ni pun dah masalah, bagaimana mahu menguruskan pentadbiran negeri. Itu sebab kalah dalam PRU 14. Jika kita menyorot lagi bangunan UMNO di Johor. Bangunan UMNO bahagian Batu Pahat mempunyai tunggakan cukai tanah sebanyak RM287,000.00. Dah bagi, cukai pun tak bayar. Dia nak ngap. Bangunan UMNO Bahagian Tebrau RM31,000.00.

Bagi dua kes di atas, kerajaan negeri akan menghantar Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan, Borang 8A di bawah Seksyen 130, KTN. Sebenarnya, banyak lagi kes-kes bangunan UMNO yang di kurniakan mempunyai tunggakan cukai tanah. Ada asasnya saya membangkitkan isu tapak bangunan politik. Niat kita bukan nak burukkan atau mencari salah pihak pembangkang. Sebagai pemimpin kita perlu menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat. Jangan hanya pandai berpolitik dan menghentam kerajaan hari ini.

Sedangkan sewaktu menjadi kerajaan dahulu, tanggungjawab asas sebagai warganegara iaitu untuk membayar cukai pun pihak pembangkang gagal tunaikan. Bagaimana rakyat ingin memberikan kepercayaan lagi kepada pihak UMNO untuk mentadbir negeri ini?.

Menyimpul bicara, saya memohon maaf atas sebarang kesilapan. Mana-mana soalan ataupun cadangan Yang Berhormat sekalian tidak sempat saya sebut atau jawab, jangan rasa terkilan, kerana Kerajaan Negeri pasti akan menelitinya kembali. Kita ada sekurang-kurangnya empat tahun lagi. Isu-isu yang dibangkitkan dan di bahas di Dewan yang mulia ini bukanlah bertujuan untuk menjatuhkan mana-mana pihak. Sebaliknya, perbezaan pendapat ini akhirnya nanti akan membawa kepada manfaat kepada rakyat negeri ini.

Saya akhiri penggulungan saya dengan dua rangkap pantun untuk kita renungi bersama sebagai bangsa Johor.

Kata Tua kata bermanfaat, banyak manfaat dapat di rasa, hina Bangsa tiada Muafakat, Tiada muafakat umat binasa. Kata tua kata bertuah, tuah melekat seisi alam, hina bangsa kerana lemah, lemah akibat tidak sefaham. Wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih dan selamat tengah hari.

YB Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut: “Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini, mengambil ketetapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas.”

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN NEGERI JOHOR

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor untuk menubuhkan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor dengan keanggotaannya sebagaimana berikut:-

Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Tuan Suhaizan bin Kaiat sebagai Pengerusi,
Yang Berhormat Tuan Ee Chin Li,
Yang Berhormat Tuan Cheo Yee How,
Yang Berhormat Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni,
Yang Berhormat Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd Nor,
Yang Berhormat Tuan Tosrin bin Jarvanthi,
Yang Berhormat Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan,
Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil,
Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

Jawatankuasa ini adalah berkewajipan memeriksa dan mengesyorkan pindaan-pindaan kepada Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor kepada Dewan Negeri. Dan cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli. Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN NEGERI JOHOR

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor untuk menubuhkan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri dengan keanggotaannya sebagaimana berikut:-

Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Tuan Suhaizan bin Kaiat sebagai Pengerusi,
Yang Berhormat Puan Chew Peck Choo,
Yang Berhormat Tuan Ng Yak Howe,
Yang Berhormat Tuan Mohd Solihan bin Badri,
Yang Berhormat Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman,
Yang Berhormat Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam,
Yang Berhormat Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar,
Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy,
Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Johor.

Jawatankuasa ini adalah berperanan menimbangkan apa-apa perkara yang menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Dewan Negeri yang diserah oleh Dewan Negeri kepadanya. Dan setelah itu, mengeluarkan penyata mengenainya kepada Dewan Negeri. Cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan juga 3 orang Ahli.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 110(2), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor untuk menubuhkan Jawatankuasa Kira-Kira Raya dengan dianggotai oleh seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang ahli sebagaimana berikut:-

Yang Berhormat Tuan Tan Chen Choon sebagai Pengerusi,
Yang Berhormat Tuan Mohd Izhar bin Ahmad,
Yang Berhormat Tuan Dr. Chong Fat Full,
Yang Berhormat Tuan Muhammad Said bin Jonit,
Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain,
Yang Berhormat Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan,
Yang Berhormat Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memeriksa kira-kira yang menunjukkan peruntukan wang yang dikurniakan oleh Dewan Negeri bagi membayar perbelanjaan awam. Memeriksa kira-kira yang dibentangkan dalam Dewan Negeri mengikut bagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa ini. Memeriksa Penyata Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Dewan Negeri mengikut kehendak Jumlahkata (2) bagi Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan. Meneliti apa jua kira-kira yang mungkin dirujukkan oleh Dewan Negeri

kepadanya. Jawatankuasa ini juga dari semasa ke semasa akan mengeluarkan penyata atau laporan hal pemeriksaan yang dilakukan bagi dibentangkan dalam Dewan Negeri. Cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN TAHUN 2018.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2018 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang Pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain juga dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2018. Tambahan Peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM14,243,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah empat (4) Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor - RM8,990,000.00.

2. Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian - RM450,000.00.

3. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Johor RM3,263,000.00.

4. Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor RM1,540,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL

Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM8,990,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan hendaklah jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, di Bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan diperuntukkan sebanyak RM325,000.00. Sebanyak RM151,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada kakitangan kontrak jabatan manakala selebihnya sebanyak RM174,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan tetap dan kontrak jabatan.

Di Bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan diperuntukkan sebanyak RM4,860,000.00 bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti jabatan.

Di Bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Dewan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM489,000.00 bagi menampung perbelanjaan faedah-faedah kewangan yang lain kepada Speaker dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang baru dilantik.

Di Bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pemberian Dalam Negeri diperuntukkan sebanyak RM3,316,000.00 bagi menampung perbelanjaan mengurus Perbadanan Taman Negara Johor akibat pemberhentian penerimaan hasil di Taman Laut Iskandar dan juga menampung perbelanjaan emolumen Perbadanan Johor Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM450,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian : Di Bawah Maksud Bekalan B.10 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM450,000.00 bagi menampung perbelanjaan harta modal-harta modal jabatan kerana perpindahan pejabat Jabatan Veterinar Negeri Johor dari Kota Iskandar ke Kompleks

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor di Jalan Padi Bahagia, Bandar Baru UDA, Johor Bahru.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM3,263,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Pendidikan : Di Bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam Johor diperuntukkan sebanyak RM3,263,000.00 di bawah Bahagian Pendidikan Islam. Sebanyak RM1,235,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti jabatan manakala selebihnya sebanyak RM2,028,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan dan bayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri yang dipanjangkan kepada Guru-guru KAFA.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM1,540,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di Bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,540,000.00 bagi menampung perbelanjaan pemberian dalam negeri jabatan kerana peningkatan penerima Bantuan Am, bayaran Bantuan Khas Kewangan dan bayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri yang dipanjangkan kepada Penyelia dan Petugas PDK seluruh negeri Johor .

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi : Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2018 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2018.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Alhamdulillah kita telah selesai rundingan pada hari ini. Insya-Allah kita akan berjumpa di lain masa. Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, dijemput semua Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang hadir untuk jamuan tengah hari di Dewan Bankuet sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Hajah Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Encik Hasnul Atmam bin Othman
Puan Farrah Diana binti Mohammad

Koordinator
Puan Asiah binti Moklis

Ketua Unit Dewan
Puan Norliza binti Md. Aris

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)
Puan Hajah Zalinah binti Ali
Puan Hajah Saniah binti Kassim
Puan Hajah Azlin binti Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Hajah Rumiah binti Semirono
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Zahiti binti Mohd. Hamdi
Puan Suriati binti Abdul Hajar
Puan Norhafizah binti Osman
Puan Hajah Fareza binti Musa
Puan Norazilawati binti Masri
Cik Nur Adeliah binti Abidi
Puan Raihanah binti Ismail

Pembantu Operasi (Bentara)
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah
Encik Muhammad Khairul bin Arop

Rakaman
Encik Abdul Rahman bin Elias
Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md. Sidi

Juruaudio Video
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

Juruteknik
Encik Mohd Faizal bin Jaffar

UNIT DEWAN NEGERI
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR

~Pembukaan Rasmi DNJ 2018~